PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI PERTAMA	**KHAMIS, 04 MEI 2017**	**BIL. 14 TAHUN 13**

HADIR

YB Speaker,
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., SMIJ., DSPN., PIS.
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Haji Md. Jais bin Haji Sarday, PJN., KMN., PSI.
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN., PSI.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM., PSI.
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanandhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim, PIS., PSI.
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed, PSI.
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., AMN., PPN., PSI.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba, SSAP., SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Tuan Haji Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

YB Dato' Seri Haji Saipolbahari bin Haji Suib, SSAP., DIMP., AMN., KMN., JMN.
(Bukit Naning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat, DPSM. KMN.
(Kempas)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Azmi bin Rohani, DMIJ., SMJ., PIS

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Mohd Nasir bin Abdul Salam, SMJ., PIS., PSI.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Datuk Haji Abd. Latif bin Bandi, DPSM., DSM., PSI.
(Endau)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR MEMANGGIL DEWAN NEGERI UNTUK BERMESYUARAT.

Pemasyhuran oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim.

Dengan ini memanggil Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 4 Mei 2017 jam 9:30 pagi sebagai tarikh dan waktu bagi memulakan Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas.

Jurutulis : TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

YB Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi membolehkan kita semua menyambut keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia Tuanku, di hadapan Tangga Agung bangunan ini, maka saya tangguhkan Persidangan ini sehingga jam 10:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 9:35 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 10:30 pagi.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Sukacita saya maklumkan bahawa Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor, wakil rasmi Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor akan berangkat masuk sebentar lagi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor, wakil rasmi Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor berkenan untuk bertitah kepada Dewan ini.

DYAM Tunku Mahkota Johor : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Dengan nama Allah, yang maha pemurah lagi maha mengasihani. Segala puji bagi Allah, tuhan pentadbir seluruh alam. Selawat dan salam, kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad, semulia-mulia Rasul, serta keluarga, dan para sahabatnya sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat saya hadir mewakili ayahanda saya bagi merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Kelima Bagi Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas pada pagi yang berbahagia ini.

Dan, berikut adalah titah ucapan ayahanda saya. Pertama, tahniah saya ucapkan kepada pentadbiran kerajaan negeri, di bawah kepimpinan Dato' Mohamed Khaled Nordin, Menteri Besar Johor, yang berjaya mengekalkan prestasi yang cemerlang, dalam pembangunan ekonomi negeri Johor. Pada tahun lepas, negeri Johor telah mendapat nilai pelaburan dalam bidang pembuatan yang

paling tinggi di Malaysia iaitu berjumlah RM26.41 bilion. Ini merupakan rekod untuk tahun yang keempat berturut-turut.

Kejayaan yang diperolehi menunjukkan negeri Johor ada daya tarikan yang meyakinkan pelabur dari dalam dan luar negara. Saya percaya satu hari nanti, sasaran negeri Johor untuk menjadi kuasa ekonomi baru di rantau ini akan dapat dicapai. Suka saya nasihatkan kepada kerajaan supaya jangan memilih pelabur yang hendak datang ke negeri Johor. Tidak kira dari negara mana pun semuanya mesti kita layan dengan sebaik-baiknya. Namun begitu, kerajaan perlu pastikan industri yang hendak dibuat tidak berbahaya kepada orang ramai dan alam sekitar atau *eco-friendly*.

Industri yang melibatkan bahan kimia yang beracun atau mudah meletup, hendaklah diteliti dengan betul dan jika hendak diterima, pastikan ianya diletakkan di kawasan yang jauh dari kawasan perumahan. Satu contoh kesilapan yang telah dibuat adalah pembinaan kilang Titan, di Pasir Gudang. Pada asalnya, negara Singapura telah menolak cadangan pembinaan kilang ini di sana, tetapi kerajaan Johor pada ketika itu telah menerima pembinaan kilang tersebut di Pasir Gudang. Kesannya sekarang rakyat Johor di Pasir Gudang terpaksa menanggung risiko bahayanya.

Saudara saudari sekalian, untuk menarik lebih banyak pelabur kerajaan juga haruslah terlebih dahulu menyediakan infrastruktur yang secukupnya, seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik. Lihatlah bandar Dubai sebagai contoh. Jika 25 tahun dahulu, Dubai hanya sebuah perkampungan nelayan yang dikelilingi oleh padang pasir, tetapi hari ini, Dubai sudah menjadi sebuah bandar raya yang amat maju dan terkenal. Sekiranya Dubai boleh berjaya, tidak mustahil bandar Mersing juga boleh menjadi sebuah bandar yang pesat membangun jika mempunyai infrastruktur yang lengkap dan sempurna.

Cadangan pembinaan lapangan terbang di Mersing perlu dibuat secara berperingkat untuk menarik lebih banyak pelancong untuk pergi ke pulau-pulau di Mersing yang cantik dan bersih.

Selain daripada infrastruktur fizikal yang lengkap kerajaan juga mestilah mempunyai dasar pembangunan yang konsisten. Dasar yang konsisten akan memberikan keyakinan kepada pelabur untuk jangka masa panjang. Manakala dasar yang tidak konsisten pula akan hanya menakutkan pelabur dan merugikan kerajaan. Sekiranya berlaku keadaan ekonomi yang kurang baik, kerajaan boleh memberikan insentif atau kelonggaran tanpa mengubah dasar sedia ada. Dengan cara ini semua pihak akan merasa selesa dalam membuat perancangan dan mempunyai keyakinan yang tinggi untuk melabur di negeri ini.

Dalam membuat sesuatu dasar pula, kerajaan hendaklah berbincang dan mendengar pendapat daripada semua pihak yang terlibat. Jika dasar melibatkan pembangunan hartanah, dengarlah pendapat daripada pihak pemaju, agen hartanah dan juga pihak bank yang memberikan pinjaman. Kerajaan juga diingatkan supaya berhati-hati apabila membuat keputusan dan tidak terpengaruh dengan kata-kata atau desakan orang luar yang tidak tahu tentang sejarah dan cara pentadbiran negeri Johor. Pepatah Melayu ada menyebut "dengar cakap enggang, makan buah beluluk; dengar cakap orang, terjun masuk lubuk".

Sebagai contoh, cadangan Enakmen Lembaga Perumahan Dan Hartanah Johor pada tahun 2014 yang telah disediakan oleh Penasihat Undang-Undang dan

disembahkan kepada saya telah dipinda apabila ada orang luar yang mempertikaikan kuasa Raja dalam enakmen tersebut. Malah ada juga pihak media yang cetek akal turut mempersoalkan, wajarkah kuasa Raja di berikan dalam enakmen tersebut? Bagi saya surat khabar seperti ini sudah tiada nilai dan hanya layak di jadikan kertas pembungkus nasi lemak sahaja.

Saudara saudari sekalian, enakmen tersebut sebenarnya telah dibuat dengan betul mengikut acuan enakmen kerajaan Johor yang telah banyak diguna pakai sebelum ini seperti Enakmen Perbadanan Johor 1968. Kuasa Raja dalam enakmen negeri telah wujud sejak tahun 1895, apabila Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor dimasyhurkan. Kuasa Raja mestilah dikekalkan bagi mengimbangi kuasa politik dan untuk menjaga kepentingan rakyat dan negeri Johor.

Lihatlah apa yang berlaku baru-baru ini, apabila ada orang politik yang telah di dakwa atas tuduhan rasuah atau salah guna kuasa berkaitan isu perumahan negeri Johor. Namun suka saya ingatkan supaya kes ini tidak dibahaskan kerana ia melibatkan proses undang-undang yang sedang berjalan dan biarlah keadilan diputuskan oleh pihak mahkamah.

Kes-kes siasatan oleh SPRM terhadap Penjawat Awam Kerajaan Johor janganlah dilihat sebagai satu cara untuk melemahkan pentadbiran kerajaan Johor. Malah ia seharusnya dijadikan kekuatan yang mana soal integriti adalah sesuatu yang tidak boleh ditolak ansur. Saya berharap kerajaan negeri dan pihak SPRM akan terus menjalinkan kerjasama bagi meningkatkan integriti penjawat awam dan mengemas kini mana-mana prosedur kerajaan yang lemah dan terdedah kepada amalan rasuah.

Orang ramai juga dinasihatkan untuk sama-sama membantu kerajaan menghapuskan amalan rasuah janganlah mencari jalan pintas dengan mengamalkan "bayaran tol" atau apa juga bentuk suapan. Saya percaya, majoriti penjawat awam di negeri Johor mengamalkan sikap integriti yang tinggi. Namun begitu, hanya kerana segelintir individu yang tidak amanah, nama baik perkhidmatan telah tercalar. Ibarat kata pepatah "kerana seekor kerbau membawa lumpur, habis semua terpalit".

Saudara saudari sekalian, saya ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan Johor yang terus berjaya mengekalkan prestasi pengurusan kewangan yang cemerlang pada tahun 2016 iaitu merekodkan lebihan hasil atau *surplus* buat tahun yang keenam berturut-turut.

Pada tahun lalu, kerajaan berjaya mengutip hasil berjumlah RM1.66 bilion dan mengawal perbelanjaan dengan baik sehingga mempunyai lebihan hasil sebanyak RM119 juta. Namun begitu, kita tidak boleh lalai dengan lebihan hasil yang kita ada atau bersikap boros dan berbelanja sesuka hati. Segala aktiviti lawatan ke luar negara yang tidak mendatangkan faedah kepada kerajaan mestilah dihadkan.

Kerajaan juga harus mencari jalan untuk menambah pendapatan melalui sumber hasil
baru yang lebih konsisten. Sebagai contoh, apabila kerajaan mengurniakan tanah pertanian, premium tanah yang dikenakan hanya sebanyak RM400.00 sehektar dengan cukai tanahnya sebanyak RM35.00 setahun. Tetapi apabila kerajaan hendak mengambil semula tanah tersebut kerajaan terpaksa membayar mengikut harga pasaran semasa.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya kerajaan hanya memberikan hak penggunaan secara sewaan tahunan atau pajakan tahunan, yang akan memberikan hasil yang lebih baik. Tambahan pula, tanah tersebut masih kekal milik kerajaan dan boleh digunakan untuk pembangunan pada masa akan datang tanpa perlu menanggung kos PBT yang tinggi.

Sejak dari dahulu lagi, kerajaan sering di desak supaya mengurniakan tanah pertanian kepada peneroka atau penceroboh sehingga akhirnya nanti, tiada lagi tanah kerajaan yang boleh diberikan. Oleh itu, suka saya menasihatkan kerajaan supaya mengkaji semula dasar permohonan tanah pertanian dengan segera.

Saya juga menggesa kerajaan supaya memberikan penekanan kepada kes-kes pelanggaran syarat tanah. Jika sesuatu kawasan pertanian sudah digunakan sebagai tapak industri atau perniagaan, kerajaan perlu memudahkan proses ubah syarat tanah supaya bayaran premium tambahan dan kadar cukai yang lebih tinggi dapat dikutip.

Kerajaan juga hendaklah segera menguatkuasakan pindaan Peraturan Tanah Johor yang mengenakan kadar bayaran dan cukai tanah yang baru. Pindaan ini sepatutnya dilaksanakan pada tahun 2015 lagi, iaitu 10 tahun dari pindaan terakhir yang telah dibuat oleh kerajaan pada tahun 2004.

Janganlah kerana hendak menghadapi pilihan raya kerajaan menangguhkan pelaksanaannya kerana apa juga keputusan pilihan raya kelak, pindaan peraturan itu akan tetap dikenakan. Ingatlah, sesuatu dasar dan undang-undang mestilah dibuat secara konsisten, bukan atas sebab politik.

Saudara saudari sekalian, sistem cukai yang dikutip oleh kerajaan bukanlah perkara yang baru kerana hasil cukai tersebut akan digunakan untuk memberikan perkhidmatan dan penyediaan kemudahan awam kepada rakyat. Saya berasa amat kecewa apabila ada rakyat mempertikaikan kutipan cukai yang dibuat dan enggan menjelaskannya. Sebagai contoh, penduduk di Kampung Air Papan Mersing tidak mahu menjelaskan cukai harta apabila kawasan mereka dimasukkan di dalam kawasan pentadbiran Majlis daerah.

Cukai yang dikenakan adalah kecil berbanding perkhidmatan yang akan diberikan, namun kerana sikap tidak bertanggung jawab mereka terus membantah. Saya telah bayarkan cukai tersebut untuk tahun ini, namun untuk tahun seterusnya mereka mestilah membayar sendiri. Pergilah ke mana-mana negara di dunia ini, semuanya ada mengamalkan sistem cukai yang tidak boleh dielakkan.

Saudara saudari sekalian, saya perhatikan, permintaan rakyat terhadap rumah mampu milik adalah amat tinggi apabila saya melancarkan Projek Rumah Idaman Bangsa Johor baru-baru ini. Oleh itu, saya menyeru kepada kerajaan supaya memikirkan jalan yang terbaik untuk memenuhi kehendak rakyat.

Saya percaya, kos pembinaan boleh dikurangkan jika projek itu dibuat sendiri atau kurangnya lapisan sub-kontraktor. Kos infrastruktur awam pula boleh dikurangkan jika agensi kerajaan yang terlibat sama-sama membantu menanggung kos pembangunan. Suka saya ingatkan supaya kerajaan tidak terlalu bermurah hati memberikan tanah-tanah kerajaan kepada individu atau syarikat terutama bagi tanah di dalam kawasan bandar. Kerajaan mestilah mempunyai kawasan yang disimpan untuk pembangunan akan datang kerana kos pembangunan akan meningkat apabila kerajaan terpaksa menanggung kos PBT yang tinggi.

Saudara saudari sekalian, kerajaan negeri Johor telah menubuhkan beberapa syarikat milik kerajaan untuk membantu dalam urusan pembangunan ekonomi negeri seperti Johor Corporation, Yayasan Pelajaran Johor, Perbadanan Islam dan lain-lain lagi. Suka saya ingatkan supaya semua syarikat tersebut dan anak-anak syarikatnya menjalankan urus tadbir dengan teratur dan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan.

Jangan hanya pandai meminta bayaran gaji yang tinggi tetapi tidak memberi apa-apa pulangan kepada kerajaan, malah lebih parah lagi jika terus meminta bantuan modal dan kewangan daripada kerajaan.

Saya juga tidak mahu ada syarikat yang menjalankan perniagaan di luar bidang yang ditetapkan. Oleh itu, saya mencadangkan agar diwujudkan satu unit pemantau untuk meneliti hala tuju dan prestasi semua anak syarikat kerajaan bagi mengelakkan pembaziran dan memastikan tiada penyelewengan.

Saudara saudari sekalian, sistem pendidikan sekolah agama Islam negeri Johor merupakan contoh kepada negeri - negeri lain. Namun pada hari ini, saya lihat sistem pendidikan sekolah agama ini semakin lemah dan dianggap seperti kurang penting. Masalah kekurangan guru dan kelengkapan sekolah serta keadaan kelas yang kurang selesa perlulah diberi perhatian yang sewajarnya.

Oleh itu, saya menyeru kepada Jabatan Agama Islam Johor supaya mengkaji kelemahan yang ada dan berusaha untuk meningkatkan mutu pembelajaran di sekolah agama kerana saya mahukan generasi Bangsa Johor yang akan datang adalah generasi yang sempurna dengan ilmu agama.

Untuk membentuk generasi yang berdisiplin dan berakhlak mulia, ibu bapa dan keluarga juga haruslah memikul tanggungjawab dalam menjaga dan mendidik anak-anak di rumah. Jangan salahkan orang lain sekiranya anak-anak sendiri tidak terkawal dan terjebak dalam aktiviti yang kurang sihat. Contohnya insiden kemalangan kanak-kanak berbasikal di tengah-tengah malam pada awal tahun ini. Mengapa anak-anak dibiarkan berkeliaran pada waktu 3:00 pagi dan membawa basikal yang tiada lampu di jalan besar. Bagi saya mereka hanya mencari nahas sendiri. Saya berharap perkara seperti ini tidak berulang lagi.

Saudara saudari sekalian, penggal ini merupakan penggal terakhir bagi Dewan Negeri ini, sebelum ianya dibubarkan menjelang tamat tempoh 5 tahun. Saya pasti setiap Ahli Dewan di sini, akan menggunakan baki tempoh perkhidmatan yang ada untuk terus memberikan khidmat demi kepentingan rakyat dan negeri Johor. Suka saya ingatkan berulang-ulang kali kepada semua Ahli Dewan supaya menjaga adab dan bahasa apabila berada di dalam Dewan ini. Saya tidak mahu kata-kata yang kesat dan tidak manis didengar, keluar dari mulut Ahli-Ahli Dewan.

Saya menyeru kepada Speaker Dewan supaya mengambil tindakan tegas sekiranya ada Ahli-Ahli Dewan yang bertindak melampau batas dan melanggar peraturan yang telah ditetapkan. Kalau ada yang ingin bertengkar atau bergaduh suruh mereka keluar Dewan dan pergi bergaduh di bawah pokok di luar sana.

Saya juga di maklum tentang permintaan dan desakan daripada segelintir Ahli Dewan yang mahukan Persidangan di dalam Dewan ini, disiarkan secara langsung melalui saluran digital. Namun, saya tidak bersetuju dengan cadangan tersebut

kerana saya bimbang ada pihak yang sengaja mengambil kesempatan melakukan perbuatan yang boleh menjejaskan imej Dewan Negeri saya yang mulia ini.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Dewan yang telah menaburkan bakti kepada rakyat dan negeri Johor di sepanjang tempoh menjadi Ahli Dewan Negeri Johor. Sekiranya segala pengorbanan yang dilakukan, dibuat secara jujur dan ikhlas, saya pasti rakyat akan dapat menilai sendiri prestasi dan ketokohan Wakil-Wakil Rakyat yang mereka pilih.

Saudara saudari sekalian, sesungguhnya kejayaan sesebuah negeri bukan diukur dengan pembangunan ekonomi semata-mata, malah tahap kesejahteraan dan keharmonian hidup rakyat menjadi aspek yang paling penting. Adalah menjadi harapan saya supaya kerajaan sentiasa berusaha untuk menjadikan negeri Johor sebuah negeri yang terus maju dan membangun dengan mengutamakan kesejahteraan hidup rakyat.

Marilah kita sama-sama berusaha dan berdoa, semoga negeri Johor terus kekal maju, aman dan makmur dan seluruh rakyatnya dapat menikmati kehidupan yang bahagia, bersatu padu dan bermuafakat.

Akhir kata, dengan lafaz B*ismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Penggal Kelima Bagi Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas.
Sekian, wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Jurutulis : Ampun Tunku, Timbalan Mufti Negeri Johor mohon perkenan membaca doa.

DOA.
(Timbalan Mufti Negeri Johor membaca doa).

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat dan dif-dif sekalian, Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor akan berangkat meninggalkan Majlis ini, maka saya tangguhkan Persidangan ini sehingga hari Ahad, 7 Mei 2017 jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:25 pagi.

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KEDUA	**AHAD, 07 MEI 2017**	**BIL. 14 TAHUN 13**

HADIR

YB Speaker,
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., SMIJ., DSPN., PIS.
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Haji Md. Jais bin Haji Sarday, PJN., KMN., PSI.
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN., PSI.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM., PSI.
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim, PIS., PSI.
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed, PSI.
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.

(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., AMN., PPN., PSI.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba, SSAP., SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Tuan Haji Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

YB Dato' Seri Haji Saipolbahari bin Haji Suib, SSAP., DIMP., AMN., KMN., JMN., PIS.
(Bukit Naning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat, DPSM. KMN.
(Kempas)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Azmi bin Rohani, DMIJ., SMJ., PIS

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Mohd Nasir bin Abdul Salam, SMJ., PIS., PSI.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Datuk Haji Abd. Latif bin Bandi, DPSM., DSM., PSI.
(Endau)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.

YB Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuh. (Bacaan selawat). Ahli-Ahli Yang Berhormat, alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin-Nya sempurnalah sudah Majlis Perbukaan Rasmi Penggal Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor, wakil rasmi Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim pada hari Khamis, 4 Mei 2017 yang lalu.

Ampun Tuanku, patik, Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Negeri yang bersidang pada hari ini merakamkan ucapan menjunjung setinggi-tinggi kasih atas keberangkatan Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor, wakil rasmi Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dan seterusnya berkenaan untuk bertitah merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas.

Pada hari ini juga, sempena pertabalan Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad Ke-V sebagai Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Ke-XV pada 24 April 2017, patik dan seluruh Ahli Dewan Negeri merafak sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Seri Paduka Baginda Yang DiPertua Agong. Semoga Allah memelihara dan memberkati Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini juga merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi sempena Majlis Konvokesyen Ke-29 Universiti HELP pada 23 April 2017 yang lalu. Semoga Negeri Johor akan terus membangun dan maju di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat.

Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 9 Tahun 2017.

Kertas Mesyuarat Bilangan 9 Tahun 2017 – Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

YB Speaker : Yang Berhormat Rengit, jemput.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 1.

Minta penjelasan Perancangan Strategik Kerajaan Negeri Johor menarik pelaburan luar langsung (FDI) ke Negeri Johor untuk menjadikan Johor sebagai kuasa Ekonomi

Selatan dan kuasa Ekonomi Serantau, seterusnya ke arah Negeri Johor makmur dan sejahtera.

YB Speaker : Yang Berhormat Tenang, jemput.

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 2.

Kejayaan kerajaan negeri Johor berjaya menarik Pelaburan Luar Asing (*Foreign Direct Investment*) sebanyak 40 bilion setakat ini telah meletakkan Johor sebagai kuasa ekonomi baru negara. Apakah faktor-faktor dalaman serta luaran yang mendorong kejayaan misi pelaburan ini.

YB Speaker : Jemput.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin merujuk kepada soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Rengit dan Yang Berhormat ADUN Tenang, yang kedua-duanya meminta penjelasan berhubung dengan perancangan strategik kerajaan negeri Johor dalam menarik pelaburan luar langsung (FDI) ke negeri Johor serta apakah faktor-faktor yang menyebabkan Johor berjaya menarik FDI yang besar selama ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mengikut data permohonan pelaburan asing atau *Foreign Direct Investment* (FDI) dengan izin, yang diluluskan oleh pihak MIDA bagi negeri Johor untuk 5 tahun lepas, jumlah pelaburan asing mahupun domestik telah melonjak dengan ketara. Jumlah permohonan pelaburan bagi tempoh 2012 sehingga 2016, yang berjaya ditarik oleh negeri ini ialah sebanyak RM116.1 bilion. Dari jumlah ini, sebanyak RM71.7 bilion atau 61.8% adalah dari pelabur dalam negeri. Permohonan pelaburan asing bagi tempoh tersebut ialah RM44.4 bilion atau 38.2%. Oleh yang demikian, pelabur domestik juga memainkan peranan memajukan industri di negeri ini buat masa ini.

Walaupun nisbah pelaburan asing kepada domestik adalah kecil, jumlah yang diterima oleh negeri Johor merupakan yang terbesar berbanding negeri-negeri yang lain. Pada tahun 2016, jumlah pelaburan asing bagi sektor pembuatan ialah RM11.2 bilion iaitu 40.9% dari jumlah keseluruhan untuk seluruh Malaysia. Pastinya kesemua pencapaian ini tidak datang dengan sendirinya, sebaliknya disumbangkan oleh faktor-faktor dalaman dan keluaran Johor yang dinamik. Cuma saya ingin menjelaskan bahawa dalam usaha menarik masuk FDI ke Johor, tidak ada satu faktor tunggal yang boleh menjadi penentu atau penjamin kepada kemasukan FDI. Kemasukan FDI yang besar dan konsisten ke Johor selama ini disumbangkan oleh kombinasi pelbagai faktor sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Saya senaraikan beberapa faktor penting yang selama ini membantu melonjakkan Johor sebagai destinasi pelaburan asing bukan sahaja di negara kita malah di rantau ini.

1. Sokongan padu Kerajaan Pusat. Kerajaan negeri mengakui malah amat berterima kasih kepada Kerajaan Pusat atas segala sokongan padu, fokus serta perhatian yang diberi dalam membantu menarik masuk FDI ke Johor. Terdapat banyak contoh yang menunjukkan kemasukan FDI yang besar ke Johor adalah hasil sokongan dan inisiatif bersama-sama dengan Kerajaan Persekutuan. Misalnya pelaburan mencecah RM30 bilion oleh Aramco dari

Arab Saudi ke dalam Projek RAPID di Pengerang. Selain itu, skim galakan kepada para pemodal yang diwujudkan oleh Kerajaan Persekutuan turut membantu kita menarik masuk FDI. Dalam usaha ini, Kerajaan Pusat telah memberi beberapa kelebihan kepada pemodal yang bertaraf perintis seperti pengecualian cukai untuk tempoh tertentu. Kerajaan Pusat juga melonggarkan peraturan pelaburan dengan membenarkan rakyat asing memiliki ekuiti yang lebih besar dalam sesuatu projek atau perniagaan yang memenuhi syaratnya.

2. Kemudahan infrastruktur yang lengkap di Johor. Johor adalah sebuah negeri yang strategik dan mempunyai kemudahan logistik yang lengkap. Johor memiliki 3 pelabuhan yang bertaraf antarabangsa iaitu Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pelabuhan Johor di Pasir Gudang dan juga Pelabuhan Tanjung Langsat dan juga satu pelabuhan antarabangsa di negara jiran, Singapura. Tiada satu negeri di Malaysia yang mempunyai 3 pelabuhan. Dan, perkara ini menjadi salah satu faktor penting kepada pelabur luar dalam pemilihan negeri di Malaysia untuk melabur. Negeri Johor juga mempunyai lapangan terbang antarabangsa di Senai yang merupakan lapangan terbang ke-6 tersibuk di Malaysia dan merupakan salah satu daripada hab Air Asia.

   Berhubung dengan sistem pengangkutan darat pula, kerajaan negeri terus-menerus mengambil inisiatif memperkemaskan jaringan perhubungan darat di Johor. Misalnya, dengan melancarkan Pelan Induk Pengangkutan Awam Johor pada Oktober tahun lalu. Pelan Induk ini bukan sahaja menggariskan panduan yang diperlukan di dalam merencanakan sistem pengangkutan oleh Pihak Berkuasa Tempatan di negeri ini, malah ia mengenal pasti isu dan penyelesaian kepada sistem pengangkutan awam dengan memfokuskan kepada pelan inklusif yang mengambil kira sistem logistik dan pengangkutan barang yang cekap dan lancar.

   Dengan adanya sistem logistik yang mampan seperti ini, urusan penghantaran dan pengurusan mobiliti barang dapat dilaksanakan dengan cekap dan seterusnya memberi pulangan kepada pengusaha melalui penjimatan kos kira-kira 5% daripada kadar semasa.

3. Sektor dan aktiviti ekonomi tempatan yang kukuh. Pada tahun 2015, negeri Johor telah menerima sebanyak RM31.1 bilion nilai pelaburan. Daripada jumlah tersebut, 90% disumbangkan oleh pelaburan domestik dan hanya 10% daripada bakinya disumbangkan oleh pelaburan langsung asing. Manakala bagi tahun 2016 pula, Johor mencatatkan pelaburan berjumlah RM26.4 bilion dengan pelaburan domestik menyumbang sebanyak 57.6%, manakala pelaburan langsung asing menyumbang sebanyak 42.4%. Angka ini menunjukkan bahawa Johor bukanlah sebuah negeri yang terlalu bergantung harap kepada pelaburan langsung asing. Sebaliknya Johor mempunyai kerancakan ekonomi domestik yang tersendiri. Perkara ini meninggikan keyakinan para pelabur, sekali gus menarik minat mereka untuk datang dan melabur di sini. Ini kerana, para pelabur luar lazimnya akan lebih berminat untuk pergi dan melabur ke tempat yang turut mempunyai aktiviti ekonomi tempatan yang rancak. Lebih penting, Johor mempunyai kepelbagaian sektor ekonomi yang tidak ada pada negeri-negeri lain.

   Kita adalah negeri ke-3 terbesar bagi sektor pembuatan, pertanian serta perkhidmatan. Dengan rangkaian ekosistem dan rantaian bekalan yang telah sedia ada ini, pastinya kita akan dapat menarik pelaburan asing dengan

teknologi yang baru. Kepelbagaian pelaburan dalam sektor-sektor tersebut, menyumbang kepada jumlah pelaburan yang tinggi. Selain itu, inisiatif berterusan kerajaan negeri dalam membangunkan sumber pertumbuhan ekonomi baru, telah menyumbang kepada kepelbagaian sektor bagi menarik pelaburan baru. Pembuatan petroleum dan bahan petrokimia menarik pelaburan terbesar setakat ini hasil dari inisiatif Iskandar Malaysia mempromosikan industri tersebut sebagai salah satu industri utamanya. Begitu juga dengan projek Petronas Refinery and Petrochemical Corporation di Johor. Industri gas asli yang menarik pelaburan kedua terbesar pula adalah industri baru yang terhasil daripada projek di Pengerang Integrated Complex.

Bagi sektor perkhidmatan, tarikan masuk pelaburan terbesar adalah subsektor perkhidmatan perniagaan global ataupun GBS yang kedua-duanya adalah industri baru yang diperkenalkan di Iskandar Malaysia. Selain itu, kerajaan negeri melalui Pusat Pelaburan Negeri Johor juga menghantar delegasi perdagangan bagi menarik pelaburan dari luar negara sama ada dengan cara bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri melalui agensinya iaitu MIDA. Delegasi ini bertujuan untuk menyalur serta menyampaikan maklumat kepada pelabur asing mengenai potensi pelaburan di negeri Johor sama ada seminar pelaburan, mesyuarat dan juga *business matching* dengan izin. JSIC juga memainkan peranan untuk membina jaringan hubungan melalui pejabat MIDA di luar negara.

4. Inisiatif perkembangan teknologi yang berterusan. Selain itu, komitmen berterusan kerajaan negeri dalam mengemas kini dan mengembangkan teknologi di Johor turut menjadi tarikan kepada para pelabur. Malah komitmen kita dalam menjayakan peralihan ke arah menjadi sebuah Kerajaan Digital yang akan meningkatkan kecekapan sistem penyampaian kerajaan turut menjadi tarikan kepada para pelabur.

5. Kemapanan dan daya saing bandar utama Johor. Johor mempunyai bandar yang berdaya saing, dinamik dan kondusif untuk didiami. Johor Bahru misalnya telah disenaraikan sebagai bandar ke-3 terbaik di Asia Tenggara oleh Mercer's 27 *Quality of Living Ranking Survey* selepas Singapura dan Kuala Lumpur. Malah ranking yang dikeluarkan oleh ECA International meletakkan Johor Bahru secara konsisten sebagai 30 bandar paling kondusif oleh golongan paling ekspatriat pada tahun 2013, 2015 dan 2016.

   Selain daripada itu salah satu tarikan yang menjadi faktor yang membantu kemasukan para pelabur di Johor adalah komitmen kerajaan negeri dalam beberapa perkara berhubung dengan kelestarian alam sekitar. Dalam soal ini pelabur-pelabur akan lihat sama ada sesebuah kawasan atau pun negeri atau pun bandar, merupakan negeri yang memberi perhatian kepada alam sekitar. Dan itu menjadi tarikan untuk mereka melabur di negeri atau pun kawasan tersebut.

6. Kestabilan politik Johor dan Malaysia. Perkara ini merupakan salah satu faktor tidak langsung yang menyumbang kepada kemasukan para pelabur luar ke negeri ini. Ketidaktentuan politik boleh menimbulkan kebimbangan yang besar di kalangan pelabur. Jadi, kepada semua saya seru demi meneruskan kestabilan ini maka wajarlah dikekalkan kerajaan negeri yang ada sekarang ini. (Dewan bertepuk).

Tan Sri Speaker, segala potensi dan kelebihan Johor dalam menarik dan mengekalkan FDI ini merupakan salah satu kekuatan yang mesti kita optimumkan dan manfaatkan. Atas dasar itulah kita komited serta optimis untuk lihat Johor akan menjadi sebagai kuasa ekonomi selatan.

YB Speaker : Yang Berhormat Rengit jemput.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pertamanya saya nak ucapkan tahniah di atas kejayaan negeri selama 4 tahun, berjaya menarik pelaburan asing dan juga domestik berjumlah RM116 bilion. Ini bukti bahawa kerajaan negeri mampu menguruskan negeri dengan begitu cemerlang. Dan kita nak ucapkan juga tahniah kepada Yang Amat Berhormat yang berjaya membawa pelaburan dalam tempoh-tempoh kebelakangan ini.

Cuma soalan saya, ada kaitan dengan titah Tuanku yang lepas tentang contoh pelaburan Titan yang tidak mesra alam yang menjejaskan kehidupan seharian rakyat. Jadi dalam usaha kita menggalakkan pelaburan luar dan juga domestik adakah kerajaan negeri memberi tapisan yang teliti atau ada jawatankuasa yang diujudkan kalau pelaburan yang nak datang ke Johor ni betul-betul mesra alam dan memberi faedah manfaat jangka panjang kepada seluruh penduduk di negeri Johor, itu soalan saya Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

YB Speaker : Jemput.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat daripada Rengit. Memang kerajaan negeri kita ambil perhatian dan akur akan titah ucapan yang telah disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku, khususnya dalam soal untuk kita beri perhatian kepada jenis-jenis pelaburan yang akan dibawa masuk ke negeri Johor. Sememangnya pelbagai faktor kita beri perhatian termasuklah dari segi soal kepada pelaburan yang boleh mendatangkan kesan yang tidak baik kepada penduduk dan juga kepada kawasan sekeliling khususnya yang merbahaya dan sebagainya.

Jadi dalam soal ini kita telah sampai ke satu peringkat di negeri Johor ini yang mana kita mampu untuk menentukan dan membuat pilihan selektif terhadap pelaburan di negeri kita kerana permohonan untuk masuk memanglah banyak dan itu beri kita keupayaan untuk buat pilihan. Dan kita memang akan ambil kira jika ada jenis pelaburan yang boleh mendatangkan masalah atau kemudaratan maka kita akan berhati-hati dan mungkin tidak akan dipertimbangkan.

YB Speaker : Yang Berhormat Tenang jemput.

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Jadi di sini saya mengucapkan tahniah jugalah atas pencerahan dan juga penerangan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam memastikan membawa misi pelaburan ke satu mercu yang begitu hebat sekali di negeri Johor sini. Sebagaimana titah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Johor juga dalam pembukaan Penggal Kelima Persidangan Ke – 13 baru-baru ini iaitu kerajaan perlu menerima mana-mana negara dalam dunia ini untuk membawa dan berhasrat untuk membawa misi pelaburan ke dalam negeri Johor untuk memastikan berterusan pelaburan ini. Jadi soalan tambahan saya, setakat ini berapa banyakkah negara-negara di luar yang menanam minat dan berhasrat untuk melabur ke dalam negeri Johor pada sektor-sektor pelaburan? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Tenang. Seperti yang telah saya katakan usaha kita untuk tarik pelaburan kita lakukan secara berterusan dan kita tidak memilih untuk menarik mana negara untuk datang dan melabur ke negara kita. Ini kerana kita faham betapa pentingnya pelaburan langsung asing ini untuk pembangunan negeri Johor, antaranya.

Pertama, kerana ia boleh menjadi batu loncatan atau penyumbang bagi negeri Johor mencapai kemajuan seiring dengan negeri atau pun bandar-bandar antarabangsa yang lain. Dan kita juga tahu bahawa pelaburan langsung asing ini boleh pastikan sasaran pertumbuhan di negeri Johor ini berlaku secara berterusan dan konsisten. Kalau kita ingin menjadi sebuah kuasa ekonomi baru bagi negara, pertumbuhan ekonomi negeri kita perlu berlaku secara konsisten pada setiap tahun. Dan pelaburan langsung asing adalah antara pendekatan yang boleh membantu kita. Dan ia juga menjadi sumber bagi kita menampung kekurangan modal bagi membangunkan sektor industri dan pelbagai sektor lain yang terdapat dalam negeri. Ia juga mewujudkan peluang-peluang kerja, prospek yang lebih baik dengan pendapatan yang tinggi untuk rakyat Johor, lebih-lebih lagi yang ramai keluar daripada pusat pengajian tinggi yang terdapat dalam negara kita pada hari ini.

Jadi, pokoknya pelbagai negara memang sentiasa membuat perbandingan antara semua negeri dan semua negara yang terdapat dalam rantau ini dan Johor memang merupakan antara negeri yang utama dalam pertimbangan mereka, kerana semua faktor dan keadaan yang saya telah sebutkan tadi wujud di Johor. Dan ini termasuk bila saya berjumpa dengan sebuah syarikat daripada negara China yang bercadang untuk membuka kawasan industri robotik.

Mereka telah maklumkan bahawa mereka menilai hanya 2 kawasan untuk menjadikan sebagai pusat serantau, *head quarters* serantau mereka di rantau ini sama ada Vietnam ataupun Johor. Dan apabila menjadi *Regional Headquarters* ia akan digunakan juga untuk mengeksport apa saja keluaran termasuklah ke Australia dan negara-negara yang lain. Dan akhirnya mereka memilih Johor dan buat keputusan untuk pilih Johor dan kita pada ketika ini sedang dalam rangka untuk memperincikan perkara-perkara yang akhirnya akan kita harap keputusan yang baik mereka melabur di Johor dengan komitmen sebanyak RM15 bilion.

Dia bukan sahaja melibatkan penempatan kilang industri tetapi juga tempat untuk diwujudkan pusat R&D, pembangunan dan penyelidikan, juga pusat untuk menempatkan syarikat-syarikat penjualan, *marketing* juga untuk pembangunan *talent* bagi menjayakan kawasan industri robotik ini dan sebagainya.

Dan begitu jugalah ada permintaan daripada syarikat-syarikat daripada negara Jepun juga yang ingin melabur di negeri Johor dan sebagainya. Jadi kita sentiasa menerima dan terbuka kepada mana-mana pelabur yang datang daripada mana-mana. Secara khusus saya tak dapat nyatakan satu persatu, mungkin kalau Yang Berhormat berminat dengan lebih lanjut kita akan boleh berikan senarai itu. Tapi semuanya dalam proses perundingan dan biasanya kerajaan negeri tidak akan umumkan sehinggalah kita capai ke satu peringkat yang memang akan adanya pelaburan yang komited. Sebab tak ada makna kita umum tapi akhirnya mereka tak komited. Jadi, itu keadaan yang kita lalui pada hari ini.

YB Speaker : Yang Berhormat Semarang jemput.

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tahniah di atas kejayaan kerajaan dapat menarik pelaburan yang begitu banyak dan konsisten dalam pada berbagai prasangka daripada pelbagai pihak. Yang Berhormat Tan Sri Speaker soalan saya, dalam pada urusan ini adakah, ada tak unsur-unsur sabotaj daripada mana-mana pihak untuk mengganggu pelaburan yang datang ke Johor Yang Berhormat Tan Sri Speaker?

YB Speaker : Jemput.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat Semarang. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tadi di peringkat akhir saya telah nyatakan bahawa antara faktor yang boleh ataupun yang menyumbang kepada kejayaan kita ialah faktor kestabilan dalam negeri dan juga dalam negara. Maka sudah tentulah jika tidak adanya kestabilan dalam politik ia boleh menyebabkan pihak pelabur merasakan tidak yakin untuk datang ke negeri kita. Hari ini kita dapat lihat di negeri Johor ni pelaburannya yang paling tinggi bukan sahaja daripada pelaburan domestik tetapi juga pelaburan asing.

Itu menunjukkan bahawa adanya keyakinan mereka kepada negeri dan kepada kerajaan. Ini satu fakta yang sewajarnya kita sedari, fahami, hayati dan sebagai menjawab walau pun mungkin ada pihak tak yakin dan cuba sentiasa membawa persepsi yang buruk kepada kerajaan tetapi pelabur asing nampaknya yakin kepada kerajaan negeri. (Dewan bertepuk). Atas sebab itulah kadangkala kerajaan negeri apa pun yang dibuat ada setengah-setengah pihak kita hanya boleh mentertawakan, kerana kadang-kadang kita sibuk bekerja kita pun perlu hiburan. Jadi kita anggap itu sebagai hiburan bagi kita. (Dewan bertepuk).

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat,

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Tan Sri Speaker, tolong pandang kita.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita ucapkan selamat datang kepada Ahli Majlis Daerah Pontian dan Jawatankuasa Keselamatan Kampung Kawasan Tujuh Mukim Pontian. Yang Berhormat Penggaram, jemput.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Kita memohon supaya kalau sana tanya 3 soalan, minta pandanglah ke sini 2 kali. Kita ada soalan nak bertanya, itu lebih adil walau pun tak ada dalam Peraturan Tetap.

YB Speaker : Saya tadi dah bagi 3 soalan tambahan, jadi kebetulan yang menyoal ini daripada kerajaan. Jadi Yang Berhormat bolehlah buat soalan-soalan yang boleh kita pun berikan perhatian dan keutamaan. Jadi ini 3 soalan dah kita kemukakan.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Saya rasa Menteri Besar, berani tak berdepan dengan soalan dari Pembangkang. Itulah tanggungjawab sebagai seorang ketua.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

YB Speaker : Yang Berhormat,

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Peraturan, ketika Speaker menjawab, memberi jawapan tak ada orang yang boleh ulas.

YB Speaker : Yang Berhormat, atas sayalah untuk mengatur siapa yang patut menyoal dan sebagainya, Speaker. Jadi saya jemput Yang Berhormat Penggaram.

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 3. Berapakah kos terlibat dalam projek perkhidmatan bas percuma bandar Batu Pahat, antaranya berapa kos ditanggung oleh kerajaan negeri dan berapa kos ditanggung oleh PBT?

YB Speaker : Yang Berhormat Machap jemput.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 4. Mohon penjelasan tentang sambutan rakyat Johor terhadap perkhidmatan Bas Muafakat Johor.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi, salam sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Bas Muafakat Johor adalah salah satu inisiatif kerajaan negeri Johor dalam membantu untuk meringankan kos sara hidup rakyat. Sebagaimana yang terdapat dalam

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, minta maaf. Minta suara besar sikit kerana hujan ada ganggu sikit. (Dewan ketawa).

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Tak apa, ini pun sebahagian daripada hiburan juga. Saya ulang lagi,

YB Speaker : Ikut Peraturan Yang Berhormat sila rujuk kepada Peraturan Dewan ini. Kalau seseorang Ahli sedang berucap jangan disampuk melainkan kalau terdapat kesilapan-kesilapan yang nyata. Jemput Yang Berhormat, silakan terus jawapan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Bas Muafakat Johor adalah salah satu inisiatif Kerajaan Negeri Johor dalam membantu meringankan kos sara hidup rakyat, sebagaimana yang terdapat dalam 7 fokus utama Pelan Suara Hati Johor iaitu menangani kos sara hidup dan kesejahteraan rakyat dan menyediakan kemudahan awam serta infrastruktur yang mencukupi. Ini membuktikan kerajaan negeri bersungguh-sungguh dalam menyediakan kemudahan awam untuk rakyat dan bukannya retorik semata-mata. Sasaran perkhidmatan Bas Muafakat Johor ini adalah jelas untuk semua warganegara Malaysia yang menetap di Johor manakala warga asing tidak layak untuk memohon bagi menaiki Bas Muafakat Johor walaupun mereka ini berstatus penduduk tetap.

Sejak perkhidmatan Bas Muafakat Johor memulakan operasi pada 1 April 2016 yang lalu, ia mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat umum. Sambutan rakyat Johor terhadap perkhidmatan Bas Muafakat Johor ini boleh diukur melalui penjualan Kad Muafakat Johor dan juga jumlah penggunaan orang awam melalui imbasan kad ketika mereka menaiki ataupun menggunakan perkhidmatan bas Muafakat Johor ini.

Pada tahun 2016, perkhidmatan Bas Muafakat Johor diperkenalkan dalam kawasan Iskandar Malaysia sahaja iaitu 4 Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, Majlis Perbandaran Pasir Gudang dan Majlis Perbandaran Kulai. Perkhidmatan ini melibatkan 15 laluan

kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dengan penglibatan kos yang ditanggung oleh Pihak Berkuasa Tempatan tersebut berjumlah RM11 juta bagi penggunaan 31 buah bas yang melalui 791.3 kilometer iaitu bersamaan 282 *trip* perjalanan dengan jumlah penggunaan seramai 2.43 juta orang dalam tempoh bermula 1 April 2016 sehingga 31 Mac 2017.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, atas dasar keprihatinan kerajaan negeri terhadap rakyat melalui Ucapan Bajet 2017, perkhidmatan Bas Muafakat Johor secara percuma untuk rakyat tempatan yang diperluaskan ke seluruh daerah dalam negeri Johor merangkumi daerah Muar, Batu Pahat, Segamat, Kluang, Pontian, Mersing, Tangkak dan juga Kota Tinggi dimulai 1 April 2017 dengan melibatkan 10 lagi Pihak Berkuasa Tempatan. Ia telah mencatatkan angka penggunaan sebanyak 5,633 pengguna setiap hari. Data ini diperolehi melalui bilik kawalan dan operasi Perbadanan Pengangkutan Awam Johor dan dianggarkan jumlah penggunaan Bas Muafakat Johor dengan 20 laluan di luar Wilayah Iskandar dan tambahan lagi 11 laluan lagi di dalam kawasan Iskandar dijangka akan meningkatkan penggunaan Bas Muafakat Johor ini sehingga melebihi 5 juta orang menjelang akhir tahun 2017.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan negeri melalui Perbadanan Pengangkutan Awam Johor turut memperkenalkan kad khas bagi pengguna Bas Muafakat Johor yang dikenali sebagai Kad Muafakat Johor. Bayaran RM10.00 dikenakan bagi warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun hingga 59 tahun. Bagi warga emas 60 tahun ke atas, pelajar 7 tahun hingga 17 tahun dan orang kurang upaya bayarannya adalah hanya RM5.00 sahaja. Bagi kanak-kanak yang berumur 6 tahun ke bawah, perkhidmatan ini adalah percuma.

Sehingga Februari 2017, jumlah kad yang telah dikeluarkan oleh Perbadanan Pengangkutan Awam Johor mengikut kategori adalah sepertimana berikut:- Pertama, kategori pelajar 7 tahun hingga 17 tahun berjumlah 7,837 kad, kategori dewasa 18 tahun hingga 59 tahun berjumlah 21,218 kad. Manakala, kategori warga emas berjumlah 5,807 kad dan kategori orang kurang upaya berjumlah 702 kad. Secara keseluruhannya, sebanyak 35,564 Kad Muafakat Johor telah dikeluarkan oleh Perbadanan Pengangkutan Awam Johor kepada orang ramai.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, laluan operasi Bas Muafakat Johor menghubungkan kawasan antara bandar melalui tempat-tempat seperti sekolah, hospital, pusat membeli belah, taman perumahan, tempat riadah, pejabat kerajaan, rumah-rumah ibadat dan tempat-tempat riadah dan rekreasi ke terminal ataupun hentian bas pengangkutan, sangat membantu dalam urusan seharian rakyat.

Dengan meningkatnya darjah ketersampaian sesuatu kawasan ini memberi petanda bahawa hak dan keperluan pengguna adalah terpelihara. Bagi 3 bulan yang pertama, pihak di tempat-tempat yang diperkenalkan laluan ini pihak Pengangkutan Awam Johor memberi kelonggaran kepada pengguna dengan hanya menunjukkan kad pengenalan, Mykad ataupun Mykid sewaktu menggunakan perkhidmatan Bas Muafakat Johor sehingga Jun 2017. Dan bermula daripada 1 Julai 2017, pengguna perlu menggunakan Kad Muafakat Johor ini ketika mendapatkan perkhidmatan Bas Muafakat Johor bagi memudahkan pihak Pengangkutan Awam Johor merekodkan penggunaan perkhidmatan ini. Selain daripada itu, para pengguna Bas Muafakat Johor di Wilayah Iskandar boleh mengetahui pergerakan dan membuat anggaran perjalanan Bas Muafakat Johor

ini melalui aplikasi yang disebut, *Transit For Johor* dengan izin, menggunakan telefon pintar masing-masing secara dalam talian sama ada sistem android ataupun IOS.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, kos operasi perkhidmatan Bas Muafakat Johor ini melibatkan bayaran per kilometer kepada penyedia perkhidmatan yang terpilih iaitu sebanyak RM4.00 per kilometer bagi menampung kos operasi perkhidmatan Bas Muafakat Johor di laluan luar Wilayah Iskandar Malaysia. Kos akan dibiayai oleh kerajaan Negeri Johor sebanyak 70% dan Pihak Berkuasa Tempatan 30%. Kerajaan Negeri menanggung sebanyak RM4,550,000.00 manakala Pihak Berkuasa Tempatan menampung sebanyak RM1,950,000.00. Secara keseluruhannya, kos operasi berjumlah RM6,500,000.00.

Bagi Majlis Perbandaran Batu Pahat, yang ditanya oleh Yang Berhormat Penggaram, jumlah kos 70% ditanggung kerajaan negeri ialah RM321,295.05 dan jumlah 30% kos yang ditanggung oleh Pihak Berkuasa Tempatan ialah sebanyak RM137,697.88.

YB Speaker : Yang Berhormat Penggaram, jemput.

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Terima kasih ke atas jawapan yang diberi daripada EXCO. Bas percuma sewajarnya memanfaat golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Bas Muafakat Johor di Batu Pahat tidak menghubungi hospital dan pejabat pos. Ini merupakan sesuatu kekurangan program ini. Adakah kerajaan merancangkan memperluaskan kedua-dua laluan ini meliputi lebih banyak kawasan perumahan khasnya di kediaman kos, rumah kos sederhana dan kos rendah? Kedua-dua laluan bas sekarang merupakan laluan *lope* yang berselang sekurang-kurangnya 1 jam. Ini bermakna seorang penumpang menaiki bas di lokasi A dan turun di lokasi B perlu menunggu bas seterusnya 1 jam kemudian untuk pergi ke terminal bas Batu Pahat dan menunggu seterusnya pulang ke lokasi A. Apakah rancangan kerajaan untuk menambah baik keadaan ini supaya dapat menarik lebih ramai orang untuk menggunakan kemudahan ini? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, cadangan laluan perkhidmatan Bas Muafakat Johor ini adalah ditentukan kerjasama antara Perbadanan Pengangkutan Awam Johor dan juga Pihak Berkuasa Tempatan di mana perkhidmatan itu dilaksanakan. Pada masa ini, walaupun telah dilancarkan perkhidmatan peringkat di luar kawasan Wilayah Iskandar pada April yang lepas tetapi laluan-laluan ini masih lagi boleh ditambah baik sebab itu kita perlukan setiap orang yang naik bas ini dia mesti *swipe* dia punya kad kepada mereka yang dah beli kad ataupun ditunjukkan kad pengenalan supaya apa, kita nak tengok, sejauh mana, ramai pengguna yang menggunakan laluan itu. Dari masa ke semasa pihak PBT yang berkaitan dan juga pihak Pengangkutan Awam Johor akan sentiasa lihat melalui bilik operasi kawalan PAJ ini, nak tengok laluan mana yang ada penumpang dan laluan mana yang kurang. Mungkin pada masa akan datang, laluan-laluan yang kurang tak menepati jumlah capaian itu boleh dipindahkan atau dipinda ke laluan yang lain. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat Machap, jemput.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita sedia maklum bahawa perkhidmatan Bas Muafakat Johor adalah dalam usaha

untuk membantu dari segi meringankan kos sara hidup rakyat dan juga kita diberi penerangan tadi, sambutan yang diberi oleh rakyat Johor amat menggalakkan. Persoalan saya, apakah usaha-usaha atau langkah jangka masa panjang bagi memastikan perkhidmatan ini terus beroperasi? Sebab kita sedia maklum, untuk meneruskan perkhidmatan ini tentunya memerlukan sumber kewangan yang mantap dari segi membayar gaji pekerja, pembiayaan minyak bas dan juga dari segi *maintance*. Jadi, kita khuatir sekiranya penajaan ataupun tajaan 70% oleh kerajaan negeri dan 30% daripada PBT, kita khuatir tidak mencukupi untuk membiayai agar operasi ini dapat diteruskan. Jadi, apakah langkah-langkah yang dimainkan oleh kerajaan negeri bagi memastikan perkhidmatan ini dapat diteruskan? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kalau kita tengok dari segi penggunaan Bas Muafakat ini, tahun lepas kita telah perkenalkan di pihak, di kawasan Wilayah Iskandar yang mana kos untuk 4 PBT iaitu Majlis Bandaraya Johor, MPJBT, MPPG dan Majlis Perbandaran Kulai ini sebanyak RM11 juta. Dan pada tahun ini, dalam Bajet 2017, PBT-PBT ini telah komited untuk memberikan peruntukan, menyediakan peruntukan sebanyak RM14.5 juta. Makna, di peringkat PBT, 4 PBT di Wilayah Iskandar ini, mereka dah ada *projectio*n, untuk pastikan perkhidmatan ini dapat berterusan.

Cuma, kita juga harap di peringkat kepimpinan masyarakat termasuklah juga Ahli Yang Berhormat untuk kempenlah, bantu kempen supaya bas ini mendapat sambutan yang menggalakkan. Jangan awal-awal kita terus nak katakan gagal dan sebagainya. Dan, di peringkat kawasan-kawasan PBT di luar kawasan Iskandar untuk Bajet 2017, kita telah peruntukan sebanyak RM6.5 juta iaitu seperti yang saya katakan tadi 70% daripada kerajaan negeri dan 30% daripada PBT. Dan, mungkin ada beberapa PBT yang tidak berkemampuan dari segi jumlah hasil yang mereka ada, jadi sebahagiannya akan ditanggung oleh pihak kerajaan negeri dan kita akan pastikan selagi perkhidmatan ini dapat sambutan dan juga memberikan kebaikan kepada rakyat, insya-Allah kita akan teruskan di masa-masa akan datang.

YB Speaker : Yang Berhormat Yong Peng jemput.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Yong Peng bercadang salah satu seperti yang ada projek Bas Muafakat ini diadakan, salah satu sebab ialah kurangkan kos sara hidup tetapi yang paling penting ialah kurangkan kenderaan sebab pada masa kini kenderaan makin bertambah, jadi nampaknya pada musim perayaan selalu ada kesesakan lalu lintas yang terlalu teruk di setiap kawasan. Sebenarnya ini untuk menggalakkan setiap penduduk menggunakan fasiliti ini. Tadi dari jawapan YB EXCO nampaknya masih belum ada dapat sambutan yang sangat besar dari penduduk dan nampaknya promosi juga adalah satu faktor tak ada sambutan dari penduduk tempatan. Lagi tujuan projek ini sebenarnya kurangkan kenderaan di kawasan-kawasan tersebut, maka *route* untuk Bas Muafakat ini sepatutnya termasuk semua taman-taman kediaman supaya semua penduduk tak payah bawa kereta, bawa motor dan ini juga akan mengurangkan kemalangan di jalan raya. Salah satu permintaan dari penduduk, sebenarnya di kawasan Yong Peng atau kawasan Bekok ini, banyak kawasan orang muda sudah kerja di luar pekan dan mereka rumah ada satu pembantu rumah. Kalau warga emas tu nak pergi pasar, nak pergi klinik, jadi pembantu rumah itu akan teman. Macam mana Bas Muafakat ini hanya untuk warga Malaysia? Jadi

apa ada satu skim supaya boleh *include* pembantu rumah ini supaya kena *complete* sempurnakan Bas Muafakat ini? Terima kasih.

YB Speaker : Jawab soalan itu?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Ini bukan hiburan. Mungkin Yong Peng *confused*.

YB Speaker : Tak apalah YB tak apa ...

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Mulanya dia kata tak dapat sambutan, sebenarnya saya nyatakan tadi dalam jawapan pun saya dah sebutkan, daripada April 2016 sampai 31 Mac, di 4 PBT yang ada ini pun penggunaan dah mencapai kepada 2.43 juta. Jadi macam mana Yong Peng kata tak dapat sambutan? Kecualilah di kawasan-kawasan yang di luar Iskandar ini yang kita baru perkenalkan, 2 bulan, baru bulan April, sekarang baru bulan Mei. Sebab itu apa nama tu, bagilah masa pada apa ni kerajaan ataupun yang menyediakan perkhidmatan ini untuk kita, saya katakan tadi, kita komited untuk tengok laluan-laluan yang memberi manfaat dan juga sebaliknya ya.

YB Speaker : Yang Berhormat Paloh, jemput.

YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 5.

Baru-baru ini 5 buah Kg Baru iaitu Paloh, Kukup, Yong Peng, Bekok dan Kulai telah dipilih sebagai Kg Baru pelancongan oleh Bahagian Kg Baru, Jabatan Perdana Menteri. Apakah langkah kerajaan untuk mempromosikan kampung-kampung baru ini?

YB Speaker : Jemput.

YB Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Selamat pagi, salam sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada 5 buah kampung khasnya di kawasan Yang Berhormat ADUN Kawasan Paloh kerana baru-baru ini telah dipilih sebagai Kampung Baru Pelancongan oleh Jabatan Perdana Menteri.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebagaimana kita sedia maklum bahawa industri pelancongan bukan sahaja menjadi sebuah, salah satu penyumbang terbesar ekonomi negara tetapi juga turut menyumbang terhadap pembangunan sosial ekonomi masyarakat luar bandar. Malahan dapat dilihat bahawa masyarakat luar bandar atau masyarakat desa pada hari ini semakin membangun dan lebih maju berusaha untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Justeru itu, pelbagai usaha telah dan sedang diambil oleh kerajaan negeri melalui pelbagai agensi yang berkaitan untuk membantu masyarakat luar bandar ini menikmati faedah melalui aktiviti dan pembangunan pelancongan khususnya di tempat mereka. Sebagai contoh, program *homestay* atau desa *stay* yang merupakan salah satu daripada program yang dijalankan oleh kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri untuk memajukan serta menambah pendapatan masyarakat luar bandar.

Tren industri pelancongan pada masa ini juga dilihat tidak hanya tertumpu kepada bandar-bandar besar, pulau dan pantai semata-mata. Ini adalah kerana sumber jaya alam semula jadi dan warisan budaya yang terdapat di kawasan luar bandar, juga mempunyai keunikan serta nilai yang tinggi untuk dihargai dan berpotensi

untuk menarik lebih ramai pelancong bercuti di negeri Johor. Malahan, gaya hidup atau budaya hidup di kampung juga kini menjadi salah satu tarikan pelancongan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, walau bagaimanapun, pembangunan pelancongan tidak semestinya sesuai setiap kampung atau masyarakat di kawasan berkenaan kerana secara umumnya impak pelancongan adalah bergantung kepada ciri-ciri kawasan berkaitan dan ciri-ciri masyarakat setempat khususnya di dalam kesediaan masyarakat di kawasan berkenaan untuk menerima kedatangan pelancong di tempat mereka. Oleh itu, kami amat mengalu-alukan sekiranya Yang Berhormat dapat memberikan maklumat terperinci bagi membolehkan kerajaan negeri melalui agensi berkaitan membuat lawatan dan seterusnya merancang bentuk promosi yang boleh diberikan. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat Paloh jemput.

YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Terima kasih diucapkan kepada YB Datuk EXCO atas penjelasan dan jawapan yang diberi. Jadi Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya bagaimana JKK dapat kerjasama dengan pihak Tourism Johor ataupun Tourism Malaysia dalam usaha mempromosikan kampung baru? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih YB Paloh atas soalan tambahan yang dikemukakan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan negeri melalui Tourism Johor, Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Negeri Johor dan Tourism Malaysia Negeri Johor serta agensi-agensi berkaitan sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan kampung-kampung ini di dalam membuat perancangan dan pelaksanaan. Aktiviti pelancongan di kampung berkenaan ini termasuklah usaha-usaha promosi dan sebagainya. Justeru itu, JKKK kampung berkenaan memainkan peranan yang sangat penting kerana JKKK akan menjadi penggerak utama dan pengantara di antara pihak kampung dengan Tourism Johor ataupun Tourism Malaysia dan mana-mana agensi berkaitan. Selain itu, pihak JKKK di kampung-kampung ini juga boleh memohon untuk mendaftar kampung mereka di bawah program *home stay* atau program desa *stay* dengan pihak Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Negeri Johor ataupun Tourism Johor.

Saya juga ingin menyarankan kepada JKKK kampung-kampung ini menggalakkan lebih ramai golongan belia untuk turut serta dalam JKKK dengan memberi ruang kepada mereka untuk menyumbang idea serta kreativiti mereka khususnya di dalam aktiviti promosi atas talian atau *online promotion* dengan izin, kerena tren sekarang mereka telah melalui talian untuk buat *e-booking*, ini adalah keutamaan kelebihan orang golongan-golongan belia. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat Kukup, jemput.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker kerana memberi laluan untuk soalan tambahan saya. Pertama-tamanya saya nak mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri dan juga inisiatif daripada EXCO Pelancongan iaitu YB Pulai Sebatang yang telah mengajukan 5

kampung baru ini kepada peringkat Jabatan Perdana Menteri untuk di angkat sebagai salah satu daya tarikan ataupun pusat untuk kegiatan pelancongan. Saya secara peribadi dan penduduk daripada Kukup mengucapkan terima kasih pasal Kukup termasuk dalam salah sebuah 5 kampung baru tu yang dicadangkan. Saya percaya YB-YB lain daripada Yong Peng, Bekok dan Kulai harus juga mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri dan, juga kepada EXCO yang berkenaan kerana kita tidak melihat lagi siapa yang mewakili penduduk di kawasan tersebut kerana yang menghuni ataupun rata-rata rakyatnya adalah *Team* Johor yang ingin melihatkan kejayaan dalam negeri Johor ini.

Jadi soalan tambahan saya, apakah keunikan kampung-kampung baru ini menurut kaca mata Yang Berhormat EXCO dan juga *Team* Johornya yang menyebabkan ianya berpotensi untuk kita angkat sebagai salah satu produk pelancongan di negeri Johor ini. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih Yang Berhormat Kukup atas soalan tambahan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pelancongan desa di lihat mempunyai potensi besar untuk dimajukan dan menjadi penyumbang kepada peningkatan jumlah pelancong ke negeri Johor. Ini kerana sebagaimana yang saya nyatakan sebentar tadi bahawa tren industri pelancongan pada masa ini tidak lagi hanya tertumpu kepada bandar-bandar besar, pulau, tasik dan pantai semata-mata. Tetapi sebaliknya sumber jaya alam semula jadi dan warisan budaya yang terdapat di kawasan luar bandar juga mempunyai keunikan serta nilai-nilai yang tinggi dan berpotensi menarik lebih ramai pelancong untuk datang ke negeri Johor. Malahan gaya hidup atau budaya hidup di kampung juga kini menjadi salah satu tarikan pelancongan. Para pelancong pada masa kini juga lebih tertarik untuk berkunjung ke lokasi pelancongan yang membolehkan mereka mengalami dan merasai sendiri pengalaman yang tidak akan mereka perolehi di tempat lain. Ini termasuklah perayaan dan makanan suku kaum yang unik dan tersendiri di kelima-lima kampung baru tersebut.

Sebagai contoh, saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Kukup kerana rajin juga dan sama-sama dengan Tourism Johor berpromosi Kampung Kukup sebagai satu destinasi pelancongan yang menarik. Kampung Baru Kukup merupakan sebuah kampung nelayan tradisional yang sehingga kini masih mengekalkan keunikannya dengan struktur binaan rumah sederet atas laut dan makanan laut yang segar. Selain itu, Kampung Baru Kukup berhampiran dengan Taman Negara Pulau Kukup yang merupakan pulau berhutan paya bakau yang berstatus RAMSAR yang kedua terbesar di dunia, di mana kemudahan pelancongan pelancong telah pun siap di naik taraf dengan sejumlah RM6 juta pada awal tahun yang lalu. Faktor ini menjadikan Kampung Baru Kukup sebagai kampung baru yang amat berpotensi untuk dibangunkan dan dipromosikan sebagai produk pelancongan. Kadang kala kita galakkan kita nak kampung baru tersebut itu mempunyai kelebihan dan keunikan. Ini adalah satu daya tarikan kerana kebanyakan pelancongan dia suka merasai dan pengalaman.

Justeru itu, adalah sangat penting untuk semua pihak menjaga dan memelihara keunikan serta kepelbagaian budaya, seni, adat, makanan dan gaya hidup yang terdapat di Negeri Johor sebagai khazanah dan tarikan pelancong. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat Mengkibol, jemput.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) bagi pihak YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat soalan saya, soalan nombor 6.

Nyatakan dengan terperinci rancangan dan projek yang dilaksanakan untuk memperkasakan BAKAJ demi menyepadukan pengurusan hal ehwal air di negeri Johor dengan menyatakan sasaran, prestasi dan kos yang terlibat setiap satunya.

YB Speaker : Yang Berhormat Nusajaya, jemput.

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 7.

Pembangunan yang pesat di negeri Johor memerlukan bekalan air bersih di masa akan datang. Apakah perancangan kerajaan bagi memastikan bekalan air mencukupi di masa akan datang?

YB Speaker : Yang Berhormat Jorak, jemput.

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Salleh (Jorak) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 8.

Apakah pelan alternatif sumber air bersih bagi negeri Johor yang sudah dirancang sekarang dan bakal akan dilaksanakan bagi memastikan Negeri Johor sifar putus bekalan air bersih?

YB Speaker : Yang Berhormat Buloh Kasap, jemput.

YB Puan Hajah Norshidah binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 9.

Apakah langkah kerajaan memastikan bekalan air tidak selalu terputus terutama di kawasan pesat membangun?

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terlebih dahulu saya mohon menjawab soalan Yang Berhormat Mengkibol, Yang Berhormat Nusajaya, Yang Berhormat Jorak dan Yang Berhormat Buloh Kasap, semua bersekali.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Kerajaan Johor telah pun mengarahkan BAKAJ agar diperkasakan fungsi dan peranannya. Pada masa ini BAKAJ sedang menyediakan kertas kerja bagi mendapatkan kelulusan untuk mewujudkan Lembaga atau Perbadanan Pengurusan Air Negeri Johor bagi menggantikan BAKAJ. Bagaimanapun dalam masa yang sama, BAKAJ dalam proses untuk melaksanakan pengambilan perjawatan Pengurusan dan Profesional seperti Jurutera Awam dan Mekanikal, Pegawai Sains dan beberapa jawatan kumpulan sokongan. Beberapa kertas kerja juga telah dimajukan kepada Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan seterusnya kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi kelulusan seperti kerja-kerja sistem pemantauan kualiti air di Sungai Johor, Pelan Pengurusan kawasan tadahan air Empangan

Kahang, Perkhidmatan Perundingan Pemeriksaan Keselamatan Empangan Gunung Pulai Besar, Penyediaan Pelan Kecemasan Empangan Juaseh, Segamat, Program Pemantauan Cerun, Pemasangan Peralatan Pemantauan Gegaran di Loji Rawatan Air Gunung Pulai, Perkhidmatan Membekal Imej Pemetaan Udara di Sungai Johor, di Empangan Linggiu dan Sungai Sedili Besar. Dalam masa yang sama juga, BAKAJ sedang berurusan bagi mendapatkan ruang pejabat yang sesuai bagi menempatkan kakitangan tambahan kerana ruang pejabat sekarang tidak mampu untuk menampung kakitangan tambahan tersebut.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pada masa ini juga bekalan air di negeri Johor bergantung sepenuhnya dari sumber air permukaan iaitu sungai dan empangan. Pada masa akan datang, air laut merupakan sumber air alternatif yang penting bagi negeri Johor kerana kawasan pembangunannya yang tertumpu di persisiran pantai dan sumber air permukaan yang berada jauh dari kawasan pembangunan. Kawasan berpotensi yang akan menjadi sumber air mentah utama selain daripada Sungai Johor adalah Sungai Endau. Oleh kerana kawasan pembangunan utama tertumpu di persisiran pantai seperti Iskandar Malaysia dan Pengerang, maka sebuah anak syarikat milik Kerajaan Negeri sedang berunding dengan syarikat swasta bagi melihat kemungkinan membina loji penyahgaram atau *desolanation plan* berhampiran Forest City.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, semua projek sumber air dan infrastruktur air yang telah dilaksanakan seperti Projek Empangan Kahang dan Projek Barrage Sungai Johor adalah berdasarkan kepada Kajian Sumber Air Negeri Johor 2010-2060. Berdasarkan kajian tersebut, unjuran permintaan bekalan air bersih akan bertambah dari 2,206 juta liter sehari pada tahun 2020 kepada 2,837 juta liter sehari pada tahun 2025. Bagi memastikan bekalan air yang mencukupi pada tahun-tahun yang akan datang, Kerajaan Johor bersama-sama Kerajaan Persekutuan telah merangka pelan jangka panjang seperti perlaksanaan Projek Sumber Air Sungai Johor yang boleh menghasilkan simpanan sebanyak 600 juta liter sehari. Pada masa yang sama, kerajaan negeri sedang melaksanakan pemindahan air mentah dari Empangan Seluyut ke Empangan *Upper* Layang, dengan izin, bagi membekalkan air mentah tambahan sebanyak 159 juta liter sehari ke Empangan *Upper* Layang tersebut.

Projek tersebut dikenali sebagai Projek Layang 1 dan dijangka mula beroperasi pada awal Jun 2017 ini. Bagi memastikan jaminan keselamatan air, kerajaan negeri bersama kerajaan Persekutuan akan melaksanakan Projek Layang 2 iaitu pemindahan air mentah sebanyak 159 juta liter sehari dari Sungai Ulu Sedili Besar ke Empangan *Upper* Layang. Manakala Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) akan membina loji baru berhampiran Empangan *Upper* Layang dengan kapasiti reka bentuk sebanyak 318 juta liter sehari. Projek Sumber Air Sungai Johor, Projek Layang 2 dan Projek Loji Baru masih lagi di peringkat penyediaan pelan dan dijangka dapat dilaksanakan pada tahun 2018. Kerajaan persekutuan juga bercadang untuk membina barrage di Sungai Muar bagi menghalang penerobosan air masin ke loji-loji sedia ada. Manakala Perbadanan Aset Air Berhad bercadang untuk melaksanakan projek Loji Rawatan Air di Pagoh pada awal tahun 2018. Bagi daerah Mersing, kerajaan negeri sedang melaksanakan projek pemindahan air mentah dari Sungai Lenggor ke Empangan Congok dan dijangka beroperasi pada awal Jun 2018. Manakala kerajaan persekutuan bercadang untuk menaik taraf Empangan Congok tersebut dan dijangka dimulakan pada awal tahun 2018. Bagi daerah Segamat, Perbadanan Aset Air Berhad bercadang untuk menaik taraf loji rawatan air Pemanis berserta sistem agihan dan dijangka siap pada akhir tahun 2018. Untuk daerah Kluang, kerajaan negeri bercadang untuk menyambung

saluran paip daripada Empangan Kahang ke loji rawatan air Sembrong Timur serta membina loji rawatan air Kahang yang baru. Bagaimanapun projek tersebut akan dimuktamadkan dalam masa yang terdekat.

Akhirnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di peringkat kerajaan negeri pembangunan bekalan air merupakan salah satu perancangan yang bersifat inklusif bagi menjamin dan menyediakan bekalan air yang berterusan, penyediaan infrastruktur bekalan air turut diberikan perhatian. Infrastruktur yang berkualiti tinggi merupakan pelaburan awal yang sudah tentu akan memberikan pulangan yang tinggi di masa akan datang seperti memberi keyakinan kepada pelabur ke negeri Johor. Ia merupakan potensi bagi memberikan peluang pekerjaan, *spin of economic potential*, dengan izin dan juga kualiti kehidupan yang tinggi kepada rakyat di negeri ini. Pada masa ini infrastruktur bekalan air di negeri ini adalah dapat dianggap di tahap yang sangat baik dengan bekalan air bersih yang berterusan pada kadar 99.7% penduduk di negeri ini dengan jajaran paip berjumlah lebih 21,000 kilometer. Kerajaan negeri adalah komited untuk memperbaiki lagi sistem air ini secara berterusan. Justeru, beberapa projek bekalan air seperti pembinaan loji rawatan Buloh Kasap, pembinaan loji rawatan air Pagoh, pembinaan loji rawatan air Kahang dan juga program penggantian paip lama yang keseluruhannya dianggarkan berjumlah lebih 430 juta telah di cadang dan akan dilaksanakan. Pihak kerajaan negeri juga akan memastikan loji-loji di daerah dalam negeri ini terus mempunyai ketetapan peratus margin *reserve* antara 10-15%. Kerajaan negeri tidak hanya fokus kepada membina infrastruktur, malahan juga telah mengambil inisiatif bagi perancangan dan perlaksanaan yang berbentuk *demand management*. Fokus perancangan sumber air dilihat secara umum dan lebih menumpukan usaha untuk jaminan sumber air bagi kegunaan masa hadapan. Ini termasuk soal pembangunan persekitaran yang juga memerlukan sumber dan infrastruktur bekalan air yang mencukupi bagi menampung permintaan yang dijangka semakin hari semakin meningkat. Justeru itu, projek-projek pembangunan sumber air telah dicadangkan termasuklah kajian-kajian supaya air mentah mencukupi bagi pembangunan khususnya di Iskandar Malaysia.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja soalan-soalan lisan yang dapat dijawab pada pagi ini. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan terhadap Rundingan menjunjung Kasih akan dijalankan selama 4 hari mulai hari ini, 7 Mei hingga 9 Mei dan 11 Mei. 10 Mei, kita bercuti sampai 11 Mei. Pihak kerajaan akan menggulung perbahasan pada 14 dan 15 Mei 2017.

Jurutulis : RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR

YB Speaker : Yang Berhormat Bukit Permai, jemput.

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan bahawa satu ucapan Menjunjung Kasih dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor seperti berikut :

"Ampun Tuanku, adalah patik Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Negeri yang bersidang pada hari ini, mengambil ketetapan Menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas keberangkatan Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor wakil rasmi Duli Yang

Maha Mulia Sultan Johor ke Dewan yang mulia ini dan seterusnya bertitah merasmikan pembukaan Penggal Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor yang ke-13".

Bismillahirrahmanirrahim (berselawat). Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerana memberi ruang kepada Bukit Permai untuk membawa rundingan menjunjung kasih atas Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan sempena perasmian pembukaan Penggal Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor yang ke-13 yang berlangsung pada 4 hari bulan yang lalu.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Penggal Persidangan Kelima kali ini pastinya amat bermakna pada semua Ahli-Ahli Dewan. Mungkin, belum pasti, mungkin ini merupakan Persidangan terakhir bagi Dewan Negeri yang ke-13 sebelum ia dibubarkan untuk kita bertemu dalam Dewan yang mulia ini. Bukit Permai sangat gembira dengan titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku semasa merasmikan Persidangan Dewan minggu lalu kerana di awal-awal lagi Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan telah menyatakan pujian kepada pentadbiran Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, kerana telah berjaya mengekalkan prestasi cemerlang dalam pentadbiran negeri Johor. Sesungguhnya kita sebagai bangsa Johor merasa beruntung dan bertuah kerana mempunyai seorang raja yang mengambil berat tentang masalah rakyat khususnya soal perpaduan rakyat, perkembangan ekonomi rakyat dan sentiasa memberi panduan dan tunjuk ajar kepada pihak kerajaan dalam melaksanakan pentadbiran di negeri Johor ini.

Bukit Permai mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan sembah tahniah dan terima kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang selama ini memayungi seluruh rakyat bangsa Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Bukit Permai juga ingin merakamkan sembah tahniah dan terima kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor kerana mencemar Duli berangkat sebagai wakil rasmi kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan, semasa Majlis Perasmian Dewan yang baru lalu. Sesungguhnya seluruh rakyat dan bangsa Johor amat gembira dan berbangga dengan Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor yang baru dipilih sebagai Presiden FAM yang baru. Justeru, Bukit Permai mengambil kesempatan untuk menyampaikan sembah setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor. Semoga bola sepak negara akan terus maju di bawah kepimpinan Tunku Mahkota Johor sebagai Presiden FAM.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sejarah ketamadunan dan ketatanegaraan bangsa Melayu dan seluruh Nusantara, banyak merujuk kepada sebuah kitab yang bertajuk Tajus Salatin yang ditulis pada tahun 1603M bersamaan dengan 1012H yang telah dikarang oleh Bukhari Al-Jauhari. Menurut setengah pendapat Bukhari Al Jauhari ini adalah seorang Parsi dari Bukhara, iaitu seorang ahli permata. Ada juga setengah pendapat mengatakan bahawa Bukhari Al-Jauhari ini adalah Bukhari yang berasal dari Johor. Ada juga pendapat mengatakan Bukhari Al-Jauhari ini adalah seorang ulama tasawuf dan wali Allah pada ketika itu.

Bukhari Al-Jauhari menulis bagaimana peranan raja, peranan pemimpin dan apakah peranan rakyat dalam sesebuah negeri. Kitab tersebut banyak menceritakan selok- belok dan tatacara bagi mentadbir sebuah negeri. Kitab ini bukan sahaja menjadi rujukan penting Kerajaan Kesultanan Melayu di Nusantara, malah telah diterjemah oleh Belanda dan British dan dibawa balik ke Eropah

sebagai rujukan mereka. Menurut kandungan kitab tersebut, raja ataupun sultan merupakan asas terpenting dalam susun lapis masyarakat Melayu. Baginda sultan mempunyai kedudukan yang paling tinggi dalam piramid organisasi sosial. Baginda mempunyai kuasa dan wibawa yang paling tinggi bagi memerintah seluruh negeri dan jajahan takluknya. Baginda sultan merupakan tunggak menyatupadukan rakyat dan merupakan orang yang bertanggungjawab memelihara keamanan dan memajukan negeri. Ada 5 asas yang dinyatakan di dalam kitab tersebut bagi mentadbir sebuah negeri :

1. Memelihara menjaga amanah rakyat serta menunaikan kewajipan dengan cerdas dan bijak.

2. Memahami kehendak rakyat dan faham terhadap keperluan rakyat.

3. Tajam fikiran dan luas wawasannya.

4. Mempunyai visi dan misi, prospek serta *target,* bukan hanya membangunkan infrastruktur tapi mempersiapkan generasi akan datang dengan membangunkan keintelektualan rakyat.

5. Mempunyai cahaya ataupun nur sebagai penerang yang menjadi simbol kegemilangan dan kesejahteraan rakyat serta mampu menerangi negeri dengan kasih sayang dan kecintaan.

Kesemua lima perkara yang terkandung dalam Kitab Tajus Salatin ini sebenarnya ada pada raja yang menaungi kita seluruh bangsa Johor pada hari ini. Sebab itu kalau kita perhalusi titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan, semasa merasmikan Dewan kita pada minggu lepas, sangat menitik beratkan banyak aspek kebajikan rakyat. Soal kebajikan rakyat, aspek perumahan, sudut pentadbiran kerajaan hinggalah soal kepentingan ekonomi negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di samping peranan raja, kitab Tajus Salatin juga menceritakan ciri-ciri yang perlu ada pada golongan pembesar ataupun menteri bagi sesebuah negeri. Pembesar ini merupakan golongan yang paling hampir dengan raja dan bertanggungjawab menjalankan jentera pentadbiran dan pemerintahan negeri. Dalam Kitab Tajus Salatin ada menulis tentang syarat-syarat menjadi menteri yang baik. Di antara ciri-ciri pembesar adalah seperti berikut :

1. Menjaga agama.
2. Mempunyai ilmu pengetahuan dan luas wawasan.
3. Baik rupa paras dan budi pekertinya.
4. Berani menegur anak buah yang melanggar undang-undang.
5. Menguruskan waktu dengan baik.

Manakala dalam sebuah lagi kitab yang bertajuk Tunjuk Ajar Melayu karya Tenas Affendi, Sasterawan dari Riau berkenaan dengan ciri seorang pembesar ataupun menteri. Kalau hendak tahu pemimpin sejati, tengoklah ia memimpin negeri. Memerintahnya di jalan Allah, memerintahnya dengan patuh amanah, memerintah tidak semena-mena, memerintah tidak mengada-ngada, memerintah dengan berlapang dada, memerintah dengan akal budinya, memerintah dengan bermanis muka, memerintah dengan berlembut lidah, memerintah dengan adilnya. Berkuasa tidak membinasakan. Kuat tidak mematahkan, besar tidak mengecilkan, tinggi tidak merendahkan, gaya tidak menistakan dan kesemua ciri-ciri ini ada pada pemimpin nombor satu negeri Johor iaitu Yang Amat Berhormat Dato'

Menteri Besar kita yang telah mentadbir negeri dengan cemerlang dalam semua aspek termasuk pembangunan ekonomi dan pembangunan modal insan negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selama 4 tahun pentadbiran kerajaan Johor di bawah Barisan Nasional dan yang diketuai Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita, berbagai agenda besar telah dilakukan untuk menjaga kepentingan rakyat. Beberapa langkah bijak telah diambil oleh pihak kerajaan bermula dengan Pelan Suara Hati Rakyat Johor, kemudian melancarkan Pelan Pembangunan Strategik Johor. Kemudian membawa satu gagasan baru iaitu Gagasan Johor Berkemajuan.

Pelan Suara Hati Rakyat Johor ini adalah satu kaedah *bottom up,* dengan izin, Tan Sri Speaker. Kerajaan tidak menggariskan sesuatu dasar dengan semberono, tetapi mengikut kehendak dan keperluan rakyat. Manakala Pelan Pembangunan Strategik Johor merupakan pelan pertumbuhan strategik yang adil untuk memastikan pembangunan ini berlaku secara inklusif di semua daerah dalam negeri Johor. Termasuklah pelan-pelan pertumbuhan ekonomi setiap daerah yang dirangka oleh pegawai-pegawai daerah di semua daerah dalam negeri Johor. Dan, Gagasan Johor Berkemajuan yang berlandaskan kepada 3 teras iaitu :

1. Kemakmuran *material.*
2. Kesejahteraan sosial.
3. Keperkasaan insan adalah untuk mewujudkan keseimbangan bagi pembangunan di masa hadapan.

Kesemua langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri ini, telah membuahkan hasil yang membanggakan dan ianya telah dibuktikan melalui data-data dan indeks yang sahih tanpa boleh disangkal oleh mana-mana pihak. Sebelum saya membacakan kejayaan kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya nak ingatkan kepada pembangkang yang ada masalah pendengaran ataupun pekak boleh jumpa Bentara ambil ni, supaya jelas.

YB Speaker : Bahasa pekak tu jangan sebut...

YB Tuan Haji Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Kurang, kurang dengar. Boleh minta ni dengan Bentara.

YB Speaker : Kita kena cermat dalam penggunaan bahasa.

YB Tuan Haji Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kalau kita bercakap soal nilai pelaburan, Johor menerima pelaburan paling tinggi di Malaysia. 2016 kita menerima sebanyak RM26.4 bilion iaitu 45% daripada jumlah keseluruhan, seluruh negara. Ini merupakan jumlah tertinggi bagi 4 tahun berturut-turut. Dan, kalau kita lihat jumlah terkumpul pelaburan sejak 2013, Johor telah memungut sekitar RM93 bilion. Apa yang menarik, peningkatan terhadap nisbah pelaburan asing ini pada 2015 kita terima RM3.1 bilion dan ianya meningkat kepada RM11.2 bilion pada 2016. Ini mencerminkan keyakinan pelabur terhadap kestabilan politik di Johor, urus tadbir kerajaan yang baik serta prospek ekonomi yang berdaya saing bagi negeri Johor. Manakala dalam tahun 2017 pula negeri Johor telah bermula dengan baik di mana dalam segmen pelaburan, yang telah diumumkan oleh pihak MIDA, negeri Johor akan menerima pelaburan dianggarkan RM31 bilion dari Arab Saudi iaitu Saudi Aramco yang dilaburkan dalam projek RAPID di Pengerang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mengimbau kembali peringkat awal, cerita projek RAPID Pengerang ini, saya teringat kisah yang berlaku sekitar bulan Julai 2013. Di mana saya ada gambar, saya ada gambar beberapa orang rakyat negara kita yang telah pergi ke Taiwan membawa bersama-sama pengikut mereka untuk memburuk-burukkan projek RAPID Pengerang, dengan mengadakan tunjuk perasaan di negara Taiwan. Mereka bertindak menghasut kerajaan Taiwan di bawah pimpinan Ma Ying Jeou pada ketika itu dan menghasut syarikat petrokimia milik kerajaan Taiwan, KuoKuang Petrochemical Technology Corporation kononnya projek RAPID Pengerang merosakkan alam sekitar, sehingga pihak Taiwan membatalkan pelaburan mereka di Pengerang yang dianggarkan sekitar RM35 bilion. Kita tidak boleh lupa peristiwa ini dan mereka yang telah melakukan fitnah, melakukan khianat serta menggagalkan pelaburan asing supaya datang ke negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mengikut tafsiran kamus Dewan Edisi Keempat keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka, perkataan khianat bermaksud perbuatan jahat yang bertujuan menganiaya atau mendatangkan kecelakaan pada orang lain, tipu daya, perbuatan belot, atau tidak setia kepada negara atau bangsa. Orang yang berbuat khianat itu adalah orang yang sangat hina. Jika kita melihat maksud dari terjemahan Kamus Dewan ini mereka yang melakukan perbuatan khianat dan memburukkan negara serta melakukan fitnah terhadap kerajaan, sehingga menggagalkan usaha membawa masuk pelabur adalah mereka yang sangat hina. Bukan sahaja khianat tetapi ajaib. Sebab apa Yang Berhormat Tan Sri Speaker, belum ada sebatang tiang pun dipacakkan di Pengerang, ikan-ikan kat laut semua mati. Ada dugong, gambar dugong besar orang ni timbul dekat laut. Pembangkang bawak gambar dugong mati ke Taiwan dan kerajaan Taiwan percaya. Dugong, ikan dah mati dah kat Pengerang. Belum apa-apa lagi, punya ajaibnya gambarnya ada pada saya ni ha, kalau Tan Sri Speaker nak lihat saya boleh tunjuk, ada. Gambar dugong mati timbul, ikan macam kenal orang baju kuning.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, namun begitu dalam al-Quran Allah SWT berfirman dalam Surah Ibrahim ayat 46 yang bermaksud, "Dan sesungguhnya mereka telah menjalankan rancangan jahat mereka sedang di sisi Allah ada balasan bagi rancangan jahat mereka. Walau rancangan jahat mereka itu dapat melenyapkan gunung ganang sekalipun". Walaupun syarikat dari Taiwan membatalkan pelaburan mereka, dalam projek RAPID di Pengerang, sebab gambar ikan mati tadi tulah, hari ini, alhamdulillah dengan izin Allah, Allah telah menggantikan fitnah pembangkang tersebut dengan pelaburan yang lebih baik. Takdir Allah tiada siapa yang boleh menghalang. Akhirnya hasil hubungan baik antara Kerajaan Barisan Nasional dengan Raja Arab Saudi iaitu Raja Salman Abd. Aziz Al Saud dari Arab Saudi, walau pun pihak Taiwan tak sudi syarikat Saudi Aramco tu hadir untuk membantu negara kita dan sekali gus membangunkan semula projek ini bersama pihak Petronas. Ini pun nasib baik Pak Arab tak nampak gambar ikan mati itu, kalau Pak Arab nampak gambar ikan dugong mati tu mungkin Pak Arab pun tak jadi.

Jadi, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ini adalah satu pengajaran yang baik kita semua di mana perkara jahat seperti fitnah ataupun khianat yang sering dilakukan oleh pihak pembangkang tidak semestinya berakhir dengan kemenangan. Fitnah tidak selalunya menang, hari ini Tuhan telah tentukan dan beri petunjuk bahawa fitnah pembangkang terhadap kerajaan telah digantikan dengan kebaikan. Kepada pihak pembangkang suka saya ingatkan bahawa lagi banyak fitnah dan kezaliman yang dilontarkan kepada kerajaan, lagi banyak pertolongan Allah yang

akan diperolehi. Sesungguhnya doa orang-orang yang dizalimi atau difitnah itu lebih dekat kepada Tuhannya. Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

YB Speaker : Yang Berhormat Bukit Permai, Yang Berhormat boleh sambung ucapan selepas kita berehat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Persidangan ini 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:00 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11:20 pagi.

YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Jemput Bukit Permai, sambung.

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker kerana bagi peluang kepada Bukit Permai untuk menyambung perbahasan. Sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, dia kalau kita tengah klimak ni tiba-tiba terganggu ini lupa kat mana berhenti. Jadi saya sedang mencari-cari di mana harus saya sambung perbahasan. Bercerita tentang khianat tadi, rupa-rupanya kekhianatan ini kadang-kadang berlaku bukan sahaja di luar negara, kadang-kadang pengkhianatan ini berlaku dalam kawasan kita. Baru-baru ini di Bukit Permai terdapat wakil-wakil daripada luar yang tak tahu menahu tentang perkembangan di dalam Bukit Permai nak jadi hero.

Ada yang datang daripada Parit Yaani, konon nak jadi hero nak bawak isu tentang permasalahan di Bukit Permai sedangkan isu itu telah pun dibawa dalam Mesyuarat Tindakan Daerah dan telah pun diambil urus oleh Pegawai Daerah Kulai. Jadi saya ingatkan kepada Wakil-Wakil Rakyat supaya jagalah kawasan masing-masing jangan sibuk tepi kain orang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menceritakan tentang kejayaan pentadbiran Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya ingin membawa cerita tentang pertumbuhan ekonomi. Kalau kita lihat ekonomi Johor telah mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan sejak tahun 2013. Purata pertumbuhan ekonomi tahunan pada sekitar 5.2%.Nilai KDNK negeri ini meningkat daripada RM74.1 bilion pada tahun 2013 meningkat kepada RM98.8 bilion pada 2015, di mana negeri Johor merupakan penyumbang utama KDNK Nasional pada kadar 9.3% pada tahun 2015.

Manakala KDNK per kapita meningkat daripada RM24,436.00 pada 2012 meningkat kepada RM27,826.00 pada 2015. Secara keseluruhan KDNK Negeri Johor diunjurkan kekal berkembang pada unjuran 4 hingga 5% walaupun persekitaran ekonomi dunia amat mencabar. Manakala kalau kita lihat kecekapan pengurusan fizikal yakni perkara ketiga yang saya ingin bawa dalam Dewan ini, bagaimana menceritakan kejayaan konsep muafakat dan kebersamaan dalam kerja berpasukan yang disebut sebagai '*Team Johor*'.

Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar bersama jentera pentadbiran dan penjawat awam Johor yang diketuai oleh Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, ketua-ketua jabatan serta semua kakitangan awam Johor telah berjaya mentadbir negeri Johor dengan baik dan

memastikan kutipan hasil kerajaan negeri sangat konsisten iaitu melebihi RM1.5 bilion sejak tahun 2013. Manakala baki akaun disatukan kerajaan negeri telah melonjak dari RM485.2 juta telah melonjak kepada RM1.1 bilion iaitu peningkatan sebanyak 126% di bawah pentadbiran kerajaan Barisan Nasional. Tahniah kepada seluruh jentera kerajaan atas usaha gigih dan dedikasi dalam melaksanakan tugas dan urus tadbir yang baik serta amalan *good governance,* dengan izin, selama ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Dato' Speaker, kesemua angka-angka dan data-data yang saya bacakan tadi adalah bukti kukuh yang menunjukkan bahawa pentadbiran kerajaan Barisan Nasional Johor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah sebuah kerajaan yang bertanggungjawab serta berjaya menjalankan amanah dan mandat yang telah diberikan oleh rakyat pada PRU yang ke 13. Kerajaan yang ada ini perlu dikekalkan, jangan digadaikan kuasa pemerintahan ini kepada mereka-mereka yang tidak bertanggungjawab,kekalkan Barisan insya-Allah rakyat akan merasa aman.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Dato' Speaker, malah bukan itu sahaja, banyak lagi kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh negeri Johor selama 4 tahun di bawah pentadbiran kerajaan Barisan Nasional. Kalau kita lihat sektor pelancongan banyak infrastruktur dan promosi lokasi pelancongan telah ditambah baik. Hasilnya jumlah pelancong ke Johor telah meningkat. Tahun 2015, pelancong meningkat seramai 6.95 juta orang berbanding 3.95 juta pada 2012. Manakala sektor pertanian pula negeri Johor kekal sebagai pengeluar bahan makanan terbesar negara terutama sektor penternakan, buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman kontan dan sektor perkilangan makanan. Ini jauh berbanding pencapaian negeri-negeri lain.

Manakala dalam konteks indeks jenayah, sekarang ini Johor semakin baik dan semakin selamat. Tahniah kepada pasukan Polis Di Raja Malaysia Johor kerana indeks jenayah telah menunjukkan penurunan sebanyak 5.41% iaitu pengurangan sebanyak 550 kes pada tahun 2016. Manakala soal perumahan rakyat dalam rekod hari ini telah didapati bahawa Rumah Mampu Milik Negeri Johor akan dibina sebanyak 65,473 unit menjelang tahun 2020.

Manakala dalam soal bidang keusahawanan pula sebanyak 99 perusahaan kecil dan sederhana Johor telah mencapai skor penarafan daya saing bagi peningkatan 3 bintang dan ke atas yakni mencerminkan keupayaan segmen perusahaan kecil dan sederhana ini yang ada di negeri Johor boleh bersaing ke peringkat global dan lebih tinggi.

Manakala dalam bidang pendidikan seramai 5,624 pelajar telah menerima manfaat daripada 5 program bantuan pendidikan di bawah kelolaan Yayasan Pelajaran Johor. seramai 2,050 pelajar telah ditempatkan di kampus induk Kolej Pendidikan YPJ di Jalan Kulai – Kota Tinggi. Ini dekat dengan kampung saya.

YPJ berjaya membuka kampus baru ini untuk pendidikan anak-anak Johor dengan belanja sendiri tanpa bantuan luar. Tahniah kepada YPJ dan kerajaan. Ini membuktikan kerajaan kita sanggup mengumpul dana demi pendidikan anak-anak bangsa Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengamati titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan semasa merasmikan Penggal Persidangan Kelima yang lalu. Bukit Permai ingin membawa perhatian dan cadangan kepada pihak kerajaan tentang beberapa perkara iaitu berkenaan isu sekolah agama. Kajian menyeluruh soal pembangunan dan kemajuan sekolah-sekolah agama khususnya dari aspek silibus

pembelajaran perlu diberi perhatian. Soal infrastruktur saya tak nak sentuh kerana di bawah Program Pembangunan Sekolah Agama Johor, kerajaan telah pun selesaikan masalah ini bersama KPRJ.

Jadi, tahniah kepada KPRJ dan kerajaan. Namun yang perlu dilihat semula mungkin dari segi aspek silibus dan kaedah pembelajaran. Ilmu agama adalah ilmu yang perlu diamalkan atau dipraktikkan. Ia bukan dinilai dari sudut markah peperiksaan. Ia diukur dari sejauh mana ilmu tersebut diamalkan. Ini berbeza dengan penilaian pencapaian pelajaran akademik konvensional di sekolah-sekolah harian Kementerian Pelajaran.

Ulama-ulama dulu pernah berkata, beramal tanpa ilmu batal, manakala berilmu tanpa amal sia-sia. Seharusnya selepas melalui sistem persekolahan Agama Johor dengan mempelajari mata pelajaran Tauhid, Ibadat dan Akhlak akan membentuk remaja anak-anak Johor yang mempunyai akidah yang kukuh, amalan yang sempurna serta budi pekerti yang mulia. Dan seharusnya akan mengurangkan masalah sosial remaja serta menghasilkan anak-anak modal insan yang berketerampilan serta tinggi nilai akal budinya.

Justeru, Bukit Permai mencadangkan kaedah pembelajaran di sekolah-sekolah agama di negeri Johor dikaji semula dengan memperbanyakkan pembelajaran di luar bilik darjah melalui kursus-kursus motivasi ataupun *summer camp,* dengan izin ataupun gerak kerja kumpulan dan tidak terlalu tertumpu pembelajaran di dalam kelas sahaja. Konsep amali atau praktikal perlu diberikan masa yang lebih panjang dan guru-guru perlu pastikan anak-anak murid betul-betul memahami serta menghayati konsep dalam ilmu Ibadat yang perlu dilaksanakan.

Sekarang ini Dato' Speaker, kelas amali bagi Sekolah Agama Johor hanya 2 kali seminggu iaitu satu kelas atau satu *period* itu hanya 30 minit, seminggu 2 kali bermakna seminggu hanya 1 jam kelas amali. Jadi, saya mencadangkan supaya masa yang lebih diperuntukkan untuk kelas amali di sekolah-sekolah agama ditambah kepada setengah jam setiap hari, jadi sekurang-kurangnya kita ada 2 jam setengah setiap minggu. Kalau kita ada masa yang sebegitu panjang, barulah kita dapat pastikan anak murid kita betul-betul boleh melakukan dan mengerjakan amal seperti mana yang diajar dalam kelas. Dan saya yakin, insya-Allah sekiranya ilmu yang dipelajari ini dapat diamalkan dengan baik dan sempurna kita akan dapat memperkukuh modal insan Bangsa Johor dengan akal budi yang baik dan cemerlang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ekopelancongan merupakan sektor penting bagi negeri Johor. Johor merupakan negeri yang luas, kaya dengan sumber semula jadi di timur, barat, utara dan selatan. Seharusnya, sumber alam semula jadi ini dapat memberi pulangan yang baik kepada kerajaan. Hutan lipur bukan hanya tempat tadahan air atau rizab hutan semata-mata. Tetapi, ia perlu dibangunkan sebagai potensi pelancongan bagi menjana tambahan hasil pada kerajaan negeri sebagai contoh, bagi memastikan kelestarian alam semula jadi, sudah sampai masanya Hutan Lipur Gunung Pulai diwartakan sebagai Taman Negara dan dijadikan sebagai tarikan kepada pelancong dalam dan luar negara.

Sekarang ini pun, ramai pelancong daripada dalam dan luar negara yang datang mengunjungi Hutan Lipur Gunung Pulai pada setiap hujung minggu. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucap syabas dan tahniah kepada Pegawai Daerah Kulai yang banyak membantu dan memberi tumpuan untuk pembangunan

infrastruktur dan juga promosi bagi mempopularkan Hutan Lipur Gunung Pulai. Ianya telah memberi sumber pendapatan baru kepada penduduk setempat di situ.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkara ketiga yang ingin saya cadangkan kepada kerajaan ialah berkenaan dengan laut kita. Negeri Johor dikelilingi oleh laut, justeru Bukit Permai mencadangkan supaya laluan air ataupun laluan di laut ini diberi keutamaan. Kita ada laut di Kota Iskandar, Stulang, Pasir Gudang, Kukup dan juga Pengerang perlulah dibangunkan secara besar-besaran sebagai pintu masuk kepada pelancong dan pekerja-pekerja kita yang bekerja di Singapura. Kerajaan perlu memperkasa perkhidmatan laluan air bagi mengurangkan kesesakan laluan darat khususnya di Tambak Johor dan Link Kedua. Perkhidmatan feri ataupun kapal yang boleh mengangkut kenderaan seperti lori, kereta dan motosikal perlu diwujudkan seperti mana yang terdapat di negara-negara Eropah. Pastinya, kalau kita boleh memberi perkhidmatan sebegini, ia akan memberi keselesaan kepada rakyat negeri Johor yang bekerja di Singapura khususnya dan dapat menjimatkan masa mereka yang selama ini terperangkap berjam-jam di Tambak Johor dan Link Kedua.

Kita ada satu bangunan, bangunan yang dibuat ketika pemerintahan Menteri Besar yang lalu iaitu bangunan *Waterfront*. Saya fikir bangunan *Waterfron*t itu, tapi orang tu dah Parti Bunga sekarang, dah bukan lagi ni, pihak kita. Bangunan *Waterfront* ini saya kira sesuai untuk kita jadikan terminal, terminal feri ataupun terminal untuk pengangkutan air. Bukan saja sebagai terminal feri untuk daripada Johor ke Singapura, mungkin juga kita boleh membuat perkhidmatan air kepada rakyat daripada menyusuri Sungai Skudai, daripada Tun Aminah sampai ke Tampoi terus ke Danga dan terus sampai ke bangunan *Waterfront* itu. Bangunan itu telah lama terbiar dan ianya mencacatkan pemandangan dan ianya tidak berfungsi langsung sekarang ini. Jadi, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya kira kalau kita boleh mengubah landskap yang ada di situ supaya ianya berguna kepada rakyat dan masyarakat Johor.

Yang keempat, saya juga ingin menyatakan beberapa perkara iaitu berkenaan kawasan-kawasan zon perindustrian. Kawasan-kawasan yang diwartakan sebagai zon perindustrian adalah kawasan di mana kita mengutip hasil yang besar, seharusnya kawasan-kawasan ini diberi perhatian dengan cukup serius oleh pihak PBT dan juga Johor Corporation kerana ini memberikan, merupakan sumber hasil utama kita. Kita tidak mahu melihat kawasan industri masih ada jalan yang berlubang, lampu yang tidak menyala. Seharusnya, kawasan industri ini menjadi pusat pelabur asing dan tempatan mestilah mempunyai persekitaran yang bersih, yang paling bersih, paling cantik, paling kemas dengan tahap keselamatan yang paling tinggi kerana di situlah kita mengutip cukai yang paling banyak.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, persekitaran yang baik kawasan industri ini amat penting untuk kita mengekalkan pelabur yang sedia ada dan menarik pelabur yang baru ke negeri kita. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, hari ini kalau kita lihat kerajaan telah menyediakan inisiatif berkenaan dengan *hotspot*, wifi percuma. Saya ucap tahniah kerana banyak tempat telah pun mendapat kemudahan *hotspot*, wifi percuma iaitu di mana untuk inisiatif wifi percuma ini pada tahun 2017, telah ditambah kepada 74 kawasan *hotspot* yang baru dan jumlah yang telah diaktifkan pada tahun 2016, adalah sebanyak 134 *hotspot*. Namun, niat murni kerajaan ini boleh disalah tafsir oleh rakyat sekiranya perkhidmatan wifi percuma ini tidak berfungsi dengan baik kerana tahap kecapaian jalur internet yang begitu lembap.

Oleh yang demikian, Bukit Permai mencadangkan supaya pihak kerajaan dan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia mesti meletakkan dan memasang menara-menara transmisi di tempat-tempat strategik khususnya di luar bandar kerana masih ada lagi tempat-tempat di pedalaman yang tiada jalur internet. Contohnya di Bukit Permai sendiri, ada beberapa kampung iaitu Kampung Seri Muar, Kampung Murni Jaya, Kampung Sungai Besoi, Kampung Sungai Siam, kampung ini bukan sahaja tidak dapat perkhidmatan *hotspot*, wifi percuma malah langsung sukar untuk dapat signal jalur internet di situ. Jadi, akses kepada internet ini sukar untuk dimanfaatkan oleh anak-anak kita terutama yang bersekolah kerana di sekolah hari ini, cikgu-cikgu, murid seawal darjah 1, 2, 3, pun kadang-kadang diminta ambil bahan-bahan di internet tetapi masih ada kampung-kampung kita yang signal jalur internet ini sangat lemah. Jadi akses kepada internet ini perlu dinikmati oleh segenap Bangsa Johor di setiap pelosok kawasan negeri Johor dengan mudah dan baik.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ada satu perkara yang ingin saya bawa dalam Dewan yang mulia ini iaitu berkenaan dengan permasalahan pemandu-pemandu teksi. Baru-baru ini, kerajaan melalui kerajaan pusat melalui Kementerian Pengangkutan telah meluluskan Rang Undang-Undang berkenaan dengan Uber. Jadi, ramai pemandu-pemandu teksi di luar sana yang mengeluh kerana menghalalkan pawanca menurut mereka. Pemandu teksi di luar sana mengatakan bahawa Uber ini adalah pawanca. Pawanca yang halal, bukan pawanca yang haram.

Jadi, mereka merasakan dan telah pun melalui keadaan sekarang ini sukar untuk meningkatkan pendapatan. Ditambah pula dengan syarat-syarat yang sangat ketat daripada pihak SPAD, yang dikenakan kepada pemilik kenderaan kereta sewa dan pemandu teksi yang mempunyai permit persendirian. Jadi, inilah masalah mereka di luar sana, di samping pula kita memberikan perkhidmatan bas percuma, kita ada Uber, ada *Grab Car*, jadi pemandu-pemandu teksi di luar sana sudah merasakan kesukaran untuk mencari sumber pendapatan. Ada di antara mereka yang mengadu nak dapat RM50.00 sehari pun sukar. Jadi, perkara ini perlu kita lihat dan bagaimana kita boleh membantu mereka. Saya harap pemandu-pemandu teksi ini terus didekati untuk kita menyelami masalah dan juga pandangan mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ada satu perkara yang saya ingin bawa berkenaan dengan permasalahan di DUN Bukit Permai iaitu berkenaan dengan sebuah jalan yang menghubungkan Jalan Murni Jaya dan Ladang Pekan di Bandar Tenggara. Jalan ini di bawah seliaan pihak KEJORA. Masalah jalan ini telah dibangkitkan banyak kali, setiap bulan dibincang dan dibentangkan dalam Mesyuarat Tindakan Daerah di Kulai. Namun, permasalahan ini tidak dapat diselesaikan kerana kontraktor telah membawa kes ini, membawa pihak KEJORA dalam kes ini ke mahkamah.

Namun, rakyat tidak boleh menunggu, rakyat tidak boleh menunggu keputusan mahkamah. Justeru, saya mohon kepada pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar melalui KEJORA dan kerajaan negeri supaya mengambil langkah alternatif untuk selesaikan permasalahan tersebut. Permasalahan ini telah menyusahkan penduduk di Kampung MCA, Kampung Sungai Besoi, kerana tambakan tanah merah, *platform* jalan itu yang terlalu tinggi hingga ke paras bumbung rumah dan keadaannya berhabuk pada musim panas, manakala banjir lumpur waktu musim hujan. Justeru, perlu ada alternatif lain selain daripada menunggu keputusan mahkamah kepada penyelesaian masalah ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada penghujung ucapan perbahasan saya, Bukit Permai ingin mengucap syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas pencapaian pentadbiran yang cemerlang. Kejayaan ini dapat dilihat dengan beberapa pengumuman yang telah dibuat sepanjang lawatan kerja Yang Amat Berhormat Menteri Besar turun padang ke setiap daerah baru-baru ini. Inilah sifat prihatin pemimpin kita, inilah kerajaan yang mengetahui denyut nadi rakyat.

Hasil pertumbuhan ekonomi yang baik bagi negeri Johor telah membolehkan pihak kerajaan memungut hasil yang begitu banyak dan hasil yang dikutip ini telah diagih-agihkan ke setiap daerah dengan bijaksana oleh kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Semua daerah di dalam negeri Johor telah dilawati, semuanya merasa nikmat atas pembangunan dan hasil yang diperolehi oleh kerajaan negeri. Bukit Permai ingin mengucapkan terima kasih di atas beberapa pengumuman yang telah dibuat oleh pihak Yang Amat Berhormat Menteri Besar sempena lawatan kerja ke daerah Kulai baru-baru ini. Hampir RM100 juta telah diperuntukkan kepada penduduk Bukit Permai dan Kulai. Ini merupakan hadiah istimewa kerana penduduk Bukit Permai memilih Barisan Nasional pada PRU yang lalu. Ke semua projek pembangunan yang bakal dibuat di Kulai ini adalah projek-projek yang berkepentingan rakyat.

1. Pusat Pentadbiran Baru Daerah Kulai.
2. 7 buah sekolah agama baru termasuk Sekolah Agama Bandar Putra 2 yang bernilai RM8.7 juta.

Kemudian masjid baru Jalan Cengal, Bandar Putra yang bernilai RM4 juta, kemudian projek infrastruktur untuk tanah perkuburan Islam yang baru bernilai RM600,000.00. Projek jalan di tapak perumahan generasi kedua FELDA, membina jalan asas Kampung Melayu Ulu Choh, membina jalan asas Kampung Sri Maju Senai. Senai, inilah Yang Berhormat Dato' Pengerusi, walaupun orang Senai tak berapa nak sokong Barisan Nasional, tetapi dari aspek kepentingan rakyat, kerajaan Barisan Nasional bertanggungjawab menjaga kepentingan rakyat walaupun kawasan itu kawasan pembangkang, kita tetap bantu penduduk di situ. (Dewan bertepuk). Inilah ketelusan dan keadilan pemimpin kita.

Kemudian, banyak lagi kompleks industri kecil dan sederhana di FELDA Bukit Batu, Bukit Batu. Bukit Batu, orang Bukit Batu walaupun tidak menyokong kerajaan, tetapi tetap untuk kebajikan rakyat terbanyak, kita salurkan juga peruntukan walaupun kawasan itu kawasan pembangkang. Inilah kebaikan yang dibuat oleh pemimpin kita. Dan, kepada kerajaan, kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, saya ada pantun ringkaslah. "Terima kasih daun keladi Dato' MB, kalau ada peruntukan lebih bagilah lagi". Pengumuman yang dibuat...

YB Timbalan Speaker : ADUN lain hendak juga. Kawasan lain hendak juga dah 100 tak kan nak minta lagi.

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Banyak Tuan Pengerusi, kalau saya hendak senaraikan Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau saya nak senaraikan ini, kebaikan yang kerajaan dah buat kepada rakyat di Kulai dan Bukit Permai, tidak habis ni. Terlalu banyak kebaikan yang telah dilakukan.

Jadi, pengumuman yang dibuat ini, pastinya menggembirakan, pastinya menggembirakan rakyat dan insya-Allah budi baik Yang Amat Berhormat Menteri

Besar dan kerajaan akan dibalas dalam bentuk sokongan kepada Barisan Nasional, untuk menang pada pilihan raya yang akan datang. (Dewan bertepuk). Firman Allah dalam surah Al-Imran Ayat 26 yang bermaksud; "Katakanlah wahai Muhammad, wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan, Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada siapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan dari siapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki. Dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau maha kuasa atas tiap-tiap sesuatu".

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, inilah sebuah kerajaan yang dipilih oleh Allah SWT untuk mentadbir negeri Johor. Inilah sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, inilah sebuah kerajaan yang menjaga kebajikan rakyat. Inilah sebuah kerajaan yang mendengar setiap denyut nadi rakyat. Inilah sebuah kerajaan yang rakyat boleh sandarkan harapan. Inilah kerajaan Barisan Nasional yang patut rakyat beri mandat sekali lagi pada pilihan raya yang akan datang. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Permai mohon mencadang.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Bukit Permai. Inilah kali pertama, belum disuruh dan berhenti. Kalau tidak selalu liat. Persidangan disambung semula. Sila Gambir.

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Salam sejahtera, salam muafakat Johor Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih atas kesempatan yang diberikan kepada Gambir dalam sesi kali ini dalam menyokong rundingan yang dibawa oleh ADUN Bukit Permai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Gambir ingin menjunjung kasih atas titah Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor wakil rasmi Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor yang ke-13. Seterusnya juga Gambir ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku atas kejayaan, kemenangan tanpa tanding sebagai Presiden FAM Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sesungguhnya titah Duli Yang Amat Tuanku menunjukkan betapa Tuanku begitu fokus dan komited dalam memerintah dan mengurus negeri Johor apabila pelbagai pandangan dan nasihat bernas dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk pembangunan dan kemajuan negeri Johor. Ini dapat dilihat melalui pencapaian negeri Johor yang menerima pelaburan DDI dengan izin, *Domestic Direct Investment* dan FDI, *Foreign Direct Investment* yang tertinggi berturut-turut selama empat tahun. Gambir merasakan peranan Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam pembangunan Johor ini sangat *significant*. Kami junjung kasih Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya Gambir ingin mengucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah membawa kepada pembangunan ekonomi negeri dengan nilai tertinggi dalam bidang pelaburan yang mana kita tidak, telah maklum sebentar tadi RM116 bilion dalam tempoh masa empat tahun berturut-turut. Saya mengupas berkaitan kepimpinan dan keberkesanan kerajaan negeri seperti mana yang dititah juga oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku, dari segi cara dan kepelbagaian perancangan beberapa dasar yang telah dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.

Ini saya rasa dapat memberi gambaran sebenar kepimpinan kerajaan negeri, pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang begitu fokus dan dinamik dalam pentadbirannya. Perkara-perkara ini juga telah dikupas oleh ADUN Bukit Permai tadi. Bermula dari tahun 2013 Yang Berhormat Dato' Speaker, beliau telah menggariskan dasar-dasar di bawah Rumah Mampu Milik Johor. Satu-satunya dasar di mana tidak dipraktikkan di mana-mana negeri di seluruh Malaysia tetapi kita dapat melihat adanya Rumah Mampu Milik Johor ini memberi ruang dan peluang kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah. Dan pada tahun itu juga, beliau telah melancarkan Pelan Majlis Teknologi Hijau Dan Perubahan Iklim. Seterusnya pada tahun 2014, beliau telah melancarkan Pelan Suara Hati Johor 2014-2018 dan juga Pelan Induk Pelancongan 2014-2023, kalau kita lihat kepada Pelan Induk Pelancongan ini, dengan kehadiran pelancong-pelancong sebanyak 3 juta lebih 2014, pada tahun 2016 dia telah menjangkau hampir 7 juta pelancong hadir ke Malaysia.

Seterusnya Pelan Induk Johor Hub Kesihatan rantau Asia tenggara juga dilancarkan pada tahun 2014. Seterusnya 2015, pelancaran *Ibrahim International Business District Blue Print*, seterusnya Pelan Tindakan Strategik PKS 2015-2020, seterusnya Pelan Transformasi Sekolah Agama dan di antara strategi kejayaan Pelan Transformasi Sekolah Agama ini apabila 121 sekolah agama telah siap dibina dalam tempoh berkenaan. Dan pada tahun 2016, Pelan Pertumbuhan Strategik Johor 2016-2020, Pelan Strategik MBJB. Seterusnya zon antarabangsa, di mana wujudnya zon antarabangsa ini memberikan rasa lega kepada terutama sekali mereka-mereka yang hendak melabur di negeri Johor. Kemudian kita ada Pelan Rejuvenasi Desa Johor. Seterusnya Pelan Tindakan Banjir, banyak kawasan-kawasan yang terlibat dengan banjir dapat dikurangkan masalahnya atas daripada Pelan Tindakan Banjir ini dan juga Pelan Induk Pengangkutan Awam Johor juga Pelan Tindakan Pengangkutan Awam Daerah. Kalau kita dengar Yang Berhormat Dato' Speaker, jawapan daripada EXCO Kerajaan Tempatan, betapa bas Muafakat Johor ini telah dikembangkan di daerah-daerah kecil mereka-mereka khususnya daripada daerah Tangkak merakamkan ucapan penghargaan kepada kerajaan Negeri kerana kita juga dapat merasakan perkhidmatan Bas Muafakat Johor.

Dan, seterusnya EXCO Awayday dengan KPI masing-masing di mana beliau telah membawa kepada semua EXCO juga harus melaksanakan tanggungjawab dengan pemberian KPI kepada mereka. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, daripada saya terus menyatakan sokongan tanpa contoh-contoh ini ia mungkin satu sokongan sewenang-wenangnya. Tapi tadi telah terbukti betapa pelbagai langkah strategi oleh Yang Berhormat Dato' Menteri Besar bersama kerajaan negeri telah membawa pelbagai pembangunan kepada kerajaan negeri. Jadi, Gambir merasakan cara kepimpinan inilah yang sebenarnya telah membawa kepada pencapaian cemerlang negeri Johor sepertimana yang dinyatakan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Maka pelbagai tohmahan dan kritikan yang dilemparkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri bolehlah kita sifatkan fitnah semata-mata dan ia sudah tentu berniat jahat dan menidakkan suatu kepimpinan yang jelas kecemerlangannya. Tahniah Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya dari segi perspektif masyarakat India, saya harus, sayalah yang harus membawanya. Ianya terbukti lagi sekali pada tahun 2017, dengan peruntukan intervensi masyarakat India yang telah ditingkatkan kepada RM7 juta berbanding RM6 juta tahun 2016 dan RM4 juta pada tahun 2015. Lagi sekali terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Pelbagai isu-isu masyarakat India yang dibangkitkan, telah diselesaikan satu demi satu, satu demi satu oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam keadaan yang sama juga, kita ataupun kita di peringkat negeri Johor tidak harus, ataupun tidak boleh menidakkan apa yang dilakukan oleh kepimpinan kerajaan Barisan Nasional di peringkat pusat. Pentadbiran Barisan Nasional di peringkat pusat yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak amat dihargai dan dikagumi oleh masyarakat India Malaysia. Kalau diberikan peluang Yang Berhormat Dato' Speaker, saya boleh nyatakan bahawa keistimewaan yang dirasai oleh masyarakat India di Malaysia ini kita boleh kategorikan dalam dua era. Satu era Najib, dan lagi satu era sebelum Najib. Apabila kepimpinan Dato' Seri Najib mengambil kepimpinan negara, pelbagai perkara-perkara yang menghantui masyarakat India telah diselesaikan.

1. Peruntukan sebanyak RM830 juta untuk sekolah-sekolah Tamil di seluruh Malaysia.

2. Pemberian tujuh lesen baru untuk SJKT di seluruh Malaysia.

3. RM1.12 bilion untuk peniaga-peniaga kecil dan sederhana India di mana 30,000 PKS India telah mendapat manfaat.

4. 1,500 kerusi matrikulasi untuk pelajar-pelajar cemerlang masyarakat India.

5. 2,400 kerusi politeknik untuk pelajar-pelajar yang lemah dalam SPM.

6. RM100 juta setiap tahun melalui apa yang dipanggil SIDIK untuk memberi latihan kemahiran kepada mereka yang memerlukannya yang seterusnya boleh meraih pendapatan tambahan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, yang terbaru adalah Pelan Tindakan Masyarakat India. Ramai yang mempersoalkan, memperlekehkan. Oh, ini merupakan satu gimik pilihan raya. Sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, 6 perkara yang saya sebutkan tadi telah pun terlaksana dan kini dapat dirasai oleh masyarakat India. Jadi, kami yakin dan masyarakat di luar sana boleh yakin bahawa MIB ataupun dengan izin, *Malaysian Indian Blueprint* tentu pasti akan dijayakan oleh kerajaan Barisan Nasional pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib Tun Razak. Di antara perkara yang kita lihat di situ ialah 7% peluang jawatan dalam kerajaan. Dia disasarkan 2016-2026 dan 7% pengambilan kuota untuk kemasukan universiti awam kepada masyarakat India. Ini semua disasarkan melalui MIB ini. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, inilah yang seharusnya dilihat oleh masyarakat India dan saya di sini ingin menyatakan bahawa pada kali ini dan bila-bila pun masyarakat India akan terus memberikan sokongan padu kepada pimpinan negeri dan negara untuk terus perintah Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai Rumah Mampu Milik Johor. Sebentar tadi saya sebut apa yang telah dilaksanakan oleh Yang Berhormat Menteri Besar berkaitan dengan Rumah Mampu Milik Johor, jadi saya tertarik dengan rancangan beliau apabila Rumah Mampu Milik Johor ini dikembangkan untuk dibina di kawasan luar bandar. Saya ambil contoh di Parlimen Ledang, dalam lawatan beliau ke Parlimen Ledang ni, di DUN Gambir di kawasan Sagil yang agak terpencil telah ada satu tanah seluas 8 ekar yang menarik dan begitu bangga sekali masyarakat di situ apabila pembinaan di 8 ekar itu sebenarnya yang boleh memberi peluang kepada pembangunan bercampur tetapi Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengarahkan KPRJ untuk

membina 100% Rumah Mampu Milik semata-mata untuk masyarakat Sagil di situ. Sebanyak 144 unit akan dibina.

Ini menunjukkan komitmen di mana kerajaan melalui KPRJ dia tak melihat kepada keuntungan semata-mata tapi demi untuk menjaga kebajikan dan keperluan oleh masyarakat di situ. Dan, lagi satu perkara menarik adalah apabila kerajaan negeri telah PBT tanah seluas 25 ekar di kawasan Kampung Paya Emas untuk dijadikan projek perumahan di mana dalam pembinaan bercampur tersebut, 40% rumah-rumah di situ akan diletakkan di bawah RMMJ. Ini merupakan satu usaha limpahan hasil negeri, mungkin hasil ini banyak diperolehi di kawasan-kawasan Pengerang, di kawasan-kawasan Johor Bahru tapi dikembang luaskan kepada masyarakat luar bandar di daerah Tangkak. Jadi, terima kasih lagi sekali Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya sebenarnya telah membuat pendaftaran permohonan e-rumah berhubung dengan projek berkenaan. Sambutan luar biasa Yang Berhormat Dato' Speaker. Apabila saya panggil Unit Perumahan buat pendaftaran, untuk pembinaan 144 unit rumah tapi yang daftar lebih 500 orang sebab sekarang ini dalam keadaan rumah kampung, dalam satu rumah kampung ada 3-4 keluarga yang tinggal, jadi ia tidak sesuai dengan keadaan ini. Jadi, keperluan kepada rumah ini adalah begitu tinggi. Jadi, dalam kita menghargai pembinaan RMMJ di kawasan luar bandar ini, Yang Berhormat Dato' Speaker, satu masalah timbul. Ha, ini untuk perhatian EXCO Perumahan kita yang baru. Masalah pembiayaan pembelian rumah berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apabila kita melibatkan pembelian dan pembeli-pembeli ini dari tadi, dari orang-orang kampung, institusi kewangan tidak begitu komited atau mahu memberi pinjaman kepada mereka-mereka ini. Kenapa? Kerana penama-penama yang kita syorkan ini kebanyakan daripada mereka yang berminat ini kerja-kerja kampung, sebagai petani, sebagai penoreh getah, tak ada *payslip*, tak ada apa. Jadi, kita bina rumah tapi dia tak boleh beli. Saya bagi contoh Yang Berhormat Dato' Speaker, ada satu kes, kita telah tawarkan dia untuk beli Rumah Mampu Milik Johor, 4 kali kita tukar orang yang kita tawarkan kerana dia bawa pergi bank, bank tolak, bawa pergi bank, bank tolak. Jadi, kita terpaksa menggunakan ataupun memberi peluang tawaran ini kepada orang lain untuk membeli rumah berkenaan kerana tidak mendapat pinjaman.

Jadi, oleh yang demikian, saya ingin menyarankan kepada YB EXCO Perumahan untuk mencari jalan penyelesaian mikro dalam kita memastikan golongan yang benar-benar layak yang telah ditawarkan Rumah Mampu Milik Johor ini betul-betul memiliki rumah itu. Kalau kita ikhlas mereka mesti memiliki rumah, maka kita juga harus ikhlas dalam mendapatkan peluang untuk dia milikinya melalui satu mekanisme yang saya ingin cadangkan yang mana kita telah laksanakan bukan perkara baru, bagi pemilikan rumah PPRT iaitu skim sewa beli. Ianya boleh dilaksanakan kepada penerima-penerima yang mendapat tawaran RMMJ ini. Gambir mohon pencerahan kepada isu ini memandangkan ianya menjadi kerisauan pemohon-pemohon RMMJ terutamanya mereka yang sepertimana saya sebut yang membuat kerja kampung, petani, pekerja-pekerja kilang, terutamanya *the bottom 40*, dengan izin. Mohon pencerahan YB Dato' Pengerusi Perumahan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya berkaitan dengan Program Merakyatkan Pertanian. Ini juga cetusan idea daripada Yang Berhormat Menteri Besar Johor yang telah digariskan dalam Bajet 2017 di mana Gambir yang telah mendapat peluang untuk mengagihkan lebih 350 batang pokok kelapa dan pokok

durian Musang King kepada masyarakat DUN Gambir. Bila sebut Musang King Dato' Speaker, ramai mahu tapi kita boleh bekalkan dalam 350 pokok sahaja. Jadi, oleh kerana ia telah mendapat sambutan yang menggalakkan, saya rasa program ini perlu diteruskan. Dalam kita menghadapi kekurangan bekalan makanan di mana berbilion ringgit di belanja untuk import serta kos sara hidup yang tinggi, maka usaha baik seperti ini perlu difikirkan untuk diperkembangkan Yang Berhormat Dato' Speaker. Rakyat merasakan pemberian benih berasaskan tanaman kecil-kecilan yang mudah, yang murah, sedikit sebanyak akan membantu meringankan beban keluarga. Oleh itu, Gambir sekali lagi sangat sokong usaha merakyatkan pertanian itu dan ingin bertanya kepada YB Pengerusi Portfolio Pertanian, ada tak kerajaan negeri akan tambahkan lagi jenis tanaman berkenaan untuk tahun datang juga? Lagi sekali, terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Menteri Besar yang mana telah melihat kepada keperluan rakyat di bawah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya tentang pelebaran jalan Sengkang. Yang Berhormat Dato' Speaker, Sengkang merupakan satu kawasan yang agak terpencil daripada Bandar Baru Bukit Gambir. Tapi atas keprihatinan kerajaan negeri, maka mereka telah mendapat satu projek di mana jambatan sempit sepanjang jalan Sengkang ini telah dilebarkan. Dalam keadaan demikian, apa yang saya ingin bawa kepada maklumat di sini ialah Sengkang yang sunyi ini sudah mula kembang, sudah ada kawasan perumahan baru, sudah ada kawasan-kawasan apa ni, tanah-tanah lot yang mula dibina rumah dan sebagainya. Kini, pelbagai pembangunan juga telah berlaku khususnya di kawasan tersebut di mana satu projek mewah dengan lebih 450 unit rumah di kawasan 55 ekar akan dibina. Atas pembangunan berkenaan, maka saya ingin mohon kepada pihak YB EXCO JKR untuk melihat kepada pelebaran jalan yang melibatkan pelebaran 4 jambatan sempit.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bila jambatan itu dilebarkan memang besar jambatan itu. Saya difahamkan lebarnya 20 meter. Jadi dia jadi macam, jambatannya lebar dan dia terus menjurus kepada jalan yang kecil, jumpa lagi jambatan lebar, jalannya kecil.

YB Timbalan Speaker : Jadi, YB nak minta *double carriage way* ke?

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Ya, Speaker? Tak, tak, tak, tak sampai macam tu. Tak sampai macam tu Dato' Speaker. Kita faham sebab kita nak juga kawasan Tiram, kawasan Pemanis dapat limpahan pembangunannya. Kita minta sedikit aje. Pelebaran setengah meter aje daripada jalan sedia ada. Tak banyak Dato' Speaker. Saya difahamkan tak sampai pun RM3 juta. Buat jambatan dah dekat RM15 juta, lebar jalan RM3 juta. Saya ingat Dato', YB EXCO Pengerusi JKR boleh meluluskanlah dalam bajet akan datang demi untuk kita memastikan bahawa orang Sengkang juga tidak ketinggalan daripada limpahan pembangunan Bandar Baru Bukit Gambir.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya berkaitan dengan, Gambir ingin merujuk tentang titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang memuji Johor sebagai destinasi daya tarikan yang meyakinkan pelabur dalam dan luar negara. Beliau juga, Tuanku juga telah menasihatkan kepada kerajaan supaya jangan kita memilih pelabur-pelabur yang hendak datang ke negeri Johor. Siapa saja kita berilah peluang kepada mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ini perkara yang baru berlaku. Pada hari Khamis yang lepas, saya ada terima satu panggilan daripada seorang pengusaha filem

Tamil dengan pelakon heronya Siva Kartikayan, sekarang ini dialah *top star*, dia datang Johor nak apa ni, dia nak ambil filem baru bernama Valeykaran. Jadi, dia masih sekarang ni ada di Johor ni. Jadi, semalam saya sempat bergambar dengan dia, rupanya anak saya minat dengan dia, jadi saya pun turut pergilah tengok, dapat bergambar dengan dia. Saya rasa ADUN Tenggaroh, ADUN Kahang kenal mereka ini. Memang dia seorang *film star*. Jadi...

YB Timbalan Speaker : Boleh kita minta jadi pelakon tambahan?

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Boleh, boleh, boleh. Memang mereka cari. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ada terima sms, dia kata dia apa ni, produser ini minta pelakon-pelakon tambahan daripada Johor. Jadi, saya sempat mesej dan semasa saya pergi melawatnya semalam, tengok ramai yang saya kenal. Jadi, pelakon tambahan tapi tak adalah DUN Tenggaroh, DUN Kahang, tak adalah. Orang lainlah.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, yang saya kurang sedap ni adalah apabila kedatangan mereka ini, sebenarnya kedatangan mereka ni Dato' Speaker juga hasil usaha Jawatankuasa Tourism Johor. Saya bersama-sama dalam Jawatankuasa ini pergi India buat promosi, datanglah, *you* selalu buat filem, selalu buat di Kuala Lumpur. Yang filem Kabali tu, Dato' Speaker tahukan, Rajnikanth, dia buat penggambaran di Serdang, di Kuala Lumpur, di Melaka. Jadi, kita kata "eh kenapa Rajnikanth tak datang Johor?". Jadi, kita *promote*, jadi dia datang Johor. Tapi hero yang *second* lah ni, bukan macam Rajnikanth lah, tapi dia masih boleh membawa kemasyhuran kepada Johor. Tapi, yang menjadi kemusykilan adalah dalam sesi penggambaran ini Yang Berhormat Dato' Speaker, hero ini disifatkan dia seolah-olah macam tuan punya satu pelabuhan. Jadi, dia nak buat penggambaran dekat pelabuhan. Jadi, minta kebenaran kepada pelabuhan. Tadi Dato' Speaker, Dato' MB kata kita ada 3 pelabuhan.

Jadi, dia nak buat filem, dia buat perancangan di Chennai dia tengok banyak pelabuhan adakan, ada pelabuhan Klang, pelabuhan Penang, pelabuhan Kuantan. Tapi dia tertarik pelabuhan di Johor. Oklah, kita buat perfileman dekat Johor. Dia minta kebenaran Dato' Speaker, tapi tak dapat. Mereka kecewa. Jadi saya tak nak kerana nila setitik, susu sebelanga rosak. Jadi, orang ni, ini hero, hero popular, dia bawa nanti pergi kat India, dia kata alah, aku pergi Johor tak dapat peluang nak berlakon sebab tak ada kebenaran. Jadi, saya minta kepada pihak kerajaan untuk kita melihat, kita mempelbagaikan industri ni Dato' Speaker, saya tahu. Kita punya perancangan industri, kita punya perancangan ini begitu baik sekali, pelbagai bidang. Jadi, saya rasa bidang perfileman ini juga sesuatu yang kita harus melihat bagaimana kita boleh beri peluang kepada pengusaha-pengusaha filem, produser-produser filem untuk mendapatkan peluang mereka di negeri Johor. Bila dia sudah dengar dia datang tu, kita harus sambut. Kalau kita tak sambut dia, maka ia akan menyebabkan untuk mereka tidak lagi berminat untuk buat sesi perfileman di negeri Johor. Jadi, sehubungan itu saya mohon pihak-pihak yang terlibat yang bertanggungjawab dan serius dalam membawa pelaburan ke Johor kalau betul-betul kita serius, perfileman juga merupakan satu jenis pelaburan yang perlu kita memfokuskan dalam mempelbagaikan industri baru. Jadi untuk perkara berkenaan saya mintaklah kepada pihak yang berkenaan, masih belum lewat hero itu masih di sini, fikir-fikirkanlah kalau dapat peluang, berilah dia peluang untuk buat perfileman, tak payah dalam pelabuhan, luar pelabuhan pun dia kata ok. Sekurang-kurangnya dia nampak bangunan tu cukup, jadi maka kita dapat menyelesaikan perkara yang berbangkit ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya saya rasa itu sajalah perkara yang saya hendak bawak dalam Persidangan kali ini. Saya mohon supaya, saya mohon untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan bagi pihak pengundi-pengundi Dewan Undangan Negeri Gambir atas keprihatinan dan pelbagai usaha-usaha pihak kerajaan yang telah membawa kepada perubahan landskap pekan Bukit Gambir yang kini dinamakan sebagai Bandar Baru Bukit Gambir juga pembangunan-pembangunan yang telah dibawa ke Pekan Sagil.

Jadi Gambir juga ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada semua ketua-ketua jabatan yang terlibat khususnya Pegawai Daerah Tangkak yang Dipertua Majlis Daerah Tangkak kerana Yang Berhormat Dato' Speaker bila pihak kerajaan buat keputusan kalau ianya tidak dilaksana di peringkat daerah, di peringkat DUN maka tidak terlaksanalah pembangunan yang diharapkan. Jadi, saya tidak pernah meminggirkan ucapan penghargaan kepada mereka-mereka ini yang telah membawa pembangunan yang begitu besar kepada Dewan Undangan Negeri Gambir. Itu sahaja Yang Berhormat Dato' Speaker. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Gambir. Moga-moga besok akan datang dia bawak Shah Rukh Khan ke Johor. Persidangan diteruskan, sila Penggaram.

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Terima kasih kepada Dato' Speaker, Yang Berhormat Dato' Speaker, selamat tengah hari dan salam sejahtera di kesempatan ini Penggaram ingin mengucapkan tahniah atas ucapan dan saranan ke bawah Duli Tunku Sultan Johor dalam titah beliau pada sesi pembukaan Dewan yang mulia ini pada 4 Mei yang lalu. Saya bersyukur diberi kesempatan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena pembukaan rasmi Penggal Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor Ke-13.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ucapan takziah kepada keluarga anak-anak remaja kita yang terlibat dalam tragedi kemalangan jalan raya di Johor Bahru yang amat menyedihkan kita semua pada bulan Februari yang lalu. Kami berharap agar semua pihak mengambil iktibar daripada insiden menyedihkan ini. Saya juga turut mengucapkan takziah kepada keluarga adik Mohamad Thakif Amin, Mohamad Gadafi yang telah meninggal dunia pada Mac lalu atas insiden yang begitu menyayat hati kita. Kami berharap kes ini dapat disiasat dengan telus dan adil oleh pihak berkuasa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Pelan Pembangunan Negeri pengumuman pelaksanaan Pelan Pertumbuhan Strategi Johor, PPSJ telah dibangkitkan pada Bajet tahun 2016 dengan peruntukan sebanyak RM3.0 juta seterusnya kerajaan negeri mengumumkan akan melaksanakan pelan pertumbuhan Ekonomi Johor secara besar-besaran dalam bajet negeri tahun 2017. Dengan peruntukan sebanyak RM5.0 juta. Dari 2016 ke 2017 kerajaan negeri telah melaburkan sebanyak RM8.0 juta untuk menjayakan PPSJ. Di sini saya ingin tahu apakah kayu ukur kejayaan PPSJ dalam maksud lain, apakah KPI yang ditetapkan dan apakah pencapaian setakat ini di setiap daerah mengikut lapangan kebicaraannya setelah PPSJ dilaksanakan sehingga kini? Saya juga mahu bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar selaku Ketua Eksekutif pentadbiran kerajaan negeri, berhubung arahan rakan beliau iaitu Tan Sri Noh bin Haji Omar, Menteri di Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah memberi arahan untuk membatalkan semua kelulusan projek kerajaan tempatan di kawasan Parlimen di mana BN tewas. Kenyataan beliau itu adalah mengikut Pekeliling yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan

Tempatan bertarikh 17 Mac. Dalam surat itu menyatakan bahawa kerajaan tempatan diarahkan untuk membatalkan projek-projek BP1 2017 yang telah diluluskan kepada PBT di kawasan-kawasan parlimen bukan BN. Oleh yang demikian, apakah kesan arahan Menteri tersebut terhadap pelaksanaan pelan Pertumbuhan Strategi Johor? Adakah kerajaan negeri harus tunduk dengan arahan semberono Menteri ini atau mengabaikan arahan menteri mereka sendiri yang memberi tumpuan kepada keperluan rakyat yang telah dirancangkan? Jika Menteri Besar tidak tahu untuk membuat keputusan maka saya ingin mencadangkan agar Menteri Besar mengabaikan arahan Menteri tersebut kerana arahan itu jelas sekali menggambarkan kecetekan pemikiran menteri UMNO. Kita orang Johor jangan sekali-kali membiarkan diri kita diperbodohkan oleh tindakan Menteri yang tidak menghormati semangat dan prinsip demokrasi yang melayan semua pihak secara adil. Jika Menteri Besar tunduk dengan arahan tersebut, maka ia menjadi bukti bahawa kerajaan negeri Johor adalah boneka kerajaan kleptokrasi. Johor perlu berdikari dalam aspek ekonomi yang tidak terlalu bergantung dengan kerajaan pusat yang kini sedang dalam krisis kepimpinan yang sangat kritikal.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menarik tumpuan ketiga mengenai pengumuman Menteri Besar Johor, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohamad Khaled Nordin, berhubung kesediaan kerajaan negeri untuk membentangkan kad laporan bagi membolehkan rakyat menyemak dan menilai prestasi kemampuan kerajaan pimpinan beliau dalam mengotakan janji. Pada masa yang sama Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengetuai 9 EXCO Kerajaan negeri telah menandatangani ikrar bebas rasuah. Saya menghargai inisiatif beliau dalam usaha meningkatkan integriti kerajaan di mata rakyat. Namun adakah ini satu polisi atau ia hanya sekadar gimik politik untuk mengaburi mata rakyat ketika pilihan raya umum akan berlaku tidak lama lagi? Bagi kami ikrar bebas rasuah ini sekadar lafaz janji pihak yang menganggap ikrar. Ia bukan suatu mekanisme untuk membendung kegiatan rasuah yang sedang memarak dalam kerajaan.

Justeru itu, saya ingin menegur YB Permas selaku Menteri Besar untuk menerima saranan kami iaitu mengisytiharkan harta dan pemilik Ahli-Ahli EXCO negeri. Saya berpendapat langkah yang kami cadangkan ini lebih konkrit daripada sekadar membaca ikrar tanpa apa-apa langkah yang jelas dan pantas. Keberanian Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri membuat pengisytiharan harta akan dicontohi oleh pegawai-pegawai kanan negeri yang lain. Ini akan membawa satu budaya yang lebih baik kepada semua. Untuk memastikan agenda ketelusan pentadbiran diamalkan dalam urus tadbir Johor, saya di sini ingin mencabar Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan YB EXCO-EXCO mengisytiharkan harga mereka untuk sebagai bukti keikhlasan mereka yang menandatangani ikrar bebas rasuah. Sebagai langkah dalam memastikan urus tadbir yang baik, dengan izin, *good governance*, kerajaan negeri sewajarnya menubuhkan satu sistem yang baru iaitu jawatankuasa terpilih khas, bagi hal ehwal integriti yang meliputi wakil kerajaan, pembangkang dan pegawai kanan negeri termasuk pegawai wakil daripada pihak SPRM. Ini akan membolehkan jawatankuasa khas ini meneliti semula semua prosedur dan mekanisme urus tadbir yang cekap dan telus. Tanpa jawatankuasa ini sebarang langkah yang ambil hanya akan menjadi langkah politik oleh kerajaan negeri kerana prinsip semak dan imbang dengan izin, *check and balance,* tidak wujud dalam mengendalikan urus tadbir ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai reformasi Pihak Berkuasa Tempatan, berhubung dengan agenda reformasi dan pemerkasaan, dengan izin, *empowerment*, ke atas Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan, sekali lagi saya menyeru

kepada Menteri Besar dan kerajaan negeri agar melakukan reformasi sistem di PBT. Reformasi ini penting bagi memastikan agenda kerajaan dapat dilaksanakan dengan lebih cepat dan cekap. Ia juga akan meningkatkan integriti PBT dan keberkesanan fungsinya. Reformasi ini boleh dilakukan secara berperingkat atau berfasa sesuai dengan persekitaran semasa. Antara perkara asas atau prinsip yang boleh dilakukan di peringkat awal adalah dengan menyemak kembali sistem pemilihan dan pelantikan Ahli-Ahli Majlis di setiap PBT. Langkah pertama ini boleh dikaji dilaksanakan dengan memberi tumpuan kepada pembahagian Ahli-Ahli Majlis mengikut sektor-sektor terpenting. Cadangan saya antaranya:

Pertama, separuh atau 50% di kalangan Ahli-Ahli Majlis setiap PBT hendaklah meletakkan golongan muda di bawah umur 35 tahun yang berkelayakan. Manakala satu pertiga lagi diwakili oleh golongan wanita yang bermastautin di *locality* tersebut dan mempunyai kelayakan sebagai Ahli Majlis. Manakala satu slot bagi setiap PBT hendaklah ditetapkan untuk seorang golongan kurang upaya bagi memastikan golongan ini dapat terlibat dalam memberi sumbangan kepada pembangunan tempatan.

Kumpulan-kumpulan ini mempunyai kreativiti dan potensi untuk membantu dan memberi khidmat kepada masyarakat dan juga PBT itu sendiri dalam merangka pelan pembangunan dan pengurusan kawasan Pihak Berkuasa. Ini juga akan memberi peluang pekerjaan yang baru kepada golongan-golongan tersebut. Saya menggesa agar kerajaan negeri dan semua PBT melihat cadangan ini dari sudut yang positif bukan hanya pandangan sebelah mata hanya kerana kami ini pembangkang dalam kerajaan. Saya juga ingin membangkitkan isu berkaitan mesyuarat penuh PBT. Saya memohon kepada pihak kerajaan negeri untuk memberi kebebasan kepada Yang Dipertua Majlis dan PBT untuk membenarkan wakil-wakil rakyat pembangkang menyertai mesyuarat penuh yang dijalankan oleh PBT. Ini amat penting memastikan wakil rakyat kami memainkan peranan yang lebih baik dengan PBT dan juga rakyat. Kami dituduh sebagai suka mengkritik sebaliknya tugas-tugas sebagai wakil rakyat disekat di peringkat PBT. Pada masa yang sama kami amat bersimpati dengan seluruh tadbir di PBT-PBT yang tidak dapat memainkan peranan secara neutral dan profesional kepada kami. Kami memahami dilema mereka dan kami memohon kepada Menteri Besar untuk menjadi Menteri Besar kepada semua rakyat tanpa mengira parti atau pun integriti dan profesionalisme adalah mengatasi sikap kepartian yang sempit dan tidak berpenghujung.

Yang Berhormat Dato' Speaker, masih berkisar mengenai hal ehwal PBT, saya ingin menyentuh peranan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk, JPP yang saya kira tidak jelas peranan atau fungsinya kepada masyarakat sebaliknya JPP ini seakan berperanan agen parti politik pihak-pihak tertentu. Tujuan saya membangkitkan isu ini adalah untuk kita menilai kembali fungsi entiti tersebut kerana ia dilihat bukan untuk membantu PBT dan masyarakat setempat, sebaliknya menjadi pencetus masalah bagi rakyat. Masalah yang dicetuskan adalah berpunca daripada Ahli-Ahli JPP ini sendiri yang bekerja dengan cara yang tidak profesional atau dengan kata lain, dengan memilih bulu. Mereka menjadi telinga dan mata politik tertentu bukan menjadi mata dan telinga kepada rakyat dalam membantu menyelesaikan masalah. Saya beranggapan keadaan sudah menjadi krisis yang parah. Garis politik parti dan ideologi dengan politik polisi rakyat sudah tidak ada. Yang akan menjadi mangsa dalam hal adalah rakyat dan juga PBT itu sendiri. Saya tidak menyalahkan pihak PBT kerana JPP ini bukan mereka yang mewujudkan, sebaliknya oleh kerajaan pusat menerusi Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan

Kerajaan Tempatan, dengan kewujudan entiti JPP ini, saya kira ia juga menjadi masalah kepada PBT yang telah pun mempunyai institusi Ahli Majlis.

Jika Ahli Majlis di setiap PBT mempunyai 24 zon dan 24 Ahli Majlis, maka setiap zon JPP pula diwakili oleh 10 orang AJK dengan seorang ketua. Ini bermakna sebanyak 264 ahli di setiap PBT. Kesemua wakil-wakil ini menjadi agen-agen politik parti. Bukan mengutamakan isu-isu rakyat, tugas ahli JPP ini akan bertindih dengan peranan Ahli Majlis. Ini bukankah menyusahkan rakyat dan juga PBT itu sendiri? JPP ini digunakan untuk mempergunakan PBT untuk tujuan kepartian. Saya menyarankan kepada kerajaan negeri untuk meneliti kembali perkara ini kerana kita mahu memastikan rakyat dan PBT dapat menjalin hubungan yang baik yang lebih baik tanpa ada gangguan dari JPP. Kredibiliti PBT harus kita jaga agar tidak dirosakkan oleh agen-agen kerajaan persekutuan yang dipimpin oleh seorang *kleptocrate*.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai ketelusan sistem pilihan raya, berhubung daftar pemilihan pilihan raya, YB Mengkibol pada Februari lalu telah membangkitkan isu di mana terdapat banyak nama-nama pemilih yang mengelirukan ditemui. Ini termasuklah lapan orang nama yang berkongsi alamat dengan Menteri Besar Johor. Selain daripada itu, pihak kami turut menemui banyak lagi nama yang mempunyai alamat yang bertindih dan meragukan. Sesungguh pun ini bukan bidang kuasa kerajaan negeri, namun demikian kerajaan negeri harus peka dan harus pro aktif dalam bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Pilihan Raya untuk menyediakan satu sistem yang bersih dan teratur. Jika tidak kerajaan negeri hanya akan dilihat sebagai pihak yang menangguk di air yang keruh. Masalah-masalah ini berpunca dari sikap tidak telus, semua agensi kerajaan negeri termasuk peringkat pusat. Perubahan alamat-alamat ini, bukan dilakukan oleh parti DAP, Amanah, PKR atau PPBM. Sebaliknya urusan ini dibuat oleh SPR. Jadi mengapa kami disalahkan apabila kami membangkitkan wujudnya kesilapan dan kesangsian atas nama-nama daftar pemilik ini.

Kerajaan negeri harus bersikap natural dalam memastikan keadilan sistem pilihan raya ini wujud dan berfungsi. Saya pasti parti kerajaan mahu menang dengan cara yang bersih, bukan seperti mana pemimpin kleptokrasi yang memanipulasi agensi kerajaan demi *survival* kuasa politik *corrupt* mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai perpaduan kaum, saya ingin merakam ucapan sembah takzim atas kata-kata nasihat dan harapan Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofia Sultan Idris Shah yang dinukilkan dalam status laman sosial *Facebook* bulan April yang lalu. Titah Tuanku Permaisuri akan pentingnya perbezaan iktikad, kepercayaan itu diraikan dan dihormati oleh segenap lapisan masyarakat rentas kepercayaan dan kaum di negara ini. Seruan dan harapan Tuanku Permaisuri adalah selari dengan gagasan yang digarap oleh DAP sebagai parti pelbagai kaum semenjak awal penubuhannya sehingga kini, iaitu menghormati kebebasan beragama sebagaimana yang termaktub dalam perlembagaan persekutuan. Justeru itu, saya mewakili pakatan pembangkang negeri Johor, berikrar di Dewan yang mulia ini untuk kekal komited dalam memupuk perpaduan bangsa Johor kami menolak sekeras-kerasnya politik perkauman yang cuba digunakan oleh pihak-pihak tertentu, apatah lagi ketika menjelang pilihan raya umum ke-14 yang akan datang. Kami juga menyeru kepada semua parti politik khususnya UMNO dan MCA untuk tidak lagi bermain dengan sentimen kebencian kaum dan agama. Sebaliknya menumpukan kepada perpaduan dan pembangunan ekonomi dan rakyat negeri Johor seperti kami rakan-rakan pembangkang. Sekian terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Wah. Terima kasih Penggaram. Belum cukup masa dah berhenti.

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Sebab pengalaman sudah bagi tahu, kena baca dengan cepat.

YB Timbalan Speaker : Persidangan diteruskan. Sila, Puteri Wangsa.

YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. Bismillahirrahmanirrahim. (Berselawat).

Yang Berhormat Dato' Speaker, Puteri Wangsa merafak sembah junjung kasih kepada titah ucapan Tuanku Sultan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim yang telah disampaikan oleh Tunku Mahkota Johor dalam Pembukaan Penggal Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor yang ke-13 pada hari Khamis, 4 Mei 2017 di Bangunan Sultan Ibrahim Johor Bahru.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Puteri Wangsa telah mengikuti dengan penuh minat dan meneliti serta memperhalusi, setiap bait titah ucapan Tuanku Sultan secara tuntas Puteri Wangsa merumuskan bahawa terdapat dua elemen utama, terdapat dua elemen utama yang menjadi kata kunci titah tersebut.
Pertama, ialah pembangunan kerohanian atau *spiritual* dan sahsiah unggul yakni pembinaan pembentukan, penghayatan dan amalan, nilai-nilai insaniah aras tinggi. Melalui pendidikan dan jentera pentadbiran, lantaran urus tadbir yang menuntut kepada akhlak mulia, disiplin tinggi, cekap, efisien, berakauntabiliti dan berintegriti.

Kedua, ialah pembangunan fizikal, iaitu memfokuskan sosioekonomi dan jajaran yang bersangkutan dengannya. Serta wajaran mekanisme dan prasarana yang kondusif. Produktif serta *transparent* dalam membuat keputusan dan menyelesaikan setiap permasalahan rakyat dan negeri serta tindakan susulannya.

Sirah Nabi petunjuk jalan, jadikan amalan dalam setiap rancangan dan tindakan, berpandukan Al-Quran dan As-Sunnah. Merintis kita laluan ke Jannah, sebagai pemimpin dan khalifah di bumi tanggungjawab berat kita pikuli. Akal sahaja tidak mencukupi, sirah Nabi perlu diungguli, di dahului.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sirah Nabi telah memberi kepada kita banyak pengajaran, tauladan dan panduan dalam konteks bernegara. Sebagai contoh, perkisahan Nabi Ibrahim Alaihissalam, Nabi Yusuf Alaihissalam dan Nabi Muhammad SAW. Di mana menerusi kitab suci Al-Quran membekalkan informasi dan pengajaran kepada kita bahawa tatacara untuk membina negara dan mengurus tadbirkannya dengan baik. Dalam perkisahan tersebut, telah diperlihatkan bahawa pendidikan kerohanian atau *spiritual* yakni pembangunan insaniah dan kemahiran insaniah adalah menjadi perkara pokok yang menjadi keutamaannya. Kemudian barulah disusuli dengan perkara-perkara atau hal-hal lainnya, iaitu ekonomi, sosial, budaya, politik, teknologi dan sebagainya. Kesemuanya pula digabung jalinkan dengan baik menerusi didikan agama yang lengkap dan sempurna agama sebagai Addin cara hidup yang lengkap dan sempurna. Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman, (bacaan surah) surah Al-Isra' ayat 9 yang bermaksud, "sesungguhnya Al-Quran ini memimpin ke jalan yang lebih lurus dan memberi berita gembira kepada orang-orang yang beriman dan beramal soleh. Bahawa bagi mereka tersedia ganjaran pahala yang besar." Sabda Rasulullah

SAW (bacaan dalam bahasa Arab) yang bermaksud; "hanya Sa-nya aku dibangkitkan bagi menyempurnakan kemuliaan akhlak."

Sebagaimana yang semua bangsa Johor sedia maklum, Tuanku Sultan yang kita sayangi turut mendapat didikan agama yang baik melalui sistem persekolahan, Sekolah Agama Johor. Dan tidak hairanlah bahawa Tuanku begitu prihatin dan mengambil berat terhadap pendidikan agama di negeri Johor khususnya Sekolah Agama Johor yang mana merupakan satu-satunya sistem persekolahan agama yang amat unik dan dipraktikkan sejak sebelum merdeka lagi di negeri Johor ini. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Sekolah Agama Kerajaan Johor adalah sekolah pendidikan Islam yang ditadbir terus oleh kerajaan Johor melalui Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Sekolah Agama Kerajaan Johor adalah produk pendidikan yang diwujudkan atas titah perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Almarhum Sultan Abu Bakar yang bertujuan memberi pendidikan agama kepada kanak-kanak Islam di Negeri Johor dengan menggunakan perantaraan Bahasa Melayu dan diberi secara percuma bagi memastikan kanak-kanak Islam di Johor mendapat pendidikan agama yang teratur sempurna dan dikawal oleh pihak kerajaan.

Masyarakat Islam Johor telah menerima Sekolah Agama Johor sebagai satu keperluan walaupun pada masa yang sama anak-anak mereka mendapat pendidikan agama menerusi mata pelajaran Pendidikan Islam yang diajar di arus perdana iaitu sekolah rendah dan menengah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Namun, entiti Sekolah Agama Johor yang menyediakan kurikulum agama yang lebih komprehensif telah menjadi komplementari dan pelengkap kepada didikan agama Islam kepada para pelajar. Hal ini dapat dilihat melalui objektifnya iaitu mengenal, mempelajari, memahami dan menghayati asas-asas akidah dan ibadah serta sentiasa bersyukur kepada Allah. Dapat membaca al-Quran dengan baik dan bertajwid serta dapat memahami dan menghayati pengajaran yang terkandung di dalamnya di samping boleh menghafaz surah-surah pilihan. Membentuk peribadi mulia, berfikiran positif, berdaya kreatif, produktif serta sentiasa berdaya tahan dan berdaya maju. Dapat memupuk kemahiran menulis dan membaca jawi serta dapat mempertahankannya. Mempelajari, memahami dan memupuk kemahiran berbahasa Arab sama ada secara lisan dan tulisan. Dapat melakukan dan menghayati amalan-amalan fardu ain, fardu kifayah dan sunat dengan baik menerusi pelajaran amali.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Puteri Wangsa amat terpanggil untuk mendukung niat murni Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan supaya Jabatan Agama Johor mengambil cakna saranan Tuanku supaya segala kelemahan yang wujud sama ada yang berhubung kait dengan sistem persekolahannya,urus tadbir, prasarana dan kurikulumnya perlulah diambil tindakan segera bagi mengembalikan kegemilangan produk sekolah agama kerajaan Johor ini. Maka Puteri Wangsa menyarankan beberapa perkara berikut; gaji guru dan kakitangan sekolah agama disemak dan dinaiktarafkan, prasarana bagi mana-mana sekolah agama yang masih kurang kondusif supaya ditingkatkan dan dinaiktarafkan, kurikulum yang mantap sebagaimana diajarkan kitab Mutaal badrin suatu ketika dulu diperkemas dan dipertingkatkan sejajar dengan perkembangan dunia pendidikan masa kini. Apatah lagi bagi menyedia dan mensiapsiagakan anak-anak yang belajar,memiliki ilmu agama yang kukuh.

Sekarang ini di bawah Jabatan Agama Johor terdapat beberapa bahagian termasuk Bahagian Pendidikan yang ditadbir oleh seorang pengarah. Puteri Wangsa mencadangkan di bawah Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Johor

mempunyai 600 buah sekolah agama kerajaan Johor, 20 buah sekolah menengah agama, 10 buah sekolah rendah Arab, 150 tahfiz dan madrasah, swasta, 5,000 orang guru, 1,500 staf dan kakitangan lain, 650 badan kebajikan sekolah dan PIBG. Maka di atas tanggungjawab yang begitu besar, maka sudah tiba masanya Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Johor di naik taraf sebagai sebuah jabatan iaitu Jabatan Pendidikan Agama Islam Johor demi pengurusan dan pentadbiran yang lebih cekap dan memberi manfaat kepada umat Islam di Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, darjah khas Johor merupakan penamat bagi sekolah agama kerajaan Johor. Dengan kelulusan darjah khas, pelajar sekolah agama Johor akan memperolehi sijil darjah Khas Agama sebagai sijil tertinggi kerajaan Johor. Maka kelas darjah khas Johor ini perlu diberi perhatian yang sangat serius seperti berikut; silibus kurikulum perlu dikaji semula secara sistematik yang memberi kesan yang maksimum kepada pelajar, masa dan waktu pertemuan perlu dikaji tidak memadai dengan seminggu sekali pertemuan, guru yang mengajar darjah khas perlu dilantik mengikut kelayakan yang sebenar, elaun dan imbuhan guru darjah khas perlu dinaikkan atau dibayar mengikut kadar yang sewajarnya. Sijil darjah khas perlu diberi keutamaan dalam melantik penjawat awam di negeri Johor seperti Askar Timbalan Setia Negeri Johor.

Cadangan kerajaan Johor perlu melantik dan menghantar guru yang ramai di sekolah supaya sekolah boleh menjalankan pembelajaran dengan selesa. Dengan adanya guru yang ramai, sekolah juga boleh mengadakan sistem mengajar dan memberi kesan yang sangat baik kepada pelajar dan guru. Kerajaan juga perlu penetapan setiap kelas tidak boleh melebihi daripada 25 orang mengikut piawaian Kementerian Pelajaran.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berhubung dengan penggabungjalinan antara pembangunan kerohanian atau *spiritual* dan sahsiah unggul yakni pembinaan, pembentukan, penghayatan dan amalan nilai-nilai insaniah aras tinggi dengan pembangunan fizikal yang merangkumi kemapanan sosioekonomi dan jajarannya. Maka dalam konteks ini, jentera pentadbiran dan segala hal yang menyangkut urus tadbir di semua peringkat amat menuntut kepada akhlak mulia, budi pekerti unggul, disiplin tinggi, cekap, efisien. Lantaran itu, pendidikan sepanjang hayat dalam hal-hal agama Islam khususnya perlu diberikan kepada rakyat sama ada secara formal dan bukan formal. Dengan demikian, pemahaman dan penghayatan serta amalan beragama khususnya Islam sebagai addin ataupun cara hidup, *the way of life*, dengan izin, bukan sahaja difahami malahan dapat dipraktikkan secara syumul sebagaimana yang dibawa oleh junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Puteri Wangsa berpandangan dalam merintis, memacu dan melestarikan kesejahteraan Johor menuju negeri Johor yang sejahtera, maka beberapa isu perlulah diberi keutamaan dan ketelitian dan dibendungi dengan penuh berhemah dan berhikmah.

Yang pertama, isu RUU 355 menjadi tanggungjawab kerajaan, Jabatan Agama, institusi agama, mahkamah syariah dan rakyat khususnya yang beragama Islam dan pihak-pihak yang berwajib. Usaha menaik taraf mahkamah syariah melalui RUU 355 wajar disambut dengan dada yang lapang, pemikiran yang rasional dan keimanan yang kukuh serta ketakwaan yang tinggi demi menyelesaikan masalah umat Islam di Malaysia dan negeri Johor khususnya.

Yang kedua, rasuah dan salah guna kuasa menjadi tanggungjawab SPRM dan semua pihak.

Yang ketiga, isu ekonomi, pelaburan hartanah, status tanah dan pemilikannya atau pajakan atau sewaan perlulah dikawal selia secara berakauntabiliti, berintegriti dan berhemah dan berhikmah oleh pihak-pihak yang berautoriti dan berkuasa bagi menjamin ekosistem kesaksamaan dan keadilan serta kelestarian kepada rakyat Johor yang dinaungi oleh Tuanku.

Yang keempat, perumahan menjadi tanggungjawab pemegang taruh *stakeholder* berkaitan dan rakyat yakni pembeli serta kerajaan dan agensi berkaitan yakni mekanisme pemantau harga rumah, pemberian CF, barang binaan dan sebagainya. Keadilan dan kesaksamaan dalam konteks pemilikan rumah mampu milik dalam kalangan rakyat yakni penduduk Johor perlu ditangani secara bijaksana, berhemah dan berhikmah.

Yang kelima, pendidikan dan sekolah agama menjadi tanggungjawab kerajaan, Jabatan Agama Islam Johor bersama semua pihak dan pemegang taruh *stakeholder* berkaitan. Rakyat Johor perlu mendapat didikan agama Islam yang lengkap dan sempurna untuk menjadi generasi yang penuh dengan ilmu agama. Justeru itu, bantuan dan sokongan yang sewajarnya hendaklah disalurkan ke sekolah-sekolah atau institusi-institusi berkenaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker,

YB Timbalan Speaker : Dah habis Puteri Wangsa?

YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Ada masa lagi?

YB Timbalan Speaker : Hehehe.. Jemput duduk.

YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan saya tangguhkan sehingga jam 2:30 petang.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 tengah hari.

Persidangan disambung pada jam 2:30 petang.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Saya persilakan Yang Berhormat Puteri Wangsa menyambung perbahasan.

YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Tak sepatutnya dalam Sidang yang mulia ini Puteri Wangsa tidak menyampaikan hasrat dan masalah yang dihadapi oleh rakyat. Dengan itu, di sini Puteri Wangsa berharap, berharap sangat agar pihak kerajaan supaya dapat mengatasi segera masalah yang dihadapi oleh rakyat terutama masalah jambatan sempit dan uzur di Sungai Tebrau, Jalan Kampung Maju Jaya. Masalah jambatan ini telah beberapa kali dimajukan kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab dan

telah pun dibawa untuk dibahaskan dalam Sidang DUN yang lalu. Pelbagai jawapan diterima dari pihak EXCO yang bertanggungjawab seperti akan dilaksanakan kerja-kerja pelebaran dari dua lorong ke empat lorong, namun hingga saat ini tiada tanda-tanda kerja-kerja tersebut akan dilaksanakan. Hanya, janji tinggal janji.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, begitu juga dengan masalah banjir kilat serta membawa lumpur yang sering berlaku apabila hujan turun dengan lebatnya terutama di Kampung Maju jaya, Taman Istimewa, Kampung Tawakal, Kampung Baru Sri Aman dan juga di daerah-daerah lain seperti di Batu 4, Jalan Kluang-Mersing. Sidang DUN yang mulia ini semua maklum akibat berlakunya banjir kilat atau banjir lumpur ini akan mengakibatkan kerosakan harta benda dan masalah kesihatan kepada mangsa banjir tersebut. Puteri Wangsa berharap sangat masalah banjir kilat ini dapat diatasi segera terutama di Kampung Maju Jaya. Punca berlakunya banjir kilat ini ialah disebabkan tiada kerja-kerja pembersihan juga pembaikan sistem perparitan di kawasan tersebut. Berlanjutan masalah banjir kilat yang berlaku di Kampung Maju Jaya adalah berpunca dari pembinaan loji saluran limpahan air yang tidak sesuai hingga tidak dapat menampung jumlah air yang diterima. Projek tersebut di bawah tanggungjawab Eco World dan Johor Land.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan secara tersurat dan tersiratnya bertitah bahawa kejayaan bukan diukur semata-mata dengan pembangunan ekonomi sahaja. Tetapi yang sangat penting ialah pentarbiahan ataupun didikan khususnya Pendidikan Agama Islam. Bagi mencapai tahap kesejahteraan dan keharmonian yang mana aspek penting terangkum di dalamnya seperti toleransi, persefahaman, hormat-menghormati, berakhlak mulia, menghormati Rukun Negara, Perlembagaan Negara dan kedaulatan raja-raja bagi memastikan kelangsungan hidup yang aman, damai, tenteram, bahagia dan sentosa. Dalam konteks ini Puteri Wangsa, melalui wardah PAS menerusi budaya politik matang dan sejahtera, mendukung Johor Sejahtera dan kesejahteraan hidup rakyat di bawah naungan Tuanku.

Puteri Wangsa sekali lagi merakamkan merafak junjungan kasih ke bawah Tuanku kepada titah ucapan Tuanku Sultan dan terima kasih kepada Tan Sri Speaker dan seluruh Ahli Dewan dan pegawai-pegawai, jutaan terima kasih kepada semua. Jika ada jarum yang patah jangan disimpan dalam peti, jika ada khilaf dan salah, jangan disimpan dalam hati. Masa kecil main guli, sudah dewasa main gusti, bila tua main dam haji...

YB Speaker : Main apa Yang Berhormat? Dah dewasa tu main apa?

YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Sudah dewasa main gusti.

YB Speaker : Ha...

YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) : Bila tua main dam haji, anak cucu kata buang tabiat ni. Rasa jika terkucil di hati, lidah berbicara menusuk hati, tika berada di Dewan mulia ini, marilah kita saling maaf-memaafi, bersama kita bina Johor Sejahtera untuk diwarisi, Insya-Allah Puteri Wangsa ke Dewan ini lagi di Sidang 14 nanti. Sekian, wabillahi taufik, Puteri Wangsa mohon menyokong.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Puteri Wangsa. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tenggaroh.

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Salam sejahtera, salam muafakat Johor dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu, Tenggaroh ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kerana diberi peluang berucap dalam rundingan menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seperti di dalam titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, walaupun dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu pada tahun 2016, negeri Johor telah berjaya mendapatkan nilai pelaburan dalam bidang pembuatan yang paling tinggi untuk 4 tahun yang berjumlah RM26.41 bilion. Ini bukan bermakna Johor memberi lebih insentif berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Kerana insentif-insentif pelaburan selalunya diberikan oleh kerajaan persekutuan. Untuk saya, kenaikan pelaburan di Johor ada banyak sebab. Antaranya ialah kestabilan politik, kos rendah membuat *business* di Johor, keadaan geografi Johor yang strategik. Tetapi antara faktor-faktor ini yang paling penting untuk pelabur datang ke Johor ialah Yang Amat Berhormat Dato' Khaled Nordin, pelabur percaya dengan kepimpinan dan kepintaran Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor menerajui kerajaan negeri Johor. Ini jelas menunjukkan Johor berada dalam landasan yang baik dan ini patut diteruskan untuk tahun-tahun yang akan datang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pada tahun 2016 sektor pelancongan telah menyumbang sebanyak USD64 bilion kepada ekonomi negara United Arab Emirates dan UAE bercadang meningkatkan amaun ini kepada dua kali ganda dalam 10 tahun. Manakala sektor pelancongan juga menyumbang sebanyak 28% GDP negara Maldives. Di Johor juga kedatangan pelancongan ke negeri Johor telah bertambah kepada 7 juta pada tahun 2016. Tahniah EXCO Pelancongan. Ini jelas menunjukkan kepentingan sektor pelancongan untuk negara dan juga negeri kita. Merujuk titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, jika Dubai yang merupakan hanya sebuah perkampungan nelayan 25 tahun dahulu bertukar wajah menjadi sebuah bandar raya yang amat maju dan terkenal sekarang, jika Dubai boleh, Mersing pun boleh menjadi sebuah bandar yang pesat membangun jika mempunyai infrastruktur awam yang lengkap dan sempurna. Oleh yang demikian, Tenggaroh menyambut baik cadangan kerajaan negeri untuk membina sebuah lapangan terbang di Mersing yang mempunyai banyak pulau yang cantik dan bersih.

Jika kita cakap pasal infrastruktur awam yang lengkap dan sempurna, jeti Mersing juga perlu diperlihatkan untuk *compliment,* dengan izin, lapangan terbang yang akan dibina. Untuk keadaan sekarang, bot-bot boleh menggunakan jeti hanya waktu air pasang. Bila air surut di jeti bot-bot tidak boleh melalui jeti Mersing. Oleh kerana itu, pelancong hanya boleh ke pulau mengikut keadaan cuaca dan bukan mengikut masa yang boleh ditentukan. Ini menyukarkan pelancong. Oleh yang demikian, ingin saya cadangkan agar muara jeti Mersing diperdalam agar jeti Mersing boleh digunakan 24 jam.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, satu lagi infrastruktur awam yang perlu dinaiktarafkan di Mersing untuk meningkatkan sektor pelancongan adalah jambatan Mersing yang berada di pusat bandar raya. Jambatan ini merupakan salah satu jalan perantaraan dari...

YB Speaker : Pusat bandar je, belum bandar raya Mersing.

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) : *Sorry*, pusat bandar. Harap-harap Mersing boleh jadi bandar rayalah.

Jambatan ini merupakan salah satu jalan perantaraan dari Mersing ke Endau dan seterusnya ke Pahang. Pada hujung minggu atau pada musim perayaan timbulnya kesesakan lalu lintas yang menyebabkan mengambil masa berjam hanya untuk melepasi jambatan yang sempit ini yang jaraknya tidak melebihi 100 meter. Justeru itu, saya berharap agar satu jambatan baru atau jalan alternatif diwujudkan agar kesesakan lalu lintas ini dapat dikurangkan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, banyak peniaga-peniaga di Mersing juga merungut bahawa banyak pelancong datang ke Mersing tetapi semuanya yang datang akan terus ke pulau. Kita tidak dapat menahan pelancong di darat kerana kurang daya tarikan untuk pelancong di darat. Peniaga-peniaga di Mersing selalu merungut banyak lagi tempat tarikan pelancong atau tempat beriadah patut dibina di bandar Mersing. Tetapi bandar ini sudah berubah sekarang dengan kehadiran *the 8 wonders of the world*, dengan izin, ke Mersing. *The 8 wonders of the world* yang saya katakan ialah Istana *Flintstone* Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Keunikan dan kecantikan istana ini memang lain daripada yang lain. Dengan kehadiran Istana *Flintstone* ini sudah tentu sektor pelancongan di Mersing dan juga Johor akan meningkat. Ingin saya mewakili rakyat Mersing merafak sembah menjunjung kasih mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor kerana membina satu ikon Johor iaitu Istana *Flintstone* khas untuk rakyat Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selain pulau terdapat banyak lagi tempat pelancongan di Mersing. Tak banyak tengok aspek-aspek lain mengenai pelancongan di darat sebagai contoh hutan simpanan Endau-Rompin atau hutan lipur di Mersing. Tempat-tempat pelancongan ini juga perlu dipromosikan dengan lebih eksklusif dan agresif, dengan izin. Pada masa yang sama bila cakap pasal nak tingkatkan pelancongan, kita juga perlu ambil kira mengenai keindahan dan keaslian alam semula jadi tempat pelancongan ini agar bila ada pembangunan di tempat pelancongan ini keindahan dan keaslian alam semula jadi ini tidak diabaikan. Selain itu, ada juga pergi melancong untuk bermain golf. Sekarang ini, padang golf yang paling terdekat dari Mersing ialah di Lanjut, Rompin. Oleh itu, ingin saya juga mencadangkan agar satu padang golf dibina di Mersing yang boleh dijadikan antara usaha-usaha meningkatkan sektor pelancongan di Mersing.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, *medical tourism*, dengan izin, juga merupakan satu industri yang semakin meningkat. Ramai orang akan pergi ke tempat yang nyaman dan tenteram untuk mendapatkan perkhidmatan perubatan pakar. Mersing merupakan satu tempat yang ideal untuk *medical tourism* kerana berdekatan dengan pantai yang cantik yang di sekelilingi oleh hutan yang memberikan angin yang nyaman dan tenteram. Oleh itu, ingin saya mencadangkan agar Institut Kesihatan Kerajaan membina satu pusat perubatan pakar khas untuk *medical tourism* di Mersing selari dengan dasar kerajaan negeri menjadikan Mersing sebagai bandar pelancongan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selain sektor pelancongan, Mersing dari dulu juga terkenal dalam sektor perikanan. Pada waktu sekarang, nelayan-nelayan kecil pergi ke laut untuk menangkap ikan. Hasil tangkapan kemudiannya akan dibeli oleh orang tengah yang akan kemudiannya menjualnya di pasar pada masyarakat dengan harga yang lebih tinggi. Melalui proses ini dua pihak yang mengalami kerugian, yang mana satu adalah nelayan yang terpaksa menjual hasil tangkapan

kepada orang tengah dengan harga yang rendah dan kedua, ialah masyarakat yang terpaksa membeli dengan harga yang tinggi daripada orang tengah. Hanya orang tengah sahaja meraih keuntungan yang tinggi melalui proses ini. Oleh yang demikian, ingin saya merayu agar satu pusat penjualan ikan segar yang dikendalikan oleh nelayan disediakan di Mersing agar masyarakat dapat membeli ikan terus daripada nelayan. Apabila masyarakat dapat membeli terus-menerus daripada nelayan, ini akan meningkatkan pendapatan seisi keluarga nelayan dan pada masa yang sama membuat masyarakat membeli ikan dengan harga yang lebih murah kerana dengan adanya pusat penjualan ikan segar, ianya dapat mengasingkan orang tengah yang akan merangkul keuntungan nelayan dan masyarakat. Ini secara tidak langsung akan mengurangkan kos sara hidup yang dihadapi oleh masyarakat pada masa kini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Tenggaroh merupakan satu tempat yang kebanyakan tempatnya terdiri daripada rancangan-rancangan FELDA. Sekarang, rumah-rumah yang terdapat di rancangan-rancangan FELDA ini adalah kebanyakannya terdiri daripada rumah-rumah untuk generasi yang pertama. Generasi kedua FELDA tidak mempunyai rumah di rancangan mereka. Walaupun selepas berkeluarga mereka masih perlu menumpang bersama ibu bapa kerana tidak mempunyai kediaman sendiri. Daripada 12 rancangan yang ada di Tenggaroh, hanya terdapat satu projek perumahan untuk generasi kedua yang dinamakan Sentuhan Kasih di Tenggaroh 3. Projek ini tidak cukup untuk memenuhi permintaan generasi kedua yang berada di rancangan-rancangan FELDA di Tenggaroh. Justeru, ingin saya cadangkan agar lebih banyak rumah dibina untuk generasi-generasi kedua yang masih bersama FELDA dan kerajaan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di dalam rancangan-rancangan FELDA Tenggaroh, terdapat juga banyak kakitangan-kakitangan kerajaan yang menetap di situ, sebagai contoh guru-guru sekolah, kakitangan Kementerian Kesihatan, staf SAJ dan banyak lagi. Masalah mereka ialah kekurangan rumah-rumah kediaman untuk diduduki oleh mereka. Walaupun nak sewa malah tiada rumah untuk disewa. Nak beli pun tiada pula projek perumahan yang berhampiran. Sebab kekurangan ini, mereka terpaksa berjalan hampir 60 km sehari sehala. Bandar yang paling dekat dengan kawasan perumahan yang boleh disewa adalah di Mersing ataupun di Kota Tinggi. Jarak perjalanan ini membuatkan mereka tidak berminat untuk bekerja di kawasan-kawasan rancangan FELDA Tenggaroh dan menyebabkan mereka selalu memohon untuk berpindah tempat bekerja. Oleh yang demikian, dengan besar harapan saya memohon agar satu kuarters kerajaan untuk kakitangan-kakitangan awam dapat dibina di dalam rancangan-rancangan FELDA di Tenggaroh.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sukan Muafakat Johor yang diadakan di peringkat DUN mendapat sambutan yang menggalakkan daripada belia-belia setempat. Kira-kira 1,500 orang atlet mengambil bahagian dalam sukan Muafakat Johor. Setiap tahun belia dah mula tanya bila kita nak adakan sukan Muafakat Johor. Tahniah diucapkan pada EXCO Belia dan Sukan untuk menganjurkan sukan Muafakat ini. Selaras dengan Johor yang akan menganjurkan sukan SUKMA pada tahun 2020, sukan Muafakat Johor telah terbukti akan menyemarakkan semangat belia Johor untuk sukan apabila kita menganjur sukan SUKMA 2020. Di sini ingin saya tahu apakah perancangan-perancangan Johor bagi menghadapi sukan SUKMA 2020 untuk memastikan atlet-atlet kita berjaya di SUKMA 2020?

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pada 23 April 2017, satu sejarah telah dicipta untuk masyarakat India di Malaysia. Buat julung kalinya satu *blueprint* kerajaan iaitu

Malaysian Indian Blueprint telah dilancar oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Najib Tun Razak untuk *empower* masyarakat India untuk 10 tahun yang akan datang. Terdapat pelbagai polisi untuk *blueprint* ini untuk menyelesaikan masalah masyarakat India di Malaysia. Salah satu polisi ialah meningkatkan pengambilan masyarakat India di sektor kerajaan di semua peringkat sebelum tahun 2026.

Terima kasih diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia di atas pelancaran *blueprint* ini. Dalam masa yang sama, saya mengharapkan agar polisi ini juga boleh digunakan dalam pengambilan pekerja dalam *Johor Civil Service*. Memang tidak boleh dinafikan bahawa kerajaan Johor telah pun memulakan dasar ini kerana telah mengambil masyarakat India bekerja di sektor kerajaan negeri khususnya di Pejabat Daerah dan juga Pejabat Kebajikan. Hanya saya berharap agar lebih banyak peluang diberi kepada masyarakat India untuk bekerja di jabatan-jabatan kerajaan yang lain agar ianya selaras dengan dasar 7% masyarakat India bekerja di sektor perkhidmatan awam.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan Johor telah melancarkan Program Pembangunan Keupayaan Kontraktor Tempatan. Program ini adalah untuk menggalakkan penyertaan kontraktor-kontraktor kecil tempatan untuk mendapat kerja dan meningkatkan keupayaan mereka. Tahniah diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan YB Exco Kerja Raya untuk mengadakan program ini.

Saya di sini juga ingin mengucapkan terima kasih kerana memperuntukkan 10% kerja dalam Program Pembangunan Keupayaan Kontraktor Tempatan untuk kontraktor India. Ini juga selaras dengan polisi Kerajaan Persekutuan di dalam *Malaysian Indian Blue Print*. Ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan persekutuan dan juga kerajaan negeri atau lebih dikenali sebagai kerajaan Barisan Nasional membela masyarakat India di Malaysia. Ini semua adalah fakta dan bukan macam tohmahan sesetengah pihak yang cakap kerajaan Barisan Nasional menindas masyarakat India di Malaysia tetapi secara realistik mereka sendiri hanya cakap kosong dan sampai sekarang tiada mempunyai apa-apa polisi untuk masyarakat India. Ini jelas menunjukkan masa hadapan masyarakat India terjamin di bawah kepimpinan kerajaan Barisan Nasional.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, penggal ini merupakan penggal terakhir bagi Dewan Negeri ini sebelum ianya dibubarkan menjelang tamat tempoh 5 tahun. Ingin saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada jabatan-jabatan kerajaan negeri mahupun persekutuan yang telah banyak menolong saya dalam menjalankan tugasan dan permohonan saya. Tidak terlupa juga jabatan-jabatan di Mersing khususnya Pejabat Daerah Mersing, Majlis Daerah Mersing, Pejabat Tanah Mersing, Pejabat Agama Mersing, Pejabat Kesihatan Mersing, Jabatan Kebajikan Mersing, Jabatan Kerja Raya Mersing dan semua jabatan yang lain yang telah bersusah payah bersama saya menyelesaikan masalah-masalah masyarakat setempat. Akhir kata, ingin saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang berucap dalam Rundingan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Sekian, saya mohon menyokong.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Tenggaroh. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Parit Yaani.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Rundingan Menjunjung Kasih

Kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena keberangkatan Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor, wakil rasmi Baginda Sultan dalam merasmikan Persidangan Dewan Penggal Persidangan Kelima bagi Dewan Negeri Johor yang Ke-13.

Tan Sri Speaker, memetik titah Baginda Sultan, para 60; "sesungguhnya kejayaan sesebuah negeri bukan diukur dengan pembangunan ekonomi semata-mata malah tahap kesejahteraan dan keharmonian hidup rakyat menjadi aspek paling penting". Bertolak dari harapan Baginda Sultan yang begitu tinggi kepada kerajaan di penghujung penggal pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan cabaran dan isu yang melanda pentadbiran *Team Johor* maka Parit Yaani ingin memberikan beberapa pandangan dan cadangan kepada semua demi kepentingan rakyat dan Bangsa Johor.

Tan Sri Speaker, pertamanya Parit Yaani ingin penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Berkaitan dengan salah laku dan pendakwaan oleh SPRM yang melibatkan isu penukaran status lot Bumi kepada pembeli awam, Bumi *released*, dengan izin. Berapa peringkat proses perlu dilakukan sehingga permohonan oleh pihak pemaju kepada pertukaran status ini berjaya?

YB Speaker : Yang Berhormat, perkara ini dalam proses undang-undang jadi lebih baik jangan disentuh, begitu juga dengan pesanan Duli Yang Maha Mulia Tuanku waktu perasmian Dewan ini pada 4 haribulan yang lalu. Jadi saya minta Yang Berhormat ubah tajuk yang lain.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Dia rasanya tak ada kaitan dengan siasatan sebab Tan Sri kita, cuma saya minta penjelasan berkaitan dengan proses dan bukan berkaitan dengan siasatan, itu sahaja. Antaranya, siapakah yang mempengerusikan mesyuarat setiap peringkat laluan proses tersebut?

YB Speaker : Yang Berhormat, jadi itu dah menyentuh juga perkara itu jadi saya nasihatkan..

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Ok.

YB Speaker : Yang Berhormat ubah tajuk lainlah.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Terima kasih. Seterusnya Tan Sri Speaker, memetik titah baginda Sultan para 53; "Penggal ini merupakan penggal terakhir bagi Dewan Negeri ini sebelum ianya dibubarkan menjelang tamat tempoh 5 tahun. Saya pasti setiap Ahli Dewan akan menggunakan baki tempoh perkhidmatan yang ada untuk terus memberi khidmat demi kepentingan rakyat dan negeri. Parit Yaani ingin mengucapkan terima kasih kepada semua agensi kerajaan atas kerjasama yang diberikan sepanjang Parit Yaani berkhidmat kepada rakyat. Namun Parit Yaani juga memohon jasa baik semua Majlis Perbandaran atau Pejabat Daerah dan semua agensi kerajaan yang terlibat di bawah DUN Parit Yaani boleh memberikan sedikit ruang untuk kami semualah Wakil Rakyat daripada pihak sini untuk sama-sama bergerak dan berperanan mengadakan program di tempat awam dengan kelulusan dan kebenaran yang sama diperolehi oleh Ahli Dewan yang lain. Jika program hiburan dan pesta-pesta dengan memanggil penyanyi tahun 60an, 70an atas anjuran pihak–pihak tertentu dirasmikan oleh rakan-rakan YB sebelah sana boleh diberi dengan mudah, maka Parit Yaani mohon supaya program kami yang lebih bersifat memberi bimbingan dan sumbangan dari sumber sendiri amat wajar diberikan layanan dan kebenaran oleh pihak yang berkenaan.

Tan Sri Speaker, menjadi kewajipan kerajaan yang memerintah untuk melaksanakan pembangunan negeri bukan sahaja di Johor bahkan di negeri-negeri dalam persekutuan seperti Selangor, Pulau Pinang, Kelantan. Saya merasa Bukit Permai jangan risau atas kehadiran saya di Kampung Murni, FELDA Bukit Permai yang disentuh sebentar tadi. Saya ingin melihat sendiri laporan penduduk dan juga aduan yang berkaitan dengan jalan di sana. Mudah-mudahan *check and balance* yang saya hadir di sana pihak-pihak yang berwajib akan mengambil tanggungjawab lebih cepat dan segera.

Tan Sri Speaker, memetik titah Baginda Sultan seterusnya pada para 25, 26; "Orang ramai juga di nasihat untuk sama-sama membantu kerajaan menghapuskan amalan rasuah dengan mematuhi segala peraturan dan prosedur yang ditetapkan. Bukannya mencari jalan pintas dengan mengamalkan bayaran tol atau apa jua bentuk suapan". Saya percaya majoriti penjawat awam di negeri Johor telah mengamalkan sikap integriti yang tinggi. Namun begitu , hanya segelintir individu yang tidak amanah. Parit Yaani ingin penjelasan dari Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang kebocoran bilik kebal Pejabat Tanah yang boleh mengakibatkan pertindihan hak milik kerana ini berlaku sepertimana yang saya dilaporkan oleh rakyat di dalam tempat saya apabila tanah yang dimiliki sekangkang kera, tiba-tiba tanah mereka telah diusahakan oleh orang lain. Bila disemak di Pejabat Tanah didapati ada nama lain di atas lot tanah berkenaan. Ia amat mendukacitakan pemilik tersebut yang terpaksa membuat laporan Polis dan lain-lain kerja tambahan yang membebankan individu yang berkenaan. Dan saya merasakan ini perkara yang amat berat yang sewajarnya diambil perhatian.

Tan Sri Speaker, memetik titah baginda Sultan pada para 7; "Industri yang melibatkan bahan kimia yang beracun atau mudah meletup hendaklah diteliti dengan betul dan jika boleh diterima pastikan ianya diletakkan di kawasan yang jauh dari kawasan perumahan". Parit Yaani mendesak kerajaan Johor di bawah Ahli Majlis, Ahli Mesyuarat Kesihatan dan Alam Sekitar menolak dan membatalkan hasrat kerajaan Malaysia di bawah Jabatan Alam Sekitar dan urusan pelupusan sampah dan pepejal supaya kelulusan untuk membuat apa-apa sahaja urusan pelupusan sampah di Bukit Alam atau nama glamornya Bukit Payung dipindahkan ke tempat lain yang lebih jauh daripada penempatan orang ramai. Dalam kajian EIA, penduduk sekitar kawasan Bukit Payung hampir 70% telah menyatakan bantahan mereka terhadap projek berkenaan sejak tahun 2012 iaitu sebelum PRU13 kerana jarak kampung Melayu tradisi yang terhampir adalah 1.7 kilometer iaitu Kampung Kangkar Merlimau atau Kolam Ayer. Manakala Kampung Mohd Nor Batu 5 dalam jarak 2.1 kilometer dari tapak berkenaan. Jangan kerana Pilihanraya 14 maka ianya ditangguhkan. Dan, jika Pakatan Harapan menang, PRU 14 kami akan pindahkan ke tempat lain yang lebih jauh dari kawasan penduduk manusia. Kita dapat lihat bagaimana pelupusan sampah di Simpang Renggam sebagai rujukan, di mana kedudukannya dari Pekan Renggam sejauh lebih 5 kilometer. Ini yang sepatutnya jadi rujukan sekiranya ingin memberikan keselamatan kepada rakyat khususnya melibatkan perkampungan tradisi Melayu lebih daripada 13 kampung dan penduduknya lebih daripada 70,000 yang berada di sekitar Bukit Payung. Namun semua maklum pengurusan air kotor dari sampah di pelupusan sampah Simpang Renggam perlu di selenggara dengan baik supaya air kotor dari sampah ini tidak mencemarkan sungai dan hidupan sekitarnya kerana terdapat empangan bekalan pemprosesan air mentah dari sungai yang menerima air kotoran ini.

Tan Sri Speaker, memetik titah Baginda Sultan para 27; Baginda bertitah,"saya mengucapkan syabas kepada kerajaan Johor yang terus mengekalkan prestasi

pengurusan kewangan yang cemerlang tahun 2016 iaitu merekodkan lebihan hasil atau *surplus* buat tahun yang ke 6 berturut-turut, tahniah". Namun Parit Yaani ingin penjelasan dari Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas cadangan penubuhan Jawatankuasa Pemandu Ekonomi yang dirancang dengan memberi alasan berikut; alasan bagi pihak kerajaan yang hendak menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Ekonomi Johor. Alasannya dia kata, kerajaan Johor akan menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Ekonomi masa hadapan bagi menghadapi gelombang ekonomi digital dan sektor ekonomi masa hadapan. Sekurang-kurangnya 12 orang pakar ekonomi dari dalam dan luar negara akan dikenal pasti bagi membentuk *think tank group*. Tindakan ini bagi membolehkan Johor untuk membuat persiapan bagi menghadapi cabaran ekonomi mendatang. Alasan kedua, kerajaan Johor perlu mengambil kira pengalaman tindakan kerajaan pusat pada September 2009 iaitu hanya beberapa bulan selepas Yang Amat Berhormat Datuk Seri Najib Tun Razak menjadi Perdana Menteri, telah menubuhkan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan iaitu PEMANDU. PEMANDU ini secara tidak langsung mengambil alih tugas Unit Perancangan Ekonomi, EPU yang dianggotai oleh kakitangan awam sehingga peranan EPU telah menjadikan Malaysia mempunyai sistem penentuan dasar, program dan pelaksana ekonomi yang terbaik di kalangan negara membangun. Sedangkan hakikatnya, Tan Sri Speaker, setelah hampir 8 tahun PEMANDU yang ditubuhkan di peringkat kerajaan pusat dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan diketuai oleh pakar sektor swasta, boleh sebut nama? Tak payah ye? Apa yang berlaku adalah banyak petanda aras ekonomi jatuh dengan teruk seperti pendapatan negara GNI bukan sahaja tidak meningkat bahkan merosot. Bahkan perangkaan Bank Negara Malaysia menunjukkan GNI per kapita jatuh 15% daripada USD10,345 pada 2013, jatuh kepada USD8,821 pada tahun 2016. Ini jauh daripada unjuran PEMANDU sebanyak USD15,000 yang dicadangkan untuk mencapai tahap negara berpendapatan tinggi. Yang kedua, di samping itu, kita dapat lihat nilai ringgit juga jatuh ke paras 42% berbanding dolar Amerika pada 2013 hingga 2016. Bahkan kos sara hidup rakyat terus meningkat khususnya tiga tahun kebelakangan ini. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara juga menguncup dari 6% (2014) kepada 5% (2015) dan kepada 4.2% pada 2016.

Pengalaman PEMANDU yang dibentuk di peringkat kerajaan pusat menunjukkan bahawa belum ada jaminan kerajaan, pembentukan jawatankuasa PEMANDU Ekonomi Johor akan menjanjikan hasil seperti yang diharapkan. Jika di peringkat kerajaan pusat ada EPU, peringkat negeri Johor telah sedia ada Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPEN) yang antara peranan utamanya adalah membentuk dan menyelia pelan induk ekonomi negeri Johor. Keutamaan sepatutnya diberi bagi memperkasakan peranan UPEN dalam membentuk garis kasar hala tuju ekonomi Johor. Manakala dari segi pengisian dan pelaksanaannya boleh melibatkan sektor awam dan swasta dan bukan sebaliknya memberikan keutamaan dengan menubuhkan PEMANDU Ekonomi Johor yang akan dianggotai majoritinya oleh sektor swasta di mana kebimbangan Parit Yaani adalah dengan pembentukan Jawatankuasa PEMANDU Ekonomi Johor akan menjadikan asas perancangan ekonomi Johor akan beralih dari berlandaskan kemajuan sosioekonomi kepada pro pasaran dan kapitalistik.

Setakat ini, kejayaan peranan UPEN boleh diukur dengan beberapa indikator ekonomi negeri Johor seperti kadar pertumbuhan ekonomi 4.5 hingga 5.5 iaitu lebih tinggi daripada nasional pada 4 hingga 4.5. Rizab tunai Johor 3.43 bilion hasil tahunan pendapatan negara yang melebihi 1.3 bilion dan bajet lebihan dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Ini membuktikan bahawa kakitangan di UPEN

berkemampuan merancang, mengurus dan mentadbir dengan penuh integriti, baik dan beramanah.

Tan Sri Speaker, oleh kerana penggal ini penggal terakhir, pilihan raya mungkin bila-bila masa, bagi setiap parti politik tentunya mempunyai hasrat memenangi pilihan raya. Inilah demokrasi dan kami mengharapkan pilihan raya yang akan berlaku, berlangsung kita bertanding secara *gentleman*. Janganlah timbulkan isu-isu yang boleh menyebabkan keharmonian negara seperti mana yang diharapkan oleh baginda Sultan tercemar. Setiap parti politik tentunya mempunyai cadangan untuk berkhidmat kepada rakyat. Maka, Parit Yaani menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini, jika rakyat memberi kepercayaan kepada Pakatan Harapan untuk mentadbir Malaysia dan Johor dalam Pilihanraya 14, maka pembangunan yang lebih baik akan dapat dilaksanakan melalui langkah-langkah berikut; menghalang ketirisan wang negara dari berlaku melalui projek-projek yang tidak munasabah dan merugikan rakyat, mengatur semula perancangan untuk menaikkan nilai ringgit melalui kepercayaan masyarakat antarabangsa terhadap kepimpinan negara, menyemak semula GST yang membebankan rakyat supaya satu sistem cukai hanya kepada mereka yang selayaknya dikenakan cukai dan akhir, bantuan pendidikan kepada semua rakyat yang berkelayakan melanjut pelajaran hingga ke peringkat PhD khasnya dari kalangan keluarga miskin dan pendidikan percuma sehingga sekolah menengah.

Cadangan, takkan tak boleh (ketawa). Ahli politik kena ada hasrat.

YB Speaker : Jangan ganggu, jangan ganggu…

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Saya tak terjawab Tan Sri Speaker (ketawa). Akhir sekali Tan Sri Speaker, Parit Yaani menyokong ucapan menjunjung kasih titah baginda Sultan yang di bawa oleh Bukit Permai. Sekian, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Parit Yaani. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pasir Raja.

YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tan Sri Speaker, Pasir Raja ingin mengucapkan terima kasih di atas peluang untuk membahas rundingan menjunjung kasih atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor untuk Penggal Persidangan Kelima bagi Dewan Undangan Negeri Johor Ketiga Belas. Sesungguhnya, titah ucapan rundingan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Tuanku berkisar kepada kesejahteraan rakyat dan ingin kita mengekalkan tahap perpaduan yang tinggi di kalangan warganegara khususnya rakyat negeri Johor.

Perkara yang Pasir Raja ingin sangat timbulkan pada hari ini dalam Dewan yang mulia ini ialah berkaitan dengan *highway* iaitu lebuhraya yang ada dalam negeri Johor. Dia bermula daripada Johor Bahru sampailah ke sempadan Melaka, yang mana walaupun ia dalam bidang kuasa kerajaan persekutuan, sikit sebanyak perkara ini telah pun mengganggu urusan rakyat Johor apabila nak berurusan ke peringkat persekutuan. Kerana kerap kali kebelakangan ini *highway* yang kita lalu, yang dikenakan tol ini telah pun mengalami kesesakan akibat daripada kemalangan jalan raya.

Pengalaman saya sendiri Tan Sri Speaker ialah dia sesak bukan boleh jalan, dia melekat terus sehingga dua jam, ada yang sejam. Saya rasa bukan saya seorang

yang kena tapi ramai lagi terutama sekali musim perayaan. Dan yang mengalami kemalangan ni bukannya kereta kecil tapi, contoh, lori pasir terbalik sepanjang laluan tu hingga tak ad kereta boleh lalu dan dia mengambil masa begitu lama. Yang kedua contoh, ialah kenderaan besar terbakar di *highway* dan ini berlaku acap kali kebelakangan ini dan bagi mereka yang mengalami elemen kecemasan seperti ingin ke hospital, sedang sakit dalam kereta, kalau mereka tak dapat nak lepas kesesakan tersebut, mereka bukan sahaja dialami gangguan perasaan tetapi ketakutan yang sangat kuat. Apa yang berlaku pihak PLUS dia patut memikirkan jalan penyelesaian sama ada buka *divider* tengah tu supaya kereta daripada yang tersekat oleh kemalangan tu, boleh keluar. Yang ni lambat. Dan mungkin dari pengalaman kita tak ada langsung dilakukan dewasa ini.

Jadi Tan Sri Speaker, ini bukan masalah federal sahaja, ini masalah Johor. Daripada Ayer Keroh sampai ke sempadan Melaka tu, Pagoh tu, Tangkak, jadi apa yang kita nak sekarang ni dalam Dewan yang mulia ini kita mohon supaya pihak LLM ni mendesak PLUS supaya menambah loronglah. Kalau kita tengok daripada Seremban sampai ke Kuala Lumpur, Alhamdulillah Tan Sri Speaker, tak ada masalah lancar aje, kalau ada *accident* kecil pun dia tepi yang lain boleh jalan. Kita nak menuju ke arah kecepatan proses kehidupan. Jika ini berlaku, ia menghalang rakyat Johor dari Segamat nak ke Johor. Saya rasa pandangan kita ini akan dapat sokongan rakan-rakan dari utara. Nak datang ke Johor Bahru ke Dewan yang mulia ini, pagi jem. Salah kita ke salah tak tahu nak sebut siapa, *highway* ke, salah pengurusan? Jalan penyelesaiannya hari ni, kita mendesak lorong tu ditambah dari dua kepada tiga mungkin kalau boleh empat lah sebab Johor sekarang membangun dengan pesat. Jadi laluan ini sangat penting Tan Sri Speaker supaya tidak ada elemen kebencian oleh *provider* syarikat swasta ni terhadap kerajaan. Jadi kalau dah benci kerana orang lain, kita pula terima. Bayar tol sama aje. Bayar tol tetap sama. Jadi, perkara ni yang menjadi pengguna-pengguna merayu kepada kita untuk bercakap dalam Dewan ini bagi pihak mereka supaya mengatasi perkara ini dengan cepat dan pantas kerana lagi banyak kenderaan akan dikeluarkan pada masa depan, lagi banyak penggunaan *highway* tu.

Tan Sri Speaker, saya sambung juga isu jalan raya iaitu di mana berkaitan dengan pembinaan jalan raya bukan *highway*, ni bukan *highway*. Ni jalan-jalan kerajaan persekutuan dalam bukan *highway* termasuk jalan negeri. Apa yang berlaku, saya nak sebut ialah perkara yang berkaitan dengan pembinaan-pembinaan, tampal jalan raya ni, gali semula jalan untuk dibaiki, tu tak ada masalah, tu bagus, kita suka. Tapi yang tak kena ialah apabila pembinaan tersebut yang dilaksanakan oleh dipanggil kontraktorlah ye atau pembekal ni, dia tidak cukup membantu pengguna dalam hal yang sangat penting. Apa dia Tan Sri Speaker? Iaitu tanda-tanda amaran atau *signage* yang tidak mencukupi. Kalau dia berhenti petang pukul 6, dia tinggal gitu aje. Patut malam tu letaklah *signage* ataupun tanda yang dipanggil *illmuminase*, ada cahaya. Ini banyak berlaku terjun dalam pembinaan dan apa yang dipanggil *road line* juga. Saya sangat teruja untuk memberitahu Dewan di sesetengah tempat di negara-negara maju mereka menitikberatkan keselamatan pengguna daripada keuntungan yang besar daripada pembinaan. Sehingga *road line* tu, yang *diviation*, dengan izin, yang dialihkan sementara tu sangat standard tinggi. Tapi ingin kita melihat perkara itu berlaku. Ini saya cakap di daerah Kota Tinggi, mungkin tempat lain berlaku. Apabila pembangunan daripada Kota Tinggi sampai ke Pengerang banyak kontraktor-kontraktor ni sama ada mereka diberikan *job scope* dengan tepat ataupun tidak, ataupun mereka sengaja melanggar peraturan, yang ni kita nak ada satu pendekatan penguatkuasaan berkaitan dengan akta dia, dia panggil *standardization* of Akta Pembinaan Jalan. Yang ni kelibat sama ada projek negeri atau projek persekutuan. Pertama, *road*

line, kedua, *road signage,* ketiga, tanda-tanda amaran yang jelas dan standard tinggi terutama pada waktu malam.

Tan Sri Speaker yang kesiannya, orang kampung naik motor *accident* masuk hospital.

Pertama, dia ketua keluarga, bila dia sakit satu atau dua bulan, dia ketua keluarga, dipanggil *breadwinner*, anak isteri tak dapat bantuan yang sepatutnya. Mereka jadi mudah miskin kerana, bukan kerana kita, kerana benda-benda yang kita, rakyat nak melihat dia dilaksanakan dengan *standard* yang tinggi. Oleh itu, kita jangkakan supaya dalam negeri Johor ni, bab-bab berkaitan dengan pembinaan-pembinaan jalan raya dalam kawasan kita, kawasan luar bandar ke, pihak yang berkaitan, saya rasa ni banyak sebab, banyak dia punya, Jabatan Kerja Raya boleh, konsesi boleh, pihak *federal* boleh, pastikan, pastikan sangat tanda-tanda amaran ni, *signage-signage* dan juga di waktu malam *road line* yang betul tu mesti diadakan. Dan, untuk kesejahteraan rakyat berkaitan dengan bab pembinaan jalan raya dan juga pelebaran-pelebaran ni.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita ucap terima kasihlah kerajaan Johor melalui peruntukan RM150 juta dibahagikan kepada naik taraf jalan-jalan kampung ni, jalan-jalan yang dibina baru. Terima kasih banyaklah. Banyak menyelesaikan masalah orang kampung. Cuma tulah, kalau diberikan pendekatan yang lebih tersusun supaya *locality-locality* yang kita berikan maklumat tu tak tersalah buatlah. Saya bimbang dua kali tampal, dalam masa setahun. Maknanya *input-input* tempatan tu perlu diambil kira daripada kita sebagai Wakil Rakyat kerana ada terlepas juga tempat yang kita hendak bukan dibuat tetapi dia tampal ataupun dia baiki tempat yang sama dalam masa setahun tu.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker berkaitan dengan pendidikan. Saya merasakan bahawa isu ini adalah berkaitan dengan kesejahteraan hidup dunia dan akhirat iaitu berkaitan dengan sekolah-sekolah agama Tahfiz ni yang dalam ada negeri Johor ni. Yang ni berkaitan dengan minat. Banyak dah anak-anak muda ni nak masuk sekolah tahfiz, ramai. Kategori-kategori ni kita boleh bagi, ada yang disebabkan oleh minat yang tinggi. Kedua, ada yang disuruh oleh mak bapa. Kategori yang ketiga mereka ni, 50-50 lah mak suruh, dia pun hendak. Yang keempat ni, dia tak hendak dipaksa masuk. Yang ni kita melihat perkembangan ini berlaku dengan pesat dan dia melibatkan generasi muda. Saya tak nampak sekolah tahfiz yang dah tua-tua masuk. Yang ada memang seumur, sekitar umur 10 tahun pun ada dah. Dia *enroll* sekolah tahfiz, dengan izin, dia masuk sekolah tahfiz. Bayangkan kalau ini minat utama masyarakat kita ke sekolah ini, cuma kita nak lihat, sama ada sekolah yang dibina ni dia bergerak sendiri dan mengikut sistem yang diwarisi atau tidak. Ataupun mereka membuat *proper procedure*, sama ada mereka buat ikut sistem yang diwarisi turun temurun ataupun sendiri buat sistem. Jadi, kalau ni berlaku kita kena bincang berkaitan dengan hala tuju yang terbaik untuk sekolah ini. Apa jadi keberhasilan daripada *graduate* daripada sekolah tahfiz. Mereka *graduate* boleh hafal 30 juzuk itu matlamatnya. Tetapi *other than that* apa kemahiran lain yang mereka ada, untuk mereka disambut oleh industri atau masyarakat.

Jadi hala tuju yang terbaik, yang terarah nilah kita nak bincang dan justeru itu kita mintak kerajaan negerilah untuk melihat kepada aspek-aspek penubuhan sekolah-sekolah tahfiz ni, aspek-aspek penubuhannya. Saya beritahu di kawasan saya saja, di Tenggara, Pasir Raja dan Panti. Kita ada sekolah tahfiz jumlahnya yang saya kira dah *register*lah. Saya kira, 10 ni yang tak *register* ni, yang kecil-kecil ni. Jadi, kita pun

rajin masuk juga, jumpa. Ada yang kecil, 10 tahun, ada yang besar dan minat mereka ni yang menyebabkan kita terasa bahawa sampai masa, sampai masa bantuan diberikan. Kerana isu yang saya lihat ialah kedaifan tempat, sekolah-sekolah ni dilangsungkan. Daif, ada yang daif, mereka kerana dia pungut sumbangan. Tapi nak melaksanakan tugas yang baik, melahirkan tahfiz-tahfiz, alhamdulillah, cuma kalau kita lihat daripada pihak-pihak persekutuan, ada cadangan penubuhan universiti al-Quran. Maksud saya apabila mereka *graduate* dari sekolah-sekolah tahfiz ni boleh tak mereka menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Contoh, Iman Masjidil Haram Yang Berhormat Tan Sri Speaker saya dapat tahu dia ni ada PhD. Dia nak jadi Imam Masjidil Haram dia sendiri berkelulusan PhD. dalam tahfiz al-Quran baru dia diakui dan dia hebat seantara dunia. Orang nak salam dia semua. Jadi, kalau kita boleh melihat hala tuju dan juga perkembangan yang terkini, untuk membantu semana yang boleh, dan juga m*elegalised* atau pun kita, bukan mewajibkan lah, mereka boleh dibantu dari segi aspek-aspek keselamatan, pengurusan, kurikulum dan juga *ending* dia, kat mana kita nak *landing* anak-anak yang sekolah tahfiz ni.

Ini perkara yang sangat penting. Kalau kita boleh perjuangkan kerana dia dah tumbuh macam cendawan. Ini baru satu kawasan, kita ada 26 parlimen, kita ada berapa daerah, saya rasa lebih 100 ni sekarang ni. Tu belum masuk negeri Melaka, Negeri Sembilan. Tak tahulah Pulau Pinang dengan Selangor. Tapi di Johor sahaja, ini kecenderungan yang maha hebat dilaksanakan pada hari ini. Justeru itu, saya nak tahu sama ada Dewan yang mulia ini, boleh memberi kita maklumat tentang tindakan yang sedang atau akan diambil untuk bantu sekolah-sekolah dan madrasah tahfiz tak terkecuali apa yang berlaku, *recently*, berkenaan dengan kaedah-kaedah hukuman yang diberikan dalam sekolah tersebut.

Tan Sri Speaker, daripada Pasir Raja sendiri saya ingin sangat memaklumkan supaya satu tindakan perlu diambil kepada sebuah ladang ni. Ladang Tai Tak namanya, kawasan sayalah. Apa yang dibuat, dia telah merobohkan satu balai raya dalam kawasan ladang yang dulu dibina oleh Wakil Rakyat lamalah, iaitu Tan Sri Shahril. Dia roboh tanpa beritahu...

YB Speaker : Tai Tak ni daerah Kota Tinggi tak?

YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Daerah Kota Tinggi, kawasan Pasir Raja, kawasan saya, jadi saya boleh cakap. Dia merobohkan balai raya dalam kawasan tanpa beritahu masyarakat. Jadi, bila nak buat aktiviti dah tak ada tempat. Apa yang berlaku kita Wakil Rakyat beri mereka barang-barang dah tak ada tempat nak letak. Sekarang menumpang, nasib baik kuil kasi. Nasib baik ada kuil. Kuil kasi tumpang. Jadi, kalau ini pengurusan Tai Tak ni, buat bencana kepada masyarakat tanpa belas kasihan, *at least,* saya naklah *demand* supaya mereka bina lagi semula balai raya yang baru, kalau sebagai ganti rugi di tapak yang sama ke apa. Dan, bertanggungjawab ke atas perkara ini dengan laporan polis telah dibuat. Ini mengganggu masyarakat dan pengundi-pengundi kerana mereka membuat satu keputusan tanpa merujuk apa yang ada dalam balai raya tu. Banyak barang-barang Tan Sri. Nak marah tak boleh, dah terlepas. Tapi bila buat tu kita nak kita *demand* dia, kita nak mereka ganti rugi, buat segera, segera dalam Dewan yang mulia ni, saya nak sebut, direkodkan buat segera. Kalau tak nanti pihak pengurusan Ladang Tai Tak ni yang kita beri dia sewaan pajakan tanah sepuluh tahun lagi, itu terpulanglah.

Dan, seterusnya saya nak puji pula Ladang Rem, kawasan Pasir Raja dalam Tenggara juga yang mana bukan meroboh balai raya, membina rumah untuk

pekerja. Tiada satu pakej di bina rumah pekerja iaitu di bawah Kulim Berhad, Johor Corp, dia bina rumah untuk pekerja ladang. Alhamdulillah dah siap dah. Ha, nilah betul, membina pekerja ladang, pekerja ladang belum tentu boleh beli rumah di luar tetapi kalau dibina satu tanah, dibina, buatkan rumah, pinjamkan bank, dapat duduk, anak-anak dia pun tak payah nak berterabur, lagi bagus. Jadi, kita mintak jugalah Ladang Tai Tak buat benda yang sama atas ganti rugi terhadap apa yang mereka buat supaya masyarakat dalam ladang tersebut ada pembelaan tempat yang mereka nak duduk masa depan. Yang ni kita mintaklah. Dasar ini telah di bentang dalam Dewan yang sama ini saya ingat sekitar sebelum tahun 2013, ada disuruh ladang-ladang ni buat satu strategi supaya pekerja ladang ni boleh dapat rumah, milik rumah sendiri, tak payahlah dia beli Rumah Mampu Milik Johor ke, SPMB tak payah. Mereka ada, ya Tan Sri tolonglah. Ini merupakan satu antara yang serius dan akhir sekali Tan Sri Pengerusi saya merujuk kepada...

YB Speaker : Tan Sri Speaker...

YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Tan Sri Speaker, minta maaf, ampun. Tan Sri Speaker, perkara 54 titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor iaitu suka saya ingatkan berulang-ulang kali kepada semua Ahli Dewan supaya menjaga adap dan tutur kata apabila berada dalam Dewan yang mulia. Dewan ini adalah Dewan saya, dan saya tidak mahu kata kesat, yang tak manis didengar keluar dari mulut Ahli Dewan. Saya nak merujuk perkara ni kepada Ahli Dewan Pengerang. Kerap kali kita dengar perkataan kleptokrasi, tadi tak sebut, dia sebut *kleptocrate*, ini maksudnya perompak tau tak. Dia sebut kita perompak. Lagi dia sebut yang memanipulasi agensi persekutuan untuk laku rasuah, adakah ini benar? Ia menuduh pemimpin saya, dari Barisan Nasional. Sebagai *kleptocrate*, rasuah, nak kata rasuah PAC dah selesai, dah tak ada isu, tapi masih nak keluar, adakah ini kata-kata manis atau kata-kata pengkhianatan terhadap perjuangan kita. Dia nak cakap Dewan ni boleh, tapi perkataan *kleptocrate* kalau orang kaji balik kat kamus dia merujuk kepada kita ni perompak, adakah ini ada tuduhan yang patut kita bantah kerana perkataan kleptokrasi ni atau *kleptocrate* ini tidak diguna selama ni, baru ni digunakan. Itu pun dari parti pembangkang. Nak merujuk kita ikut kepada seolah kita melakukan memanipulasi untuk berlaku rasuah. Kalau tak benar perkara ini kita mesti selesaikan dalam Dewan ini, supaya yang mendengar ni di luar kalau ada *live telecast* ke apa, jangan tuduh kita *kleptocrate* siasat betul, kalau betul tindakan di ambil, kalau tak betul jangan cakap lagi. Jangan ulang lagi perkataan *kleptocrate* ini semua nak menimbulkan kebencian sebenarnya. Tujuan dia tak lain tak bukan nak menimbulkan kebencian dan bila kebencian berputik maka kita dah *kidnap our mind*, kita dah mencolek pemikiran, baru betul kerajaan pusat. Pemimpin saya ni dah merompak, hei tak boleh Tan Sri. Ini perkara janganlah diulang-ulang lagi. Kalau nak cakap, kita tindakan diambil. Sebahagian betul, sebahagian tak betul selesai. Jadi, tuan pengerusi Pasir Raja menyokong rundingan yang dibawa oleh Bukit Permai, terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Pasir Raja, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Jorak.

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, terima kasih Tan Sri Speaker, terima kasih kerana memberi izin kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan kali ini. Tapi terlebih dahulu saya mengambil kesempatan, Jorak merafak sembah menjunjung kasih kepada titah Tuanku Baginda Sultan yang telah pun disampaikan Tunku Mahkota Johor. Pada kali nampak rakan-rakan dalam Dewan persidangan berucap agak pendek. Boleh dikatakan mungkin saya katakan bahawa Tan Sri

Speaker, tak ada menegur untuk memendekkan ucapan. Mungkin kerana sebagaimana rakan-rakan menunjukkan tadi...

YB Speaker : Kerana mereka mematuhi tidak lebih 20 minit.

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Boleh juga, betullah tu. Tapi rata-rata mungkin *mood* ataupun penggal ini adalah penggal yang terakhir, penggal ke 5, masing-masing sudah ada satu set minda yang terbawa-bawa mungkin selepas ini Dewan Undangan Negeri akan dibubarkan dan pilihan raya akan diadakan. Rata-rata banyak negara luar pun sekarang ini dalam proses mengadakan pilihan raya, yang terhampir sekali ialah di United Kingdom. Pilihan raya negara mereka akan diadakan pada 8 Jun walaupun mereka baru sahaja lepas mengadakan pilihan raya tidak sampai pun 2 tahun. Satu *snap election*, dengan izin akan diadakan kerana meminta mandat baru yang lebih tegas daripada rakyat untuk membawa Britain keluar daripada EU. Tetapi saya merasa bahawa kehangatan pilihan raya di negara kita ini memang dinanti-nantikan oleh kebanyakan rakyat dan kita juga di sini. Jadi, kita sudah berada di penggal yang terakhir dan selama ini kita berbahas di sini kerana tugas-tugas kita sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri, kita berbahas kita berkuasa untuk menggubal dan meluluskan mana-mana Rang Undang-Undang Negeri untuk diwartakan dalam kerajaan negeri. Kita bersidang banyak kali, banyak Rang Undang-Undang yang telah kita luluskan dan yang hangat sekali ialah bila kita membahaskan tentang bila kita meluluskan dan membahaskan belanjawan negeri ini hangat. Jadi, dua fungsi utama kita sebagai Ahli Dewan yang biasa kita lakukan. Tetapi nak juga saya ceritakan di sini Tan Sri Speaker, dulu saya berada di belah sana dan sekarang di sini. Rupa-rupanya apabila berada di sini, saya dibebani dengan lebih banyak masalah. Masalah rakyat yang dibawa kepada saya. Dulu semasa saya di sebelah saya *relax*. (Dewan Ketawa). Tak banyak perkara yang dibawakan oleh rakyat.

YB Speaker : Yang Berhormat pun boleh, kalau nak rehat, pindah sini pula. (Dewan Ketawa).

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh (Jorak) : Kalau saya di sana Tan Sri Speaker, puji memanjang. Kalau di sini, dikatakan rakan-rakan saya kata, masa inilah masa kita untuk bangkang semua. Jadi mungkin itu tidak maksud saya, saya katakan tadi bahawa bila jadi pembangkang ini banyak maklumat yang saya terima. Banyak *complaint-complaint* daripada rakyat yang sampai kepada saya. Menyatakan rasa tidak puas hati, kebimbangan, itu dan ini dan sebagainya.

Tadi kita bercakap soal contohnya perkhidmatan pengangkutan awam. Perbadanan Bas Muafakat Johor ini, ia suatu perkara yang baik. Berikan kemudahan kepada rakyat secara percuma tetapi banyak juga rungutan daripada rakyat sendiri kerana kadang-kadang bas itu tidak lalu di kawasan yang padat kependudukannya. Maka ramai juga yang tidak dapat perkhidmatan itu. Jadi, kalau kita nak kirakan bahawa *complaint* daripada rakyat memanglah banyak. Itu belum lagi masuk soal perkhidmatan kesihatan dan hospital yang dikatakan tidak memuaskan, permohonan perumahan dan tanah, kenapa mereka dapat, kenapa mereka tak dapat dan adanya pilih kasih dan sebagainya. Jadi apa pun yang dibawakan ke dalam Dewan ini, kebanyakan perkara yang disampaikan adalah perkara yang berkaitan dengan isu-isu rakyat. Jadi, janganlah rakan-rakan menganggapkan itu bagai suatu bahan hiburan pula. Jadi, terimalah apa juga yang dibawakan oleh rakan-rakan di sini sebagai satu perkara yang serius, hormatilah Dewan yang ada, yang kita duduki ini.

Mungkin satu perkara yang nak saya sampaikan di sini ialah tentang pengangkutan awam juga, bercakap soal tentang pengangkutan awam tadi. Dikatakan bahawa pihak SPAD atau JPJ yang tidak membenarkan, menurunkan penumpang bas, turun atau naik di pertengahan jalan. Walaupun bas itu lalu di depan rumah, kita nak balik contohnya nak pergi ke Muar kita duduk di Bukit Pasir, kita tak boleh turun dekat Bukit Pasir, kena turun dekat Muar juga. Saya mengambil contoh di kawasan saya, pelajar-pelajar yang duduknya di IKBN, Institut Kemahiran Belia Negara, Pagoh, pelajar-pelajar yang datang daripada Johor Bahru naik bas ekspres, nak pergi balik ke IKBN Pagoh terpaksa turun di Bandar Muar, tidak dibenarkan turun di depan IKBN. Kemudian pelajar itu pula kena ambil teksi atau bas lain baru balik ke IKBN yang menambahkan kos kepada mereka. Begitu juga rungutan yang pelajar-pelajar yang datangnya daripada Kuala Lumpur nak balik ke Muar, singgah nak balik ke Sekolah Menengah Sains Johor, Sains Muar di Tanjung Agas. Begitu juga, tidak dibenarkan turun, turun mesti di Bandar Muar, ambil teksi RM15.00 baru sampai semula ke sekolah mereka. Jadi, sebab itu kadang-kadang sesuatu dasar yang dibuat oleh kerajaan bila sampai kepada implementasinya ada sedikit *hiccup* ataupun ketidaklancaran satu perkara. Dan perkara itu disampaikan kepada kita sebagai Wakil Rakyat sedangkan perkara itu boleh sangat mudah untuk diselesaikan kerana hanya Quran sahaja yang tidak boleh diubah ni. Benda-benda lain boleh dipertimbangkan.

Jadi, itu perkara-perkara yang ada kaitan dengan saya sebutkan tadi soal pengangkutan awam dan ada juga yang mengatakan bahawa pengangkutan awam percuma yang dijalankan oleh Bas Muafakat Johor sebahagiannya ditanggung oleh PBT. Jadi orang-orang kawasan saya mengatakan bahawa kenapa PBT kena tanggung kos itu sedangkan dia pun tak naik bas itu, bas itu pun tak lalu depan rumah dia?Maka haruslah kerajaan Johor menanggung 100% kos yang diberikan perkhidmatan oleh kerajaan. Jadi, di antara mereka menyebutkan bahawa tak ada perkhidmatan laluan bas antara Jorak, Parit Lanjut, Sungai Terap, Permatang Pasir, Parit Kadir dan orang-orang ini semua adalah pembayar-pembayar cukai tetapi mereka tidak mendapat perkhidmatan itu. Jadi sungutan-sungutan rakyat itu melambangkan kekecewaan dan kemarahan rakyat yang boleh menyebabkan kerajaan tidak popular. Saya juga menyatakan demikian.

Seperkara lagi yang juga disebutkan di sini ialah kedudukan sekolah agama. Kita tahu bahawa Sekolah Agama Johor ini merupakan model menjadi ikutan oleh negeri-negeri yang lain tetapi sekarang agak sudah, mungkin saya boleh katakan di sini agak ketinggalan. Dari itu, Sekolah Agama Johor yang berfungsi sebagai pelengkap kepada pendidikan agama kita, sekolah pagi yang menjadi suatu perbincangan dan perkara yang di bincang oleh ibu bapa ialah pelajar-pelajar Sekolah Menengah Darjah Khas. Daripada sekolah rendah tak ada masalah, darjah 1 sampai darjah 6 mungkin diikuti pendidikan agama petang. Tetapi ibu bapa bertanyakan kenapa tidak ada satu bentuk pendidikan yang berterusan bagi pelajar-pelajar Sekolah Khas ini. Sebab itu dicadangkan supaya kalau boleh, pendidikan sekolah petang juga Darjah Khas ini dijadikan Pendidikan Khas,tingkatan 1 hingga tingkatan 5 tidak hanya satu, Darjah Khas setahun sahaja, seminggu sekali. Jadi, adalah baik untuk pihak Jabatan Agama untuk melihat perkara ini supaya pendidikan seumur hidup, pendidikan yang berterusan agama dapat diberikan kepada anak-anak kita. Ramai anak-anak kita yang berminat untuk ke sekolah agama tetapi tidak ada tempat, tidak ada peluang untuk kita sediakan seperti itu. Mungkin ada timbul soal tempat mereka nak belajar kerana kita tidak ada sekolah yang khas. Mungkin saya boleh memberikan cadangan bahawa sebagai contohnya di kawasan saya, di kawasan Pagoh, kita ada 70 masjid yang besar. Dan, pada umumnya, masjid digunakan untuk sembahyang

waktu sahaja tak sampai mungkin 15 minit. Kalau kita pergi ke negeri Arab contohnya di Mesir, di Al-Azhar dan juga mungkin di Mekah juga. Pelajar-pelajar belajar di Masjidil Haram. Mereka belajar di situ, mereka diajar oleh pensyarah, mereka membuat kerja-kerja *assignment* mereka, buat ambil *exam* pun di situ, peperiksaan juga dibuat di masjid. Jadi kalau masjid-masjid ini dilihat sebagai tempat di mana anak-anak kita boleh belajar Sekolah Darjah Khas, tingkatan 1 sampai tingkatan 5, ini adalah suatu perkara yang kita boleh kaji, kita selidiki dan boleh juga kita boleh juga jalankan, insya-Allah.

Dan, perkara akhir yang saya ingin nyatakan juga ialah *complaint* tentang, masyarakat tentang penggunaan najis ataupun penggunaan najis tahi ayam ini, yang digunakan oleh pekebun-pekebun di mana najis tahi ayam ini digunakan tanpa diproses, ditambah baik. Mereka beli daripada ladang-ladang ayam terus bawa ke ladang-ladang, atau ke tempat-tempat penanaman sayur mungkin di kawasan kebun yang boleh menyebabkan satu kampung itu bermasalah. Dengan lalatnya, dengan baunya dan itu saya harap pemantauan dapat dilakukan kerana telah mengganggu alam sekitar dan telah menyebabkan masyarakat menjadi sukar untuk mengadakan majlis-majlis dan sebagainya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya kira itu sahaja yang ingin saya bawakan. Pendek saja ucapan saya, tak perlu saya mengambil masa lebih supaya dapat rakan-rakan lain menyambung perbahasan pada petang ini. Oleh itu Jorak menyokong usul yang dibawa oleh rakan saya Bukit Permai.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Jorak. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan persidangan ini selama 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 3:45 petang.

Persidangan bersambung semula pada jam 4:00 petang.

YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan kita teruskan, jemput, Buloh Kasap.

YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Bismillahirrahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam muafakat Johor. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, pertamanya saya ingin merakamkan setulus budi kerana diberi peluang untuk berucap pada hari ini. Dengan rasa hormat dan penuh takzim marilah kita semua merafak sembah dan menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor kerana berkenan mewakili Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor menyempurnakan Majlis Perasmian Mesyuarat kita dengan mengambil muhasabah diri ke atas titah Tuanku yang dibacakan oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota demi perjuangan kita untuk rakyat jelata di seluruh pelosok Johor. Buat rakan-rakan seperjuangan dan seangkatan di barisan sini mahupun di barisan sana, ayuh kita sama-sama mendukung titah Tuanku untuk bersama-sama bergandingan dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah berjaya mengemudikan pentadbiran negeri yang kita cintai dengan gemilang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, senada dengan titah Tuanku sambil mendukung erat aspirasi rakyat saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas keberhasilan dan kejayaan

Agenda Pembangunan Johor Berkemajuan yang dilaksanakan melalui 436 titik sentuhan sepanjang 4 tahun yang sudah dapat dituai hasilnya. Kejayaan ini tidak semudah untuk kita capai. Namun, hasil muafakat dan kesatuan dari semua pihak segenap penjuru, maka sesuatu kebarangkalian yang awalnya difikirkan mustahil akhirnya mampu digapai. Demikian juga buat rakyat dari segenap dimensi seluruh pelosok negeri, bersatu kita demi Johor. Jangan kita beri ruang untuk musuh baik dari dalam mahupun luar untuk memecahkannya kerana kita khuatir dan risau di mana kayu bengkok, di situ musang meniti. Kita kuat kerana kita bermuafakat, kita bermuafakat kerana kita kuat.

Ucapan terima kasih kepada kerajaan negeri. Yang Berhormat Dato' Speaker, di ruang kesempatan ini juga saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada anak syarikat kerajaan negeri Johor yang telah membantu menyelesaikan masalah pembinaan Sekolah Agama Taman Yayasan yang terletak di kawasan Buloh Kasap yang telah tergendala sekian lama dan telah berjaya disiapkan dan telah dapat diguna pakai untuk anak-anak menikmati sesi pembelajaran dengan baik. Mewakili seluruh rakyat Buloh Kasap, Segamat mengucapkan jutaan terima kasih kepada kerajaan negeri telah membantu rakyat dalam urusan pembayaran deposit yang dikenakan Syarikat Air Johor terhadap pemegang akaun yang kadar kegunaannya di bawah RM100.00. Masyarakat di kawasan saya amat bersyukur dan menyambut baik dalam usaha ini sehingga ada yang berkali-kali berpesan kepada saya untuk menyampaikan ucapan terima kasih kepada kerajaan negeri khususnya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Sekolah Agama Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam ucapan titah Diraja Baginda telah membangkitkan isu memperkasakan sekolah agama Johor. Saya secara peribadi merasakan isu ini sangat besar dan harus kita ambil berat. Hal ini kerana kita tahu kerajaan negeri Johor terbabit secara langsung dalam sistem Pendidikan Agama sejak tahun 1895 lagi apabila Sultan Abu Bakar mewujudkan Perlembagaan bertulis bagi negeri ini. Sejak daripada tarikh itu, kerajaan negeri Johor di bawah Pentadbiran Sultan Abu Bakar terus menunjukkan keprihatinan yang mendalam bagi Pendidikan Agama. Hasil keprihatinan ini, masyarakat Islam negeri Johor meraih manfaat yang besar sehinggalah amalan menghantar anak untuk mengikuti pengajian agama sudah menjadi sebahagian daripada budaya orang Johor.

Kekurangan guru. Namun begitu ketika ini saya kerap pula mendapat aduan dan keluhan tentang kekurangan guru di sekolah agama. Saya juga kira isu ini, isu sekolah agama ini bukanlah isu yang baru saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Mungkin ini adalah kali kedua atau kali yang ketiga. Saya yakin pihak kerajaan negeri telah dan sedang berusaha mencari jalan penyelesaian mengenai isu ini. Di kawasan saya sendiri antaranya Sekolah Agama Kampung Awan dan Sekolah Agama Ladang Palong Timur 5 berhadapan dengan masalah kekurangan guru. Masalah kekurangan guru memberi kesan secara langsung kepada proses pengajaran dan pembelajaran serta pencapaian anak-anak kita dalam aspek pendidikan agama yang seharusnya menjadi tumpuan untuk kita semua.

Membangunkan Taman Yayasan sebagai pusat bandar kedua. Yang Berhormat Dato' Speaker, mewakili masyarakat Buloh Kasap mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak kerajaan negeri kerana telah memilih Segamat untuk dibangunkan secara bersepadu melalui anak syarikat kerajaan negeri YPJ Holding. Dan, ketika ini Taman Yayasan di Segamat dilihat satu kawasan yang sangat strategik dan menjadi tumpuan sebagai pusat pembangunan dan kegiatan ekonomi sebagai bandar kedua di Segamat bukan sahaja kepada masyarakat Segamat sendiri

tetapi kepada warga Pahang dan Negeri Sembilan kerana kedudukan Taman Yayasan di tengah-tengah.

Seiring dengan pembangunan pesat Taman Yayasan tersebut, saya amat berharap dan memohon kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan agar boleh dibangunkan sebuah kawasan daya tarik pelancong seperti taman rekreasi yang dilengkapi landskap yang cantik dan menarik yang boleh membawa kawasan riadah kepada masyarakat. Kawasan ini juga boleh dijadikan lokasi pesta makan buah-buahan negeri Johor memandangkan Segamat merupakan tanah raja buah-buahan. Mungkin juga boleh dilihat untuk dimasukkan paparan sejarah Segamat itu sendiri di dalam kawasan tersebut seperti mana paparan sejarah Johor yang diletakkan di Dataran Iskandar di Kota Iskandar.

Segamat merupakan antara daerah tertua di Johor. Dan, pernah mendapat gelaran daerah legenda. Maka, sejarah ini boleh kita paparkan di kawasan taman rekreasi yang dibangunkan agar sejarah tersebut dapat diketahui oleh generasi sekarang dan masa akan datang dan pastilah konsep ini membawa konsep pembangunan Johor yang lestari dan berkemajuan. Saya juga memohon untuk dipertimbangkan dan diteliti untuk dibuat landskap pencahayaan yang menarik di jalan dari Buloh Kasap menuju ke Taman Yayasan agar ia dapat menjadi nilai tambah kepada pembangunan Taman Yayasan dan Pekan Buloh Kasap itu sendiri. Dan, seperkara yang penting lagi, saya mohon pihak kerajaan meneliti pembangunan Taman Yayasan dari soal keselamatan. Jika diteliti Balai Bomba yang terdekat jaraknya agak jauh dari taman tersebut. Memandangkan Taman Yayasan sedang membangun, saya lihat Balai Bomba perlu ada di kawasan tersebut dan bagi kita mengelakkan sebarang masalah kelewatan dan kelambatan jika apa-apa berlaku.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pusat jualan produk IKS di lebuh raya Segamat - Kuantan. Sesuatu yang sangat menarik turut berpotensi dibangunkan di Segamat terutamanya di laluan Segamat - Kuantan adalah pusat jualan produk IKS. Saya lihat potensi ini kerana melihat pesatnya pusat jualan produk IKS di Ayer Hitam kerana lokasinya yang berdekatan dengan lebuh raya. Malah di Segamat ia menjadi laluan pintu masuk ke negeri Johor. Oleh itu, saya mencadangkan kepada Jabatan Pertanian atau pun mana-mana agensi yang berkaitan untuk meneliti dan melakukan kajian terhadap cadangan saya ini.

Menaik taraf pondok Polis FELDA Palong Timur. Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara terakhir tetapi yang perlu diutamakan mahu saya bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini tentang menaik taraf pondok polis di FELDA Palong Timur kepada Balai Polis. Untuk makluman Dewan, pengundi berdaftar yang menetap di kawasan Palong Timur adalah seramai lebih kurang 4,500 orang. Jumlah ini tidak termasuk dengan anak-anak yang belum layak mengundi. Jika dikira jumlah penduduk di FELDA Palong Timur adalah mencecah lebih kurang 6,000 orang. FELDA Palong Timur sangat memerlukan Balai Polis dan anggota polis yang berada di situ sepenuh masa. Ini kerana terdapat peningkatan kes-kes jenayah, kes rompak, penagihan dadah di situ dan sememangnya memerlukan kawalan keselamatan oleh pihak polis. Maka, saya mohon untuk perkara ini mendapat tindakan yang seberapa segera.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bertentang mata hati berpaut, terus jadi masuk meminang, banyak permintaan sudah disebut, harap semua dapat ditimbang. Senada dengan serangkap pantun ini mewakili Segamat, mohon mengharap apa jua yang saya ketengahkan awal-awal tadi kiranya jua dapat diberi perhatian dan

pertimbangan. Kerana, pokok pangkalnya kerajaan sememangnya komited membela nasib rakyat dan membangun negeri dengan semangat muafakat dan lestari.

Akhir kata, bagi mencapai hasrat dan harapan kami menjunjung kasih titah Tuanku untuk bersama-sama pimpinan kerajaan mengharung samudera perjuangan biarpun berdepan gelora yang mengganas di atas bahtera Johor Berkemajuan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Buloh Kasap mohon menyokong. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih Buloh Kasap. Pendek sangat. Tak sampai 10 minit. Bagi *chance* pada abang dia ye. Jemput, Tenang.

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam muafakat Johor. Alhamdulillah, kita merafakkan rasa kesyukuran kepada Allah SWT atas segala kurniaan dan nikmat yang diberikan ke atas negeri Johor, selawat dan salam atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, Penghulu sekalian nabi dan rasul.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu Tenang merafakkan sembah menjunjung kasih atas titah ucapan Tunku Mahkota Johor wakil rasmi Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Johor dalam pembukaan Penggal Persidangan Kelima Dewan Undangan Negeri Johor bagi kali ke-13 bagi sekalian, rakyat Tenang amat terkesan dan berbangga atas keprihatinan Tuanku sudah tentunya jati diri sebagai Johor yang teguh sentiasa mendukung dan menyanjung tinggi titah Tuanku.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Tenang juga ingin merafak sembah mengucapkan tahniah atas Duli Yang Teramat Mulia Tunku Mahkota Johor atas pemasyhuran sebagai Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) sudah tentu pemasyhuran ini membanggakan seluruh rakyat Johor apatah lagi sebelum ini Tunku sering dilihat sebagai ikon bola sepak negara. Tunku berjaya membawa era bola sepak negara ke arah dimensi yang baru. Tidak keterlaluan Tenang menyatakan bahawa kehadiran Tunku Mahkota Johor telah berjaya merancakkan lagi arena bola sepak negara. Bahkan dalam situasi yang lebih jauh meletakkan bola sepak negara khususnya nama pasukan Johor Darul Takzim di pentas Asia dan dunia. Kejayaan demi kejayaan dirangkul sehingga menjadi bualan peminat bola sepak dan kuasa bola sepak Asia sudah tentu kejayaan Tunku Mahkota Johor menjadi penyuntik semangat kepada anak-anak Johor untuk mempamerkan kecemerlangan. Lebih bangga lagi apabila Tunku Mahkota Johor turut menjadi idola dan inspirasi bola sepak di luar negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengambil inti pati daripada titah Tuanku tentang cetusan idea projek Rumah Idaman Bangsa Johor (RIBJ) memberikan harapan dan merealisasikan impian anak negeri Johor untuk memiliki rumah kediaman impian dengan harga yang sangat berpatutan. RIBJ yang dikelolakan di bawah Pengurusan Johor Corporation, dengan izin, bertindak sebagai pelaksana projek perintis melalui Johor Land, dengan izin. Duli Yang Maha Mulia Sultan sangat memberi perhatian berkaitan rumah Idaman Bangsa Johor ini dan mahukan projek ini dilaksanakan dengan perancangan terbaik serta mengikut jadual yang direncanakan. Tenang meyakini bahawa RIBJ ini bukan semata-mata bertujuan menyediakan peluang pemilikan rumah sendiri bagi anak-anak Johor tetapi projek ini mempunyai satu implikasi yang jauh lebih besar terutamanya dalam menjadikan Johor sebagai *Southern Economy Power*, dengan izin, kebergantungan tenaga

kerja amat penting pada perkembangan ekonomi negara apatah lagi kejayaan negeri Johor yang berjaya menarik pelaburan luar membuka ruang dan peluang pekerjaan pada rakyat Johor khususnya. Justeru itu dengan wujudnya peluang pelbagai pekerjaan dalam negeri dibantu dengan kemudahan pemilikan rumah serta memastikan pembangunan ekonomi dan kelestarian rakyat akan berjalan dengan seiring.

Keduanya keperluan pemilikan rumah rakyat Johor dan peluang pekerjaan dalam negeri mampu mengurangkan penghijrahan tenaga kerja mahir anak Johor ke luar negeri Johor. Tenaga kerja mahir anak Johor akan digunakan dan di aplikasi sepenuhnya dalam membangunkan ekonomi dan kemodenan negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Baginda juga iaitu tentang perilaku orang luar yang sibuk mempersoalkan kedaulatan dan urus tadbir negeri Johor. Teguran sinis Tuanku sebenarnya memberi amaran bahawa setiap jiwa bangsa Johor sentiasa menjunjung tinggi perpaduan dan hak kesaksamaan rakyat. Pihak yang rasa dengki ini lebih berusaha memecahkan jati diri bangsa Johor selain hanya menyebarkan hasutan-hasutan dan cerita-cerita retorik kerana bangsa Johor yang dididik bertapak lamanya dan sudah kukuh. Apatah lagi dengan ruang dan peluang yang disediakan oleh kerajaan negeri menunjukkan rakyat Johor semakin jauh ke hadapan. Suara-suara sumbang ini tidak langsung memberi kesan kepada langkah gagah pimpinan negeri untuk terus menerajui negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pemerkasaan sekolah agama kerajaan negeri dalam titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sangat kita banggakan. Umum mengetahui bahawa sekolah agama rakyat kelolaan Jabatan Agama Islam Negeri merupakan satu ikon negeri Johor juga, bahkan model pengurusan sekolah agama ini sentiasa menjadi panduan dan pengurusan sekolah agama rakyat bagi negeri-negeri lain. Sering kali rakyat Johor kagum dengan pendidikan sekolah agama ini dan ia bukanlah semata-mata retorik. Namun sistem pendidikan sekolah agama dilihat hari ini semakin lemah dan keadaan kitarannya pun berasa agak kurang selesa. Perkara ini harus kita lihat dan Tenang mohon satu mekanisme bagaimana untuk meningkatkan prestasi sekolah agama menjadi lebih baik sehingga mencapai satu mercu tahap kecemerlangan pada masa akan datang. Setelah sekian lama Johor berbangga dengan sekolah agamanya yang sering kali segar dan diperkasakan. Ini menunjukkan Baginda amat menitikberatkan pendidikan Islam terhadap bangsa Johor dengan pemerkasaan sekolah agama ini, pendidikan agama di negeri Johor ini sentiasa berada terkehadapan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkembangan teknologi maklumat yang mampan merupakan aset utama kepada kerajaan negeri untuk memperkukuhkan pembangunan dan ekonomi negeri. Pada hari ini teknologi maklumat merupakan asas utama kerana capaian pantas dan berteknologi tinggi merupakan asas utama dalam perhubungan maklumat dan teknologi. Bahkan perkembangan teknologi maklumat ini seiring dengan misi Johor untuk menjadi hab ekonomi Selatan, dan Insya-Allah hab ekonomi utama negara pada masa akan datang.

Tenang mengambil kesempatan merakamkan ucapan tahniah kepada kerajaan negeri atas pengumuman sebanyak 74 *hotspot* baru Johor *WiFi* yang melibatkan semua daerah dan Majlis Perbandaran dalam negeri Johor. Ini menunjukkan keyakinan kerajaan negeri untuk menyiapkan dan melengkapkan rakyat Johor dengan kemahiran teknologi maklumat dan Internet. Pelaburan yang besar ini

bertujuan untuk memastikan impian Johor Digital dan Rakyat Celik Internet bukanlah satu perkara yang retorik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Tenang juga menyokong dan menyambut baik cadangan daripada Yang Berhormat ADUN Pasir Raja berkaitan menaik taraf lebuh raya yang sedia ada. Sekiranya diperhatikan Lebuhraya Utara-Selatan yang menghubungkan Semenanjung Malaysia ke Singapura melalui rentas negeri Johor berkeadaan asal pembinaannya, sedangkan Johor pada hari ini sudah bertindak sebagai kuasa tumpuan ekonomi Selatan. Pemerhatian yang dijalankan menunjukkan trafiknya sibuk dengan kenderaan perdagangan dan persendirian di samping menjadi laluan utama penduduk-penduduk negara jiran khususnya pada hujung cuti umum dan kepadatan trafik menyebabkan kesesakan lalu lintas terutamanya...

YB Timbalan Speaker : Tenang sila duduk sekejap.

YB Encik Mohd Azahar bin Ibrahim (Tenang) : Kerap berlaku kesesakan terutamanya menjelang perayaan-perayaan besar serta keadaan menjadi lebih teruk jika berlaku kemalangan-kemalangan ataupun banjir-banjir kilat. Ini memberi gambaran buruk terutama sebagai persediaan Johor sebagai hab ekonomi utama negara nanti. Selain itu, kepadatan ekonomi negeri memberi tumpuan kepada daerah meletakkan lebuh raya sebagai asas perhubungan dan pengangkutan. Oleh itu Tenang mencadangkan agar kerajaan negeri bekerjasama dengan kerajaan pusat bagi menaikkan taraf lebuh raya yang sedia ada kepada empat lorong, kepada lapan lorong, kepada dua lorong ke empat lorong, sudah tentu kepada perancangan pembangunan ekonomi akan datang. Masalah utama perhubungan dan pengangkutan yang merupakan asas utama dapat diatasi lebih awal.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Tenang juga ingin merakamkan ucapan takziah kepada keluarga dan pusat tahfiz yang mencatatkan peristiwa seorang pelajar tahfiz dalam negeri ini yang di hukum dan akhirnya membawa kepada kematian kepada pelajar tersebut. Tenang berasa kesal atas peristiwa yang berlaku pada pelajar pusat tahfiz tersebut. Sepatutnya peristiwa tersebut tidak boleh berlaku, apatah lagi dalam situasi perkembangan didikan moden hari ini. Situasi ini menimbulkan tanda tanya kepada rakyat tentang pengurusan pusat tahfiz tersebut dan juga pusat-pusat tahfiz lain khususnya di bina atas inisiatif persendirian. Implikasi daripada peristiwa tersebut, Tenang mencadangkan kepada pihak kerajaan negeri melalui Jabatan Agama Islam Negeri dan pihak-pihak berkepentingan menyediakan satu garis panduan dan mekanisme pengurusan serta pentadbiran pusat-pusat tahfiz, walaupun pusat tahfiz yang di bina atas kapasiti persendirian ini bertujuan memberi ruang kepada kerajaan negeri memantau perjalanan pusat tahfiz berkenaan. Bahkan kerajaan negeri boleh menyalur bantuan secara tuntas kepada pusat tahfiz berkenaan.

Dalam memperkatakan tentang kelestarian rakyat, kerajaan negeri perlu melihat satu potensi yang baik untuk membantu golongan ibu tunggal dan kaum hawa ini. Apatah lagi pada hari ini perniagaan atas talian merupakan satu ciri perniagaan sedang berkembang pesat. Justeru itu, Tenang membangkitkan isu ini supaya kerajaan negeri dapat membantu golongan yang dinyatakan tadi dari aspek perniagaan atas talian. Langkah membantu meningkatkan potensi ekonomi ibu tunggal dan kaum ibu dapat merubah landskap keluarga bahkan memberi ruang dan peluang kepada golongan sasaran untuk berdikari dan memperbaiki taraf ekonomi keluarga masing-masing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan negeri juga sentiasa peka tentang penjagaan Orang Kelainan Upaya, OKU. Malah penubuhan-penubuhan pusat dalam Komuniti PDK di setiap DUN menggambarkan betapa keprihatinan golongan OKU sentiasa terbela. Namun perlu ada perancangan jangka pendek atau jangka panjang bagi membantu mereka terutamanya dari segi pendapatan kewangan. Jadi, apakah langkah-langkah yang dibuat oleh kerajaan negeri untuk membantu golongan OKU ini bagi menjana pendapatannya terutama dari segi slot-slot peluang pekerjaan untuk membantu golongan seperti ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi rakyat dan kepimpinan Tenang ingin merakamkan setinggi penghargaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kepimpinan negeri atas lawatan ke Parlimen Labis dan pengumuman berita baik baru-baru ini. Hasil lawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar ke Labis berjaya menyelesaikan permasalahan yang berlaku dalam Parlimen Labis, khususnya menangani masalah-masalah yang timbul, pasca banjir yang lalu, membaik pulih, menaik taraf segera jalan rosak dan juga bermacam-macam lagi, dan ini memberi amat impak positif kepada rakyat. Selain itu, cadangan pembangunan-pembangunan dan peruntukan-peruntukan yang akan disalurkan sememangnya dinantikan oleh masyarakat penduduk dan pengundi-pengundi di Labis dan Tenang dan amat gembira banyak perkara telah diselesaikan. Dan ini menunjukkan bahawa pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kerajaan negeri sentiasa mendapat sokongan daripada masyarakat di sekitar Labis.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ada beberapa perkara yang akan di bawa isu-isu dalam di DUN Tenang ini, terutama dari segi kuarters pendidikan terbiar tanpa pengurusan dalam sidang DUN yang terdahulu, saya juga membangkitkan perkara alternatif untuk mengatasi masalah kuarters perguruan yang terbiar, iaitu antaranya bagaimana kita hendak mengisi ruang tempat yang kosong tersebut dan ada cadangan melalui Kementerian Pendidikan supaya kita cadangkan di bawa ditubuhnya kolej-kolej ataupun IPTA-IPTA, cawangan-cawangannya pun jadilah untuk mengisi daripada terbiar di kawasan tersebut. Umpamanya perkara ini tidak mencacat pemandangan kerana selama ini terbiar tanpa pengurusan dan ada kalanya menjadi bualan sebagai projek gajah putih dan Insya-Allah ia memberi ruang dan peluang kepada mana-mana, sama ada agensi-agensi kerajaan untuk menyewa ataupun agensi-agensi yang lain bagi mengatasi projek yang terbiar tersebut. Dan di harap pihak Kementerian Pendidikan dapat melihat perkara ini yang telah lama menjadi satu isu di kawasan DUN Tenang tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya saya ingin menarik perhatian tentang Suruhanjaya SPNB, Suruhanjaya Perumahan Negara Berhad berkenaan pembinaan rumah mampu milik di kawasan Desa Temu Jodoh. Untuk pengetahuan sidang Dewan yang mulia ini, pihak SPNB telah menjalankan Majlis Pecah Tanah dan turut dihadiri oleh pemimpin tempatan dan rakyat setempat. Kawasan yang telah tersedia untuk projek kesejahteraan rakyat ini masih kosong tanpa sebarang aktiviti pembangunan bahkan saya dihujani dengan persoalan tahap pembinaan dan masa perumahan tersebut,bila boleh dilaksanakan? Perlu ada satu tanda dan jawapan sejauh mana gerak kerja dan pelaksanaan projek perumahan ini. Dan yang lebih utama, kita tidak mahu di lihat gah pada cerita tapi kosong pada hasilnya. Justeru itu saya mencadangkan perlu ada satu mekanisme yang melibatkan pemimpin tempatan dalam menentukan hala tuju dan keberkesanan projek tersebut. Secara langsung projek tersebut yang menjadi buah mulut

masyarakat di Cha'ah dan Labis umumnya dan juga di harap dapat menyelesaikan permintaan penduduk untuk pembinaan rumah mampu milik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam ruang ini juga saya mengambil kesempatan tentang membawa perkara menaik taraf dan pemulihan kuarters kesihatan yang masih terbiar. Saya melihat isu ini sebagai perkara pokok utama kerana ia sudah dibiarkan terlalu lama dan memberi perspektif negatif kepada masyarakat. Sudah tentunya bangunan yang terbiar mendorong wujudnya masalah lain seperti kehadiran haiwan liar dan berbisa yang menghuni bangunan ini selain kawasan semak samun yang tidak berjaga, bahkan sebelum jadi situasi bangunan tersebut dijadikan sarang kepada gejala sosial seperti penyalahgunaan dadah dan sebagainya. Wajar bangunan yang terbiar itu dinaiktarafkan. Seharusnya kita bangun kawasan terbiar kepada satu yang lebih berfaedah untuk kepentingan masyarakat yang berada di kawasan Labis.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya tentang berkaitan perancangan kerajaan melalui Unit Perancangan Ekonomi Negeri, UPEN yang berhasrat membina, mewujudkan pendapatan rumah kepada peserta golongan e-Kasih, namun sehingga kini Tenang tidak nampak sebarang perjalanan dan gerak kerja untuk merealisasikan perancangan tersebut. Sudah tentu kita tidak mahu perancangan tersebut hanya sekadar indah dari rupa. Kesejahteraan rakyat selalu diutamakan dan dalam menilai situasi ini, pelan dan perancangan di buat di satu kawasan yang dahulu kita harap sebelum ini Bukit Mambai menjadi kawasan berpotensi, saya harap ia dapat diteruskan untuk program e-Kasih ini. Melalui pembentangan Bajet 2016 juga Perbadanan Islam Johor, PIJ Holdings telah berperanan untuk membangunkan tanah di kawasan Bukit Mambai juga dalam pembinaan Rumah Mampu Milik dan sehingga hari ini masih tiada lagi sebarang gerak kerja untuk merealisasikan projek berkenaan. Sedangkan keperluan penempatan khususnya pada rakyat Labis merupakan keperluan yang mendesak khususnya di kawasan-kawasan sekitarnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya Tenang ingin mengetengahkan isu penempatan generasi kedua FELDA Chemplak Barat. Kita telah mengenal pasti sebanyak 135 plot tanah yang boleh dianugerahkan kepada generasi kedua ini. Namun timbul permasalahan lain iaitu plot yang ada dimasukkan merupakan tanah di bawah pemilikan anak syarikat FELDA iaitu *FELDA Global Venture* dengan izin yang dimajukan sebagai lot tanah pertanian. Justeru itu, Tenang mencadangkan agar isu pertindihan pemilikan tanah ini perlu diberikan perhatian yang serius dan mencadangkan agar isu ini dibawa ke satu peringkat jawatankuasa supaya pihak FELDA dapat melepaskan hak pegangan tanah ladang tersebut dan diberikan pada generasi kedua FELDA Chemplak Barat kerana ini disebabkan salah satu janji dalam pilihan raya juga lah, untuk pemberian lot-lot perumahan pada generasi kedua tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu seterusnya iaitu berkaitan sistem pemancar telekomunikasi di perkampungan Orang Asli Segamat Kecil namun sehingga ke hari ini masih belum beroperasi. Ini menyukarkan situasi perhubungan apabila berlakunya bencana banjir baru-baru ini. Sistem jalan perhubungan kawasan tersebut terputus dan sistem telekomunikasi tidak sempurna.

Justeru itu, Tenang mengharapkan kepada syarikat telekomunikasi TM dan sebagainya yang terbabit dengan isu ini perlu disegerakan supaya kaedah terbaik pemantauan keselamatan dan hubungan telekomunikasi sekiranya bencana banjir seumpamanya berlaku. Selain itu juga, masalah banjir yang lepas agar kerajaan

dapat mempercepatkan proses baik pulih kemudahan-kemudahan infrastruktur jalan perhubungan, jalan pertanian yang terjejas akibat banjir ini melibatkan beberapa kawasan terjejas. Kampung Pekan Air Panas dan Kampung Tenang dan juga di jalan pertanian yang rosak teruk menyukarkan pengeluaran hasil pertanian dan juga jalan perhubungan antara kampung juga terjejas akibat bencana alam tersebut.

Akhir sekali, isu yang diketengahkan ialah isu keselamatan jalan raya juga lah, yang sebelum ini pernah disentuh dalam ucapan yang lepas. Katanya isu haiwan ternakan seperti lembu, kambing yang berkeliaran di jalan yang menghubungkan kawasan bandar Labis ke kawasan Bukit Kepong.

Umum mengetahui bahawa kawasan tersebut merupakan kawasan pertanian di bawah pemilikan persendirian dan FELDA. Apa yang membimbangkan kita adalah kehadiran haiwan ini pada waktu malam khususnya mengundang bahaya ketika waktu malam. Bahkan kemalangan yang melibatkan kerosakan, kecederaan dan kematian akibat daripada haiwan yang berkeliaran boleh dikatakan situasi jalan tersebut menjadikan igauan ngeri kepada pengguna jalan raya khususnya pada waktu malam.

Justeru itu, Tenang mengharapkan terutamanya kepada pihak berkuasa dan pihak yang bertanggungjawab untuk mencari suatu jalan yang terbaik untuk mengelakkan kejadian kemalangan ini daripada terus berlaku akibat tingkah laku haiwan-haiwan ternakan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Tenang sekali lagi merakamkan penghargaan dan mengucap terima kasih atas kesempatan yang diberikan dalam perbahasan kali ini dan ucapkan penghargaan pada semua agensi kerajaan dan anak syarikat agensi kerajaan yang banyak membantu dari aspek pembangunan bandar dan juga luar bandar khususnya di kawasan Tenang dan Labis. Bangsa Johor Sumpah Kami, Keringat Berbaur Muafakat Sejati, Mengalir Darah Membasah Bumi, Tidak Dilepas Walau Seinci. Biar Menyongsang Arus Tebrau, Biar Runtuh Tanah Di Ledang, Berpasak Kami Bertempik Garau, Berkubur Kami Rela Berjuang.

Dengan ini Tenang menyokong rundingan usul yang dibawa oleh Bukit Permai. Terima kasih. (Dewan bertepuk)

YB Timbalan Speaker : Terima kasih, Tenang. Sila Kempas.

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat (Kempas): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirahmanirahim. Segala puji-pujian bagi Allah, selawat dan salam pada junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya bagi pihak rakyat di Kempas merakamkan ucapan terima kasih kerana diberi peluang mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan yang telah di titah bacakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tunku Mahkota Johor. Anak Johor terus menjunjung duli bersetia pada Baginda Sultan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan Kempas merafakkan setinggi-tinggi tahniah ke Bawah Duli Yang Teramat Mulia Tunku Mahkota Johor yang baru dinobatkan sebagai Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia baru-baru ini. Kempas dan seluruh bangsa Johor berkeyakinan tinggi bahawa di bawah naungan Duli Yang Teramat

Mulia Tunku Mahkota Johor tahap prestasi pasukan Malaysia akan meningkat tinggi di persada dunia dengan izin Allah.

Bagi pihak rakyat Kempas, kami juga ingin merakamkan penghargaan yang tulus ikhlas dan tidak terhingga kepada pucuk pimpinan negeri iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang telah mengekalkan pembangunan yang cemerlang di negeri Johor ini selama 4 tahun berturut-turut. Umum mengetahui bahawa untuk mencapai kecemerlangan itu jika dialunkan dengan usaha, insya-Allah ianya bukan mustahil tetapi untuk mengekalkan prestasi buat 4 tahun berturut-turut ianya amat mengagumkan.

Kempas juga ingin mengucapkan tahniah kepada kepimpinan negeri dan juga pihak Majlis Bandaraya kerana mengikut pada kaji selidik kualiti kehidupan oleh pihak MERCER tahun 2017,Bandar raya Johor Bahru duduknya di tangga ketiga di Asia Tenggara. Sewaktu Kuala Lumpur dan Johor Bahru meraikan kejayaan di nobat sebagai bandar raya kedua dan ketiga terbaik di Asia Tenggara di dalam aspek ini. Kita lupa bahawa tanpa anggota Polis yang rela bergadai nyawa demi menyediakan payung keselamatan yang di bawahnya kita dapat berteduh dan tidur nyenyak saban malam, pengiktirafan ini tidak dapat kita capai. Maka izinkan Kempas juga merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Polis Di Raja Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kempas menjunjung kasih di atas titah keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan semasa pembukaan Dewan Negeri kelmarin. Yang menyentuh tentang penubuhan beberapa syarikat milik kerajaan seperti JCorp, YPJ, Perbadanan Islam dan lain-lain untuk membantu dalam urusan pembangunan ekonomi negeri. Nasihat titah kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku adalah supaya semua syarikat dan anak-anak syarikat GLC ini diurus tadbir dengan teratur dan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Titah baginda juga supaya mereka ini jangan hanya pandai meminta bayaran gaji yang tinggi tetapi tidak memberi apa-apa kepulangan kepada kerajaan. Maka Kempas berharap tidak ada rancangan jalan senang di masa-masa akan datang untuk menswastakan atau menjual aset-aset yang baik dan berpotensi kepada mana-mana pihak lebih-lebih lagi jika GLC itu sendiri mampu untuk memajukan projek tersebut. Kita tidak mahu aset-aset dan projek-projek yang baik dan berpotensi ini dijual untuk menguntungkan mana-mana pihak sementara hanya aset-aset yang kurang berpotensi dan merugikan sahaja yang tinggal di tangan anak-anak syarikat kerajaan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada bulan Februari lepas, kita dikejutkan dengan satu peristiwa sedih di mana 8 remaja bangsa Johor berbasikal lajak menemui ajal dalam satu kemalangan jalan raya sewaktu ramai di antara kita lena dibuai tidur. Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan mentitah untuk membentuk generasi yang berdisiplin dan berakhlak mulia, ibu bapa dan keluarga juga haruslah memikul tanggungjawab dalam menjaga dan mendidik anak-anak di rumah. Jangan salahkan orang lain sekiranya anak-anak sendiri tidak terkawal dan terjebak dalam aktiviti yang kurang sihat. Kempas ingin merakamkan takziah kepada keluarga yang kehilangan anak-anak mereka di malam yang malang itu. Namun, menjunjung titah Tuanku tentang tanggungjawab semua yang terlibat mungkin Akta Kanak-Kanak 2001 kerana kecuaian boleh dipertimbangkan untuk mendakwa penjaga atau ibu bapa di masa-masa akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mungkin tindakan ini dianggap drastik tetapi perlu dihalusi dan dipertimbangkan. Kempas menekankan ini kerana tidak sampai 100

hari kejadian tragedi tersebut kita membaca laporan akhbar mengenai tindakan Polis menahan mereka yang terlibat dengan basikal lajak ini.

Kini mereka sudah pun mempunyai litar baru di Taman Bukit Daya setelah litar Lingkaran Dalam dipantau Polis. Waktu perlumbaan pun telah ditukar dari tengah malam ke petang kerana mereka tidak lagi dibenarkan keluar malam. Satu laporan yang keluar selepas kemalangan itu mengatakan bahawa Polis telah menjalankan sebanyak 5 operasi dan merampas 17 basikal yang telah diubah suai pada 2 bulan pertama tahun ini, sementara 28 operasi telah dijalankan pada tahun lepas di mana 37 basikal telah dirampas. Ternyata, kemalangan tragis ini tidak meninggalkan kesan kepada remaja-remaja berbasikal lajak ini.

Menyentuh titah Tuanku juga iaitu janganlah kerana hendak menghadapi pilihan raya, kerajaan menangguhkan keputusan-keputusan yang harus dibuat waimah berapa berat pun keputusan itu demi untuk kesejahteraan umum dan masa depan anak bangsa kita. Tidak sanggup lagi Kempas melihat anak bangsa Johor kehilangan nyawa kerana kita gagal bertindak.

Kita mengucapkan terima kasih kepada pihak Yang Amat Berhormat pucuk pimpinan kerana telah menyediakan servis guaman bagi pihak keluarga mangsa bagi kes sivil. Kes kecuaian yang melibatkan pemandu pula seperti yang kita semua ketahui umum sedang dalam proses pembicaraan di Mahkamah. Oleh yang demikian, Kempas tidak mahu menyentuhnya melainkan mengatakan kepada pihak pendakwa raya bahawa namanya akan terpalit di bibir rakyat jelata hingga kiamat jikalau kes yang senang seperti ini pun tidak boleh dimenanginya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apa yang diperlukan adalah penyelesaian yang memberikan keberkesanan kepada semua di mana remaja-remaja ini boleh menjalankan aktiviti-aktiviti mereka dalam persekitaran yang selamat pada setiap masa. Di mana ibu bapa mereka tahu di mana anak-anak mereka berada dan pihak berkuasa yakin bahawa mereka tidak melanggar undang-undang.

Jika di suatu ketika dahulu *futsal* menjadi kegilaan dan terdapatnya gelanggang-gelanggang *futsal* di merata tempat apakah tidak ada keperluan untuk menyediakan kawasan khas untuk remaja-remaja ini atau memberi mereka kebenaran menggunakan kemudahan sedia ada untuk mereka menjalankan aktiviti mereka. Menyediakan persekitaran yang selamat tidak bermakna bahawa kita berikan pengiktirafan kepada aktiviti basikal lajak mereka. Tidak apa, yang penting, tetapi apa yang penting ialah keselamatan mereka terjamin. Ini akan membolehkan pihak berkuasa mendapat *captive audience* dengan izin, yang mana boleh digunakan untuk menyalurkan maklumat ciri-ciri keselamatan diri penggunaan jalan raya yang betul kerana mereka ini di kemudian hari akan membawa motosikal dan kereta dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu perkara lagi yang hendak Kempas bangkitkan ialah mengenai soal kebersihan. Di kala kita berusaha untuk menempatkan negeri Johor sebagai *Economic Powerhouse* di Asia Tenggara kita perlu mengutamakan kebersihan di negeri kita ini. Ketika ini, sampah dikutip 3 hari seminggu oleh Pihak Berkuasa Tempatan Johor Bahru, misalnya menjadualkan pungutan sampah rumah kediaman 3 hari seminggu dan sementara bagi kawasan kedai adalah setiap hari kecuali hari Ahad. Kempas dapati jadual ini tidak ditepati sepenuhnya dan kalau pun ditepati ianya hanyalah ditepati di kawasan bandar. Di kawasan perkampungan Melayu misalnya jadual yang dibuat tidak ditepati, membuatkan kawasan perkampungan ini kotor, berbau busuk, hanyir dan berulat angkara

sampah yang tidak dikutip. Ianya menyakitkan mata bila memandang, menyinggung kesejahteraan hidung bila kita bernafas, menyebarkan penyakit apabila lalat menghinggapi sisa-sisa kotoran dan ulat cacing kerawit itu menghinggap pula di makanan kita.

Hari ini kita ada kononnya sistem kitar semula, seolah-olah kita ni sudah berfikiran hadapan dan moden. Kononnya macam negeri orang putih yang maju. Apa guna kita mulakan sistem kitar semula, kalau pembersihan asas iaitu pungutan sampah setiap hari pun tidak mampu kita buat. Dia seolah-olah seperti nak cuba berlari sebelum pun kita belajar merangkak.

Di Klinik Kesihatan Kempas kita ada 8 doktor dan setiap hari di pendaftaran terdapat purata 1,000 orang pesakit yang datang untuk rawatan. Ramai dari mereka yang mengalami jangkitan kuman dan majoritinya terbukti di kalangan pesakit yang miskin di mana sampah di kawasan perumahan mereka tak dipungut mengikut jadual dan berlambak-lambak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di sesi kedua persidangan pagi tadi saya terpaksa meninggalkan Dewan ini semata-mata untuk menziarah di kubur, menziarah seorang yang meninggal juga kerana jangkitan kuman. Inilah dia. Saya tanya suaminya tadi ya, meninggal sakit apa. Kejutan dia kata jangkitan kuman. Masuk darah, betul-betul ucapan saya buat semalam, meninggal tadi pagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, malu rasanya kita hendak menceritakan tentang kehebatan negeri kita sedangkan perkara yang asas ini sahaja kita belum dapat atasi. Ianya seolah-olah rumah kita secantik mahligai macam astana dalam awan dengan *lift, push button* langsir dan CCTV berbagai. Tetapi di bilik air kita masih lagi guna sistem duduk bercangkung dan najis dipungut setiap 3 hari sekali. Memang tak nampak macam apa dia *odd* pula.

YB Timbalan Speaker : Kempas, tiap-tiap hari di kawasan perumahan Kempas dipungut tak oleh Bandaraya, SWM.

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat (Kempas) : Di tempat orang miskin dia tak buat, tempat orang kaya yang dia buat. Jadi dalam apa, dalam bangsa Johor ni ya, dalam apa nama ni orang kata, seolah-olah ada macam kasta, sistem kasta di dalam apa aspek bangsa Johor ni. Jadi yang kaya dijaga, yang miskin tidak. Dan yang miskin kebanyakannya orang Melayu ya. Jadi kita faham-faham aje lah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita sering dinasihatkan oleh mereka yang bertanggungjawab supaya tidak perlu nak belayar jauh-jauh ke Eropah membuat lawatan sambil belajar, menghabiskan wang kerajaan. Jadi izinkan Kempas sarankan supaya kita tengok dan belajar sajalah dari jiran kita Singapura dan ambil iktibar sambil berjimat beratus ribu duit rakyat kita ini.

Pada tahun 1984 iaitu 33 tahun yang lepas, 33 tahun yang lepas, Dato' Speaker, Republik Singapura sudah pun mempunyai polisi yang mengutip sampah setiap hari di serata pulau tersebut. 33 tahun lepas, tiada kawasan yang terpinggir dalam jadual harian kutipan sampah mereka. Tiada sampah yang menimbun menunggu masa untuk dikutip, tiada bau busuk dan hanyir serta tiada pembiakan penyakit-penyakit yang merbahaya atau jangkitan kuman dalam darah. Kempas sedar, bahawa seluruh negeri Johor ni mungkin terlalu besar untuk memulakan usaha

secara serentak. Tetapi wajib kita mulakan di ibu kota negeri Johor ini dahulu iaitu di Johor Bahru sebelum dipanjangkan di Bandar Diraja Muar dan lain-lain misalnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apabila kita sebut pasal sampah ni, sekali gus rakyat akan anggap ini adalah tanggungjawab Majlis Bandaraya, Tetapi sebenarnya ia adalah tanggungjawab sebuah syarikat yang telah memeterai perjanjian dengan Majlis Bandaraya semenjak pentadbiran sebelum ini pada tahun 2011. Malah setiap kali mereka gagal menjalankan tanggungjawab mereka, Majlis Bandarayalah yang tak pasal-pasal menerima cemuhan oleh rakyat.

Maka Kempas ingin mencadangkan jika syarikat tersebut tidak mampu untuk menjalankan tanggungjawabnya sebagaimana yang termaktub di dalam perjanjian mereka, maka batalkan sahaja perjanjian tersebut dan serahkan kembali tugasan itu kepada Majlis Bandaraya. Sebab kita dah jadi *economic power house*, kita punya bajet *surplus* 4 tahun berturut-turut. Semua dah bagus ya, tetapi ini adalah satu *baggage* yang kita terima daripada yang lepas semenjak 2011 kita kena ubah ya. Sebab kita dah nak ke hadapan. Jadi itulah Dato' Speaker, jika kalau Singapura sudah mula mengutip sampah setiap mulai 33 tahun yang lepas, mengapa Johor Bahru yang bertaraf bandar raya masih tidak boleh berbuat demikian. Kebersihan kita mesti mencermin sebuah negeri yang kemajuan, yang bakal yang menjadi *economic power house of South East Asia.*

Kempas mengucapkan terima kasih sekali lagi yang tidak terhingga kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana diberi kesempatan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih ke atas titah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar. Kempas pulangkan segala puji-pujian kepada Allah SWT dan kepadaNya kita semua berserah. Semoga Allah memberkati Johor, Allah selamatkan Sultan, Kempas mohon menyokong. Wabbillahi taufik walhidayah wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Kempas. Saya fikir Kempas nak panjang, nak berucap 2 hari. Tapi nampaknya semua sekali berucap di penggal terakhir mereka masing-masing.

Jadi, Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Dewan ini hingga jam 9:30 pagi, 8 Mei 2017. Sekian, wabbillahi taufik walhidayah assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Persidangan telah ditangguhkan pada jam 5:00 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KETIGA	ISNIN, 08 MEI 2017	BIL. 14 TAHUN 13

HADIR

YB Speaker,
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., SMIJ., DSPN., PIS.
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Haji Md. Jais bin Haji Sarday, PJN., KMN., PSI.
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN., PSI.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM., PSI.
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim, PIS., PSI.
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed, PSI.
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.

Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., AMN., PPN., PSI.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba, SSAP., SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)
YB Tuan Haji Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

YB Dato' Seri Haji Saipolbahari bin Haji Suib, SSAP., DIMP., AMN., KMN., JMN., PIS.
(Bukit Naning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat, DPSM. KMN.
(Kempas)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)
YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Azmi bin Rohani, DMIJ., SMJ., PIS

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Mohd Nasir bin Abdul Salam, SMJ., PIS., PSI.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Datuk Haji Abd. Latif bin Bandi, DPSM., DSM., PSI.
(Endau)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.

YB Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Bacaan selawat). Selamat pagi dan salam Muafakat Johor. Ahli-Ahli Yang Berhormat, laporan sidang Dewan Undangan Negeri Johor dapat diikuti di Johor FM101.9 FM pada pukul 10:05 malam dan ulangan pada 8:10 pagi sepanjang Persidangan ini. Jadi, mana-mana pendengar dan Ahli-Ahli Yang Berhormat nak mendengar siaran Persidangan Dewan ini dapatlah diikuti di radio FM yang saya nyatakan tadi.

Jurutulis : SOALAN LISAN.

YB Speaker : Yang Berhormat Penawar, jemput.

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor (Penawar) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker soalan saya nombor 1.

Apakah perancangan kerajaan terhadap kawalan harga rumah masa kini dengan kos sara hidup yang semakin meningkat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat pagi, salam sejahtera, salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi menangani kenaikan harga terutama sekali harga rumah kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri telah memperkenalkan beberapa langkah *cooling off measures* dengan izin, sejak tahun 2014 lagi. Melalui bajet persekutuan tahun 2014, kerajaan telah mengkaji semula cukai keuntungan harta tanah atau R*eal Property Gain Tax (*RPGT) dengan izin. Antaranya adalah bagi hartanah yang dilupuskan dalam tempoh pegangan di bawah 3 tahun kadar RPGT dinaikkan kepada 30%. Bagi pegangan hartanah di bawah tempoh 4 tahun kadar RPGT yang dikenakan adalah 20% manakala di bawah 5 tahun kadar RPGT yang dikenakan adalah 15%.

Langkah ini telah diperkenalkan dengan tujuan pada ketika untuk mengurangkan keadaan spekulasi hartanah yang mana ianya adalah antara yang jadi punca kepada kenaikan nilai harga tanah dan juga hartanah. Di pihak kerajaan negeri pula, kajian mengenai dasar pemilikan hartanah oleh kepentingan asing juga telah dilakukan.
Kebanjiran warga asing membeli hartanah di negeri Johor juga merupakan salah satu faktor kenaikan nilai harga hartanah ini. Oleh itu, kerajaan negeri telah menaikkan kadar minimum pembelian hartanah oleh warga asing daripada RM500,000.00 kepada RM1 juta dan bayaran levi yang dikenakan kepada warga asing telah dinaikkan daripada RM10,000.00 kepada 2% daripada nilai semasa perjanjian jual beli ditandatangani. Ini diperkenalkan pada tahun 2014 juga. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan negeri tidak mempunyai kuasa secara langsung untuk menetapkan harga nilai hartanah.

Oleh itu, kerajaan negeri telah menambah baik dasar perumahan negeri Johor di mana melalui dasar ini Skim Rumah Mampu Milik Johor telah diperkenalkan. Melalui dasar ini setiap permohonan pembangunan hartanah di negeri Johor yang luas tanahnya di bawah 5 ekar ke atas dikenakan sebanyak 40% daripada permohonan itu perlu disediakan Rumah Mampu Milik Johor. Ini menjadikan Johor adalah antara salah satu negeri di Malaysia yang mensyaratkan kadar tertinggi bagi pembinaan rumah mampu milik ke atas pemaju-pemaju.

Melalui dasar ini juga harga rumah, keluasan rumah dan lain-lain syarat tertentu telah ditetapkan supaya lebih ramai rakyat terutamanya dalam yang berpendapatan rendah dapat membeli rumah dengan harga yang telah ditetapkan dengan keluasan rumah yang berpatutan. Selain daripada itu kerajaan negeri telah mengambil inisiatif dengan meletakkan sekatan pindah milik bagi komponen perumahan rakyat Johor, contohnya bagi komponen Rumah Mampu Milik Johor yang harganya RM150,000.00 seunit diletakkan muratarium bagi tempoh 10 tahun.

Ini bermakna setiap urusan jual beli atau pindah milik di pasaran sekunder bagi unit Rumah Mampu Milik Johor ini hanya boleh berlaku selepas 10 tahun dari tarikh pemilikan itu. Dan, telah dapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri.

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor (Penawar) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

YB Speaker : Jemput Yang Berhormat Penawar.

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor (Penawar) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker soalan tambahan saya. Bagaimanakah kerajaan memastikan kawalan harga rumah khususnya bagi rakyat yang berpendapatan rendah atau sederhana dapat memiliki rumah dengan harga yang berpatutan.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebagaimana yang saya katakan tadi bahawa kerajaan telah mensyaratkan setiap pembangunan hartanah 40% mesti dilaksanakan untuk pembangunan bagi memenuhi dasar perumahan rakyat Johor iaitu untuk bangunkan rumah mampu milik Johor bagi kategori kos rendah dan sederhana. Manakala 60% bagi tujuan yang lain-lain.

Bagi kita mengawal harga rumah ini untuk komponen yang 40% ini Tan Sri Pengerusi, kita ada 4 jenis harga iaitu Perumahan Komuniti Johor A yang keluasannya 750 kaki persegi, untuk dalam Wilayah Iskandar harganya RM42,000.00 untuk kawasan luar Iskandar harganya juga RM42,000.00. Untuk Perumahan Komuniti Johor B yang keluasannya 850 kaki persegi dalam kawasan Iskandar harganya kita tetapkan RM80,00.00 dan di luar Iskandar juga RM80,000.00. Tapi untuk kategori yang 3 rumah Mampu Milik Johor yang harganya RM150,000.00 dengan keluasan 1,000 kaki persegi dalam kawasan Iskandar harganya RM150,000.00 tapi di dalam kawasan luar Iskandar, kalau kawasan itu terletak di dalam kawasan majlis daerah harganya kita letakkan RM140,000.00 tapi kalau dalam kawasan majlis perbandaran kita letakkan harganya RM150,000.00

Untuk kedai kos sederhana rendah yang di kawasan Iskandar harganya RM200,000.00 untuk luar Iskandar untuk di kawasan majlis daerah harganya

RM150,000.00 dan di kawasan majlis perbandaran harganya RM170,000.00. Ini antara pendekatan kerajaan negeri nak memastikan supaya mereka-mereka yang tergolong dalam pendapatan rendah ini dapat untuk membeli hartanah dalam apa nama ini dasar Rumah Mampu Milik Johor ini.

YB Speaker : Yang Berhormat Pasir Raja jemput.

YB Dato' Sri Adham bin Baba (Pasir Raja) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih Tan Sri Speaker. Soalan saya ialah kaitan dengan bolehkah kerajaan negeri mengagak *prediction* dalam bahasa dengan izin, tentang kegiatan-kegiatan spekulatif ini dalam penjualan rumah-rumah ini. Ini berlaku selalu Tan Sri, pada tahun 1990-an bagaimana orang buat rumah tapi dia tujuannya spekulatif, yang ini mengganggu urusan rakyat. Kalau kerajaan negeri boleh mengagak kegiatan spekulatif ini berlaku bagaimana kaedah untuk bendung supaya tidak mengganggu kesan kos sara hidup dan agak-agak Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagaimanakah harga ini boleh berbandingkan dengan negeri-negeri lain dalam negara kita.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seperti mana yang saya katakan tadi langkah-langkah pengawalan untuk kita mengawal harga rumah daripada spekulasi pasaran terbuka ini memang kita telah kenal pasti sebelum 2014 lagi sebab itu 2014 kebetulan kerajaan pusat juga *aware* atau pun dengan izin, peka dengan perkara ini maka langkah-langkah yang saya katakan tadi termasuk soal cukai keuntungan harta tanah dan juga dan kita peringkat negeri juga telah memperkemaskan dasar perumahan rakyat Johor ini.

Selain daripada itu dari masa ke semasa memang di peringkat apa nama ini SUK Perumahan kita memang sentiasa memperhatikan apa taktik-taktik yang dilakukan pemaju-pemaju ini kena untuk urusan rumah mampu milik memang di bawah pemantauan apa nama itu SUK Perumahan. Dan, sebenarnya saya akan beri ulasan tentang perkara ini masa sesi penggulungan nanti sebab dia kena agak panjang sikit.

YB Speaker : Yang Berhormat jemput.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

YB Speaker : Jementah.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih Yang Berhormat EXCO berkenaan dengan kos sara hidup yang semakin meningkat dan kita pun ada rasa di kalangan rakyat bahawa kos sara hidup meningkat dengan agak mendadak dan rumah merupakan satu keperluan yang asas. Dan, kerajaan negeri telah membekalkan apa nama ini rumah mampu milik di bawah 3 kategori PKJ A, PKJ B dan RMMJ. Memandangkan kos sara hidup yang semakin meningkat adakah kerajaan boleh merangka satu dasar untuk satu kaedah yang lebih membolehkan apa nama ini rakyat membeli rumah tersebut seperti skim sewa beli yang lebih memberi kemudahan untuk rakyat membeli rumah mampu milik yang dibekalkan oleh kerajaan negeri Johor. Sama adakah mungkin memandangkan kepada pendapatan rakyat yang pendapatan pemohon untuk merangka satu skim sewa beli di atas skim rumah mampu milik yang di bekalan oleh kerajaan negeri Johor,

adakah kemungkinan kerajaan negeri Johor boleh mengkaji perkara ini. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ni dah soalan lain tapi tak apa. Dia tanya tentang masalah kos sara hidup. Saya rasa Ahli-Ahli Yang Berhormat ingat dalam pembentangan Bajet yang lepas kita pun ada Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah memperuntukkan RM20 juta untuk skim sewa beli ini, jadi skim ini mungkin pihak sana baru suruh kita kaji, sedangkan kita dah buat pun dan kita laksanakan dan dah ada bajet pun RM20 juta untuk tahun 2017 ini. Jadi maknanya skim itu memang dah ada cuma mungkin penambahbaikan dari segi, bila ada skim ini, macam-macam taktik orang dia tahu ada skim, dia lebih apa nama ni kalau boleh dia tak nak pinjam dia nak berebut dengan skim ini jadi mungkin kita akan perincikan atau pun baiki dari segi sistem macam mana pemilihan dari segi mereka yang layak untuk skim sewa beli ini.

YB Speaker : Yang Berhormat Pekan Nenas jemput.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker soalan saya nombor 2.

Memohon pencerahan tentang perkembangan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan Hospital Sultanah Aminah dan kos terbabit serta hasil siasatan tentang punca kebakaran dan langkah berjaga-jaga yang akan diambil.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitan, Pendidikan dan Penerangan : Bismilllahirahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, perkembangan kerja-kerja penyelenggaraan yang memerlukan pembaikan serta merta telah selesai dilaksanakan dan kos yang terlibat adalah sebanyak RM1.157 juta. Bagi kerja-kerja pendawaian semula, pencegahan kebakaran pembaikan wad ICU Selatan yang terbakar adalah di peringkat penilaian dan pemeriksaan balas oleh pihak KKM. Kementerian Kesihatan Malaysia telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Bebas insiden kebakaran Wad ICU HSAJB untuk prosiding laporan penuh punca kebakaran. Namun, keputusan penyiasatan punca kebakaran belum dimaklumkan kepada pihak hospital secara rasminya setakat ini. Pihak HSAJB telah mengambil beberapa langkah berjaga-jaga seperti berikut:

1. Pemasangan alat pengesan asap.

2. Menambahkan bilangan alat pemadam api jenis debu kering.

3. Penubuhan *Emergency Response Team* di peringkat HSAJB.

4. Mengemas kini Pelan Tindakan Bencana Dalaman Kebakaran HSAJB yang sebenarnya pertama kali diwujudkan pada tahun 2012.

5. Jawatankuasa Kecil Latihan Kebakaran HSA diwujudkan.

6. Topik kebakaran di tempat kerja dijadikan topik wajib dalam sesi CME di setiap jabatan.

7. Minggu kesedaran pencegahan kebakaran dijadikan sebagai acara tahunan HSA di mana HSA akan bekerjasama dengan Jabatan Bomba.

8. *Table talk* kebakaran bersama bomba juga telah dirancang dan akan dilaksanakan dua kali setahun pada 2017 ini, 21 Jun dan juga 30 Oktober.

9. Latihan kebakaran bersama pihak bomba.

10. Pihak konsesi memainkan peranan penting dalam mengadakan latihan penggunaan alat pencegahan kebakaran.

11. Audit kebakaran HSA akan dilaksanakan empat kali setahun.

YB Speaker : Pekan Nenas, jemput.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Ya. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sepanjang pemerhatian saya, saya dapati sebenar banyak hospital di negeri Johor mereka sudah ada sejarah yang lama.

YB Speaker : Yang Berhormat, soalan *you* ini soalan khusus kepada kebakaran.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Ok. Boleh. Dan, seperti yang hospital...

YB Speaker : Hospital Sultanah Aminah. Jangan sentuh hospital-hospital lain.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Ok.

YB Speaker : Sebab itu, soalan-soalan yang berkaitan soalan-soalan khusus, kita kena fokuskan kepada soalan-soalan tersebut. Kalau hendak sentuh hospital-hospital lain, dia tidak berkaitan walaupun ada perkataan hospital. Sebab itu, Ahli-Ahli Yang Berhormat, soalan-soalan yang tertentu bersifat tertentu dia mesti tertentu, bukan umum. Ini tertentu, Hospital Sultanah Aminah. *So* telah pun dijawab oleh EXCO berkaitan dengan kebakarannya, jadi kalau hendak soal pun mesti berkisar soal itu. Saya ini cuma jadi pemandu kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, bukan hendak memandai-mandai. Tengok kepada soalan, dan soalan itu mesti bersamaan dengan soalan asal, di mana tujuan soalan tersebut. Jemput, Pekan Nenas.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Ok. Dan seperti iaitu Pesuruhjaya Siasatan, tetapi laporan belum dikeluarkan. Selalunya bilakah laporan tersebut boleh dikeluarkan? Kerana setakat ini, wad-wad yang terlibat bila boleh dibuka semula untuk kegunaan orang awam? Dan sebenarnya, bagi hospital yang sudah lama, kita dapati wayar-wayar elektrik dan sistem elektrik mereka perlu dikaji semula dan kalau dapati ada benda yang kurang sempurna adakah kos untuk pemasangan semula wayar-wayar elektrik bagi hospital yang bersejarah lama? Saya tidak kira sama ada Hospital Sultanah Aminah atau macam Hospital Pontian. Itu adalah satu risiko dan adakah peruntukan sudah disediakan dan siasatan akan dijalankan untuk memastikan hospital-hospital yang bersejarah lama tidak ada risiko untuk berlaku keadaan macam ini. Dan, saya juga ada dapati ada orang tanya. Adakah mangsa-mangsa dalam kebakaran insiden ini mereka boleh mendapat pampasan daripada pihak kerajaan atau pihak yang terlibat dalam kerja-kerja penyelenggaraan hospital. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Pekan Nenas. Soalan tambahan yang tepat. Sila.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kira tidak tepat juga pasal dia ada sebut Pontian. (Dewan ketawa). Jawapan saya pendek, soalan panjang jawapan pendek.

1. Dia tidak baca surat khabar sebab Hospital HSA dan berjalan seperti biasa.

2. Dari segi siasatan, kita ada dua siasatan. Di peringkat negeri kita dah selesaikan tetapi oleh kerana KKM dia menubuhkan seperti saya katakan tadi, Jawatankuasa siasatan bebas insiden kebakaran wad ICU HSA, maka laporan tersebut berdasarkan sumber daripada KKM akan diumumkan diketahui pada September 2017. Yang berkaitan dengan pampasan, buat masa ini masih lagi tidak timbul tentang soal itu. Terima kasih.

YB Speaker : Kalau tidak ada saya pindah. Yang Berhormat Machap. Silakan.

YB Tuan Haji Abd. Taib Bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 3.

Apakah langkah-langkah yang boleh dibuat agar peranan Skim Ronda Sukarela dan KRT lebih menyerlah dalam membantu keamanan dan keselamatan penduduk setempat.

YB Speaker : Yang Berhormat Senggarang. Jemput.

YB Tuan Haji A. Aziz Bin Ismail (Senggarang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 4.

Bagaimanakah perkembangan kawasan rukun tetangga (KRT) di negeri Johor dalam memastikan keselamatan setempat terkawal dan setakat ini berapa banyak yang telah ditubuhkan di negeri ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, rukun tetangga mula diwujudkan pada tahun 1975. Di bawah Peraturan-Peraturan Perlu Rukun Tetangga 1975, dalam Ordinan Darurat 1969. Skim rukun tetangga telah dilancarkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 29 Ogos 1975 dalam sektor rukun tetangga Kampung Kasipillay, Kuala Lumpur. Pada awal penubuhan objektif rukun tetangga ialah memberi penekanan kepada aspek keselamatan dan keamanan penduduk setempat, ekoran daripada ancaman keselamatan dan jenayah yang berlaku pada masa tersebut dengan memberi kuasa kepada penduduk dalam memastikan keamanan dan keselamatan rumah dan kawasan sekitarnya melalui rondaan wajib ke atas penduduk yang berusia di antara 18 hingga 55 tahun. Kajian semula terhadap rukun tetangga telah dilaksanakan pada tahun 1983 yang mana perubahan konsep rukun tetangga kepada perpaduan melalui kejiranan dengan mengekalkan elemen keselamatan sebagai teras bersama.

Pada 6 September 2006, Jemaah Menteri telah meluluskan Pelan Tindakan 5 tahun Rukun Tetangga iaitu 2006-2010 yang menggariskan usaha-usaha ke arah keberkesanan rukun tetangga sebagai sebuah pertubuhan penduduk di kawasan perumahan yang diwujudkan oleh kerajaan untuk menjaga keselamatan, keharmonian, kesejahteraan dan perpaduan penduduk. Antara perkara yang diluluskan adalah perluasan penubuhan kawasan rukun tetangga dan skim rondaan sukarela dengan mengambil kira kepentingan rukun tetangga sebagai agen perpaduan di peringkat akar umbi.

Pada 16 September 2011, Ordinan Darurat dimansuhkan berikutan pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri, ISA 1960 dan kini KRT adalah di bawah Akta Rukun Tetangga 2012, menumpukan kepada transformasi secara menyeluruh sebagai menghadapi cabaran akibat proses urbanisasi di kawasan perbandaran yang semakin pesat. Rukun tetangga melaksanakan aktiviti perpaduan dan khidmat komuniti dalam menggalakkan kepada interaksi sosial di kalangan komuniti dan menjadi kekuatan utama dalam mengukuhkan kesepaduan sosial dan keharmonian masyarakat. Sejajar dengan itu, banyak perubahan dan perkembangan yang diterapkan kepada KRT. Walaupun perubahan dari segi konsep perlaksanaan KRT itu sendiri, konsep keselamatan masih dikekalkan dengan menggalakkan setiap KRT menubuhkan pasukan peronda Skim Rondaan Sukarela atau SRS. Peranan kawasan rukun tetangga adalah menjaga keselamatan telah diperkasakan apabila Skim Rondaan Sukarela, SRS diiktiraf dan dipromosikan sebagai salah satu pelaksana utama dalam inisiatif bidang keberhasilan utama negara NKRA, iaitu untuk meningkatkan keselamatan dan mencegah jenayah di bawah GTP dan bekerjasama dengan agensi-agensi seperti PDRM, RELA dan juga ATM serta Pihak Berkuasa Tempatan.

Oleh kerana itu, KRT di negeri Johor masih terus memainkan peranan dalam konsep keselamatan ini. Permohonan untuk membuka SRS banyak diterima daripada KRT-KRT. Penglibatan KRT dalam program-program bersama dengan agensi juga telah pun diperbanyakkan dan sehingga pada hari ini, iaitu bagi tahun 2017, terdapat sebanyak 778 KRT di Johor dan sebanyak 606 SRS yang telah pun ditubuhkan. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat Machap. Sila.

YB Tuan Haji Abd. Taib Bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selain daripada rondaan kawasan setempat yang dilakukan oleh KRT dan juga SRS bagi memastikan sesuatu tempat itu berada dalam keadaan yang selamat dan aman, jadi apakah lagi aktiviti-aktiviti atau program-program yang dilakukan oleh KRT dan SRS ini, supaya kehadirannya dapat dirasai dan memberikan impak yang tinggi kepada rakyat? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, keberkesanan sesuatu KRT ialah terletak di tangan masyarakat yang berada di kawasan itu sendiri. Dan sebab itulah kita sebenarnya menggalakkan bahawa setiap anggota masyarakat daripada semua kaum terlibat dalam aktiviti-aktiviti KRT. Dan janganlah hendak salahkan apabila KRT itu dimonopoli oleh sesuatu kumpulan ataupun kaum, kerana pihak-pihak lain tidak berminat dan sebagainya. Jadi KRT merupakan agen perpaduan yang paling penting sekali di peringkat akar umbi. Dan kita memang menggalakkan masyarakat daripada semua kaum, semua kategori masyarakat untuk terlibat dalam program-program yang dilaksanakan oleh KRT-KRT yang ada di kawasan komuniti. Dan kalau kita lihat, kepada KRT kita juga ada sayap-sayap dalam KRT, contohnya setiap KRT ada jiran wanita, di mana jiran wanita mempunyai peranan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti pembangunan wanita itu sendiri.

Antara program yang biasa dan kerap dilakukan adalah program-program rewang, program-program jahitan, gubahan, bahasa, kesihatan dan sebagainya. Selain daripada itu juga, KRT juga ada sayap, satu lagi sayap dipanggil jiran muda.

Dan di mana keahlian dalam jiran muda adalah belia-belia ataupun anak-anak muda daripada peringkat umur 13 hingga 21 tahun. Dan inilah antara cara untuk kita menggalakkan generasi muda ini untuk terus tampil terlibat dalam aktiviti-aktiviti KRT dan aktiviti-aktiviti kesukarelawan di kawasan setempat mereka, dan jiran muda ini juga banyak melaksanakan program-program yang untuk generasi muda seperti sukan, rekreasi, pendidikan dan sebagainya.

Selain daripada itu juga, kita juga ingin memperkasakan setiap KRT-KRT dalam konteks pembinaan ataupun menjana pendapatan. Di mana dalam KRT kita juga ada bantuan yang dipanggil *outcome base budgeting*, OBB di mana program berbentuk geran yang diberikan kepada KRT di mana KRT-KRT yang terlibat ataupun berminat untuk melaksanakan program-program keusahawanan yang serius, kita membantu dari segi peruntukan sebanyak RM4,500.00 untuk melaksanakan program ekonomi. Dan ada banyak KRT-KRT di Johor yang sebenarnya telah pun berjaya melaksanakan program-program seperti itu, mungkin saya boleh beri beberapa contoh.

Contohnya di daerah Kluang kita ada KRT Taman Puteri. KRT Taman Puteri ini terlibat dalam aktiviti ataupun projek Jeli Kelapa dan Popia Simpul. Mereka melaksanakan program tersebut untuk menjana pendapatan. Macam KRT Kampung Sri Tambak, terlibat dalam aktiviti-aktiviti makanan *frozen*. Makanan *frozen* dan juga dalam aktiviti katering. KRT, contohnya KRT di Kulai, contohnya di Batu Pahat, kita ada KRT Bandar Putra, Putra Indah. Mereka terlibat khususnya dalam musim-musim perayaan. Di mana wanita-wanita terlibat dalam aktiviti-aktiviti membuat kuih siput. Ia juga menjana pendapatan kepada KRT. KRT Taman Panca Sila di Kulai terlibat dalam pembuatan kraf tangan dan jahitan, KRT FELDA Medoi di Segamat pula terlibat dalam projek membuat dan memasarkan kuih Bepang. Dan, aktiviti-aktiviti seperti ini sebenarnya memberi peluang untuk KRT itu menjana pendapatan dan ia diagihkan di antara masyarakat di situ untuk melaksanakan program-program yang berterusan. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat Senggarang. Jemput.

YB Tuan Haji A. Aziz Bin Ismail (Senggarang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya, secara keseluruhannya sejauh manakah penerimaan masyarakat setempat terhadap KRT dan SRS ini? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Tan Sri Speaker, KRT dan SRS menjadi agen perpaduan yang paling popular di negara kita ini, iaitu di peringkat akar umbi. Dan di negeri Johor sahaja kita ada lebih kurang 700 lebih KRT seperti saya nyatakan tadi. Dan, memang banyak lagi taman-taman perumahan yang baru sebenarnya memohon untuk penubuhan KRT-KRT tersebut. Tetapi di peringkat jabatan, kita ada kriteria-kriteria yang tertentu. Kita tidak boleh meluluskan begitu sahaja. Kita ada kriteria yang perlu ditepati dan supaya sebelum satu KRT itu mendapat kelulusan. Tetapi, seperti yang saya katakan tadi keberkesanan atau berjayanya sesuatu KRT terletak di tangan kita sendiri, kita sebagai anggota masyarakat. Sekiranya dalam sesuatu taman perumahan hanya segelintir daripada masyarakat yang terlibat dalam aktiviti KRT, yang lain pula menjauhkan diri, maknanya KRT itu tidak dapat berfungsi. Jadi, *mind set* atau pun perubahan minda itu cukup penting kerana apabila kita duduk dalam satu kelompok, maknanya kita kenalah bersama-sama turun untuk melaksanakan program menjalin kerjasama dan secara tidak langsung ini akan memperkasakan

permuafakatan dan perpaduan masyarakat berbilang kaum di peringkat akar umbi. Terima kasih Tan Sri.

YB Speaker : Jemput, Bukit Permai.

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ada soalan tambahan berkenaan dengan SRS(Skim Ronda Sukarela) KRT, yang mana kita nakkan ahli-ahli KRT ini menjalankan rondaan bagi menjaga keselamatan penduduk. Tetapi bagaimana dengan keselamatan mereka? Sekiranya dalam rondaan, mereka terserempak dengan penjenayah yang bersenjata api dan mungkin mengakibatkan kehilangan nyawa, kecederaan kepada anggota SRS yang menjalankan rondaan? Jadi, bagaimana bentuk pampasan ataupun keselamatan bagi pihak mereka? Adakah mereka diberi perlindungan insurans dan juga lesen untuk memiliki senjata api?

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebenarnya kalau kita lihat pada hari ini, dalam konteks kita menggalakkan penubuhan KRT tetapi mereka yang terlibat dalam KRT ini sebenarnya tidak pun diberi apa-apa elaun untuk rondaan kerana ia adalah sukarela, Skim Rondaan Sukarela.

Yang kedua pada hari ini, peringkat Jabatan Perpaduan telah pun menjalinkan hubungan dari segi konteks NBOS ataupun MOU dengan agensi-agensi seperti PDRM dan juga Angkatan Tentera Malaysia, di mana mereka juga dilatih oleh agensi-agensi seperti ini dalam konteks menjaga keselamatan dan juga sekuriti kawasan perumahan mereka dan sebagainya. Dan, kalau kita lihat banyak program-program NBOS yang kita jalankan. Contohnya, program yang dipanggil Program RAPAT. Program RAPAT adalah antara program yang dijalankan oleh KRT, PDRM dan ATM khususnya di kawasan-kawasan yang ada kem tentera. Di kawasan-kawasan yang ada kem tentera, Program RAPAT ini dijalankan. Manakala di kawasan-kawasan lain seperti Program Ronda diadakan di mana program ini dengan kerjasama PDRM. PDRM sendiri akan membantu KRT-KRT dalam melaksanakan program. Kalau kita lihat dalam Program Rapat ini ialah rondaan mengikut nisbah 1:1:3. Maknanya, mesti ada satu anggota ATM, mesti ada satu anggota PDRM dan 3 anggota SRS.

Selain daripada itu juga, KRT juga menjalankan hubungan dari segi program dengan agensi-agensi seperti bomba, di mana kita ada Skuad *Unity* dengan pihak bomba manakala dengan JPAM kita ada Program Sejiwa. Jadi agensi-agensi ini sebenarnya turun untuk bukan sahaja turun sama-sama menjaga kawasan komuniti setempat, mereka juga diberi latihan dalam konteks menjaga keselamatan dan sebagainya, tetapi tidaklah sehingga diberi senjata api kepada anggota SRS, sehingga hari itu tidak ada *authority* untuk diberi senjata api kepada anggota SRS. Kerana tak perlu senjata api, kerana setiap rondaan, ada anggota PDRM, ada anggota ATM bersama. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat Bukit Naning, jemput.

YB Dato' Seri Saipolbahari bin Suib (Bukit Naning) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 5.

Kempen menanam sayur-sayuran di kawasan kediaman penduduk wajar dipupuk di kalangan warga negeri bagi mengurangkan bajet membeli sayur-sayuran sekali gus mengurangkan bajet dapur keluarga. Apakah rancangan pihak berwajib?

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Bukit Naning menanyakan tentang kempen menanam sayur-sayuran di kawasan kediaman penduduk wajar dipupuk di kalangan warga negeri bagi mengurangkan bajet membeli sayur-sayuran sekali gus mengurangkan bajet dapur keluarga. Apakah rancangan pihak berwajib?

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Pertanian telah melaksanakan Program Pertanian Bandar menggunakan peruntukan yang diturunkan dari kerajaan pusat untuk membantu isi rumah bandar, meringankan kos sara hidup melalui pengeluaran sendiri sebahagian daripada bahan makanan yang diperlukan.

Bermula dari tahun 2015 hingga kini 2017,program ini telah pun dijalankan di 358 lokasi di seluruh negeri Johor dengan penglibatan seramai 8,221 orang peserta menggunakan peruntukan sebanyak RM935,000.00. Kerajaan negeri mengambil inisiatif yang sama untuk membantu meringankan kos sara hidup rakyat dengan mengurangkan belanja dapur penduduk di kampung-kampung melalui Program Pertanian Rakyat. Program ini yang dijalankan sejak tahun 2016 telah pun membantu seramai 729 orang di 593 lokasi dengan peruntukan RM600,000.00.

Jabatan juga telah mengambil inisiatif bergerak melalui kerjasama dengan agensi lain seperti IRDA dengan memberikan bantuan khidmat nasihat dan lain-lain bantuan diperlukan. Harapan Jabatan agar semua usaha ini dapat menggerakkan rakyat untuk melaksanakan aktiviti ini secara berterusan. Jabatan juga bersedia untuk terus memberi khidmat nasihat mengenai kaedah untuk melaksanakan Pertanian Bandar, Pertanian Rakyat ini sekiranya ada yang memerlukan.

YB Speaker : Yang Berhormat Bukit Naning, jemput.

YB Dato' Seri Saipolbahari bin Suib (Bukit Naning) : Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Soalan tambahan saya, sejauh manakah pemantauan perlaksanaan ini dilakukan. Yang kedua, bagaimanakah keberkesanannya dan yang ketiga adakah terdapat tambahan bajet untuk kita terus memperkasakan usaha ini. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, melalui program yang telah diperkenalkan oleh jabatan, setiap peruntukan yang kita turunkan ataupun setiap program yang kita turunkan kepada pihak petani, kita akan pastikan mereka bukan sekadar mendapat peruntukan tetapi mereka juga kita beri latihan. Latihan khususnya terhadap penggunaan teknologi-teknologi terkini untuk mengeluarkan tanaman ini. Oleh yang demikian, tentunya proses pemantauan berterusan kita laksanakan mengenai jabatan-jabatan yang telah kita lantik. Dengan itu, kita juga mendapati program ini telah mendapat sambutan yang amat baik di peringkat komuniti dan juga masyarakat.

Untuk makluman semua, untuk bajet negeri kita telah berjaya mengagihkan peruntukan pada tahun ini dan kita juga bercadang untuk memohon peruntukan tambahan daripada kerajaan negeri kerana kita melihat masyarakat telah mempunyai kesedaran tentang pentingnya untuk bercucuk tanam ataupun mengeluarkan hasil tanaman sendiri yang mana mereka melihat bahawa hasil daripada program ini telah dapat menjimatkan kos dapur dan juga melalui teknologi tanaman yang terkini ini telah tidak memerlukan tanah yang luas dan juga mereka mendapati bahawa dapat mewujudkan persekitaran yang mudah dan juga bersih. Kita juga, secara tidak langsung juga kita melihat, apabila kita memberi peruntukan khususnya antaranya sekolah, PDK dan universiti, ia juga telah memberi peluang pekerjaan ataupun boleh mewujudkan pekerjaan kepada mereka. Secara tak langsung, kita mewujudkan usahawan tani di dalam negeri Johor ini. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat Mengkibol, jemput.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Usaha apa tu, Program Penanaman *Urban Farming* ini merupakan satu usaha kita kata serampang dua mata. Yang pertama, dapat mengurangkan kos sara hidup peserta; yang kedua, kita dapat mengoptimumkan penggunaan tanah. Maka adakah kerajaan ada rancangan yang lebih proaktif dan melibatkan mungkin lebih banyak agensi, terutamanya agensi-agensi yang memegang ataupun mengurus tadbir tanah. Sebab, kita perhatikan di kawasan-kawasan perumahan terdapat banyak tanah-tanah poket yang terbiar dan adalah satu pembaziran sekiranya tanah-tanah ini tidak digunakan secara optimum. Jadi, apakah rancangan pihak kerajaan dan melibat terus memperkasakan program ini dan melibatkan lebih ramai jabatan-jabatan seperti mungkin JPS di rizab-rizab sungai dan juga mungkin PBT yang ada tanah-tanah poket di taman perumahan.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita juga telah mengadakan kerjasama dengan PBT-PBT dalam negeri Johor untuk proses Program Pertanian Rakyat dan juga Pertanian Bandar. Baru-baru ini, kita lihat selain daripada Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, Majlis Perbandaran Johor Bahru dan juga PBT-PBT lain telah bekerjasama dengan kita untuk Program Pertanian Bandar. Oleh yang demikian, kita faham masih lagi banyak kawasan-kawasan yang terbiar di kawasan PBT. Kita akan buat program penerusan lagi untuk kita menggalakkan Pertanian Bandar ini boleh kita laksanakan.

Begitu juga bukan sekadar Program di bawah PBT, kita juga telah bekerjasama dengan pihak komuniti contohnya pihak surau. Baru-baru ini saya telah bentangkan dalam program *Away Day EXCO*, dengan izin, tentang ada satu pihak Jawatankuasa Surau telah mengadakan Program Tanaman Teknologi ini dan pelbagai sayur yang telah ditanam. Jadi, secara tak langsung dia boleh dapat mengedarkan tanaman di masyarakat setempat dan juga lebihan daripada tanaman berkenaan juga dia telah dapat menghantar ke pusat-pusat pengumpulan yang terdapat di dalam negeri Johor ini. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat Sungai Balang, jemput.

YB Puan Zaiton binti Ismail (Sungai Balang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 6.

Sukarelawan Darul Takzim di bawah Ketua-Ketua Kampung telah pun ditubuhkan. Apakah telah sedia ada perancangan atau aktiviti yang telah dirancang untuk mereka ini dan siapakah yang bertanggungjawab untuk menjayakan SDT ini?

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih atas soalan daripada Yang Berhormat Sungai Balang. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, penubuhan kumpulan-kumpulan sukarelawan di peringkat JKKK dan juga JPP telah mula dilaksanakan pada bulan April 2016 dan ianya mendapat sambutan yang baik daripada semua daerah, yang mana kumpulan sukarelawan setiap daerah yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tuan Pegawai-Pegawai Daerah untuk semua daerah.

Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Skuad Muda Sukarelawan Darul Takzim JKKK dan juga JPP sehingga data yang terkini yang telah kita peroleh iaitu daripada 669 JKKK yang ada dalam negeri Johor, sebanyak 450 telah menubuhkan Skuad Sukarelawan Darul Takzim.

Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bahawa taklimat dan penerangan kepada Pegawai Daerah telah juga dibuat oleh pegawai-pegawai daripada Pusat Pembangunan Belia Negeri Johor yang bermula pada bulan Mei hingga Ogos 2016. Dan, insya-Allah selain daripada penubuhan Sukarelawan Darul Takzim di setiap JKKK, kita juga telah menubuhkan Skuad Muda Sukarelawan Darul Takzim di sekolah-sekolah; yang mana untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker, iaitu di peringkat awal iaitu tahun 2016, kumpulan pertama yang kita tubuhkan iaitu di 56 buah sekolah yang terdapat di 56 buah Dewan Undangan Negeri.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, antara lain tujuan untuk kita membudayakan semangat kesukarelaan sehingga ke peringkat akar umbi iaitu untuk kita memupuk nilai murni dalam diri golongan belia di negeri Johor. Ketua-ketua kampung yang telah kita lantik sebagai Penasihat atau Pemudah cara dengan ada penubuhan Sukarelawan Darul Takzim iaitu boleh memainkan peranan yang pertama sekali, iaitu setiap program yang dianjurkan oleh kerajaan mendapat kerjasama penuh daripada penduduk kampung di bawah pentadbiran JKKK. Antaranya, jika program itu melibatkan program seperti bencana alam dan juga program untuk membantu mereka yang tidak upaya atau mereka yang uzur antara tanggungjawab ketua kampung sebagai Pengerusi JKKK iaitu perlu mendapatkan maklumat tentang individu yang layak dibantu dan juga yang paling penting sekali kehadiran Sukarelawan Darul Ta'zim disambut baik oleh penduduk setempat. Kita tidak menetapkan program-program yang akan hendak dijalankan oleh Sukarelawan Darul Ta'zim di peringkat JKKK iaitu kita memberi kebebasan mengikut kepada kebijaksanaan dan mengikut kreativiti setiap tempat. Dan kita mengharapkan setiap ketua kampung dan juga barisan JKKK jika ada keperluan Sukarelawan Darul Ta'zim sedia membantu, insya-Allah.

YB Puan Zaiton binti Ismail (Sungai Balang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan. Apakah aktiviti tumpuan yang dilaksanakan untuk menarik minat anak-anak muda ini supaya kekal di bawah STT selain daripada mengikuti program-program seperti bencana alam dan lain-lain. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan : Terima kasih Yang Berhormat daripada Sungai Balang. Antara penumpuan kita semenjak 2016 iaitu di bawah Pusat Pembangunan Belia Negeri Johor yang memantau program

dan aktiviti Sukarelawan Darul Ta'zim, program yang memberi impak tinggi besar kepada kita itu program *Johor Future* yang mana *Johor Future* telah mula digerakkan pada tahun 2016. 2016 sahaja kita telah melibatkan hampir 6,933 orang Sukarelawan Darul Ta'zim dalam program-program iaitu program kita terbahagi kepada 2 iaitu:

1. Aktiviti kecergasan dan
2. Aktiviti kesukarelawanan

Untuk aktiviti kesukarelawan iaitu untuk tahun 2016, kita telah berjaya membantu 280 buah rumah iaitu di setiap 56 DUN yang mana program ini antara lain telah mendapat kerjasama daripada semua pihak termasuk daripada rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mana setiap rumah kita telah memberi peruntukan sebanyak RM500.00. Ini pada tahun 2016 dan untuk tahun 2017 sahaja kita juga mensasarkan 280 buah rumah untuk kita bantu iaitu dengan kerosakan-kerosakan yang kecil yang mana untuk 2017 sahaja saya ingat lebih daripada 7,000 Sukarelawan Darul Ta'zim akan terlibat sama.

Dan saya mengucapkan terima kasih di atas kerjasama daripada rakan-rakan Yang Berhormat yang mana untuk tahun 2017 kita amat mengharapkan bahawa dengan program-program *Johor Future* ini iaitu *Johor Future Home* dapat memberi kesan yang positif bukan sahaja kepada penerima bantuan tetapi kepada Sukarelawan Darul Ta'zim khasnya, insya-Allah.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, bersama-sama kita pada pagi ini pemerhati daripada Ahli Parlimen Belia Johor, Parlimen Pulai dan pemerhati daripada DUN Senai. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sambung saya persilakan Yang Berhormat Sungai Abong.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 7.

Bagi mengelakkan berlaku pencemaran di empangan simpanan air di negeri ini, adakah kerajaan negeri bercadang untuk melebarkan 'buffer zone' di sekitar empangan dan kolam tadahan air Johor?

YB Speaker : Yang Berhormat Pasir Raja, jemput.

YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Tan Sri Speaker soalan saya nombor 8.

Adakah pemantauan rapi dilaksanakan terhadap peningkatan kandungan bahan logam berat dalam sir sungai Johor akibat aktiviti pengorekan pasir, pelepasan bahan sisa dari kilang dan sebagainya, manakala pihak pembekal air bersih SAJH terpaksa menangani isu ini dengan kesukaran serta senaraikan jenis tindakan yang diambil setakat ini.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon untuk menjawab bersekali soalan dari Yang Berhormat Sungai Abong dan Yang Berhormat kawasan Pasir Raja. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berdasarkan kepada rekod kualiti air mentah sungai Johor tiada sebarang peningkatan kandungan bahan logam berat di dalam air sungai Johor yang direkodkan pada masa ini. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku

peningkatan kandungan bahan logam secara mendadak di dalam sungai Johor, BAKAJ akan melakukan siasatan serta merta bagi mengenal pasti punca pencemaran tersebut.

Di dalam meningkatkan pengurusan sumber air mentah serta mengatasi isu pencemaran sungai Johor, kerajaan negeri telah membekukan pengeluaran lesen bagi semua aktiviti pengeluaran pasir di Sungai Johor bermula pada Januari 2016. Pembekuan lesen ini telah berjaya mengurangkan pencemaran Sungai Johor dari segi parameter kekeruhan dan pepejal terampai. Selain daripada itu, kerajaan negeri melalui BAKAJ juga akan melaksanakan pengurusan lembangan sungai bersepadu bagi Sungai Johor, di mana pada peringkat permulaan satu kajian akan dijalankan bagi mengenal pasti serta merekodkan punca-punca pencemaran yang terdapat di dalam lembangan Sungai Johor.

Kajian tersebut juga merangkumi penentuan kadar pelepasan bahan tercemar yang boleh dilepaskan ke Sungai Johor bagi tujuan mengawal pencemaran serta meningkatkan kualiti air Sungai Johor. Kajian tersebut akan dilaksanakan pada tahun ini. Di samping itu juga Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pada suku kedua tahun ini pihak BAKAJ akan memasang 3 unit alat pemantauan kualiti air di sungai Johor bagi memantau pencemaran serta sebagai amaran awal kepada pihak loji rawatan air untuk mengambil langkah-langkah berjaga-jaga serta tindakan awal yang perlu bagi mengelakkan gangguan yang lebih teruk kepada operasi loji rawatan air.

Pada masa yang sama, BAKAJ serta agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar, Pejabat Tanah Daerah serta Jabatan Pengairan dan Saliran sentiasa menjalankan aktiviti pemantauan serta penguatkuasaan secara berkala terhadap mana-mana aktiviti yang didapati berpotensi untuk mencemarkan sungai Johor. Pemantauan rapi dilaksanakan oleh pihak kerajaan negeri melalui BAKAJ ini adalah bagi mengenal pasti sebarang ancaman yang boleh berlaku di sungai Johor, sama ada dari segi kualiti mahu pun kuantitinya, khususnya di sungai Johor kerana pihak SAJ juga ada melakukan program kesedaran untuk pengusaha-pengusaha kilang yang berhampiran dengan Sungai Johor di bawah program *Water Safety Plan* dengan izin bersama BAKAJ pada tahun 2015, pada tahun 2016 dan baru-baru ini pada bulan Februari 2017.

Program *Water Safety Plan* yang diwujudkan pada tahun 2011 memberi fokus khusus menangani sebarang bentuk pencemaran yang berlaku di kawasan tadahan. Apabila dikesan berlaku sebarang pencemaran di kawasan tadahan maka tindakan susulan akan dilakukan secara bersepadu dengan beberapa agensi kerajaan yang terlibat bagi memastikan air mentah tersebut menepati garis piawaian panduan air minum kebangsaan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pemantauan terhadap logam berat seperti *manganese, iron dan aluminium* juga ada dibuat di makmal loji pada kekerapan setiap 2 jam dan 4 jam. Bagi parameter *astetik* seperti kekeruhan dan pH ada dipantau melalui sistem *online analyzer* yang pada setiap minit manakala bagi parameter warna dipantau dengan kekerapan setiap 2 jam. Unsur-unsur lain yang di analisa melalui beberapa prosedur ujian pensampelan melalui *Instrument Inductive Couple Plasma Mass Spectrometer* yang dilaksanakan mengikut standard antarabangsa di makmal SAJ yang diiktiraf di bawah ISO/IEC17025 sejak 2005 sentiasa dijalankan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak SAJ juga tidak akan memproses air mentah berkenaan di loji sekiranya tidak mematuhi piawaian parameter yang telah ditetapkan. Adalah menjadi tanggungjawab pihak SAJ bagi memastikan pengguna mendapat bekalan air yang baik dari segi kualiti dan juga kuantitinya, secara berterusan dan penyediaan alternatif untuk menyalurkan bekalan air bersih yang selamat kepada pengguna akan dilaksanakan dari segi operasi dan teknikalnya. Kawasan tadahan air merupakan satu-satu kawasan yang perlu dipelihara dan dipulihara. Kebiasaannya empangan dan kolam takungan yang kawasan tadahan airnya masih diliputi dengan hutan akan dapat mengekalkan simpanan air dalam empangan sehingga 40% apabila berlakunya musim kering yang panjang. Tetapi empangan dan kolam takungan yang kawasan tadahan airnya telah diubah dengan tanaman kelapa sawit storan air atau simpanan air dalam empangan akan merosot antara 20 hingga 30% sahaja.

Kawasan tadahan yang masih diliputi dengan hutan juga akan dapat memastikan kawasan sumber air mentah dalam empangan sentiasa terpelihara berbanding dengan sumber air mentah dalam empangan yang kawasan tadahannya telah diubah dengan tanaman sawit. Maka itu Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sumber air mentah dalam kolam takungan perlu dipelihara daripada ancaman pencemaran supaya bekalan air mentah ke loji-loji rawatan air sentiasa mematuhi piawaian air mentah yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pembangunan di sekitar kawasan tadahan juga akan mempengaruhi kualiti dan kuantiti air dalam kolam takungan. Oleh itu, pentadbiran ini akan mencadangkan kepada kerajaan negeri ini untuk melebarkan *buffer zone* kepada 500 meter bagi semua empangan dan kolam takungan di negeri Johor. Terima kasih.

YB Speaker : Ya, Pasir Raja.

YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Saya sungguh-sungguh teruja dengan jawapan *affirmative* daripada pihak kerajaan terhadap pengawalan keluaran bahan-bahan berat logam di Sungai Johor. Cuma saya nak mintak satu jaminan dengan jawapan yang diberikan seolah-olah semua telah tersedia untuk di atasi segala masalah tetapi dari segi pengalaman, setiap kali hari perayaan besar contoh, tahun sebelum ini pelepasan diesel dalam sungai Johor yang terjadi waktu perayaan, 3 hari 4 hari tutup loji, sebelum itu ada kandungan ammonia yang tinggi.

Kalau ini boleh terjadi, kemudian masa depan boleh terjadi. Jadi kalau jawapan yang diberikan mengatakan ada 3 unit pantau kualiti air sungai Johor dilakukan, saya nak minta jaminan sama ada perkara-perkara ini tidak akan berulang dan kalau boleh berulang, bolehkah pihak pembekal air dari sungai Johor mengambil keputusan untuk melaksanakan *plan emergency* yang paling pantas untuk membetulkan keadaan ini. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, jaminan yang diberi oleh kerajaan jelas sewaktu kita meminda Enakmen Bekalan Air 2014. Itu bererti bahawa kerajaan amat serius dalam memastikan bahawa sumber-sumber air adalah terpelihara daripada sebarang bentuk ancaman dan gangguan di mana pindaan enakmen itu telah juga menambah nilai denda-denda yang dikenakan dan juga telah

memperluaskan juga jenis-jenis kesalahan terhadap mereka-mereka yang boleh menjejaskan sumber-sumber dalam negeri Johor.

Cuma Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tidak dapat dinafikan bahawa kerajaan negeri menghadapi kesukaran untuk memastikan bahawa kesalahan-kesalahan ini dapat dielakkan di setiap masa oleh kerana untuk kerja-kerja pemantauan ianya memerlukan satu anggota yang besar dalam kedudukan BAKAJ yang sedia ada kerja-kerja pemantauan perlulah mendapat kerjasama daripada agensi-agensi yang berkaitan seperti Jabatan Pengairan dan Saliran, Pejabat Tanah Daerah termasuklah Jabatan Alam Sekitar.

Saya percaya dengan adanya kerjasama antara jabatan-jabatan ini kita akan dapat memberi jaminan yang lebih kepada Pasir Raja, bahawa bekalan ataupun sumber-sumber air ini akan terpelihara dan juga akan sentiasa dapat dipantau dengan seberkesan yang mungkin. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Terima kasih.

YB Speaker : Jemput ni. Soalan, menyoal.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Terima kasih Tan Sri Speaker, daripada jawapan Yang Berhormat EXCO tadi, tentang soalan saya itu pendek dia jawab. Soalan daripada Pasir Raja bukan main panjang lagi.

YB Speaker : Kebiasaan begitulah. Kebetulan.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Jadi, daripada jawapan yang diberikan, bahawa baru dicadangkan untuk melebarkan. Baru hendak dicadangkan kepada kerajaan negeri untuk melebarkan *buffer zone* daripada 500 meter hingga tidak tahu ke berapa kilometer. Jadi, bila dicadang, baru hendak dicadangkan maknanya lambat lagilah. Walhal telah berlaku acap kali pencemaran empangan dan takungan dan sebagainya. Jadi, adakah selain daripada hendak melebarkan *buffer zone* itu, dan seterusnya menggazetkan kawasan di sekeliling itu sebagai kawasan tadahan yang mana tidak boleh di tebang, di cucuk pertanian dan sebagainya. Selain daripada kita melebarkan *buffer zone* itu. Kerana ini saya rasa jawapan yang diberi itu, semuanya kebanyakannya apabila berlaku, kita ambil tindakan, apabila berlaku, ini tindakan kita. Saya hendak satu tindakan jangka panjang yang ianya di pastikan supaya ianya tidak akan berlaku lagi selama-lamanya.

YB Speaker : Ok. Jemput.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, biasalah Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bila dah dekat pilihan raya ini, kita terpaksa jaga kawan-kawan kitalah. Jadi, sebab itu soalan itu jawapan tu panjang sikit. Untuk kawan-kawan. Jadi, Yang Berhormat ada juga kerusi-kerusi kosong lagi sebelah sini, saya boleh jawab panjang lagi untuk Yang Berhormat. (Dewan ketawa).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bukan saya mengatakan tadi jawapan bahawa kita tidak ada perancangan untuk mengatasi soal ancaman kepada kawasan takungan, tetapi kita hendak lebarkan lagi. Waktu ini sudah, dah sedia ada pun *buffer zone* nya. Tetapi kita dapati dengan perubahan iklim, dengan ancaman terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankan ini, kita telah sependapat bahawa kita perlu perluaskan lagi kawasan *buffer zone* ini. Memandangkan mungkin baja-baja yang digunakan oleh aktiviti-aktiviti pertanian jauh berbeza daripada baja-baja atau *chemical* yang terdahulu. Dan juga, kaedah-kaedah aktiviti-aktiviti industri juga berbeza daripada aktiviti-aktiviti sebelumnya. Maka, *buffer* yang telah ditetapkan sebelum ini perlulah diperluaskan dan kita mencadangkan kepada 500 meter bagi satu jarak yang agak lebih munasabah berbandingkan dengan *buffer zone* yang ada pada waktu ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, isu air adalah sesuatu yang berterusan. Kerajaan sedar perkara ini dan langkah-langkah juga dasar-dasar yang digubal oleh kerajaan sentiasa dilihat semula oleh kerana perubahan kepada pembangunan dan juga senario dalam satu-satu keadaan. Maka sebab itu, kita bukanlah bila berlaku sesuatu barulah kita mengambil tindakan. Tetapi, oleh kerana pembangunan yang pesat berlaku. Kalau saya ambil contoh di Simpang Renggam di mana cadangan kerajaan untuk menyiapkan *sanitary landfill* itu, tidak dapat disiapkan pada waktunya maka, apabila berlaku cuaca hujan yang luar biasa, insiden-insiden seperti keruntuhan tembok kawasan *sanitary landfill* telah menjejaskan sumber air. Itu tidak ada dalam perkiraan kita, berlakunya tembok *sanitary landfill* yang runtuh. Tetapi apabila berlaku perkara yang sedemikian ianya memberi peluang kepada kerajaan untuk melihat semula agar usaha-usaha *pre-emptive* dapat dijalankan. Maka itu, kerajaan pusat melalui JPS akan melaksanakan Projek Saliran Bandar, *by pass* di mana pekan Simpang Renggam daripada air ataupun sungai dari pekan Simpang Renggam itu akan *by pass* dan terus ke Ulu Sungai Benut, melepasi muka sauk loji rawatan air Benut.

Jadi, ini akan mengatasi isu pencemaran dalam keadaan di mana *sanitary landfill* tersebut sekiranya berlaku sebarang kerosakan dan sebagainya ianya tidak akan menjejaskan sumber air di loji rawatan air Benut. Jadi, Yang Berhormat tidak juga betul bahawa kita bila berlaku baru kita, cuma saya ingin mengingatkan Ahli Yang Berhormat, bahawa apabila berlakunya misal kata operasi penyelenggaraan paip dan sebagainya, Yang Berhormat selalu ambil gambar dan lepas itu *viral* kan. Tunjuk air dalam botol yang berwarna kuning. Pukul 12:00 tengah hari, sedangkan SAJ mengatakan esok malam, hari sebelumnya malam kita dah siapkan benda itu, tetapi apa nama, esok tengah hari Yang Berhormat dah keluarkan dalam *viral* dalam media sosial botol air yang kuning.

Yang Berhormat kita kena faham, bahawa Johor ini profil tanahnya itu agak rata Yang Berhormat, tidak sama macam Perak sebagai contoh. Sumber airnya adalah dari kawasan tanah tinggi, bukit atau hutan. Jadi, kualiti air mentahnya bersih kalau di Perak. Jadi, itu satu. Tidak boleh juga banding dengan Pulau Pinang. Pulau Pinang Yang Berhormat Tan Sri Speaker, paip yang dikawal ataupun yang di selenggara hanya tidak sampai atau lebih sikit daripada 4,000 kilometer. Johor ini, ada 21,000 kilometer paip. Kita ada 7,000 paip asbestos yang dah lama, yang memerlukan kos yang luar biasa kalau kita hendak tampung. Yang Berhormat kita naikkan air 10 sen sahaja, Yang Berhormat bising satu negeri macam nak runtuh langit dibuatnya. Tetapi, apa nama, kalau *handphone* bayar beratus ringgit tak ada masalah. Kita baru naikkan air 10 sen sahaja, semua Yang Berhormat bedal kerajaan. (Dewan bertepuk). Jadi macam mana Yang Berhormat? Jadi, untuk membolehkan air sampai kepada pengguna itu, kita perlukan masa lebih-lebih lagi

mereka yang berada di kawasan yang agak jauh daripada sumber-sumber pam, untuk membolehkan air yang akhirnya bersih sampai ke rumah-rumah mereka. Jadi, untuk itu di harapkan Ahli-Ahli Yang Berhormat di Johor kita kena faham bahawa Johor, apa nama, kita ada paip yang begitu panjang kalau dibandingkan dengan Pulau Pinang, 1 kilometer paip hasil atau *revenue* mereka 1 kilometer, lebih daripada RM500.00 bagi 1 kilometer. Di negeri Johor, 1 kilometer paip *revenue* kita hanya RM156.00 berbanding dengan kos untuk menyelenggara. Jadi dengan itu, kita nasib baik punya syarikat air seperti SAJ yang mempunyai kecekapan, kita juga telah memutuskan supaya BAKAJ ini diperbadankan maka, *the way forward* Yang Berhormat dengan izin, Insya-Allah kita akan dapat mengawal sumber dan juga bekalan air kita yang terbaik dalam negara. Terima kasih.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja soalan-soalan yang sempat kita jawab. Mana-mana soalan lisan yang belum dijawab, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan ini.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUJUNG KASIH TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat. Perbahasan itu disambung sekarang. Saya persilakan Yang Berhormat Maharani, jemput.

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. Bismillahirrahmanirrahim. (Bacaan doa). Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Maharani bersyukur kerana diberi kesempatan menjunjung kasih dan membahaskan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan dan Yang DiPertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim, sempena merasmikan Pembukaan penggal Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor Yang Ke-13. Maharani juga merafak sembah menjunjung kasih di atas keberangkatan Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor, mencemar duli mewakili ayahanda baginda bagi merasmikan pembukaan penggal persidangan kali ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Maharani menyanjung tinggi keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengenai sistem pendidikan Sekolah Agama Islam Negeri Johor yang dikatakan semakin lemah dan dianggap seperti kurang penting. Di antara masalah yang diutarakan ialah.

1. Kekurangan guru.
2. Kekurangan kelengkapan.
3. Keadaan kelas yang kurang selesa.

Pemerhatian Duli Yang Maha Mulia Tuanku ini, sewajarnya diberi perhatian yang sangat serius oleh pihak kerajaan kerana kelemahan ini masih berlaku. Selepas penambahbaikan dilakukan, dan kalau kita lihat, kita mengimbas kembali ucapan Bajet 2012 lama dahulu. Yang telah saya semak semula, telah ada pun cadangan untuk memperkasa sistem pendidikan agama iaitu:

1. Modul akademik dan kokurikulum agama akan diperkasa.
2. Menambah pengajian sekolah agama negeri selepas pengajian darjah khas.

Jadi, ini adalah perkara-perkara yang telah pun di cadangkan. Dan jadi, kalau kata masih ada kekurangan maka itu menunjukkan bahawa adakah ini kerana perancangan yang kurang tepat ataupun kerana perlaksanaan yang kurang

memuaskan ataupun keutamaan dari segi memperkasakan sekolah agama ini yang tidak sampai ke fokus atau kesasarannya. Dan, baru-baru ini kita juga dimaklumkan bahawa sebuah universiti wakaf akan dibina. Jadi, bagaimana agak perancangan yang sekarang ini. Perancangan itu ada, cuma kalau dari pemerhatian Duli Yang Maha Mulia ini masih tidak memuaskan lagi. Begitu juga pada tahun 2012, guru-guru juga sudah dinaikkan pangkat secara *time based*. Dalam ucapan bajet tahun 2015 pula, telah ada semakan gaji guru agama di negeri Johor. Gaji disemak, tetapi masalahnya kekurangan guru. Jadi, kita utamakan itu ialah guru-guru ini hendaklah ditambah, dan mereka yang guru-guru kontrak ini patut diserapkan dalam jawatan kekal seberapa cepat yang boleh. Tidaklah sampai mereka bersara pun sebagai guru kontrak. Mengenangkan jasa mereka mendidik anak-anak bangsa kita.

Begitu juga untuk persekitaran yang lebih selesa, persekitaran yang bersih. Pada 2015 juga peruntukan RM2 juta telah diberi kepada sekolah-sekolah untuk penyelenggaraan dan peningkatan taraf kebersihan. Adakah ini telah dijalankan dengan sebaik-baiknya. Adakah peruntukan telah digunakan dengan sebaik-baiknya. MAIJ juga telah memperuntukkan RM5,000.00 kepada setiap badan kebajikan sekolah untuk menampung kos pengurusan. Jadi, dari sini kita dapati bahawa perancangan itu telah ada, perlaksanaan itu yang dipersoalkan. Begitu juga dengan yang terbaru ini, dan 2015 juga ialah penggunaan teknologi digital untuk prasarana pembelajaran dan pengajaran. Jadi, ini nampaknya perancangan melangkaui, maknanya kemudahan di sekolah kebangsaan sendiri. Jadi, inilah perkara-perkara yang kita telah membuat perkara yang baik, perkara asas yang perlu diambil kira. Kalau keadaan kelas yang kurang selesa, kekurangan kelengkapan sekolah, Maharani inginlah maklumat adakah sekolah-sekolah baru yang sebanyak 121 buah, yang telah diselesaikan pembinaan oleh KPRJ, tahniah KPRJ kerana telah dapat menyelesaikan masalah ini. Adakah kemudahan kelengkapan itu sempurna atau adakah perkara ini berlaku selepas bangunan baru pun ada, tetapi kekurangan kelengkapan tu masih ada lagi. Jadi, ini perlulah diperbetulkan jika ini tidak, belum memuaskan hati seperti yang telah dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, satu lagi perkara yang disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku ialah supaya kerajaan negeri menambah pendapatan melalui sumber hasil baru untuk memastikan bahawa kelangsungan pembangunan negeri Johor dapat dilakukan dengan sebaik-baiknya. Maharani bersetuju dengan cadangan baginda supaya kerajaan tidak mengurniakan tanah pertanian tetapi hanya memberi hak penggunaan secara sewaan atau pajakan tahunan kerana ia dapat menambah hasil negeri dan juga dapat mengekalkan hak milik tanah yang semakin berkurangan.

Jadi berkenaan pengurniaan tanah atau pengurniaan rumah ini, Maharani ingin juga bertanya apakah syarat-syarat yang diberikan apabila pengurniaan ini dilakukan? Bolehkah ia bertukar tangan? Bolehkah ia diubah syarat? Bolehkah ia dijual dan apa syarat-syarat jika ia boleh dijual? Jikalau yang dikurniakan ini dijual maka ini tidak menepati tujuan untuk mengurniakan sesuatu hak kerajaan negeri.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kebetulan dalam saya meneliti Bajet 2012, saya terpandang satu polisi untuk kesejahteraan kesihatan rakyat ya, iaitu satu polisi bebas asap rokok. Saya tak hisap rokok, orang sebelah saya hisap rokok kot. Tetapi untuk menjaga persekitaran yang lebih baik, lebih bersih dan ia dikatakan telah dimulakan fasa pertama pada tahun 2011. Dan fasa ini sepatutnya sehingga 2015. Jadi, kawasan yang akan diwartakan katakannya, saya tak pasti dah diwartakan

atau belum ialah Wilayah Pembangunan Iskandar dan kemudian akan diperluaskan di kawasan lain melalui fasa kedua dan ketiga.

Maharani ingin tahu jugalah adakah ini telah dipertingkatkan kepada fasa kedua, ketiga kerana ini adalah satu perkara yang baik dan tahniah kepada kerajaan negeri Johor kerana sebelum ini kerajaan negeri telah pun mengambil inisiatif untuk memastikan penggunaan plastik dan polistirena supaya secara berperingkat diberhentikan untuk kesejahteraan alam sekitar. Jadi, saya harap ini yang tentang asap-asap ini kalau boleh diperluaskan dan dipastikan ianya diwartakan supaya tindakan boleh diambil kepada mereka yang menyebabkan persekitaran kita ini kurang sihat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin membawa beberapa isu-isu tempatan yang seperti kata YB Joraklah, jadi pembangkang ni banyak masalah ditujukan pada kita. Mungkin kalau di sebelah sana tak ada masalah kot, peruntukan ada. Satu perkara yang saya ingin ketengahkan ialah masalah jalan mendap. Di DUN Maharani ini, jalan mendap memang satu perkara yang menjadi masalah dan telah pun diajukan beberapa kali secara melalui jabatan ataupun melalui Dewan ini dan terima kasihlah kepada pihak yang berkenaan, Pejabat Daerah, JPS yang telah pun mengambil tindakan. Bukan tak ambil tindakan, ambil tindakan tetapi perkara-perkara yang berulang-ulang ini yang patut dirancang untuk memperbaiki secara jangka panjang.

Jalan yang saya maksudkan ini yang menimbulkan keresahan penduduk ialah Jalan Parit Amal yang menghubungkan Jalan Temenggong Ahmad dan Jalan Abdul Rahman yang sangat terjejas terus sehingga jalan ini tidak boleh dilalui oleh kenderaan. Jadi, satu kampung, sebahagian dari kampung itu jalan tidak boleh dilalui. Dan, masalahnya ialah kerana permasalahan tanah mendap memang berlaku di situ, kerja pembaikan telah dilakukan tetapi apa yang berlaku ialah apabila jalan itu dah cantik diturap, kemudian digali semula. Apabila sampai masa menggali semula itulah jalan itu mula mendap semula dan dengan apabila jalan cantik, kenderaan berat pun tumpang lalu.

Jadi, maknanya kita cadangkanlah supaya untuk penyelesaian jangka panjang ialah seperti yang sedang dilakukan di Parit Sakai Laut, iaitu dengan mengadakan atau membina parit 'U', parit konkrit 'U' dan ia akan menyelesaikan masalah dan pada masa yang sama ia akan dapat melebarkan jalan dan akan menjimatkan perbelanjaan dari segi kos jangka panjang. Dan penduduk ingin mencadangkan supaya apabila telah dibaiki, telah diturap, supaya mohon diletakkan tanda had berat kenderaan yang melalui jalan ini ataupun mengenakan sekatan palang besi seperti pernah dilakukan pada jalan-jalan tertentu pada satu masa dahulu.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, masalah kedua ialah penduduk di Lorong Bahagia Jalan Abdul Rahman. Jalan ini, lorong Bahagia, jalan ini kecil sahaja tetapi ia adalah jalan alternatif untuk penduduk melalui jalan ini daripada Jalan Abdul Rahman pergi ke kampung, ke Jalan Parit Haji Baki dan tembus ke Jalan Junid adalah jalan alternatif yang dilalui oleh penduduk-penduduk setempat. Malangnya, aduan penduduk sini mereka telah pun memohon supaya diperbaiki tetapi belum lagi diperbaiki kerana katanya sudah 15 tahun jalan ini tidak diturap, sempit dan mohon supaya di naik taraf parit-parit di sekeliling situ ditutup, dilebarkan jalan dan diturap semula. Jalan ini tak panjang cuma 350 meter sahaja, jadi kosnya tidak terlalu tinggi. Begitu juga satu lagi masalah jalannya kecil, gelap dan pencahayaan juga kurang. Mereka mohon supaya tiang-tiang lampu tu dipasang lampulah. Sekarang ini ada tapi tak cukup. Itulah permohonan mereka

supaya keselesaan mereka kerana jalan ini adalah jalan boleh katakan tak jauh dari bandar, mungkin dalam 1 kilometer dari bandar, masih dalam kawasan bandar lagi. Jadi, sepatutnyalah dalam bandar Maharani yang telah dicantikkan jadi antara bandar tercantik maka kawasan-kawasan yang terlepas pandang ini patut diperbaiki.

Seterusnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, penduduk setempat juga penduduk ini melibatkan di penghujung Jalan Dato' Haji Kosai, ada satu *T-junction* di antara Jalan Dato' Haji Kosai dan Jalan Parit Bakar Darat, satu masa dahulu jalan ini adalah kawasan kemalangan kerana dia *T-junction*, persimpangan 'T' yang bagi mereka yang tak biasa tempat itu, dia tak nampak simpang 'T' terus menyeberang jalan. Tapi Alhamdulillah, penambahbaikan telah pun dibuat dan mereka mencadangkan supaya di persimpangan ini dibuat jalan susur masuk dan keluar supaya lebih selamat, lebih selesa dan disebabkan jalan ini apabila telah diturap, biasanya apabila jalan telah diturap, di naik taraf, cantik, maka kenderaan akan lebih banyak menggunakan jalan ini. Jadi, sekarang jalan ini jadi sibuk, untuk keselamatan, saya mengharapkan supaya, mereka mengharap supaya jalan ini boleh diterima, permohonan ini boleh diterima dan dibina jalan susur keluar dan masuk itu.

Seterusnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kalau Yang Berhormat pergi ke Bandar Maharani Bandar DiRaja, boleh dikatakan di bandar itu parit-parit telah hampir semua di naik taraf, ditutup jadikan sebagai tempat pejalan kaki yang cukup cantik dan cukup menariklah bagi mereka yang melawat Bandar DiRaja ini. Walau bagaimanapun, ada satu jalan tu yang tidak di naik taraf sepenuhnya iaitu Jalan Sayang, kebetulan depan klinik saya ni. Itu yang saya mohon kat sini. Sebab jalan ini dia ada 4 blok, dua blok tu cantik, dah di naik taraf paritnya, ditutup paritnya dan dijadikan pejalan kaki tetapi ada dua blok lagi ni antara Jalan Abdullah dan Jalan Mariam dan di antara Jalan Ali dan Jalan Arab tidak di naik taraf. Sedangkan di antara Jalan Ali dan Jalan Arab itu terdapat dua buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina yang sibuk dan sempit jalan itu. Jadi, kalau parit itu ditutup maka mudahlah untuk pelajar-pelajar dan lebih selamat ibu bapa yang menunggu anak-anak mereka ketika menghantar dan balik daripada sekolah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Maharani ingin mengucapkan terima kasih, tahniah kepada khususnya kepada Jurutulis dan stafnya yang telah menjalankan tanggungjawab dengan sempurna selama dua penggal saya di sini dan begitu juga kepada jabatan-jabatan kerajaan, jabatan-jabatan swasta yang telah memberi kerjasama yang cukup baik di dalam menjalankan tugas untuk memuaskan hati rakyat atau menjalankan amanah yang telah disampaikan oleh rakyat. Jadi, terima kasih kami warga bandar, DUN Maharani.

Kepada Tan Sri Speaker walaupun Duli Yang Amat Tuanku ada menegur sedikit supaya melakukan tindakan yang lebih keras, pada saya Tan Sri Speaker telah menjalankan tugas dengan baik. Terima kasih, tahniah dan setakat ini tindakan saya rasa adillah, tak terlalu keras. Kalau nak kata keras pun dahlah, dah keluar Dewan tu dah cukup keraslah. Jangan lebih daripada tu cukuplah. Jadi, dengan ucapan ini saya menyokong rundingan menjunjung kasih. Wabillahitaufik walhidayah wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Maharani. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Persidangan ini 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:00 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11:20 pagi.

YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Jemput, Penawar.

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor (Penawar) : Bismillahirrahmanirrahim. (Berselawat). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Teluk Danga tempat hiburan, Bukit Serene diam istana, tiba masa tiba giliran, YB Penawar titipkan kata.

Penawar merakamkan ucapan terima kasih kerana diberikan ruang dan peluang untuk membahaskan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Jajahan Takluk Johor Darul Takzim yang dibacakan oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim pada pembukaan perasmian Penggal Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor Yang ke-13.

Penawar menjunjung kasih atas keprihatinan Tuanku dalam perkara ke-40 yang berkaitan dengan Rumah Impian Yayasan Sultan Ibrahim. Dapat dilihat dengan jelas keprihatinan seorang pemimpin tertinggi sebuah negeri dan jajahan takluk apabila baginda sendiri mengilhamkan Rumah Impian Yayasan Sultan Ibrahim membuktikan bahawa baginda merasakan setiap denyut nadi keperluan rakyat. Tuanku ibarat rantau jauh di langit, rantau dekat di cendana. Terserlah rasa kasih seorang Sultan kepada rakyat jelata yang mengimpikan sebuah rumah kediaman yang selesa dengan kos yang mampu ditanggung oleh rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana. Bukan mudah mencari seorang Sultan berjiwa rakyat.

Penawar yakin dan percaya rakyat jelata akan rasa gembira dan rasa terhutang budi dengan titah Tuanku. Sudah tentu ramai yang ternanti-nanti dan tertunggu-tunggu usainya pembinaan Rumah Impian Yayasan Sultan Ibrahim. Mudah-mudahan ianya akan menjadi ikutan kepada negeri-negeri lain dalam melestarikan kebajikan rakyat. "Ibarat condong yang akan menongkat, rebah yang akan menegak". Baginda terus menasihati dan mengingati kerajaan pada Perkara 41.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Penawar juga rasa cukup terharu terhadap sentuhan ke-40 atas titah Tuanku. Betapa Baginda merasakan tanggungjawab mendidik dan melestarikan keluarga itu datangnya dari rumah itu sendiri. Membina keharmonian dalam satu institusi keluarga dalam negeri Johor dan jajahan takluknya adalah tanggungjawab setiap rakyat jelata. Membentuk generasi berdisiplin dan berakhlak mulia mulanya dari rumah kita. Setiap orang memainkan peranan dan tanggungjawab memastikan anak-anak kita dididik dan diasuh dengan nilai-nilai murni dan akhlak mulia. Yang kita sayang dan kita kasih itu anak-anak kita. Yang kita didik dan kita jaga itu anak-anak kita. Yang kita tegur dan kita marah itu anak-anak kita. Janganlah nanti kita cepat menuding jari atas kepada orang lain, atas apa yang berlaku kepada keluarga kita. Menjunjung titah ucapan Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim semasa Majlis Muktamar Ulama Darul Ta'zim. Pelajari ilmu kekeluargaan Islam, baginda mahukan semua rakyat negeri Johor untuk sama-sama menyayangi institusi kekeluargaan dan memikul tanggungjawab yang diamanahkan dengan pengisian sakinah, mawaddah dan warahmah.

Penawar juga bersetuju dengan ucapan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Mohamed Khaled Nordin yang inginkan Bangsa Johor memperkasakan institusi kekeluargaan sebagai unit asas untuk pembangunan Bangsa Johor. Didiklah anak-anak dengan kesopanan dan kesusilaan. Menghormati antara satu dengan lain dalam tutur kata, tingkah laku sama ada di laman sosial ataupun apabila bertemu muka. Berjalan peliharalah kaki. Bercakap peliharalah lidah. Jangan biarkan anak-anak kita menjadi hero di papan kekunci. Menyebar fitnah tanpa usul periksa, percaya pada tohmahan orang tetapi ajarlah anak-anak kita berfikiran rasional mencari sebab dan akibat dengan penuh bijaksana. Layar bahtera tuju dermaga, muatan sarat permata cerlang; ucap sopan tuturan dijaga, di papan kekunci mengapa menghilang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bukan mudah mengekalkan keamanan dan keharmonian dalam satu negeri. Bukan senang memastikan kesejahteraan setiap inci negeri dan jajahan takluk negeri Johor. Penawar menyeru agar kita sama-sama dapat terus mengekalkan kelestarian negeri Johor supaya segala perancangan untuk kesejahteraan rakyat dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berfikiran sempitkah Barisan Nasional bila yang berdemo di Taiwan itu bukan Barisan? Berfikiran sempitkah Barisan Nasional bila di Selangor, Pulau Pinang dan Kelantan itu bukan oleh Barisan Nasional? Berfikiran sempitkah Barisan Nasional bila 13 kali menang pilihan raya secara bersih oleh rakyat?
Yang Berhormat Dato' Speaker, dari Pelan Suara Hati Johor kemudian Pelan Johor Berkemajuan yang mengandungi usaha-usaha yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar seperti Johor WiFi, *Team* Johor, RMMJ, Permata Jauhar, Johor Mahir, Johor Islamic, Johor Lestari, Johor Inovatif dan Digital Johor Prihatin, Keusahawanan Johor dan Johor Berbudaya. Apa lagi yang tidak dicetuskan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk terus memajukan negeri Johor? Kita sama-sama telah melihat hasil beberapa cetusan idea-idea ini. PIJ dengan bantuan untuk usahawan, penubuhan jawatankuasa khas FELDA dengan kerjasama kerajaan negeri. Semua ini dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk memastikan kelestarian negeri Johor. Bukankah apa yang telah dibuat melambangkan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar adalah untuk semua? Contoh telah diberikan oleh Yang Berhormat Bukit Permai dan juga Yang Berhormat Gambir.

Akhir sekali Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Penawar ingin merakamkan ucapan tahniah kepada PBT Pengerang yang baru berusia 4 bulan. Dalam usia ini terdapat banyak perubahan yang telah dilihat beberapa kejayaannya. Semoga siri kejayaannya ini akan berterusan pada masa yang akan datang. Penawar ingin mencadangkan agar PBT Pengerang dapat mendirikan mini gerai dengan konsep moden yang mudah untuk peniaga-peniaga kecil yang menjual air cedok, pisang goreng, rojak petis, buah-buahan dan sebagainya yang biasanya kita lihat di kawasan meletak kenderaan kerana peniaga-peniaga ini tidak mampu untuk memiliki, membeli lot-lot kedai yang cecah harga RM100.00 ke atas dan di kawasan tempat meletak kereta inilah ramainya mereka yang ingin membeli bahan-bahan yang saya sebutkan tadi atau dengan ringkasnya di sinilah pembeli ataupun pelanggan-pelanggan tetap mereka. Saya mengharapkan PBT Pengerang ini agar dapat melihat perkara ini terutamanya di kawasan Desaru Utama.

Dengan cara ini, akan terserlahlah kehebatan PBT di dalam membantu peniaga-peniaga kecil ini serta dapat menjalinkan hubungan yang baik di antara PBT dan

peniaga seterusnya mewujudkan rasa dan suasana yang cukup selesa untuk peniaga mengikuti arahan dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak PBT. Kita juga mengharapkan peniaga-peniaga ini agar terus menjaga kebersihan kawasan niaga mereka seperti yang disyaratkan oleh pihak PBT untuk kita menentukan persekitaran kekal di dalam keadaan yang bersih serta kita dapat melestarikan 1001 aspek pembangunan negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Penawar menyokong usul yang dibawa oleh Bukit Permai. Sekian, walbillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Waalaikumsalam, terima kasih, Penawar. Kita teruskan perbahasan, sila Senai. Oh merah, *coat*.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Terima kasih dan salam sejahtera, Yang Berhormat Dato' Speaker. Terlebih dahulu Senai ingin mengucapkan terima kasih kerana berpeluang mengambil bahagian dalam Perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan sempena Pembukaan Penggal Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor Ke-13 pada Khamis yang lalu.

Yang Berhormat...

YB Timbalan Speaker : Jangan laju sangat.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Ok, saya akan lambat sikit. Terima kasih Dato' Speaker. Tahun lalu saya memulakan ucapan perbahasan saya dengan membangkitkan isu kesesakan lalu lintas. Setahun telah berlalu, kerajaan masih belum dapat menyelesaikan isu lama. Justeru, saya terpaksa membangkitkan isu yang sama sekali lagi permulaan ucapan saya kali ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mungkin ada orang yang tertanya-tanya mengapa saya begitu mengambil berat tentang isu ini. Jawapannya, kerana ayah saya pernah berulang alik di antara Johor Bahru dan Singapura demi mencari pendapatan yang lebih tinggi untuk pendidikan 3 orang anak beliau. Sehingga hari ini, saya masih ada saudara mara yang berulang alik setiap hari menunggang motosikal. Saya sentiasa bertanya kepada mereka adakah mereka akan kembali bekerja di Malaysia kalau ada peluang yang lebih baik. Kesemua mereka bersetuju bahawa mereka akan kembali bekerja di tanah air. Malangnya, peluang pekerjaan dan tawaran gaji yang sekurang-kurang dua pertiga gaji Singapura pun tidak ada.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai seorang Wakil Rakyat saya berasa malu kerana masalah ini tidak dapat diselesaikan walaupun sudah berulang kali dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Saya sedih kerana setiap hari semak sahaja dalam media sosial ada pekerja Malaysia yang terlibat dalam kemalangan jalan raya. Saya kecewa kerana ekonomi negara kita tidak sebaik seperti apa yang digambarkan parti pemerintah di pusat dan negeri ini. Saya faham bahawa RTS dijangka siap pada tahun 2022 dan saya harap projek ini akan disegerakan bukan dilewatkan seperti apa yang kita saksi di lebuh raya Pasir Gudang. Dalam pada itu, kita masih perlu menyediakan satu penyelesaian jangka pendek untuk 5 tahun yang akan datang. Jangan pandang ringan terhadap 5 tahun ini. Tempohnya pendek, tetapi jumlah jiwa yang bakal hilang akan menjadi suatu tragedi kalau kita tidak mengambil sebarang tindakan untuk 5 tahun ini. Bayangkanlah ada sekurang-kurangnya 5 kemalangan setiap minggu. Berapa

ramai keluarga akan terkesan kerana kerajaan Muafakat Johor ini tidak mengambil tindakan segera?

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya sebut dari sebahagian besar pekerja Malaysia di Singapura berhasrat balik kerja di Malaysia maka gaji semasa dan peluang pekerjaan adalah faktor yang paling penting. Negeri kita berkembang pesat namun saya sentiasa diberitahu bahawa anak tempatan susah mendapat pekerjaan. Justeru, siapa yang dapat peluang pekerjaan berikutan pembangunan negeri kita? Bulan yang lepas, saya dihubungi oleh wartawan tentang pekerja asing dari negara China tersesat di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai. Apabila saya bertemu dengan kumpulan tersebut, saya dimaklumkan bahawa mereka ditipu oleh agen pekerjaan di China. Mereka datang ke Malaysia dengan pas pelancong bukan pas pekerjaan untuk pekerja asing dari China. Apabila mereka dibawa ke sebuah asrama berhampiran tapak pembinaan, baru mereka sedar bahawa mereka telah ditipu oleh agen.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara yang pelik ialah walaupun warganegara China ini hanya mempunyai pas pelancong namun mereka dibenarkan bekerja untuk tempoh tertentu. Akhirnya, mereka akan menerima satu *special pass* untuk pelepasan imigresen. Ada kalangan mereka yang telah mendapat gaji yang dijanjikan dan pulang ke negara mereka. Ada pulak rasa mereka tertipu dan justeru balik ke negara dengan kecewa. Yang paling teruk, ada yang rugi kerana telah membayar agen untuk datang bekerja di sini. Saya berpendapat bahawa, masalah ini memang bukan masalah kita namun insiden seperti ini akan memburukkan imej negara kita. Pihak berkenaan perlu menerangkan kenapa kita izinkan pemaju dan sub kontraktor projek-projek besar ini mengambil pekerja asing tanpa ikut prosedur yang sah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seorang anggota MAS Airlines apabila saya mengunjungi Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, dia memberitahu saya bahawa keadaan sebegini ini cuma berlaku selepas *direct flight* dengan izin, di antara Johor Bahru dan Shenzhen dilancarkan. Saya sendiri membuat pemantauan 1:00 malam hingga jam 2:00 pagi di Lapangan Terbang. Agak-agaknya 50 orang daripada 180 orang penumpang penerbangan tersebut nampaknya jelas masuk untuk bekerja. Agen-agen menunggu mereka di balai ketibaan. Ada lagi agen yang ucap dalam dialek China mendakwa bahawa dia akan membawa mereka ke Kampung Pok. Tujuan mereka melancong. Melancong di asrama besar-besaran Kampung Pok.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam isu pekerja asing ini kita mesti ingatkan satu konsep yang paling penting, kita mesti menjaminkan kepentingan pekerja asing agar kepentingan pekerja tempatan turut terjaga. Jika tidak, majikan akan mengupah pekerja asing bukan anak Malaysia kerana mereka mudah mengeksploitasikan pekerja asing tersebut. Pekerja tempatan pula akan hilang peluang pekerjaan dan terpaksa menjadi pekerja asing di negara orang lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya amat setuju dengan ucapan Titah Tuanku tentang pengurusan dana di negeri kita. Kerajaan *Team* Johor ini tidak seharusnya bermurah hati memberikan tanah-tanah kerajaan kepada individu atau syarikat terutama bagi tanah di dalam kawasan bandar atau pinggir bandar. Selain itu kita perlu memantau projek-projek pembangunan ini dari masa ke masa agar tidak terpesong daripada syarat-syarat yang ditentukan dalam buku rancangan yang dihasilkan oleh banyak agensi kerajaan. Tanpa pengawasan dan penguatkuasaan lebih baiknya kita buang sahaja buku rancangan itu ke dalam tong sampahlah.

Dengan ini saya berharap kerajaan T*eam* Johor ini akan menerangkan mengapa sebuah syarikat telah memperoleh satu bidang tanah seluas 417 ekar di mukim Tanjung Kupang, Gelang Patah? Walaupun Rancangan Tempatan menyenaraikan lokasi itu sebagai hutan simpan. Selepas ditukar milik PBT kemudiannya mengubah kategori kegunaan tanah lot tersebut daripada hutan simpan kepada perindustrian. 9 bulan selepas berjalan tersebut terlaksana.

Yang Berhormat Dato' Speaker, adakah T*eam* Johor ini mengikut prosedur hartanah penempatan rendah dan kondominium. Pemaju sudah pun melantik seorang pereka antarabangsa terkemuka untuk reka bentuk projek mereka. Kalau tidak silap saya, projek tersebut akan bermula pada bulan Mei ini. Padang golf dan hotel pertama akan siap dibina pada hujung tahun ini. Maksudnya kita sedang dalam proses kehilangan 2,000 ekar hutan simpan paya bakau. Jangan lupa bahawa hutan simpan paya bakau ini adalah kedua besar di seluruh dunia. Kebetulan tarikan ini merupakan antara slogan pemasaran Country Garden untuk projek Forest City. Paling penting sekali, Tuanku sudah bertitah bahawa lebih baik kerajaan hanya memberikan hak penggunaan secara sewaan atau pajakan tahunan yang akan memberikan hasil yang lebih baik. Walaupun titah tersebut ditujukan untuk tanah pertanian. Saya percaya pendirian Tuanku yang bernas tersebut patut dipertimbangkan untuk tanah kegunaan lain. Saya rasa bahawa kita perlu meneliti secara terperinci apabila pemaju hartanah luar negara membeli tanah lot kita untuk pembangunan hartanah khasnya, ini kes yang melibat hutan simpan. Adakah kerajaan T*eam* Johor akan menjual hutan simpan kita kepada pemaju hartanah secara pegangan kekal. Buat masa ini 417 ekar hutan simpan telah dijual kepada mereka sebagai pegangan kekal ini dokumen dari PTG. Adakah kita bakal kehilangan 2,000 ekar lagi, usahakan negeri dan negara demi pembinaan padang golf, hotel dan kondominium untuk pemaju asing. Hutan simpan paya bakau merupakan sebahagian penting ekosistem alam sekitar kita. Namun dengan pembangunan yang bakal dilaksanakan ini adakah kawasan Greater Johor Bahru, dengan izin akan terdedah kepada risiko ancaman kemusnahan dan alam sekitar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pasaran hartanah Johor adalah fokus bukan sahaja di dalam negara kita. Ramai pemaju antarabangsa juga mengikuti berita pembangunan Forest City dari masa ke masa. Ini kerana Forest City adalah projek pertama di seluruh dunia yang membina sebuah bandar baharu bersifat mesra alam *eco friendly* dengan izin. Di atas tanah penambakan laut projek ini akan dijadikan contoh di seluruh dunia. Dengan skala pembangunan setakat ini, saya tidak boleh bayangkan apa yang akan terjadi jikalau projek ini tidak berjaya. Justeru saya benar-benar berharap projek ini akan berjaya dan menjadi satu projek contoh untuk masa yang akan datang. Kita mesti memantau pembangunan hartanah ini secara teliti agar projek ini berjaya. Khususnya pemaju yang sama akan membangunkan satu projek hartanah besar-besaran di Gelang Patah seperti saya yang sebut tadi. Berapa unit yang akan dibeli oleh anak tempatan. Adakah PBT kita mempunyai kecekapan untuk menguatkuasa kutipan cukai pintu dari semua pembeli warga asing. Bayangkanlah kita akan menyaksikan satu lagi projek pembangunan di Gelang Patah. Kalau mengikut dokumen rancangan yang saya memperolehi projek tersebut, ini dokumen syarikat itu, dokumen rancangan yang saya memperolehi ini projek tersebut melibatkan pembinaan seluas 4.78 juta meter persegi atau pun 51 juta kaki persegi. Saya faham Johor Bahru akan dibangunkan sebagai metropolitan. Jumlah populasi sekian meningkat saya tak pernah mempunyai rasa sangsi terhadap aspirasi ini, saya cuma minta kerajaan T*eam* Johor ini meneliti semua projek pembangunan hartanah yang akan dilaksanakan serta mengambil tindakan akan menyelesaikan masalah jangka pendek.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu ketiga yang saya ingin membawa tentang kemalangan basikal di Jalan Lingkaran Dalam pada awal tahun ini. Kemalangan ini amat memilukan, masalah ini bukan masalah keluarga kanak-kanak mangsa sahaja. Kita seharusnya meneliti isu ini secara holistik, kalau kita memandang isu ini sebagai isu pengajaran kepada keluarga tertentu, kita tidak akan menyelesaikan masalah sosial ini. Jelasnya keluarga kanak-kanak yang terlibat bukan keluarga yang kaya, sebahagian besar duduk di perumahan yang tidak mempunyai kemudahan rekreasi untuk remaja seperti mereka. Taman rekreasi yang dibina oleh pemaju rata-rata tidak mencukupi. Biasanya alat permainan yang disediakan cuma sesuai untuk kanak-kanak di bawah 12 tahun. Bayangkanlah selepas main buaian 3 tahun atau 5 tahun, tak bosan ke untuk anak-anak kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, basikal nyamuk yang dipakai oleh mereka sebenarnya adalah untuk sukan lasak, *extreme sport* dengan izin, basikal BMX itu, *extreme sport.* Walaupun saya sendiri tidak berani mencuba sukan lasak ini, tetapi kita perlu menyediakan infrastruktur yang sesuai untuk peminat sukan lasak menjalankan aktiviti sukan mereka. Ini tidak terhad kepada basikal BMX. Sukan lasak seperti free running dengan izin, *freestyle scootering, skateboarding, Hardcourt Bike* Polo, MMA dan sebahagiannya perlu diambil kira dalam merancang kemudahan rekreasi sedemikian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menegaskan bahawa kanak-kanak yang bermain sukan lasak di lebuh raya melakukan kesilapan yang besar. Walau bagaimanapun kita seharusnya merenung sama ada wujud infrastruktur sukan yang sesuai yang mencukupi atau pun tidak. Maka saya cadangkan agar kerajaan negeri mewujudkan sukan lasak di setiap daerah untuk pelbagai sukan lasak. Selain itu kita perlu meneliti juga infrastruktur untuk pengguna *Non-motorised Transport* (NMT) dengan izin, khasnya basikal. Kalau kita lihat sebuah kawasan perumahan yang baharu, jalannya sudah cukup besar, cukup luas untuk membina satu lagi lorong basikal. Kalau tidak cukup, kita seharusnya menetapkan peraturan agar semua pemaju membina lorong basikal dalam projek perumahan mereka yang akan dapat. Dalam Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Johor NMT adalah satu elemen yang penting. Namun saya mendapati bahawa semua laluan basikal yang dicadang dalam buku rancangan ini pelan induk tersebut, cuma terletak di sekeliling bangunan PBT. Seharusnya lorong basikal ini dibina di kawasan sekolah, masjid, pasar awam dan kawasan perumahan. Kalau pengguna pun sudah tiba di pejabat kerajaan buat apa hendak menunggang basikal di sekeliling pejabat lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam dua bulan yang lalu kawasan Senai dilanda beberapa kali ribut dan hujan lebat. Berikutan itu Taman Aman mengalami banjir sekurang-kurangnya dua kali. Ribut melanda Indah Pura pada bulan Mac dan ribut melanda di kawasan lapangan terbang pada bulan April mengakibatkan kerugian kepada penduduk, pengusaha kilang, Hospital Kulai dan sebagainya. Kalau kita meninjau secara terperinci, kita akan mendapati bahawa sebahagian bencana alam boleh dielakkan kalau kerajaan mengambil tindakan lebih awal. Contohnya, seramai 50 keluarga yang tinggal di Taman Aman terjejas dengan teruk semasa banjir kilat pada 25 Mac. PBT kemudiannya menghantar kontraktor untuk membersihkan kolam takungan dan perparitan. Apabila banjir kilat berlaku sekali lagi pada 18 April, bilangan rumah yang terjejas berkurangan kepada 20 buah. Masih teruk lagi, tetapi sekurang-kurangnya kita tahu bahawa masalah banjir kilat boleh diselesaikan jika PBT melaksanakan pembersihan berkala terhadap infrastruktur perparitan. Punca banjir kilat ini amat jelas iaitu projek-projek pembangunan di sekitar kawasan banjir tidak dikawal dengan baik. Sistem

perparitan sering tersumbat dengan tanah merah dari tapak pembinaan. Air membanjiri rumah mangsa merosakkan perabot mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain kawasan ini sistem perparitan yang perlu di naik taraf atau dibersihkan termasuk bahagian Jalan Seelong di depan Kilang Celestica. Banjir setiap kali hujan Jalan Seelong Jaya 2, saya sudah bangkitkan isu ini dalam sidang Dewan yang lalu dan juga Jalan Idaman yang terletak Taman Desa Idaman Senai. Selain daripada perparitan ini, ada satu isu lagi bukan ...

YB Timbalan Speaker : Sila gulung Senai.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : ... ada ini semua isu kawasan akan gulung dalam lima minit lagi. Aduan kerosakan perparitan dan tanah runtuh di belakang kawasan kediaman Jalan Pintar Utama 5 masih tidak diselesaikan. Penduduk sendiri melaporkan kes ini sejak tahun 2013 kepada pelbagai pihak termasuk MPKu, JKR, Indah Water Konsortium dan JPS. Namun langsung tiada pihak yang mengambil tindakan selepas ribut dua minggu yang lepas, keadaan kerosakan sistem perparitan itu menjadi semakin membimbangkan iaitu hanya 15 kaki dari rumah penduduk. Saya berharap PBT akan mengambil tindakan segera memandangkan perkembangan pesat di Senai dan Kulai semakin ramai orang menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai. Namun setiap kali keluar dari lapangan terbang pengguna jalan raya akan menghadapi masalah jalan raya berlubang. Bahagian paling teruk adalah di depan Pusat Hemodialysis Rotary. Juruteknik PBT ada memaklumkan pejabat saya bahawa paras kelembapan air bawah tanah terlalu tinggi. Justeru, masalah tidak dapat diselesaikan namun masalah ini telah wujud bukan satu atau dua tahun tetapi lebih daripada itu. Itu saya menyeru kerajaan negeri segera menyelesaikan masalah ini secepat mungkin agar melindungi imej baik pintu masuk negeri kita. Dan, ada tiga isu lagi pendek isu Jalan Seelong Jaya 2 yang tidak diturap sehingga kini tidak ada penyelesaian. Nampaknya PBT dan kerajaan negeri lebih mengambil berat tentang kawasan perindustrian baru menyebabkan kawasan perindustrian lama terabai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita memerhatikan lalu lintas simpang empat di Jalan Seelong dan Jalan Lapangan Terbang. Masalah lalu lintas semakin serius jika PBT tidak mengambil inisiatif untuk merancang semula semua simpang jalan dalam jarak 1km. Simpang tersebut adalah salah satu simpang yang paling sibuk pada waktu pagi dan petang kerana pengguna jalan raya semakin meningkat.

Isu terakhir yang saya ingin bangkit dalam Dewan yang mulia ini adalah isu tanah merah di luar Sekolah Agama Indahpura. Isu ini sudah pun menjadi mimpi ngeri kepada ibu bapa yang mengambil anak mereka sewaktu hari hujan dan menimbulkan risiko keselamatan kepada murid-murid yang terpaksa berjalan di tengah jalan raya yang sempit. Walaupun ibu bapa dimaklumkan bahawa rancangan pembinaan jalan telah dimasukkan ke dalam bajet PBT 2017, namun tiada apa-apa tindakan diambil oleh PBT lagi. Saya berharap masalah ini boleh diselesaikan secepat mungkin.

Dengan semua masalah ini, sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Persidangan disambung semula. Sila Yong Peng.

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Selamat pagi dan salam sejahtera. Yong Peng mengucapkan terima

kasih kerana diberi peluang mengambil bahagian untuk membahaskan usul menjunjung kasih ke atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi bagi Penggal Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sekali lagi PBT diingatkan bahawa pelanggan utama mereka adalah penduduk tempatan yang tergolong sebagai pembayar cukai. Mereka berhak bersuara terhadap segala perkhidmatan yang tidak berpuas hati. Sekali lagi Yong Peng meminta agar tarikh mesyuarat bulanan setiap Majlis Daerah atau Perbandaran dibuka kepada orang ramai melalui kenyataan akhbar supaya para penduduk dapat menghadiri mesyuarat tersebut. Ini adalah amat penting kerana penduduk dapat mengetahui perkembangan dan pembangunan kawasan masing-masing dan mereka juga dapat tahu adakah aduan-aduan mereka dibawa ke dalam mesyuarat untuk tindakan selanjutnya. Dan bukan seperti sekarang segala aduan tidak diberitahu tarikh tindakan dapat diambil.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pencahayaan yang mencukupi merupakan satu cara mencegahnya jenayah dan kemalangan jalan raya. Yong Peng telah membuat banyak permohonan supaya penambahan lampu jalan di kawasan Yong Peng. Yang sedih, penduduk langsung tidak dapat maklum balas dari pihak PBT. Yong Peng berharap permohonan lampu jalan seperti di bawah dapat dipasang secepat mungkin demi mengelakkan kes yang tidak diingini berlaku. Permohonan-permohonan adalah seperti berikut; Jalan Helang di Taman Sembrong, Jalan Bunga Raya 5 di Taman Sri Lalang, Jalan Ah Loy Yuen, Jalan Damai Jaya 8, Taman Damai Jaya, Jalan Kerambit, Taman Ria, Jalan dari Taman Cahaya Baru ke Taman Desa Putih.

Yang Berhormat Dato' Speaker, permohonan penduduk supaya pokok layu ditebang harus diambil berat pihak-pihak PBT. Bulan lepas, terdapat dua kes pokok tumbang di Ipoh, negeri Perak yang mengakibatkan penumpang kereta, maut dan cedera. Maka bagi kes ini yang akan membawa maut kepada seseorang. Kerajaan dan PBT harus memandang berat dan tindakan secepat mungkin harus diambil. Pemantauan harian perlu sentiasa dijalankan oleh pihak PBT.

Yang Berhormat Dato' Speaker, industri piperolisis boleh dikatakan satu industri yang tidak *eco friendly*, minta izin, di Pekan Yong Peng berdekatan Jalan Ayer Hitam terdapat satu kilang yang sentiasa mengeluarkan asap hitam dan ia juga berdekatan dengan Sungai Sedi. Pekebun kecil telah banyak kali membuat aduan dan mereka khuatir industri tersebut akan mendatangkan pencemaran udara dan air. Meski pun telah dilaporkan ke Jabatan Alam Sekitar, tetapi masih tiada tindakan diambil. Diharap kes ini diambil berat oleh pihak kerajaan negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kesejahteraan hidup rakyat banyak bergantung kepada mutu perkhidmatan yang diberikan oleh agensi kerajaan termasuk Pejabat YB EXCO dan Pejabat Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Di antara KPI yang dapat menilai prestasi kerja termasuk jangka masa maklum balas bersurat dan juga keberkesanan membalas panggilan telefon sewaktu masa bekerja.

Yong Peng rasa kecewa, banyak surat berkenaan aduan dan cadangan dihantar kepada Majlis Daerah Yong Peng, YB EXCO, Yang Amat Berhormat Menteri Besar masih tunggu maklum balas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih diucapkan kepada Kerajaan negeri atas pelancaran Bas Muafakat Johor di kawasan Yong Peng seperti yang

dicadangkan oleh Yong Peng pada Sidang yang lalu. Selepas menaiki Bas Muafakat Johor di pekan Yong Peng, saya mencadangkan supaya bas ini harus termasuk kawasan taman-taman perumahan seperti Taman Mewah, Taman Melur, Taman Kota Keruing dan lain-lain. Ia juga harus termasuk Kangkar Baru, Kampung Seri Sepakat, Kampung Haji Mian dan Lam Lee di mana yang penduduk warga emas dapat menaiki bas percuma ini ke Klinik Kesihatan Yong Peng yang baru yang akan dioperasi tidak lama lagi untuk mendapat rawatan. Seperti yang disebut YB Penggaram, pesakit perlu membayar RM20.00 dengan menaiki teksi berulang alik dari Hospital Batu Pahat ke Stesen Bas Batu Pahat. Ini amat membebankan pesakit, khasnya warga emas dan golongan yang berpendapatan rendah. Maka, kerajaan negeri diharapkan adakan perkhidmatan Bas Muafakat Johor di antara Hospital Batu Pahat dan Stesen Bas Batu Pahat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yong Peng juga menyeru supaya kerajaan memulihkan perkhidmatan bas dari Paloh ke Yong Peng. Satu cara mewujudkan bandar yang sangat makmur adalah dengan adanya sistem pengangkutan awam yang paling sempurna.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tahun 2017 merupakan Tahun Melancong Yong Peng. Yong Peng bercadang, dengan adanya perkhidmatan bas dari Paloh ke Yong Peng akan membawa lebih ramai pelancong dari Kluang melalui Paloh ke Yong Peng dan seterusnya meningkatkan impak ekonomi pekan Yong Peng dan juga Paloh. Harap YB Paloh boleh sokong.

Yang Berhormat Dato' Speaker…

YB Timbalan Speaker : Nak tengok apa kat Yong Peng?

YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) : Kemakmuran satu negeri atau bandar adalah bergantung kepada langkah dan pemikiran satu pentadbiran yang sentiasa maju. Apakah maksud satu pentadbiran yang sentiasa maju? Ia adalah bergantung kepada keupayaan dan kecekapan suatu pentadbiran negeri dalam penyelesaian masalah setiap penduduk warga Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yong Peng ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini dalam isu kualiti air. Di kawasan Yong Peng, semua sedia maklum bahawa kualiti air yang bersih dan bebas daripada pencemaran itu sangat penting untuk kegunaan harian kita semua.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dua bulan kebelakangan ini, penduduk Yong Peng telah menghadapi masalah air yang berwarna kuning. Penduduk khuatir ia akan menjejaskan kesihatan mereka dengan penyakit, daripada penyakit. Ia telah mengakibatkan penduduk hidup dalam perasaan takut dan mereka amat khuatir air yang mereka minum telah di cemar dan tidak lagi selamat diguna. Ini gambar *filter* yang penduduk Yong Peng tunjukkan semalam. Dengan *filter* yang begitu kotor, sudah dua bulan berlalu masalah ini masih belum diselesaikan. SAJ harus sentiasa mengamal prinsip kesihatan penduduk adalah diutamakan. Dan Yong Peng berharap masalah ini dapat disiasat puncanya dan diselesaikan dalam minggu ini. Kalau tidak yang kecewa dan terjejas adalah kesihatan penduduk.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tidak dapat dinafikan selain daripada jalan yang tidak rata, yang berlubang, struktur jalan dan jambatan yang tidak sempurna juga akan mengakibatkan peningkatan kes kemalangan maut di jalan raya. Yong Peng ingin meminta kerajaan mengambil berat menyiasat dan membetulkan keadaan

jalan-jalan Yong Peng sebut seperti di bawah; Jambatan Sungai Bekok di Jalan Muar - Yong Peng yang sempit di mana ia perlu dilebarkan, Jalan Kluang sehingga ke Taman Ria, Sri Lalang yang mana banyak kes kemalangan maut telah berlaku di sana, Batu 1 Jalan Labis yang mana bahu jalan yang sentiasa bertakung air dan berlubang. Lokasi tepat jalan ini hampir persimpangan Jalan Labis dan Jalan An Peng, Yong Peng. Senang kata, jalan ini adalah jalan persekutuan bersebelahan jalan ke rumah rasmi Yang Dipertua Majlis Daerah Yong Peng.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu negeri yang bebas daripada rasuah adalah satu impian semua bangsa Johor. Satu sistem supaya kerajaan bebas daripada rasuah adalah semua YB EXCO dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengumumkan harta benda mereka setiap tahun selepas dilantik jawatan. Yong Peng bersedia mengumumkan harta dan sama juga rakan-rakan saya di sini. Saya berharap YB-YB di sebelah sana boleh ikut bersama!

Yong Peng juga berpendapat sistem kuota parti dalam sistem pengagihan rumah murah, rumah sederhana dan rumah mampu milik yang mungkin, mungkin senang diserang rasuah. Maka haruslah ia dihapuskan demi satu negeri yang bebas daripada rasuah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, semasa kerja melawat Yong Peng ke Pejabat Tanah Batu Pahat, didapati satu piawai kerja atau SOP kerja seperti tempoh meluluskan satu permohonan ubah syarat, tempoh meluluskan satu permohonan panjangkan pajakan. Nampak suara piawai kelihatan sangat sesuai dan baik tetapi yang paling penting adalah setiap jabatan harus mengikut apa yang dipaparkan. Kalau tidak, ia hanya dijadikan satu hiasan di dinding pejabat tersebut sahaja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyeru supaya pihak kerajaan jangan berkecil hati selepas isu-isu dibangkit oleh pihak pembangkang. Semua teguran dan pertanyaan merupakan satu sistem yang sihat di semua negara demokratik di mana pihak pembangkang sebagai sistem *check and balance*, minta izin, supaya segala pentadbiran kerajaan mengamalkan segala sistem dan polisi dengan cekap, jujur dan amanah. Yong Peng tidak bersetuju dengan ucapan seperti ceramah politik Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa DAP hanya mementingkan kaum Cina. Bahkan semua isu yang dibawa oleh ADUN-ADUN pembangkang dalam Dewan yang mulia ini adalah isu demi semua bangsa Johor, tidak kira kaum dan agama. Ini semua demi keselesaan rakyat. Kami di sini juga tidak mahu nanti hari kami menjadi kerajaan hanya satu akaun yang tidak integriti dan dalam angka negatif.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yong Peng telah membawa banyak isu di Dewan yang mulia ini dalam masa empat tahun untuk tindakan kerajaan negeri. Di antaranya ada yang telah selesai dan fasiliti tersebut telah dinikmati penduduk tempatan seperti Sekolah Agama Seri Yong Peng, Sekolah Agama Taman Kota, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Klinik Kesihatan Yong Peng yang baru yang akan disempurnakan kecuali 10 ekar tanah yang di janji kerajaan negeri Johor kepada Sekolah Cina Yong Peng.

Di sini Yong Peng ingin mengucapkan terima kasih kepada pegawai agensi kerajaan yang sudi tolong menyelesaikan masalah ini di kawasan Yong Peng dan juga tahniah pengundi kawasan Yong Peng.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir sekali, saya menyeru pihak kerajaan mengambil perhatian dan tindakan segera untuk menyelesaikan masalah dan isu-isu yang Yong Peng bangkitkan dalam ucapan tadi. Tidak kira kita di sebelah pembangkang atau kerajaan. Memberilah khidmat untuk keselesaan dan kesejahteraan rakyat adalah tanggungjawab bersama. Kita bersatu, bertindak, berjaya, dengan semangat yang membara, kita melangkah dengan megah untuk mencapai cita mulia. Apa itu cita mulia rakyat? Cita-cita ADUN harus selari dengan cita-cita rakyat iaitu wujudkan satu kerajaan yang cekap, jujur dan amanah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sekian ucapan saya. Terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Wah, betul-betul semangat Yong Peng ye. Penggal hadapan akan duduk semula kat situ. Persidangan disambung, sila Skudai. Lebih semangat daripada Yong Peng.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Hari ini saya nak berlemah lembut sikit (ketawa). Yang Berhormat Dato' Speaker, selamat pagi dan salam sejahtera. Saya ingin mengambil bahagian dalam Perbahasan Usul Menjunjung Kasih Kebawah Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor Sempena Pembukaan Rasmi Penggal Kelima Dewan Negeri Johor Ke-13. Patik juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi menyampaikan titah Baginda kepada Dewan yang mulia ini pada 4 Mei yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menurut Laporan JPJ dan Kementerian Kewangan, cadangan untuk mengenakan caj jalan itu nampaknya walaupun dari pihak pembangkang telah membawa satu kutipan yang begitu lumayan kepada kerajaan. Dan dua bulan sahaja, November dan Disember 2016 kerajaan telah mengutip sebanyak RM17 juta dalam 2 bulan dan disalurkan kepada kerajaan negeri adalah RM4.3 juta. Maknanya satu tahun, caj jalan untuk kenderaan asing yang masuk melalui Tambak Johor dan Link Kedua akan berjumlah sebanyak RM102 juta dan sebanyak RM25.8 juta akan disalurkan kepada kerajaan negeri.

Oleh itu, saya cadangkan sebenarnya tujuan untuk mengutip caj jalan ini adalah menggalakkan pengguna jalan raya supaya jangan bawa kereta menggunakan pengangkutan awam. Tapi nampaknya kita tidak ada pengangkutan awam yang lebih sempurna di antara Woodlands, Singapura dan juga di semua kawasan perumahan Iskandar Malaysia. Saya cadangkan kutipan ini digunakan, ditubuhkan satu tabung khas untuk pengangkutan awam Iskandar Malaysia. Tujuan adalah untuk memajukan sistem bas awam dan RTS, MRT, LRT di Iskandar Malaysia. Walaupun reka bentuk kejuruteraan projek RTS akan disiapkan pada bulan Ogos yang akan datang,cuma di antara Woodlands dan Bukit Cagar. Setakat ini kerja yang belum adalah dari pelan yang lebih menyeluruh yang akan mencantum di antara Bukit Cagar dan juga kawasan-kawasan perumahan dan komersial di persekitaran Iskandar Malaysia.

Dijangka penduduk Iskandar Malaysia akan meningkat walaupun sekarang ada 1.8 juta tapi akan sampai mencecah 3 juta pada tahun 2025. Kalau campur penduduk di Iskandar Malaysia dan Singapura akan meningkat ke lebih kurang 10 juta. Itulah merupakan satu bilangan penduduk yang cukup untuk menyempurnakan, untuk menyokong satu sistem RTS, MRT dan LRT jaringan di antara Woodlands, Singapura dan juga Iskandar Malaysia. Dan pada jangka masa panjang, ini akan mempertingkatkan lagi perpindahan teknologi, modal dan budaya di antara dua-dua negara, khasnya kita semua ada saudara mara di Singapura dan juga di Johor.

Ada yang penduduk juga, Melayu yang mampu membeli rumah di Horizon Hills dan mereka ini akan menggalakkan sebenarnya perpindahan bukan sahaja dari segi teknologi dan modal dan juga budaya di antara dua-dua rakyat warganegara. Sebenarnya pada pandangan saya, MRT dan LRT lebih akan lebih berhasil berbanding dengan HSR Landasan Kereta Api Berkembar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya sebenarnya menokok Yang Berhormat EXCO yang tadi membangkitkan isu yang kata kita terpaksa Johor, orang Johor terpaksa membayar tarif air yang paling tinggi di seluruh Malaysia sebab kita negeri Johor kita lebih luas berbanding dengan negeri lain dan cukup sebab perlukan tabung untuk menyempurnakan paip-paip air. Saya rasa, kalau itu betul kenapa kita naik tarif pada bulan Ogos tahun lalu sebanyak 25% dan pada bulan 3 tahun ini kita terpaksa menaikkan deposit untuk akaun-akaun air kita di antara RM50.00 sampai RM300.00.Kita boleh, SAJ dapat mengutip sebanyak RM9 juta hingga sebanyak RM114 juta untuk menaikkan deposit akaun-akaun pengguna air. Bukan sedikit sahaja hampir RM100 juta.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tetapi saya mempersoalkan kalau kenaikan tarif ini betul-betul diguna dan deposit betul-betul diguna untuk membangun bekalan air, saya memang setuju. Tapi nampaknya bukan, dividen di naik, pembekal saham mendapat dividen sebanyak tahun 2013, RM146 juta. Pada tahun 2014, adalah RM46 juta dan pada tahun 2015, RM92 juta tapi setakat ini tak ada laporan kata kita akan menukarkan paip air yang mana yang terbocor. Itulah persoalan saya dan saya memang mempersoalkan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat EXCO tadi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menurut Laporan Ketua Audit Negara sebanyak 15 empangan dan kawasan tadahan air seluas 111 dan 104 hektar belum diwartakan dan 5 kawasan tadahan air belum diwartakan sebagai kawasan keutamaan keselamatan sama ada tahap satu dan tahap dua disebabkan kekurangan peruntukan tapi bagi dividen ada kepada pembekal saham. Nak wartakan empangan air dan kawasan tadahan air tak ada wang, tak ada peruntukkan. Itulah nampaknya, GLC kita mainkan peranan yang untuk mementingkan pembekal-pembekal saham dan juga Ahli-Ahli Lembaga Pengarah mereka sendiri bukan untuk mementingkan kepentingan rakyat. Kalau memang diuruskan tapi uruskan dengan baik, saya rasa kita tak perlukan naik tarif, tak perlu naikkan deposit, kita lagi ada wang tabung untuk pembangunan membangunkan paip-paip air di negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kerajaan tidak ada tabung yang mencukupi untuk mewartakan empangan dan tadahan kawasan air, saya cadangkan tabung ini bukan bagi dividen digunakan untuk pembangunan, tak cukup kita memohon geran dari kerajaan persekutuan, kalau kerajaan persekutuan tak ada wang tak apa, saya ingat kita boleh buat pinjaman dari negeri Selangor dan Pulau Pinang. Kalau tak cukup wanglah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menurut huraian Yang Amat Berhormat Menteri Besar 88,000 unit rumah kebanyakan rumah mewah telah ditukar status dari lot Bumi kepada lot antarabangsa dan juga 3,000 lot Bumiputera telah berjaya. Pertukaran 3,000 lot itu telah berjaya membawa, memperoleh RM600 juta daripada pemaju kepada tabung hartanah Bumiputera. Tetapi kalau 88 unit itu boleh mendatangkan kutipan sebanyak RM17.6 bilion.Ini merupakan satu tabung yang memang besar tapi kita mempersoalkan kenapa masalah Perumahan Mampu Milik kepada kalangan berpendapatan sederhana dan rendah tidak dipergiatkan. Penduduk

kita akan meningkat di Iskandar Malaysia akan meningkat kepada 3 juta pada tahun 2025. Permintaan untuk Rumah Mampu Milik itu sebanyak 500,000 buah unit untuk Rumah Mampu Milik tapi kerajaan cuma mampu membina 36,000 menjelang tahun 2025 di Iskandar Malaysia dan 60,000 di seluruh negeri Johor. Tapi setakat ini cuma 8,766 unit siap dan 40,020 baru dibina pada tahun ini. Dan 36,288 unit akan disiapkan menjelang tahun 2020 di Iskandar Malaysia. Maknanya ini merupakan 7% daripada 500,000 unit yang diperlukan di negeri Johor dan Iskandar Malaysia.

So Yang Berhormat Dato' Speaker, ikut Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2016 harga rumah di Malaysia dan juga di Johor meningkat lebih cepat daripada pendapatan isu rumah. Berdasarkan harga rumah *medium* semasa kebanyakan rakyat Malaysia tidak mampu membeli rumah dan di negeri Johor disifatkan sebagai sangat tidak mampu milik untuk warga Johor sebab harga itu mampu milik untuk rumah di seluruh negeri Johor adalah cuma RM260,000.00 dan ke bawah untuk Iskandar Malaysia tidak boleh lebih daripada RM35,000.00 dan semakan rumah yang tidak dapat dijual 80% adalah rumah mewah. Dan dulu, pada tahun di antara 2012 dan 2014, 24 rumah dibina dan tidak dapat dibina adalah rumah mewah tapi perbandingan dengan dahulu 2008 dan 2009 cuma 5% rumah dibina adalah rumah mewah. Itulah satu dasar perumahan yang kita mesti kita teliti dan itu sebab kita melaung-laung keperluan untuk menjayakan lembaga perumahan di negeri Johor sebab itu merupakan satu penyelaras untuk memantau pemaju supaya bukannya tumpuan diberikan kepada rumah-rumah mewah tetapi yang penting itu tumpuan mesti diberikan kepada Rumah-Rumah Mampu Milik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, itu disebabkan banyak projek yang ditumpukan adalah untuk menarik pelaburan dari warga asing tanpa mempertimbangkan keperluan sosial setempat. Oleh itu, strategi untuk menyediakan perumahan untuk generasi akan datang haruslah berkesan, efisien dan adil.

Pertama, syarikat-syarikat berkaitan kerajaan Johor sepatutnya lebih proaktif dalam usaha untuk membina Rumah Mampu Milik dan juga mewujudkan kawasan perbandaran baru dengan sistem rancangan infrastruktur yang lebih rapi, lebih maju, khasnya melindungi sistem pengangkutan awam yang lebih canggih termasuk bas awam dan juga MRT untuk menghubungi kawasan luar bandar dan Iskandar Malaysia.

Kedua, pembukaan kawasan perumahan baru sejumlah 600,000 unit di Kota Tinggi oleh Johor Corporation dan 6,000 oleh YPJH amat menggalakkan tetapi kawasan Perumahan Mampu Milik di kawasan Iskandar Malaysia memerlukan penglibatan GLC yang lebih giat, malahan GLC khasnya Johor Corporation dan KPRJ juga sepatutnya mengambil alih tanggungjawab sosial untuk mempelopori usaha membina Perumahan Mampu Milik untuk memenuhi permintaan yang semakin mendesak. Menurut Laporan Audit Negara Tahun 2015 kerajaan negeri Johor dari semasa ke semasa mengurniakan tanah kepada KPRJSP. Oleh itu, KPRJSP sewajarnya memastikan tanah yang dikurniakan akan dibangunkan sebagai Perumahan Mampu Milik. Semakan audit mendapati 15 bidang tanah KPRJ seluas 3,082 ekar masih belum dimajukan. Saya mencadang supaya 15 bidang tanah tersebut dirancangkan untuk tujuan Rumah Mampu Milik dalam jangka masa panjang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tanah seluas 43 ekar yang dimiliki oleh KPRJSP di Larkin Jaya, Johor Bahru mula dimajukan pada tahun 2006.Tapi cuma pembinaan 1,351 unit daripada 1,951 unit Perumahan Mampu Milik Larkin Jaya telah ditangguhkan. Keadaan kewangan KPRJSP sewajarnya diberikan perhatian

sepenuhnya kerana penglibatannya dalam usaha mempergiatkan pembinaan Rumah Mampu Milik mesti dipertingkatkan.

Ketiga, malahan Lembaga Perumahan diperlukan untuk menyelaraskan keseimbangan pembangunan Rumah Mampu Milik di tanah-tanah mewah lain.

Keempat, Kuota Menegak Kerajaan yang bukan berasaskan keperluan dan kemampuan rakyat telah menjejaskan dasar perumahan yang adil.Ini telah menggalakkan kronisme dan rasuah. Adalah dicadangkan pembahagian Rumah Mampu Milik berasaskan keperluan, kemampuan dan dengan cara cabutan undi atau *draw locks* di mana semua kalangan berkelayakan dipilih secara adil.

Kelima, Kuota Rumah Mewah Rizab Bumiputera sepatutnya dikaji semula. Kalangan Bumiputera atasan yang mampu membeli rumah mewah tidak memerlukan diskaun malahan kos diskaun tersebut akan dikenakan kepada pemaju dan akan disalurkan kepada kalangan Bumiputera bawahan juga serta mengakibatkan rasuah di antara golongan pembuat dasar dan baru-baru ini sudah ada satu kes mahkamah membuktikan memang dasar itu telah memberikan peluang untuk rasuah.

Keenam, Pengurusan hak milik strata dan strabina adalah amat penting bagi pengurusan perumahan secara jangka masa panjang. Dato' Speaker, ada orang kata kita tak nak bina rumah bertingkat, kita nak rumah yang bertanah. Tapi pada hakikat, *reality* sebenarnya dengan izin, kekurangan tanah, harga tanah itu semakin meningkat khasnya di kawasan bandar dan kekurangan tanah dan bilangan penduduk akan bertambah sesak. Generasi akan datang menghadapi satu hakikat bahawa mereka terpaksa menduduki di kediaman bertingkat dan melancarkan pengurusannya amat penting termasuk menggabungkan Akta Kerajaan Tempatan dan hak milik bertingkat supaya pengurusan itu semua di bawah kuasa PBT. Kalau seperti di negara jiran, Singapura, PBT menjaga badan-badan pengurusan dan semua kutipan yuran pengurusan itu adalah di bawah kuasa PBT.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, satu isu yang amat penting telah membimbangkan sepatutnya membimbangkan warga Johor sebab TRX City Sdn. Bhd. syarikat milik Kementerian Kewangan baru-baru ini mengumumkan bahawa perjanjian penjualan 60% ekuiti bandar Malaysia kepada ICSB telah luput kerana konsortium ICSB gagal membuat bayaran. Walaupun ICSB mempertikaikan kenyataan itu dan menyatakan ICSB telah mematuhi syarat-syarat sewajarnya mengikut perjanjian jual beli, persoalan ini telah membangkitkan keraguan kepada para pelabur dan menjejaskan suasana pelaburan di Malaysia khasnya di Iskandar Malaysia. Sebab, ekuiti ICSB 40% dimiliki CREC atau China Railway Engineering Corporation tetapi 60% dimilik IWH. Ekuiti IWH 60% dimiliki syarikat swasta Credence Resources Sdn. Bhd. tetapi 40% dimiliki oleh KPRJ iaitulah satu syarikat dimiliki sepenuh oleh kerajaan negeri Johor. Pada keseluruhan CREC memiliki 24% ekuiti Resources 21 bermakna 6% tetapi KPRJ juga memiliki 14.4% dalam projek Bandar Malaysia ini. Ini bermakna kepentingan GLC, kerajaan negeri Johor KPRJ terlibat dan kegagalan projek ini akan membawa kerugian kepada Bendahari Johor.

Perjanjian untuk mengambil alih 60% ekuiti Bandar Malaysia yang memiliki 486 ekar tanah Prima di Sungai Besi pada harga RM7.41 bilion akan mendatangkan tanggungan sejumlah lebih kurang RM1.78 bilion kepada KPRJ dan pembayaran deposit sebanyak RM178 juta. Ekoran dakwaan TRX City Sdn. Bhd. dagangan saham Iskandar Water City Bhd. sejak ianya digantung dan harga saham telah

jatuh ke paras rendah RM1.01 sen pada 4 Mei. Kesan kegagalan projek ini sekurangnya telah membawa kerugian sekurang-kurangnya RM178 juta bayaran deposit kepada KPRJ dan pada jangka masa panjang kerugian ekonomi adalah melebihi RM1.7 bilion yang ditanggung oleh KPRJ sebab ini akan membawa faedah dijangka RM28.8 bilion kepada KPRJ. Oleh itu, kesan perbincangan perjanjian projek ini sewajarnya dikaji dengan teliti oleh semua pihak.

Menurut laporan Ketua Audit Negara, KPRJ mempunyai 18 buah anak syarikat dengan kos pelaburan sebanyak RM432 juta dan 9 buah syarikat bersekutu dengan nilai pelaburan sebanyak RM144 juta yang menjalankan pelbagai aktiviti, tapi hanya 6 buah anak syarikat yang aktif, tapi 12 buah anak syarikat dalam keadaan *domaint*. Selain daripada itu, sebuah anak syarikat yang mengalami keuntungan sahaja. 17 buah anak syarikat daripada 18 buah anak syarikat yang mengalami kerugian terkumpul sebanyak RM24.49 juta pada tahun 2014. Keadaan kewangan KPRJSB amat merisaukan YB Dato' Speaker, khasnya selepas TRX City Sdn. Bhd. mengumumkan kegagalan perjanjian IWH CREC untuk mengambil alih 60% ekuiti Bandar Malaysia.

Memandangkan kerugian anak-anak syarikatnya, pengurusan kewangan KPRJSB perlu dikemas kini. Banyak persoalan timbul daripada kegagalan perjanjian projek ini termasuk keraguan terhadap Dasar Ekonomi Negara kita, Dasar Kewangan dan Sistem Politik kita. Kedua-dua kerajaan negeri dan persekutuan seharusnya berunding semula bagi menjelaskan penyelisihan berkenaan isu pembayaran kerana ini juga melibatkan kepentingan GLC kerajaan negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menjunjung kasih ke bawah titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku bahawa usahlah negeri Johor memilih kasih asal negara-negara pelabur asalkan projek-projek pelaburan akan membawa kesan positif kepada pembangunan negeri Johor dan manfaat kepada rakyat Johor pada jangka masa panjang.

Baru-baru ini kawalan pengeluaran modal dari di negeri China telah membuat impak negatif kepada projek pembangunan di persekitaran Iskandar Malaysia termasuk Forest City, Country Garden, jika kerajaan ingin menjayakan pembangunan Iskandar Malaysia seumpama Dubai, dasar yang lebih tulus dan mengalu-alukan pelabur mana-mana negara dengan sikap yang terbuka. Dasar ekonomi yang tulus sebaliknya boleh meyakinkan para pelabur domestik dan asing. Seperti dicadangkan oleh Ketua Pembangkang Parlimen, Yang Berhormat Permatang Pauh telah mencadangkan supaya sebuah Suruhanjaya Diraja Kebenaran dan Pendamaian untuk menyiasat semua skandal kewangan yang pernah berlaku setakat ini, termasuk 1MDB, BMF, BERWAJA dan tabung awam digunakan untuk sesetengah pemimpin untuk selamatkan pelaburan syarikat anak mereka.

Tujuan penubuhan suruhanjaya ini bukan untuk tujuan membalas dendam kepada sesiapa tapi untuk tujuan mengenal pasti punca skandal yang mendatangkan kerugian berbilion-bilion ringgit kepada rakyat dan kerajaan kita.

Ada sesetengah pihak menepuk dada bila konco-konco sendiri tidak dikurniakan projek kerajaan seolah-olah mereka yang menegakkan budaya cekap dan amanah. Di sebaliknya, kalau mereka akan senyap sebaik sahaja konco-konco mereka dikurniakan kontrak kerajaan semula. Ini bukanlah satu sikap yang ikhlas untuk membangunkan negara atau menghapuskan rasuah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menurut laporan Bank Negara Malaysia, kadar pengangguran belia pada tahuan 2015 setinggi 10.7% iaitu 3.5 kali ganda lebih tinggi daripada kadar nasional pada tahap 3.1%. Kebolehgajian siswazah di Malaysia semakin membimbangkan. Menurut laporan yang sama, kadar pengangguran siswazah adalah 15.3% atau seramai 62,000 orang berbanding dengan 9.8% atau 212,000 orang bagi kalangan pendidikan bukan tertiari. Menurut laporan Bank Negara, walaupun tahap pendidikan tenaga kerja ia semakin tinggi, peluang pekerjaan yang diwujudkan dan ekonomi Malaysia masih tertumpu kepada pekerjaan berkemahiran rendah dan sederhana. Industri dalam aktiviti nilai ditambah yang rendah dengan pergantungan pada tenaga kerja yang murah masih dominan keadaan ekonomi di Malaysia dan negeri Johor.

Menurut laporan Bank Negara, kajian pulangan purata bagi graduan siswazah ijazah pertama adalah RM1,734.00 pada tahun 2017 berbanding dengan kenaikan 25% sahaja kepada RM2,180.00 pada tahun 2015. Kebolehsaingan siswazah dari kalangan bukan pendidikan tertiari masih terus menerus kurang giat.

Oleh itu, Yang Berhormat Dato' Speaker, Iskandar Malaysia merupakan pelabur bagi menarik pelaburan berkualiti tinggi supaya lebih banyak pekerjaan bergaji tinggi dan berkemahiran tinggi akan dihasilkan. Penyumbang KDNK dalam sektor ekonomi di Johor berasaskan ilmu pengetahuan sebenarnya amat rendah iaitu kesihatan cuma 1.4%, pelancongan 1.6%, kewangan cuma 0.7% dan untuk logistik 3%, perindustrian berkemahiran tinggi cuma 6.2%, pendidikan cuma 1% dan juga untuk industri kreativiti 0.3%, untuk teknologi terkini cuma 1.4%. Sebab itu, statistik menunjukkan bahawa kita masih perlu berusaha untuk menumpukan lebih kepada pelan yang lebih besar untuk menarik pelaburan ekonomi berasaskan ilmu pengetahuan dan berkemahiran tinggi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menurut laporan daripada Institute For Democracy and Economy Affairs, atau IDEAS, pendapatan purata warga Malaysia telah merosot sebanyak 15% di antara tahun 2013 dan 2016 disebabkan oleh kemerosotan nilai wang ringgit. Pada tahun 2013, pendapatan purata kita setinggi USD10,345 dan pada tahun 2016 menurun ke USD8,821. Pendapatan purata warga Johor pada tahun 2015 adalah walaupun dalam Ringgit Malaysia meningkat RM29,539 tapi dalam US Dollar adalah dengan izin adalah USD8,462, ini masih jauh lagi kalau berbanding dengan tahap USD15,000 untuk mencapai tahap sebagai negeri atau negara maju.

Disebabkan penurunan nilai wang ringgit, sasaran menjadi negara atau negeri berpendapatan tinggi akan semakin susah dicapai. Oleh itu, usaha untuk memperkukuhkan nilai wang ringgit mesti dipergiatkan dengan dasar sepanjang masa termasuk meyakinkan para pelabur dengan dasar kewangan dan ekonomi yang adil, jujur dan telus. Kita mesti berazam untuk menghapuskan rasuah, nepotisme dan krononisma dan mengharamkan campur tangan politik dalam bidang ekonomi. Ini tidak kira mana-mana agama, parti politik dan juga individu. Mana-mana pemimpin yang terlibat dengan kes rasuah mesti dikenakan tindakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada tahun 1980, pendapatan purata warga Malaysia lebih tinggi daripada Korea Selatan tapi sekarang Korea Selatan adalah 3 kali ganda sampai 4 hingga 5 kali ganda berbanding dengan warga Malaysia. Dulu kita sebenarnya tidak perlukan dasar memandang ke timur. Sebenarnya Korea Selatan, Taiwan kena menjadi sebab Malaysia kita lagi maju.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tapi 2 negara telah maju dari segi politik khasnya sistem parlimen dan sistem presiden yang berdemokrasi dan nampaknya sekarang ini Presiden Korea Selatan yang dikenakan, dipecat dan dibawa ke mahkamah dan disiasat sebab disyaki terlibat dengan kes dan rasuah. Itu sebab budaya dan sistem politik yang tidak sengaja mengagung-agungkan ahli politik yang rasuah. Itulah, sebenarnya kita bukan nak kenakan mana individu atau membalas dendam yang penting kita kena memerlukan satu budaya supaya kita akan membolehkan maruah sebagai satu negara Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

YB Timbalan Speaker : Skudai, sila gulung ya.

YB Dr Boo Cheng Hau (Skudai) : Boleh, saya nak gulungkan meminta panduan daripada Menteri Besar, sebab ini melibatkan satu kementerian persekutuan yang lebih tinggi dari pada PBT. Kalau saya bawa aduan ini kepada PBT, PBT ini tak berani nak ambil tindakan. Saya baru menerima aduan ini, dari seorang penduduk di Jalan Cempaka, Taman Sri Skudai, rumah dia bersebelahan dengan kem tentera Skudai dan pagar itu lama tidak diperbaiki telah bocor dan babi-babi selalu menceroboh kawasan perumahan. Saya tak tahulah, sebab saya bukan beragama Islam. Saya tahu babi domestik memang haram. Tapi tak tahu babi hutan itu boleh, *you know*, saya rasa juga akan memburukkan keadaan di sana. *So*, saya harap ...

YB Timbalan Speaker : Babi hutan sedap tak? (Dewan ketawa)

YB Dr Boo Cheng Hau (Skudai) : Sebab ini, lubang dia pun besar. Sebenarnya saya nak belanja sendiri dan perbaiki pagar itu dan rasa tak mampulah, itu melibatkan beribu-ribu ringgit. Saya berharap, Menteri Besar atau pihak kerajaan negeri akan hantar wakil untuk tolong PBT untuk menyiasat tapak itu dan membawa aduan ini kepada Kementah sebab Kementah itu tak pernah mengambil apa tindakan untuk menyelenggarakan tapak itu yang seluas 200 ekar di mana dulu selalu banjir dan apa itu kolam tadahan kelodak itu pun tidak diperbaiki. Oleh itu, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya harap atas jasa baik Menteri Besar dan kerajaan negeri, walaupun itu masalah yang kecil tapi ini menunjukkan saya nak tapak bagi peluang kepada kerajaan negeri PBT menunjukkan koordinasi yang baik di antara kerajaan semua tahap.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Skudai. Kita teruskan perbahasan. Sila Nusajaya.

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam muafakat Johor. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberikan ruang kepada Nusajaya untuk berucap bagi merafak sembah menjunjung kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim di Pembukaan Penggal Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor Yang Ketiga belas yang telah disempurnakan oleh Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor selaku wakil rasmi Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor. Sesungguhnya, apabila Nusajaya mengamati Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku di peringkat awalannya, Tuanku mengucapkan tahniah kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar di dalam berjaya mengekalkan prestasi yang cemerlang dalam pembangunan ekonomi negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Nusajaya percaya pencapaian ini adalah hasil daripada hati seorang pemimpin yang jujur, ikhlas dan amanah, berwawasan yang bijaksana, perancangan yang terperinci, pelaksanaan yang teratur dan tersusun, dasar kerajaan yang konsisten dan hasilnya pencapaian yang cemerlang yang telah menepati sasaran. Jutaan terima kasih dan syabas diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor dan *Team Johor*. Walau bagaimanapun, di peringkat akhir Titah Ucapan pula Tuanku telah mengingatkan juga sesungguhnya kejayaan sebuah negeri bukan diukur dengan pembangunan ekonomi semata-mata, malah tahap kesejahteraan dan keharmonian hidup rakyat menjadi aspek yang paling penting. Adalah menjadi harapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya kerajaan sentiasa berusaha untuk menjadikan negeri Johor sebuah negeri yang terus maju dan membangun dan mengutamakan kesejahteraan hidup rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Nusajaya percaya perancangan dan pelaksanaan kerajaan negeri Johor ke arah kehidupan yang sejahtera adalah di dalam rangka program yang telah pun diperkenalkan di dalam konsep Gagasan Johor Berkemajuan. Namun demikian, untuk menambah cantikkan lagi, Nusajaya ingin mengutarakan tiga aspek pelaksanaan yang mungkin dilihat kecil tetapi amat besar impak dan kesannya. Yang pertama, perpaduan dan keharmonian di antara kaum rakyat Johor. Kerajaan Johor telah memperkenalkan konsep Muafakat Johor, muafakat itu berkat, Bangsa Johor dan terkini *Team* Johor. Nusajaya berpendapat, dalam peribahasa, 'melentur buluh biarlah dari rebungnya', iaitu bahawa perpaduan kaum boleh dipertingkatkan lagi di peringkat awal persekolahan lagi.

Di dalam sistem pendidikan negara kita, terdapat Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan India. Sebagai contoh, kalau di Gelang Patah, sekolah kebangsaan hampir 30 buah, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina hampir 10 buah dan Sekolah Jenis Kebangsaan India 5 buah dan juga terdapat banyak lagi sekolah-sekolah swasta. Dalam sistem ini ada kemungkinan pelajar-pelajar sesuatu kaum tidak dapat bersama-sama dengan pelajar kaum lain semasa alam persekolahan dan pendidikan sehingga sampai mereka bekerja. Sebagai contoh, pelajar-pelajar sekolah jenis kebangsaan Cina selepas tamat persekolahannya, sekolah jenis kebangsaan akan terus ke sekolah menengah Cina, mungkin sebagai contoh, Sekolah Menengah Foon Yew, yang mana pelajar-pelajar yang pintar. Kemudian daripada sekolah menengah Cina, Foon Yew, mereka akan terus masuk ke kolej atau universiti yang ditawarkan di Taiwan, di Hong Kong dan mungkin negara China.

Dan, selepas itu mungkin mereka terus bekerja sana dan mungkin selepas bekerja beberapa tahun mungkin balik ke sini. Jadi, Nusajaya ingin mencadangkan satu program yang agak formal di bawah jabatan pendidikan daerah untuk mengadakan jalinan mesra ataupun muhibah di mana kumpulan pelajar-pelajar sekolah, mungkin dalam 50 hingga 100 pelajar-pelajar sekolah daripada setiap Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, di mana mungkin mereka dapat berkumpul setengah hari dan sebagainya, di mana diadakan persembahan kebudayaan atau kesenian, interaksi secara *informal,* jamuan bersama, permainan atau pertandingan dalam bangunan sebagai contoh, catur, *chess* dan sebagainya, pertandingan melukis dan mewarna. Jadi tujuannya adalah supaya pelajar-pelajar tadi di peringkat awal lagi disemaikan dengan elemen perpaduan melalui berinteraksi, bermesra, mengenali budaya masing-masing hormat-menghormati, bekerjasama dan akhirnya menghayati Bangsa Johor.

Yang kedua, Yang Berhormat Datuk Pengerusi, Dato' Speaker, maaf, pelaksanaan yang kedua adalah berkisar kepada kebersihan persekitaran, penjagaan kesihatan diri dan kelestarian alam sekitar. Kita sedia maklum kebersihan persekitaran akan mengurangkan penyakit berjangkit seperti demam denggi, keracunan makanan, *thypoid*, hepatitis A, kencing tikus dan lain-lain. Penjagaan kesihatan diri yang bijak akan mengelakkan penyakit darah tinggi, kencing manis, gout ataupun dengan izin, *uric acid*, serangan sakit jantung dan lain-lain komplikasi termasuk sakit buah pinggang, *stroke,* dengan izin, angin ahmar ataupun sakit lemah jantung. Kelestarian dan kebersihan alam sekitar pula akan mengelakkan pencemaran udara, air dan darat. Dapat mengurangkan penyakit kanser, kanser paru-paru, kanser perut, kanser kulit, penyakit-penyakit kronik, sakit batuk, paru-paru, sakit kulit, keguguran rambut, kemandulan lelaki dan wanita, keguguran anak-anak, kelahiran anak yang kurang sihat dan kecacatan anggota.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Nusajaya ingin menyentuh mengenai kebersihan persekitaran. Nusajaya bersetuju dengan pendapat Kempas iaitu tahap kebersihan di bandar-bandar, taman-taman, kampung-kampung masih tahap tidak memuaskan. Sampah-sarap masih dilihat bertaburan di jalan-jalan raya, taman permainan dan kawasan awam. Perkhidmatan lori pungut sampah perlu dipertingkatkan lagi, longkang-longkang awam di tepi-tepi jalan, di depan-depan kedai ada yang mungkin agak lama tidak dikorek atau dibersihkan sehingga ketinggian dalam longkang menjadi pendek atau rendah. Dan ini salah satu punca yang menyebabkan apabila hari hujan berlakunya banjir kilat.

Dalam hal ini, Nusajaya ingin merujuk kepada beberapa negara kadang-kadang kita terpaksa juga kepada beberapa negara, mana yang baik kita perlu contohi, seperti di Jepun, Korea, China dan negara jiran iaitu semua perkhidmatan kebersihan persekitaran dilakukan di awal-awal pagi, antara 3:00 pagi hingga 7:00 pagi supaya sistem ni amat sesuai dan amat praktik sebab waktu inilah kenderaan tak banyak, orang pun tak ramai, mudah nak melaksanakan tugas dan kalau dibuat pukul 8:00 pagi hingga 5:00 petang kadang bertembung dengan kesesakan jalan, lalu lintas, mungkin pengeluaran bau-bau yang kurang elok dikeluarkan. Kadang kita nak keluar kerja 8:30, dengan isteri dengan wangi-wangian, kadang bertembung dengan lori sampah depan rumah, kadang kacau juga dia punya bau-bauan, juga kurang pencemaran sampah di jalan raya, kurang bunyi bising di sekolah-sekolah dan juga kadang-kadang baik juga manfaat kepada pekerja-pekerja berkenaan. Sebab apa, mereka masuk pukul 2:00, pukul 3:00 pagi dan tamat kerja pukul 12:00 tengah hari, mereka dapat berehat, dapat bersama keluarga, dapat berniaga untuk menambahkan pendapatan pada pekerja-pekerja yang berkhidmat waktu pagi-pagi tadi. Jadi, saya berharap mungkin itu cadangan yang mungkin dapat kita sama-sama contohi.

Yang Berhormat Datuk Pengerusi, pelaksanaan yang ketiga adalah konsep integriti yang mana ia adalah berpandukan sifat amanah, bertanggungjawab, jujur, ikhlas, telus yang mana setiap orang yang berakal yang sihat perlu ada integriti, tidak kira warga tua dan warga muda, tidak kira kaum, bangsa dan agama, tidak kira kaya dan miskin, tidak kira pegawai atasan atau pegawai bawahan, tidak kira pemimpin atau penyokongnya, sebab apa definisi dewasa secara internasional adalah 18 tahun tetapi kalau berdasarkan perubatan dan sains, otak kita akan betul-betul menjadi dewasa apabila sampai 25 tahun. Kalau 50 tahun pun masih tak dewasa, wallahualam.

Jadi, dalam hal ini, Nusajaya memang percaya kita di negeri Johor kita beruntung sebab ada yang dipanggil Institut Integriti Kepimpinan dan Latihan Semangat Dato'

Onn yang dipanggil IKLAS. Difahamkan beberapa tahun lepas, mereka banyak, institut ini banyak mengadakan konsep integriti diperkenalkan kepada beberapa kumpulan kakitangan awam. Tapi, Nusajaya berpendapat kalau boleh program integriti diberikan kepada seluruh, setiap seorang rakyat Johor yang berumur 18 tahun ke atas dan kalau boleh sebelum mereka menjejak kaki untuk bekerja. Jadi, penerangan dan taklimat, seminar, konvensyen, dialog, forum hari integriti ini dapat diberikan kepada institusi kemahiran pelajar-pelajar mungkin 17 tahun ke atas kolej-kolej, universiti, belia-belia, NGO. Jadi terutama yang betul-betul masih dalam alam pelajaran, yang masih belum bekerja lagi. Jadi, diharapkan apabila anak-anak Johor, pemuda pemudi yang mula menapak melangkah hari pertama di tempat kerja akan tersemat di dalam hati dan dada mereka iaitu perkataan integriti.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi isu tempatan di Gelang Patah ini ada satu berkonsepkan rujukan kepada rumah mampu milik sebagai contoh yang dapat saya beri contoh iaitu, Taman Denai Nusantara, 5 blok yang biliknya semuanya RM150,000.00 harganya, hampir 1,100 unit pembinaan dibuat dijangka Oktober 2015 dan seharusnya siap pada 2018. Tapi setakat hari ini, surat sijil diberikan 800 sahaja, tapi yang sayangnya SPA *design* maksudnya dengan izin, maksudnya rumah dah dapat *loan* dan sebagainya baru 30%. Jadi yang Nusajaya berpendapat sama dengan bersetuju dengan pendapat Gambir iaitu, sama ada bantuan kerajaan untuk skim pembiayaan oleh AmBank melalui SUK hanya yang peruntukan 300 juta sahaja, hanyalah terhad kepada perumahan komuniti A untuk 40,000 dan perumahan komuniti B, untuk 80,000 sahaja dan tidak termasuk yang RM150,000 tadi dan jadi Nusajaya berharap mungkin pihak, institusi bank dan kerajaan dapat membantu iaitu mungkin, membanyakkan lagi bantuan supaya bank AmBank tadi dapat memperkembangkan lagi bantuan khusus kepada rumah-rumah yang RM100,000.00 ke atas.

Yang kedua, isu tempatan setempat Yang Berhormat Dato' Speaker, adalah Bandar Gelang Patah itu sendiri. Kalau kita lihat pada awal tahun 1930, Bandar Gelang Patah dipanggil macam pekan koboi. Begitu juga difahamkan Pekan Masai juga pekan koboi. Tetapi pada tahun 1940, ditukar pada Bandar Gelang Patah tapi sekarang ini kita lihat macam pekan koboi moden pula juga di Bandar Gelang Patah iaitu Bandar Gelang Patah 24 jam dipenuhi oleh pekerja-pekerja asing. Baik pagi, petang dan malam, jadi mereka memang sebab apa, satu-satunya adalah mereka tinggal di kedai-kedai 3 tingkat di rumah-rumah kedai dan sebagainya. Jadi, memang mereka akan keluar berehat di kedai-kedai dan di jalan-jalan, jadi dah tentu masalahnya adalah, masalah sosial kadang botol-botol arak bersepah, kebersihan persekitaran dan kesesakan bukan kenderaan, kesesakan orang di tepi-tepi jalan. Nusajaya ingin menarik perhatian, kalau kita lihat di Pengerang, di Pengerang kerajaan akan dan sedang menyediakan *workers camp* dengan izin iaitu, ada satu tempat diberikan 30 ekar dan sebagainya di mana, dicadangkan di situ diadakan *workers camp* dengan izin, iaitu di mana ditempatkan hostel, tempat tinggal, kedai-kedai runcit, dobi, perkhidmatan bas, klinik dan bank pun ada di situ. Itu yang tapi di kawasan sana, jadi Nusajaya, berharap kalau boleh, di Gelang Patah ini kalau ada tanah-tanah kerajaan dan sebagainya dapat disediakan, kem *workers camp* ini tadi sebab apa, supaya tidak menghasilkan masalah sosial dan sebagainya. Jadi akhir sekali Tuan Pengerusi, Nusajaya dengan ini menyokong usul rundingan kasih yang dibawa oleh Bukit Permai. Terima kasih Dato' Speaker.

YB Timbalan Speaker : Persidangan sidang disambung semula. Sila Bekok.

YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Terima kasih Dato' Speaker**.** Selamat tengah hari dan salam sejahtera, Bekok ingin mengambil kesempatan ini, untuk mengambil

bahagian dalam perbahasan usul menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Kelima, Dewan Negeri Johor Yang Ke-13. Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan Bekok mengutarakan isu yang mempunyai impak kepada kawasan yang Bekok wakili dalam Dewan yang mulia ini.

Pertama, Bekok ingin membincangkan isu peluang pekerjaan di kawasan Bekok, secara umumnya bukan sahaja di Bekok, bahkan di kawasan kampung di seluruh Malaysia telah menghadapi masalah populasi penduduk yang semakin menurun. Salah satu sebab utama adalah kerana golongan remaja telah keluar dari kampung dan mencari makan di kawasan bandar. Sebegitu juga dengan keadaan kawasan Bekok yang kurang peluang pekerjaan dengan gaji yang berpatutan, malah selaras dengan perbelanjaan kehidupan bulanan untuk sekeluarga. Pelan pembangunan seperti program agro *mist fund* iaitu kebun nukleus hab dan hab pertanian yang berbelanjakan berjuta-juta ringgit untuk merangsang pembangunan dan potensi Segamat sebagai Daerah Pertanian Utama, nampaknya belum dapat membolehkan kerajaan menjayakan misi tersebut dalam memberikan kesejahteraan kepada rakyat setempat seperti yang dikatakan oleh Menteri Besar sebelum ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, hal ini demikian adalah kerana rakyat setempat tidak dapat melibatkan diri secara langsung dalam pelan dan program ini. Tambahan pula terdapat rakyat pula, langsung tidak tahu apa program yang akan dan telah dilaksanakan di kawasan mereka. Bagaimanakah mereka mendapat peluang pekerjaan ekoran daripada program ini dan menyelesaikan masalah kehilangan tenaga pekerja di kawasan Bekok? Adakah program ini, hanya terlibat dengan syarikat yang besar? Yang mendapat keuntungan besar sahaja. Bilakah dan bagaimanakah kerajaan hendak melaksanakan program seperti ini supaya rakyat tempatan dapat manfaat secara langsung daripada pembangunan program ini?

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bekok bersetuju dengan titah Sultan Yang Maha Mulia, bahawa segala projek pembangunan yang dilaksanakan kerajaan akan membuka peluang pekerjaan yang banyak dan memberikan pendapatan yang lebih baik kepada masyarakat tempatan. Untuk mencapai kemajuan ekonomi negeri yang kukuh dan berterusan, kerajaan mestilah melaksanakan pembangunan yang seimbang dengan mewujudkan dasar dan polisi yang konsisten. Janganlah program yang baik ini, menjadi projek gajah putih pada masa hadapan, seperti Pelabuhan Darat Segamat yang telah membelanjakan berjuta-juta ringgit. Janganlah hanya bermain dengan angka, bahawa projek tersebut dapat membekalkan peluang pekerjaan yang banyak tetapi tidak beroperasi dengan baiknya dan membelanjakan cukai yang dibayar rakyat pula.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bekok juga mengharap agar kerajaan melancarkan projek pembangunan dengan baik dan berhubung kaitkannya dengan projek yang lain supaya, pembangunan daerah dapat mengejar pembangunan negeri sebagai contoh, isu pengangkutan. Bekok amat mengalu-alukan perkhidmatan Bas Muafakat Johor yang telah dilaksanakan di Segamat sejak kebelakangan ini. Tujuan perkhidmatan bas ini diadakan adalah bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat dan memberikan kemudahan serta meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam kepada rakyat. Adakah tujuan yang ditetapkan ini telah dicapai dan semua rakyat telah memanfaatkan daripada perkhidmatan bas ini? Apakah panduan yang menentukan laluan perjalanan bas awam ini? Majlis Daerah yang kaya dan berkemampuan,

menanggung perkhidmatan bas awam atau keperluan rakyat tempatan. Adakah adalah betul bahawa laluan Bas Muafakat Johor tidak dilalui oleh operator bas tempatan dan tidak menjejaskan keuntungannya? Akan tetapi, jika tiada persaingan mana pula kemajuan? Sebagai contoh, Bas Muafakat Johor...

YB Timbalan Speaker : Bekok sila duduk. Sila sambung perbahasan sebelah petang lagi. Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Persidangan hingga jam 2:30 petang.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 tengah hari.

Persidangan disambung semula pada jam 2:30 petang.

YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan kita sambung semula. Sila, Bekok.

YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Terima kasih YB Dato Speaker, Bas Muafakat Johor yang dilengkapi dengan sistem CCTV, GPS sistem, sistem-sistem data penumpang dan kemudahan internet percuma yang lebih selesa dan selamat berbanding dengan bas tempatan yang telah wujud dan tidak dapat dalam masa lagi, perlu membayar kadar tambang bas yang lebih tinggi yang manakah menjadi pilihan pada Yang Berhormat?
Yang Berhormat Dato' Speaker, pada hanya kawasan pendalaman seperti Pekan Bekok yang sukar sampai ke institusi pendidikan, hospital dan klinik, pusat membeli belah dan pejabat-pejabat kerajaan lebih diberi tumpuan kerana kawasan Bekok, memang tiada perkhidmatan bas awam. Kerajaan patut memberi keutamaan kepada Bekok demi mengurangkan kos sara hidup dan memberikan kemudahan kepada rakyat Bekok. Tambahan pula perkhidmatan Bas Muafakat pastilah merangsang sektor pelancongan dan pertanian yang akan dibangunkan di kawasan Bekok dan sekelilingnya. Sila EXCO boleh beri satu masa lah, jadi kita tahu bila ada Bas Muafakat di Pekan Bekok.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bekok juga berharap agar pelaksanaan projek kereta api landasan berkembar Johor Bahru ke Gemas dapat dipercepatkan. Kerajaan selalunya memberitahu rakyat betapa baiknya projek ini, akan tetapi rakyat betul-betul dapat merasai manfaat projek ini tak? Bagaimanakah kerajaan dapat merangsangkan sektor ekopelancongan, pertanian, ekonomi dan pembangunan di kawasan setempat?

Yang Berhormat Dato' Speaker, sistem pengangkutan awam yang tidak lengkap dan kualiti perkhidmatan yang teruk menyebabkan rakyat setempat menggunakan masa yang panjang untuk pergi ke destinasi mereka. Dapatkah membayangkan bahawa rakyat di Bekok perlu menggunakan sebanyak 8 jam untuk pergi ke Kuala Lumpur? Dan 4 jam ke Johor Bahru. Apabila hari cuti umum, disebabkan perlu menukar beberapa jenis perkhidmatan bas atau KTM, tidak bertepatan bas dan kesesakan jalan raya. Pastilah jadi mimpi ngeri pengguna jalan raya jika di sesat dalam Tambak Johor yang menghubungi *Singapore*. Bekok ingin bertanya kepada kerajaan, pernahkah kerajaan berfikir demi keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya, dengan menaik tarafkan lebuh raya Tangkak ke Johor Bahru kepada 4 lorong untuk menampung bilangan kenderaan yang semakin bertambah dan mengurangkan keadaan kesesakan jalan raya terutamanya pada masa puncak. Bekok juga ingin bercadang untuk menambahkan lampu jalan raya di lebuh raya dan Jalan Persekutuan Segamat ke Yong Peng, demi menerangkan keadaan jalan raya yang gelap kerana ia telah menjadi salah satu punca berlakunya kes kemalangan jalan raya di kawasan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bekok ingin meminta maaf kerana Bekok sering kali membincangkan isu sistem pengangkutan awam dalam Dewan yang mulia ini. Tindakan Bekok ini bukan kerana Bekok tiada isu lain dan ketinggalan berita terkini. Tentang perancangan dan pembangunan kerajaan, sebaliknya adalah kerana

rakyat amat tidak berpuas hati, keadaan sistem pengangkutan awam kini yang semakin teruk di kawasan tersebut. Walaupun Bekok telah jemu dengan isu ini, begitu juga dengan pada Yang Berhormat yang berada dalam Dewan ini, namun begitu Bekok tetap ingin bersuara demi pihak rakyat semata-mata untuk kebajikan dan manfaat rakyat. Sebagai contoh, isu projek menaik taraf, Jalan Persekutuan Labis ke Yong Peng, yang selalunya dibincangkan, pada awalnya kata Ahli Parlimen tersebut, projek ini akan bermula dilaksanakan pada tahun 2017. Akan tetapi sudah sampai pertengahan tahun 2017, projek bukan sahaja belum dimulakan. Adakah projek ini akan ditangguhkan ke tahun 2018 atau tidak akan dilaksanakan pada akhirnya? Penduduk Parlimen Labis dan pengguna Jalan Yong Peng ke Segamat masih tidak boleh menarik nafas lega apabila kerajaan persekutuan masih belum memulakan projek yang memerlukan peruntukan sebanyak RM92 juta bagi menaik taraf laluan sepanjang kira-kira 70 kilometer tersebut. Selain menaik taraf jalan kerja menaik taraf beberapa jambatan berkembar yang terdapat di sepanjang laluan tersebut juga patut dimulakan dengan secepat mungkin, kerana keadaan di jambatan tersebut boleh mengundang padah kepada para pengguna jalan tersebut. Untuk pengetahuan pada Yang Berhormat, jalan persekutuan tersebut merupakan pintu masuk utama ke Parlimen Labis yang mampu meningkatkan ekonomi serta pembangunan di kawasan Labis. Keadaan perhubungan jalan raya yang tidak begitu selesa sebelum ini telah memberi kesan negatif terhadap pembangunan kawasan Parlimen Labis yang kaya dengan hasil pertanian dan tempat-tempat menarik yang boleh dibangunkan sebagai destinasi pelancongan.

Pada Yang Berhormat sekalian, bukannya Bekok tidak mahu mengemas kini maklumat terkini berkenaan dengan projek ini, sebaliknya kata-kata dan perancangan kerajaan sentiasa berubah-ubah dan tidak mengikuti jadual waktu pelaksanaan yang telah ditetapkan. Bagaimanakah Bekok malah rakyat hendak mengikutnya. Janganlah hanya mencari pelbagai alasan yang munasabah dan bertindak seperti tin kosong yang hanya pandai bersuara kuat di depan pemberita, tetapi tiada tindakan dan hasil pada akhirnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jikalau projek ini tidak dapat dilaksanakan seperti jadual yang tetap telah ditetapkan, pihak berkuasa lebih baiklah sentiasa menyelenggara keadaan jalan raya seperti melukis garisan putih yang sudah kabur, malah yang sudah hilang di jalan tersebut dan menutup lubang dengan tar untuk sementara terlebih dahulu demi keselamatan pengguna jalan raya. Apa yang Bekok dan pengguna jalan raya memberi perhatian adalah janji yang telah dikotai dan dilaksanakan dan bukannya alasan yang tidak berguna.

Yang Berhormat Dato' Speaker, salah satu misi Majlis Daerah Tempatan adalah untuk mengadakan pentadbiran yang cekap dan berkesan. Seperti titah Sultan, dalam membuat sesuatu dasar kerajaan hendaklah berbincang dan mendengar pendapat daripada semua pihak yang terlibat sebelum membuat sesuatu keputusan. Sejak kebelakangan ini, Majlis Daerah Labis telah menangguhkan tarikh akhir pembayaran cukai harta kepada hujung bulan Mac. Bekok ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru pihak yang berkenaan supaya memberi maklumat yang lebih jelas dan pantas kepada orang awam sebelum tarikh tamat pembayaran cukai harta untuk mengelakkan kekeliruan orang awam. Hal ini demikian kerana Bekok telah membuat dua kali telefon untuk pertanyaan tentang penangguhan tarikh akhir pembayaran cukai harta daripada pegawai dalam Majlis Daerah Labis untuk memastikan kebenaran berhubung Majlis Daerah tersebut. Untuk makluman, jawapan dan maklumat yang diberi oleh pegawai tersebut adalah sama seperti kenyataan dalam surat khabar. Dukacitanya, rupa-rupanya

maklumat yang Bekok dapati daripada pegawai tersebut adalah tidak sama dengan notis yang dipaparkan pada waktu sejak 28 Februari 2017, dalam media sosial, *FB* maka jika terdapat apa-apa perubahan maklumat Majlis Daerah Labis haruslah diberitahu pada saat pertama kepada orang awam.

Janganlah menyebarkan maklumat tentang penangguhan tarikh pembayaran cukai tanah pada media sosial pada hari terakhir tarikh tamat asal dan saat terakhir. Untuk pengetahuan umum, ramai warga emas adalah tidak tahu menggunakan media sosial *FB* dan keadaan sebegini akan menyebabkan mereka ketinggalan maklumat terkini. Sementara itu, Ahli Majlis Tempatan juga harus memainkan peranan dengan baik dan memberitahu maklumat terkini tentang tarikh penangguhan pembayaran cukai harta pada saat pertama kepada rakyat. Sebagai Ahli Majlis iaitu salah satu saluran antara Majlis Daerah dengan rakyat tempatan haruslah tanggungjawab dan memberi perkhidmatan yang ikhlas hati kepada rakyat tempatan. Sebaliknya bukan hanya menolak kesalahan diri kepada orang lain dan berlakon dalam surat khabar semata-mata untuk bermain taktik politik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, salah satu kesulitan dan masalah yang dihadapi oleh rakyat setempat di Taman Seri Sejati, Taman Maju Jaya 1 dan Taman Maju Jaya 2 di Labis adalah tiada perkhidmatan telefon dan WiFi TM sejak beberapa tahun yang lalu. Ekoran daripada kekurangan infrastruktur ini, penduduk setempat tidak dapat menikmati kegunaan tujuan perniagaan, pendidikan, sistem sekuriti mahupun mendapat berita terkini dan membuat panggilan. Signal syarikat telefon hari lain pula selalunya lemah di kawasan ini. Bagaimanakah kawasan mahu menjadi maju jikalau tidak mendapat kemudahan komunikasi yang paling asas?

Yang Berhormat Dato' Speaker, kejadian sebegini adalah kerana pihak pemaju gagal menyediakan *infrasivil* bagi perkhidmatan telekomunikasi mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan juga Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Bekok tidak faham apa masalah yang telah berlaku semasa pembinaan ketiga-tiga taman perumahan ini. Sama ada Majlis Tempatan mahupun pemaju yang perlu menanggung kesalahan kerana Majlis Daerah masih tidak membalas surat aduan Bekok setakat ini. Walaupun sudah banyak kali Bekok menghantar surat berkenaan aduan tersebut, adakah kes ini mengandungi unsur rasuah?Seperti titah Baginda Yang Maha Mulia, orang ramai dinasihatkan untuk sama-sama membantu kerajaan menghapuskan amalan rasuah dengan mematuhi segala peraturan dan prosedur yang ditetapkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin amat mementingkan petunjuk prestasi utama iaitu KPI. Apa KPI pula yang Majlis Daerah Labis telah dapati sedangkan banyak masalah tempatan seperti yang di sebut di ketiga-tiga taman perumahan begitu berikut belum diselesaikan. Adakah kerana kesemua aduan yang belum diselesaikan melibatkan peruntukan?Jika ya, Bekok memohon supaya Menteri Besar lebih menumpu kepada Majlis Daerah Labis yang kecil lagi miskin kerana kami sedang menunggu-nunggukan peruntukan dari Yang Amat Berhormat untuk menyelesaikan masalah yang selalunya menyulitkan rakyat tempatan.

Masalah yang seterusnya adalah kerja-kerja pindaan di Jalan Labis ke Yong Peng, iaitu di depan persimpangan Sekolah Kebangsaan Labis. Bekok hairan mengapakah kerja-kerja pindaan ini masih belum disiapkan sejak setengah tahun yang lalu. Keadaan ini amat menyulitkan pengguna jalan raya terutamanya ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka pergi ke sekolah mahupun balik ke

rumah. Selain itu, kerja-kerja penyelenggaraan lampu awam di jalan persekutuan, Jalan Segamat ke Labis pada 14 Mac 2017, masih tidak dapat menyelesaikan masalah kerana lampu jalan awam masih tidak menyala sejak beberapa bulan yang lalu. Bekok memahami usaha Majlis Daerah, tetapi lampu jalan tersebut masih tidak dapat berfungsi merupakan hakikat yang amat menyulitkan pengguna jalan raya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Sultan telah bertitah bahawa kita mesti mengamalkan perbelanjaan yang berhemah dan berusaha untuk menambah hasil dengan mencari sumber hasil baru yang lebih konsisten dan tidak boleh leka dengan lebihan hasil yang kita ada atau bersikap boros dan berbelanja sesuka hati. Maka, Majlis Daerah Labis harus melaksanakan projek-projek pembangunan yang diperlukan oleh rakyat untuk memastikan segala perbelanjaan pembangunan dapat memberikan impak yang maksimum.

Seperti contoh, sistem aduan baru melalui *whatsapp* yang dilancarkan oleh Majlis Daerah Labis pada tahun lepas harus diteruskan dan di balas kepada pengadu tentang status terkini berkenaan dengan aduan mereka. Bekok tidak tahu sejak bilakah tindakan Majlis Daerah tidak membalas aduan telah menjadi amalan biasa Majlis Daerah. Kebanyakan surat aduan Bekok sama ada dalam bentuk bertulis mahupun melalui *whatsapp* tidak mendapat balasan yang berpatutan. Adakah Bekok tidak di layan dengan adil kerana hanya aduan Bekok yang tidak mendapat balasan dan diabaikan?

Hal ini demikian adalah disebabkan kakitangan yang tidak mencukupi atau menunggu peruntukan kerajaan. Sila berbalas surat aduan Bekok mahupun dalam sepatah dua kata. Apa masalah yang sedang dihadapi oleh Majlis Daerah Labis boleh memberitahu Bekok dan Bekok pasti akan bersuara untuk pihak Majlis Daerah dalam Dewan yang mulia ini. Untuk pengetahuan semua, amalan untuk membalas teguran orang lain adalah kesopanan dan tidak patut muncul dalam institusi Kerajaan Tempatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bekok menyeru pihak Majlis sentiasa memantau lesen perniagaan dikeluarkan untuk memastikan peniaga menjalankan perniagaan mereka mengikuti undang-undang. Hal ini demikian adalah kerana Bekok telah menerima banyak aduan daripada penduduk bahawa kegiatan haram seperti mesin judi, lumba kuda dan sebagainya mula aktif di kawasan Labis. Maka, Bekok menyeru pihak berkuasa mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya terhadap aktiviti haram seperti ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bekok menggesa pihak yang berkenaan supaya selalu memantau keadaan pemendapan dan tahap kekotoran sungai di kawasan Labis. Pihak yang berkenaan haruslah membersihkan sungai bukan sahaja mengikut jadual waktu yang telah ditetapkan, malah mengikut keadaan semasa seperti di Sungai Labis, persekitaran di Pasar Awam Labis, tindakan ini bukan sahaja bertujuan untuk menjaga kebersihan sungai dan alam sekitar, malah dapat mengelakkan banjir pada masa depan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada akhirnya Bekok ingin bersuara untuk pihak Orang Asli di kawasan Bekok. Bagi peserta Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli yang terdiri daripada tiga kampung iaitu Kampung Kudong, Kampung Tamuk dan Kampung Seri Temayang menggesa supaya pihak Yayasan Pelajaran Johor melakukan penyerahan tanah 8 ekar dan KDAJ generasi ke-2 projek RPS Orang Asli Mukim Bekok pada tarikh yang telah dijanjikan. Pihak berkenaan di gesa

supaya mempercepatkan proses penyerahan tanah dan sentiasa mengemas kini maklumat terkini dengan peserta RPS. Sementara itu, jalan masuk Kampung Kudong sehingga ke Kampung Sedai sudah rosak. Maka, Bekok memohon jasa baik daripada pihak berkenaan supaya memperbaiki jalan tersebut. Tambahan pula Bekok menggesa bahawa kampung Orang Asli juga patut di layan dengan adil dan melancarkan *hotspot* untuk *Johor Free WiFi* di kampung Orang Asli di Bekok.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berikutlah merupakan ucapan Bekok pada hari ini. Semoga pihak berkenaan dapat menyelesaikan masalah yang lama dihadapi oleh rakyat setempat terlebih dahulu sementara melancarkan projek pembangunan negeri. Sekian terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Bekok. Persidangan di sambung semula, sila Bukit Batu.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Selamat petang dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor kerana sudi menyampaikan titah Tuanku kepada Dewan yang mulia ini pada 4 Mei 2017. Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Dato' Speaker kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor Darul Takzim Yang Ke-13.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin merujuk kepada perenggan 40 titah Tuanku di mana Tuanku telah memberi perhatian kepada isu permintaan rakyat terhadap rumah mampu milik di Johor. Terima kasih kepada Tuanku kerana sentiasa prihatin kepada keperluan rakyat sehinggalah Tuanku dalam kebijaksanaannya telah melancarkan projek Rumah Idaman Bangsa Johor di Johor Bahru baru-baru ini yang mendapat sambutan yang begitu hangat. Walaupun tindakan Tuanku adalah murni, tetapi pada masa yang sama kita tidak boleh lupa bahawa tanggungjawab untuk memenuhi keperluan rumah bagi rakyat adalah tanggungjawab utama kerajaan negeri dan bukannya pihak lain.

Dato' Speaker, antropologi telah menetapkan bahawa manusia mempunyai tiga keperluan asas. Ini keperluan, bukan kehendak.Ini bermakna, keperluan paling minimum yang diperlukan untuk seorang manusia untuk hidup dalam suasana yang paling asas. Apa tiga itu? Satu, pakaian. Takkanlah manusia kita ini nak berbogel seumur hidup. Kalau nak pun cuaca mungkin tidak mengizinkan. Kedua, makanan dan minuman di mana tanpa kedua-dua ini seorang manusia tidak boleh berfungsi dan akhir sekali, ketiga adalah perlindungan atau rumah. Maka tidak hairanlah mengapa isu rumah mampu milik di Johor ini telah mendapat begitu banyak perhatian dan keperluan yang begitu tinggi kerana tanpa sebuah rumah macam mana keperluan manusia dapat dipenuhi. Tanpa rumah sendiri, bagaimana sebuah keluarga boleh mengembang dan hidup dalam keadaan yang kondusif? Dan, di Johor saya nampak ada beberapa isu yang berkaitan dengan kepunyaan rumah ini yang perlu diteliti dan diatasi oleh kerajaan. Pertama, jelas dapat kekurangan rumah mampu milik di Johor. Kerajaan di negeri Johor telah meletakkan sasaran pembinaan 60,000 biji rumah mampu milik menjelang tahun 2020. Tapi berdasarkan kepada status statistik terbaru setakat September 2016, kerajaan di Johor hanya membina 8,766 biji RMMJ yang siap dibina. Ini bermakna setakat tahun 2016 hanya 14.6% sahaja rumah mampu milik yang siap dibina oleh kerajaan daripada sasaran. Bahkan sudah 3 tahun berlalu dari 2014 hingga 2016 tetapi

progress pembinaan nampaknya jauh lagi dari sasaran dan kami hanya tinggal 4 tahun lagi untuk mencapai sasaran 60,000 unit. *Progress* pembinaan ini amat membimbangkan. Saya nak tanya, bagaimana kerajaan Johor boleh memberi keyakinan dan jaminan kepada rakyat bahawa dalam empat tahun yang akan datang ini kerajaan Johor akan dapat menyempurnakan pembinaan RMMJ yang sekarang nampaknya jauh di belakang jadual. Kalau tiga tahun baru boleh sampai 14.6%, apakah kaedah baru yang kerajaan sekarang nak memperkenalkan untuk membuat lonjakan yang begitu tinggi iaitu hampir 45,000 unit RMMJ atau persamaan 75% dalam masa empat tahun ini. Ini adalah satu pertanyaan yang bernas dan saya harap kerajaan boleh menjawab pertanyaan saya ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apalagi saya juga mendapati banyak projek rumah yang telah di pecah tanah oleh kerajaan dan kadang-kadang oleh Menteri Besar kita sendiri pun tidak jalan. Contohnya Projek Rumah di Taman Megah Ria yang di pecah tanah oleh Menteri Besar pada tahun 2014 dan juga projek RMMJ melalui Taman Perbadanan Islam di Teluk Jawa yang juga di pecah tanah oleh Menteri Besar sendiri pada 2015 sekarang masih belum mula, bukan belum siap, belum mula lagi. Saya rasa kerajaan kena sentiasa pantau isu ini, sebegini dan tidak membiarkan rakyat terus tunggu menunggu malah tiada maklum balas daripada pihak pemaju atau kerajaan. Sebenarnya siapa yang salah di sini? Adakah kerajaan ataupun pihak pemaju? Bila sebut pemaju ini, saya juga berpendapat bahawa kerajaan juga kena mengambil sikap yang lebih tegas sedikit terhadap pemaju-pemaju. Kebanyakan masa pihak pemaju akan memohon dengan izin dalam bahasa Inggeris, *Extension Of Time*, perlanjutan masa, EOT untuk menyerah kunci atau dalam istilah undang-undang milikan kosong premis *vacant possession*. Di bawah Jadual G dan H Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan Dan Pelesenan) 1966, pemaju diwajibkan untuk menyerahkan milikan kosong kepada pembeli dalam masa 24 bulan dari tarikh perjanjian ditandatangani bagi rumah bertanah, *landed property* dan 36 bulan untuk *non landed property* seperti flat ataupun pangsapuri ataupun kondo. Dan juga untuk jenis *property* yang ada *title* strata maknanya kalau rumah walaupun *landed* tapi strata *title* maknanya 36 bulan dan bukannya 24 bulan. Dan sekiranya pemaju gagal menyerahkan milikan kosong dalam hak masa yang diperuntukkan maka pemaju kena bayar, kita akan denda dalam bahasa Inggeris, LAD, *Liquidated Ascertained Damages* kepada pembeli bagi saya ini adalah adil dan memenuhi hasrat Parlimen bila meluluskan Akta tersebut. Tapi kini pemaju-pemaju sering memohon EOT daripada pihak kerajaan untuk memanjangkan tempoh serah kunci. Ada juga pemaju yang sudah mendapat kebenaran untuk EOT sebelum projek pun bermula, dia sudah dapat EOT. Ada orang yang pernah beritahu saya bila dia pergi menandatangani perjanjian jual beli, sudah ada, *ready,* sudah dibekalkan dengan satu salinan kebenaran EOT oleh pihak berkuasa. Belum *start,* sudah ada EOT. Saya rasa ini adalah tidak adil kepada pembeli rumah. Mengapa kerajaan sedia memberikan EOT ini kepada pemaju secara sewenang-wenangnya? Adakah ini juga salah satu sebab mengapa RMMJ ini tidak dapat siap atau mematuhi jadual masa?

YB Speaker : Ada bukti ke YB?

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Ada.

YB Speaker: Hah, nanti bagikan bukti tu ya.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Nasib baik baru-baru ini Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah memutuskan bahawa Peraturan 11(3) iaitu kuasa kepada COB untuk memberi pelanjutan masa di bawah Akta tersebut adalah bercanggah

dengan Akta, *Ultravires*. Maka pihak berkuasa tidak lagi ada hak untuk memberi atau meluluskan EOT kepada pemaju. Ini merupakan satu keputusan dan berita yang cukup baik kepada pembeli-pembeli rumah kerana tidak lagi pemaju boleh melindungi mereka sendiri dengan memohon EOT sewenang-wenangnya dan mengabaikan tanggungjawab *contracture* mereka untuk membayar denda atau LAD kepada pembeli rumah yang bersusah payah membayar wang deposit dan kemudiannya kena bayar ansuran bank tiap-tiap bulan. Maka saya harap Kerajaan Negeri Johor boleh mematuhi keputusan kes Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur ini dan juga tidak lagi membenarkan sebarang EOT diberi kepada mana-mana juga pemaju. Kalau mereka betul-betul lambat dalam penyerahan rumah maka mereka patut menanggung segala liabiliti dan tanggungjawab untuk membayar denda atau pampasan seperti diperuntukkan di bawah perjanjian jual beli. Barulah ini adil kepada pembeli dan rakyat.

Tapi masalah rakyat dalam pemilikan rumah bukan setakat EOT itu sahaja. Kalaulah beliau bertuah dan dapat RMMJ yang walaupun banyak masih belum dibina dan kalaulah dia bertuah dan dapat rumah sebelum hak masa sebarang EOT, kemungkinan juga beliau akan menghadapi satu masalah lagi. Dan apa masalah itu? Walaupun kunci diberi, tetapi rumah tidak ada api dan air.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sekarang terdapat satu dengan izin, *loop hole* dalam perjanjian jual beli di mana dinyatakan milikan kosong boleh diberi sekiranya premis tersebut dalam bahasa Inggeris adalah *water and electricity connection ready*. Apa yang terjadi di pasaran sekarang ialah apabila pembeli dapat kunci mereka, mereka akan dapati sebahagian bila mereka masuk rumah itu, elektrik tak ada, air belum pasang, belum disambung. Ini walaupun CCC telah diisukan kerana pengeluaran CCC ini nampaknya dia tiada kaitan dengan bekalan air dan api. *So,* maknanya kita boleh dapat CCC, kita boleh dapat kunci tapi bila kita nak mohon TNB untuk elektrik dan SAJ untuk air, tiada. Bila ditanya pemaju mereka akan kata, perkataan adalah *connection ready*, sedia disambung tetapi TNB dan SAJ tak *ready*, tak beri kerjasama maka mereka tak pasang, kita pun tak boleh buat apa. Ini jawapan klasik mereka. Pelik juga Dato' Speaker, memang saya sendiri sudah mengendalikan kes sebegini di kawasan Johor Bahru. Saya rasa kasihan kepada pembeli rumah yang kini sudah dapat kunci tapi tak boleh pindah masuk rumah kerana tidak ada air dan api. Maka mereka sekarang kena tanggung sewa rumah luar dan juga ansuran bank pada yang sama begitulah kehidupan dan mereka yang cukup teruk dan derita.

Pihak pemaju boleh begitu sahaja melepaskan tangan. Saya faham tentulah mereka nak cepat-cepat serah kunci maka mereka tidak perlu bayar denda LAD tetapi adakah ini etika yang betul? Kenapa kerajaan tidak mengambil apa-apa tindakan sewajarnya untuk menolong pembeli-pembeli ini. Bagi saya pemaju selalu kata kalau kita tidak memberi pelanjutan masa atau terpaksa membayar denda mereka akan bankrap maka kerja pembinaan akan terbengkalai. Bagi saya ini adalah satu ugutan. Kalaulah awak tak sedia untuk bayar maka janganlah jadi pemaju dan janganlah kerajaan bagi lesen kepada mereka dan *blacklist* mereka. Kerajaan tidak boleh diugut semata-mata oleh kenyataan sebegini dan kerajaan kena tegas kerana untuk mempertahankan, hak rakyat yang tergadai.

Begitu juga Datuk Speaker, dengan pemaju yang selalu memohon *deferment, postponement* untuk membina RMMJ terdahulu. Tadi YB EXCO ada menyentuh, di Johor polisinya kalaulah seorang pemaju mendapat membuat pembangunan lebih dari 5 ekar, 40% kena dirizabkan untuk bina RMMJ. Tetapi Dato' Speaker, kalaulah betul-betul macam tu, hari ini kita tidak akan ada kekurangan RMMJ. 40% tu

banyak. Kita begitu banyak pemaju takkan tak nampak RMMJ? Mengapa dia tak bina, senang? Sebab setiap pemaju hari ini bila dia *start* projek, dia akan minta *deferment,* dia akan minta penangguhan. Dia kata, biar saya bina banglo dulu, biar saya bina kedai 3 tingkat dulu, barulah saya bina rumah RMMJ. Ada yang tangguh satu tahun, dua tahun, 10 tahun pun ada Dato' Speaker. Oleh itu kerajaan kena tegas kita tak nak satu kerajaan yang pro pemaju, kita nak kerajaan yang pro rakyat. Boleh tak Dato' Speaker? (Dewan bertepuk). Kalaulah benda yang sebegini kerajaan pun tak nak layan, pun tak nak tegas kepada pemaju, ada apa harapan pihak pembeli atau rakyat Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ada satu isu lagi berkenaan dengan perumahan, tadi Yang Berhormat EXCO juga ada menyentuh berkenaan dengan isu untuk melindungi hak kerajaan. Sebab bila kita kerajaan jual, membekalkan rumah RMMJ ia dengan harga yang tentu lebih rendah dari harga pasaran, biasanya 1, 2, 10 tahun akan ditandatangani untuk memastikan ia tidak dijual. Saya rasa itu satu tindakan yang betul dan murni. Tetapi saya tidak sempat nak tanya Yang Berhormat EXCO tadi, saya harap ia boleh tanya sebab soalan ini saya pernah bangkitkan kepada EXCO terdahulu yang malangnya telah meletakkan jawatan kerana telah terlibat dalam skandal rasuah. Tapi tak apalah harap EXCO baru yang mengambil alih portfolio dia boleh jawab saya. Apa yang akan jadi sebab kita tahu hampir semua orang yang membeli RMMJ tentunya dia mendapat pinjaman bank. Kalau dia dapat *cash* dia memang tak layaklah. Betul eh? Kalau dia dapat pinjaman bank, apa akan jadi katalah dia tak bayar pinjaman bank? Adakah bank ada hak untuk lelong? Dan kalau dia lelong tentunya harga bukan RM150,000.00. Berapa mekanisme yang kita ada untuk memastikan orang itu dia tak pakat untuk sengaja ingkar dalam pembayaran ansuran bank agar ia boleh dilelong dengan harga yang lebih tinggi. Sebab selama ini saya tidak pernah mendapat apa-apa penjelasan daripada kerajaan. Ini adalah merupakan satu isu yang sangat penting, Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin menyentuh Tuanku dalam kebijaksanaan beliau juga ada menyentuh kepentingan pelaburan asing dan menasihatkan kerajaan supaya jangan memilih pelabur. Tanpa pelabur asing ekonomi negara dan negeri akan terjejas kerana negeri kita tidak boleh bergantung semata-mata kepada pelaburan dalaman untuk pembangunan ekonomi. Kelemahan ekonomi sekarang telah memberi impak negatif yang kuat ke pasaran ekonomi negara. Maka tidak hairanlah berdasarkan kepada satu laporan Bank Negara, pelaburan swasta, pihak swasta, *private sector* negara kita telah jatuh daripada 21% pada tahun 2012 ke 4.4% pada tahun 2016 . Angka daripada Bank Negara ini amat merisaukan kerana ianya menunjukkan pihak swasta tidak lagi ada kemampuan atau keyakinan untuk membuat pelaburan, mungkin kerana pelbagai isu seperti suasana ekonomi yang lembap atau isu-isu rasuah atau ketidaktelusan yang berlaku di negara kita. Maka kita kena mempelbagaikan industri untuk menarik pelaburan asing dan tidak boleh bergantung kepada pelaburan FDI *Conventional*. Kerana suka tidak suka kita adalah salah seorang peserta dalam perlumbaan global untuk mendapat pelaburan.

Saya ingin menyentuh di sini seorang pakar sains yang bernama Leigh Van Valen dalam bukunya *Evolution Theory*. Dia memperkenalkan satu hipotesis yang dipanggil *Red Queen Effect* di mana hipotesis dia adalah seseorang atau seorang entiti dia kena terus *involve* tukar, dan tidak boleh statik kalau nak terus hidup kerana dalam dunia ini, semua orang sentiasa dalam satu perlumbaan dengan semua spesies lain. Sama juga dengan dalam untuk mendapatkan FTI kita juga kena berlumba dengan lebih rajin untuk mendapatkan FTI. Maka, pelaburan asing

adalah penting tetapi seperti saranan Tuanku kita mesti bijak memilih pelaburan yang akan mendapat keuntungan kepada rakyat pada jangka masa panjang. Ini bermakna pelaburan tersebut mesti, wajib dapat memberi nikmat dan manfaat kepada anak Johor dari segi kewangan atau pemindahan teknologi dan ilmu. Malangnya walaupun di Johor, kami merupakan penyumbang nombor 4 kepada GTP Negara tetapi dari segi pendapatan per kapita, kami hanya merangkumi nombor 8 daripada 13 negeri seluruh Malaysia.

Dato' Speaker, purata per kapita untuk Malaysia adalah 37,104 pada 2015. Tahun tu, adalah tahun yang kita dapat paling banyak FPI disebut oleh MB 31 bilion. Malaysia purata 37,104, Johor per kapita setiap orang pendapat tahunan hanyalah 29,539. 20% lebih rendah daripada purata nasional. Maka bukanlah kita belakang Selangor, Pulau Pinang, Kuala Lumpur, malah kita kalah kepada Melaka, Negeri Sembilan dan Negeri Pahang. Ini bukan satu statistik yang dapat memberangsangkan malah bacaan ini membawa makna walaupun terdapat pelaburan dan pengeluaran di bumi Johor tetapi rakyat Johor nampaknya tidak mendapat apa-apa manfaat sepenuh daripada pelaburan ini. Maka pelaburan Johor, yang patut ditumpukan pada atau beri fokus pada kewujudan kerja, pemindahan teknologi, penggunaan *downsterm* iaitu industri bawahan berkaitan yang disokong, di dukung oleh peniaga atau kontraktor, pemain tempatan Johor kita kena pastikan orang Johor mendapat nikmat daripada pelaburan ini. Saya penah dengar ada yang penah melabur dan membina rumah di Johor Bahru dari luar negara sampai paku besi pun mereka import daripada China, adakah Johor begitu teruk, sampai kita tak ada kedai *hardware* yang nak jual paku ke? Tidak ada guna sekiranya pelaburan membawa banyak FTI tetapi tidak membawa manfaat kepada anak Johor. Saya harap UPEN Johor boleh membuat satu garis panduan yang lebih elok, untuk memastikan penglibatan kontraktor dan peniagaan tempatan dalam semua projek pelaburan asing.

YB Timbalan Speaker : Bukit Batu sila gulung.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Panjang lagi Dato' Speaker. Minta 10 minit lagi. Maka pembangunan yang tidak seimbang dan tidak terkawal ini, hanya akan menimbulkan satu situasi di mana orang gelar, *rich Johor but a poor Johorean*. Isu tempatan Dato' Speaker. Dato' Speaker, saya ingin akhiri dengan isu tempatan, saya balik kepada isu-isu yang saya sudah sebut mungkin ini kali ke-9 saya diberi peluang untuk berucap mungkin saya sudah berucap ini.

YB Timbalan Speaker : Dah sebut dulu, tak payah sebut lagi.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Perlu Dato' Speaker, sebab ada perkembangan, 9 kali saya ada di sini, mungkin 8 kali saya cerita, berkenaan dengan selekoh maut S di Batu 24. Kenapa saya nak cerita ini, Dato' Speaker, sebab pada 10 Januari tahun ini, saya nak berterima kasih, kepada Menteri Besar Johor dan EXCO berkenaan JKR, Menteri Besar telah mengumumkan dalam lawatannya ke Kulai, bahawa dia setuju akan meluluskan, selekoh S maut itu dengan peruntukan 8 juta. Saya nak *put on record*, kalau *handouts* saya nak terima kasih pada Menteri Besar dan juga EXCO. Saya gembira sampai saya tulis surat peribadi pada menteri Besar untuk mengucapkan terima kasih tetapi lepas itu, saya dapat tahu daripada jawapan bertulis EXCO, bahawa kerja hanya akan bermula pada Oktober tahun ini.

Dato' Speaker, kenapa saya nak ceritakan izinkan saya 5 minit. Baru-baru ini pada bulan Mac telah berlaku lagi satu kemalangan maut di kawasan tersebut. Seorang lelaki dalam umur 30-an dari Kampung Baru Kelapa Sawit telah menjadi mangsa

terbaru. Dato' Speaker saya telah menziarahi rumahnya. Semasa *funeral* dan menyampaikan salam takziah kepada ibu bapanya serta isteri dan dua budak lelakinya. Saya sedih sebab anak dia hampir sama dengan umur anak saya. Mereka cukup sedih dan bertanya-tanya kepada saya, mengapa selekoh itu masih belum diluluskan? Dato' Speaker, hampir tiap-tiap tahun ada kemalangan maut di sana, wajib. Anak bongsunya mula tak sampai 10 tahun. Dia tak nangis kerana dia tak faham tapi saya juga nampak kesedihan dalam mata isterinya. Dato' Speaker, mengapa saya bawa isu ini sebab saya nak *declare* saya sudah tidak rela lagi. Saya tak nak lagi pergi kepada satu kematian lagi akibat selekoh ini. Saya sudah tak rela lagi sebab tiap-tiap kali saya pergi, bila saya memberi penjelasan yang sama, orang kampung marah kerana nyawa mereka ini tergadai. Saya rasa, saya tak minta banyak daripada kerajaan, saya hanya minta, tolonglah utamakan projek ini. Jangan tunggu sampai Oktober, kalau boleh, bulan depan, boleh mulakan, sebab ini bukan isu politik, ini isu nyawa rakyat. Seorang lelaki yang mati begitu sahaja, ibu bapa hilang seorang anak, seorang isteri, hilang suami, dua anak hilang seorang bapa, Tan Sri Speaker.

Dan saya juga ingin menyentuh isu, saya harap pejabat Pos, satu pejabat pos mini boleh dibuka di bawah DUN Bukit Batu sebab sejak penutupan pejabat pos mini di Taman Bidor pada April 2016, penduduk kawasan dalam DUN Bukit Batu menghadapi kesusahan untuk membayar bil dan menggunakan perkhidmatan pos. Sebenarnya di Kulai hanya ada 2 pejabat pos sahaja Tan Sri Speaker, satu daerah hanya 2 pejabat pos. Satu di Senai, satu lagi di Pekan Kulai. Bayangkanlah penduduk di Bukit Batu kena pergi ke Pekan Kulai untuk hantar surat sahaja. Kalau pergi balik 26 batu, hampir 40 kilometer dan mengambil satu jam lebih. Saya harap kerajaan boleh memberi pertolongan dan mempercepatkan pembukaan pejabat pos di dalam DUN Bukit Batu.

Akhir sekali, Dato' Speaker, saya juga ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan isu banjir kilat di Pekan Kelapa Sawit pada 18 Mac. Harap kerajaan boleh mengambil tindakan tegas terhadap pemaju yang menjadi punca banjir ini yang sehingga hari ini, masih enggan untuk membuat apa-apa pampasan kepada beratus-ratus rumah tangga yang terlibat dan juga harap pihak PBT Majlis MPKu boleh mempercepatkan segala kerja untuk membersihkan dan menyelenggarakan parit-parit yang utama, untuk memastikan insiden sebegini tidak berulang lagi. Begitulah ucapan saya, sekian terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Ok. Kita teruskan, sila Parit Raja.

YB Puan Sri Hajah Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya selaku ADUN Parit Raja, mengucapkan penghargaan dan terima kasih kerana diberi peluang pada hari ini, untuk membahaskan ucapan menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor yang telah disempurnakan oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor di Majlis Perasmian Pembukaan Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor Yang Ke-13 pada 4 Mei 2017 yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Parit Raja ingin melahirkan rasa terharu, rasa gembira, rasa bangganya dan rasa bersyukur kerana mempunyai sultan yang mengambil berat hal-hal rakyat dan negerinya. Keselamatan kehidupan dan sehinggakan pegangan akidah dan akhlak rakyatnya pun dititik beratkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku, menjunjung kasih tuanku.

Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya berpantun di Dewan ini.

YB Timbalan Speaker : Berapa kerat?

YB Puan Sri Hajah Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Merapat sembah, menjunjung kasih, menyusun jari, hormat diberi; titah Tuanku, tiada tersisih, Bangsa Johor kan teguh berdiri. (Dewan bertepuk). Semoga Allah memberkati Johor, Allah selamatkan Sultan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kepada Yang Amat Berhormat Dato' Mohamed Khaled Nordin, Menteri Besar Johor, Parit Raja juga mengucapkan tahniah atas kejayaan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, mengekalkan prestasi yang cemerlang dalam pembangunan ekonomi di negeri Johor. Parit Raja doakan semoga apa yang dirancangkan, diilhamkan agar menjadi kenyataan dan mencapai kejayaan Insya-Allah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bukan hanya menumpukan untuk meningkatkan ekonomi negeri Johor supaya Johor menjadi satu kuasa besar ekonomi dan kuat di rantau ini, malahan masalah-masalah rakyat, di seluruh negeri Johor diambil berat. Kemudahan asas, infrastruktur saya pun pelik sebab saya cakap jawa sikit , rakyat dipenuhi dan diselesaikan. Dalam lawatan Yang Amat Berhormat ke seluruh negeri Johor termasuk kawasan Parit Raja, kemudahan-kemudahan asas yang diharapkan yang diperlukan, yang dipohon oleh rakyat telah dapat diselesaikan. Sekolah agama, dengan sekolah menengah diberi bantuan. Masjid, surau diberi bantuan. Jalan-jalan kampung, diturap dilaksanakan. Tapak perniagaan, diadakan. Dataran orang ramai, di Parit Raja pun diadakan. Tapak pengusaha produk tempatan iaitu tapak ole-ole pun diadakan di Parit Raja dan di Batu Pahat. Jambatan, parit saluran air, lampu isyarat semua dilaksanakan, dipenuhi, diselesaikan masalah rakyat.

Parit Raja mengucapkan terima kasih dan juga Parit Raja, diiktiraf Bandar Pendidikan, cuma *signboard* tugu tu macam tak kena letak kat situ. Saya minta lah Kerajaan Tempatan buat lagi satu, tempat yang strategik, saya lalu banyak kali, macam terselindung. Jadi saya harap, Kerajaan Tempatan yang menaikkan tugu tu, supaya buat yang lebih cantik, lebih besar, lebih tersergam, boleh nampak maknanya dari mana-mana sudut. Bandar Pendidikan yang dinamakan diletak oleh Yang Amat Berhormat oleh kerajaan sebagai Bandar Pendidikan di Parit Raja ini. Yang Amat Berhormat dalam lawatannya mengharapkan supaya Parit Raja tu, membayangkan Johor bersihnya, cantiknya, makmurnya, kerana di Parit Raja tu kerana adanya universiti-universiti, kerana ada maktab-maktab, ada kolej-kolej tinggi bukan hanya orang-orang tempatan tapi bukan orang daripada luar negeri, luar negara pun ada. Afrika nya, Mongolia, eh Mongolia tak tahu lah. Maknanya ada Arab nya, makna semua ada, Afghanistan, Bangladeshnya tu pekerja lah pun ada. Maknanya apabila nampak Parit Raja, membayangkan itulah Johor Bahru. Jadi saya harap, apa yang dicadangkan, apa yang dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat itu, akan dapat dilaksanakan, kerana saya dan juga penduduk-penduduk Parit Raja menanti-menantikan apa yang telah dibayangkan oleh Yang Amat Berhormat. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Dan juga Yang Berhormat Dato' Speaker, bukan Parit Raja aje tau yang menerima keuntungan itu, DUN Parit Yaani, wakilnya pembangkang pun dapat. Yang Amat Berhormat bukan hanya memikirkan itu kawasan pembangkang, tetapi memikirkan untuk rakyat, kepentingan rakyat. Jadi Yang Berhormat Parit Yaani itu, jangan pula perasan. Jadi, baik-baik sikit, yang kasi ini, yang beri ini daripada wakil rakyat BN. Yang beri pun daripada kerajaan BN. Jadi baik-baik sikitlah kalau cakap tu. Jadi rakyat pun dengar-dengar juga. Yang lain minta, yang lain pula mengaku. Jadi, yalah kita tak apalah mengaku pun mengaku pun tak apa sikit-sikit tapi jangan banyak-banyak. Jadi Yang Berhormat, saya harap dengan keprihatinan Yang Amat Berhormat, mudah-mudahan Barisan Nasional akan mendapat kemenangan

yang besar dalam pilihan raya termasuklah, jangan yang marah Parit Yaani, Parit Yaani kita ambil semula.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak pantun juga untuk Yang Berhormat dan kita semua. Janji luhur buat pegangan, jadi si ulang si anak watan, muafakat Johor kita laungkan, mandat MB jadi kenyataan. *Team* Johor jadi sebutan, sana sini orang bercerita, ayuh kita sama-sama usahakan, *Team* Johor kan *team* kita semua.

Yang Berhormat Dato' Speaker, titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku di muka surat 13, perenggan 47, 48, 49. Parit Raja menyokong 100% yang dinyatakan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Parit Raja terharu Duli Yang Maha Mulia Tuanku menitikberatkan betapa pentingnya pendidikan agama kepada rakyatnya. Agama menjadi pegangan dan landasan hidup kita harian. Saya, Parit Raja berharap, rakyat akan sama-sama mengambil perhatian dan nasihat daripada Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya rakyat negeri Johor akan menjadi rakyat yang baik, makmur. Dato' Speaker, ilmu agama yang baik dan betul akan melahirkan rakyat yang baik. Rakyat yang baik membentuk negara atau negeri yang maju. Negeri yang maju akan makmur, bahagia dan aman untuk rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sepanjang saya membuat kempen membaca di sekolah-sekolah. Saya bersama-sama pelajar-pelajar UTHM, dia mengajar saya dan saya dapat ilmu daripada anak muda itu. Datin, dia panggil saya datin, apa yang kita fikir, apa yang kita cakap, apa yang kita buat jadi doa. Jadi saya berharap kepada kita semua yang ada di Dewan ini, fikirlah yang baik-baik, cakaplah yang baik-baik, buat yang baik-baik supaya hasilnya baik kepada kita. Jangan kita fikir yang bukan-bukan. Kerajaan baru bermula nak buat benda-benda yang baik, kita sokong, kalau ada yang perlu kita betulkan, betulkan. Kalau ada idea yang baik kita kasi, jangan kita kondem-kondem, kita, minta maaf cakap kondem pula, minta kita benda kita jadi bila lagi kita nak berubah jadi baik. Kalau kita membuat sesuatu yang baik, baru kita mula nak baik tapi kita dah macam-macam cakap, kita betulkan benda yang kurang betul. Kita baiki benda yang jadi baik supaya kita mendapat kebaikan bersama. Kita sebagai rakyat Johor, kita memerlukan suatu yang baik untuk kita. Kita nak duduk di sini, kita nak bahagia di sini, kita nak aman di sini dan segala-galanya. Jadi sama-samalah kita menjadi manusia yang fikir baik, yang bercakap baik, yang membuat baik kerana itu adalah doa dan hasilnya jadi baik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhirnya saya tidak bercakap panjang, akhirnya saya mengambil kesempatan di sini, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kepada Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, kepada penjawat-penjawat awam, lebih-lebih lagi dalam daerah Batu Pahat yang memberikan kerjasama kepada saya dalam menjalankan tugas saya sebagai wakil rakyat. Wakil rakyat membantu rakyat, jadi kita semua membantu rakyat. Kita membantu rakyat, insya-Allah kita akan mendapat keberkatan. Jadi itulah sedikit sebanyak yang saya dapat ucap. Mudah-mudahan kita menjadi rakyat dan pemimpin yang baik. Dengan ini, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ucapkan terima kasih. Dengan ini saya menyokong usul yang di bawa oleh Yang Berhormat Bukit Permai. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Parit Raja. Moga-moga doa itu akan dimakbulkan oleh Allah SWT dan perkhidmatan Yang Berhormat Parit Raja akan disambung pada pilihan raya yang akan datang. Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan persidangan kita selama 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 3:40 petang

Persidangan disambung semula pada jam 4:00 petang.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan di sambung semula. Kita masih dalam agenda menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan. Kita sambung dengan saya menjemput Yang Berhormat Buloh Kasap. Minta maaf, saya menjemput Yang Berhormat Sungai Balang.

YB Puan Zaiton binti Ismail (Sungai Balang) : Bismillahirrohmanirrohim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Muafakat Johor, Salam Sungai Balang Gemilang. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Sungai Balang menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas titah ucapan Duli Amat Mulia Tunku Mahkota Johor mewakili Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor Yang Ke-13 pada 4 Mei 2017.

Kod titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku seperti para 1 dan 2. Tahniah saya ucapkan kepada pentadbiran kerajaan negeri di bawah kepimpinan Dato' Mohamed Khaled Nordin, Menteri Besar Johor yang berjaya mengekalkan prestasi yang cemerlang dalam pembangunan negeri Johor. Walaupun dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu pada tahun 2016, negeri Johor berjaya mendapat nilai pelaburan dalam bidang pembuatan yang paling tinggi di Malaysia, buat tahun yang ke empat berturut-turut iaitu berjumlah RM26.41 bilion. Di antara titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku semasa perasmian Pembukaan Dewan Penggal Persidangan Kelima Dewan Negeri Yang Ke-13.

Justeru itu, Sungai Balang juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan jutaan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang sentiasa berusaha untuk menjadikan Johor di tangga teratas semata-mata demi kepentingan rakyat dan kesejahteraan rakyat negeri Johor. Tahniah Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Sungai Balang juga ingin mengucapkan terima kasih kerana di beri kesempatan menyampaikan ucapan di sidang Dewan kali ini dan Sungai Balang ingin membicarakan beberapa perkara untuk menjadikan Sungai Balang gemilang.

Program pembangunan dan pemerkasaan Persatuan Nelayan Kawasan di bawah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia tahun 2017 untuk membangunkan pelancongan tani di Sungai Balang. Sungai Balang merupakan pekan kecil di daerah Muar dan ianya merupakan kawasan luar bandar dan terletak di jalan persekutuan di antara Muar dan Batu Pahat, lebih kurang 30km dari Bandar Maharani. Antara aktiviti utama penduduk di Sungai Balang adalah nelayan.

Di samping itu, mereka juga menjalankan kerja-kerja sampingan sebagai penternak dan petani. Terdapat juga beberapa pusat aktiviti kemasyarakatan yang di bina di sekitar pengkalan nelayan Sungai Balang. Pengkalan Sungai Balang juga digunakan seramai 150 orang nelayan yang menjadikan laut sebagai sumber utama pendapatan mereka. Selain daripada itu juga, terdapat dua buah pasar nelayan yang telah pun mendapat kelulusan dalam sidang Dewan yang lepas. Selain daripada itu juga, penambahbaikan jeti dan pembinaan lima buah gerai IKS

hampir siap sepenuhnya. Antara lain, keluasan Sungai Balang ialah 2000 hektar dengan penduduk seramai 750 orang dan mempunyai belia yang aktif seramai 250 orang. Projek tani sedia ada ialah yang pertama, projek ternakan ikan dalam sangkar yang diusahakan oleh Encik Mohamad Shaharudin bin Yaakob, dan ikan yang di ternak seperti talapia dan siakap.

Projek tanaman fertigasi yang diusahakan oleh Encik Yazib bin Mad Yusof dan tanaman yang diusahakan seperti lada besar, *rockmelon*, terung, serai, keladi dan cekur. Yang ketiga, projek ternakan kupang selain diusahakan secara persendirian oleh Encik Omar bin Atan, ada juga ternakan kupang yang diusahakan melalui Persatuan Nelayan yang telah mendapat peruntukan kelulusan di sidang Dewan yang lepas.

Projek memancing di kelong juga ada di sini yang diusahakan oleh Encik Omar bin Atan dan kaki pancing akan di bawa ke pengkalan nelayan Sungai Balang dengan menaiki *vessel* ke mini kelong dan ditinggalkan dalam masa yang telah ditetapkan. Projek penghasilan ikan kering dan mi siput dijalankan oleh isteri-isteri nelayan bagi penambahan pendapatan keluarga juga terdapat di sini. Selain daripada itu, terdapat juga projek ternakan udang usaha sama di antara Persatuan Nelayan kawasan Muar dan juga syarikat Sinar Akuakultur yang sedang berjalan di sini.

Oleh itu, dengan kepelbagaian yang ada seperti yang telah disebutkan, Sungai Balang mohon supaya di beri peluang untuk merealisasikan projek pelancongan tani di Sungai Balang. Satu kawasan *chalet* perlu dibangunkan bagi kemudahan pelancong menginap di kawasan berdekatan. Kawasan pelancongan ini di bina di Sarang Buaya, di atas dua ekar tanah kosong milik Persatuan Nelayan kawasan Muar. Sebagai langkah penjimatan kos, cadangan pembangunan penginapan tersebut adalah dari kontena, memandangkan pelancong tani ini tidak mengambil masa yang lama, cukup dua atau tiga hari lawatan sahaja.

Selain daripada itu, keperluan lain ialah seperti membeli bot dan kelengkapan untuk digunakan di dalam lawatan pelancongan tani tersebut. Anggaran kos yang diperlukan bagi pembinaan *chalet*, pembelian bot dan lain-lain keperluan adalah lebih kurang RM925,000.00 dan di jangka pulangan yang akan diperolehi di bawah pelancong tani ini ialah penginap, untuk penginapan sebulan RM10,140.00 manakala pelancongan tani menaiki bot, sebulan sebanyak RM15,640.00. Projek pelancongan tani amat berpotensi dijalankan di Sarang Buaya ke Sungai Balang kerana kawasan ini penuh dengan aktiviti petani dan nelayan dan akhirnya Sungai Balang sekali lagi mengharapkan supaya peruntukan itu dapat diluluskan bagi merealisasikan projek pelancongan tani.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan negeri Johor melalui Jawatankuasa Agama Islam Negeri Johor dan Majlis Agama Islam Negeri Johor mensasarkan sebanyak 1000 buah rumah transit asnaf seluruh negeri Johor menjelang 2018. Kejayaan membina 32 unit fasa pertama rumah transit asnaf di Mersing membuatkan MAIJ yakin sasaran 1000 unit menjelang 2018 dapat di capai. Fasa kedua juga di Mersing sebanyak 30 unit telah di bina manakala 30 unit lagi di Bukit Kepong bakal di bina.

Sungai Balang juga ingin mengambil kesempatan supaya memberikan sedikit perhatian untuk membina rumah transit asnaf ini, bagi menggantikan rumah PPRT-PPRT di Sungai Gersik Laut dengan keadaan rumah yang daif tanpa bilik. Permohonan telah pun dimajukan kepada Yang Berhormat EXCO lengkap dengan

pelan tanah dan juga senarai nama peserta di bawah e-Kasih dan saya mohon sekali lagi supaya ianya diberi perhatian.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, cetusan idea Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor menubuhkan Sukarelawan Darul Takzim mendapat sambutan dari golongan anak-anak muda. Baru-baru ini telah diminta supaya setiap mukim menubuhkan satu pasukan SDT di bawah JKK dan Sungai Balang telah pun mematuhi kehendak itu dan telah menubuhkan 22 kumpulan SDT di bawah 22 JKK dengan anggaran 330 orang belia. Setelah tertubuh pasukan SDT di bawah JKK ini, sehingga kini tidak ada apa-apa pendekatan atau program atau aktiviti yang dijalankan dengan SDT mukim ini sedangkan mereka ini terdiri daripada belia-belia kampung begitu bersemangat untuk turut serta dalam program SDT ini.

Dan, di kesempatan ini Sungai Balang ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Jabatan Pertanian Muar yang telah memberi peruntukan 200 benih durian musang king dan 140 benih kelapa pandan yang telah diagih-agihkan kepada pengerusi-pengerusi SDT mukim dalam DUN Sungai Balang dan mendapat sambutan yang baik daripada mereka. Mudah-mudahan projek ini dapat diteruskan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Program Komuniti Sihat Perkasa Negara iaitu KOSPEN yang telah ditubuhkan pada Oktober 2013 adalah cetusan idea oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan Malaysia, Dato' Seri S. Subramaniam dalam usaha menangani masalah peningkatan bebanan penyakit tidak berjangkit. Inisiatif ini merupakan satu transformasi perkhidmatan kesihatan awam dalam usaha meningkatkan mutu kesihatan rakyat Malaysia melalui pemerkasaan serta perluasan penglibatan masyarakat dalam program kesihatan awam dengan menggabungkan mekanisme kerajaan sedia ada terutamanya di peringkat akar umbi. Kumpulan sukarelawan ini dikenali sebagai Pasukan Gerak Sihat Malaysia, atau singkatannya GSIM.

Di Sungai Balang terdapat tiga kumpulan KOSPEN yang bergerak aktif di mana sahaja terdapat majlis-majlis keraian, majlis-majlis yassin walaupun majlis perkahwinan untuk memastikan kumpulan sasar mereka sentiasa dalam keadaan sihat, KOSPEN Sungai Balang mengamalkan Konsep Cegah Sebelum Parah. Oleh itu Sungai Balang memohon supaya sukarelawan-sukarelawan ini sentiasa diberikan ilmu atau kursus pendek bagi menambahkan ilmu pengetahuan kepada mereka dan Sungai Balang juga mohon supaya menambah sedikit bekalan peralatan kepada sukarelawan ini untuk menjalankan rawatan asas ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam titah ucapan Tuanku pada para 47, 48 dan 49 harus diambil perhatian. Kerana kalau dilihat kelengkapan dan persekitaran di sekolah-sekolah kebangsaan jauh lebih baik dari sekolah-sekolah agama. Ini juga mungkin boleh menimbulkan kurang minat untuk anak-anak di sekolah agama belajar bersungguh-sungguh kerana mereka juga boleh lihat keadaan di sekolah kebangsaan adalah jauh lebih berbeza dari sekolah agama walaupun sekolah agama tersebut sekolah agama baru.

Terdapat dua buah sekolah agama yang baru di DUN Sungai Balang iaitu Sekolah Agama Parit Jamil dan Sekolah Agama Sarang Buaya. Peralatan yang cukup berkurangan dan mengguna apa jua yang ada juga sebagai salah satu punca untuk ketidakcemerlangannya sekolah tersebut sama ada dari soal guru atau anak-anak murid. Selain daripada itu, Sungai Balang ingin mencadangkan supaya diadakan kelas-kelas tuisyen khasnya bagi murid-murid Darjah 5 dan Darjah Khas

sebagaimana yang telah kita laksanakan tuisyen kepada sekolah-sekolah kebangsaan dan sekolah menengah dan tuisyen ini adalah secara percuma.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Sungai Balang sekali lagi mengharapkan atas apa cadangan yang dibawa oleh Sungai Balang akan mendapat perhatian dari pihak-pihak yang berkaitan dan akhir sekali Sungai Balang ingin mengambil kesempatan mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor yang telah banyak membantu Sungai Balang dan terima kasih kepada Tuan Pegawai Daerah Muar, Tuan YDP, Majlis Perbandaran Muar, Jurutera JKR, JPS, IDJ dan Pertanian dan lain-lain jabatan yang sentiasa sudi membantu dan mendengar suara hati Sungai Balang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mewakili warga Sungai Balang khusus buat Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor. Selagi hayat di kandung badan jangan berhenti melangkah, jangan mengalah di tengah medan, jangan rebah, jangan berundur kerana rakyat rela berkorban harta dan nyawa demi Johor yang tercinta. Mari kita melangkah, mari menjadi pahlawan Johor, mari menjadi penggawa Negara, kuatkan semangat mu teguhkan pendirian mu. Johor tidak akan punah, Johor tidak akan hancur. Johor akan terus merdeka bersama ketenangan dan iltizam mu.

Ayuh Yang Amat Berhormat Dato', kami bersama mu, ayuh Yang Amat Berhormat Dato', kami di belakang mu, ayuh Yang Amat Berhormat Dato', kami berjanji selagi hayat di kandung badan, biar putih tulang nan putih mata, padang jarak nan padang tekukur, kita akan bersama-sama mengharungi onak berduri demi Johor tercinta.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Sungai Balang mengucapkan ribuan terima kasih dan dengan ini Sungai Balang menyokong usul yang dibawa oleh Bukit Permai. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Sungai Balang gemilang dan terima kasih.

YB Speaker : Waalaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Sungai Balang. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Semerah.

YB Tuan Haji Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) : Assalamualaikum. Bismillahirahmanirrahim. (Berselawat) Salam Sejahtera, Salam Muafakat Johor, Salam Negaraku Malaysia. Yang Berbahagia Tan Sri Pengerusi, Semerah, Tan Sri Speaker, minta maaf Tan Sri. Minta maaf.

YB Speaker : Tak ada pengerusi ni, yang ada Speaker.

YB Tuan Haji Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Semerah mulai dengan mengucapkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, Semerah diberi peluang yang sama untuk perbahasan bagi menyokong usul menjunjung titah, menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor semasa Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Kelima Bagi Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas pada 4 Mei yang lalu. Yang diwakili oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Mahkota Johor. Inilah anak raja, pewaris takhta yang berjiwa rakyat serta menyelami denyut nadi rakyatnya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, titah ucapan Tuanku dimulai dengan mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri di bawah pimpinan Yang Amat

Berhormat Dato' Mohd. Khaled bin Nordin, Menteri Besar Johor yang kita sayangi kerana terus berjaya mengekalkan prestasi negeri Johor yang cemerlang dalam pembangunan ekonomi walaupun dalam keadaan iklim ekonomi dunia yang tidak menentu.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Semerah juga mengucapkan jutaan terima kasih di atas kecemerlangan kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri besar Johor dengan sokongan, gandingan baru orang muda yang berwawasan, Yang Berhormat Dato' Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor yang mengetuai perkhidmatan awam Negeri Johor. Bermula dengan Pelan Suara Hati Rakyat kemudian Pelan Pembangunan Strategik Johor diikuti dengan Gagasan Johor Berkemajuan. Ianya telah membuahkan pelbagai hasil dan pulangan yang amat memberangsangkan. Oleh itu, marilah kita selaku *Team* Johor untuk terus menyokong bagi meledakkan Johor menjadi negeri bukan sahaja kuasa ekonomi selatan yang unggul tetapi dikagumi dan digeruni oleh negeri rakan dan lawan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di atas kejayaan dan kecemerlangan ini pastinya Kerajaan Johor, Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, pastinya akan dapat memenuhi pelaksanaan manifesto negeri dalam PRU 13 yang lalu, iaitu bertemakan Mensejahterakan Rakyat yang mengandungi 20 perkara utama serta diperincikan melalui 84 aku janji. Rakyat pastinya akan terus memberikan sokongan padu apabila menilai dan meneliti prestasi dan kemampuan kerajaan negeri dalam mengotakan janji, apabila kerajaan negeri mengeluarkan satu kad laporan kerajaan negeri nanti.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga nak berpantun. Tadi Yang Berhormat Parit Raja banyak pantunnya.

Johor berkemajuan idea pemimpin, kerja berpasukan dibudayakan, KPI dicapai dasar terpimpin, laporan prestasi penunjuk kejayaan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebut pasal pilihan raya rasanya memang macam dah hampir. Sebab tu tadi YB Parit Yaani, semalam dah terasa bahang mungkin kehilangan kerusi agaknyalah. Sebab itu Parit Yaani menyatakan bahawa pilihan raya kali ini biarlah pilihan raya yang *gentlemen*. Rasanya setelah 13 kali pilihan raya Kerajaan Barisan Nasional ini melaksanakan secara *gentlemen*. Yang tak *gentlemen*nya ialah pembangkang. Mereka membuat apa sahaja untuk menang. Ada sahaja isu menyalahkan sama ada SPR ataupun kerajaan serta macam-macam tuduhan yang tidak berasas selama ini. Pengundi hantulah, 40,000 pengundi dari Bangla dan berbagai lagi, yang akhirnya rupa-rupanya merekalah yang jadi hantu dan lepas itu mengakui ianya hanya cakap-cakap kosong sahaja. Kalau kerajaan tak buat *gentlemen* mana mungkin pembangkang boleh menang di beberapa negeri seperti pilihan raya yang lalu. YB Parit Yaani kena ingat pesanan YB Parit Raja tadi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, titah ucapan Tuanku dalam perkara berkaitan tanah dan rumah. Dinyatakan dalam perkara 31 hingga 42, ianya memerlukan penelitian penting daripada pihak-pihak yang berkaitan. Pada masa lampau, mungkin sebelum merdeka ada sebahagian daripada syarikat dan individu mendapat tanah atau ladang yang agak luas terutama di kawasan pinggiran bandar sama ada secara kekal atau pajakan sehingga 99 tahun. Oleh itu, Semerah mencadangkan supaya setelah tamat tempoh pajakan, tidak perlu dilanjutkan. Sebaliknya kerajaan bolehlah melaksanakan untuk membina rumah-rumah mampu

milik bagi memenuhi permintaan dan keperluan rakyat yang kian meningkat bukan sahaja di bandar malah di pinggiran bandar dan pekan-pekan kecil.

Tan Sri Speaker, bercakap mengenai perumahan ini, kerajaan juga hendaklah meneliti beberapa dasar atau peraturan projek perumahan yang dibina di kawasan perkampungan ataupun di pinggir bandar secara teliti dan berasingan sebelum diluluskan. Di antara perkaranya ialah meneliti dengan terperinci kemudahan jalan keluar masuk di kawasan jalan kampung berkenaan. Kedua, pembinaan kolam kumbahan yang bersesuaian tempat dan melihat persekitaran pembinaannya. Ketiga, meneliti pengairan dan saliran secara jangka panjang di kawasan kampung berkenaan dan yang keempatnya ialah membina rumah mampu milik atau rumah kos murah atau sederhana walaupun ianya kurang dari 5 ekar, walaupun tidak disyaratkan 40% tetapi tidak boleh dikecualikan untuk membinanya.

Tan Sri Speaker, Semerah bawa satu contoh taman perumahan di Kampung Bintang, dalam DUN Semerah yang dibina di tengah-tengah kawasan kampung. Pertama rumah ini dibina dan dijual dengan harga sehingga RM400,000.00. Kawasan kampung ini tanahnya murah, maknanya kos dia rendah. Kalau dibina kawasan kampung, tentulah tak mampu orang kampung nak beli, atau anak-anak muda di kampung yang nak beli. Hanya orang luar yang mampu membelinya. Jadi, walaupun dia dibuat kurang daripada lima ekar kita syaratkan supaya pembinaan rumah mampu milik ini atau kos sederhana ini dibuat. Dibuat walaupun jumlahnya ataupun kadarnya bukan 40%. Kedua, ialah kolam ataupun kolam kumbahan ini. Taman ini kolam kumbahannya dibina di hadapan masuk taman ataupun di tepi jalan, yang di seberang jalannya ialah masjid. Jadi tentulah ia tidak sesuai. Yang ketiganya, Kampung Bintang ini dari segi geografinya tanahnya rendah, maka perumahan ini menambak, membuat tambakan yang tinggi untuk taman mereka. Akhirnya, ia mendatangkan gangguan kepada pengairan dan saliran di kampung berkenaan. Oleh itu, Semerah minta supaya kerajaan meneliti secara berfokus kalau boleh melibatkan Pengerusi JKK atau ketua kampung, sama ada untuk menentukan kelulusan projek berkenaan di peringkat PBT dan Majlis Perbandaran.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, titah ucapan Tuanku juga menyeru agar diperkasakan Sistem Pendidikan Sekolah Agama di Johor dalam perkara 47, 48 dan 49. Semerah mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan Johor yang amat prihatin di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sekarang ini, sentiasa mengambil berat dalam soal sekolah agama atau pendidikan agama. Walaupun masih ada lagi beberapa kelemahan dan kekurangan yang timbul. Begitu juga saya dimaklumkan akan ada pengambilan baru pegawai-pegawai perkhidmatan agama yakni guru-guru agama DG29 dalam masa terdekat bagi mengatasi kekurangan guru yang amat nyata sekali. Alhamdulillah di Semerah hanya tinggal satu sahaja sekolah agama yang menumpang di sekolah kebangsaan iaitu di Sekolah Agama Kampung Lubuk. Ini pun tanahnya telah ada diwakafkan. Jadi mohonlah supaya pihak pejabat ataupun Majlis Agama Islam mempertimbangkan atau mempercepatkan pembinaannya.

Selain daripada itu, banyak sekolah juga sekolah-sekolah agama ini yang beberapa kekurangan dan kerosakan dari segi meja, kerusi, peralatan mengajar serta bangunan lama, papan yang merbahaya untuk pelajar. Jadi mohon diambil perhatian supaya ia tidak menjejaskan sistem pembelajaran dan pengajaran di sekolah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebagaimana titah ucapan Tuanku dalam perkara 52, kita amat menyanjung tinggi dan berterima kasih atas segala usaha dan pengorbanan yang terus dicurahkan oleh pasukan keselamatan. Kita sedia maklum kerajaan sentiasa melihat keperluan dan keselesaan kepada pasukan keselamatan. Walau bagaimanapun, beberapa kekangan dihadapi. PDRM merupakan pasukan keselamatan yang terlalu hampir dengan rakyat bagi mempastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat terus terjamin. Jika Yang Berhormat Tan Sri Speaker, jika kita mengikut standard antarabangsa, nisbah Polis dan penduduk ialah 1 : 250 penduduk. Di negara kita mungkin masih jauh lagi, lebih-lebih lagi saya bawakan di DUN Semerah iaitu Balai Polis Semerah ini, nisbah penduduknya, jumlah penduduknya ialah 26,000 orang tetapi anggota yang bertugas hanya 15 orang sahaja. Maknanya nisbah 1 : 1700 lebih orang. Dan ini pastinya jauh jarak dengan standard antarabangsa, seperti langit dengan bumi.

Walau bagaimanapun, pasukan PDRM ini walaupun anggotanya kurang mereka telah menggunakan kudrat dan pengalamannya yang mereka ada bertugas dengan penuh dedikasi tanpa mengira masa dengan akhirnya mengurangkan terus kadar jenayah di kawasan Semerah setiap tahun dengan kerjasama masyarakat. Oleh itu, bagi mengurangkan beban dan tekanan tugas yang pastinya dihadapi oleh anggota keselamatan, kerajaan hendaklah meneliti secara serius untuk tambahan anggota Polis di setiap Balai Polis di setiap daerah di negeri ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tahniah juga kepada kerajaan kerana menambah sebanyak 70 *hotspot* baru Johor *WiFi* bagi memberikan kemudahan kepada rakyat secara percuma untuk melayari Internet. Ini untuk menjadikan bangsa Johor, bangsa yang bermaklumat. Harapan Semerah kali ini janganlah kawasan DUN Semerah terus ditinggalkan sebagaimana fasa pertama satu-satunya kawasan DUN yang tidak ada *hotspot* Johor *WiFi* ialah di kawasan DUN Semerah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih juga kesediaan kerajaan melalui Permodalan Darul Takzim menyediakan Tabung Sarjana PDT untuk memberi peluang iaitu pada tahun 2016, seramai 50 orang pelajar dan pada tahun 2017, seramai 245 orang. Semerah percaya tentu lebih ramai yang memohon. Oleh itu, dicadangkan Tabung Sarjana PDT ini ditingkatkan kepada 500 orang dan diwujudkan pula Tabung PhD PDT, untuk permulaannya bolehlah untuk 20 orang atau 50 orang. Ini selaras untuk menjadikan bangsa Johor yang berpendidikan tinggi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga melihat bahawa YB penggaram dan YB Yong Peng ini terlalu berminat, terlalu berminat untuk hadir dalam Mesyuarat Penuh Ahli Majlis. Kalau kita teliti bahawa kita mempunyai tiga peringkat kerajaan, kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan. Biarlah Ahli-Ahli Majlis yang berbahas di forum mereka. Kita sebagai Ahli Wakil Rakyat berbahas di Dewan yang mulia ini. Kalau kita teliti lagi, kerajaan Pulau Pinang dan Selangor juga tidak pernah menjemput dan mempersilakan ADUN-ADUN pembangkang di negeri-negeri berkenaan. Jadi malu juga kalau kita hadir.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Semerah mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan rombongannya ke kawasan DUN Semerah semasa lawatan kerja ke Parlimen Parit Sulong pada 23 Januari 2017 yang lalu. Banyak kelulusan projek-projek yang telah diluluskan untuk memberi kemudahan dan keselesaan kepada rakyat. Sejumlah lebih daripada RM59 juta telah diluluskan pada hari berkenaan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Semerah mengucapkan terima kasih kepada kerajaan dan jabatan serta agensi kerajaan kerana sentiasa memberikan perhatian dalam melaksanakan segala keperluan, kemudahan serta kesejahteraan rakyat. Walau bagaimanapun, beberapa projek yang dibangkitkan dalam Sidang DUN yang Ke-13 sebelum ini mohon dipertimbangkan. Projek-projek ini nilainya lebih tinggi dari biasa.

1. Ialah pembinaan jalan negeri, Kampung Parit Kuda Mukim 1 Semerah sepanjang 3.5 km iaitu menaik taraf jalan kampung kepada jalan negeri untuk memberi kemudahan kepada 5,000 orang pengguna.

2. Pembinaan jambatan kedua Batu Pahat bagi mengatasi kesesakan yang sering berlaku.

3. Ialah pembinaan Pusat Kesihatan DUN Semerah di atas tanah yang telah sedia ada di Kampung Lubok sejak 15 tahun yang lalu.

4. Pembinaan sebuah lagi sekolah rendah di Mukim 3 Peserai. Satu-satunya bagi menampung Sekolah Kebangsaan Peserai iaitu satu-satunya sekolah dalam mukim berkenaan dan tanah telah pun sedia ada sejak 5 tahun yang lalu.

5. Ialah menaik taraf kawasan pertumbuhan ekonomi desa di Teluk Wawasan Mukim 2 Bagan yang menjadikan sumber ekonomi kepada Persatuan Nelayan dan penduduk setempat bagi meningkatkan ekonomi dan meningkatkan pendapatan penduduk berkenaan

YB Speaker : Sila gulung.

YB Encik Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) : Akhirnya Tan Sri Pengerusi, Tan Sri Spaker, Semerah mohon menyokong usul menjunjung titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang dibawakan oleh YB Bukit Permai. Sekian wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Semerah. Hanya untuk panduan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam Dewan ini tidak boleh menyebut nama hanya yang disebut ialah jawatan atau nama kawasan jadi tak perlulah kita sebut Yang Amat Berhormat Dato' Khaled Nordin Menteri Besar, tak. Yang Amat Berhormat Menteri Besar ialah orang yang menjadi Menteri Besar semasa, jadi tak perlulah kita sebut Yang Berhormat. Yang Berhormat Ismail daripada Semerah tak perlu, Yang Berhormat Semerah itulah yang bermaksud Yang Berhormat Mohd Ismail. Jadi lazimnya diguna pakai ialah kita menyebut nama kawasan atau nama jawatan tidak nama perseorangan itu. Walaupun tidak salah tetapi peraturan yang dipakai di Parlimen mahupun di Dewan Negeri dia hanya menyebut jawatan. Tidak salah menyebut nama, cuma yang diguna pakai dalam praktis yang sebenarnya hanya menyebut nama jawatan. Ini sebagai maklumanlah, tidak jadi salah cuma sebagai Yang Berhormat jadi kita sebutlah perkara-perkara yang berkaitan dengan peraturan-peraturan Dewan kita. Terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pemanis.

YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Ahli Dewan sekalian, Pemanis mohon mempersembahkan dua buah pantun dari anak buah kawasan, 'tumbuhlah putik tidak sehari, daun menadah senduduk bersemi, tumbuhlah negeri bukanlah mimpi, namun merendah tunduk ke bumi'. (Dewan bertepuk). 'Burung dara terbang tinggi, turun ke Sungai Kuala Seberang,

sungguh gemilang inisiatif MB, membawa negeri ke landasan gemilang'. (Dewan bertepuk).

Pemanis menjunjung kasih di atas pesanan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sebagaimana yang disampaikan oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor bahawa kami barisan Ahli Dewan Negeri Johor akan menggunakan tempoh masa baki sebelum tamat penggal perkhidmatan ini untuk memberikan khidmat yang terbaik demi kepentingan rakyat dan negeri Johor. Sesungguhnya pesanan dan amanat Tuanku Sultan itu benar kami hadami dan junjung sepenuhnya. Menjunjung kasih tuanku.

Pada kesempatan ini, suka saya mengajak rakan pembangkang bahawa marilah kita sama-sama memulih dan mempertahankan tradisi dan ekologi politik sederhana yang diamalkan di negeri Johor selama ini. Tidaklah perlu ada plot 40,000 orang Bangla. Kebetulan saya ada pada saluran yang sama dengan Semerah. Menjadi pengundi aksi tangkap hantu, tohmahan tutup lampu elektrik terpadam di dalam bilik mengira undi dan sebagainya. Tidak perlu beraksi bagai terkena rasuk di dalam Dewan. Dan juga, tidak usah ganggu penggulungan Yang Amat Berhormat Menteri Besar seperti yang berlaku pada Sidang Bajet Penggal yang lepas. Lupalah segala aksi yang semata-mata...

YB Timbalan Speaker : YB. Sila duduk. Terima kasih Yang Berhormat Pemanis, sila sambung.

YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Terima kasih Tan Sri Speaker, marilah lupakanlah segala aksi yang semata-mata bertujuan untuk meraihkan siaran media. Marilah kita bekerja keras tunjukkan kad laporan prestasi apabila tiba masanya. Akur dengan pesanan Duli Yang Maha Mulia Sultan. Pemanis juga menjunjung pesanan bahawa sekiranya segala pengorbanan yang dilakukan dibuat secara jujur dan ikhlas pasti rakyat akan dapat menilai sendiri prestasi dan ketokohan wakil-wakil rakyat.

Juga dengan penuh rasa kesyukuran, saya merakamkan penghargaan tidak terhingga kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan jentera kerajaan negeri Johor yang dipacu seluruhnya sebulat tekad dan matlamat untuk membawa negeri kita ini ke satu aras yang lebih baik, makmur, dihormati dan menjadi contoh.

Sungguh memang terkesan dan menampakkan butiran hasil atas segala usaha yang telah dilakukan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk kesejahteraan rakyat Johor, terbukti di antaranya dengan catatan nilai pelaburan asing yang tertinggi mendahului semua negeri lain di Malaysia untuk tahun 2016. Semua kerja keras ini dilakukan tanpa mengesampingkan nilai-nilai insaniah yang menjadi teras dalam pembinaan bangsa Johor yang menjiwakan suara hati rakyat meliputi kebudayaan, kesukarelaan, keprihatinan kepada insan lain, pembina kemahiran, pembelaan wanita dan pendidikan.

Barisan ADUN yang ada di Dewan pada hari ini tentunya memberikan sokongan penuh lagi jitu, satu pasukan dalam *Team* Johor untuk meletakkan segenap jiwa raga menyokong, mempertahankan dan bersama-sama Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam meneruskan usaha-usaha murni ini. Kerajaan Barisan Nasional memberi kekuatan dan keupayaan amat tinggi untuk membawa bangsa Johor ke satu aras yang terbilang, yang meletakkan bangsa Johor di satu kelas jauh ke

hadapan daripada yang lain. Izinkan Pemanis memberi beberapa pandangan dalam pengisian kelas tunggal tersendiri bangsa Johor ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pertama kita perlu awasi falasi, keajaiban faktor tunggal. Semua kejayaan atau kegagalan merupakan hasil gabungan banyak faktor penyebab. Hakikat ini jelas digambarkan contohnya apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar menjawab soalan Rengit dan Tenang semalam berkenaan apakah faktor yang memberi impak positif kepada prestasi FDI.

Penyelesaian masalah seharusnya berdasarkan pelbagai sudut dan peringkat, lantas tidak boleh pukul sama rata. Falasi yang biasa di kalangan orang awam adalah dengan menganggap bahawa semua masalah boleh diselesaikan, dengan menguasai satu kunci ajaib atau menekan satu suis utama dan suis itu termasuklah menukar kerajaan, menukar sistem politik, mengubah perlembagaan atau format pendidikan. Itu tidak benar sama sekali dan silap. Sebelum kita fikir hendak mengubah semua itu, marilah kita menepuk dada dan bertanya sendiri adakah sudahnya saya berusaha bersungguh-sungguh, sekeras-kerasnya sepintar dan sedaya upaya yang boleh. Kita perlu perbetulkan pemahaman jangkaan dan harapan ini. Penyelesaian masalah dan pemilihan negara bangsa sebenarnya berlaku meliputi segenap lapisan, peringkat kebangsaan, negeri, daerah, DUN, komuniti, akar umbi, keluarga dan kita, individu dan perlu berjalan sepanjang masa. Perumpamaan mengkiaskan sebagai sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kedua, pengupayaan akar umbi untuk menjana tenaga dari atas ke bawah, dari bawah ke atas, *bottom up* melengkapi usaha *top down* daripada atas ke bawah. Pembangunan intensif yang mampan memerlukan usaha yang bukan sahaja pada pendekatan *top down* dengan izin seperti program transformasi kerajaan peringkat kebangsaan atau pelan tindakan strategik, pertumbuhan peringkat negeri tetapi juga perlu dilengkapi dengan kaedah *bottom up* mengambil kira segala idea dan hasil yang mungkin di luar perancangan kerajaan. Dari situ kita memerlukan pembinaan dan kekukuhan pada peringkat akar umbi yang akhirnya dapat menyelesaikan banyak masalah pada peringkat atasan.

Pada perbahasan di dalam Sidang Dewan Negeri Johor bulan Jun tahun 2007 iaitu 10 tahun dahulu, Pemanis pernah berbahas mengenai keperluan untuk diwujudkan kesedaran pertumbuhan ekonomi pada peringkat daerah melalui satu cadangan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Segamat.

Satu badan khas yang berusaha untuk memikir, merancang, meneliti, melaksanakan dan memantau projek-projek pembangunan khas ekonomi pada peringkat daerah. Antara lain saya mengutarakan keperluan kita untuk memahami bahawa banyak kegagalan pelaksanaan dan pertumbuhan kegiatan ekonomi adalah kerana kita terlepas pandang keperluan melatih pemimpin-pemimpin kita untuk berfikir dan bertindak secara ekonomi. Mereka inilah agen dan juga pengantara untuk kita memacu dan memacu pertumbuhan ekonomi setempat.

Perlunya penglibatan tenaga akar umbi bukan terhad kepada ekonomi Yang Berhormat Tan Sri Speaker, perlu juga dalam bidang sosiobudaya dan pendidikan sama juga. Contoh yang paling jelas jika ibu bapa tidak peduli hal pembelajaran anak mereka, tidak ambil berat tentang sekolah, bagaimanakah sekolah dapat melengkapi pendidikan mereka yang diusahakan dari punca negeri dan kebangsaan. Saya berpeluang untuk belajar dan melawat ke negara-negara maju di luar sana. Apa yang saya amati, rakyat mereka lebih cenderung membaca

akhbar edisi tempatan. Meneliti perkembangan yang berlalu di dalam komuniti sekeliling. Mereka amat mengambil berat dan teliti dalam hal-hal mikro sebegini. Memang ada satu corak yang menghubungkan kemajuan negara dan kesuburan akar umbi. Ini termasuk Amerika Syarikat, bandar-bandar utama di negara China, Taiwan, Jepun dan Korea. Kerajaan dan akar umbi sentiasa saling melengkapi.

Justeru saya merumuskan apabila hal-hal mikro ini dijaga dengan baik, sihat, kuat, subur, masalah-masalah yang terjadi tidak akan sampai meleret ke peringkat atasan atau tahap berikutnya. Sama ada pada peringkat negeri atau kebangsaan. Intervensi khusus dan sistematik pada peringkat mikro harus dilakukan. Bagaimana intervensi pada peringkat mikro hendak dilaksanakan, ini bawa kepada perkara berikutnya.

Ketiga, perolehan tenaga manusia berprestasi tinggi. Iaitu membawa atau menurunkan kumpulan tenaga dan pegawai pakar atau pegawai pada peringkat persekutuan ke peringkat akar umbi terutamanya daerah. Mereka boleh merancang dan membentuk hala tuju dan membimbing pada peringkat mikro. Dalam hal ini, kementerian lain harus mencontohi Kementerian Pendidikan Malaysia yang beriltizam menurunkan lebih banyak tenaga ke peringkat bawahan sebagaimana dinyatakan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 ke 2025. Dengan memperjuangkan ini, kita akan dapat memperkayakan sumber manusia yang berperanan tinggi dalam kumpulan pentadbiran di negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apa yang saya utarakan menerusi pendekatan *bottom up* ini merupakan apa yang saya cuba terjemahkan menerusi tindakan saya sejak hari pertama saya menjadi seorang Wakil Rakyat. Sepanjang tempoh saya berkhidmat, Pemanis mengikuti satu pendekatan yang menjurus kepada matlamat-matlamat berikut:

1. Memberikan pendidikan dan kefahaman kepada rakyat bagaimana perjalanan pentadbiran negara dan negeri ini, menerusi cabang-cabang kuasa yang ada ia juga melibatkan cara bagaimana kita boleh memperkasa fungsi dan peranan *legislative*.

2. Merangsang akar umbi untuk menjadi lebih dinamik menerusi rangkaian politik, NGO, kumpulan-kumpulan tertentu malah individu yang mempunyai pengalaman dan kepakaran spesifik.

3. Mengukuhkan peranan dan pengiktirafan yang dimainkan oleh wakil-wakil kerajaan seperti penghulu, ketua kampung, ketua masyarakat dan Ahli-Ahli Majlis.

Semua ini saya simpulkan dalam kerangka visi Pemanis yang kemudiannya dimurnikan menjadi teras utama Pemanis mengikut 8 nilai yang saya fikir boleh memantapkan keadaan pada peringkat mikro. Pemanis sedia berkongsi pengalaman ini, perlu tegas di sini usaha-usaha ini bukan sesuatu yang mudah bagai disebutkan tadi. Kita perlu sedia menghadapi cabaran kekurangan sumber tenaga dan gangguan perosak masyarakat berjawatan.

Pemanis menyimpulkan bahawa perlunya mewujudkan institut perkhidmatan sosial yang melibatkan kerjasama 3 bidang iaitu kerajaan, swasta dan bukan kerajaan. Untuk mengupayakan NGO, kumpulan-kumpulan komuniti termasuk unit-unit politik.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

4. Mempertingkat prestasi parti politik dan NGO. Negeri kita yang kaya ini terdiri daripada banyak kawasan luar bandar. Justeru ramai tenaga profesional dan berkemahiran tinggi kita yang berhijrah ke Singapura dan Lembah Klang demi tuntutan ekonomi. Saya pernah suarakan hal ini suatu ketika, kita menghadapi masalah *boundaring* yang ada kesan sampingan terhadap perolehan sumber perkhidmatan NGO dan parti politik.

   Persepsi antarabangsa pada kini terhadap politik sekarang ini amat rendah sekali. Langkah intervensi ini adalah bagi meraih kedudukan teratas dalam persepsi keyakinan umum terhadap keupayaan NGO dan unit politik. Kita tidak mahu unit-unit politik atau sesetengah NGO dijadikan platform bagi sesetengah orang sebagai jalan pintas bagi mengaut sumber atau kuasa. Semuanya harus berjalan secara meritokratik, ganjaran yang diberikan sama ada dalam bentuk pengurusan, sumber aktiviti, peluang latihan, hadiah dan sebagainya harus berpegang kepada amalan organisasi yang membuktikan perkhidmatan dan pencapaian mereka.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

5. Orang Johor sayang orang Johor. Johor harus menerbitkan konsep dan rasa mendalam bahawa orang Johor sayang orang Johor. Ini meliputi 2 aspek. Satu, anak Johor perlu diberi pendidikan dan kasih sayang yang secukup-cukupnya. Kebanyakan masalah pada peringkat mikro boleh diselesaikan menerusi institusi keluarga. Maka saya mencadangkan agar Johor menubuhkan Pusat Pendidikan Keibubapaan Johor. Masalah anak sekolah dan masalah sosial mencerminkan masalah ibu bapa dan masyarakat. Kumpulan dan tenaga pakar terutamanya dari perkhidmatan kaunseling dan pendidikan boleh digunakan untuk tujuan pusat Pendidikan Keibubapaan Johor ini.

Kedua, aspek orang Johor sayang orang Johor. Bangsa Johor perlu menghormati hak manusia. Orang Johor tidak akan membiarkan orang Johor ditipu, ditindas, dibuli sama ada sesama sendiri ataupun orang lain disebabkan kelemahan atau kekurangan. Orang Johor tidak akan bertindak secara biadap di media sosial, orang Johor akan sentiasa menggunakan Internet dengan wajar mengikut budaya Johor.

Kita tahu dan statistik memang membuktikan bahawa orang Malaysia makin senang melibatkan diri dalam skim yang meragukan dan terjatuh dalam perangkap penipuan dan penindasan. Lebih terperinci lagi apabila Bank Negara Malaysia melaporkan pada 24 Februari 2017, terdapat 288 syarikat tidak mendapat kebenaran menjalankan kegiatan kewangan, pelaburan wang asing, emas atau bersifat *money games.*

Orang Johor juga tidak akan membiarkan wanita Johor menjadi mangsa *Africa Scams*, keldai dadah dan mangsa penipuan di media sosial. Orang Johor harus rasa malu jika tidak dapat melindungi wanita Johor. Justeru, untuk terus memimpin dan ke hadapan, Johor seharusnya mengusahakan satu badan khas untuk membuat pengawalan terhadap semua ini dan melindungi keselamatan orang Johor. Sama-samalah kita fikirkan kerana kita seharusnya sayangkan orang Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

sebagai kesimpulan, dengan pencapaian Johor yang lengkap, mempunyai langkah intervensi dan jangkauan pelan ke hadapan barulah kita boleh mengambil peranan dan menyumbang kepada penyelesaian sebahagian daripada masalah negara kita Malaysia ini. Johor yang sentiasa memimpin seluruh bangsa Johor yang berpadu di bawah *Team* Johor. Atas kasih sayang yang diberikan dan pemantauan yang dilakukan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan, Johor yang memecut untuk menjadi *The Economy Powerhouse* di samping nilai insaniah yang kita terapkan dalam kerangka budaya dan cara kita orang Johor, marilah berusaha bersama-sama walaupun ini penggal terakhir untuk Dewan Negeri Johor Yang Ke-13, itu tidak bermakna kita terlerai dari menyayangi Johor. Untuk akhiri ucapan saya, saya ucapkan selamat menyambut Hari Wesak, dan suka saya ulang aspirasi yang saya kemukakan dalam ucapan pertama saya di Dewan ini, pada tahun 2004, iaitu Johor tentunya harus memimpin.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dengan ini saya menyokong usul Bukit Permai. Terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Pemanis. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Stulang.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Stulang ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan rasa syukur atas peluang yang diberikan dalam perbahasan usul menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Amat Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor Yang Ke-13.

Tan Sri Speaker, rakyat sekarang rata-rata telah dibelenggui dengan kos sara hidup yang terlalu tinggi dan cukup menekan. Keadaan ini boleh dirasai apabila kita berinteraksi dengan rakyat di peringkat akar umbi. Jadi, keadaan yang boleh dirasai dan dilihat adalah seperti tak payah cakap nak beli rumah, malah ramai yang cakap sewa rumah pun tak mampu lagi. Mereka cukup susah, dan duit makan pun tidak cukup. Tambang, tambang nak balik raya pun susah. Ingin bersama keluarga semasa perayaan Tahun Baru ataupun Hari Raya, telah menjadi sesuatu yang mewah bagi sesetengah orang. Ada dah tak nak baliklah, kerana apa, kerana dia cakap mana ada duit? Kerana nak balik, nak bagi mak bapak kalau tak ada, malu. Ha, ini yang mereka cakap pada saya, saya dengar. Saya pun rasa apa bendalah. Cukup susah. Ada makcik yang cakap dengan saya, dia cakap sekarang nak anak bagi saya RM100.00 pun susah satu bulan, bukan anak tak baik tapi keadaan yang memang begitu, mereka memang susah. Tu aje yang dia cakap sama saya. Dan saya ada kawan juga yang jadi pemilik *petrol station*, stesen minyak. Ini dia tengok sekarang ada orang bawa motor, isi minyak RM1.00. Kereta, ada orang isi minyak bukan *full tank*, bukan tangki penuh, RM5.00 pun ada. Ada dah semakin hari dan semakin banyak dan semakin hari, paras menjadi semakin menurun. Ada yang kalau saya pergi kampung-kampung boleh nampak, lampu tak hidup, bumbung rumah bocor, rumah bau hapak dan sebagainya dan tak ada duit untuk. Mereka bukan tak ada duit nak tukar mentol, tapi mereka rasa kalau boleh jimat, jimat. Tak ada apa, tak apa lagi kerana ada benda lagi yang lebih penting untuk digunakan. Kalau nak makan luar, tak *order* air. Air tak ada. Makan aje, saya tengok ada *family*, tak ada air. Bawa air kosong saja pun ada. Saya pun pernah pergi pasar beli ikan. Saya tengok makcik toleh itu ikan kembung,

berapa kali toleh, tengok-tengok tak jadi beli, dia cakap mahal. Malah inilah yang berlaku kepada masyarakat kita, dan jadi langsung tak payah fikir nak menabung. Jadi lantaran itu, ramai yang terpaksa bekerja sambilan kalau ada atau mencari jalan keluar yang lain.

Salah satu adalah mereka memilih untuk bekerja ke Singapura. Di sini saya ingin timbulkan fenomena rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura. Mereka yang memilih untuk berulang alik Singapura-JB setiap hari, bukan kerana mereka suka berbuat demikian, sebaliknya mereka terpaksa berbuat demikian, kerana tekanan kos sara hidup yang terlalu tinggi. Pada masa ini, bukan Cina dan India sahaja yang terlibat, bahkan ramai orang Melayu, demi keluarga dan anak terpaksa juga melibatkan diri dalam kemelut hidup kerja yang begitu mencabar. Perlu saya tegaskan di sini, ini adalah masalah setiap bangsa, setiap bangsa yang melibatkan ratusan ribu orang. Kalau dikira dengan ahli keluarga mereka, angka ini mencecah jutaan, jutaan yang terlibat. Saya ada tanya dengan seorang Melayu yang tiap-tiap hari ulang alik Johor Bahru-Singapura. Saya tanya dia mengapa kerja di Singapura, boleh tahan ke ulang alik? Saya tanya ini macam la, dia cakap gaji di sini Johor lagi tak boleh tahan. Ini adalah apa yang satu mesej yang dia sampaikan kepada saya. Jadi, apakah cabaran mereka, apakah kesukaran mereka? Ya. Ingin saya menyuarakan isu ini agar kerajaan lebih memahami keadaan liku hidup rakyat ini. Diharapkan juga kerajaan Johor akan lebih peka dalam isu ini agar dasar-dasar atau langkah-langkah yang lebih konkrit dan lebih berkesan dapat dilaksanakan untuk menolong mereka dan seterusnya membawa kemakmuran untuk rakyat Johor. Kesukaran mereka, ada beberapa kesukaran mereka. Saya utarakan satu persatu secara terperinci kerana hari ini satu isu sahaja yang saya nak bawa ialah isu ini.

Yang pertama, mereka terpaksa mengorbankan masa untuk bersama dengan keluarga mereka. Mereka terpaksa bangun seawal 4 pagi dan balik pada waktu malam. Apabila mereka keluar bekerja, anak mereka belum bangun lagi. Bila mereka balik kerja, anak mereka sudah tidur. Cuba bayangkanlah betapa nasib baik kita sini. Ya, mereka yang bekerja di sana ulang alik tiap-tiap hari perlu mengharungi keadaan ini.

Yang kedua, risiko kemalangan. Risiko kemalangan merupakan, di Tambak Johor ini merupakan risiko yang boleh mengorbankan nyawa. Tidak kurang juga kita mendengar fenomena di mana rakyat Malaysia menimpa kemalangan dan yang meninggal dunia dalam perjalanan ke kerja mereka. Kerisauan terhadap, kerisauan keluarga terhadap keselamatan suami, isteri, ibu, bapa atau anak-anak mereka merupakan satu tekanan jiwa yang cukup menyiksa, cukup seksa. Apabila ahli keluarga belum balik pada masa yang sepatutnya mereka balik, masa itulah jiwa kerisauan mereka bergelora. Telefon pun tak angkat, kerana tengah bawa motor kan. Kadang-kanak nak telefon pun juga takut mereka tengah bawa motor, takut bahaya. Ha, inilah. Boleh rasa tak macam mana keadaan ini.

Yang ketiga, mereka lambat kerana kesesakan lalu lintas di Tambak Johor. Masa yang panjang juga digunakan untuk *flow process clearance* di Imigresen Johor-Singapura. Kesesakan kadang-kadang boleh sampai masa dua hingga tiga jam. Kalau masa kadang-kadang lebih *extreme*, dengan izin, boleh sampai empat jam. Cuba bayangkan, sesak empat jam. Berapa banyak asap daripada ekzos yang dihisap, motor karbon dioksida dan karbon monoksida yang dihisap. Jadi, untuk mengurangkan, saya tengok, untuk mengurangkan pembebasan bertoksik dari ekzos motosikal, boleh nampak juga ribuan penunggang motosikal yang terkandas dalam kesesakan lalu lintas tersebut, mereka mematikan enjin, menggunakan

kedua-dua kaki mereka untuk menggerakkan motosikal mereka sepanjang saya tak tahu berapa meter. Ha, inilah kerana mereka. Saya ada yang masih hidupkan enjin, jadi mereka yang tepi akan terpengaruh, terhidap asap.

Jadi, ada juga oleh kerana terperangkap dalam kesesakan dan takut lewat sampai ke tempat kerja, mereka memilih apa? Mereka memilih untuk berjalan kaki dari JB Central melalui CIQ kemudian melalui Tambak Johor sepanjang 1 kilometer sehingga ke Kompleks Imigresen Singapura. Jumlah keseluruhan jarak adalah sekitar 1.5 kilometer. Berjalan. Kemudian, ada yang menaiki kereta api. Ini pun bukan sesuatu yang senang, untuk membeli tiket kereta api pun, perlu berebut. Memang sukar untuk mendapatkan tiket kereta api dari Johor Bahru ke Singapura pada masa puncak. Tiket masa puncak perlu dibeli seawal sebulan dari tarikh perjalanan, dan mereka perlu tunggu di depan komputer untuk merebut talian masuk ke laman web jualan tiket KTM.

Kalau tak dapat masuk, maksudnya tak dapat tiketlah. Ha inilah susah. Yang keempat, mereka juga tidak cukup tidur, ada yang tidur dalam bas dengan keadaan tidur yang putus-putus tanpa sebarang kenyenyakan. Ada yang tidur di tepi jalan, ramai yang tidur di tepi jalan sahaja kerana bila mereka balik dari Singapura, mereka tak sempat nak balik rumah, kerana jika balik rumah selepas satu jam atau dua jam, mereka kena keluar lagi. Jadi, mereka tidur dekat kaki lima sahaja untuk merehatkan diri bagi meneruskan kehidupan kerja yang *hectic* dalam masa yang amat suntuk. Kumpulan ini juga terdedah dengan risiko rompakan.

Jadi pendek kata, pendek kata mereka menggunakan kesihatan dan nyawa mereka untuk mencari nafkah hidup. Mereka sebenarnya banyak menyumbang kepada Johor. Mereka bekerja di luar negara dan membawa balik gaji titik peluh mereka, dan berbelanja untuk keluarga mereka di Johor. Tukaran mata wang asing ini telah dibawa masuk ke Malaysia, dengan kata lain wang upah yang mereka bawa balik telah membawa kemakmuran ekonomi negeri Johor.

Dalam jawapan di Sidang Dewan yang dahulu, anggaran mereka yang bekerja di Singapura sekitar 200,000 sehari. 200,000. Jadi, kalau saya kira, saya tak, saya kira secara tuntaslah untuk memberi satu gambaran sahaja. kalau seorang gaji dia purata SD2,000.00, ada yang seribu lebih, ada yang 3,000.00, ada yang 2,000.00, ada 4,000.00 ada yang SD5,000.00. Ada yang seribu lebih. Jadi, purata saya kita SD2,000.00 sudah cukup. Satu bulan, mereka akan membawa balik RM1.24 bilion balik ke Johor sini. Dalam satu tahun, RM1.24 bilion kali 12 adalah sekitar RM15 bilion setahun mereka membawa balik wang yang sebegitu banyak. Jadi, di Filipina, Presiden Filipina terang-terang memuji dan mengiktiraf sumbangan pembantu rumah mereka kepada negara Filipina yang berada di seluruh dunia.

Jadi, saya berharap kita janganlah hanya sentiasa menyuruh rakyat berterima kasih kepada kerajaan, kerana ini kerana itu. Saya rasa sebagai kerajaan yang betul-betul prihatin dan rendah diri, kita perlu berterima kasih kepada rakyat yang banyak berkorban untuk negara dengan bekerja dengan rajin dan dedikasi. (Dewan bertepuk).

Rakyat bukan sahaja dia kerja rajin sahaja, bahkan memberikan undi kepada parti-parti politik yang membolehkan kerajaan dibentuk. Jadi di sini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakyat Malaysia, kelas pekerja, sama ada bekerja di tempatan atau Singapura yang masih begitu kental dan bersabar dalam kemelut hidup mereka. Mereka selain bekerja untuk keluarga,

mereka juga menyumbang kepada negara. Mereka sememangnya adalah kumpulan yang patut dihormati. Jadi, adakah mereka memilih jalan ini kerana semata-mata untuk nilai mata wang Singapura yang lebih tinggi? Ramai di antara mereka yang ditemu ramah mengatakan, mereka sebenarnya tiada pilihan. Siapa yang mahu mengharungi kehidupan sebegini, sekiranya mereka mempunyai jalan yang lebih baik?

Yang pertama, adalah kerana kos sara hidup yang terlalu tinggi, gaji yang dicari tidak cukup. Pemilik-pemilik perniagaan atau kilang-kilang rata-rata tidak mampu menawarkan pekerjaan dengan gaji yang tinggi kerana ia tidak setimpal dengan perniagaan yang dijanakan. Maknanya, *business* kurang, macam mana nak bagi gaji tinggi? Jadi, usaha oleh kerajaan dalam memperkasakan ekonomi Johor, sama ada industri tempatan, pembuatan, penjenamaan, pelaburan, perdagangan antarabangsa, sektor kewangan, industri berteknologi tinggi perlu dipertingkatkan, agar peluang pekerjaan dan gaji secara keseluruhan dapat ditingkatkan.

Selain itu, cadangan saya di sekitar Tambak Johor adalah sebegini. Yang pertama, memperbaiki keadaan lalu lintas Tambak Johor. Yang kedua, menyediakan laluan pejalan kaki yang selamat di Tambak Johor agar mereka yang berjalan kaki tidak akan ditimpa kemalangan. Yang ketiga, tempat *parking* kereta yang mencukupi atau tempat *parking* kereta bertingkat perlu dibina untuk menyelesaikan masalah meletak kenderaan yang tidak terkawal di pusat bandar raya Johor Bahru.

Yang keempat, memperbaiki dan memendekkan segala urusan yang berkaitan dengan prosedur *clearance* tanpa mempengaruhi tahap keselamatan agar masa dapat dijimatkan. Yang kelima, dalam jangka masa yang panjang, sistem pengangkutan yang menghubungkan CIQ dengan penempatan setempat perlu lebih berkesan agar mereka yang duduk seperti di Johor Jaya, Skudai, Tebrau tidak perlu membawa kenderaan persendirian ke pusat bandar Johor Bahru sebelum masuk ke Singapura. Ini akan menurunkan bilangan kereta di pusat bandar Johor Bahru. Yang keenam, apakah perancangan kerajaan di kawasan sekitar CIQ dan Johor Bahru sekiranya bilangan orang yang berulang alik Johor Bahru - Singapura bertambah dalam masa lima tahun yang akan datang? Saya rasa ini satu soalan yang kerajaan Johor patut memikir dengan semasak-masaknya kerana masalah Tambak Johor ini merupakan kerana Tambak Johor merupakan pintu masuk yang utama untuk para pelancong asing. Keadaan huru-hara dan sesak akan mengurangkan kadar pelancong yang mahu datang ke Malaysia.

Masalah kesesakan Tambak Johor dan keadaan trafik di pusat bandar ini perlu dipantau dan diselesaikan secepat mungkin kerana kegagalan untuk menyelesaikan atau memperbaiki masalah ini akan menjadikan sebarang usaha pada masa depan untuk menyelesaikan masalah ini menemui jalan buntu atau memerlukan usaha ataupun kos yang lebih tinggi...

YB Speaker : Yang Berhormat Stulang, sila duduk. Boleh sambung esok. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan persidangan ini sehingga hari esok Selasa, 9 Mei jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 5:00 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KEEMPAT	SELASA, 09 MEI 2017	BIL. 14 TAHUN 13

HADIR

YB Speaker,
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., SMIJ., DSPN., PIS.
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Haji Md. Jais bin Haji Sarday, PJN., KMN., PSI.
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN., PSI.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM., PSI.
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim, PIS., PSI.
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed, PSI.
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.

Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., AMN., PPN., PSI.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba, SSAP., SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Tuan Haji Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.

(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim VERBATIM 9 MEI 2017 _full_
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

YB Dato' Seri Haji Saipolbahari bin Haji Suib, SSAP., DIMP., AMN., KMN., JMN., PIS.
(Bukit Naning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat, DPSM. KMN.
(Kempas)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)
YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Dr. Boo Cheng Hau

(Skudai)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Azmi bin Rohani, DMIJ., SMJ., PIS

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Mohd Nasir bin Abdul Salam, SMJ., PIS., PSI.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Datuk Haji Abd. Latif bin Bandi, DPSM., DSM., PSI.
(Endau)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., AMP., PSI.

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.

YB Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Bacaan selawat). Ahli-Ahli Yang Berhormat, syukur alhamdulillah kita telah dapat menjalankan Persidangan kita dengan baik dan saya harap Persidangan dalam keadaan yang baik ini akan terus dapat kita langsungkan sehinggalah Persidangan kita ini tamat pada minggu yang akan datang.

Jurutulis : SOALAN LISAN.

YB Speaker : Yang Berhormat Kukup, jemput.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 1.

Akhir-akhir ini lawatan pihak kepimpinan dan kerajaan ke setiap parlimen di negeri Johor telah dipertikai oleh individu-individu yang tidak bertanggungjawab. Adakah lawatan ini memberikan sesuatu yang signifikan kepada rakyat ataupun sekadar untuk meraih populariti.

YB Speaker : Jemput.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin menjawab pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kukup tentang pertikaian oleh pihak yang menganggap siri-siri lawatan ke Parlimen yang dilakukan oleh saya dan rakan-rakan sebagai tidak bertanggungjawab. Sama ada siri lawatan tersebut adalah bertanggungjawab atau tidak, atau dalam ungkapan sesetengah pihak sebagai gimik politik, saya ingin menegaskan bahawa siri-siri lawatan ke semua Parlimen yang dilakukan tersebut adalah bersebab dan mempunyai kepentingan serta objektifnya yang tersendiri.

Melalui lawatan-lawatan ini, kerajaan negeri serta saya sendiri akan berpeluang melakukan beberapa perkara penting dengan lebih berkesan. Pertama, ia membuka ruang untuk kita memantau sendiri perkembangan bagi segala agenda pembangunan projek serta program pro rakyat yang sedang atau bakal dilaksanakan di sesuatu kawasan Parlimen. Malah dalam lawatan ini jugalah segala komitmen serta titik sentuhan yang sebahagian besarnya dinyatakan dalam Bajet 2017, diumumkan dan dilaksanakan. Misalnya, dalam soal pengambilan balik tanah bagi pembinaan Rumah Mampu Milik Johor yang keseluruhannya berkeluasan 229.753 ekar yang melibatkan kos berjumlah RM54.491 juta. Dan, ini melibatkan pelbagai kawasan daripada 13 tapak yang dikenal pasti, 11 akan melalui proses pengambilan balik tanah. Dan, tanah-tanah ini dikemukakan oleh masyarakat semasa lawatan-lawatan turun ke padang itu.

Selain pengambilan tanah bagi tujuan pembinaan RMMJ, projek pembinaan jalan baru, naik taraf dan penyelenggaraan jaringan jalan raya seluruh Johor turut diberikan perhatian. Dalam aspek ini sejumlah RM416 juta telah diperuntukkan bagi

tujuan menyelenggara pelbagai jalan-jalan negeri, jalan-jalan kampung dan jalan-jalan di Pihak Berkuasa Tempatan. Selain daripada pembinaan dan penaiktarafan jalan lawatan ke Parlimen ini juga memberi perhatian dan penekanan kepada pembinaan infrastruktur pendidikan agama. Antara projek-projek yang difokuskan sepanjang lawatan ini adalah projek-projek sambungan, pembinaan fasa 1 hingga 4, sekolah-sekolah agama dan projek baru fasa 5 sekolah-sekolah agama kerajaan negeri bermula tahun ini.

Dan untuk tahun 2017, sebanyak 30 buah lagi sekolah agama baru akan dibangunkan yang bernilai RM172.804 juta. Dan, sebahagian sekolah-sekolah itu, permohonan itu dikemukakan semasa siri lawatan. Dan yang terakhir, siri lawatan ke Parlimen yang dilakukan itu juga melibatkan pengumuman kelulusan pembinaan 11 buah Dewan Muafakat Johor di pelbagai kawasan di seluruh Johor dengan kos kira-kira RM41.3 juta. Secara keseluruhannya, lawatan ke Parlimen ini melibatkan pengumuman pelbagai inisiatif yang pecahan peruntukan keseluruhannya dibuat bagi memenuhi keperluan dan kepentingan sesuatu kawasan Parlimen tersebut. Secara keseluruhannya, siri lawatan ini melibatkan sejumlah RM1.4 bilion nilai projek yang akan dan sedang dibangunkan dan diperuntukkan sama ada melalui kerajaan negeri, kerajaan pusat, pihak swasta dan syarikat berkaitan kerajaan, yang kesemuanya menyumbang dengan secara bersama bagi menyelesaikan isu-isu dan keperluan rakyat yang dibangkitkan sepanjang lawatan kerja ini. Dan, saya yakin tidak ada satu pun daripada kesemua projek ini yang tidak bersifat pro rakyat sebaliknya setiap satunya mempunyai kepentingan dan keperluan yang tersendiri.

Kedua, saya juga ingin tegaskan yang dalam semua siri lawatan Parlimen ini, ia telah membolehkan berlakunya sesi perjumpaan secara langsung dengan penduduk tempatan. Perkara ini penting kerana ia bukan sahaja menyuburkan amalan demokrasi yang memerlukan kerajaan mendengar suara hati rakyat tetapi membolehkan kita mendapat pandangan serta pencerahan secara terus tentang sesuatu isu atau keperluan daripada penduduk setempat sendiri.

Ketiga, ini menunjukkan bahawa kita benar-benar kerajaan negeri yang insklusif dengan agenda pembangunan yang menyeluruh dan seimbang. Pembangunan di Johor tidak hanya diberi perhatian atau ditumpukan kepada kawasan Johor Bahru atau Pengerang atau di tempat saya di Permas atau Pasir Gudang sahaja. Sebaliknya, kita memastikan yang setiap penjuru Johor menikmati kerancakan pembangunan yang adil dan sewajarnya. (Dewan bertepuk).

Keempat, saya suka untuk menekankan bahawa segala lawatan saya tersebut disertai oleh pengamal media dan mendapat liputan serta laporan yang meluas di media arus perdana serta media sosial. Jadi, segala pengisian serta proses perjalanan lawatan tersebut boleh dilihat dan disemak oleh masyarakat di luar sana secara bebas dan terbuka.

Tan Sri Speaker, saya amat berpuas hati terhadap perlaksanaan lawatan kerja saya ke Parlimen-Parlimen yang telah bermula sejak 3 Januari 2017 di Parlimen Johor Bahru. Dalam tempoh 4 bulan sehingga ke hari ini, saya dan rombongan telah pun turun padang ke 22 buah kawasan Parlimen. Saya amat berharap kita semua akan dapat mengurangkan rasa prejudis dan sikap pesimis yang tidak berasas bagi setiap program dan tindakan yang dilakukan oleh pihak kerajaan. Ambillah ruang untuk bersama-sama membantu dan menyumbang agar segala agenda yang mendatangkan manfaat kepada rakyat Johor dapat dilaksanakan dengan lancar dan berjaya. Pendek kata, hasil lawatan itu yang benar-benar mendapat manfaat adalah rakyat kerana matlamat kita membawa kesejahteraan kepada rakyat.

YB Speaker : Jemput, Kukup, sila.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerana memberi laluan untuk soalan tambahan. Pertamanya, saya nak ucapkan terima kasih, Kukup ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas lawatan ke Kukup tempoh hari dan benarlah sebagaimana yang diutarakan bahawa bila Yang Amat Berhormat Menteri Besar tu pergi sendiri ke kampung-kampung contohnya Kampung Baru di Kukup, masyarakat Cina di sana rasa sangat teruja, sangat seronok kerana dapat berjumpa, bertentang mata dengan Menteri Besar mereka sendiri dan kita lihat bahawa nampaknya mereka, insya-Allah akan terus menyokong kita dan nampak bahawa Menteri Besar kita sebenarnya orang yang benar-benar melaksanakan apa yang diperkatakan. Cuma, soalan tambahan saya sikit untuk Yang Amat Berhormat Menteri Besar, walaupun dah berbagai perkara kita dah buat, kita laksanakan, kita utarakan, kita janjikan tetapi masih terdapat lagi kata-kata sinis di belakang, yang mengatakan bahawa ini adalah sebenarnya gula-gula ataupun janji-janji untuk pilihan raya. Dan, mereka mencanangkan juga sudah barang tentu banyak yang dijanjikan itu akhirnya tidak akan dilaksanakan dan ini hanyalah sekadar untuk membeli undi, saya memohon reaksi dan juga respons daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

YB Speaker : Jemput.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat Kukup, memang tak dapat nak dinafikan bahawa apabila sesuatu pengumuman itu dibuat, dalam sebahagian daripada perkara-perkara yang telah dipersetujui, kita tidak akan dapat melihat pelaksanaan perkara-perkara itu secara serta merta kerana sudah tentulah setelah pengumuman dibuat banyaklah perkara-perkara lain yang harus dibuat sebelum ianya mula bergerak ataupun berlakunya apa-apa perubahan di atas, di kawasan yang telah dipersetujui itu. Antaranya, seperti soal persetujuan pengambilan balik tanah bagi membina rumah-rumah mampu milik. Dan, saya telah nyatakan tadi sebanyak 13 keping tanah telah dikenal pasti daripada 13 tanah, 2 memang tanah kerajaan itu tidak menjadi hal kita bersetuju untuk membina rumah-rumah mampu milik di sana tetapi yang melibatkan, misalnya seperti 11 tanah lain, ia perlu melalui pelbagai proses.

Proses pertama ialah perlu dibuat penilaian oleh Jabatan Penilaian dan kita pun tahu mereka bukan sahaja soal ini yang perlu mereka beri perhatian dan penilaian itu perlu dibuat secara profesional dan kemudian apabila telah dapat soal penilaian itu maka proses yang lain melibatkan soal untuk notis dan sebagainya dia semuanya ada masa-masa yang telah ditetapkan. Dan, jika tidak ada pertentangan ataupun pertikaian maka tak perlu pergi bicara maka ia boleh diselesaikan segera. Tetapi, kalau ada pertikaian maka dia perlu melalui proses perbicaraan. Jadi, soalnya dia bukan hari ni Menteri Besar datang, umum, setuju besok terus boleh buat.

Jadi, di sinilah mungkin ada ruang begitu, ada pihak yang cuba mendatangkan ataupun memesongkan pemikiran rakyat, mengelirukan rakyat jadi mengambil kesempatan itu. Tetapi, bukan bermakna kerajaan tidak akan tepati apa yang telah dipersetujui. Saya ingin beri jaminan kepada Dewan ini, apa sahaja yang saya umum, saya tahu duitnya memang telah pun disediakan. (Dewan bertepuk). Kalau nak ikut saya pun, saya nak, kalau hari ni saya umum, besok dapat dilaksanakan. Tapi, kalau kita buat begitu pula, kita akan dituduh tidak ada

integritilah, tak buat betullah, tak ikut prosedurlah, jadi buat begitu pun akan dibuat supaya kita ni tak betul dan sebagainya. Jadi, persepsi-persepsi yang sebegitu, yang sengaja, kalau tidak, tak namanya pembangkang, jadi memang itulah kerjanya . Dan, begitu jugalah projek sekolah agama, projek jalan kalau kita dah bersetuju, *design* dan sebagainya seperti selekoh S di Kulai memang betul kita ada peruntukan dah lulus pun, RM8 juta, dah lantik, untuk sekarang buat *design*. Lepas *design* kena panggil tender, lepas tender, pilih kontraktor barulah mula. Dan, insya-Allah akan mula dalam bulan 8. Jadi, atas sebab itulah ianya bukan gula-gula politik. Tetapi, bagi setengah kawasan, kalau katalah kita setuju luluskan, tetapi kalau dituduh sebagai gula politik mungkin kita akan tarik baliklah peruntukan itu. Jadi, itu sahaja jaminan agaknya yang boleh diberi.

YB Speaker : Sila.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Sebenar, Pekan Nenas berasa dalam kunjungan Menteri Besar pergi ke Parlimen, yang agak menjadi amat signifikan jika masalah-masalah yang paling utama dapat diselesaikan dalam kunjungan Menteri Besar. Dan, seperti di kawasan Parlimen Tanjung Piai, yang saya dapati adalah jalan yang paling teruk di seluruh Tanjung Piai adalah jalan daripada Pengkalan Raja sampai ke Pekan Nenas. Dan peruntukan setahun, Menteri Besar ada mengumumkan peruntukan tetapi peruntukan tidak melibatkan jalan yang paling teruk. Dan, saya sedar ini adalah jalan persekutuan tetapi adalah tanggungjawab Menteri Besar untuk mendesak kerajaan persekutuan meluluskan peruntukan untuk menyelesai masalah yang paling utama di dalam kawasan-kawasan tertentu. Dan seperti saya juga tahu, ada satu jambatan untuk dibina merentasi Sungai Pulai tetapi dalam pembangunan infrastruktur negeri Johor, jalan pintas merentasi Pekan Nenas adalah rancangan pembinaan jalan yang diberi keutamaan nombor kelima, tetapi tidak diumumkan. Sebab itu, saya berharap Menteri Besar kalau ada rombongan untuk melawat setiap Parlimen, kawasan Parlimen. Berusahalah saya berharap Menteri Besar berusahalah menyelesai masalah yang paling mustahak dan utama supaya dapat mengelakkan pertikaian daripada pihak-pihak berlainan. Terima kasih.

YB Speaker : Ok, terima kasih.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan juga Yang Berhormat Pekan Nenas, saya berterima kasih kerana dan saya akan insya-Allah mendesak Kerajaan Pusat untuk menjayakan segala permohonan ataupun projek yang utama bagi setengah-setengah kawasan. Dan saya juga berterima kasih kepada Yang Berhormat kerana mengakui Yang Berhormat tak berkesan dalam soal ini. (Dewan ketawa).

YB Speaker : Jemput, Semarang.

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tahniah. Ini adalah manifestasi, komitmen serta usaha keras Yang Amat Berhormat untuk bekerja untuk manfaat rakyat dan mendepani masalah secara lelaki.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya, benarkah tanggapan bahawa Yang Amat Berhormat ini hanya pergi kat kawasan yang dipimpin oleh Wakil Rakyat Barisan Nasional sahaja ataupun kerajaan? Dan, memulaukan kawasan-kawasan yang dipimpin oleh pembangkang? Yang Berhormat Tan Sri Speaker soalan saya.

YB Speaker : Jemput.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat. Ini semua soalan politik (ketawa). (Dewan ketawa). Sebenarnya satu pertama, semua program itu disusun oleh Pejabat Daerah dengan kerjasama pemimpin setempat. Dan, kita tak pernah jadikan kriteria sama ada masyarakat ataupun rakyat di satu-satu kawasan itu memberi sokongan kepada kerajaan ataupun tidak. Bagi kami di peringkat Kerajaan, kita ingin membawa kebaikan dan kemajuan kepada seluruh Bangsa Johor tak kira di mana. Dan, kadangkala kita berpendapat bahawa sebenarnya mereka tak kenal kita lagi dan tidak mempunyai hubungan dengan kita. Dan, ini adalah satu pendekatan yang boleh merapatkan hubungan. Kerana dalam setiap lawatan itu antara perkara yang ditekankan ialah tujuannya antara lain untuk bertanya khabar, bagaimana kedudukan rakyat Johor di semua tempat. Kita merancang di Iskandar Puteri, mungkin kadang-kadang dasar kita tak, tak sampai ke akar umbi ataupun tidak berkesan ataupun tidak mujarab sebagaimana yang dikehendaki. Jadi, di sinilah kita dapat memperbaiki dan memikirkan perkara-perkara baru dan sebagainya. Jadi, atas sebab itulah, kalau kita lihat kepada pengumuman dan juga projek-projek yang di lulus, ia termasuklah di kawasan-kawasan yang saya anggap mungkin buat ketika ini belum kenal jadi belum sokong kita, tapi insya-Allah mereka akan bertukar untuk beri sokongan kepada kita.

YB Speaker : Terima kasih. Yang Berhormat Tenang.

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 2.
Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan Negeri Johor untuk memupuk wanita yang tidak berkerjaya ataupun suri rumah-suri rumah menjalankan perniagaan secara *online* bagi menambahkan pendapatan mereka?

YB Speaker : Yang Berhormat Nusajaya, jemput.

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 3.

Apakah bantuan Kerajaan Negeri Johor khusus untuk ibu-ibu tunggal yang berminat untuk berniaga?

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Tan Sri Speaker dan izinkan saya untuk menjawab bersekali bagi soalan ADUN kawasan Tenang dan juga kawasan Nusajaya.

Kerajaan Negeri Johor begitu komited dalam memastikan semua golongan masyarakat di Negeri Johor ini mendapat manfaat yang diberikan oleh kerajaan termasuk ibu tunggal dan wanita berpendapatan rendah. Sepertimana agenda-agenda yang digariskan semenjak Pelan Suara Hati Johor dilancarkan pada tahun 2014.

Melalui portfolio Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor, 4 jabatan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan inisiatif membantu ibu tunggal dan wanita berpendapatan rendah. Meningkatkan taraf kehidupan

dengan menjana pendapatan dari kemahiran yang diberikan. Jabatan tersebut ialah Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim, Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Johor, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Negeri Johor. Dan sehingga April 2017, seramai 13,217 orang ibu tunggal direkodkan berdaftar dengan sistem maklumat ibu tunggal di Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim. Inisiatif tersebut diberikan melalui 3 inisiatif utama iaitu bantuan kewangan dan peralatan, kemahiran dan motivasi.

Dan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi menggalakkan klien Jabatan Kebajikan Masyarakat, yang terdiri daripada pelbagai kumpulan sasar untuk berdikari dan memupuk minat dalam bidang perniagaan, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor telah menyediakan bantuan geran pelancaran iaitu bantuan *one-off* yang diberikan kepada penerima bantuan, yang mempunyai minat dan potensi untuk maju dengan menceburi bidang perniagaan dan juga keusahawanan. Bantuan geran pelancaran sebanyak RM2,700.00 diberikan kepada klien atau ahli keluarga klien JKM bagi memulakan perniagaan. Ia juga bertujuan untuk membolehkan mereka menjadi lebih produktif dan berusaha ke arah hidup berdikari serta meningkatkan taraf hidup mereka. Dan, bagi tahun 2014 hingga 2015, seramai 71 wanita dari 131 orang penerima, telah pun menerima bantuan geran pelancaran.
Yang kedua, program *Two Years Exit Programme* ataupun dipanggil 2 YEP bagi memperkasakan JKM, satu transformasi JKM telah dirancang yang memberi fokus ke arah pengdayaupayaan klien khususnya penerima bantuan melalui pelaksanaan *productive welfare*. Dan sehubungan itu, JKM telah merangka *Two Years Exit Programme* seiring dengan perancangan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11. Dan, tujuannya adalah untuk menggalakkan penerima bantuan jabatan yang produktif agar berdikari melalui penglibatan secara aktif dalam pekerjaan ataupun program menjana pendapatan tanpa bergantung kepada bantuan sebagai saraan hidup.

Kadar bantuan diberikan adalah sebagaimana bantuan geran pelancaran, yang diberikan secara *one-off* dan juga diberikan latihan serta motivasi untuk meningkatkan pendapatan melalui perniagaan yang diceburi. Dan semenjak awal tahun, dimulakan pada awal tahun 2016, semenjak 200 kes telah diluluskan dan dari kelulusan tersebut, sebanyak 154 kes telah berjaya mencapai sasaran pendapatan melebihi pendapatan minimum RM300.00 sebulan. Dan 2 kes telah kita tamatkan secara sukarela kerana pendapatan telah melebihi PGK semasa dengan persetujuan kes. Manakala 44 kes lagi masih dalam pemantauan bagi memastikan objektif pelaksanaan program ini tercapai. Dan bagi tahun 2017 pula, sebanyak 150 kes telah diluluskan dan akan dipantau semasa ke semasa seperti pelaksanaan pada tahun 2016.

Dan di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim, bantuan peralatan perniagaan telah pun diberikan kepada usahawan-usahawan wanita ataupun ibu tunggal yang berdaftar dengan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim. Serta telah mengikuti kursus kemahiran selain mempunyai produk pengeluaran sendiri, mempunyai minat dan kemahiran dalam satu-satu bidang. Dan, telah memulakan sekurang-kurangnya asas perniagaan. Dan, di antara bantuan peralatan yang diberikan adalah seperti mesin jahit, penguli tepung, ketuhar, mesin pengering baju dan pelbagai lagi. Dan, semenjak ia diperkenalkan pada tahun 2003 hingga 2016, seramai 351 orang ibu tunggal dan wanita berpendapatan rendah telah mendapat manfaat daripada program ini.

Dan pada tahun 2016, sebanyak RM200,000.00 telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Johor bagi pembelian bantuan peralatan melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim, manakala pada tahun 2017, sebanyak RM250,000.00. Dalam inisiatif kedua iaitu kemahiran di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim, kita telah pun banyak merangka dan melaksanakan pelbagai program bagi membantu ibu tunggal dan juga wanita berpendapatan rendah yang berpendapatan kurang daripada RM1,000.00 sebulan. Dan melalui projek ini, ianya telah diberikan siri latihan kursus kemahiran serta pengembangan ilmu dalam bidang-bidang tertentu seperti masakan, jahitan, solekan, andaman dan pelbagai lagi. Kursus keusahawanan yang diharapkan akan melahirkan usahawan-usahawan wanita dan ibu tunggal yang berjaya.

Dan kita telah pun sehingga tahun 2016, seramai 7,222 orang ibu tunggal dan wanita berpendapatan rendah telah pun mengikuti kursus kemahiran yang dianjurkan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim. Dan dari jumlah tersebut, seramai 1,333 orang yang telah pun mengikuti kursus, telah pun berjaya menjana pendapatan dan seterusnya meningkatkan pendapatan isi rumah.

Dan pada tahun 2016, Kerajaan Negeri Johor sekali lagi telah memperuntukkan sebanyak RM50,000.00 bagi tujuan pelaksanaan kursus dan diikuti RM100,000.00 pada tahun 2017. Dan, selain daripada itu untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2017 juga Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM500,000.00 bagi pelaksanaan Pusat Jaya Diri di 5 daerah iaitu Johor Bahru, Segamat, Kluang, Batu Pahat dan Kota Tinggi. Dan, dengan perwujudan Pusat Jaya Diri ini, kursus-kursus yang akan dilaksanakan akan lebih berfokus kepada satu-satu daerah. Dan, ianya akan dapat kita luaskan kepada seluruh daerah insya-Allah di negeri Johor ini.

Dan, di bawah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Negeri Johor, kita juga telah pun melaksanakan Program *MamaCare* yang mana ia merupakan satu perkhidmatan penjagaan ibu selepas bersalin yang bertujuan untuk membantu meningkatkan kesejahteraan dan kesihatan reproduktif wanita dan juga keluarga. Dan, program latihan kapasiti ini juga merupakan salah satu inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) iaitu *1Malaysia Women's Initiative For Self Empowerment* dan juga merupakan kerjasama *smart partnership* di antara LPPKN, Eduskills dan juga Persatuan Warisan Utama Melayu Malaysia. Dan, matlamat program ini untuk meningkatkan kesejahteraan wanita dan keluarga melalui pemerkasaan ekonomi wanita.

Dan untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, setakat ini kita telah mempunyai 40 orang yang telah mengikuti latihan ini dan seterusnya telah pun menjalankan program ini yang mana pendapatan mereka di antara RM500.00 sehingga RM6,000.00 seorang bagi mereka-mereka yang terlibat.

Dan bagi JPW ataupun Jabatan Pembangunan Wanita, kita juga ada program khas kepada ibu tunggal yang berpendapatan RM1,000.00 ke bawah, Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT) dan Program Inkubator Keusahawanan Wanita iaitu IKEUNITA dan ia telah, untuk menjalankan perniagaan. Dan, 2 program ini telah dijalankan mulai tahun 2008 hingga kini. Dan, objektif utamanya adalah untuk sama juga memberikan ilmu pengetahuan dan latihan, kemahiran kepada ibu tunggal dan membentuk mereka menjadi usahawan dengan pendapatan RM1,500.00 ke atas. Dan semenjak tahun 2008 hingga 2016, JPW telah pun

melahirkan ataupun melatih seramai 819 wanita dari I-KIT dan juga IKEUNITA. Dan bagi wanita yang tidak bekerja...

YB Speaker : Boleh ringkaskan Yang Berhormat?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Boleh.

YB Speaker : Panjang sangat jawapan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Ok. Bagi Pejabat Pembangunan Wanita, kita juga menjalankan beberapa program yang lain seperti penjualan *online sparkling* dan sebagainya. Dan, saya nak *highlight* kan satu program Yang Berhormat Tan Sri Speaker, iaitu melalui portfolio Pembangunan Wanita melalui 5 jabatan iaitu JKM, Yayasan Pembangunan Keluarga, LPPKN, JKM, EDC, kita turut menganjurkan *Women Netpreneur Programme* pada usahawanita berpendapatan rendah untuk menjalankan urus niaga secara *online*. Dan, seramai 220 orang telah pun kita latih pada tahun 2016 bagi meningkatkan pendapatan mereka walaupun mereka berada di rumah dan ini bertepatan dengan konsep jabatan-jabatan di bawah portfolio saya yang turut menjadikan *home base* sebagai asas dalam melatih wanita berkerjaya.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, bersama-sama dengan kita dan kita ucapkan selamat datang kepada pemerhati daripada Korea Selatan. Jemput.

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Dan juga, terima kasih atas jawapan yang telah diberikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri. Dalam suasana tekanan kos sara hidup yang semakin terdesak hari ini, memang amat wajarlah bahawa golongan wanita tak kiralah sama ada mereka masih, yang masih tidak ada pekerjaan lagi ibu tunggal ataupun suri rumah perlu mencari serta mendapatkan sumber ekonomi untuk menjana pendapatan isi keluarga mereka.

Jadi soalan tambahan saya, adakah mereka ini terutamanya dari segi perniagaan *online* ini perlu mendapat panduan, bimbingan ataupun latihan yang intensif? Maklumlah satu benda yang baru iaitu *online* ini memerlukan satu bentuk panduan dan juga bimbingan ke arah melahirkan masyarakat yang boleh menceburi bidang *online* tersebut? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih ADUN Tenang. Sebenarnya sebagaimana yang telah saya nyatakan, memang kita telah pun menjalankan program tersebut kepada wanita-wanita dan pada tahun 2016, kita dah buat untuk 220 orang wanita dan insya-Allah ia akan diteruskan pada tahun 2017. Dan, sebab kita tahu perniagaan *online* ini adalah menjadi satu perniagaan yang memang ramai diminati oleh wanita terutamanya wanita yang tidak berkerjaya sebagai suri rumah tangga.

YB Speaker : Nusajaya.

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) : Terima kasih kepada Yang Berhormat Puan EXCO. Soalan saya untuk makluman Tan Sri Speaker, ibu tunggal ini jumlah dia begitu ramai dan kita kena tau dia menjadi ketua keluarga dan menanggung anak, mungkin ramai dan sebagainya. Jadi bila mereka berhasrat untuk berniaga, kadang berniaga ini tak semudah yang kita jangka, kadang salah berniaga boleh jadi rugi. Jadi untuk peringkat awalnya, adakah pihak EXCO bercadang yang mana bila ibu tunggal ini dia nak berniaga aje, di mana dia akan pergi tempat pertama untuk mendapat kaunseling atau untuk rujukan, untuk pandangan, supaya mereka tahu mana nak pergi dan di sanalah yang akan dapat berbincang, mengetahui masalahnya dan hala tuju dan sebagainya. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Nusajaya. Sebagaimana yang telah saya nyatakan, kita ada 4 jabatan. Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Wanita, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga serta Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim. Dan, 4 jabatan ini adalah bertanggungjawab dan ibu-ibu tunggal serta wanita-wanita berpendapatan rendah tersebut boleh ke jabatan-jabatan tersebut yang ada di semua peringkat ataupun di daerah dan boleh mendapatkan khidmat kepada pegawai-pegawai di situ. Dan, kita menyediakan kursus-kursus kemahiran dan juga motivasi serta bantuan peralatan dan juga modal kepada ibu tunggal dan wanita berpendapatan rendah.

YB Speaker : Jemput. Sungai Abong.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Daripada jawapan yang diberikan tadi, seolah-olah selesai masalah ibu tunggal dalam negeri ini. Satu kategori ibu tunggal muda tapi ramai anak. Dia datang mengadu pada kita, ok saya kata inilah penyelesaiannya pergi ke JKM, macam-macam agensi boleh bantu saudari ataupun puan. Tapi masalah yang mereka hadapi sebagai ibu tunggal yang mempunyai anak, kata saya tak mampu nak berniaga ataupun bekerja kerana nak menanggung anak, menjaga anak kalau saya bekerja atau berniaga saya kena hantar anak-anak saya ke tempat lain untuk penjagaan. Jadi bagi ibu-ibu tunggal yang macam ini, nak berniaga pun tak boleh tapi ibu tunggal. Kalau mereka ini pergi ke jabatan untuk minta bantuan sara hidup mereka ini seolah macam tak berapa layak kerana mereka ini mampu bekerja. Jawapan yang diberi mereka ini, muda dan mampu bekerja jadi tak layak untuk mendapat bantuan sara hidup. Nak berniaga, tak boleh kerana kekangan anak-anak. Jadi apakah wanita macam ini, apa penyelesaian yang kita ada? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih yang Berhormat. Sebenarnya sebagaimana yang saya nyatakan tadi kita juga telah menjalankan program *Women Netpreneur* iaitu kita melatih mereka berniaga secara *online* dan kalau wanita tersebut ataupun pendapatan satu isi rumah tidak melebihi daripada RM930.00, ibu tunggal tersebut berhak untuk mendapat bantuan sebenarnya. Sebab bagi satu anak kita bagikan RM50.00 tapi tak melebihi RM450.00 sebulan. Itu yang pendapatan yang RM930.00. Dan mereka juga sebenarnya boleh pergi juga saya kata mendapat khidmat nasihat daripada kita apa yang keperluan yang kita boleh bantu. Sebab itulah kita ada sistem maklumat ibu tunggal. Mereka perlu berdaftar di Yayasan Pembangunan Keluarga

Darul Takzim dan kita boleh melihat apa bantuan-bantuan yang kita boleh berikan kepada wanita-wanita ibu tunggal tersebut.

YB Speaker : Yang Berhormat Parit Raja jemput. Jemput.

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 4.

Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menaiktarafkan Sijil Khas Sekolah Agama Kerajaan Negeri setaraf dengan Sijil Akademik bagi membolehkan pemilik-pemilik Sijil Khas melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi atau memiliki peluang-peluang pekerjaan menggunakan Sijil Khas Sekolah Agama?

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan Yang Berhormat Parit Raja. Bismillahirrahmanirrahim. (Doa). Menjawab soalan yang diberikan oleh Yang Berhormat Parit Raja. Sistem pendidikan agama Islam di negeri Johor ini seawal tahun 1918 dan penubuhan sekolah agama iaitu bermula pada sekitar 1923 adalah merupakan satu perjalanan yang sangat panjang dan insya-Allah pada tahun 2018 ini, pendidikan Islam negeri Johor dan juga Sekolah Agama Negeri Johor akan menyambut hari ulang tahun yang ke-100. Dan pendidikan Islam ataupun sekolah agama yang khususnya di negeri Johor ini adalah merupakan sebuah bentuk pendidikan dan juga sekolah agama yang mula-mula diadakan di negeri Johor dan merupakan di Johor sebuah negeri yang menyediakan pendidikan sekolah agama yang tersusun jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain bermula dari usia 7 tahun sehingga 14 tahun. Jika dibandingkan dengan negeri lain, sekolah agama mereka terfokus kepada pendidikan sekolah-sekolah pondok, sekolah-sekolah agama pondok dan sebagainya tetapi Sekolah Agama Negeri Johor adalah merupakan sistem pendidikan ataupun pengajian agama yang menetapkan daripada usia 7 tahun sehingga 14 tahun iaitu ketika usia mereka 13 tahun mereka akan mengambil Sijil Peperiksaan Darjah 6 Agama ataupun lebih dikenali pada hari ini sebagai SDEA dan ketika mereka berumur 14 tahun mereka akan mengambil peperiksaan SDKA iaitu Sijil Darjah Khas Sekolah Agama. Sebagaimana yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Parit Raja bahawa pemilik-pemilik Sijil Khas ini ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi untuk mereka ini diberikan peluang memiliki peluang kepada mereka untuk melanjutkan pelajaran. Sebenarnya objektif penubuhan sekolah agama di negeri Johor ini :

1. memberikan kefahaman yang lebih luas tentang ajaran Islam agar pelajar dapat menyempurnakan peranannya sebagai hamba dan khalifah Allah di atas muka bumi.

2. Memupuk kekuatan diri dan daya juang yang tinggi menerusi pendidikan dan pemilikan iman yang mantap.

3. Adalah untuk melahirkan Muslim, mukmin yang sepadu dan seimbang di antara rohani, akli, emosi dan jasmani bagi mencapai kebaikan di dunia, kejayaan di dunia dan kejayaan di akhirat.

4. Menerusi program ataupun sistem pendidikan agama Islam di negeri Johor ini melalui sekolah agama dapat membentuk generasi umat yang berkualiti dan sentiasa bersyukur kepada Allah SWT.

5. Selain daripada itu iaitu memperkasakan tulisan jawi.

Jika dibandingkan negeri Johor dengan negeri lain. Mereka tidak ada sekolah agama. Kalau dulu kita melihat pada sejarah 1918 bermulanya sekolah agama ini dikenali sebagai Sekolah Kitab. Kemudian dinamakan dia sebagai Sekolah Al-Quran, kemudian dikenali juga sebagai Sekolah Agama, Sekolah Petang dan sekarang ini dikenali sebagai Sekolah Agama Kerajaan Johor. Biasa kita sebut dulu apabila sebelah pagi kita bersekolah rendah, sekolah kebangsaan maka sebelah petangnya kita akan bersekolah agama. Dan pada mula-mulanya dulu, sekolah agama itu ditumpangkan di sekolah-sekolah kementerian iaitu sekolah kebangsaan. Sekarang, alhamdulillah, bagaimana yang diumumkan sendiri, yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita tadi bahawa pada tahun ini sahaja kita akan membina lebih kurang 30 buah unit sekolah agama lagi yang dulu menumpang ataupun di penempatan baru yang jumlahnya, kosnya mencecah RM174 juta.

Dan sebelum ini juga, kita juga telah membina daripada 2012 sehinggalah 2016 ini sebanyak 96 buah sekolah agama yang pada ketika dulu telah pun dikenali sebagai terbengkalai tetapi alhamdulillah dapat diselesaikan dan telah pun dapat CCC. Dan pelajar-pelajar boleh belajar di sekolah agama ini tadi sebanyak 96 buah. Dan sekarang ini kita telah pun ada sebanyak 534 buah sekolah agama yang ada sekolah agama dan yang masih menumpang hampir lebih kurang 100 sekolah agama sahaja yang menumpang di sekolah kebangsaan dan lebih kurang 400 lebih sekarang ini kita telah memiliki bangunan sendiri. Jadi sebenarnya, sebagaimana yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Pasir Raja, sebab itu...

YB Speaker : Parit Raja..

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Parit Raja, minta maaf. Apabila disebutkan tentang sistem pendidikan sekolah agama ini saya nyatakan tadi bahawa di negeri Johor sahaja yang ada sistem yang tersusun. Di sekolah negeri-negeri lain, mereka apabila nakkan pelajar pendidikan agama mereka akan pergi ke sekolah pondok. Bila mereka bersekolah pondok, mereka tidak ada peluang menghabiskan pelajaran mereka di sekolah kebangsaan. Dan sekiranya mereka inginkan pendidikan agama mungkin mereka hanya akan dapat pendidikan yang sangat singkat di sekolah kebangsaan jika dibandingkan di negeri Johor, mereka juga mendapat pendidikan agama Islam di sekolah kebangsaan namun ditambah lagi dengan pendidikan ataupun pelajaran sekolah agama di Sekolah Agama Negeri Johor sama ada sekolah agama itu pada hari ini diadakan di sesi petang ataupun di sesi pagi.

Sebenarnya, bila kita melihat kepada tujuan dan matlamat yang diberikan pada mula-mula penubuhan sekolah agama ini yang saya nyatakan tadi maka dengan sebab itu bila ditanyakan tadi tentang hala tuju Sijil Darjah Khas Sekolah Agama Johor, sebenarnya adalah sebagai nilai tambah. Kalau kita lihat dia adalah sebagai nilai tambah bagi melanjutkan pelajaran dalam bidang agama untuk memohon pekerjaan khususnya yang berkaitan dengan agama Islam. Seperti Pegawai-Pegawai Hal Ehwal Agama Islam, pegawai-pegawai masjid. Begitu juga Guru-Guru Agama Kerajaan Negeri Johor hari ini yang mana jumlahnya mencecah lebih 3,500 orang. Dan ini semuanya dilihat dari segi latar belakang agama mereka itu diukur daripada kelayakan Sijil Darjah Khas Agama Negeri Johor. Selain daripada itu juga...

YB Speaker : Ok YB, panjang sangat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Supaya tidak ada soalan tambahan Tan Sri.

YB Speaker : Bukan, YB panjang kerana tak menjawab soalan yang sebenarnya. Peluang-peluang...

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Kemudian...

YB Speaker : Jadi cerita lain yang YB cerita itu.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Seterusnya juga selain daripada itu, pengambilan pelajar-pelajar yang mengikuti Pengajian Islam di MARSAH juga dirujuk dari segi kelulusan Darjah Khas mereka. Kemudian, begitu juga guru-guru Sekolah Agama Kerajaan Johor dan begitu juga pengambilan pelajar-pelajar yang akan mengikuti pengajian di sekolah-sekolah tahfiz juga akan dirujuk, dilihat dari segi kelulusan Sijil Darjah Khas mereka. Sekiranya mereka lulus ada memiliki Sijil Darjah Khas, mereka ini akan diberikan keutamaan. Terima kasih, Tan Sri Speaker.

YB Speaker : Jemput, Parit Raja.

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria (Parit Raja) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasihlah kepada Yang Berhormat EXCO. Saya faham tentang daripada sekolah rendah sampai sekolah menengah. Cuma saya difahamkan hasrat pelajar-pelajar Sekolah Khas, yang berkelulusan Sekolah Khas. Maknanya kenapa mesti disandarkan dengan Sijil Akademik, kenapa tidak maknanya berdiri tegak atas, maknanya kelayakan Sijil Khas yang sedia ada? Contohnyalah, sekolah agama, contohnya lagi Juru nikah, maknanya Juru nikah yang ada ini tidak perlu makna ada Sijil Akademik. Makna ini tentang tahu, faham dan berkelayakan mempunyai Sijil Agama itu maknanya boleh memohon atas berdiri maknanya menggunakan sahaja Sijil Khas. Maknanya Sijil Khas ni yang tertinggi di negeri Johor ini kelulusan agamanya yang kita sediakan. Sebagai kita ni kerajaan Johor yang mengiktiraf yang mengadakan Sekolah Khas ini kenapa tidak boleh diiktiraf khas khusus makna jawatan-jawatan hanya tertentu yang berkaitan agama ini menggunakan Sijil Khas. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO.

YB Speaker : YB Speaker : Ok.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Raja dan Yang Berhormat Tan Sri. Seperti yang saya nyatakan tadi bahawa Sijil Darjah Khas ini bermula daripada 7 hingga 14 tahun pendidikan agama ini tadi. Sebagaimana yang dinyatakan bahawa mengapa tidak diberikan peluang yang khusus kepada mereka-mereka yang memiliki Darjah Khas. Kita pun faham perjawatan hari ini kalau kita melihat, kepada rujuk kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor bagaimanapun ada syarat-syaratnya. Sebagai contoh, dulu-dulu nak jadi seorang guru agama ini paling tidak pun kelayakan mereka SRP. Sekarang, ada SPM, kemudian SPM itu juga perlu ada Sijil Darjah Khas dan sekarang ini juga bagi peningkatan sekolah-sekolah agama ini bukan SPM lagi sekarang ini dah dikirakan Diploma Pendidikan Islam dan dalam Diploma Pendidikan Islam itu juga syarat mereka ini mesti ada memiliki Darjah Khas. Itu saya katakan tadi Darjah Khas ini adalah kedudukan yang sangat tinggi. Kita tidak boleh beri fokuskan kepada maknanya siapa yang memiliki Darjah Khas, tetapi sekiranya dalam perjawatan kerajaan sekiranya mereka tidak ada kelayakan Ikhtisas mereka tidak boleh mohon. Seperti mereka tidak ada SPM, mereka tidak ada Diploma, mereka tidak ada STPM dan sebagainya, mereka tidak boleh. Cuma sebagaimana tadi yang disebutkan jawatan seperti Juru nikah, apabila mereka memohon untuk jawatan menjadi Juru nikah kita akan melihat kelayakan minimum agama mereka

adalah Darjah Khas. Termasuklah juga pelantikan Imam-Imam Qariah pada hari ini, kelayakan mereka sekurang-kurangnya mereka ini memiliki Darjah Khas. Terima Kasih Tan Sri Speaker.

YB Speaker : Maharani, jemput.

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Kalau mengikut soalan ini ialah, adakah kerajaan berhasrat untuk menaik taraf Sijil Khas Sekolah Agama dan seperti yang saya sebut dalam ucapan semalam, kalau kita rujuk pada Ucapan Bajet 2012 telah ada pun dicadangkan di situ untuk menambah pengajian sekolah agama negeri selepas pengajian Darjah Khas. Jadi saya ingin penerangan, adakah ini cadangan ataupun telah dibuat atau bagaimana? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Yang Berhormat Maharani. Sebagaimana yang dinyatakan tadi dan dulu pun saya pernah maklumkan bahawa sebagai menambahkan ke mana, menambah baik pengajian Darjah Khas ini. Sebab saya mulakan tadi bahawa daripada umur 7 tahun hingga 14 tahun. Maka dengan sebab itu kita ingin mewujudkan satu bentuk pengajian yang memang terkhusus, sebab hari ini sekolah di negeri Johor, Sekolah Menengah Agama Rakyat Negeri Johor semuanya telah pun dimasukkan ke dalam Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah SABK, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. Maka dengan sebab itu, negeri Johor hanya ada 2 sahaja iaitu Maahad Johor dan juga Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor di Kluang. Maka dengan sebab itu di Maahad Johor ini, bila kita melihat hari ini sistem semakin baik, wujudnya Sijil Tinggi Agama Malaysia, Sijil Menengah Agama Malaysia, Sijil Rendah Agama Malaysia. Jadi, itu sebabnya kita melihat hari ini mereka semua umat Islam hari ini ramai nak menghantar anak mereka ke sekolah Menengah Agama (SABK) ni tadi. Namun kelayakan maksima mereka, minimum mereka iaitu UPSR sekurang-kurangnya 3A. Jadi, ada di kalangan mereka ini yang mempunyai kelayakan ataupun kelulusan Sijil Darjah Khas yang baik, namun kelayakan akademik mereka agak kurang baik, maka dengan sebab itu kita akan mewujudkan satu bentuk pengajian sebagai penambahbaikan kepada Sistem Pendidikan Agama Islam Negeri Johor untuk mengangkat kembali martabat Maahad Johor. Sebab Maahad Johor sekarang ini hanya pengajian untuk mereka yang nak mengambil Sijil Tinggi Agama sahaja lebih kurang dalam tempoh 9 bulan. Dengan sebab itu kita akan mewujudkan kembali pengajian Maahad Johor ni yang berasaskan kitab-kitab lama, kitab-kitab yang digunakan kurikulum Azhari itu supaya mereka dimulakan bermula daripada lepasan Darjah Khas iaitu ketika usia mereka 15 tahun. Kita akan ambil daripada mereka pelajar-pelajar Darjah Khas ini supaya dapat melanjutkan pelajaran mereka lebih tinggi lagi sehingga ke peringkat Da'i dan juga sadaawi. Terima kasih Yang Berhormat.

YB Speaker : Yang Berhormat Stulang, jemput.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 5.

Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Johor dalam mempertingkatkan sektor pelancongan "*Business Matching*" di Johor di mana ia boleh menambah bilangan pelancong ke Johor di samping menolong perkembangan perniagaan usahawan Johor?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Selamat pagi, salam sejahtera, salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, sektor pelancongan Johor ternyatanya semakin berkembang pesat. Beberapa tahun ini semakin ramai pelancong tidak kira domestik atau antarabangsa telah memilih Johor sebagai destinasi percutian mereka. Berdasarkan statistik Tourism Malaysia pelancong yang bermalam dan berbelanja di Johor telah menunjukkan peningkatan yang ketara. Daripada 3.9 juta orang pada tahun 2012 kepada 6.95 juta orang pada tahun 2015, iaitu pertambahan 3 juta orang pelancong dalam 3 tahun. Selain daripada pertambahan beberapa produk pelancongan berprofil tinggi seperti Johor Premium Outlet, Legoland Malaysia yang pertama di Asia, Sendeo Hello Kitty Town yang pertama di luar negara Jepun dan Kepulauan Mersing yang digelar Mourif Malaysia. Negeri Johor dijangka akan menerima kedatangan pelancong dari negara-negara jiran atas keunikan lokasi negeri ini. Atas kesedaran ini maka kerajaan negeri melalui agensi-agensi berkaitan sentiasa berusaha untuk terus membangunkan industri pelancongan negeri Johor agar menjadi salah satu penyumbang kepada ekonomi negeri Johor. Konsep Muafakat Johor yang sentiasa di dukung juga merupakan salah satu tarikan pelancong dalam negara kerana gagasan sebegini akan menimbulkan rasa ingin tahu para pelancong yang ingin melihat bagaimana wujudnya *Team* Johor yang begitu bangga dengan identiti bangsa Johor, kestabilan masyarakat dan permuafakatan bangsa Johor. Ciri-ciri ini merupakan kekuatan pemasaran kerajaan negeri untuk mempromosikan keunikan Johor di Malaysia. Di sini para pelancong bukan sahaja dapat melawat ke produk-produk pelancongan negeri Johor yang tersendiri malah dapat merasai dan menikmati perkhidmatan golongan *Front Liners*, dengan izin, dengan cara Johor dan budaya Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan negeri melalui Tourism Johor akan berterusan mempromosikan dan memperhebatkan pemasaran produk-produk sedia ada dan yang akan dibangunkan serta melancarkan misi promosi dan jualan pelancongan termasuk *Business Matching*, dengan izin, serta *Buyers Meet Sellers,* dengan izin, ke negara-negara yang berpotensi. Sepanjang tahun 2016 kerajaan negeri menerusi Tourism Johor telah mengadakan 10 kali *Xplore* Johor, antaranya 4 berperingkat domestik dan 6 berperingkat antarabangsa. Bak kata, `tak kenal maka tak cinta'. Maka *Business Matching,* dengan izin, ini adalah penting bagi agensi-agensi pelancongan kedua-dua negara untuk *signing* berkenaan dan menjalin hubungan kerjasama dalam mempromosikan tarikan negara masing-masing.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan negeri menerusi Tourism Johor mengadakan promosi *Xplore* Johor berdasarkan faktor destinasi yang mempunyai kemurahan penerbangan terus dengan negeri Johor dan merupakan pasaran sasaran utama Johor. Di samping itu, negeri Johor merupakan negeri yang strategik lokasinya dengan kemudahsampaian memandangkan Johor mempunyai sejumlah 14 buah pintu masuk utama melalui 2 perhubungan darat, 11 terminal feri air dan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai. Tidak dilupakan juga Lapangan Terbang Antarabangsa Changi, di Singapura yang begitu berdekatan dengan Johor. Setiap misi jualan ekspo pelancongan dan program *Xplore* Johor di dalam mahu pun di luar negara telah memberi pendedahan yang luas kepada orang ramai tentang tarikan dan keunikan negeri Johor yang tersendiri. Lebih-lebih lagi semasa Ekspo Pelancongan, para pelancong membeli pakej pelancongan terus dari agensi pelancongan Johor. Contoh kejayaannya to be adalah seperti Johor *Holiday Package 2016 di Matta*

Fair, Kuala Lumpur pada bulan Mac tahun 2016 telah merekodkan jualan sejumlah RM855,000.00 dan menjadikan Johor antara 5 negeri penyumbang terbesar nilai jualan bagi pelancongan domestik. Hakikatnya keberkesanan dan usaha kerajaan negeri untuk membantu para pengusaha amat nyata dengan peningkatan pelancong yang begitu ketara. Jumlah pelancong yang datang ke Johor dicatatkan sebanyak 6.95 juta orang pada tahun 2015 dan angka ini dijangka meningkat melebihi 7.0 juta orang pada tahun lepas iaitu dua kali ganda berbanding...

YB Speaker : YB ringkaskan sikit, jawapan meleret-leret kepada soalan yang tidak disoal. Sebab itu makan masa jawapan. Beri peluang Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk menyoal terhad sangat. Sebab jawapan meleret-leret yang tak ada kaitan ya.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Terima kasih Tan Sri Speaker ini ada berkaitan kerana dia...

YB Speaker : Saya Speaker saya tahu nilai berkaitan atau tidak. Bukan Yang Berhormat nak nilai, saya yang nilai, saya Speaker, Ketua kepada Dewan ini. Jadi, saya kena kawal Dewan baik dia EXCO atau pun ahli yang biasa kerana kita nak memberikan peluang seluas-luasnya pada setiap Ahli Dewan Undangan Negeri menyampaikan apa yang nak disampaikan. Kalau ada, Stulang. Ada lagi soalan tambahan?

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Ada.

YB Speaker : Jemput.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih Tan Sri Speaker dan terima kasih juga kepada YB EXCO yang memberikan jawapan. Jadi, memanglah kita ingin melihat sektor pelancongan *Business Matching* ini berkembang kerana kita ingin lihat lebih ramai orang datang peniaga datang ke Malaysia atau Johor sama ada mereka mempromosikan barang mereka ataupun kita mempromosikan barangan kita. Jadi dengan ini akan wujudnya satu rombongan lebih besar ke Johor Bahru dan seterusnya boleh meningkatkan pelancongan dan juga perniagaan usahawan tempatan. Jadi berkenaan produk Johor kekuatan setiap daerah dan promosi *Business Matching* ini penting akan memastikan industri yang mereka kendalikan dalam modul sederhana mampu berkembang secara konsisten dalam masa yang berpanjangan. Jadi soalan saya...

YB Speaker : Jemput.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Jadi soalan...

YB Speaker : Jemput, duduk. Jemput EXCO.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Jadi soalan saya adalah jadi kita memerlukan satu pentas lebih sesuai contohnya pusat perdagangan antarabangsa *Trade Centre* yang patut dibina di Johor supaya memberi satu pentas pada usahawan tempatan untuk mempamerkan barangan-barangan mereka secara konsisten dan berpanjangan bukan secara sementara seperti ekspo-ekspo sahaja.

YB Speaker : Ok.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih dan bila akan buat? Bila akan siap?

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Terima kasih kepada Yang Berhormat Stulang. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ini juga dia tak berasas dari soalan asal. Ini kira kalau kita nak ke satu pusat ni kita *Business Matching* kita ada ke *oversea* atau ke luar negeri. Dan mereka kalau nak datang ke sini kita mempunyai pusat informasi dan di mana kita akan mempamerkan segala produk-produk yang berada di negeri Johor. Terima kasih.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja soalan-soalan yang dapat kita jawab pada pagi ini. Jika ada soalan-soalan yang belum dijawab, akan dijawab secara bertulis pada Persidangan ini.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sambung perbahasan menjujung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, saya persilakan Stulang menyambung tetapi saya hanya memberi masa hanya 10 minit sahaja. Jemput.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih Tan Sri Speaker kerana membenarkan saya untuk menyambung perbahasan saya dari semalam di mana semalam saya telah menyentuh tentang kos sara hidup rakyat yang bekerja di luar negara, kesukaran mereka, model ekonomi yang perlu diperbaiki, kesesakan dan isu teknikal di Tambak Johor perlu dipantau dan mereka yang bekerja di Singapura banyak menyumbang kepada negara. Hari ini saya cuma nak menyentuh satu isu lain yang berkaitan dengan nafkah hidup para penjaja, penempatan semula tapak penjaja, perancangan persembahan tapak penjaja pasar dan juga beberapa contoh yang berkaitan dengan para penjaja di Johor Bahru. Perkara ini penting kerana ia boleh mempengaruhi perniagaan dan pendapatan mereka serta kehidupan seharian mereka.

Tan Sri Speaker, apa yang kita lihat di Johor Bahru, dulu kita ada tapak orang Asli kita mereka berniaga di Stulang Laut. Mereka telah berpindah dari Stulang Laut ke Bakar Batu. Ramai orang yang sebenarnya mengunjungi mereka di Stulang Laut, tetapi selepas mereka berpindah ke sana, masalah yang mereka hadapi banyak. Salah satunya adalah mereka tak ada jeti. Jadi saya meminta dalam isu ini, dalam penempatan penjaja pasar dan sebagainya, saya meminta kepada kerajaan tempatan menitikberatkan isu ini kerana dalam masa di tapak penjaja orang Asli di Bakar Batu tidak ada infrastruktur asas yang mencukupi untuk mereka berniaga. Contohnya mereka tak ada jeti, mereka bila dari sungai mereka nak naik ke tapak penjaja mereka, mereka terpaksa melalui sungai-sungai dengan lumpur-lumpur yang becak dan sebagainya, jadi saya rasa mereka agak sukarlah dan juga tiada tempat untuk meletak kereta dan juga tapak gerai yang sempurna juga tidak ada, dan bumbung juga tidak ada. Jadi sebenarnya tapak penjaja, tapak penjaja orang Asli di Bakar Batu ini boleh dijadikan sebagai satu destinasi pelancongan yang sangat unik kalau mereka terus diberi bantuan untuk mengembangkan perniagaan mereka kerana mereka ada jual kupang, sotong, ikan, ketam dan sebagainya. Kalau mereka hilanglah contohnya mereka berpindah ke sana dan ramai orang berasa sukar nak pergi ke sana dan mereka susah berniaga di sana, maka akhirnya mereka hilang nafkah hidup. Maka mereka nak pergi ke mana?

Yang Kedua, Contoh yang nak saya utarakan di sini adalah Pasar Awam Kampung Melayu Majidee. Penduduk merasa susah kerana dah berapa tahun dah, dulu janji bulan 12 tahun 2013 nak siap. Tapi sekarang bermula bulan 2013 dan dijangka siap bulan 12, 2015. Tapi sampai sekarang lagi, sudah berapa tahun dah mereka masih lagi ya... setahun 3 tahun setengah dah berlalu, para peniaga terpaksa lagi berniaga di tapak sementara yang kurang selesa. Saya masih ingat lagi, pernah ada kes putus elektrik selama 2 bulan di tapak sementara. Jadi saya ingat, mengapa benda ini dari segi penempatan semula penjaja ini begitu lambat sekali sehingga mempengaruhi nafkah hidup mereka. Saya ingin memberi contoh, walaupun ini contoh yang agak ekstrem tetapi boleh dijadikan sebagai iktibar kepada kita. Di Negeri China, di salah satu, di Negeri China di Hunan di Province Hunan, satu bangunan 57 tingkat, 57 tingkat siap dalam masa 19 hari, cepat. Maksudnya kita, saya tidak, kita tidak menjangkakan kita nak ada kelajuan macam ini, tetapi saya rasa benda ini pasar, tapak penjaja dan sebagainya, tak boleh kita tunda-tunda masa untuk mereka pindah masuk balik lagi. Jadi ini pendapat saya.

Ketiga, berkenaan dengan Pasar Awam Taman Sri Tebrau yang dirancang juga untuk berpindah sementara ke Tapak Penjaja Taman Suria secara sementara. Apa yang saya dengar daripada keluhan mereka bahawa gerai sana tidak cukup. Bilangan ini tidak setaraf dengan bilangan yang berada di Taman Sri Tebrau. Dan, adakah bila mereka berpindah ke sana, mereka akan mempunyai perniagaan seperti dahulu?

Satu lagi isu yang saya rasa agak sensitif tapi saya juga perlu utarakan di sini dan ada keluhan yang mengatakan bahawa penjaja bergerai yang menjual daging khinzir di Taman Sri Tebrau tidak dibenarkan untuk berpindah ke tapak sementara Suria secara sementara. Tetapi pada pendapat saya, mereka seharusnya diberi ruang dan mereka juga berjanji akan menjaga kebersihan dan menjaga sensitiviti dan sebagainya. Dan, mereka juga minta baik-baik. Jadi saya rasa tak ada alasan untuk kita untuk cuba menolak permintaan mereka.

Jadi berlandaskan kes-kes tersebut, pada pendapat Stulang, Kerajaan perlulah merangka strategi atau rancangan yang lebih rapi dalam soal penempatan semula tapak-tapak penjaja. Secara keseluruhannya tapak penjaja atau pasar yang sedia ada memerlukan persembahan yang lebih menarik atau naik taraf dari segi infrastruktur, kebersihan, kecantikan dan keunikan atau tema, kita boleh masukkan tema yang boleh menarik lebih ramai pengunjung tempatan ataupun luaran. Dan, persembahan...

YB Speaker : Ok, Stulang.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : ... dan persembahan yang lebih unik akan menjadikannya satu destinasi yang pelancongan yang lebih menjana pendapatan kepada negara. Beginilah ucapan perbahasan saya. Dan, mungkin inilah merupakan kali terakhir dalam penggal ini. Tetapi tak apa, bila kita balik nanti mudah-mudahan kita duduk sebelah sini boleh duduk sebelah sana. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat, suka dengar saya punya pandangan? Dewan ini boleh berterusan sehingga 2018. Bergantunglah sama ada pilihan raya akan dibuat dalam masa yang berkaitan ini. Kita boleh sampai Mei, Mei ke Jun tahun 2018. Kenapa semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, inilah soal akhir-akhir? Kita ada Dewan lagi. (Ketawa). Jangan... biar kerajaan tentukan bila

Dewan akan bersidang lagi? Boleh jadi bulan depan kita ada Persidangan lagi. Jangan cakap ini akhir-akhir kan?

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Kita sayang Tan Sri Speaker juga ma.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Stulang. Selepas ini Yang Berhormat Bentayan bersedia. Saya tangguhkan Persidangan ini selama 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:00 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11:20 pagi.

YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Jemput Bentayan.

YB Encik Chua Wee Beng (Bentayan) : Selamat pagi, Selamat Hari Wesak dan salam sejahtera. Bentayan merafak sembah dan menjunjung kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim yang telah merasmikan pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Negeri Johor Yang Ke-13. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberikan keizinan kepada Bentayan untuk turut sama mengambil bahagian dalam Perbahasan Menjunjung Kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bentayan dan semua rakan-rakan adalah wakil yang dipilih oleh rakyat masuk ke Dewan yang mulia ini. Adalah menjadi kewajipan untuk kita bersuara atas kesedaran kendiri dan bercakap untuk semua anak Johor tanpa gentar dan memihak. Oleh itu, hari ini Bentayan akan bercakap mengenai topik yang sangat panas hari ini ekonomi, tanah dan perumahan.

Sebagai permulaan, Malaysia dilihat oleh dunia luar sebagai sebuah negara yang terbuka secara relatifnya dan berasaskan ekonomi pasaran. Ini dapat dilihat daripada beberapa penglibatan Kerajaan yang diamalkan oleh kerajaan pemerintah untuk memperbetulkan kegagalan pasaran, dengan izin *market failure* dan menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Ia adalah merupakan satu usaha untuk memberikan impak terhadap ekonomi mengatasi peraturan asas mengenai penyelewengan dan penguatkuasaan sesuatu kontrak dan maksud barangan awam dengan izin *public goods*. Bukanlah niat Bentayan untuk bersyarah mengenai ekonomi tetapi hanya untuk mengemukakan beberapa terma ekonomi yang relevan dengan topik kali ini. Barangan awam, kegagalan pasaran dan pasaran gelap dengan izin, *black market*. Dan mengapa ketiga-tiga ini penting ketika ini?

Barangan awam adalah merupakan barang yang digunakan oleh masyarakat secara keseluruhannya dan bukan keperluan individu. Barangan awam dibiayai oleh keuntungan cukai. Semua barangan awam mestilah diguna tanpa mengurangkan kesediaannya kepada yang lain. Dan, tidak boleh menghalang orang yang tidak menyumbang secara langsung untuk menggunakannya seperti perparitan, keselamatan negara, penguatkuasaan undang-undang, taman-taman awam dan sebagainya.

Kegagalan pasaran adalah situasi di mana agihan perkhidmatan dan barangan tidak efisien. Sebagai contoh, dalam barangan awam campur tangan kerajaan melalui cukai, subsidi, kawalan harga dan sebagainya adalah cubaan untuk memperbetulkan kegagalan pasaran.

Yang terakhir adalah tanggapan pasaran gelap. Ia adalah satu menyalahi undang-undang perdagangan untuk mengawal atau komoditi yang susut. Transaksi pasaran gelap biasanya berlaku di bawah meja dengan izin *under table*, yang membenarkan peserta untuk mengelakkan kawalan harga kerajaan atau cukai.

Kita perlu renung kembali asas-asas ekonomi untuk memahami situasi ketika ini yang kita hadapi. Mengapa berlakunya begitu banyak rasuah dan penipuan yang melampau? Kita perlu hadapinya dengan jujur. Sistem kita hari ini telah gagal. Jadi, adakah perumahan merupakan barangan awam? Ia adalah ya dan tidak. Rumah teres, semi-D dan banglo adalah merupakan barangan peribadi atau *private goods* dengan izin. Tetapi insentif yang secukupnya untuk pemaju swasta membinanya dalam pasaran kita. Sebaliknya perumahan awam yang di subsidi seperti rumah kos rendah dan mampu milik pula adalah merupakan kuasa barangan awam. Mereka mempunyai kesan luaran positif yang besar. Jadi, kerajaan akan mengeluarkan peruntukan. Jika tidak, dia akan tidak mencukupi. Contoh lain meliputi penjagaan kesihatan dan pendidikan.

Berdasarkan kepada laporan Bank Negara mengenai Kestabilan Kewangan Dan Sistem Pembayaran 2016, kadar hutang isi rumah meningkat dengan pantas semenjak 2010, memberikan kesan terhadap peningkatan harga rumah. Peningkatan harga rumah lebih besar berbanding dengan peningkatan pendapatan. Kita semua faham dan bersetuju bahawa kerajaan perlu menyediakan perumahan awam. Soalnya, kita telah melaksanakan polisi ini bertahun-tahun lamanya tetapi setiap tahun kita pasti akan terdengar masalah unit tidak cukup, masalah agihan, masalah rasuah dan lain-lain. Jalan mudah apabila kita berhadapan dengan situasi ini adalah kita akan meletakkan beban kesalahan ke atas pemaju. Kita mahu pemaju lebih banyak membina perumahan jenis ini, mungkin kita terlupa pemaju juga adalah merupakan peniaga. Lantas mereka adalah berorientasi, berorientasikan keuntungan bukannya tanggungjawab sosial. Apabila pemaju terpaksa mensubsidi sistem kuota perumahan dan rumah kos rendah, mereka akan menaikkan harga rumah biasa untuk menampung beban kos pembinaan rumah jenis tadi. Ini akan menyebabkan kita mencipta masalah baru pula iaitu ketidakmampuan golongan penempatan sederhana untuk memiliki rumah. Kita bukan bercakap untuk mempertahankan pemaju, sebaliknya kita bercakap mengenai realiti ekonomi. Kita tidak harus lupa faktor ketiga yang mempengaruhi pemilikan rumah dan harga rumah adalah dasar kerajaan itu sendiri. Sebagai contoh, projek Forest City membayar caruman kerana tidak memenuhi syarat kuota mampu milik. Tetapi siapakah yang sebenarnya membayar caruman tersebut? Pemaju atau mereka sebenarnya akan menolaknya kepada pembeli? Realitinya ini semua akan menyebabkan peningkatan harga rumah dengan drastik.

Keperluan perumahan awam pasti akan bertambah tahun demi tahun, sesuai dengan urbanisasi dan migrasi rakyat ke bandar-bandar utama. Laporan Bank Negara juga menyatakan Johor berada di tangga ketiga selepas Kuala Lumpur dan Pulau Pinang dalam isu ketidakcukupan rumah mampu milik. Dalam kita berhadapan masalah ketidakcukupan rumah kos rendah dan mampu milik, kita juga perlu memastikan cara agihan unit-unit rumah sebegini mestilah adil dan telus.

Tetapi mengapakah kita mewujudkan Kuota Menegak Kerajaan (KMK) atau kuota parti politik untuk rumah, unit rumah ini? Oleh kerana harga rumah kos rendah dan mampu milik ini lebih rendah berbanding kos pembinaan yang sepatutnya. Dan, dengan pemakaian kuota parti politik, dia akan melahirkan kelompok dengan izin *rent seeker*, dengan sumber yang terhad, bilangan unit yang tetap tetapi sesiapa yang mempunyai kabel politik akan dapat memiliki unit rumah tersebut. Ini adalah contoh terbaik di mana campur tangan kerajaan untuk menyediakan barangan awam dengan memberikan subsidi, mengenakan peraturan kawalan harga dan sebagainya. Tetapi dalam, dengan agihan yang tidak efisien telah menyebabkan masalah yang tidak selesai. Ahli ekonomi mentakrifkan situasi ini sebagai kegagalan Kerajaan atau dengan izin, *government failure*.

Sepertimana dalam kes penipuan rumah mampu milik oleh seorang Ketua Pemuda parti politik yang berlaku baru-baru ini, polisi yang dibuat ini seakan-akan cuba untuk menjadi seperti R*obin Hood*, mengambil dari orang kaya untuk diberikan kepada orang miskin tetapi hakikatnya hak orang miskin juga dicuri dengan penggunaan kuota politik ini.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga ada menyatakan terdapat 88,000 unit harta tanah bumiputera yang belum terjual. Rumah banglo, lot rumah kedai, kilang-kilang, servis apartmen dan sebagainya termasuk dalam statistik tersebut. Pengenalan kuota yang tidak realistik akhirnya telah menyebabkan kegagalan pasaran kerana tidak mengikut prinsip penawaran dan permintaan. Kemudian ia berubah, kemudian ia berubah menjadi pasaran gelap dengan pengenalan syarat caruman ubah status di mana sesetengah orang yang rapat dengan Penguasa akan dapat menukar status. Adakah ini yang berlaku dalam kes rasuah kuota bumiputera baru-baru ini? Sistem amalan kita hari ini sebenarnya ada satu *vicious cycle* dengan izin, kerana pemaju tahu akan kesukaran untuk mereka menjual, syarat caruman 7.5% dan mereka dikehendaki membina rumah mampu milik kos rendah, lalu mereka akan menaikkan rumah, harga rumah biasa untuk mensubsidi kesemua perkara ini. Kalau keadaan ini berterusan berpanjangan harga rumah antara Rumah Mampu Milik dengan Rumah Sederhana Mewah dan Mewah akan semakin membesar setiap tahun. Akhirnya, daripada impian untuk memberikan rumah untuk golongan berpendapatan rendah kita telah mencipta masalah perumahan untuk golongan pendapatan sederhana. Ini akan memberikan kesan kepada majoriti populasi negara kita yang terdiri daripada masyarakat kelas pertengahan dan seterusnya membesarkan lagi masalah dengan izin, *middle income trap*.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kembali semula kepada Rumah Kos Rendah. Rumah jenis ini disediakan atas sifat kuasa barangan awam. Ia bukanlah untuk pelaburan. Rumah ini dibina untuk memenuhi keperluan rakyat memiliki rumah sebagai tempat kediaman. Suka atau tidak, ekoran daripada kos terlalu murah, akan ada *rent seeker*, dengan izin, yang membelikan untuk disewakan atau dijual selepas 5 tahun. Jika semasa membeli dahulu, harganya adalah sekitar RM42,000.00 tetapi rumah tersebut kemudiannya boleh dijual setinggi RM190,000.00. Sebagai contoh, dalam laman iproperty.com.my menemukan Bentayan dengan satu iklan jualan Rumah Kos Rendah, tidak mempunyai perabot dan tiada pengubahsuaian terletak di Taman Universiti Skudai yang dijual dengan harga RM190,000.00. Ketika ini, rumah tersebut disewakan kepada orang lain. Ini bukan satu kes terpencil, sebaliknya ia telah menjadi norma masyarakat di mana statistik Rumah Kos Rendah bertukar tangan pada tahun 2016 adalah sebanyak 3,700 unit. Bersandarkan kepada teori ekonomi sahaja kita pun boleh menjangkakan kegagalan sesatu polisi tanpa sekatan sewa dan peranan SUK Perumahan yang

hanya sekadar menjaga prosedur agihan semata-mata akan menyebabkan rumah-rumah jenis ini dijadikan instrumen pelaburan. Bukan sebagai rumah kediaman dan kita akan sentiasa berdepan dengan masalah rumah Kos Rendah dan Mampu Milik yang tidak cukup. Dalam contoh yang diberikan di atas tadi, ia telah jelas menunjukkan kegagalan pasaran yang kemudiannya merangsang kewujudan pasaran gelap. Barangan awam sekarang telah bertukar menjadi barang individu. Kerajaan seharusnya mengemukakan satu polisi perumahan awam yang dapat mengekalkan status sebagai perumahan awam yang tidak kira selang tempoh masanya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, banyak cakap-cakap di luar sana yang menyatakan ada pertambahan saiz tanah rizab Melayu tapi pemilikan individu menyusut dengan banyak dan sekadar berlegar-legar di kalangan orang kaya dan rapat dengan kekuasaan sahaja. Adakah ini benar? Jika tidak, kerajaan negeri perlu memberikan statistik lengkap, saiz dan pemilikan individu ini semenjak dari sebelum tahun 2008 sehingga kini. Bentayan juga ingin mendapatkan penjelasan kerajaan negeri berhubung dengan kajian Pelan Induk Pembangunan Selat Johor 2025 yang diperolehi daripada laman www.jbdp.johor.gov.my yang menyatakan kawasan zon antarabangsa seperti Forest City, Pembangunan Nusajaya dan JBCC tidak akan diberikan hak milik kekal kepada warga asing tetapi perkara sebaliknya berlaku.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu terakhir yang ingin dibangkitkan oleh Bentayan adalah mengenai sebidang tanah yang telah dibeli oleh Muar Lions Renal Centre di atas lot 3082 di Mukim Bandar Maharani di daerah Muar. Tujuannya membina sebuah bangunan pelbagai guna yang akan menempatkan pusat hemodialisis, pusat autisme dan rumah orang tua. Tanah ini telah dibeli semenjak tahun 2013 lagi tetapi sehingga ke hari ni penukaran status tanah masih tidak mendapat kelulusan. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, Muar Lions Renal Centre telah pun menjalankan perkhidmatan hemodialisis kepada rakyat Muar selama lebih 20 tahun. Beribu pesakit telah mendapat manfaat perkhidmatan ini dan ia bukanlah sebuah NGO berasaskan keuntungan. Setiap tahun mereka terpaksa mencari derma sekurang-kurangnya RM500,000.00 daripada orang awam untuk menampung kos operasi. Pusat hemodialisis ini adalah merupakan tambahan kepada fasiliti yang disediakan di hospital kerajaan. Pusat Hemodialisis Lions ini menerima pesakit yang dirujuk bukan sahaja oleh pihak hospital bahkan pesakit tanggungan Baitulmal dan penjawat awam.

Berdasarkan kepada pandangan Perancang Bandar, plot tanah ini tidak mendatangkan masalah kepada penduduk dan plot ration dengan izin, juga sesuai ekoran daripada saiz tanah yang besar. Projek ini bukanlah satu projek komersial tapi projek khidmat sosial, mengapakah sukar untuk diberikan kelulusan penukaran status tanah? Sebagai perbandingan, hospital KPJ Bandar Maharani juga dibuat di kawasan perumahan tambahan pula, bangunan hospital tersebut pada asalnya adalah cadangan untuk membina sebuah kondominium. Jika hospital KPJ boleh diberikan kebenaran, mengapakah rancangan Muar Lions Renal Centre untuk membangunkan sebuah fasiliti kesihatan dan sosial sangat sukar untuk diluluskan. Dengan pertambahan pesakit buah pinggang saban tahun, pusat hemodialisis Lions sedia ada tidak lagi boleh menampung peningkatan ini. Untuk rekod fasiliti ketiga ini telah pun melibatkan 2 buah bangunan. Lokasi Taman Sungai Abong dipilih memandangkan lokasi tersebut berdekatan dengan Hospital Pakar Sultanah Fatimah yang akan memudahkan semua pihak sekiranya berlaku kecemasan. Justeru itu, Bentayan ingin bertanya kepada pihak-pihak yang tidak bersetuju dengan rancangan tersebut. Adakah anda akan memberikan perkhidmatan

hemodialisis kepada pesakit buah pinggang yang semakin bertambah setiap bulan? Tidakkah anda sedar bahawa perkhidmatan ini untuk semua rakyat Muar dan bukan berlandaskan keuntungan?

Bentayan amatlah berharap agar kerajaan dapat memberikan kelulusan dan sokongan terhadap projek yang akan memberikan manfaat kepada masyarakat ini dengan kadar segera. Akhir kata, Dato' Speaker Bentayan ingin bertanyakan kepada kerajaan negeri memandangkan pilihan raya umum hampir tiba, adakah rakyat Johor akan mendapat manfaat kesihatan *Khaled Care* seperti yang dicadangkan oleh Bentayan dalam Ucapan Perbahasan Belanjawan tempoh hari. Kesihatan juga adalah satu *public goods*, dengan izin, yang menjadi tanggungjawab kerajaan. Jika Selangor boleh laksanakannya, takkan Johor sebagai sebuah *Economic Power House Malaysia*, dengan izin tidak mampu melaksanakannya. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Persidangan diteruskan. Sila, Johor Jaya.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Yang Berhormat Dato' Speaker, selamat pagi dan salam sejahtera. Johor Jaya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk membahaskan usul Menjunjung Kasih Atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor Sempena Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Kelima bagi Dewan Negeri Johor yang Ke-13.

Yang Berhormat Dato' Speaker, negeri Johor memang merupakan sebuah negeri yang unik bukan sahaja dengan lokasi yang strategik tetapi juga kaya dengan sumber alam semula jadi. Pembangunan dan perancangan negeri Johor harus sentiasa berdasarkan kesejahteraan rakyat dan negeri. Selama ini, kerajaan negeri Johor kerap menekankan dengan kepentingan semangat muafakat Johor. Namun, sekiranya pihak kerajaan tidak menjalankan perancangan dan pelaksanaan dengan adil dan saksama tanpa mengira kaum, bangsa dan fahaman politik, maka impian Muafakat Johor tidak akan berjaya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam ekonomi yang pesat dan harga rumah yang melambung tinggi, aspirasi rakyat untuk memiliki sebuah rumah sendiri kini merupakan satu impian yang agak susah dicapai di kalangan orang ramai. Khususnya golongan muda dan golongan yang berpendapatan sederhana atau rendah. Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor telah melancarkan projek Rumah Idaman Bangsa Johor baru-baru ini sempena Hari Keputeraan Tuanku. Sambutan dan kehadiran pemohon terhadap projek Rumah Idaman Bangsa Johor pada hari pelancaran telah menunjukkan permintaan dan kehendak rakyat, untuk memiliki rumah sendiri. Pihak kerajaan negeri Johor pun telah mengemukakan projek Rumah Mampu Milik Johor sebagai tempat berteduh rakyat dan dijadikan sebagai agenda utama kerajaan negeri selama ini.

Sasaran pihak kerajaan negeri Johor dalam Bajet 2014 adalah 28,000 unit, kemudian pihak kerajaan meningkatkan sasaran tersebut kepada 37,000 unit dalam Bajet 2015. Kini sasaran tersebut ditingkatkan lagi sehingga 60,000 unit Rumah Mampu Milik Johor menjelang tahun 2019. Menurut angka sasaran, pihak kerajaan negeri memang faham dengan kehendak dan keperluan rakyat. Atas memiliki rumah sendiri dan Johor Jaya percaya sasaran 60,000 ini mampu membantu rakyat jelata mencapai hasrat mereka iaitu memiliki rumah sendiri. Namun apa yang sebenarnya berlaku, Rumah Mampu Milik Johor yang telah siap dibina setakat ini hanya berjumlah 8,766 buah unit rumah. Angka ini adalah jauh daripada sasaran 60,000 iaitu hanya 14.61% sahaja. Tidak sampai 20% daripada sasaran tersebut.

Adakah pihak kerajaan mampu mencapai sasaran ini dalam masa 2 tahun yang akan datang? Kalau kita meneliti dengan sasaran pihak kerajaan, sasaran rumah siap pihak kerajaan pada tahun 2017 adalah 6,327. Manakala 18,456 unit pada tahun 2018 dan 30,065 unit menjelang tahun 2019 dan 2020. Adakah sasaran ini boleh tercapai? Angka rumah yang siap ini menunjukkan kegagalan pihak kerajaan negeri dalam usaha pembinaan Rumah Mampu Milik Johor kerana terdapat Rumah Mampu Milik Johor yang gagal dibina atau disiap mengikut jadual.

Salah satu contoh kegagalan pembinaan Rumah Milik Johor adalah projek Rumah Mampu Milik Johor Tanjung Senibong di mana projek ini terletak di kawasan Menteri Besar sendiri. Projek ini dikendalikan oleh Syarikat Crescendo Corporation Berhad dan telah menjalankan majlis pecah tanah pada 22 Mac 2014. Projek ini dijangka siap dalam masa 2 tahun iaitu bulan Mac tahun 2016, namun sudah 3 tahun lepas pecah tanah tetapi tanah ini masih biar menjadi lalang di sana. Tidak ada sebarang pembinaan mahupun satu tiang pun tak ada. Projek ini merangkumi 222 Rumah Mampu Milik Johor bermakna terdapat 222 pemohon yang sedang menunggu satu janji yang masih belum ditepati daripada pihak kerajaan. Selain itu, baru-baru ini berlaku bahawa Rumah Mampu Milik Johor yang telah diserah kunci tetapi menghadapi pelbagai masalah seperti kebocoran bumbung dan dinding, tiada bekalan elektrik dan air dan sebagainya. Rumah Mampu Milik Johor tersebut telah 3 tahun kelewatan pembinaan dan pelbagai masalah turut timbul setelah siap dibina. Hal ini mengakibatkan mereka tidak dapat pindah masuk ke Rumah Mampu Milik Johor tersebut. Apakah tujuan sebenar pembinaan Rumah Mampu Milik Johor kepada rakyat? Johor Jaya pasti bahawa pihak kerajaan berhasrat memberi kesejahteraan kepada rakyat dengan membantu rakyat untuk memperoleh rumah sendiri dengan harga yang murah. Apabila kontraktor atau pemaju yang dilantik atau bertanggungjawab untuk membina Rumah Mampu Milik Johor ini gagal apakah tindakan atau peranan pihak kerajaan terhadap mereka. Apabila pemohon memohon Rumah Mampu Milik Johor dengan pihak kerajaan, ini telah menunjukkan satu sikap keyakinan dan kepercayaan kepada pihak kerajaan tetapi kelewatan dan ketidaksempurnaan rumah seperti ini telah mengecewakan rakyat terhadap pihak kerajaan negeri. Namun, masalah yang timbul seperti pembinaan yang tidak ditepati atau kelewatan telah bercanggah dengan hasrat pihak kerajaan *Team Johor.* Ini bukan sahaja menunjukkan kegagalan projek Rumah Mampu Milik Johor tetapi juga *Team Johor* juga yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Johor Jaya turut mengingatkan pihak kerajaan bahawa jangan sesekali hanya membuat pengumuman pecah tanah tapi tidak dilengkap dan janji tidak ditepati. Dengan ini, Johor Jaya ingin bercadang mewujudkan lebih projek perumahan rakyat yang berdasarkan konsep sewa beli untuk membantu rakyat yang tidak mampu membeli rumah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menurut perangkaan kemalangan jalan raya di Lebuh Raya Pasir Gudang, terdapat 875 kes kemalangan pada tahun 2013. 758 kes pada tahun 2014 dan 927 kes pada tahun 2015. Ini telah menunjukkan Lebuhraya Pasir Gudang merupakan lebuh raya yang penting dengan aliran trafik yang tinggi.

Oleh itu, Johor Jaya terpaksa sesekali membangkitkan isu Lebuhraya Pasir Gudang dalam Dewan yang mulia ini. Kemalangan jalan raya boleh disebabkan oleh kecuaian atau sikap pemandu yang kurang prihatin. Sebagai sebuah kerajaan yang cekap dan tegas, pihak kerajaan bukan sahaja menyediakan infrastruktur awam kepada rakyat tetapi penjagaan, penyelenggaraan dan kualiti infrastruktur awam adalah penting. Sebagai contoh, keadaan jalan yang lancar iaitu tidak berlubang, pengadang jalan yang lengkap dan tersusun, lampu jalan yang terang dan sebagainya. Projek menaik taraf Lebuhraya Pasir Gudang Fasa 1 sepanjang 8

kilometer telah tamat pada Mac 2016 setelah beberapa kali lanjutan. Kerja-kerja pembersihan pun telah dijalankan bagi fasa 1 namun masih terdapat pelbagai masalah di Lebuhraya Pasir Gudang.

Masalah pertama, bagi fasa, bagi projek menaik taraf Lebuhraya Pasir Gudang Fasa 2 A, masalah yang sama turut berulang iaitu pengadang jalan yang tidak tersusun di tepi jalan. Ini adalah amat bahaya terutamanya kepada penunggang motorsikal.

Yang kedua, Johor Jaya mendapati lampu jalan tidak bernyala di sepanjang projek ini. Terdapat sekira-kiranya 250 batang lampu jalan tidak bernyala dari susur keluar Jambatan Taman Daya sehingga persimpangan bertingkat Seri Alam.

Ketiga, tiada lampu jalan atau langkah-langkah keselamatan di persimpangan menuju ke arah pusat banda raya Kota Tinggi. Persimpangan ini terletak di jambatan bertingkat Kota Tinggi-Johor Bahru. Dan kemalangan sering berlaku sebab keadaan yang gelap dan kenderaan sering berlanggar dengan di sini pada waktu malam. Bukan sahaja lampu di tepi jalan tidak bernyala tetapi lampu yang terletak di dalam terowong di jambatan yang sama, dalam terowong menuju ke arah Pasir Gudang ini iaitu di jambatan bertingkat Johor Bahru-Kota Tinggi. Lampu di dalam terowong ini tidak bernyala sejak tahun lepas iaitu Disember 2016. Sebenarnya ia pernah dibaiki pada November 2016 tetapi hanya 3 minggu lampu bernyala dan lepas itu lampu turut tidak bernyala sampai hari ini. Selama 6 bulan keadaan gelap di lebuh raya, di terowong ini, dan lebuh raya dikira sebagai satu jalan yang paling sibuk. Keadaan ini amat bahaya kepada pengguna jalan tersebut terutama pada waktu siang apabila kenderaan yang masuk terowong tiba-tiba menghadapi keadaan gelap. Johor Jaya mendapati bahawa berlaku kes kecurian dan kehilangan kabel mengakibatkan lampu jalan tidak berfungsi. Pihak kerajaan perlu mengambil berat terhadap nyawa dan keselamatan pengguna jalan. Tindakan seperti pemasangan cctv, penukaran kabel, bukan jenis logam atau meningkatkan keselamatan harus diambil. (Johor Jaya batuk).

YB Timbalan Speaker : Nak minum Johor Jaya (Dewan ketawa).

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Maaf, boleh. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Meningkatkan keselamatan harus diambil. Janganlah sampai 6 bulan masalah ini masih tidak dapat diselesaikan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, memandangkan kepentingan Lebuhraya Pasir Gudang, Johor Jaya ingin bertanya bila keseluruhan projek naik taraf Lebuhraya Pasir Gudang boleh lengkap supaya dapat menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas sepanjang jalan. Sekali lagi saya menyeru supaya pihak kerajaan mengambil sikap dan tindakan yang tegas dalam pemantauan projek menaik taraf Lebuhraya Pasir Gudang Fasa 2 A iaitu dari persimpangan bertingkat Plentong ke Persimpangan Bertingkat Seri Alam, Taman Rinting yang akan dijalankan. Pihak kerajaan bertanggungjawab dalam memastikan projek yang seterusnya ini akan dijalankan dengan lancar.

Pertama, Projek Fasa 2A mesti ditamatkan pada masa yang ditetapkan.

Kedua, langkah-langkah keselamatan jalan raya semasa kerja-kerja naik taraf dijalankan. Jangan ulangi masalah yang dan kesilapan yang sama dan harus sentiasa mengutamakan keselamatan pengguna jalan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Tempatan memainkan peranan yang penting dalam kehidupan rakyat jelata. Bukan sahaja mengutip cukai pintu, menguatkuasakan undang-undang kerja tetapi seluruh kawasan adalah di bawah jagaan pihak PBT masing-masing. Baru-baru ini kawasan Johor Jaya telan dilanda ribut kencang dan akibatnya terdapat banyak pokok yang tumbang. Nasib baik tiada kecederaan orang awam. Tidak dapat dinafikan bahawa ribut dikira sebagai bencana alam namun kerosakan akibat bencana alam boleh dielakkan sekiranya pihak kerajaan negeri mengambil tindakan dengan awal. Johor Jaya bersyukur kerana pihak PBT, penguatkuasa dan kontraktor mengambil tindakan yang cepat untuk membersihkan pokok yang tumbang ini dan turut memberi pampasan kepada mangsa kenderaan. Sampailah Datuk Bandar pun kena turun padang membantu menolak kenderaan yang dilanda oleh pokok yang tumbang. Namun pokok tumbang ini bukannya pokok yang layu tetapi semua pokok yang sihat, tinggi dan besar dahannya. Ada sampai dahan pokok pun tercabut keluar. Kita harus berfikir peranan pihak Kerajaan Tempatan bukan sahaja menanam pokok mengindahkan kawasan, ambil tindakan apabila kejadian berlaku tetapi sediakan payung sebelum hujan iaitu sentiasa membuat pemantauan dan mengelakkan kejadian supaya berlaku.

Sebagai contoh, pokok yang terlalu tinggi harus sentiasa dipantau dan dicantas untuk memastikan dahannya dapat menampung ketumbuhan pokok dan ketinggian pokok adalah dalam had tinggi yang selamat. Sejauh mana saya tahu, pihak PBT telah membelanjakan sebanyak RM169,000.00 sejak bulan Disember 2016 hingga bulan Februari 2017 untuk mencantas 609 bilangan pokok. Dan terdapat baki sebanyak RM195,000.00 untuk dibelanjakan demi menjaga landskap kawasan Johor Jaya. Siapa yang bertanggungjawab atas ketumbangan pokok?. Adakah kita salahkan kepada ribut atau kita dapat elakkan kejadian ini. Johor Jaya berpendapat bahawa pihak kerajaan perlu membuat pemantauan atau penjagaan terhadap pohon-pohon tidak kira layu atau sihat. Selain itu penyelidikan terhadap kesesuaian jenis pokok ditanam di jalan utama, tempat awam dan kawasan perumahan juga turut penting.

Selain itu Yang Berhormat Dato' Speaker, Johor Jaya menyeru pihak PBT mengambil tindakan yang lebih cepat dalam usaha mencantas pokok. Johor Jaya pernah membuat aduan terhadap beberapa batang pokok yang layu terletak di tempat awam. Oleh sebab pokok layu terletak di tapak letak kereta, penduduk amat bimbang kerana sekiranya pokok itu tumbang. Akhirnya selepas 4 bulan saya membuat aduan, pihak PBT turut mengambil tindakan mencantas pokok tersebut. Walaupun tindakan diambil dengan masa yang panjang saya memang menghargai usaha pihak PBT tetapi apa yang saya kagum dan pelik adalah Ahli Majlis Zon tersebut membuat sidang media dan mengatakan bahawa Johor Jaya tidak menelefon dia untuk membuat aduan tersebut. Sekiranya Johor Jaya menelefon, dia dapat menyelesaikan masalah dalam 3 hari sahaja tidak perlu 4 bulan. Bukan ini sahaja, dia turut suruh saya jangan buat aduan sebagai wakil rakyat kepada PBT. Buat aduan sebagai rakyat biasa. Tidak lupa juga dia menunjukkan resit dan kata dia yang mengeluarkan duit sendiri untuk mencantas pokok tersebut bukannya pihak PBT.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bukankah pihak PBT mempunyai peruntukan seperti saya sebut tadi. Kenapa Ahli Majlis pula yang terpaksa mengeluarkan kos sendiri untuk mencantas pokok tersebut. Sama ada Majlis mengelirukan rakyat atau ditindas oleh pihak PBT sampailah perlulah keluarkan kos sendiri. Bukankah tanggungjawab pihak PBT untuk mengendalikan segala aduan, tidak kira sama ada aduan tersebut dibuat daripada wakil rakyat atau rakyat biasa. Bukankah pihak PBT

mempunyai pelbagai jenis saluran aduan termasuk *whatsapp,* borang aduan, talian telefon dan sebagainya. Adakah ini menunjukkan sifat berat sebelah dan ketidakadilan bahawa aduan yang dibuat oleh pihak pembangkang tidak akan dipeduli sampai Ahli Majlis minta saya buat aduan sebagai rakyat biasa. Saya berharap pihak kerajaan *Team* Johor memandang serius terhadap aduan rakyat. Dan janganlah menjadikan aduan harian rakyat sebagai mainan politik. *Team* Johor perlu mengambil perlu mengambil sikap adil dan saksama semua wakil rakyat tanpa mengira parti terutamanya mengendali isu dan aduan yang dibawa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, beberapa masalah tempatan yang ingin saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini.

Pertama, Keselamatan jalan raya di SMK Seri Alam 2. Keselamatan jalan raya perlu diperketatkan terutamanya di hadapan kawasan sekolah. Keselamatan asas termasuk membina bonggol, menebalkan garisan kuning dan mengurangkan had laju kenderaan kepada 30 kilometer sejam. Kekurangan langkah-langkah keselamatan jalan di hadapan SMK Seri Alam 2 perlu diambil berat. Sekolah ini telah ditubuhkan selama 15 tahun dan kini mempunyai 1600 orang pelajar. Lokasi sekolah terletak di tepi jalan bukit. Oleh itu, kenderaan yang turun dari cerun selalu turun dengan laju. Tiada garis kuning, bonggol, papan had laju ataupun cermin jalan raya yang disediakan di sana. Ibu bapa memang amat bimbang dengan keselamatan pelajar.

Kedua, Kesesakan lalu lintas memang merupakan satu masalah yang serius bagi pengguna Jalan Masai Lama. Kerja menaik taraf Jambatan Sungai Plentong telah bermula. Johor Jaya amat bimbang dengan projek menaik taraf ini bahawa sama ada projek ini dapat menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di Jalan Masai Lama selama ini.

Ketiga, kesesakan lalu lintas di Jalan Ros Merah Utama iaitu di bawah Jambatan Ros Merah. Jalan ini merupakan salah satu laluan penting menyambung kedua-dua bahagian dalam kawasan iaitu dari Taman Molek dan Jalan Ros Merah ke sebahagian sebelah bahagian Taman Johor Jaya. Aliran trafik yang tinggi terutama pada waktu puncak sentiasa menyebabkan kesesakan lalu lintas di bahagian bawah jambatan. Johor Jaya berharap pihak kerajaan dapat mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah ini secepat mungkin.

Keempat, pada sidang Dewan yang lepas, Johor Jaya pernah membangkitkan isu naik taraf Taman Rekreasi Bandar Seri Alam yang terletak di Jalan Lembah termasuk pembinaan tandas awam dan pelebaran laluan larian. Johor Jaya ingin mengucapkan terima kasih atas kepantasan pihak Kerajaan PBT dengan mengambil tindakan segera dengan pembinaan tandas tersebut. Oleh itu Johor Jaya turut harap laluan larian tersebut dapat di naik taraf dengan secepat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir kata Johor Jaya berharap pihak kerajaan *Team* Johor dapat menguruskan dan menyelesaikan semua perkara yang saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini dengan secepat mungkin. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Dewan disambut. Jemput Paloh.

YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Paloh ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan rasa syukur atas peluang yang diberikan dalam perbahasan usul menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha

Mulai Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Yang Kelima Dewan Negeri Johor yang ke-13.

Yang Berhormat Dato' Speaker, salam sejahtera dan salam muafakat Johor. Terlebih dahulu Paloh ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pentadbiran kerajaan negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor yang berjaya mengekalkan prestasi yang cemerlang dalam pembangunan ekonomi negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, baginda menegaskan untuk membentuk generasi yang berdisiplin dan berakhlak mulia, ibu bapa dan keluarga juga haruslah memikul tanggungjawab dalam menjaga dan mendidik anak-anak di rumah, jangan salahkan orang lain sekiranya anak sendiri tidak dikawal dan terjebak dalam aktiviti yang kurang sihat contohnya insiden kemalangan kanak-kanak berbasikal yang berlaku baru-baru ini. Baginda juga bertitah agar lapisan masyarakat juga mestilah mengamalkan budaya hidup yang harmoni, bertolak ansur, tolong menolong antara satu sama lain dan bermuafakat dalam melaksana sesuatu perkara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga bertitah bahawa keamanan dan ketenteraman yang kita kecapi hari ini juga adalah hasil usaha dan pengorbanan yang terus dicurahkan oleh pasukan keselamatan negara dan agensi-agensi kerajaan yang sentiasa berkhidmat memastikan kesejahteraan hidup rakyat Johor terus terjamin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Program *Johor Future* dan *Johor Future Home* yang digerakkan oleh EXCO Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan Negeri Johor juga merupakan inisiatif yang baik. *Johor Future Home,* telah melahirkan generasi akan datang yang cergas dan bertanggungjawab kepada masyarakat melalui aktiviti kesukarelawan dan sukan. *Johor Future Home,* menjadikan kesukarelawan sebagai budaya dan telah menjalankan aktiviti membaiki rumah sebanyak 280 buah untuk, yang meliputi 56 DUN dan seramai 5,600 orang sukarelawan terlibat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Paloh bercadang agar program seperti ini dapat diteruskan dan bilangan rumah yang hendak dibaiki boleh ditingkatkan hingga ke 560 buah iaitu 10 buah rumah bagi setiap DUN.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Paloh ingin membangkitkan beberapa isu atau masalah yang dihadapi oleh penduduk di DUN Paloh. Yang pertama, tentang penempatan semula atau perumahan mampu milik bagi pekerja-pekerja ladang.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, DUN Paloh mempunyai sebanyak 22 buah ladang kelapa sawit dan 5 buah kilang minyak kelapa sawit yang dimiliki oleh syarikat-syarikat seperti Sime Darby, IOI, Kulim dan KLK. Syarikat-syarikat atau majikan-majikan ini akan menyediakan tempat tinggal atau perumahan bagi pekerja-pekerja mereka masing-masing. Masalah yang timbul ialah apabila pekerja-pekerja ini bersara pada umur 55 tahun ataupun tidak lagi bekerja di ladang ataupun kilang, mereka terpaksa keluar dari tempat tinggal dan cari tempat tinggal atau rumah kediaman yang baru. Kebanyakan pekerja-pekerja ini adalah golongan yang berpendapatan rendah dan mereka rata-rata memang tidak memiliki rumah sendiri. Maka, Paloh merayu kepada pihak kerajaan supaya pekerja-pekerja ladang atau kilang yang telah bersara ini masih dapat tinggal di DUN Paloh sekiranya rumah mampu milik disediakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu yang kedua ialah pembinaan sebuah balai bomba di Pekan Paloh. Dua tragedi kebakaran hebat telah berlaku di Pekan Paloh pada tahun 2002 dan tahun 2011. Tragedi tahun 2002, telah memusnahkan sebanyak 10 unit rumah kedai dan tahun 2011 pula melibatkan sebanyak 9 unit rumah kedai. Harta benda bernilai RM5 juta telah hangus dalam tragedi ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bandar yang paling dekat dengan Paloh ialah Kluang dan Yong Peng. Dan, jarak kedua-dua bandar ini dari Paloh adalah lebih daripada 30 kilometer masing-masing. Jika berlaku sesuatu kebakaran di Pekan Paloh, kereta bomba dari Yong Peng atau Kluang perlu mengambil masa lebih dari 30 minit baru dapat sampai ke tempat kejadian. Selalunya, bila kereta bomba dari kedua-dua bandar ini sampai ke tempat kejadian, rumah tersebut pun sudah habis dijilat api, jadi hangus. Nasib baik di Pekan Paloh ada pasukan bomba sukarela di mana kebakaran yang kecil telah dapat diselamatkan atau diredakan sebelum anggota bomba luar dari Kluang atau Yong Peng tiba.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pasukan bomba sukarela Paloh telah ditubuhkan pada tahun 1997. Selama 20 tahun ini anggota mereka telah banyak berkhidmat dan memberi jasa kepada masyarakat Paloh terutamanya dalam kebakaran-kebakaran yang kecil dan perkhidmatan sosial yang lain. Malangnya, kebanyakan anggota mereka adalah warga-warga emas. Sehingga hari ini, mereka mempunyai seramai 20 anggota tetapi 8 daripada mereka adalah lebih 60 tahun dan ada seorang, 70 tahun. Jadi, mereka masih bersemangat tinggi untuk memberi perkhidmatan kepada masyarakat malangnya, kesihatan mereka kurang mengizinkan. Saya nak bagi satu peribahasa Cina ya, dengan izin, iaitu *yu sin u lik* (bahasa Cina). Ada niat tetapi tidak ada tenaga. Jadi, maka…

YB Timbalan Speaker : YB ada tenaga lagi?

YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Saya masih ada, tenaga batin lagi Dato'. (Dewan bertepuk dan ketawa).

YB Timbalan Speaker : Batin tu rahsia. Hilang?

YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Ok. Jadi, mereka kurang bertenaga dan langkah-langkah mereka agak terbatas. Jadi, maka sudah sampai masa Jabatan Bomba Malaysia mengambil alih peranan dan tanggung jawab menjaga keselamatan nyawa dan harta benda rakyat jelata Pekan Paloh.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tapak *reserve*, dengan izin, untuk Balai Bomba Paloh sudah ada dan pasukan bomba sukarela Paloh pun sudah banyak kali mengemukakan permohonan untuk pembinaan balai bomba di Paloh. Paloh telah membawa isu ini untuk dibahaskan di Dewan yang mulia ini pada sidang-sidang yang lepas. Maka *it's high time* dengan izin, satu balai bomba dibina di tapak yang sedia ada di Paloh.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu yang ketiga ialah pembinaan sekolah agama Kampung Melayu Nyior. Sekolah Agama Nyior mempunyai 120 orang murid dengan 4 orang guru pengajar. Pencapaian akademik murid-murid Sekolah Agama Nyior sangat cemerlang. Malangnya, sehingga hari ini Sekolah Agama Nyior masih tidak memiliki bangunan sendiri, tetapi menumpang di Masjid Kampung Melayu Nyior untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran harian selama 9 tahun.

Yang Berhormat Dato' Speaker, keadaan prasarana masjid yang sempit dan serba kekurangan menyulitkan pengajaran dan pembelajaran. Namun, gurunya dengan semangat sebagai pendidik yang bertanggung jawab dan dedikasi terus menjalankan tanggung jawab demi masyarakat, anak bangsa dan negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 4 Mei yang lepas, Perkara 47, Tuanku bertitah, sistem pendidikan Sekolah Agama Islam Negeri Johor merupakan contoh kepada negeri-negeri lain. Namun pada hari ini, saya perhatikan sistem pendidikan sekolah agama ini semakin lemah dan dianggap seperti kurang penting.

YB Timbalan Speaker : Oh, YB faham ya, mengenai pendidikan sekolah agama ni.

YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Faham Dato'.

YB Timbalan Speaker : YB Cikgu kan?

YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Saya minggu lepas baru pergi Mesyuarat Agong sekolah tersebut. Perkara 48 pula, Tuanku bertitah masalah kekurangan guru dan kelengkapan sekolah serta keadaan persekitaran yang kurang selesa perlulah diberi perhatian yang sewajarnya. Perkara 49 pula, Tuanku bertitah, oleh itu saya menyeru kepada Jabatan Agama Johor supaya mengkaji kelemahan yang ada dan berusaha untuk meningkatkan mutu pembelajaran di sekolah agama kerana saya mahukan generasi Bangsa Johor yang akan datang adalah generasi yang penuh dengan ilmu agama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Sekolah Agama Nyior telah mendapat sebidang tanah untuk pembinaan sekolah agama dan Badan Kebajikan Sekolah Agama Nyior telah mengemukakan permohonan pembinaan sekolah agama kepada kerajaan negeri beberapa tahun yang lalu, namun hingga hari ini permohonan ini masih belum direalisasikan. Memandangkan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sangat bangga dan mengambil berat terhadap sistem pendidikan Sekolah Agama Islam Negeri Johor, di mana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 4 Mei yang lalu, Perkara 47, 48 dan 49, adalah berkaitan dengan sistem pendidikan Sekolah Agama Islam Negeri Johor.

Justeru itu, Paloh mewakili seluruh ibu bapa dan murid-murid Kampung Melayu Nyior, memberi sokongan penuh dan menyeru kepada Kerajaan Negeri Johor agar permohonan pembinaan Sekolah Agama Nyior disegerakan walaupun Paloh merupakan seorang Wakil Rakyat bukan beragama Islam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu keempat yang Paloh ingin bawa ialah tentang pembinaan sebuah susur gajah dari bangunan utama Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kota Paloh ke pintu *gate* utama sepanjang lebih kurang 200 meter. Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kota telah dibina pada tahun 2011, walaupun sekolah ini masih baru tetapi banyak pencapaian cemerlang telah diperolehi oleh sekolah ini. Pada tahun 2014, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kota, Paloh menerima Anugerah Kecemerlangan Peningkatan GPS Tertinggi Sekolah Harian Bandar SPM Tahun 2014 peringkat daerah. Pada tahun 2015 pula, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kota mendapat johan kategori sekolah menengah bagi Pelaksanaan Amalan Terbaik Bimbingan Dan Kaunseling Peringkat Negeri Johor dan juga telah menerima watikah pengisytiharan sebagai Anak Angkat Pintar PLUS bagi tahun 2015 hingga 2017.

Manakala pada tahun 2016, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kota telah menerima Anugerah Johan bagi Amalan Terbaik Disiplin Peringkat Kebangsaan Tahun 2016, kategori sekolah menengah. Anugerah kategori PIBK Sekolah Menengah 2016 dan Anugerah Johan Amalan Terbaik Disiplin Majlis Inovasi 2016. Oleh kerana bangunan utama sekolah ini terletak jauh dari pintu *gate* utama, maka pada waktu balik murid-murid berjemur di bawah matahari yang terik dan pada waktu hujan pula mereka akan basah kuyup. Pihak sekolah dan ibu bapa merayu sangat agar kerajaan dapat membina sebuah susur gajah untuk mengatasi masalah ini demi kepentingan anak-anak murid. Isu ini pernah Paloh bawa dibahaskan di dalam Dewan yang mulia ini pada Persidangan yang lepas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu yang kelima, yang terakhir yang Paloh ingin bawa ialah tentang perkhidmatan Bas Muafakat Johor (BM). Perkhidmatan Bas Muafakat Johor adalah bas percuma yang disediakan oleh kerajaan negeri Johor melalui 4 PBT atau Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat serta diselaraskan oleh Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ). Perkhidmatan ini diadakan adalah satu lagi inisiatif kerajaan negeri dalam membantu rakyat berpendapatan, berdepan dengan kos sara hidup.

Yang Berhormat Dato' Speaker, baru-baru ini perkhidmatan Bas Muafakat Johor telah meliputi bandar Kluang, Simpang Renggam, Layang-Layang dan Renggam termasuk Yong Peng, tetapi Paloh telah tertinggal. Maka, Paloh ingin merayu kepada Kerajaan Negeri Johor agar perkhidmatan Bas Muafakat Johor bolehlah sampai ke Pekan Paloh untuk memberi perkhidmatan bas percuma. Bukan sahaja kepada rakyat Paloh tetapi juga termasuk Central Paloh, Kampung Chamek, Kampung Nyior, di mana mereka merupakan golongan yang berpendapatan rendah dan yang paling penting sekali ialah mereka merupakan penyokong kuat Barisan Nasional.

Sebelum mengundur diri, izinkan saya akhiri perbahasan saya dengan serangkap pantun, Muafakat Johor tinggi berkatnya, bangsa berbudi, bersepakat berjaya, penduduk Paloh tinggi pekertinya, bersatu bangsa seia sekata. Sekian, terima kasih. Paloh menyokong usul yang dibawa oleh Bukit Permai.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Paloh, persidangan disambung, jemput Mengkibol.

YB Encik Tan Hong Ping (Mengkibol) : Salam sejahtera dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker atas kesempatan yang telah diberikan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rundingan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan untuk merasmikan Persidangan Pertama Penggal Kelima Dewan Negeri Johor Yang Ke-13 yang telah disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tunku Mahkota Johor sebagai wakil rasmi kepada Tuanku Sultan. Setinggi-tinggi kasih Tuanku dijunjung.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perancangan pembangunan sesuatu tempat diperlulah dirangka secara rapi dan menyeluruh dengan mengambil kira segala keperluan setempat untuk jangka masa panjang. Sebagai contoh, ekoran pembangunan pesat di sepanjang jalan Batu Pahat, ft 50. Lalu lintas di jalan tersebut menjadi semakin sibuk dan kerap kali berlaku kes-kes kemalangan jalan raya antaranya banyak kes kemalangan maut. Dalam masa setahun yang lepas telah dilaporkan dalam media berlaku sebanyak 5 kes kemalangan maut di jalan Batu Pahat. Jawapan daripada pihak Kementerian Kerja Raya menunjukkan bahawa kerajaan persekutuan tidak mempunyai peruntukan yang secukupnya

untuk menjalankan projek penaiktarafan di jalan tersebut yang dikatakan akan menelan perbelanjaan sebanyak RM80 juta. Walaupun kita faham bahawa jalan tersebut bukanlah di bawah kuasa kerajaan negeri, apakah salahnya pihak kerajaan negeri memberi dan membuat sesuatu secara proaktif bagi mengurangkan kerugian nyawa dan harta. Janganlah kerajaan terlalu pasif dan lemah lembut apabila berurus dengan pihak kementerian dalam perkara ini. Sebab ini melibatkan nyawa, kerajaan perlu bertegas supaya perkara ini diberikan keutamaan yang tertinggi dan kerja-kerja penaiktarafan jalan Batu Pahat dapat dijalankan dalam tahun ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita juga perlu memberi perhatian kepada keselamatan lalu lintas di jalan-jalan negeri yang berada di bawah selenggaraan kerajaan negeri seperti J191, Jalan Niyor dan J25, Jalan Renggam. Banyak kejadian kemalangan telah berlaku di Jalan Niyor khasnya di simpang-simpang utama taman-taman perumahan seperti Taman Suriia. Perkara ini berlaku kerana pembangunan pesat di sepanjang Jalan Niyor di mana taman-taman perumahan membangun seperti cendawan selepas hujan. Maka, reka bentuk keseluruhan Jalan Neo perlu diperbetulkan. Saya telah berjumpa dengan pihak Jabatan Kerja Raya Daerah Kluang, masalah JKR Daerah Kluang hadapi adalah masalah kekurangan peruntukan pembangunan. Walaupun penambah baikkan yang kecil itu pun memerlukan dana. Maka saya meminta supaya kerajaan memberikan peruntukan secukupnya untuk tujuan naik taraf jalan tersebut atau pun mendapatkan bantuan daripada pihak-pihak PBT supaya masalah ini dapat diselesaikan.

Selain itu Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan juga perlu memberi perhatian yang secukupnya kepada Jalan Renggam, buat masa sekarang masih belum tertonjol masalahnya. Bagaimanapun ekoran daripada pembangunan pesat di sepanjang Jalan Renggam kita jangka masalah yang serupa di Jalan Batu Pahat dan Jalan Niyor akan berlaku di Jalan Renggam. Sebab baru-baru ini banyak projek-projek perumahan baharu tertumpu di Jalan Renggam. Ada yang sedang berjalan, ada yang bakal dijalankan. Maka pihak kerajaan perlu mengambil langkah-langkah perlu berjaga sebelum masalah itu menjadi serius. Pihak PBT juga digesa membuat perancangan secara menyeluruh dengan lebih teliti untuk mengambil kira semua faktor ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pengurusan sumber air merupakan satu teras utama dalam pentadbiran kerajaan negeri. Saya merakam syabas dan tahniah kepada kerajaan kerana mula menyedari kepentingan perkara ini dan mengambil berat tentangnya. Cadangan untuk menjalankan pengurusan lembangan sungai secara bersepadu adalah suatu langkah yang betul dan perlu dilaksanakan dengan secepat yang mungkin. Kini beberapa agensi yang berhubung kait dengan urusan sumber air sebagai contoh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menguruskan perparitan dan sungai khasnya dalam aspek hidrologi. Jabatan Alam Sekitar yang menjalankan penguatkuasaan terhadap pencemaran. Pejabat tanah yang bertindak terhadap aktiviti-aktiviti pencerobohan kawasan tadahan air malah kadang kala PERHILITAN, Jabatan Hutan dan mungkin Jabatan Pertanian juga sedikit sebanyak juga terlibat atau pun berkait dengan perihal urusan sumber air ini. Keadaan seperti ini adalah kurang berkesan kerana berlakunya kekeliruan dan tindihan bidang kuasa.

Oleh yang demikian, adalah wajar sesebuah badan atau agensi yang menjalankan pengurusan air secara bersepadu ditubuhkan secepat yang mungkin bagi memastikan kelestarian sumber air di negeri Johor. Saya melihat usaha kerajaan

untuk memperkasakan BAKAJ suatu berita baik kepada seluruh warga Johor. Baru-baru ini ada cadangan daripada BAKAJ untuk mewujudkan lembaga atau Perbadanan Pengurusan Air Negeri Johor ini merupakan suatu inisiatif yang baik. Bagaimanapun kerajaan perlu menerangkan kepada rakyat apakah perbezaan dari segi bidang kuasa dan peranan di antara penubuhan sesebuah lembaga dan sesebuah agensi kerajaan seperti BAKAJ yang ada sekarang, supaya lebih faham dan lebih lancar apabila perjalanan lembaga yang baru tersebut. Dan, ada beberapa perkara yang perlu kita ambil perhatian berkenaan dengan perkara ini juga. Yang pertama, rombakan perlu dijalankan supaya peranan dan bidang kuasa pelbagai agensi yang berkaitan ini tidak lagi bertindih atau pun berlaku apa-apa kekeliruan.

Dan kedua, kuasa penguatkuasaan perlu diberikan sepenuhnya dan secara menyeluruh kepada lembaga yang baharu ini supaya aktiviti yang memudaratkan keselamatan sumber air dapat dibanteras.

Ketiga, pendapat dan ulasan daripada badan baru ini wajarlah merupakan salah satu syarat untuk mendapatkan kelulusan dalam projek-projek pembangunan khasnya, projek-projek yang dijalankan dalam kawasan tadahan air.

Dan keempat, menyediakan kewangan yang secukupnya supaya badan baru ini dapat melaksanakan segala kerja pemulihan kawasan tadahan air yang dicerobohi dan di musnah.

Kita berharap perkara ini dapat diputuskan secepat yang mungkin supaya isu-isu yang berkaitan dengan sumber air dapat diselesaikan dengan kadar secepat yang mungkin supaya kita tidak dihantui masalah gangguan bekalan air.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pelaksanaan Bas Muafakat Johor merupakan satu program yang baik jika dirancang dengan rapi di laksana dengan bersungguh-sungguh supaya program ini benar-benar memanfaatkan rakyat khasnya bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Terdapat beberapa kekurangan terhadap Bas Muafakat Johor di Kluang yang ingin saya timbulkan di sini supaya mendapat perhatian daripada pihak-pihak berwajib.

Yang pertama, perkhidmatan bas tersebut perlulah menghubungkan hospital dan pejabat pos.

Kedua, kemudahan infrastruktur yang secukupnya perlu disediakan sebenarnya sebelum perkhidmatan ini beroperasi. Bayangkan Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam perjalanan kedua-dua laluan bas di Kluang ini sepanjang lebih kurang 30 kilo meter hanya terdapat 7 buah perhentian bas iaitu pun perhentian bas-perhentian bas yang sedia ada sebelum perlaksanaan program Bas Muafakat. Maka sekarang para penumpang hanya boleh turun naik di mana-mana sahaja dan keadaan sangat membimbangkan apabila saya mencuba perkhidmatan bas ini sendiri saya menyaksi ada seorang pakcik tua tunggu melambai-lambaikan tangan di tepi jalan sahaja dan sangat bahaya. Maka saya harap sekurang-kurangnya di lokasi-lokasi yang dijangka ramai penumpang atau *hot sport* terlebih dahulu diberikan keutamaan untuk mendirikan perhentian bas.

Dan ketiga, laluan bas sekarang merupakan laluan *loop* yang berselang sekurang-kurangnya setiap satunya satu jam. Ada antaranya *loop*, bas yang selang dua jam tapi sekurang-kurangnya satu jam. Ini bermakna sekiranya seseorang penumpang menaiki bas di lokasi A hingga ke lokasi B perlu menunggu bas seterusnya iaitu

sejam kemudian untuk pergi ke terminal bas dan daripada ke terminal bas tunggu lagi bas seterusnya satu jam untuk balik ke tempat asal lokasi A. Maksudnya keseluruhan proses ini kadang kala mengambil masa tiga jam. Tetapi jarak sebenar 15 minit sudah boleh sampai. Maka, perancangan ini perlu diperhalusi dan diperbetulkan supaya rakyat tidak berasa sukar ataupun leceh atau pun membuang masa apabila menikmati perkhidmatan bas muafakat ini.

Selain itu, perkara keempat berkenaan dengan bas muafakat ini saya cadangkan supaya anggaran waktu tiba iaitu *estimate time of arrival (ETA)* dengan izin, di lokasi-lokasi tertentu disiarkan untuk penumpang supaya penumpang dapat tahu yang pertama ini tempat laluan bas muafakat.

Kedua, mereka dapat merancang perjalanan mereka. Saya kata ini adalah serampang bukan kata dua mata tetapi serampang tiga mata dan sebab dapat juga mempromosikan program bas muafakat ini.

Yang kelima, saya perhatikan sebahagian besar laluan bas sekarang tertumpu di kawasan komersial sahaja. Jadi, saya mencadangkan supaya perkhidmatan bas ini diubah suai supaya meliputi lebih banyak kawasan-kawasan perumahan khasnya kediaman kos rendah dan sederhana seperti di Taman Sri Kluang dan dipanjangkan sekurang-kurangnya hingga ke Taman Desa dan Taman Kluang Barat bagi laluan KL001 dan kawasan-kawasan Kampung Paya, Kampung Melayu, Kampung Tengah, Taman Indah Jaya dan kalau boleh pergi sampai ke Taman Fajar di laluan KL002. Supaya lebih ramai orang berpeluang menikmati perkhidmatan bas percuma ini khasnya bagi mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Saya berharap perkara-perkara yang saya sebut tadi mendapat perhatian daripada pihak berwajib. Dan diperbetulkan secepat mungkin. Jangan lepas waktu cubaan baru kita nak buat, nak membuat pembetulan. Kalau boleh sekaranglah kita perbetulkan. Kalau boleh sekaranglah kita maklumkan kepada rakyat supaya mereka tahu mereka berpeluang menikmati bas ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menurut tradisi atau dengan izin, *Convention System Parliament Commonwealth* yang kita amalkan titah diraja merupakan dokumen yang menggambarkan polisi hala tuju dan hasrat kerajaan semasa. Justeru, para 57 dalam titah Diraja berkenaan dengan perkara siaran langsung Persidangan Dewan Negeri menunjukkan bahawa kerajaan masih belum bersedia untuk, sebab-sebab mengapa kerajaan begitu keberatan untuk melaksanakan perkara ini. Alasan bahawa bimbang jika ada, jika ada di kalangan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini akan menjejaskan imej Dewan Negeri sebenarnya tidak wujud. Saya percaya semua Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini mampu bertindak secara matang dan profesional jika diberi layanan yang adil. Dan, perkara ini terbukti dan jelas kelihatan melalui persidangan-persidangan sepanjang 4 penggal yang lalu. Jika benar ada di kalangan Ahli-Ahli Dewan yang bertindak liar atau tidak berbudi bahasa bukankah kita perlu mendedahkan orang-orang seperti ini kepada rakyat supaya rakyat lihat sendiri bagaimanakah wakil rakyat mereka berhujah dalam Dewan ataupun biadab dalam Dewan Negeri. Dan jika mereka rasa tidak bersetuju sudah tentu mereka akan menolak wakil rakyat seperti ini melalui kertas undi semasa pilihan raya. Saya yakin bahawa bersiaran langsung persidangan Dewan sebenarnya dapat mengharumkan nama baik Dewan Negeri Johor. Dan, Ahli-Ahli Dewan akan lebih berhemah dan bertindak profesional kerana mereka tahu rakyat di luar sedang melihat dan meneliti prestasi mereka melalui *monitor* atau radio.

Justeru, saya meminta kerajaan supaya mempertimbangkan cadangan untuk membuat siaran langsung ataupun memberikan kemudahan kepada mana-mana pihak yang berhasrat berbuat demikian. Sekiranya benar wujudnya kebimbangan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan, saya mohon kerajaan meyakinkan Tuanku dengan menerangkan keperluan dan kebaikan untuk melaksanakan siaran langsung ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam perbahasan dua hari yang lepas ini, terdapat beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menafikan bahawa berlakunya penyelewengan ataupun manipulasi sistem pilihan raya yang nampak *advantage*, dengan izin atau menguntungkan, lebih menguntungkan kepada parti pemerintah. Saya tidak bercadang untuk masuk kepada *detail* yang diberikan mereka kerana antara contoh-contoh yang diberikan itu, ada yang benar dan ada yang salah. Bagaimanapun cara berhujah mereka seolah-olah memberi satu tanggapan atau persepsi bahawa sistem pilihan raya kita sempurna tidak bermasalah. Adil dan bebas. Hakikatnya, bukan seindah yang digambarkan oleh mereka. Sebab kita faham, sistem ini sistem yang dicipta oleh manusia. Mesti ada kelemahan. Maka saya sendiri sebenarnya, pengalaman saya sendiri telah mendedahkan beberapa kali wujudnya pemilih yang tidak bermastautin di alamat mengundi ataupun kerap kali digelar sebagai pemilih hantu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan termaktub bahawa seseorang warganegara yang telah cukup umur 21 tahun dan bermastautin di sesuatu bahagian pilihan raya layak mendaftar sebagai pemilih di bahagian pilihan raya tersebut. Dengan kata lain, seseorang yang tidak bermastautin di bahagian pilihan raya tersebut adalah tidak layak berdaftar sebagai pemilih di situ dan itulah yang dimaksudkan dengan pemilih hantu.

Antara kes-kes yang saya telah dedahkan termasuklah rumah usang yang telah dibiar kosong untuk beberapa bulan. Rumah yang tidak wujud tetapi telah didaftarkan pemilih di alamat tersebut termasuklah dapatan bahawa terdapat empat puluh orang pemilih yang telah didaftarkan di pejabat parti politik termasuk Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri.

Adakah Yang Amat Berhormat Menteri Besar betul-betul bermastautin di pejabat tersebut. Bagaimana pula dengan kediaman rasmi yang disediakan untuk beliau di Saujana. Sebagai ketua pentadbiran, bukankah Yang Amat Berhormat perlu menunjukkan teladan yang baik dan menegakkan institusi pilihan raya negara kita. Baru-baru ini Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga telah mendedahkan situasi di mana pemilih disyaki didaftarkan 2 kali atau lebih yang sudah jelas bercanggah dengan prinsip.

YB Timbalan Speaker : Itu, Yang Berhormat buat dalam mahkamah ya.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Sedikit lagi.

YB Timbalan Speaker : Sila gulung.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Ok. Yang jelas bercanggah dengan prinsip 1 orang 1 undi. Dua nama yang sama tarikh lahir yang sama, satu telah didaftarkan di Kem Mahkota dengan menggunakan nombor tentera sebagai pemilih tidak hadir. Pada masa yang sama juga nama yang sama di daftarkan di Kampung Melayu, Kluang sebagai pemilih biasa. Seorang lagi pemilih di Kluang juga didapati berdaftar

YB Timbalan Speaker : Jadi, Yang Berhormat Mengkibol menuduh bahawa dia mengundi dua kali.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Dia didaftarkan dua kali.

YB Timbalan Speaker : Undi dua kali tak.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Itu tidak pasti sebab belum berlaku. Tetapi dia berpeluang untuk undi dua kali.

YB Timbalan Speaker : Ok, Mengkibol sila gulung.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Boleh.

YB Timbalan Speaker : Jadi kalau Yang Berhormat tidak percaya dengan sistem demokrasi yang ada sekarang ini, maknanya Yang Berhormat tidak percaya yang, Yang Berhormat dipilih secara yang mengikut undang-undang.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Dato' Speaker, bukankah contoh-contoh yang saya sebut tadi merupakan penyelewengan ataupun usaha-usaha untuk manipulasi keputusan..

YB Timbalan Speaker : Kalau ada bukti bawa ke mahkamah sahaja. Ini bukan forum untuk kita membuat *judgement.*

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Dan Yang Berhormat Dato' Speaker,

YB Timbalan Speaker : Ok, sila duduk. Sila gulung.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya telah banyak kali, saya telah banyak kali lebih daripada lima kali mendedahkan kes-kes ini.

YB Timbalan Speaker : Ok, sila gulung.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Maaf. Ok, baik.

YB Timbalan Speaker : Jangan Timbalan Speaker naik angin pulak.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Nak gulung kena cari, kalau Yang Berhormat Dato' Speaker tidak suka bahan ni saya kena cari bahan yang Yang Berhormat Dato' Speaker suka.

YB Timbalan Speaker : Tak memang sudah masanya. Sila gulung.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Ok. Jadi saya, Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mengikut tentang perkara ini bahawa mereka mungkin tidak terlibat dalam kes-kes ataupun penyelewengan-penyelewengan yang telah saya sebut atau belum saya sebut tadi. Tetapi ini tidak bermakna perkara ini tidak berlaku. Sebab sampai sekarang SPR masih belum cakap apa yang saya cakap tu, apa yang saya dedahkan itu palsu. Tidak. Dia belum ada bukti menunjukkan saya bohong. Tidak. Maka perkara ini berlaku, itu kelemahan dan kita akui dan kelemahan-kelemahan tersebut perlu diperbetulkan. Dan ini tidak

bermaksud berlakunya penyelewengan dan pakatan ataupun Pakatan Harapan menang di lima negeri pada 2008 dan tiga negeri di, pada 2013. Dia bukan sebagai suatu bukti bahawa sistem kita adil tetapi dia satu bukti ataupun dia satu, dia menjadi satu iktibar kepada kita bahawa walaupun wujudnya sistem yang ada kelemahan ataupun tidak adil ini, tetapi kuasa rakyat merupakan penentu muktamad. Dan kita kena ingat sebagai ahli politik, bahawa kita perlu mengenang jasa dan budi daripada rakyat yang memilih kita sebagai wakil rakyat dan bagi parti pemerintah yang memilih mereka untuk membentuk kerajaan. Bukan kita menyuruh ataupun suruh rakyat mengenang budi kerajaan, maka...

YB Timbalan Speaker : Mengkibol, cukup.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Inilah yang saya...

YB Timbalan Speaker : Sila duduk.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Nak daripada pihak kerajaan supaya lebih banyak dasar-dasar memanfaatkan rakyat dapat dilaksanakan sebagai suatu usaha untuk membalas dan mengenang budi rakyat. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Perbahasan diteruskan. Sila Tanjung Surat.

YB Dato' Ir Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) : Bismillahirahmannirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker. Terlebih dahulu Tanjung Surat ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada Tanjung Surat untuk turut serta dalam membahas titah ucapan Duli Yang Maha Mulai Tuanku Sultan Johor ketika merasmikan Persidangan Penggal Kelima Dewan Negeri Johor Yang Ke-13. Tanjung Surat menjunjung kasih ke bawah Duli Tuanku kerana telah memberi satu titah ucapan yang lengkap dan mencakupi segenap kegiatan rakyat Johor. Baginda yang diwakili oleh Duli Yang Amat Mulia Tengku Mahkota Johor telah menzahirkan kegembiraan baginda, kebimbangan baginda, peringatan baginda serta cadangan-cadangan baginda di atas beberapa isu untuk melihat negeri Johor yang lebih maju, teratur dan terarah. Rakyat Johor harus berbangga dengan pencapaian ekonomi negeri Johor. Tahun lalu nilai pelaburan dalam bidang pembuatan berjumlah RM26.41 billion, paling tinggi di antara negeri-negeri dalam Malaysia buat tahun yang keempat berturut-turut. Prestasi pengurusan kewangan pula, kerajaan Johor telah mengutip hasil sebanyak RM1.66 billion pada tahun lalu. Kerajaan juga berjaya mengumpul, mengawal perbelanjaan dengan baik sehingga mempunyai lebihan hasil sebanyak RM119 juta. Ini mencatitkan lebihan hasil buat tahun keenam berturut-turut. Tidak cukup dengan pembangunan ekonomi yang mantap, kejayaan sebuah negeri juga bergantung kepada tahap kesejahteraan dan keharmonian hidup rakyat. Program RMMJ, Rumah Mesra Rakyat Johor adalah untuk memberi rakyat yang berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri. Kerajaan telah memberi subsidi untuk membantu golongan-golongan ini memiliki rumah. Program Pembangunan Usahawan Johor khususnya oleh EDC, *Enterpreneur Development Centre*, dengan izin giat dijalankan untuk melahirkan lebih ramai usahawan yang berjaya dari Bangsa Johor. Bas Muafakat Johor misalnya mengurangkan perbelanjaan pengangkutan khususnya bagi mereka-mereka yang berpendapatan rendah. *Kedai Coop, ImCoop,* Kedai Harga Patut juga membantu ke arah ini. Usaha–usaha ini semua membantu rakyat dalam mengurangkan kos sara hidup. Dan dengan demikian kehidupan rakyat akan lebih sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di Pengerang mempunyai satu PBT baru dinamakan PBT Pengerang iaitu PBT yang paling muda dalam negeri Johor baru menyambut hari ke-100 baru-baru ini. Saya melihat pencapaian walaupun dalam tempoh yang begitu singkat amat menggalakkan. Pertama saya ingin mengkongsikan saya nampak program penyusuan semula penjaja khususnya di Sungai Rengit dan Sungai Kapal. Operasi bersepadu, operasi mingguan peniaga asing di Sungai Kapal dan Sungai Rengit. Ini popular dengan rakyat Pengerang. Mereka sangat bersetuju dengan tindakan PBT mengambil tindakan tegas kepada peniaga-peniaga dari kalangan pendatang-pendatang asing. Ketiga, operasi pengeluaran notis dan kompaun kepada kem-kem pekerja haram, menaikkan taraf medan selera dan dataran Sg. Rengit.

Pelancaran Yayasan Pengerang dengan sumbangan RM46,000.00 diserahkan sewaktu lawatan Menteri Besar ke Parlimen Pengerang baru-baru ini. Tuan Yang Dipertua juga turun padang secara mingguan untuk menemui rakyat di kawasan PBT ini. Juga mereka mengadakan *Hi Tea Reception,* dengan izin, dengan pemain-pemain industri minyak dan gas dan juga pelancongan. Program pembersihan tapak pelupusan sampah haram di sekitarnya juga diambil tindakan. Selain dari itu ada program bantuan ke sekolah-sekolah terpilih.

Itu yang berita baik tapi ada juga perkara-perkara yang saya nampak kekangan yang dihadapi oleh PBT Pengerang ini. Mereka tidak mempunyai tanah, jadi mereka memerlukan tanah. Jadi saya harap Pejabat Tanah Kota Tinggi khususnya Pejabat Tanah Daerah Kecil Pengerang dapat membantu tanah-tanah untuk mendirikan medan selera untuk mendirikan medan selera, dewan muafakat, padang futsal, untuk taman-taman rekreasi, padang permainan, mini stadium, hutan bandar di Pengerang, dan lain-lainnya.

Selain daripada itu, saya harap satu keping tanah dapat diusahakan oleh PBT Pengerang untuk menempatkan kenderaan-kenderaan berat yang bersepah diletakkan di merata-rata khususnya, contohnya di Taman Bayu Damai. PBT memerlukan rasa saya kurang-kurang 10 ekar tanah untuk dijadikan tempat pusat sehenti kenderaan berat seperti lori dan bas untuk menggunakan, untuk meletakkan kenderaan masing-masing. Tanah-tanah rizab pantai dan tanah milik KEJORA yang belum dibangunkan boleh jika sesuai boleh diserahkan kepada PBT untuk tujuan pembangunan kemudahan awam dan tempat-tempat riadah.

Laluan bas Muafakat juga harus dipertimbangkan, dari Taman Bayu Damai kepada ke sekolah-sekolah yang memerlukan perkhidmatan bas ini. Akhirnya saya menyeru kepada pihak PBT Pengerang supaya mengambil inisiatif yang lebih cergas menubuhkan *task force* untuk program pemutihan bangunan-bangunan yang dibina tanpa kebenaran merancang dan *building plan*, dengan izin.

Dato' Speaker saya masuk ke perkara baru iaitu kalau Paloh tadi berbangga-bangga dengan kejayaan sekolah dia...

YB Speaker : Tadi kata dah akhir, masuk perkara baru pula?

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) : Tadi yang akhir yang mukadimah. Ini yang *a way forward* ke depan. Jadi saya pun nak canang-canangkan jugalah sekolah di tempat saya.

Dato' Speaker di kawasan DUN Tanjung Surat ada sebuah sekolah bernama Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Datuk. Sekolah ini pada 23 hingga 26

Mac yang lalu telah menyertai Pertandingan Reka cipta Inovasi Sains Antarabangsa, di Beijing, China. Mereka ini berjaya mendapat tempat yang pertama.

YB Speaker : Oh, tahniah.

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) : Izinkan saya sebut peserta-peserta dari Sekolah Tanjung Datuk ini menggambarkan satu Malaysia. Iaitu Suhailiza binti Shariff, Heng Yee Peng, Kartik Raj a/l Ganesan wakil daripada Sekolah Menengah Tanjung Datuk yang telah menjadi juara Pertandingan Reka cipta Inovasi Sains Antarabangsa mereka telah mencipta penapis sinki, pencuci sisa makanan menggunakan rawatan efektif makro organisma, dengan izin.

Bukan itu sahaja, ini yang baru tahun 2012 sekolah menengah Tanjung Datuk menjadi naib johan di International Inventers Exihibition, dengan izin, di Bangkok, Thailand. Mereka mencipta sejenis alat perangkap sampah menggunakan botol plastik. Mereka mendapat tempat kedua. Kedua-dua ciptaan ini mendapat sokongan dari *Standard and Industrial Research Institute of Malaysia,* dengan izin, SIRIM dan dalam proses untuk dipatenkan.

SMTD, Sekolah Menengah Tanjung Datuk ini juga telah beberapa kali menjadi salah sebuah sekolah terbaik dalam peperiksaan PMR, kalau dululah, sekarang dah PT3 dan SPM di kalangan sekolah-sekolah menengah harian negeri Johor. Sekolah ini tidak lama lagi akan dirobohkan kerana berada dalam zon pemampan, *buffer zone*, dengan izin. Untuk pembangunan industri minyak dan gas di Pengerang. Di sekolah, ada sebuah sekolah sedang dibina di Taman Bayu Damai, kawasan Bayu Damai, sekolah baru dinamakan, akan dinamakan sekolahnya belum siap, tahun depan baru siap. Tapi nama dah ada. Namanya dicadangkan ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Pengerang Utama dan kononnya bila sekolah Tanjung Datuk yang sekarang di roboh, sekolah Tanjung Datuk akan dipindah ke Bandar Penawar untuk menambah lagi satu Sekolah Menengah Bandar Penawar. Apa yang nak timbulkan di sini, Taman Bayu Damai ni didiami orang-orang ataupun ibu bapa, bekas, mereka ni bekas murid Sekolah Menengah Tanjung Datuk, dan sekolah Menengah Tanjung Datuk sekarang adalah anak-anak mereka. Jadi dengan kejayaan namun harum sekolah ini, saya mohon Jabatan Pendidikan menimbangkan Sekolah Menengah Pengerang Utama itu jangan taruk Sekolah Menengah Pengerang Utama, namakan Sekolah Menengah Tanjung Datuk. Yang Sekolah Menengah Pengerang Utama ni dibawalah kat Bandar Penawar yang menggantikan Sekolah Menengah Tanjung Datuk itu.

Saya dah berbincang pihak di peringkat daerah, mereka kata ada kekangan-kekangan birokrasi dan teknikal dan sebagainya. Saya harap perkara ini diatasilah ya supaya ini atas permintaan penduduk khususnya ibu bapa yang mereka dulu adalah bekas pelajar dan anak-anak mereka adalah pelajar sekarang. Jadi saya harap ia boleh dilakukan. Sepatah kata Jorak, Quran je tak boleh tukar. Tapi dia tak ada pula ni hari. Saya yakin ia boleh dilakukan, tak mustahil walau pun ada beberapa isu birokrasi yang perlu diatasi dulu. Seterusnya saya ingin membawa pembangunan minyak dan gas ini di Pengerang telah membawa kepada pembangunan yang begitu pesat dari segi prasarana atau infrastruktur di Pengerang. Pada 16 Mac yang lalu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah datang ke Pengerang, melawat parlimen Pengerang. Selalunya besoknya akan keluar di akhbar berapa nilai projek yang diluluskan atau diluluskan, sedang dilaksanakan, akan dilaksanakan, campur-campur semualah. Jadi adalah parlimen yang RM50 juta, RM100 lebih juta, tapi Pengerang RM2.3 bilion. Jadi...

YB Speaker : YB, YB yang paling kaya sekalilah.

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) : Ya, amin. Projek-projek infrastruktur ini termasuk 3 buah balai bomba, jalan raya, tak kurang rasa saya ada 6, tak kurang 6 batang jalan yang dibina baru atau dia naikkan taraf. Pelebaran dan mendalamkan sungai, pembinaan balai polis, pembinaan sekolah-sekolah gantian, Kompleks LKIM Sg. Musuh. Tapi yang kurang tak, yang kurang baik daripada segi beritanya kebanyakan projek-projek ini lewat.

Saya tidak nampak projek FT nanti tu daripada simpang Bandar Penawar ke Sg. Rengit menaiki taraf dari dua lorong kepada empat lorong seperti tarikh kontrak pada 30 Julai ini. Saya tak nampak boleh, hujung tahun tak tahulah dan lain-lain tu saya dimaklumkan dalam Mesyuarat Tindakan Daerah mengalami kelewatan. Cuma sikit dengan banyak sahaja. Jadi saya harap perkara ini, apa-apa masalah ini diatasi segera kerana khususnya jalan FT tu ni pelebaran jalan ini banyak sangatlah berlaku *accident*, kemalangan melibatkan kecederaan dan kematian. Lepas itu diharap mengikut statistik Polis Kota Tinggi, tahun lepas di daerah Kota Tinggi 108 orang mati di jalan raya. Salah satu dari jalan-jalan inilah ya. Jadi saya harap infrastruktur dapat diatasi segera dari segi pelaksanaannya supaya dapat digunakan secepat mungkin dengan keadaan jalan yang telah siap dan baik, maka kemalangan akan dapat dikurangkan. Saya masuk sikit menyentuh tentang pemegang konsesi, baik jalan negeri, jalan persekutuan. Pada keseluruhannya saya tidak berapa puas hati kerana beberapa perkara yang saya timbulkan tidak diambil tindakan. Dan apa yang saya timbulkan ini perkara-perkara yang membahayakan keadaan jalan, yang membahayakan pengguna tetapi tidak juga diambil tindakan dengan segera. Selepas itu, selain daripada jalan ini disenggarakan dengan tidak begitu kemas, termasuklah *highway* Senai - Desaru. Kalau dia tampal ni hari, tunggu je dua hari, berlubang lagi. Jadi kadang-kadang saya pun tak faham walau pun saya dah meninggalkan JKR begitu lama tapi standard penyenggaraan jalan bukan makin baik, makin tak baik.

YB Speaker : Masuk balik je JKR.

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) : Dato' Pengerusi, saya dan beberapa orang rakan telah berkesempatan melawat Spain dan Portugal tahun lepas. Kami telah naik bas *coach* daripada Barcelona ke Lisbon, Portugal. Kami melalui daripada Barcelona pergi ke Granada, Cordova, Serbia, Lisbon. Perjalanan yang memakan masa 22 jam tapi kami tak jumpa satu lubang pun di atas jalan. Bukan itu sahaja kami tak jumpa pun orang sedang membaiki jalan. Jadi saya menyeru kepada EXCO Kerja Raya buatlah lawatan ke luar negeri yang di mana tahap penyenggaraannya begitu tinggi supaya dapat diambil pakai oleh konsesi, pemegang-pemegang konsesi kita ni.

Jadi, harapan saya supaya konsesi ini mempertingkatkan keupayaan mereka supaya dapat mengambil tindakan yang berkesan. Cuma saya nak tanya satu, saya diberitahu dalam konsesi ini tak masuk kerja mengecat jalan. Jadi siapa yang nak mengecat jalan. Jadi mungkin dalam penggulungan nanti EXCO Kerja Raya boleh terangkan. Lebuh raya Senai-Desaru, saya dah cakap berapa kali kat Dewan ini, saya nak cakap lagi. Daripada simpang Cahaya Baru sampai ke simpang Penawar, ini dua lorong, yang daripada Senai sampai ke simpang Cahaya Baru ini, empat lorong, lepas itu dua lorong, ini kita nak siap dah. Daripada Penawar ke Sungai Rengit, empat lorong, bukankah itu akan menjadi dengan izin *bottle neck*. Sekarang itu pun dah teruk. Tapi kalau nak tunggu 5 tahun lagi baru

nak *start* buat jalan itu, saya tak tahulah macam mana akan jadi dalam masa yang terdekat ini. Penggunaan jalan ini begitu bertambah. Senai-Desaru ini dibina ketika itu masa projek Pengerang, Projek minyak dan gas ini tak sebut pun. Ok lah dia buat dengan izin, *the last third* itu dua lorong, tapi sekarang dengan pembangunan yang begitu pesat lebih pada 100 bilion, saya tak nampak jalan ini boleh bertahan begitu lama. Saya harap Lembaga Lebuhraya akan mengambil tindakan segera supaya daripada simpang Cahaya Baru ke persimpangan Bandar Penawar disegerakan pembinaan, mempertingkatkan dari dua lorong kepada empat lorong dengan segera.

Yang Berhormat Dato' Speaker, projek Petronas ini telah lebih 60% siap. Dijangka siap pada suku pertama tahun 2019, pelaburan yang begitu besar. Baru-baru ini Aramco, sebuah syarikat yang begitu besar gergasi dalam industri minyak dan gas akan sama-sama, berusaha sama dengan Petronas untuk menjayakan projek di Pengerang ini. Dengan penyertaan Aramco ini, Pengerang akan lebih dilihat oleh dunia dari segi pembangunan minyak dan gasnya sebagai tempat yang begitu strategik. Pasal apa, *company* paling besar di dunia dah datang ke Pengerang. Aramco ini, saya difahamkan oleh pihak Petronas dia bukan ambil keputusan sebulan dua yang lepas nak masuk, dia dah berunding dengan Petronas lebih daripada dua tahun setengah. Jadi, kita harap dengan adanya penyertaan pihak Aramco ini, projek ini akan lebih gemilang lagi dan saya harap penduduk tempatan akan dapat limpahan daripada projek yang begini besar.

Saya berucap terima kasih kepada menghargai tindakan JPDC, Johor Petroleum Development Corporation dan Petronas. Dalam bulan Mac yang lalu sudah memberi taklimat atau pun berikan penerangan kepada peniaga-peniaga atau pun usahawan-usahawan Pengerang supaya bersedia untuk menghadapi zaman pasca pembinaan maknanya bila siap nanti. Peluang-peluang perniagaan, kalau nak jadi kontraktor, kalau nak jadi *supplier* ke, semua telah diterangkan oleh majlis yang dianjurkan oleh JPDC dan Petronas. Saya hargai perkara ini, dan saya harap JPDC akan tengok masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga yang meniaga kecil-kecilan atau pun gerai-gerai nak dibanyakkan. Selain daripada itu rumah kedai. Sekarang, orang buat rumah kedai sewa hingga RM6,000.00 hingga RM7,000.00 satu hari. Ada seorang peniaga restoran ambil dua pintu. RM7,000.00 satu pintu, RM14,000.00 sebulan. Saya pergilah makan kat situ, saya doakanlah supaya dia dapat *recover* pelaburan dia kerana pada saya sangat tinggi. Jadi saya harap, agensi-agensi kerajaan bantulah membuat premis-premis yang mampu milik dan mampu sewa oleh usahawan-usahawan dan peniaga-peniaga di Pengerang. Kerana, kalau tidak mereka akan ketinggalan.

YB Timbalan Speaker : Tanjung Surat, sila gulung.

YB Dato' Ir Syed Sis bin Syed A. Rahman (Tanjung Surat) : Ok, saya gulung. Saya patuh Dato' Speaker. Saya ingin mengucapkan beberapa ucapan tahniah satunya kepada KPRJ yang telah menyiapkan Sekolah Agama Tanjung Serindit, apabila saya jadi Wakil Rakyat tahun 2013 dah tiga tahun setengah terbengkalai. *Column* dan *beam* tak nampak pun pasal apa diselimuti oleh pohon apa ini, merayap. Tapi, Alhamdulillah telah disiapkan.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Baitulmal Johor, Baitulmal Kota Tinggi khususnya kerana tindakan-tindakan mereka membantu rakyat-rakyat yang memerlukan ini begitu cepat, saya sangat hargai. (Dewan bertepuk). Contoh, kalau rumah terbakar dengan cepat datang, bantu. Begitu juga, orang yang nak perlukan dialisis belum sempat dapat kelulusan untuk mendapat bantuan daripada

Baitulmal dengan dokumen yang ada menyokong permohonannya mereka dah kasi duit *cash* dah untuk sebulan dua itu punya dialisis beres. Dalam masa sebulan dua juga itulah akan lulus permohonannya dan tak payah pesakit ini risau fasal bayaran kerana Baitulmal akan bayar terus kepada pusat dialisis berkenaan. Jadi, saya sangat menghargai kerja-kerja yang begitu baik, usaha yang begitu baik oleh pihak Baitulmal.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan Johor kerana bersetuju untuk menubuhkan perbadanan atau Lembaga Pengurusan Air Johor, ini pun saya dah timbulkan beberapa sidang yang lalu kerana pada saya inilah cara *the way for work* dengan izin, untuk kita mengawal dan mengurus air di negeri Johor ini dengan lebih berkesan. Kepada akhir kali, *last*nya Dato' Speaker, kata Yong Peng kita ini pihak penyokong kerajaan jangan marahlah kalau pembangkang kritik, ini sistem demokrasi kata, saya setuju, memang saya setuju. Tapi, kadang-kadang kritik yang di beri itu, kadang kala tindakan dan kritikan yang diberi itu bukan ada yang tersurat saja ada benda yang tersirat. Contohnya, ada sedikit kes tidak baik yang berlaku di negeri Johor baru-baru ini. Mereka membuat laporan kepada SPRM dan juga Polis supaya mengaitkan Menteri Besar kita, mengaitkan sama untuk didakwa, kerana kononnya sama-sama bertanggungjawab. Mereka tidak tahu hal yang sebenar, tapi mereka menuntut supaya diambil tindakan. Yang sebenarnya saya tahu, kerana mereka tahu kalau Dato' Khaled Nordin masih Menteri Besar Johor dalam pilihan raya akan datang kemungkinan mereka menang adalah amat tipis. (Dewan bertepuk). Jadi, harap-harap dengan usaha mereka kita tukar MB mungkin *chances* atau peluang mereka lebih baiklah. Agaknyalah ya. Tapi, kita yakin rakyat tahu apa yang telah dilakukan oleh Menteri Besar kita sejak menjadi Menteri Besar lebih empat tahun yang lalu, apa yang telah dibuat, cara, *approach* yang telah diambil. Jadi, Dato' Speaker, saya ucapkan terima kasih, akhirnya Tanjung Surat menyokong usul yang dibawa oleh Bukit Permai. Terima kasih. Assalamualaikum.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Tanjung Surat, kita teruskan. Sila Senggarang.

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail : Assalamualaikum, salam sejahtera dan salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kerana Senggarang diberi peluang untuk menjunjung kasih titah ucapan kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dan mengambil bahagian dalam perbahasan di Mesyuarat Pertama Bagi Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor Yang Ke-13 ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Stulang ada membangkitkan tentang rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura tapi dalam perspektif yang negatif. Sebenarnya, fenomena rakyat Malaysia bekerja di Singapura bukanlah baru, menghairankan atau memalukan. Ia telah bermula sejak sebelum tahun 1990-an lagi. Ia berpaksikan kepada dengan izin, *cool* dan *push factor*. Bahkan lebih untuk menaikkan taraf kehidupan masing-masing hasil dari nilai Dolar Singapura yang lebih tinggi dari Ringgit Malaysia. Selain, dengan izin *is a matter of choice* terpulang kepada pilihan masing-masing. Sama juga sebilangan rakyat Malaysia yang sanggup bekerja di ladang-ladang buah di Australia mahupun jururawat Malaysia bekerja di Arab Saudi yang sudah tentu rintangannya lebih besar. Malah, rakyat Indonesia, Myanmar, Vietnam, Bangladesh, sanggup mencari rezeki di Malaysia sehingga ada yang terpaksa menyabung nyawa untuk ke Malaysia. Dalam untuk mencapai kesenangan sudah tentu setiap orang perlu melalui dan menghadapi ujian dan cabaran. Setidaknya peluang dan pekerjaan di Malaysia boleh diisikan oleh orang lain. Khasnya, rakyat Malaysia yang tidak sanggup menempuh rintangan untuk bekerja di Singapura.

Kini, kita kena terima hakikat, dengan izin *cross boarder employment* adalah satu yang terbiasa termasuk di Amerika Utara dan Eropah. Malah, kalau kita lihat di negara kita sendiri, orang Kelantan pun sanggup bekerja di negeri Johor malah Stulang pun sanggup bekerja di Johor walau dia lahir di Sarawak. Betul Stulang? Ok.

Yang Berhormat Dato' Speaker, hari ini ramai yang mengaku mereka patriotik kepada tanah air Malaysia, yang memualkan sebaliknya tindak tanduk mereka tidak mencerminkan sedemikian. Senggarang bersetuju dengan penegasan Bukit Permai. Sebenarnya mereka merupakan pensabotaj atau pengkhianatan ekonomi negara. Mereka begitu galak memburukkan negara dengan memutarbelitkan keadaan ekonomi negara malah ada antara mereka yang bangga menjadi penghasut dengan fitnah mahupun memanipulasikan maklumat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, malah semua agensi kerajaan yang menceburi bidang pelaburan seperti FELDA, EPF, PNB, Tabung Haji dan lain-lainnya diganyang sehabis-habisnya dengan memberikan pelbagai persepsi negatif terhadap agensi-agensi tersebut. Dengan harapan agar tiada pelabur asing yang akan pelabur di Malaysia selepas termakan hasutan mereka. Senggarang berharap pensabotaj ekonomi negara ini perlu diambil tindakan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, namun begitu, atas usaha kerajaan pusat dan kerajaan negeri Johor, prestasi ekonomi negara khususnya dalam negeri Johor masih dalam keadaan yang memuaskan. Sehinggakan pelaburan FDI bertambah. Sebagai contoh, akhirnya Syarikat Aramco Arab Saudi sanggup melabur di kawasan RAPID Pengerang walaupun telah diasak dengan maklumat negatif yang berlebihan sebelumnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker dalam menjayakan Gagasan Johor Berkemajuan kerajaan amat telus dan membuka ruang seluas-luasnya bagi rakyat untuk melahirkan pandangan mereka. Sebelum itu melalui suara Hati Johor dan kini kerja berpasukan *Team* Johor diangkat supaya kejayaan dicapai adalah dengan usaha bersama. Paling menariknya kerajaan negeri menyambut saranan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Johor agar pembangunan negeri Johor bukan hanya berkisar dalam kawasan Iskandar, RAPID, ECER sahaja. Kini terjawab dengan pelan Pembangunan Strategik Negeri Johor yang mana pembangunan ke setiap daerah-daerah dalam negeri di berikan penekanan dalam bidang-bidang tertentu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Senggarang mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang mana semasa lawatan Parlimen Batu Pahat 3 lokasi dalam kawasan DUN Senggarang telah dilawati dan diberikan peruntukan yang bersesuaian. Sama ada melalui peruntukan pihak kerajaan pusat atau kerajaan negeri. Namun Senggarang amat berharap agar beberapa permohonan khas yang telah diajukan ke Pejabat Menteri Besar yang mana berhubung kait dengan pembinaan atau menaik taraf balai raya dan dewan terbuka di beberapa kawasan tertentu serta permohonan untuk membaik pulih masjid dan surau seharusnya dapat diberikan pertimbangan yang sewajarnya. Selain itu Senggarang amat berharap agar permohonan sebuah surau di Parit Kadir Darat dibina baru kerana surau tersebut amat daif dan bahaya kepada kariah di situ.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sekali lagi, kerana diperuntukkan sebanyak RM35 juta untuk membina

jalan pintasan baru antara Jalan Tanjung Labuh dalam kawasan DUN Senggarang hingga melalui ke Kampung Rahmat dan Pura Kencana dalam Parlimen Sri Gading. Maknanya kalau setengah juta ringgit tentu tidak menjadi masalah. Ini saya tujukan kepada EXCO Kerja Raya. Senggarang mohon kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak kata orang cina, dengan izin, *sap sap sui*, RM500,000.00 untuk pembinaan lampu trafik di persimpangan Parit Jabar, Parit Permatang dan jalan persekutuan F5 antara Batu Pahat dan Pontian. Jika ingin menunggu peruntukan kerajaan pusat iaitu daripada Kementerian Kerja Raya Malaysia samalah bagai menunggu buah tak gugur. Malah saya pernah membangkitkan perkara ini dalam sidang yang lepas tetapi tidak ada jawapan dari pihak EXCO Kerja Raya. Ini adalah isu yang dekat di hati rakyat khususnya penduduk di kawasan tersebut. Mohon sekali EXCO Kerja Raya yang tinggal di Pontian sebenarnya dekat sahaja dengan Batu Pahat untuk membantu Senggarang dalam hal ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Senggarang mohon agar rancangan khas kawasan pekan Senggarang dapat dilaksanakan seberapa segera kerana perancangannya sudah siap dibuat. Justeru itu, Senggarang mohon agar pihak Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar memperuntukkan kelulusan sebanyak RM1 juta untuk dibangunkan Dataran Senggarang sepertimana yang telah diperuntukkan kepada Dataran Parit Raja sewaktu lawatan kerja Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ke Parlimen Sri Gading. Selain itu juga Senggarang mohon agar pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat Setiausahanya ada di situ.

YB Timbalan Speaker : Senggarang sila duduk.

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Ok, duduk.

YB Timbalan Speaker : Kalau hendak gerai-gerai tu. Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan ditangguhkan hingga jam 2:30 petang.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 tengah hari.

Persidangan disambung semula pada jam 2:30 petang.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan disambung semula. Kita masih agenda menjunjung kasih kepada titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Saya persilakan menyambung ya, Yang Berhormat Senggarang. Jemput.

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kerana saya diberi peluang untuk menyambung perbahasan pada petang ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selain itu juga Senggarang mohon agar pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat menceriakan dan melestarikan pekan Senggarang serta kawasan berdekatan melalui penambahan pencahayaan dan penanaman pokok-pokok renek serta pokok bunga.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Senggarang mengucapkan tahniah kepada kampung-kampung baru Paloh, Kukup, Yong Peng, Bekok dan Kulai kerana telah dipilih sebagai kampung baru pelancongan oleh Bahagian Kampung Baru Jabatan Perdana Menteri. Namun begitu Senggarang agak kecewa Kg. Baru Segenting di Minyak Beku dalam kawasan DUN Senggarang yang memang menjadi tumpuan

pelancongan luar negara mahu pun tempatan tidak dipilih. Atas alasan apakah yang Segenting Minyak Beku tidak termasuk pemilihan ini?

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tentang hakisan pantai walau pun ianya isu peringkat nasional tetapi kita tahu bahawa pihak JPS dengan peruntukan yang diberikan oleh kerajaan negeri secara *ad hoc* sering melakukan kerja-kerja memperkukuhkan dan membaiki benteng, mohon pihak kerajaan negeri melalui EXCO Alam Sekitar dapat terus meyakinkan kerajaan pusat bahawa hakisan di sepanjang pantai barat Johor adalah dalam keadaan yang serius. Malah paras air laut adalah tinggi dari sebahagian besar kawasan Senggarang. Nasib dibinanya JPS, benteng dan parit balas bagi menghindar banjir berlarutan dan limpahan air laut.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kepada EXCO Pertanian, Senggarang inginkan pencerahan terhadap isu-isu berikut:

1. Bilakah *Exit Plan* yang dicadangkan agar ladang babi dipindahkan ke kawasan yang lebih sesuai? Buat permulaan Senggarang cadangkan kawasan ladang babi di Kampung Kelicap cawangan Kampung Senggarang sendiri yang terletak berdekatan dengan kilang yang berasaskan makanan boleh dipindahkan ke tempat yang difikirkan sesuai atau ditutup terus.

2. EXCO Pertanian pernah memaklumkan dalam Dewan ini bahawa pihak kerajaan pusat akan membina pasar nelayan di Koris berdekatan tapak bangsal nelayan sedia ada. Malangnya sehingga kini pasar tersebut masih tidak dibina lagi.

3. Seterusnya pihak EXCO Pertanian juga telah menyatakan dalam Dewan yang mulia ini juga bahawa pihak kerajaan negeri akan membaiki dan menaik taraf jeti nelayan Kampung Sungai Ayam iaitu dengan pembinaan sebuah jeti baru sepanjang 47 meter. Malangnya pembinaan jeti baru ini pun masih tidak menjadi kenyataan lagi. Mohon EXCO Pertanian dapat menyelesaikan perkara-perkara yang telah Senggarang bangkitkan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Senggarang mohon agar semua kelulusan yang dibuat oleh Jabatan dan agensi-agensi kerajaan di peringkat negeri perlulah dapatkan pandangan atau *input* dari jabatan dan agensi-agensi kerajaan di peringkat daerah. Senggarang tidak mahu apa yang berlaku di Jalan Tan Swee Hoe Batu Pahat yang mana kelulusan untuk dibina sebuah bangunan telah diluluskan oleh pihak negeri. Walau pun tapaknya tidak sesuai kerana ia berdekatan simpang dan berhampiran jalan yang sempit lagi sibuk.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Senggarang sangat berharap kerajaan negeri dapat meluluskan pemasangan lampu jalan khususnya di jalan-jalan persekutuan dan negeri yang terdapat di dalam kawasan DUN Senggarang terutamanya di kawasan-kawasan yang sering berlakunya kemalangan. Khasnya dari Bukit Kelicap hingga ke pekan Senggarang. Kawasan ini sering berlaku kemalangan yang turut melibatkan kemalangan maut terutamanya pada waktu malam kerana ketiadaan lampu jalan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Senggarang menyokong usul yang dibawa oleh Bukit Permai. Sekian, wabbilahitaufik walhidayah wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Senggarang. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pengkalan Rinting.

YB Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Pengkalan Rinting ingin mengucapkan terima kasih kepada Dewan yang mulia kerana diberi peluang berucap dalam rundingan menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor Yang Ke-13.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, menurut laporan stok hartanah 2016 telah menunjukkan kemerosotan jumlah transaksi jual beli sebanyak 16% dan menyusut 10% untuk nilai transaksi kalau banding dengan tahun 2015 ni. Dan, merupakan kemerosotan dua tahun berturut-turut tambahan dengan peningkatan unit hartanah yang belum dijual sebenarnya sebanyak 43.8% dan antaranya bernilai RM500,000.00 ke atas mencecah yang belum jual ni ialah 40.9% dalam jumlah hartanah yang belum jual ni. Jadi, mengikut laporan juga keadaan kemerosotan ini sebenarnya disebabkan oleh kelembapan ekonomi. Tapi orang ramai pun mula bimbang seterusnya bertanya-tanya sama ada pelabur asing hartanah terutamanya dari negara China ni betul-betul membantu memberangsangkan ekonomi seterusnya membawa faedah kepada Bangsa Johor. Jadi, kerajaan benar mengatakan Forest City akan wujud 220,000 peluang pekerjaan dalam tempoh 20 tahun. Jadi, dekat sini saya ingin tahu selepas beberapa tahun pelabur asing dari China melabur dekat zon antarabangsa ni berapakah peluang pekerjaan yang telah wujud dan antaranya yang dijawat oleh Bangsa Johor sendiri, satu. Tapi baru semalam sahaja ada media mengatakan dalam tapak pembinaan dekat Kampung Pok ada puluhan blok asrama untuk pekerja pembinaan asing yang dikatakan pekerja projek Forest City. Tambahan pula ada ura-ura mengatakan ada 2,000 permit untuk pekerja asing dikeluarkan untuk salah satu pelabur asing hartanah jadi mungkin peluang pekerjaan itu ada tetapi peluang untuk dijawat oleh Bangsa Johor itu ada ke tak ada, kita pun nak tanya juga.

Kedua, biasanya pelabur asing akan membuat urus niaga dengan peniaga tempatan, kalaulah pelabur hartanahnya biasanya kontraktor tempatan ataupun peniaga bahan binaan yang sepatutnya mendapat faedah terus. Tapi orang ramai sering keliru, kalau dekat tapak pembinaan pelabur China itu cuma *banner* atau papan tanda syarikat pembinaan dari negara China itu didirikan. Jadi, ini satu kekeliruan. Jadi, saya ingin tahu dekat sini, berapakah syarikat tempatan terutamanya menjadi *main con* yang terlibat terus dalam pembinaan projek pembangunan hartanah terus pelabur asing dalam zon antarabangsa ini. Jadi, ada juga matlamat yang disebar luas di kalangan bidang pembinaan yang mengatakan salah satu pelabur hartanah negara China telah memberhentikan projek pembinaan fasa dua dan telah berhutang banyak kepada syarikat-syarikat tempatan. Antara satunya, sehingga RM20 juta dan syarikat tempatan tersebut yang telah 30 tahun tu telah bankrap. Jadi, ini telah menyebabkan kebimbangan antara orang ramai.

Isu dalam ini yang ketiga ialah, selepas sekatan modal daripada kerajaan negeri Johor ini, Menteri Besar telah mengatakan bahawa *Forest City* ataupun hartanah dekat zon antarabangsa ni tidak terhad kepada rakyat China, sebaliknya terbuka kepada seluruh dunia. Jadi, sini saya cuba ingin tahu sudah berapa pejabat urusan khas untuk memasarkan hartanah dalam zon antarabangsa ini telah dibuka? Saya berharap kerajaan dapat menjawab soalan ini untuk meyakinkan bangsa Johor dan menjayakan projek-projek ini.

Sebelum saya teruskan, sebenarnya saya ingin kongsikan pengalaman kawan saya yang baru balik dari negara China. Di mana kawan saya itu dia dapat peluang untuk bersembang dengan satu pakcik negara China, pakcik China, saya senang kata. Pakcik China tu beritahu dekat kawan saya bahawa, dia ini baru balik dari Singapura dan tepi Singapura. Kawan saya pun pelik, tepi Singapura? Batam ke, pakcik naik bas ke naik bot? Jadi, pakcik itu cakap, naik baslah. Kita pergi ke tepi Singapura tu. Oh, itu tempat namanya Johor. Saya ingat pakcik pun balas, saya ingat tempat nama itu namanya tepi *Singapore* sebab bila saya ikuti siaran langsung dekat negara China, siaran langsung Olimpik berlambak iklan dekat *scoreboard* lah, dekat *panel* tu lah, tuliskan tepi *Singapore*. Tetapi saya ingat itu namanya tepi *Singapore*, rupanya nama Johor. Jadi, bila saya terdengar pengalaman ini, cerita ni, saya pun bingung. Saya rasa mengapa kita tak boleh suruh pelabur yang berkenaan menggunakan terus nama Johor? Sebab ini merupakan identiti kita, kita bangsa Johor dan bukannya bangsa tepi *Singapore*. Sepatutnya, Senai, dua mesyuarat lepas telah timbulkan isu ini dan kalau kita mengambil kesempatan ni, sepatutnya Johor lebih terkenal dekat 1.4 bilion rakyat China sebab melalui iklan ni, Johor akan lebih terkenal dengan promosinya, melalui promosinya, tak payahlah susah payah kita apa ni, secara terus Johor akan lebih terkenal di negara China.

Jadi, satu maklumat yang menyakitkan hati sayalah bila kita tengok komen-komen sebab sekarang zaman internetkan. Biasanya kita pun harapkan hartanah ni berjaya tapi, sekarang ni banyak *review* berkenaan hartanah. Antaranya satu, banyak *review* yang negatif, yang salah satu saya rasa yang paling menyakitkan hati saya ialah berkenaan satu komen, dia mengatakan, dia mengatakan bahawa kerajaan pemerintah di tempat, di lokasi pelabuhan itu *racist*. Ini bukan saya katakan, tetapi daripada *review-review* dan maklumat dari internet di negara China itu. Jadi, dengan maklumat ini, jadi saya rasa, saya minta kerajaan Johor ataupun kerajaan membuat sesuatu.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin bawa pasal isu ambulans dalam kawasan. Sudah berapa kali saya terserempak, saya cuma ada kemalangan dekat jalan raya, orang ramai beritahu dan kita turun. Dan biasanya bila kita panggil untuk perkhidmatan ambulans ini, kita, ambulans tiba dekat masa barangkali kita, kita tengok ialah satu jam. Jadi, saya ambil contoh yang terdekat ialah pada 3 hari bulan Mei yang lepas, 2:10 pagi, satu kita panggil ambulans untuk datang ke Jalan Sutera Danga dekat dengan balai polis. Tapi, waktu tu ialah waktu pagi tak ada kenderaan, dia pun ambil masa 50 minit. Jadi, jarak tempat kejadian ke Hospital Sultanah Aminah itu sebenarnya cuma 15km dan kalau ikut kelajuan biasa, kalau kita ikut peraturan dan melalui semua, tak langgar lampu isyarat, kita adalah 20 minit kalau ikut biasa. Saya pun tak faham mengapa masa itu dia perlukan masa 50 minit untuk sampai ke tempat itu? Dan ambulans pula dia pun tak payah ikut, tak payah ikut lampu isyarat. Saya pun tak faham mengapa dia perlukan 50 minit untuk sampai ke situ. Jadi dekat sini, beberapa soalan saya ingin tanya dan adakah bilangan ambulans dekat daerah Johor Bahru ni cukup, ni satu. Yang kedua, memang mengapa ambulans perlukan mengambil masa lebih daripada kita pemandu biasa untuk sampai ke tempat kejadian dan adakah sistem kecemasan ni, yang sedia ada ni ada kekurangan dia? Jadi, dan soalan yang ketiga saya berkenaan ambulans ini, saya ingin tanya, bilakah pasukan rawatan kecemasan akan mencapai tiba ke tempat kejadian kurang daripada 15 minit ini ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan ataupun lagi baik ikut piawai antarabangsa ialah 10 minit. Sebab semakin cepat kita sampai ke tempat kejadian, semakin kita boleh menyelamatkan nyawa. Walaupun kita tahulah kemalangan jalan raya ialah kecuaian manusia, tapi itu tetap nyawa.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin mengambil perhatian pasal Pangsapuri Saujana dekat dalam kawasan saya. Jadi, bila ada pengadu mengadu kat kita, kita pun turun nak tengok. Memang Pangsapuri Saujana ini sudah lama didirikan dan keadaan ini semakin merosot, keadaan alam sekitar tu. Saya cuma ingin nak ambil dua benda yang saya rasa serius dan perlu disegerakan. Satu ialah pasal lif pangsapuri dan yang kedua ialah sistem keselamatan, sistem mencegah kebakaran dekat *flat* itu, dekat pangsapuri tu, maaf. Jadi pangsapuri ini sebenarnya dia bertingkat, 12 tingkat dan 30 Mac yang lepas, lif ini biasanya dia sebulan dia akan rosak sekali. Tapi kali ini, dia rosak dua minggu berturut-turut. Jadi yang paling kesian ialah siapa, ialah OKU dan warga emas yang tinggal dekat kawasan situ. Jadi, bila kita *check* sebenarnya hampir, sebenarnya setiap blok dekat kawasan pangsapuri tu dia mempunyai dua lif, satu besar, satu kecik. Tapi bila kita *check*, hampir semuanya ada satu lif yang rosak. Dan ada yang pernah berlaku, ni cerita daripada penduduk sendiri, pernah berlaku ada jenazah, si peninggal tu dia bila dalam perjalanan dikebumikan, dia terpaksa didirikan tegak, kalau bagi orang Cina ni, *suwei* lah, tapi saya tak faham, saya bukan orang Islam, kita tak tahulah, ini satu insiden, saya rasa itu kesian, pernah berlaku dekat Saujana ni.

Jadi, penghuni juga amat bimbang dengan sistem pencegah kebakaran ni sebab tahun lepas saja, pernah berlaku kebakaran dekat tingkat 12, blok Panglima. Dan memanglah ada rungutan daripada penghuni dekat situ, dia pun pertikaikan mengapa pihak pengurusan dapat mencari dana untuk membina kolam renang baru tapi dia tak dapat cari dana untuk membaiki lif? Jadi, saya rasa sebagai sebahagian daripada pengurusan, pihak SUK tolonglah ambil perhatian dan untuk membantu Pangsapuri Saujana itu.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, isu yang seterusnya saya ingin bawa ialah kekurangan tempat letak kereta, *parking* dekat Bandaraya Johor Bahru. Memang sampai sekarang pun ni merupakan satu isu di mana pengalaman saya sendiri ataupun kawan-kawan, dia mengambil masa satu jam. kalau dekat sekitar bangunan MBJB, bangunan Mahkamah itu, kita ambil satu jam untuk cari *parking* itu, itu biasa. Saya rasa sesuatu yang tidak senang hati kalau benda ni sudah biasa. Memang kalau kita nak cakap pasal panjang lebar memang berkaitan dengan pengangkutan awam dan perancangan, tapi untuk sementara waktu cadangan yang membuka *Waterfront City Lot 1* sebagai tempat letak kereta merupakan satu langkah baik. Cuma apa yang saya hairan, mengapa tak dapat sambutan yang baik dekat situ? Jadi, mungkin saya ingat ialah infrastruktur seperti laluan berbumbung, bas penghantaran dan pos keselamatan supaya meyakinkan pemandu menggunakan *parking* dekat situ. Berkenaan tempat *parking* juga, ini ulat *parking* yang kononnya akan memberikan perkhidmatan menjaga *parking* juga wujud. Dia bukan sahaja malam, biasanya kita ingat malam, tapi siang sekarang pun ada. Dekat mana, dekat dan ini telah membuat kacau bilau kepada orang ramai dan seterusnya membawa imej negatif kepada Bandaraya Johor Bahru. Hal ini berlaku dekat Jalan Dhobi, Jalan Trus, Jalan Ibrahim, Jalan Wong Ah Fook dan sekitarnya. Jadi orang ramai ataupun pemandu dekat situ pun mula keliru sama ada kita bayar ulat *parking* itu atau kita guna kupon Bandaraya untuk membayar *parking* tersebut?

Jadi Yang Berhormat Tan Sri Speaker, banjir kilat masih lagi satu isu dekat Pengkalan Rinting. Hampir setiap kali saya berucap saya mesti bawa. Kali ini pula ada tempat baru atau yang dikatakan melanda banjir kilat. Jadi antara tempatnya yang biasanya kita tengok saliran sumbat, hujan lebat, air bertakung dan seterusnya

banjir kilat. Antara tempatnya ialah dekat Jalan Sutera Danga berdekatan dengan Balai Polis Nusa Bestari. Yang kedua ialah dekat lorong belakang Jalan Nusa NB2 7/7. Dan ini pelik sikit sebab ini merupakan satu-satu kawasan yang tinggi, kita katakan puncak bukit. Tapi dekat puncak bukit pun boleh banjir. Ini pun kita rasa terperanjat bila kita lihat tu. Yang ketiga, kita bila kita lihat tu dekat Jalan Indah tepi Jalan Indah Utama, air mula bertakung, takut-takut nanti ia akan banjir kilat jika hujan lebat. Dan keempat, dekat Jalan Skudai berdekatan dengan projek pembinaan Country Garden. Situ pun mula ada takungan air. Kita pun takut benda sama berlaku seperti dahulu.

Dan saya ingin juga mengambil perhatian Dewan ini di mana sekitar Rumah Pam Sungai Chat, dekat Jalan Sungai Chat itu pada 25 Mac yang lalu apabila berlaku sahaja air pasang, hujan lebat, air mula melimpah keluar dan banjir kilat dekat sekitar situ berlaku. Dia termasuk ialah dekat Jalan Lingkaran Dalam tepi Hospital Sultanah Aminah. Dan sekali lagi sebenarnya projek penebatan banjir Sungai Segget ini dikatakan siap. Tapi pada 28 hari bulan April waktu subuh, siang pagi berlaku juga banjir kilat sampai ada peniaga-peniaga pun seperti biasa gunakan beg-beg pasir untuk melindung air masuk dan menyediakan pam air untuk pamkan air daripada tempat letak kereta bawah tanah. Jadi, saya minta pihak-pihak berkenaan ambil perhatian dan berurusan terus berkenaan dengan ini jangan pula nanti kita gelar Johor Bahru sebagai Johor Bandaraya Bertaraf Antarabangsa yang sering banjir kilat. Janganlah, kita pun tak harap itu berlaku.

Jadi, isu yang terakhir yang saya ingin bawa sebenarnya isu *strata title*, hak milik strata sebab semakin hari semakin banyak bangunan yang jenis hak milik strata ini dibangunkan. Padahal sekarang, banyak masalah lagi dihadapi terutamanya hak milik jenis ini. Kita semalam Skudai telah mencadangkan bahawa penyelaras antara Akta Kerajaan Tempatan dan Akta Hak milik Strata ni saya memang sokong sebab saya rasa PBT sendiri boleh diberikan lebih kuasa untuk mengendali. Kalau kita ambil contoh sebagai dekat negara jiran, Singapura, dia memang bantu terus untuk mengutip terutamanya wang *maintenance,* yuran penyelenggaraan yang barangkali menjadi isu. Jadi, saya sebenarnya mendapati sebenarnya ramai pemilik-pemilik strata *title* ini dia tak faham hak dan tanggungjawab dia sebagai strata *tltle* atau pemilik strata title Jadi, saya menganggap mungkin kita boleh wajibkan bila sesiapa sahaja urus niaga jenis pemilik ini, kita boleh bagi taklimat ataupun notis yang berkenaan. Sebab, kalau kelak nanti, berapa tahun lepas, mereka pun tak faham kenapa mereka kena bayar yuran. Nanti gaduh pula antara, nanti cakap yang tu telah makan duit, susah kita. Saya rasa COB sendiri pun sudah nak mengenali benda-benda ni dan memakan banyak masa untuk menguruskan benda ini, pada hal COB sendiri adalah satu badan pemantauan. Tapi, dia sampai sekarang dia kena buat benda yang remeh-temeh ini dan buang banyak masa. Dan satu lagi kita ingin tahu, adakah penambahan lebih *staff* COB bangunan, bahagian bangunan dekat setiap Majlis terutamanya MBJB ke MPJBT. Sebab, ikut fahaman saya tenaga kerja untuk COB untuk mengendali ini memang tidak cukup untuk mengendali dekat kawasan MBJB terutamanya MBJB dengan MPJBT ini.

Dengan ini saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang saya untuk berucap. Sekian sahaja terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Rinting. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tangkak.

YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Selamat petang dan selamat sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker kerana memberi peluang kepada Tangkak untuk menyertai perbahasan dalam usul menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Dalam perkara ke-5, ke-6 dan ke-8, titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Kelima bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-13 pada 4 Mei yang lalu.

Tuanku telah menasihatkan kerajaan supaya jangan memilih pelabur yang hendak melabur, yang hendak datang ke Johor. Dan kerajaan mestilah menggalakkan pelaburan untuk jangka masa panjang dan mempunyai nilai tambah yang tinggi serta industri yang tidak berbahaya kepada orang ramai dan alam sekitar. Tuanku juga hendak industri yang melibatkan bahan kimia yang beracun atau mudah meletup, hendaklah diteliti dengan betul dan jika hendak diterima, kerajaan harus pastikan ianya diletak di kawasan yang jauh dari kawasan perumahan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Bukit Permai telah mendakwa pihak Pakatan Harapan menyebabkan sebuah syarikat yang dimiliki Taiwan, menarik diri dari melabur di projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia ataupun RAPID di Pengerang. Dalam perbahasan beliau, ketika membawa rundingan menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan, pada hari Ahad yang lalu di Dewan yang mulia ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pada tahun 2011, Kilang Penapisan Minyak Kuo Kuang *Petrochemical Technology Company*, dengan izin KPTC telah bercadang untuk melabur di projek RAPID Pengerang. Latar belakang KPTC yang dimiliki Taiwan ini, ingin melabur di negeri Johor, adalah kerana kilang penapisan minyak mereka yang terletak di Pekan, di Bandar Changhua, Taiwan perlu ditutup selepas ia beroperasi selama 25 tahun di situ. Atas sebab janji syarikat tersebut kepada pembantah-pembantah iaitu penduduk-penduduk tempatan. Alasan penduduk-penduduk di Bandar Changhua membantah kilang penapisan minyak tersebut, adalah kerana pencemaran udara di Bandar Changhua menambah serius selepas kilang itu mula beroperasi pada tahun 1990. Pemilik kilang terpaksalah membuat perjanjian bersama pembantah dan pemilik harus cari lokasi, lokasi baru untuk menerus operasi kilang penapisan minyak. Selama 25 tahun KPTC itu beroperasi di Taiwan, telah berlaku banyak kes kemalangan seperti kebocoran minyak mentah, letupan paip minyak dan kebakaran kilang. Antaranya yang paling serius, adalah berlaku pada bulan Ogos 1996.

Kejadian kebocoran minyak kilang KPTC itu, telah menyebabkan berlaku hujan minyak dan asrama pekerja dan kediaman di sekitar 3 kilometer kilang tersebut, telah terjejas. Iaitu, apabila hujan, air hujan itu jadi minyak yang bocor dari kilang tersebut. Pada bulan April 2002, bulan Jun 2004 dan bulan Julai 2013 juga berlaku kemalangan kebocoran minyak di kilang penapisan. Kejadian kebakaran pula berlaku pada bulan Julai dan Oktober 2007. Bulan Februari 2013 dan juga bulan April 2014. Kes letupan pula semasa kilang itu beroperasi, berlaku pada bulan Januari 2008, bulan April 2012 dan bulan Mei 2013. Jadi, kita boleh nampak dalam tempoh 25 tahun kilang penapisan minyak KPTC itu beroperasi, 12 kes kemalangan industri yang membahayakan penduduk setempat dan merosakkan alam sekitar telah berlaku. Ini terbuktilah kilang KPTC adalah sebuah kilang yang bahaya dan membawakan pencemaran kepada alam sekitar. Begitulah sebab-sebab kita, kami berdiri bersama penduduk-penduduk Pengerang yang membantah KPTC ini daripada membina kilang kotor itu di tempat duduk mereka.

Yang Berhormat Bukit Permai juga mendakwa, bahawa kami yang membawa wakil-wakil penduduk Pengerang, membuat protes di Taiwan telah mengakibatkan Malaysia dan Johor terlepas pelaburan tersebut. Apa yang saya mahu menegas, adalah pertama, kita tidak rasa tindakan protes di Taiwan pada tahun 2013 itu, salah. Kerana kita sebagai anak Johor dan juga anak Malaysia yang cinta negara dan negeri, tidak mahu kilang kotor dari luar negara, dari luar membawa kesan buruk kepada tanah air kita. Kedua, keputusan tidak melabur di Johor yang dibuat oleh pihak KPTC, adalah berdasar daripada kemuncuran gas serpih di Amerika Syarikat pada tahun 2010. Gas serpih ini, adalah salah satu gas alam yang jauh lebih murah daripada minyak mentah.

Oleh itu, saya ingin meminta Yang Berhormat Bukit Permai supaya mengemukakan bukti beliau yang mendakwakan kami sebagai pengkhianat dalam sesi perbahasan beliau di Dewan yang mulia ini. Kalau tidak, hujahan beliau adalah satu tuduhan jahat dan telah mengelirukan Dewan yang mulia ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk meminta kerajaan negeri Johor menyatakan pendirian kerajaan terhadap pelabur asing yang akan membawa kesan buruk kepada negeri kita, sepertilah kilang KPTC yang saya sebut tadi.

Satu lagi huraian Yang Berhormat Bukit Permai yang menarik perhatian saya, adalah beliau sebagai seorang Wakil Rakyat dari pihak kerajaan, telah memanggil Taiwan sebagai sebuah negara. Adakah pendirian beliau di sokong oleh kerajaan negeri Johor, memandangkan pendirian Malaysia adalah mengiktiraf hanya satu China iaitu Republik Rakyat China, dengan Taiwan hanya melupakan salah satu daripada wilayahnya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, menurut Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976, dalam bahagian ke-4 Seksyen 23, telah menyatakan Mesyuarat Pihak Berkuasa Tempatan hendak terbuka kepada orang ramai. Tetapi, sesetengah PBT di Johor tidak mematuhi undang-undang ini. Contohnya, pada 29 Mac lalu, Majlis Perbandaran Muar telah meminta Yang Berhormat Bentayan keluar dari Mesyuarat Penuh MPM sebelum ia bermula. Pada hari yang sama, Yang Berhormat Mengkibol juga dihalang daripada menghadiri Mesyuarat Penuh Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Kluang. Pintu masuk MPK ditutup semasa beliau tiba. Bayangkanlah, kalau kami sebagai seorang Wakil Rakyat pun boleh dihalang daripada menghadiri Mesyuarat Pihak Berkuasa Tempatan. Apatah lagi nasib orang-orang awam yang diberi hak bawah peruntukan undang-undang ini. Saya ingin meminta Yang Berhormat EXCO Kerajaan Tempatan memberi penjelasan berhubungan dengan tindakan langgar undang-undang yang dilakukan oleh sesetengah PBT ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker pula, Yang Berhormat Semerah, PBT-PBT bawah pimpinan kerajaan Pakatan Harapan di Selangor memang tidak menjemput Wakil-Wakil Rakyat Pembangkang di kedua-dua negeri itu untuk menghadiri Mesyuarat Penuh Ahli Majlis. Wakil Rakyat Barisan Nasional yang menjadi pembangkang di situ sebenarnya tidak perlu dijemput kerana Mesyuarat Penuh Ahli Majlis di Selangor dan Pulau Pinang, telah disiar secara langsung di atas talian. Sesiapa yang ingin mengetahui perjalanan Mesyuarat PBT boleh melayari laman web yang telah disediakan. Kami juga ingin mengingatkan Yang Berhormat Semerah, bahawa tujuan kami mahu hadir ke Mesyuarat Penuh Ahli Majlis bukannya hendak menyertai dalam perbahasan Mesyuarat PBT seperti yang didakwa oleh beliau semalam. Kami cuma hadir sebagai orang biasa, orang ramai dan penduduk setempat, yang diberi hak untuk menghadiri Mesyuarat Penuh Ahli Majlis di bawah Akta 171.

Di negeri Johor, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Majlis Daerah Kota Tinggi telah pun mengikut langkah baik PBT di negeri Pakatan Harapan dengan berjaya menyediakan siaran langsung bagi mesyuarat penuh bulanan masing-masing. Tahniahlah kepada warga MBJB dan MDKT. Langkah ini perlu dicontohi oleh PBT-PBT yang lain di negeri Johor.

Saya faham kebimbangan Tuanku dalam perkara 57 titah ucapan, bahawa imej Dewan Negeri boleh terjejas jika kelakuan yang tidak baik dibuat oleh ADUN-ADUN di dalam Dewan yang mulia ini. Tapi, saya percaya rakan-rakan Yang Berhormat yang berada di dalam Dewan ini, sebagai seorang Wakil Rakyat yang dipilih oleh anak Johor di kawasan masing-masing akan menjalankan tugas kita dan menyampaikan perbahasan kita dengan bersopan dan bertanggungjawab. Tambahan lagi, dalam sebuah negara yang mengamalkan Demokrasi Berparlimen dan mengamalkan prinsip pembahagian kuasa kepada 3 bahagian, iaitu, perundangan, kehakiman dan eksekutif. Persidangan Dewan Negeri yang dianggotai oleh wakil yang dipilih oleh rakyat adalah merupakan sebahagian dari proses tersebut.

Oleh yang demikian, rakyat juga berhak untuk mengambil tahu akan perjalanan persidangan dan sebuah kerajaan yang demokratik patut meraikan penyertaan rakyat dalam proses demokrasi ini. Oleh itu, saya menyeru kerjasama daripada semua Yang Berhormat supaya menjaga imej Dewan Negeri Johor bersama-sama dan meyakinkan Tuanku bahawa kita tidak akan memalukan Dewan Negeri Johor selepas persidangan kita di siaran langsungkan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Ahli-Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan yang dilantik oleh parti-parti politik berperanan sebagai jambatan ataupun orang tengah kepada penduduk dan Kerajaan Tempatan. Mereka ditugaskan untuk mentadbir dan menjaga kawasan PBT. Penduduk selalu mengalami masalah apabila berlaku hal ehwal di bawah kuasa PBT, tidak dapat diselesaikan. Pada masa yang sama, mereka tidak dapat menghubungi Ahli-Ahli Majlis PBT masing-masing untuk mendapatkan pertolongan. Perkara ini berlaku terutama di kawasan-kawasan luar bandar yang penduduknya kebanyakan terdiri daripada warga-warga emas. Walaupun kebanyakan PBT di negeri Johor ada senaraikan nombor telefon kesemua Ahli Majlis mereka di laman web. Tetapi mereka yang tinggal atau duduk di luar bandar kebanyakan belum biasa lagi mengguna laman web. Majlis Perbandaran Kluang, Majlis Daerah Labis, Majlis Daerah Mersing dan Majlis Daerah Yong Peng langsung tidak memaparkan nombor telefon Ahli Majlis mereka atas talian. Saya berharaplah kesemua PBT harus mewajibkan Ahli-Ahli Majlis mereka supaya membuka pusat perkhidmatan atau sekurang-kurangnya kaunter perkhidmatan di zon-zon PBT bawah jagaan mereka. Prestasi Ahli-Ahli Majlis juga perlu dipantau dan dikaji sentiasa, kerana pelantikan mereka adalah daripada parti-parti pemerintah. Ada sesetengah Ahli Majlis yang tidak bertanggungjawab tidak menjalankan tugas mereka dengan baik. Oleh sebab mereka bukan dipilih oleh rakyat, penduduk tidak dapat menolak pelantikan jawatan Ahli Majlis mereka. Cuma dengan Ahli-Ahli Majlis PBT yang bertanggungjawab, proaktif dan efisien barulah kerajaan tempatan kita akan relevan dan akhirnya rakyat yang membayar cukai boleh mendapat manfaat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, telah banyak kali dah saya mengutarakan masalah yang berlaku di tapak pelupusan sisa pepejal di Jalan Belading Bekoh, Tangkak di Dewan yang mulia ini, termasuk tapak pelupusan yang beroperasi sejak tahun 2000 ini telah melebihi had maksimum tapak, masalah kebakaran tapak, dan sebagainya. Kali ini Tangkak terpaksa mengulang lagi masalah mengenai tapak

pelupusan ini kerana tapak yang sudah melebihi had kapasiti telah menyebabkan pencemaran air di sekitar kawasannya. Air kotor dari tapak pelupusan masuk ke parit-parit depan kebun buah-buahan yang berdekatan dengannya. Air sampah dalam parit bukan sahaja mengotorkan alam sekitar tetapi yang paling kami risau adalah bau-bau air kotor itu akan membahayakan kesihatan pekebun-pekebun yang bekerja di kebun mereka.

YB Speaker : Sila gulung.

YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Oh, ok. Terima kasih. Sekejap. Oleh itu, menurut jawapan yang dibekalkan oleh pihak kerajaan tempatan, proses pengambilan tanah untuk memperluaskan tapak pelupusan sisa pepejal ini masih dalam urusan mendapatkan geran hak milik tanah daripada Pejabat Tanah Tangkak. Ia bermakna kolam takungan air *Leachate* yang akan mengumpul air sampah melalui paip pengumpulan sekeliling tapak masih tidak boleh disediakan lagi. Saya berharap pihak MDT, SW Corp, SWM dan juga Jabatan Alam Sekitar boleh memandang serius terhadap masalah yang dihadapi oleh pekebun-pekebun sekitar situ. Kerajaan juga berhasrat untuk menaiktarafkan tapak pelupusan sisa pepejal ini kepada stesen pemindahan yang mempunyai sistem rawatan air lelehan. Haraplah kerja-kerja naik taraf boleh dipercepatkan.

Jalan J123 atau lebih dikenali Jalan Bekoh, telah digunakan oleh lori-lori pengangkutan sisa pepejal setiap hari dan ia juga sebagai satu jalan tunggal bagi penduduk-penduduk di Kampung Bekoh pergi ke bandar Tangkak. Jalan yang sepanjang 28 km ini juga diguna oleh lori-lori membawa batu bata yang dimiliki oleh sebuah kuari di situ. Jalan yang sempit selalu mengancam keselamatan penduduk kampung. Saya minta jasa baik Jabatan Kerja Raya supaya Jalan J123 ini boleh dilebarkan secepat mungkin kerana selalu berlaku kemalangan jalan raya. Terima kasih diucapkan Yang Berhormat EXCO JKR telah meluluskan peruntukan penyenggaraan sebanyak RM1.5 juta untuk melebarkan persimpangan Jalan Payamas dan Jalan Bekoh pada tahun lalu. Saya berharap perabot jalan raya seperti tiang PU boleh dipasang bagi memudahkan kenderaan keluar masuk dari persimpangan tersebut.

Isu yang terakhir Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pada bulan Januari lalu penduduk di kampung Orang Asli Tanah Gembur yang terletak di Gunung Ledang telah mendakwakan bahawa tanah adat mereka dipagarkan oleh Taman Negara Johor. Kawasan terlibat adalah kebun tanaman mereka dan juga tapak perkuburan nenek moyang Orang Asli. Kerajaan Johor memaklumkan bahawa menurut Warta Kerajaan Negeri Johor Bil. 298 yang bertarikh 3 Jun 1940, seluas 9,052.8 hektar tanah di Gunung Ledang telah diwartakan sebagai hutan simpan. Apabila Tangkak membuat lawatan ke tapak pembinaan pagar di Gunung Ledang, satu papan tanda lama juga didapati yang terletak di situ menunjukkan Hutan Simpanan Kekal Gunung Ledang dengan nombor warta yang sama hanya menulis keluasan 8,681 hektar. Jadi saya ingin meminta kerajaan memberi penjelasan bahawa adakah keluasan hutan simpanan telah diperluaskan selepas ia diwartakan? Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Tangkak. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Jementah.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih Tan Sri Speaker, selamat petang dan salam sejahtera Tan Sri Speaker, semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dan semua penjawat-penjawat awam yang hadir di Sidang Dewan pada petang ini.

Tan Sri Speaker, Jementah ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tan Sri Speaker atas memberi kesempatan kepada Jementah untuk mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor yang telah disampaikan oleh Tunku Mahkota Johor wakil rasmi Tuanku Sultan Johor sempena istiadat Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor Yang Ke-13.
Tan Sri Speaker Jementah ingin merujuk kepada perkara 28 hingga 30 titah Tuanku berkenaan dengan kutipan hasil *surplus* kewangan kerajaan negeri dan perbelanjaan mengurus Johor 2016. Di mana kerajaan negeri Johor berjaya mengutip hasil sebanyak RM1.66 bilion pada tahun 2016 dan mendapat lebih hasil *surplus* sebanyak RM119 juta. Akan tetapi Tan Sri Speaker, prestasi dan kecekapan kerajaan negeri Johor dalam pengurusan kewangan seharusnya dinilai dengan skop bandingan yang lebih luas. Iaitu *trend* kedudukan kewangan dalam beberapa tahun kebelakangan ini sehingga tahun kewangan yang berkenaan supaya kita boleh mendapat satu gambaran yang lebih jelas terhadap prestasi sebenarnya kerajaan negeri dalam pengurusan kewangannya. Oleh itu, Jementah berpendapat adalah adil jika penilaian terhadap pengurusan kewangan kerajaan negeri dapat dibuat dalam tempoh masa kerajaan negeri yang diterajui oleh pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebagai ketua kerajaan negeri semenjak tahun 2013.

Tan Sri Speaker, Jementah ingin membuat berapa bandingan dalam tiga butiran kewangan iaitu kutipan hasil, perbelanjaan mengurus dan *surplus* daripada tahun 2013 hingga 2016. Tan Sri Speaker, menurut Laporan Ketua Audit mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Tahun 2015; kutipan hasil pada 2013 ialah RM1.2827 bilion; 2014, RM1.543 bilion dan 2015, RM1.548 bilion; 2016, RM1.61 bilion ada tambahlah. Tetapi *surplus,* lebihan hasil 2013 lebihan hasil ialah RM617.79 juta; 2014, RM359.41 juta; 2015, RM153.38 juta; 2016, RM119 juta. Dalam masa tempoh 4 tahun ini walaupun kutipan hasil ada meningkat, ada bertambah, tetapi satu senario yang agak apa ni ganjil ialah, catatan *surplus* tahunan adalah semakin menurun daripada tahun 2013 hingga 2016. Dan Jementah berpendapat ini adalah disebabkan perbelanjaan mengurus yang meningkat ketara setiap tahun. Pada 2013 perbelanjaan mengurus ialah RM1.11 bilion; 2014, RM1.184 bilion; 2015, RM1.395 bilion; 2016, RM1.541 bilion. Maka *surplus* dikurangkan kerana perbelanjaan mengurus bertambah ketara setiap tahun.

Tan Sri Speaker, *surplus* adalah satu kelebihan yang amat penting dalam pengurusan kewangan khususnya kepada sesebuah kerajaan kerana kerajaan boleh menggunakan *surplus* yang di kumpul itu supaya digunakan dalam sektor pembangunan awam bagi mengukuhkan ekonomi negara semasa kemerosotan ekonomi negara. Tanpa kerajaan perlu banyak meminjam daripada institusi-institusi kewangan yang lain dan selepas ini dinaikkan cukai yang membebankan rakyat untuk menjana hasil bagi bayaran hutang.

Tan Sri Speaker, *surplus* tahunan yang semakin berkurang perlu diberi perhatian yang serius. Kerajaan negeri Johor harus lebih berhemah untuk mengawal perbelanjaan mengurus seperti yang dinyatakan dalam titah Tuanku, perkara nombor 30. Supaya *surplus* tahunan dapat dikukuhkan semasa ekonomi pesat membangun. Memang ini bukan satu kerja yang mudah Tan Sri Speaker, kerajaan negeri Johor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar seharusnya memegang prinsip atau mengamalkan satu sikap, sediakan payung sebelum hujan atau dalam peribahasa mandarin kita katakan, *chee an se wei yang*. *We have to,* sediakan payung sebelum hujan. Dan lebih berhati-hati dalam pengurusan kewangan kerajaan negeri supaya *surplus* tahunan yang semakin menurun itu

dapat diberhentikan dan akhirnya dapat rakyat dapat manfaat yang lebih besar daripadanya. Tan Sri Speaker, *surplus* sangat penting. Saya berharap pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dapat apa ni lebih berhati-hati dalam pengurusan kewangan khususnya perbelanjaan mengurus.

Tan Sri Speaker, Jementah ingin juga menyeru kerajaan negeri mengambil kesempatan semasa Sidang Dewan Negeri ini, kali ini untuk menyatakan pendirian kerajaan negeri Johor berhubung dengan perkara pembatalan Perjanjian Bandar Malaysia oleh kerajaan pusat melalui kenyataan anak syarikat TRX City Sdn. Bhd. dengan gabungan IWH dan CREC atau juga dikenali sebagai ICSB di mana menurut laporan media, pihak gabungan IWH dan CREC telah memenuhi semua syarat-syarat perjanjian jual beli tersebut dan meminta kerajaan persekutuan meneruskan perjanjian tersebut di mana 60% ekuiti Bandar Malaysia dijual kepada gabungan ini dengan harga RM7.41 bilion.

Perkara ini sekarang macam mana? Ada satu kenyataan rasmi daripada pihak kerajaan negeri Johor? Seperti sedia maklum kerajaan negeri Johor melalui anak syarikatnya KPRJ memegang 40% ekuiti dalam IWH dan dengan kata yang lain, KPRJ memegang 24% pegangan ekuiti dalam gabungan IWH dengan CREC. Lagi, menurut Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor tahun 2015, KPRJ telah menyumbang dividen sebanyak RM30 juta dan RM20 juta kepada kerajaan negeri Johor pada tahun 2014 dan 2015 masing-masing. Justeru, adalah jelas bahawa kerajaan negeri Johor mempunyai kepentingan dalam *IWH* dan rakyat Johor berhak mengetahui apakah sebenarnya yang telah berlaku di atas pembatalan perjanjian jual beli tersebut yang akan memberi impak kepada kerajaan dan kepentingan rakyat negeri Johor. Rakyat Johor sekarang tertanya-tanya apakah sebenarnya yang telah berlaku sehingga hari ini, sebab kerajaan persekutuan melalui anak syarikatnya keluarkan satu kenyataan dan IWH CREC mengeluarkan satu kenyataan yang bercanggah? Siapa yang betul? Dan KPRJ anak syarikat Johor dalam IWH ada kepentingannya? Dan saya harap Yang Amat Berhormat Menteri Besar boleh nyatakan perkara ini. Dan menurut laporan media, 10 % deposit iaitu sebanyak RM741 juta telah dibayar untuk perjanjian ini. Sekiranya perjanjian ini dibatalkan, rakyat Johor ingin bertahu sama adakah deposit ini akan dikembalikan atau di pulang balik kepada Konsortium IWH dan CIRC di mana KPRJ adalah anak syarikat dalam IWH, kita ada kepentingan dalamnya. Pembatalan perjanjian jual beli ini telah menimbulkan banyak tanda tanya, Tan Sri Speaker. Bukan di kalangan rakyat negeri Johor sahaja, tetapi seluruh negara. Hebohlah sekarang ini. Maka Jementah memohon Yang Amat Berhormat Menteri Besar menunjukkan sikap akauntabiliti, ketelusan dan mesti mengamalkan sikap *nothing to hide* untuk membuat satu kenyataan rasmi untuk memadamkan semua khabar angin, *hearsay*, yang tidak betul yang komen yang tidak adil kepada anak syarikat KPRJ, anak syarikat kerajaan negeri Johor. Saya harap ada satu kenyataan rasmi daripada pihak kerajaan.

Tan Sri Speaker, rakyat sedang dilandai dengan kos sara hidup yang melonjak tinggi, kadar inflasi harga pengguna yang diumumkan oleh Bank Negara telah mencatat sehingga 5.1%pada bulan Mac yang lalu. Di mana ia adalah lebih tinggi daripada simpanan tetap tahunan bank, yang lebih kurang 4.1% hingga 4.3%. Inflasi sangat tinggi sekarang, apa ni Tan Sri Speaker. Antara dua sebab yang menyumbang kepada kos sara hidup yang tinggi ialah pelaksanaan GST dan penyusutan nilai wang ringgit yang mendadak. Sebab-sebab yang lain adalah pemotongan subsidi seperti gula, petrol dan barang-barang makanan yang lain.

Tan Sri Speaker, kos sara hidup yang tinggi telah menyengsarakan golongan isi rumah berpendapatan rendah khususnya golongan B40 atau isi rumah berpendapatan 40 terendah di mana pendapatan bulanan golongan ini adalah lebih kurang RM3,900.00 sebulan. Dan kebanyakan mereka adalah daripada golongan pekerja. Bantuan BRIM yang dibekalkan oleh kerajaan persekutuan untuk membantu meringankan kos sara hidup adalah tidak memadai. Dengan penyusutan nilai wang ringgit yang mendadak, sekurang-kurangnya 30% dalam masa dua tahun ini berbanding dengan mata wang US Dolar. Harus diketahui bahawa mata wang US Dolar adalah unit perhitungan di pasaran perdagangan antarabangsa. Bermaksud, kalau satu barang dulu kita beli USD 1.00, *exchange rate*, katakan RM3.50, sekarang ialah RM4.00 lebih. Maksudnya, jualan barang makanan akan menaik dengan apa ni terlalu tinggi dan pendapatan rakyat tidak banyak bertambah, Tan Sri Speaker. Ini masalah yang kita hadapi sekarang ini kos sara hidup yang terlalu tinggi.

Saya berpendapat kerajaan negeri harus mengambil kesempatan dengan pelaburan yang begitu tinggi daripada domestik atau asing yang melabur di negeri Johor ini supaya mereka boleh mengupah lebih lagi banyak pekerja tempatan dan kerajaan kalau boleh, memainkan peranan untuk mencari cara atau kaedah yang terbaru untuk bekerjasama dengan majikan, memberi insentif kepada pekerja yang separuh mahir untuk melatih dan mempertingkatkan kemahiran mereka dan menjadikan mereka pekerja yang mempunyai nilai tambah yang tinggi, supaya pendapatan mereka dapat dipertingkatkan untuk meringankan kos sara hidup yang cukup tinggi sekarang ini.

Walau bagaimanapun, buat sementara waktu ini Jementah ingin merayu kerajaan negeri memberi pertimbangan sewajarnya ke atas sama ada potongan atau pengecualian cukai tanah atau cukai harta kepada golongan B40 untuk meringankan kos sara hidup mereka, Tan Sri Speaker.

Tan Sri Speaker, saya sekarang mengalih kepada isu tempatan. Saya ingin merujuk kepada perkara nombor 6, Titah Tuanku berkenaan dengan industri yang berbahaya dan tidak mesra alam sekitar. Tan Sri Speaker, penduduk-penduduk tempatan Jementah ingin membantah sekeras-kerasnya terhadap kelulusan yang diberikan oleh Kementerian Alam Sekitar kepada sebuah kilang memproses buah kelapa sawit milik Mestika Sdn. Bhd. yang terletak di sempadan Jementah dan Kebun Baru. Walaupun Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor telah menyatakan tidak mempertimbangkan permohonan dan pihak PBT Tangkak tidak meneruskan Kebenaran Merancang tapak kilang tersebut.

Tan Sri Speaker, Jementah dan penduduk-penduduk tempatan dalam dua sesi dialog bersama dengan pemilik kilang telah menyampaikan bantahan yang sekeras-kerasnya terhadap pembinaan kilang tersebut. Ini adalah disebabkan pengoperasi kilang tersebut mendatangkan kacau ganggu bau yang amat menjijikkan dan senang menghantui penduduk-penduduk tempatan khususnya penduduk-penduduk Kampung Paya Jakas dan Taman Jementah Baru yang lokasinya lebih berdekatan dengan tapak kilang tersebut. Walaupun pengoperasian kilang itu diperketat dengan syarat-syarat untuk mengawal pencemaran udara dan bau, kacau ganggu bau itu masih timbul khususnya pada waktu hujan atau waktu malam di mana udara adalah dingin dan tekanan udara adalah rendah.

Tan Sri Speaker, saya selalu ada di kawasan. Saya balik daripada pejabat, balik ke rumah akan melalui tempat tersebut. Kalau waktu hujan atau waktu apa ni, udara

dingin, baunya cukup kuat sampai boleh masuk kereta. Kereta dalam pun boleh dapat bau itu. Cuba fikirkan betapa kuatnya itu apa ni bau yang dikeluarkan oleh kilang itu dan apa lagi penduduk-penduduk tempatan yang duduk berdekatan di situ. Saya berharap pihak apa ni, Jabatan Alam Sekitar mengambil perhatian dalam perkara ini. Ini perkara saya pun ada bangkit pada sesi Sidang Dewan yang lepas, dan saya dengan rendah diri memohon keprihatinan kerajaan negeri Johor supaya berunding dengan Kementerian Alam Sekitar untuk mengatasi masalah ini supaya suasana hidup yang lebih sejahtera dan aman kepada penduduk-penduduk setempat Tan Sri Speaker.

Tan Sri Speaker, akhirnya saya ingin merakamkan setinggi-tingginya penghargaan kepada Tan Sri Speaker kerana memberi peluang kepada Jementah untuk berbahas dalam titah Tuanku. Jementah juga ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada penduduk-penduduk Jementah yang memberi Jementah mewakili mereka sebagai satu suara dalam Dewan yang mulia ini. Akhir kata, Jementah berdoa Johor terus maju dan rakyat Jementah dan seluruh negeri Johor dapat hidup dengan aman dan sejahtera. Sekian, terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Jementah. Selepas ini Yang Berhormat Bukit Naning bersedia. Saya tangguhkan Persidangan ini selama 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 3.30 petang.

Persidangan disambung pada jam 3.50 petang.

YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Jemput, Bukit Naning.

YB Dato' Seri Haji Saipolbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) : Bismillahirrahmanirrahim. Segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi kita Nabi Muhammad SAW, semulia-mulia rasul, para keluarga dan para sahabat-sahabatnya.

Assalamualaikum warah matullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam muafakat Johor. Terlebih dahulu Bukit Naning ingin melafazkan ucapan takzim dan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana membuka ruang dan peluang untuk Bukit Naning menyertai perbahasan menjunjung kasih atas titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor. Bukit Naning ingin mengambil kesempatan untuk menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas keberangkatan Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor selaku wakil rasmi Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor ke Dewan yang mulia ini dan seterusnya bertitah merasmikan Pembukaan Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor Yang Ke-13pada 4 Mei 2017 yang lalu.

Di Dewan yang mulia ini, Bukit Naning juga ingin menyampaikan sembah setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor sebagai Presiden FAM yang pastinya akan membawa Persatuan Bola Sepak Malaysia ke satu aras yang lebih tinggi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Naning juga ingin merakamkan jutaan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Mohamed Khaled bin Nordin,

Menteri Besar Johor dan pimpinan serta penjawat awam kerajaan negeri di atas kejayaan mengekalkan prestasi yang cemerlang dalam pembangunan ekonomi negeri Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk mendapat nilai pelaburan tertinggi di Malaysia buat kali pertama itu *success*, dengan izin, tetapi mengekalkannya dalam tempoh empat tahun berturut-turut dengan jumlah besar RM26.41 bilion itu walaupun suasana ekonomi dunia berada dalam keadaan ketidaktentuan, ditambah lagi dengan prestasi pengurusan kewangan yang sangat cemerlang apabila berjaya mengekalkan lebihan hasil ataupun *surplus* buat tahun yang keenam berturut-turut, kejayaan ini adalah *remarkable success,* dengan izin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kejayaan ini membawa dua petunjuk. Yang pertama, ia menunjukkan ekonomi negeri Johor berada di landasan yang betul. Manakala yang kedua, ia jelas menunjukkan bahawa negeri Johor yang kita sayangi ini mempunyai kelebihan di mata pelabur sama ada pelabur tempatan mahupun pelabur asing. Ini adalah tanda aras betapa pelabur sangat selesa dengan visi dan misi dan matlamat negeri Johor dan sudah tentulah mereka sangat selesa dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan kerajaan negeri Johor kini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, merujuk kepada titah Tuanku pada para 7 yang berbunyi, "Sistem Pendidikan Sekolah Agama Islam Negeri Johor merupakan contoh kepada negeri-negeri yang lain, namun pada hari ini saya perhatikan sistem pendidikan sekolah agama ini semakin lemah dan dianggap seperti kurang penting". Yang Berhormat Dato' Speaker, sekolah agama Johor merupakan sistem sekolah agama yang tertua di Tanah Melayu yang diperkenalkan secara sistematik dengan pentadbirannya yang moden dan ia telah menjadi kebanggaan bangsa Johor sejak sekian lamanya.

Namun begitu, Bukit Naning sangat bersetuju dengan Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan berkenaan dengan kelemahan ketara dalam, yang dialami oleh sistem pendidikan sekolah agama ini. Kelesuan sistem ini begitu ketara semenjak dua menjak ini. Bukit Naning berpendapat sudah tiba masanya pihak kerajaan negeri dan Jabatan Agama memperkasakan kembali sekolah agama dengan menubuhkan satu jawatankuasa penambahbaikan yang dianggotai oleh mereka yang pakar dalam segala bidang agama untuk melihat kembali sistem pendidikan agama ini dari segala segi termasuk silibusnya sekali dan juga cara pengajaran dan pembelajarannya. Adakah ia menepati konsep asal tujuannya iaitu ilmu untuk diamalkan dan bukan semata-mata berorientasikan peperiksaan semata-mata.

Jawatankuasa ini juga jika ditubuhkan kelak diharap dapat merancang hala tuju lepasan-lepasan sekolah agama ini selepas mereka menamatkan pengajian mereka di sekolah-sekolah agama ini. Janganlah dibiarkan mereka ini tanpa dibantu, sediakanlah ruang agar mereka ini boleh dan mampu untuk meningkat lagi.

Sebagai contoh, mungkin sebagai permulaan kerajaan negeri atau jawatankuasa ini perlu mengenakan syarat kemasukan ke pusat pengajian tinggi kelolaan agensi kerajaan negeri hendaklah lulus Darjah Enam atau Darjah Khas Sekolah Agama. Barangkali selepas itu, kerajaan boleh mengambil usaha untuk memanjangkan syarat kemasukan ini ke universiti pengajian awam yang lain atau universiti luar negara. Dalam usaha memperkasakan sistem pendidikan Sekolah Agama ini, Bukit Naning ingin mencadangkan beberapa perkara yang antaranya adalah seperti berikut; kerajaan negeri dicadangkan untuk meningkatkan lagi pelaburan secara dua hala antara negeri Johor dan negara-negara Timur Tengah. Usaha ini boleh

dilihat sebagai tindakan serampang dua mata, yakni di samping ianya dapat menambah pendapatan ekonomi negeri Johor, ia juga dapat membuka ruang kepada lepasan-lepasan Sekolah Agama untuk sama ada bekerja di Timur Tengah ataupun melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah. Ini adalah dengan mengambil kira syarat kemasukan ke Universiti Timur Tengah, hendaklah perlu lulus Darjah Khas Sekolah Agama di samping lulus subjek-subjek akademik yang lainnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan negeri juga perlu mengambil inisiatif agar kursus-kursus profesional seperti kedoktoran, kejuruteraan, perakaunan, seni bina dan lain-lainnya daripada universiti-universiti di Timur Tengah ini diiktiraf oleh Kerajaan, agar ia boleh menjadi laluan kepada pelajar lepasan Sekolah Agama melanjutkan pelajaran mereka dan usaha ini akan menambahkan lagi golongan yang dikenali sebagai Protaz ataupun Protazah iaitu Profesional Ustaz ataupun Ustazah dapat diwujudkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam memperkasakan sistem pendidikan agama ini, Bukit Naning mencadangkan agar kerajaan negeri atau jawatankuasa penambahbaikan ini, perlu melihat bagaimanakah peluang yang mungkin boleh diujudkan buat lepasan-lepasan Sekolah Agama ini untuk berkhidmat di dalam mana-mana agensi kerajaan negeri, sama ada GLC atau swasta yang lainnya. Mungkin, syarat kemasukan ke dalam perkhidmatan kerajaan negeri ataupun agensi kerajaan negeri ini, perlu dinaikkan lagi iaitu syarat kelayakan mesti sekurang-kurangnya lulus darjah 6 atau Darjah Khas Sekolah Agama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di samping usaha yang di atas, Bukit Naning ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini, agar bahasa tulisan jawi yang pernah menjadi kebangsaan bangsa Johor satu ketika dahulu, perlu diperkasakan. Sebagai contoh, mungkin Akhbar Jauhar perlu menyediakan segmen ataupun keluaran khas bahasa jawi. Ini perlu kerana masih terdapat warga emas di Johor yang sangat mahir dalam bahasa jawi tetapi kurang mahir dalam bahasa-bahasa rumi, jadi mereka ini akan dapat peluang untuk membaca sendiri Akhbar Jauhar. Dan secara tidak langsung mengetahui tentang segala perancangan kerajaan negeri. Usaha juga perlu dilakukan untuk menambah lagi bahan, banyak lagi bahan-bahan bacaan dalam tulisan jawi di pasaran agar kadar celik bahasa tulisan jawi di kalangan generasi muda dapat kita atasi. Adalah besar harapan Bangsa Johor keseluruhannya agar sistem pendidikan Agama Johor ini direjuvinasikan, diberi nafas yang baru dengan sistem yang boleh menarik bukan sahaja ibu bapa itu sendiri, malah pelajar itu sendiri menaruh minat mendalam untuk terus mengejar ilmu agama di Sekolah Agama Kerajaan Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Naning melihat sistem kehakiman Mahkamah Syariah sama ada di negeri Johor atau di seluruh negara amnya, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan. Bukit Naning dimaklumkan dan umum juga mengetahui, bahawa setiap pesalah yang disabit dengan kesalahan syariah serta dijatuhkan hukuman penjara, akan dihantar ke penjara sivil. Sebagai contoh, pesalah kes khalwat, ajaran sesat dan sebagainya yang gagal membayar denda, biasanya akan disabitkan dengan hukuman penjara dan akan ditempatkan di penjara sivil dan mereka ini akan bergaul dan bercampur dengan pesalah-pesalah jenayah berat yang lain sepanjang hukuman dijalankan.

Di Dewan yang mulia ini, Bukit Naning mencadangkan agar pihak Mahkamah Syariah ataupun kerajaan Johor ataupun Jabatan Agama Johor, khususnya dapat membina sebuah penjara khas dan pesalah-pesalah syariah ini diasingkan dan ditempatkan di penjara tersebut, manakala mungkin dapat diujudkan silibus-silibus

tertentu sebagai bahan untuk memberi pedoman kepada pesalah-pesalah syariah ini. Penjara khas pesalah syariah ini jika diwujudkan kelak akan menjadikan negeri Johor sebagai negeri Johor yang pertama yang mempunyai sebuah penjara khas untuk pesalah syariah di Malaysia. Usaha ini juga pasti akan membuka ruang dan peluang pekerjaan kepada lepasan-lepasan Sekolah Agama untuk berkhidmat dan secara tidak langsung juga akan membantu memperkasakan sistem pendidikan agama negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam titah ucapan Tuanku pada para 31 hingga 39, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan telah menyentuh berkenaan dengan isu cukai tanah dan juga isu tanah pertanian. Adalah diakui bahawa kadar cukai tanah perlu dikemas kini agar ia dapat menjamin kestabilan pendapatan kerajaan di kala keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu ini. Ia juga dapat memastikan agar penggunaan tanah terutamanya tanah pertanian tidak disalahgunakan dan melanggar syarat tanah pertanian itu, yang mana akan menyebabkan kerugian pada pihak kerajaan negeri. Namun begitu, dalam persiapan kerajaan negeri untuk menaikkan kadar cukai ini, perlulah perancangan yang awal dan teliti agar kenaikannya nanti tidak membebankan rakyat terutamanya golongan petani dan pekebun. Bukit Naning berpendapat, sebelum kadar kenaikan cukai tanah ini dilaksanakan, kerajaan negeri mesti berusaha untuk memastikan pendapatan golongan petani dan pekebun ini mempunyai ruang untuk meningkat lagi agar ia boleh menyerap sebarang kadar kenaikan cukai tanah. Kerajaan negeri perlu membekalkan para petani dan juga pekebun ini dengan teknologi terkini agar hasil setiap pekebun dan petani ini bertambah banyak.

Sebagai contoh, sekiranya kerajaan negeri dapat membantu mereka ini dengan teknologi yang boleh menyebabkan hasil mereka bertambah dalam lebih kurang RM1,000.00 atau lebih daripada yang semasa mereka dapat. Jadi, sekiranya kerajaan menaikkan kadar cukai harta itu, sebagai contoh RM100.00 atau RM200.00, maka kesan kenaikan itu dapat diserap oleh golongan petani dan pekebun ini. Mereka akan tidak begitu terasa dengan kenaikan cukai ini.

Sebagai satu lagi contoh Yang Berhormat Dato' Speaker, petani yang mengusahakan tanaman padi seperti yang berlaku di Sungai Balang, Sawah Ring dan juga sebahagiannya di Mersing yang mana ia telah diusahakan sekian lama, maka subsidi untuk pengusaha padi ini perlu dikekalkan atau ditambah dan kerajaan perlu mencari teknologi yang boleh menggandakan hasil tuaian padi mereka sebelum kadar cukai tanah dinaikkan pada mereka. Ini kerana, Bukit Naning khuatir sekiranya para pengusaha tanaman padi ini mengambil jalan singkat dengan meninggalkan penanaman padi mereka dan menggantikan dengan tanaman lain seperti kelapa, kelapa sawit dan sebagainya, akan merugikan kita. Sebab, padi merupakan sumber makanan utama rakyat kita, sebab itu kita perlu pertahankannya dan kerajaan perlu memainkan peranan yang lebih lagi dalam usaha mempertahankan.

Menyentuh soal tanah pertanian, Bukit Naning merasakan bahawa penggunaannya mestilah dipelbagaikan ataupun secara integrasi, selagi mana ia tidak melanggar syarat-syarat zonnya. Ia perlu digalakkan oleh kerajaan agar para petani dan pekebun ini sentiasa mempunyai pendapatan sepanjang tahun. Sebagai contoh, petani yang mempunyai tanah yang mana sedang diusahakan, contohnya kelapa sawit boleh dibenarkan pada masa yang sama untuk mengusahakan tanaman hiliran atau penternakan kambing atau lembu, ikan ataupun sebagainya di dalam kawasan yang sama. Namun begitu, sekiranya terdapat keperluan tanah pertanian yang perlu dibangunkan, proses ubah syarat

perlu dilaksanakan dengan kadar segera agar kerajaan tidak mengalami kerugian dari segi kutipan premiumnya. Dan kelulusan ubah syarat ini mesti dipercepatkan prosesnya. KPI yang dicadangkan oleh Bukit Naning adalah kalau boleh dalam tempoh 6 bulan, ianya dapat diselesaikan supaya kerajaan akan mendapat kutipan hasil premium yang cepat dan banyak dalam tempoh-tempoh sesingkat mungkin dan pembangunan dapat dilaksanakan dan akhirnya memberi impak yang mendalam kepada rakyat dan juga pelabur. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat mana-mana tanah pertanian yang dibangunkan di luar zon yang dibenarkan, maka kerajaan wajib untuk mengenakan kompaun terhadap mereka. Dan Bukit Naning berpendapat bahawa kerajaan negeri juga perlu untuk memberi tawaran tanah yang lain sebagai ganti dengan tawaran harga yang munasabah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu perumahan adalah isu yang sangat kritikal kerana ia melibatkan keperluan asasi setiap rakyat. Dan, Bukit Naning menjunjung kasih terhadap keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan atas titah baginda seperti dalam para 40 dan 41.

Untuk mengawal dan mengurangkan harga sesebuah rumah, maknanya kos pembinaannya juga perlu dikurangkan, maka di Dewan yang mulia ini Bukit Naning ingin mencadangkan agar kerajaan negeri melalui agensi-agensi yang berkaitan melibatkan diri secara langsung dalam pembangunan infra di setiap projek pembangunan perumahan, sama ada projek perumahan tersebut adalah milik GLC Kerajaan atau pun milik swasta sepenuhnya. Pembangunan infra yang dimaksudkan di sini adalah pembangunan atau penyediaan infra seperti jalan raya, perparitan, pemasangan elektrik ataupun paip ataupun *septic tank* dengan izin. Ini kerana sekiranya kerajaan sendiri yang menyediakan infra tersebut, kos penyediaannya telah pun diserap oleh kerajaan dan kos tersebut sebenarnya telah diberikan sebagai subsidi kepada setiap pembeli. Ini akan menyebabkan harga rumah tersebut dapat dikawal dan harga rumah boleh diturunkan. Penglibatan pihak kerajaan ini, dalam pembangunan infra juga boleh menyelesaikan isu rumah-rumah terbengkalai yang banyak berlaku akibat daripada penyediaan infra yang dilakukan oleh pihak pemaju swasta yang tidak memenuhi syarat PBT.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ada sedikit isu-isu berkaitan dengan pembangunan yang ada di DUN saya. Dan, saya ingin menyatakan di sini dan memohonlah dan berterima kasih isu-isu berkaitan telah pun selesai, dan ada sebahagian yang belum selesai, antaranya mohon pihak kerajaan supaya menyegerakan perobohan dan pembinaan baru surau Parit Karim 1, Ayer Hitam kerana dah 3 tahun berturut-turut minta, peruntukan dah dapat tetapi belum dilaksanakan. Yang Kedua, Pasar Awam ataupun Pasar Awam kering di Pekan Bakri Batu 6 kalau boleh dapatlah pembinaannya disegerakan dan yang ketiga pemendapan tanah di kiri dan kanan jambatan ataupun pembetungan rangkaian jalan-jalan kampung di Mukim Ayer Hitam, tanah gambut yang menurun, mendap kalau boleh dapat diperbaiki. Yang ketiga, mohon pada kerajaan supaya bekas lombong di Hutan Simpan Ayer Hitam boleh dimajukan sebagai kawasan rekreasi untuk masyarakat DUN Naning dan sebagai destinasi pelancongan masa hadapan.

Selain daripada itu juga, mohon kebenaran kepada kerajaan supaya membenarkan membina jalan sejauh lebih kurang 1 kilometer merentasi hutan simpan Ayer Hitam bagi menghubungkan jalan Kampung Parit Kelantan ke Kampung Tanah Merah bagi memudahkan ataupun memendekkan perjalanan ke Pekan Pagoh. Selain daripada itu, mohon supaya pembinaan tangki air di DUN Bukit

Naning, kalau boleh dapat disegerakan, kerana bajetnya pun dah diluluskan 3 tahun sebelum ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, adalah menjadi harapan Bukit Naning agar segala cadangan dan permohonan ini yang dikemukakan di Dewan yang mulia ini, mendapat pertimbangan sewajarnya oleh agensi yang berkaitan demi kemajuan dan kejayaan negeri Johor di masa akan datang. Bukit Naning ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk melafazkan ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua rakan penjawat awam, agensi kerajaan negeri terutamanya yang di kawasan DUN Bukit Naning yang selama ini tanpa jemu dan lelah telah membantu saya dalam menyelesaikan segala permasalahan rakyat di kawasan Bukit Naning.

Di kesempatan ini juga, Bukit Naning ingin menujukan pantun khas buat Dato' Speaker dan juga rakan-rakan yang lain sama ada di sebelah sini mahupun di sebelah sana. Kalau ada jarum yang patah, jangan dipatah-patahkan yang lain, kalau ada silap dan salah, tolonglah jangan bagi tahu orang lain.

Dengan semangat muafakat Johor, Bukit Naning menyokong rundingan kasih atas Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor yang dibawa oleh ADUN Bukit Permai. Sekian wabillahitaufik walhidayah. Wasalammualaikum warahmatulahiwabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Bukit Naning. Macam wasiat je. Kita teruskan persidangan, jemput Sungai Abong.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker yang telah memberikan ruang keizinan untuk saya berbahas sekali lagi dan rundingan menjunjung kasih Ke Bawah Duli Tuanku yang sudi merasmikan persidangan Dewan tempoh hari. Penuh sarat dengan saranan, garis-garis panduan, untuk memandu kerajaan ini ke arah memacu ekonomi supaya Johor menuju ke suatu, apa ni, *new southern power house* di rantau ini.

Tidak dinafikan, bahawa negeri Johor telah mencapai suatu rekod pembangunan fizikal yang tidak pernah kita mimpikan selama ini. Saya akui dan mengakulah bahawa kerajaan telah mencapai suatu tahap pembangunan yang luar biasa. Kalau pusat memerlukan 50 tahun lagi ataupun 30 tahun lagi, Transformasi Nasional 50, saya rasa Johor perlu 5, 6 tahun lagi. Ini suatu perkara yang sungguh positif. (Dewan bertepuk)

YB Timbalan Speaker : Ucaplah, terima kasih.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Mengaku tadi tu. Bukan terima kasih lagi. Walaupun kita dikejutkan oleh beberapa peristiwa-peristiwa hitam baru-baru ini, yang sedikit sebanyak boleh mencemarkan nama baik kerajaan ini. Walaupun tidak merencatkan perjalanan kerajaan untuk menuju cita-cita yang kita idamkan. Ini menunjukkan bahawa peristiwa-peristiwa hitam itu bukan suatu *early warning sign* minta izin, Dato' Speaker. Bila kita menuju ke arah pembangunan fizikal yang begitu laju ke depan, kalau kita tidak selarikan dengan pembangunan *spritual*, moral, akhlak maka kita akan hadapi satu masalah nanti.

Kita bayangkan 5 tahun akan datang ataupun 2025. Bagaimana penduduk Wilayah Iskandar bukan negeri Johor, Wilayah Iskandar yang akan mempunyai

penduduk 3 juta orang. 1.2 juta pekerja, 1.4 pekerja di Wilayah Iskandar sahaja, cuba kita bayangkan, sekarang tidak nampak lagi. Bermakna kalau penduduk di negeri Johor ini mungkin sampai 4, 5 juta. Kita nampak yang gah-gah sahaja 5 tahun akan datang. Tapi adakah kita bersedia ke arah itu dari segi contohnya sumber-sumber air kita, dah cukup untuk 4, 5 juta penduduk negeri Johor yang akan datang?

Bagaimana tapak-tapak pelepasan sisa-sisa pepejal yang ada dalam negeri Johor sekarang ini? Bagaimana rangkaian jalan-jalan kita, *highway* kita? Cukupkah *highway* yang ada, Utara - Selatan yang ada sekarang ini? Terkejut saya. Saya sangat setuju saranan di bawa oleh Pasir Raja. Sangat perlu *highway PLUS* ini diperlebarkan. Tapi terkejut saya dalam satu jawapan yang diberikan oleh EXCO JKR dan satu soalan lisan saya yang tak dijawab. Dijawab melalui kertas, bahawa mengikut laporan LLM, lebuh raya selatan ini, aliran trafiknya, katanya biasa, cuma sibuknya bila hujung minggu, hari perayaan, ataupun cuti sekolah. Ini laporan saya rasa penggal berapa laporan ini. Tak relevan dengan suasana realiti pada hari ini. Ada laporannya di sini.

Jadi tidak ada rancangan langsung setakat ini, untuk melebarkan *highway PLUS* yang ada hari ini. Walhal kita ada masa 5, 6 tahun nak menyambut 3 juta penduduk di Wilayah Iskandar ini. Kalau nak tunggu 3 juta, 4 juta penduduk baru, baru kita nak buat *highway* saya rasa ini satu wawasan yang tidak pro aktif. Kalau nak buat *highway* buat sekarang, tapi saya minta, minta EXCO JKR desak pada ketika ini ya, mungkin, tapi rasa ini tidak betul. Saya tiap-tiap pagi lalu *highway* tu nak datang mesyuarat ini. *Stress, stress* betul.

YB Timbalan Speaker : Doktor pun *stress* juga eh.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Kalau ada sepanjang itu ada 10 *AES* saya rasa 10,10 tu lah saya kena pasal *stress*. Dah pergi balik 20, 20 kali lah kena saman, pasal *stress*. Kalau ikut 110, 90, tak sampai lah saya pukul 9 ni. Sudah tiba masanya, lebuh raya selatan, *PLUS* selatan ini dilebarkan. Saya rasa. Minta perhatian EXCO JKR. Laporan ini lapuk. Saya akui laporan-laporan yang tidak relevan, tidak *factual*, laporan yang mungkin *standard* penggal dulu. Kalau saya tanya soalan penggal dulu, inilah jawapannya. Dan sekarang ini juga jawapannya. Ini bukan salah EXCO, EXCO saya selalu bincang, ini perlu dia kata, perlu.

YB Timbalan Speaker : Trafik *count* dia sama daripada penggal dulu dengan penggal sekarang.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Ini benda serius. Kalau kita nak capai status kemajuan yang kita nak kecapi 5,6 tahun akan datang. Sekarang kita kena buat. Ini wawasan sepatutnya yang kita ada.

Sumber air, saya rasa perlu ada satu lagi sumber air yang kekal, mungkin kita tidak ada tapak untuk buat satu *dam,* empangan yang besar seperti kenyir dan sebagainya kerana tidak ada gunung-gunung, bukit yang sesuai saya rasa. Tapi bila saya lalu *highway* melalui Pagoh tu saya nampak bukit-bukit cantik. Dato' Speaker, ada bukit-bukitnya, ada sumber-sumber airnya, cuba perhatikan. Kalau sumber yang ada pada hari ini saya yakin tidak dapat menampung keperluan 7 tahun yang akan datang.

Bagaimana pula kesan-kesan yang lain Dato' Speaker. Kesan-kesan budaya, budaya-budaya asing, budaya kita bangsa Johor sendiri. Adakah boleh kita

sustain? Kita pertahankan budaya kita dengan kemasukan warga-warga asing, tak masuk lagi pekerja-pekerja asing yang saya yakin antara 1.4 juta pekerja-pekerja baru yang akan dimasukkan dalam Wilayah Iskandar ini saya yakin, 90% adalah warga-warga asing.

Mereka datang bukan bawa badan sahaja. Kalau warga asing yang melabur sini bawa badan, bawa nafsu, bawa wang, betul, kita kena lihat perkara ini. Kenapa saya nyatakan demikian, saya pernah teringat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pernah menyatakan bahawa sepanjang 4 tahun kebelakangan ini, kerajaan telah mewujudkan 1.8 juta pekerjaan baru. Dia berbangga, 1.8 juta pekerjaan baru dalam negara ini. Tapi mengikut laporan bank negara, menyatakan bahawa 500,000 pengangguran yang ada setakat ini dalam negara kita. 61% adalah belia-belia. Bermakna 1.8 juta pekerjaan baru itu tidak menepati hasrat kita iaitu memberi pekerjaan kepada anak-anak bangsa kita, belia-belia negara ini. Bermakna 90% adalah pekerja-pekerja asing yang diwujudkan, yang dibawa masuk oleh kerajaan. Dan saya bimbang ini juga akan berlaku di Wilayah Iskandar dan negeri Johor ini. Maka tak tercapai matlamat kita untuk memberi pekerjaan kepada anak-anak bangsa Johor yang perlu kita utamakan.

Saya yakin kerajaan akan terpaksa mengikut selera pelabur-pelabur. Anak-anak kita bukan tak nak kerja, nak kerja. Atau selama ini menteri kata anak-anak kita tak berminat nak buat pekerjaan-pekerjaan apa ini, apa dia punya itu, yang lasak lah, yang kotor. Tak betul. Anak-anak kita nak bekerja di kilang-kilang papan, perabot dan sebagainya, nak. Saya difahamkan mungkin ini tak betul, tapi mungkin saya rasa ada dia punya kebenarannya.

Bila satu kilang diwujudkan, maka cara mereka ini nak mendapat pekerja asing mudah saja Dato' Speaker. Syaratnya dia iklankan 3 bulan. Lepas 3 bulan, tak ada pekerja-pekerja tempatan lalu dia pergi kepada KDN minta, ha ni, saya dah iklankan 3 bulan tak ada pekerja-pekerja tempatan, maka kerajaan terpaksa akur, bawa masuk, dibenarkan mengambil pekerja asing. Saya nampak di situ ada satu kelonggaran, ada *loop hole* ada kelonggaran yang mana mereka ini boleh *manipulate* tentang iklan 3 bulan.

Seperti juga dengan lot-lot bumi yang tidak terjual, ada dia punya kelonggaran itu yang mana mereka boleh *manipulate* hingga tak terjual rumah-rumah yang lot bumi. Saya terkejut lagi, baru-baru ini bila Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor mengeluarkan kenyataan bahawa masih terdapat lagi 88,000 rumah-rumah lot bumi yang tidak terjual, setakat ini 88,000. 3,000 telah pun dipindah milik, 3,000 telah dipindah milik. Dan kerajaan telah mendapat satu sumber baru seolahnya, satu sumber baru untuk dana hartanah bumi. 3,000 rumah yang telah dipindah milik, kerajaan telah mengumpul RM600 juta jadi tak terbayang saya kalau 88,000 rumah-rumah ini yang akan dipindah milik daripada lot bumi kepada lot non bumi, bayangkan. Berapa banyak? Semalam sahabat saya telah, dia mengira sekitar RM15billion akan menjadi satu sumber baru kerajaan. Saya rasa mungkin kerajaan sekarang ini selesa dengan keadaan ini, tak perlu buat peraturan baru lagi, selesa dah. Cukup lah kalau 88,000 ini tak laku, negeri akan dapat duit. Satu sumber baru, jadi tak selesai masalah.

Kita bayangkan lagi, Wilayah Iskandar memerlukan 500,000 lagi unit rumah. Tak termasuklah 88,000 yang tak terjual ini. Wilayah Iskandar memerlukan 500,000 rumah baru untuk menampung pekerja dan warga negara yang akan tinggal di sini. 500,000 saya yakin kerajaan negeri tidak mampu nak menyediakan 500,000, maka masalah ini akan berulang lagi tak selesai. Kita akan lihat melalui 500 ribu itu

kalaulah 40% untuk bumi lot, berapa ratus ribu lagi lot-lot bumi yang akan di pindah milik pada bukan bumi. Apa yang kita dapat faham daripada masalah ini ialah siapa sahaja pemaju perumahan swasta tak kiralah Melayu, Cina, mereka tidak akan, tidak akan nak menyelesaikan masalah, tak ada. Matlamat mereka adalah keuntungan. Mereka akan buat, kita hairan, kita sebagai pemaju, kalau saya sebagai pemaju, saya buat rumah tak laku, saya akan fikir panjang. Tapi tidak, pemaju hari ini dia tahu tak laku, dia buatlah puluh ribu pun tak laku tapi dia tak bimbang, kerana apa? Kerajaan akan luluskan permohonan untuk di jual kepada bukan bumi.

YB Timbalan Speaker : Berhenti, azan.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya rasa cukuplah Wilayah Iskandar ini memang dia menguntungkan, memang dia suatu pelaburan yang hebat, sangat-sangat menguntungkan, tapi kalau kita tidak selesaikan masalah-masalah yang saya bangkitkan tadi, dia menggerunkan, menggerunkan saya. Sangat-sangat menggerunkan saya. Budaya asing bagaimana kita hadapi menangani masalah budaya asing yang sungguh asing, sungguh-sungguh asing dengan kita. Bagaimana terhakisnya budaya kita sendiri.

Jadi Dato' Speaker, rata-rata sahabat-sahabat mengatakan bahawa masalah, peningkatan kos, kehidupan rakyat ini semakin hari semakin meningkat dan meningkat. Saya nak bagi tahu di sini bahawa satu kenyataan daripada Timbalan Menteri KPDNKK dan jawapan di Parlimen itu hari. Dia tanya apakah peranan kerajaan dapat menurunkan harga barang dan jawapan yang diberikan bahawa kerajaan tidak mampu sama sekali untuk menurunkan harga barang, tak mampu. Jadi, kalau kita berharap sangat kerajaan yang ada pada hari ini bukan di sini, kerajaan yang di sana tu boleh menurunkan harga barang, maka jangan kita harap, mereka tak mampu nak turunkan harga-harga barang.

Mereka hanya mampu menaikkan harga barang. Nak turun tak pandai. Ni pelik. Nak naik harga senang, nak turun tak pandai. Kalau tak pandai nak menurunkan harga barang, jangan menambahkan beban lagi kepada rakyat. Jangan menambah lagi. Saya nampak akan datang di Johor ini dengan adanya Wilayah Iskandar, kemasukan warga asing ini harga barang akan naik lebih tinggi daripada negeri-negeri lain. Kita tak mampu makan durian lagi Dato' Speaker, durian tak mampu lagi. Bukan kata musang king, durian kampung pun kita, rakyat negeri Johor tak akan mampu nak makan. Sekarang ini pun durian kita hantar ke negeri China kita pun dah rasa ai, tinggi sangat harga. Bagaimana kalau berjuta-juta orang tu datang ke sini, duduk sini , kita tengok la durian kita, sudah tentulah peniaga-peniaga ini akan melabur ke sana. Ayam-ayam kita lebih baik jual di kampung, lebih baik jual ke Forest City dan Wilayah Iskandar.

Maka, saya yakin harga barang kita di negeri Johor ini akan melambung naik dan kita tak mampu nak menghadapinya. Ini kira undang-undang pasaran. Ada permintaan meniaga jual sana. Kita makanlah sayur-sayur kampung yang baik-baiknya, Wilayah Iskandarlah durian-durian baik dan tak baik Wilayah Iskandarlah. Kita tengoklah. Saya harap jika kerajaan tak mampu menurunkan harga barang, jangan menambah beban. Tak boleh? Boleh, boleh. Rakyat terbeban. Kita boleh hapuskan PIBG ni. PIBG, yuran PIBG ini satu masalah besar bagi rakyat-rakyat di kampung, bukan di kampung, di bandar-bandar ini pun. Walaupun dinamakan sumbangan, macam bentuk sukarela nak sumbang boleh, tak sumbang boleh. Bagi yuran percuma, tapi ini, masalah ini, yuran PIBG. Tak banyak, RM 100.00,

RM200.00 tapi anak orang kita, yang pergi sekolah 5,6 orang. 5, 6 orang sekali nak masuk sekolah, yuran PIBG RM100.00, RM200.00 dah berapa? Walhal 60% rakyat negara kita tidak ada wang simpanan langsung, tak ada. Mereka berbelanja apa yang mereka dapat, cukup bulan habis. Ini 60% rakyat dalam negara kita.

Saya harap benar-benarlah ini, yang lain kalau tak boleh, yang ini satu tolong. Ringankanlah mereka begini dengan hapuskanlah PIBG ini, yuran PIBG ini. Walaupun namanya sumbangan, sumbangan yang terpaksa. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak cakap bab Muar ni, Muar dah tak ada apa lagi nak mintalah.

YB Timbalan Speaker : Dah bolehlah gulung, Sungai Abong. Lagi banyak dosa nanti.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Saya *respect* betul dengan PBT, Pegawai Daerah Muar, patut semua Ahli-Ahli Dewan ini ucap terima kasih beri anugerah kepada PBT Muar ini. Lima tahun berturut-turut bandar terbersih. Jadi, tak payah suruh orang kita pergi Singapuralah nak belajar dan sebagainya. Pergi ke Muarlah. Betul. Bukan kita jalan depan-depan ni, *back back lane* ni pun, orang Muar nak buang rokok pun, dia tengok bersih tak berani.

YB Timbalan Speaker : Tapi doktor masih hisap rokok kan? Tak buang kat mana-mana.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Kalau Muar tak boleh buang. Walaupun tak ada orang tangkap kita, tapi tengok bersih Muar itu, jadi satu pendidikan bagi kita ni. Kita sayang bandar kita yang bersih. Kalau merokok ni pergi bandar yang kotor, tengok kotor dia buang sajalah. Dah tentu kotor. Tambah lagi, tak tambah pun putung rokok bagi pada dialah. Jadi, terima kasih pihak PBT Muar dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dalam kunjungan ataupun kita panggil yang telah terjun ke parlimen-parlimen dan saya tak dengki kawasan lain dapat RM100 juta, RM500 juta, Muar dapat entah berapa, belas-belas ke berapa? Tak hairanlah, yang dapat banyak tu kawasan yang ada masalah. Muar tak ada masalah, sikit RM15 juta. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.

Dan, terus terang di sini saya nyatakan bahawa saya, Maharani jaranglah minta dengan PBT Muar ini mengadu hal, jaranglah. Sidang Dewan tak nak cakap, mereka hebat, hebat. Saya bagi tahu masalah PBT, masalah tempatan saya tak nak bawa dalam Dewan ini. Ini kerja awak. Kerja saya cakap benda-benda lain yang bukan masalah pasal PBT ini. PBT awak selesaikan. Jadi mereka suka, suka sangat. *Press statement* tak ada, masuk surat khabar tak ada senang, suka dia. Tak payah kita minta, dia buat saja. Ha ini rahsianya. Mana kawasan-kawasan lain yang asyik mengadu hal, merayulah, *complaint,* tak payah, beritahu mereka, kita tak nak *complaint*, awak buat kerja, dan dia orang ni akan cakap benda-benda lain. Ha itu, nampaknya berkesan. Ada masa lagi?

YB Timbalan Speaker : Ada minum dengan Yang Dipertua ke?

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Minum yang kedua.

YB Timbalan Speaker : Dengan Yang Dipertua ada minum pagi-pagi, makan sate ke?

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Tak pernah, dia tak jemput, dia tak ajak. Ha itu yang masalahnya itu. Mereka takut. Takut nak jumpa pembangkang, tapi kita tak ada masalah, kita tahu selesai masalah, beres. Jadi Dato' Speaker, saya rasa cukuplah ya setakat ini. Dengan ini saya menyokong rundingan yang di bawa oleh sahabat saya daripada Bukit Permai. Terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Sungai Abong. Kita teruskan, jemput Pekan Nenas.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Selamat sejahtera Yang Berhormat Dato' Speaker dan rakan-rakan Ahli Dewan sekalian. Pekan Nenas ingin menjunjung setinggi-tinggi kasih atas titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor Ke-13 pada 4 Mei yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Pekan Nenas menyambut baik dengan usaha kerajaan meningkatkan infrastruktur awam. Malah usaha meningkatkan infrastruktur awam perlu di rancang secara teliti dan menerima pandangan daripada orang awam supaya memadai dengan kehendak pengguna. Pembinaan pasar baru Pontian yang siap sejak akhir-akhir ini telah mendapat pelbagai aduan daripada orang awam. Ruang berniaga yang disediakan terlalu kecil sehinggalah penjaja tidak dapat meletakkan peti sejuk dan kotak ais yang sedia ada. Di samping itu, koridor pasar baru juga didapati sempit dan terdiri daripada jubin yang licin. Longkang yang baru di buat juga didapati mudah tersumbat. Sebahagian penjaja terpaksa mengeluarkan duit sendiri untuk menukar penutup longkang yang terdiri daripada plastik dan mudah tersisir keluar supaya tidak menghadapi risiko terjatuh.

Suatu projek pembangunan yang berjaya dan bersifat mesra rakyat perlu melibatkan pandangan orang ramai dan memadai keperluan pengguna. Pihak MDP sepatutnya memungut pandangan penjaja dan menyediakan peruntukan untuk menjalankan kerja-kerja ubahsuai supaya pasar Pontian lebih mesra rakyat. Di samping itu, sedang pembinaan infrastruktur baru perlu melibatkan perancangan untuk jangka masa panjang. Pembinaan pasar Pontian baru sepatutnya di bina dengan keluasan yang lebih besar untuk menampung peningkatan penduduk pada masa akan datang. Adalah tidak wajar pasar baru di bina lebih kecil jika berbanding dengan pasar lama.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Pekan Nenas juga menyambut baik dengan usaha pembinaan jambatan baru merentasi Sungai Pontian Kecil, malah penduduk tempatan berasa risau sebab pembinaan jambatan baru tersebut melibatkan penambakan tanah yang akan menyebabkan muara Sungai Pontian Kecil menjadi semakin sempit. Adakah kapasiti pengaliran air sungai akan tersekat dan menjadi punca banjir kilat pada masa akan datang? Kerajaan perlu memastikan sebarang pembangunan tidak mendatangkan masalah kepada penduduk tempatan.

Di samping itu, jeti baru yang di bina di pusat perdagangan Pontian masih menghadapi pelbagai masalah, menyebabkan nelayan enggan pindah. Masalah kedalaman seabed yang tidak mencukupi dan kedatangan spesies laut di jeti baru yang disyaki cacing kapal telah merosakkan struktur bot nelayan yang terdiri daripada kayu. Ini telah menyebabkan nelayan mengalami kerugian serius dan tidak berani pindah ke jeti baru.

Pekan Nenas tidak bersetuju dengan tuduhan sesetengah pihak bahawa nelayan enggan bekerjasama untuk pindah ke jeti baru. Sepanjang pengetahuan saya,

nelayan juga menanggung sebahagian kos pemasangan pancang dan paip air di jeti baru. Adalah tidak adil untuk memaksa nelayan pindah ke jeti baru sekiranya masalah yang timbul tidak di selesai secara sempurna. Kelonggaran masa perlu diberi kepada nelayan dan pihak kerajaan perlu mencari langkah menyelesaikan masalah kedalaman *sea bed* yang tidak mencukupi dan masalah kewujudan cacing kapah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Pekan Nenas juga ingin menyampaikan aduan peniaga-peniaga yang mengalami pelbagai masalah dan gangguan akibat pihak MDP membenarkan acara pertandingan memancing dijalankan di Pusat Perdagangan Pontian. Walaupun pihak MDP menyatakan aktiviti tersebut adalah kegiatan pelancongan yang menggalakkan pelancong luar ke kawasan tersebut dan sekali gus menaikkan perniagaan di kawasan tersebut. Malah apabila pertandingan memancing dijalankan, Pusat Perdagangan Pontian mengalami kesesakan lalu lintas yang serius dan kekurangan tempat meletak kereta. Pemandu susah keluar masuk atau menghentikan kereta mereka di kawasan tersebut sehinggalah pelanggan tidak pergi ke Pusat Perdagangan Pontian semasa pertandingan memancing dijalankan.

Perniagaan di Pusat Perdagangan Pontian bukannya meningkat tetapi sebaliknya merosot setiap kali aktiviti berikut dijalankan. Sebahagian daripada peniaga terpaksa tutup kedai semasa pertandingan memancing dianjurkan. Peniaga juga menghadapi sampah dan umpan memancing bertaburan selepas aktiviti pemancingan. Peniaga dan penduduk tempatan bersambut baik dan menyokong penganjuran aktiviti yang bermakna tetapi Pusat Perdagangan Pontian dengan nyatanya tidak sesuai digunakan sebagai tapak pertandingan memancing. Saya menyeru pihak MDP jangan meluluskan pertandingan memancing dijalankan di Pusat Perdagangan Pontian lagi.

Di daerah Pontian kita ada banyak lokasi yang jauh lebih sesuai untuk menjadikan lokasi pertandingan memancing. Pihak penganjur boleh menganjurkan pertandingan memancing di Taman Negara Tanjung Piai atau Tapak Rekreasi Rambah atau pun tempat lain tanpa mengganggu dan menjejaskan kepentingan orang lain. Pihak MDP perlu bijaksana untuk membuat keputusan supaya mewujudkan suatu *win win situation* untuk semua pihak.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pelaksanaan Projek Pusat Perdagangan Pekan Nenas dan Taman Seri Pulai telah melibatkan penggunaan tanah di hadapan sebuah rumah berhala Tokong Jeram Pekan Nenas untuk tujuan pembinaan sistem kemudahan sanitari. Tapak tersebut merupakan sebuah gelanggang keranjang dan tempat rekreasi untuk penduduk tempatan. Setiap pagi, terdapat beratus-ratus penduduk tempatan menjalankan senaman di kawasan tersebut. Setiap petang, terdapat pemuda main bola keranjang di kawasan tersebut. Saya berharap tapak di hadapan rumah berhala Tokong Jeram dapat dikekalkan sebagai tempat rekreasi untuk kebaikan penduduk tempatan. Projek pembangunan yang melibatkan usaha sama kerajaan dengan pihak swasta tidak harus hanya mementingkan keuntungan, keharmonian sosial dan kepentingan masyarakat juga perlu dijaga dalam arus pembangunan ekonomi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, menurut jawapan bertulis yang didapati pada Persidangan Dewan bertarikh 8 September, Klinik Kesihatan Pekan Nenas dijangka siap pada 10 Mac 2017. Saya ingin memohon pencerahan mengenai perkembangan projek ini. Bila masa Klinik Kesihatan Pekan Nenas ini akan disiapkan sepenuhnya dan bilakah masa ia akan mulai beroperasi? Penduduk

tempatan amat mengalu-alukan projek ini dan berharap klinik baru ini dapat beroperasi secepat mungkin.

Menurut Rancangan Tempatan Daerah Pontian 2002-2015, terdapat suatu cadangan pemberian tanah seluas 22.75 ekar untuk membina hospital baru di daerah Pontian. Saya berasa kisah bahawa rancangan tersebut tidak direalisasikan. Pekan Nenas menyeru kerajaan membina hospital pakar baru di daerah Pontian memandangkan hospital yang sedia ada telah bersejarah lama dan uzur. Hospital Pontian yang asalnya *Kukup Government Hospital* telah didirikan pada 5 Jun 1917 dan akan bersejarah 100 tahun pada bulan depan. Disebabkan Hospital Pontian merupakan hospital tanpa pakar, banyak pesakit Hospital Pontian yang lebih serius perlu dihantar ke Hospital Sultanah Aminah untuk menerima rawatan yang lebih teliti. Kerja menghantar pesakit dari Pontian ke Johor Bahru untuk memberi rawatan melibatkan masa yang panjang dan sumber tenaga yang banyak. Ini membawa kesulitan kepada pesakit dan menambahkan beban dan kerja penjawat kesihatan di Hospital Pontian.

Saya berharap kerajaan Johor memainkan peranan yang penting dalam usaha mendesak kerajaan persekutuan merealisasikan segala projek pembangunan infrastruktur di negeri Johor untuk memastikan pembangunan dan kepentingan bangsa Johor tidak terjejas.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan pernah meletakkan sasaran menyediakan 2.5 katil per 1,000 penduduk dalam Rancangan Malaysia Ke-10, malah sasaran ini dikurangkan menjadi 2.3 katil per 1,000 ribu penduduk dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Pengurangan sasaran tersebut adalah tidak wajar memandangkan Malaysia bakal mengalami keadaan penuaan penduduk pada tahun 2021 iaitu apabila penduduk berumur lebih 65 tahun melepasi 7% daripada populasi penduduk. Warga emas memerlukan perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang lebih ketara jika berbanding dengan orang muda.

Dengan menghadapi cabaran penuaan rakyat Malaysia, negara kita sebenarnya patut melipatgandakan usaha pembinaan hospital supaya negara kita berjaya menyediakan lebih banyak sumber perkhidmatan perubatan dan kesihatan untuk menampung permintaan masa depan yang terdiri daripada bukan sahaja melibatkan peningkatan penduduk tetapi juga penambahan warga emas yang semakin banyak. Pekan Nenas berasa risau tentang prestasi perkhidmatan perubatan dan kesihatan negara kita pada masa yang akan datang jika usaha sedia ada tidak dipertingkatkan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, menurut Laporan Khas Malaysia Kini, terdapat ratusan warga negara Cina terpesona dengan gaji tinggi ditipu memasuki Malaysia dengan pas lawatan sosial tetapi bekerja di Forest City secara haram dengan dibayar gaji lebih rendah daripada yang dijangkakan. Di antaranya, terdapat pekerja Cina yang mendakwa mereka telah bekerja beberapa bulan tetapi belum mendapat bayaran gaji. Pihak Polis dan Jabatan Imigresen seharusnya membuat siasatan terperinci terhadap keadaan ini. Jika keadaan ini benar-benar berlaku, tindakan tegas perlu diambil untuk memastikan pencabulan hak asasi manusia tidak berlaku.

Selain itu, kemasukan pekerja haram juga dikhuatiri akan menyebabkan penduduk tempatan terpaksa menerima bayaran gaji yang lebih rendah akibat persaingan untuk mendapat peluang pekerjaan. Adalah tanggungjawab kerajaan untuk memastikan projek pelaburan asing akan membawa manfaat kepada rakyat

dengan menyediakan peluang pekerjaan dan pendapatan yang baik kepada penduduk tempatan.

Yang Berhormat Tan Sri, Yang Berhormat Dato' Speaker, harga rumah melambung tinggi sejak akhir-akhir ini menyebabkan rakyat semakin susah untuk memiliki rumah sendiri. Walaupun pelbagai langkah telah diambil, kenaikan harga rumah masih gagal dikawal. Pekan Nenas bersetuju dengan pandangan ketua SPRM yang menyatakan bahawa peningkatan harga rumah yang keterlaluan pada masa ini ada kaitan dengan amalan rasuah yang membabitkan pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan dan swasta. Amalan rasuah dalam bidang pembinaan harta tanah telah dijangka menyebabkan peningkatan harga rumah sebanyak 20%.

Oleh itu, saya menyeru pihak kerajaan untuk mengkaji segala prosedur dalam urusan projek pembangunan harta tanah untuk membanteras segala peluang untuk menjalankan rasuah dan menurunkan harga rumah dengan usaha membasmikan kos rasuah dalam bidang harta tanah. Kecekapan dan ketelusan kerajaan memainkan peranan yang penting dalam usaha membanteras rasuah. Setiap permohonan dan kelulusan urusan kerajaan mesti dikenakan SOP yang jelas dan segala keputusan permohonan tidak sepatutnya melibatkan penggunaan masa yang lama.

YB Timbalan Speaker : Pekan Nenas sila gulung ya.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Kecepatkan yang rendah dan prosedur yang lambat akan memberi peluang di mana satu pihak mungkin cuba melengah-lengahkan masa kelulusan untuk menunggu tawaran rasuah, manakala bagi pihak yang lain juga mungkin cuba menyogok duit untuk mencari jalan pintas untuk mempercepatkan proses berikut.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Pekan Nenas ingin membalas ucapan Senggarang yang menyatakan bahawa pihak pembangkang mengambil kesan kesempatan membuat laporan untuk menghubungkaitkan Menteri Besar dalam skandal rasuah. Namun Pekan Nenas ingin menegaskan bahawa laporan dibuat adalah berasaskan kenyataan yang dikeluarkan Menteri Besar bercanggahan dengan jawapan yang didapati melalui Dewan yang mulia ini.

Adalah tidak munasabah bahawa sebanyak 4,005 unit, eh 5,003 unit pelepasan Bumiputera pada April 2016 tetapi bilangan tersebut berkurang kepada 3,000 unit pada Mac 2017. Disebabkan soalan integriti adalah satu isu yang tidak boleh bertolak ansur, oleh itu laporan Polis dibuat bukan berniat untuk merosakkan imej sesiapa pun seperti yang dinyatakan Senggarang.

Kedua, saya juga ingin mengingatkan Senggarang bahawa apabila berlaku khabar angin Menteri Besar Johor akan ditukar. Pihak pembangkang juga bertindak secara adil dan tidak mengambil kesempatan untuk menabur garam di atas luka. Pada masa itu, Pekan Nenas pernah berkata jika unsur ketidakyakinan dibangkitkan dalam Dewan ini, unsur ketidakyakinan ini tidak harus ditujukan kepada Menteri Besar tetapi menuju kepada Perdana Menteri. Dan untuk pengetahuan Dewan ini, Pekan Nenas juga pernah membangkitkan unsur ketidakyakinan terhadap Perdana Menteri walaupun kami pembangkang, kami berintegriti dan akan menjalankan perjuangan kami secara *gentlemen*. Saya percaya tuduhan Senggarang mungkin berpunca daripada salah faham dan bukan sengaja buruk sangka terhadap pihak pembangkang....

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Dato' Speaker...

YB Timbalan Speaker : Tak apa, duduk sahaja. Sila gulung.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Pekan Nenas bersetuju titah Tuanku bahawa kes-kes siasatan oleh SPRM terhadap penjawat awam kerajaan Johor janganlah dilihat sebagai satu cara untuk melemahkan pentadbiran kerajaan Johor. SPRM perlu menjalankan siasatan terperinci tanpa memilih bulu apabila melapor laporan tidak mengira siapa pun yang terlibat dalam skandal rasuah. Selain itu, untuk menghapuskan segala keraguan yang timbul, Tabung Perumahan Bumiputera perlu diaudit oleh Jabatan Audit Negara dan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, rasuah adalah musuh utama rakyat Malaysia. Rakyat berasa marah apabila melihat pemimpin Barisan Nasional diserbu SPRM dalam siasatan skandal rasuah, dirampas berderet-deret kereta mewah, beratus-ratus beg mewah di dalam rumah mereka. Rakyat juga berasa marah apabila pemimpin Barisan Nasional hidup dalam keadaan mewah...

YB Timbalan Speaker : Bukan Barisan sahaja, sama sahajalah. Okay Pekan Nenas duduk. Pekan Nenas duduk.

YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Ya.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ditangguhkan hingga jam 9.30 pagi hari Khamis.

Persidangan ditangguhkan pada jam 5.00 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KELIMA	KHAMIS, 11 MEI 2017	BIL. 14 TAHUN 13

HADIR

YB Speaker,
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Haji Md. Jais bin Haji Sarday, PJN., KMN., PSI.
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga
dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN., PSI.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan
Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM., PSI.
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim, PIS., PSI.
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Usahawan
dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed, PSI.
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor.
Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan
Negeri, Johor.

Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., AMN., PPN., PSI.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba, SSAP., SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS., AMN.
(Machap)

YB Tuan Haji Mohd Ismail bin Roslan, PPN., KMN
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

YB Dato' Seri Haji Saipolbahari bin Haji Suib, SSAP., DIMP., AMN., KMN., JMN., PIS.
(Bukit Naning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat, DPSM. KMN.
(Kempas)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Azmi bin Rohani, DMIJ., SMJ., PIS

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Mohd Nasir bin Abdul Salam, SMJ., PIS., PSI.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., AMP., PSI.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., SMIJ., DSPN., PIS.
(Permas)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.
(Gambir)

Datuk Haji Abd. Latif bin Bandi, DPSM., DSM., PSI.
(Endau)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.

YB Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Bacaan selawat). Salam sejahtera, salam selamat pagi, salam Muafakat Johor. Ahli-Ahli Yang Berhormat, hari ini ialah hari penghabisan bagi ucapan menjunjung kasih daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Jadi saya berharap, mana-mana Ahli Yang Berhormat belum lagi mengambil bahagian dalam giliran ucapan untuk menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku, atas titah ucapan Baginda Tuanku, ambillah peluang ini ya, kerana agenda kita hanya, agenda menjunjung kasih atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Pada hari Ahad nanti ialah penggulungan daripada Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan dan selepas itu hari Isnin, penggulungan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Jadi, saya berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat yang belum mengambil bahagian dalam agenda ini, menjunjung kasih atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, ambillah kesempatan ya.

Jurutulis : SOALAN LISAN.

YB Speaker : Yang Berhormat Buloh Kasap, jemput.

YB Puan Hajah Norshidah binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker soalan nombor 1.

Adakah kerajaan bercadang mengkaji memberi gaji penuh kepada guru KAFA wanita semasa cuti bersalin?

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan Yang Berhormat Buloh Kasap. Mengikut garis panduan KAFA JAKIM tahun 2011 telah menyatakan bahawa guru KAFA yang bersalin hanya diberikan cuti bersalin tanpa elaun selama 2 bulan iaitu 60 hari. Guru KAFA yang bersalin tidak akan mendapat elaun daripada JAKIM yang berjumlah RM900.00 kerana taraf guru KAFA adalah sambilan dan tidak layak mendapat elaun cuti bersalin. Namun pada tahun 2014, kerajaan negeri Johor juga telah memberi elaun penuh cuti bersalin selama dua bulan, 60 hari kepada guru KAFA yang berjumlah RM512.00 sebulan. Dan, untuk makluman Dewan yang mulia ini, bahawa kerajaan negeri Johor sahaja yang setakat ini yang memberikan cuti bersalin dua bulan dan diberikan elaun sebanyak RM512.00 sebulan. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB Speaker : Jemput, Buloh Kasap.

YB Puan Hajah Norshidah binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Kita mengucapkan jutaan terima kasih kepada kerajaan negeri kerana prihatin memberi kebajikan guru KAFA, wanita bersalin. Namun berdasarkan maklumat yang saya perolehi sehingga hari

ini, taraf guru KAFA ialah taraf guru sambilan, bukan guru kontrak seperti sekolah agama, apatah lagi seperti sekolah kebangsaan. Dan, antara alasan yang diberikan untuk menyerapkan guru KAFA sebagai staf kontrak seperti guru agama adalah kelulusan mereka. Mereka perlu menyambung pengajian di peringkat diploma. Oleh itu, persoalan saya, adakah kerajaan negeri bercadang untuk mengkaji agar taraf guru KAFA yang telah berkhidmat selama 3 hingga 5 tahun misalnya, dengan perkhidmatan yang cemerlang dinaik taraf kepada guru agama kerana sekarang ini kita tahu guru KAFA diarahkan mengajar murid tahun 1 hingga 6 di sekolah agama kerana kekurangan guru? Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Yang Berhormat Buloh Kasap di atas soalan tambahan yang diberikan. Melalui resolusi Persidangan Lembaga Pendidikan Agama Islam Kebangsaan kali yang ke-48, pertama sekali penambahbaikan yang akan dilaksanakan iaitu kurikulum baru bagi KAFA akan dilaksanakan bermula dari 2019. Dan, selain daripada itu juga program akan dilaksanakan iaitu tentang program kompetensi pentaksiran guru-guru KAFA pendidikan guru-guru KAFA bermula daripada tahun 2017 hingga tahun 2020.

Melalui penilaian-penilaian atau pun program yang seperti ini kita akan dapat mengenal pasti guru-guru KAFA yang berpotensi untuk disarankan kepada mereka untuk mengikuti Program Diploma Pengajian Islam yang mana hari ini kita telah menyediakan Program Diploma Pendidikan Islam hujung minggu di MARSAH dan di UTM. Bagi tujuan tersebut sekiranya setelah mereka selesai pengajian mereka di peringkat Diploma Pendidikan Islam, mereka akan layak untuk memohon jawatan sebagai Guru Agama DG29 dan insya-Allah di peringkat jabatan, di peringkat bahagian pendidikan sendiri kita masih lagi ada kekosongan untuk guru-guru dan insya-Allah guru-guru KAFA boleh mendapat tempat sebagai guru tetap di Jabatan Agama Islam Negeri Johor bahagian Pendidikan. Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Speaker : Mengkibol menyoal juga ya.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Spaker, sebenarnya selain daripada guru KAFA wanita atau kaum wanita yang memerlukan cuti bersalin sebenarnya suami atau pun kaum bapa kaum suami kepada guru-guru wanita ini atau pun golongan wanita yang bersalin ini juga memerlukan cuti apabila isteri mereka bersalin. Jadi segi situ apakah, apakah kemudahan atau pun kebajikan yang diperuntukkan...

YB Speaker : Mengkibol ni dah lari soalan.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Tak lari, tak lari, Tan Sri Speaker sebab ada di kalangan dia merupakan...

YB Speaker : Nanti kita soal anak dia macam mana. Ini soalan daripada Buloh Kasap ni tadi soal guru KAFA wanita.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Cuti bersalin, cuti bersalin, jadi kalau cuti bersalin ni sebenarnya kaum bapa atau kaum suami perlukan cuti bersalin juga jikalau isteri mereka bersalin. Jadi, apakah kemudahan ataupun kebajikan yang disediakan untuk kaum lelaki...

YB Speaker : Ok, ok Mengkibol. YB nak jawab boleh jawab. Tak nak jawab pun tak apa.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Tan Sri Speaker, saya bila disebutkan tentang cuti bersalin ni biasanya kita faham cuti bersalin untuk perempuan, untuk wanita, guru wanita. Tapi tak saya tak pernah dengar pula cuti bersalin untuk suami ya. Kebiasaan tu kalau penjawat awam dia memang ada, kalau suami dia penjawat awam dia boleh ambil cuti. Tapi yang saya hairan ni, yang ditanyakan oleh pihak Mengkibol ni cuti yang nak diberikan kepada, itu cuti tu memang tentu 40 hari kurang-kurang cuti, ya. Ini kita tak faham soalan yang macam mana sebenarnya yang dikehendaki.

YB Speaker : Ok. Macam-macam. Yang Berhormat Tanjung Puteri jemput.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker soalan nombor 2.

Berapa ramai atlet dari negeri Johor mewakili negara Malaysia dalam Sukan SEA yang akan datang dan dalam acara apa mereka wakili dan bagaimana mereka terpilih, sila nyatakan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjung Puteri iaitu berkenaan soalan daripada Yang Berhormat Tanjung Puteri iaitu ada 3 perkara, secara ringkas yang boleh ya.

1. Berapa ramai atlet dari negeri Johor mewakili negara Malaysia dalam Sukan SEA?
   Jawapannya 53 orang.

2. Acara apa mereka wakili?
   Kalau saya nak sebut satu persatu memang banyak Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Ada 23 acara sukan yang akan mereka wakili.

3. Bagaimana mereka terpilih?
   Iaitu faktor pemilihan untuk atlet-atlet dalam negeri Johor yang telah ditapis secara untuk kita pastikan mereka berupaya mencapai pingat emas. Iaitu Majlis Sukan Negara telah mewujudkan satu program khas bagi merealisasikan sasaran dengan mengumpulkan atlet yang terbaik untuk mewakili negara melalui Program Juara Kita. Ini program di bawah Majlis Sukan Negara yang mana telah bermula semenjak 2015. Atlet-atlet yang berpotensi dari seluruh negara perlu melepasi tahap kelayakan yang telah ditetapkan Majlis Sukan Negara iaitu program yang apa yang telah ditetapkan pada atlet iaitu ada 3 fasa:

   i. Fasa pertama iaitu daripada bulan September 2015 hingga September 2016.
   ii. Fasa Dua iaitu daripada bulan Oktober 2016 hingga Mac 2017.
   iii. Fasa ketiga daripada bulan April 2017 hingga Ogos 2018.

   Kriteria kelayakan ke dalam Program Kita Juara ini iaitu:

   i. Atlet merupakan pemenang pingat SEA Games untuk 2015.
   ii. Pemenang pingat sukan Asia atau KOMANWEL.
   iii. Pemenang Kejohanan Remaja Asia dan Remaja Dunia.
   iv. Ranking 16 terbaik dunia.
   v. Ranking 8 terbaik Asia.
   vi. Ranking ke 5 terbaik untuk SEA Games.

vii. Juara kebangsaan.
viii. Juara Temasya Sukan Malaysia.

Melalui tapisan-tapisan dan kriteria inilah atlet-atlet terpilih untuk mewakili negara dalam Sukan SEA yang ke-29 nanti. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

YB Speaker : Jemput Tanjung Puteri.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih juga kepada EXCO sukan yang telah menjawab yang mana kita ada 53 orang untuk mewakili Johor di dalam sukan SEA. Yang menjadi persoalan saya adalah rata-rata kita pergi ke sekolah mungkin dalam bandar kalau kita buat perasmian sukan mereka, mereka mengatakan yang padang sekolah mereka ni dah menjadi terlalu kecil untuk mendapatkan larian 100 meter pun dah tak boleh. Jadi, saya minta penjelasanlah adakah di peringkat Johor ni kita pilih atlet daripada awal di sekolah rendah? Kalau kita ada pilih macam gini maknanya kita nak menimba bakat mereka daripada kecil ni di mana ni kalau sekolah mereka sendiri dah tak dapat 100 meter dia, 400 meter dia, jadi saya minta penjelasan pada EXCO? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Terima kasih pada Yang Berhormat Tanjung Puteri. Untuk makluman Yang Berhormat Tanjung Puteri, iaitu untuk program di bawah Majlis Sukan Negeri Johor kita pun telah menjalankan kerjasama iaitu kita telah MOU dengan Jabatan Pendidikan Negeri Johor yang mana kalau kita lihat pada hari ini iaitu atlet-atlet yang dicungkil bakat mereka ada bermula daripada sekolah. Kita melihat di peringkat sekolah kita ada Majlis Sukan Sekolah Cawangan atau Zon, Majlis Sukan Daerah dan juga Majlis Sukan Sekolah Johor. Yang mana atlet-atlet inilah yang sebenarnya akan kita lihat potensi mereka untuk kita bawa ke peringkat yang lebih tinggi.

Untuk makluman Tan Sri Speaker, dan juga Yang Berhormat Tanjung Puteri, kita melihat masalah yang di amali di peringkat sekolah iaitu sebahagian besar sekolah-sekolah yang ada dalam negeri Johor ni tidak mempunyai kelengkapan yang mencukupi termasuk kemudahan sukan, termasuk padang bola, larian dan sebagainya. Ini kita sedia maklum, dan pihak Majlis Sukan Negeri Johor melihat perkara ini sebagai perkara yang amat serius. Jadi kita lihat bahawa, dengan adanya kerjasama antara Majlis Sukan Negeri Johor dan juga Jabatan Pendidikan Negeri Johor, mereka yang berbakat dan berpotensi ini kita akan serapkan dalam Program Majlis Sukan Negeri Johor dan kita bawa ke tempat-tempat seperti kemudahan sukan yang mencukupi contohnya setiap daerah. Kita sebenarnya setiap daerah kita mempunyai kemudahan sukan yang cukup. Kita boleh berkongsi dengan pihak seperti di IPTA. Contohnya di Batu Pahat kita ada UTHM, dan saya lihat dengan adanya kejohanan seperti Majlis Sukan Sekolah Daerah, mereka melaksanakan kejohanan di UTHM dan juga di padang yang mempunyai kemudahan yang mencukupi. Jadi, di peringkat zon dan juga cawangan, saya lihat perlunya kerjasama yang lebih erat antara Majlis Sukan Negeri Johor dan kita sedia membantu jika perlu untuk kita menyediakan tempat-tempat yang mungkin kita cadangkan, tempat yang lebih baik. Ini masalah timbul kerana apa, kita lihat daripada segi padang sebelum ini, 10 atau 15 tahun yang dahulu, mungkin padang ini mempunyai jarak larian yang mencukupi untuk 100 meter tetapi memandangkan projek-projek tambahan, bangunan tambahan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan pada ketika itu telah menyebabkan padang semakin kecil

dan insya-Allah jika kerjasama antara pihak Majlis Sukan Negeri dan juga Jabatan Pendidikan Negeri Johor. Jadi, insya-Allah kita dapat menyelesaikan masalah ini ya insya-Allah. Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Speaker : Tak ada, saya jemput Yang Berhormat Senggarang.

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 3.

Sehingga kini bagaimanakah sambutan terhadap Homestay dan Desastay dalam industri pelancongan dan sejauh manakah penglibatan pengusaha-pengusaha dalam perkhidmatan ini.

YB Speaker : Yang Berhormat Rengit.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 4.

Minta penjelasan prestasi pencapaian Desa Stay di Negeri Johor. Nyatakan mengikut daerah. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan bagi memantapkan lagi Program Desa Stay ini.
YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Selamat pagi, salam sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, izinkan saya menjawab 3 dan 4 secara serentak.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Program *Homestay* adalah merupakan salah satu inisiatif kerajaan melalui Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia atau MOTAC, Kementerian Luar Bandar dan Wilayah serta Kementerian Pertanian dan Asas Tani untuk meningkatkan pembangunan sosioekonomi masyarakat luar bandar. Ia merupakan salah satu strategi kerajaan untuk mempelbagaikan punca pendapatan masyarakat luar bandar serta menggalakkan penglibatan mereka di dalam pembangunan aktiviti pelancongan. Program *Homestay* ini bukan sahaja menawarkan penginapan alternatif kepada para pelancong tetapi juga dapat memberi peluang kepada mereka untuk mengalami sendiri secara kehidupan seharian serta menghayati budaya masyarakat tempatan di samping menikmati suasana keindahan desa. Ketika ini terdapat sebanyak 21 buah *homestay* di negeri Johor dengan jumlah peserta seramai 411 orang pengusaha. Sejak diperkenalkan pada tahun 1995, program *homestay* telah menjadi salah satu tarikan utama kepada pelancong khususnya dari Singapura, Korea, Jepun, Australia, Indonesia dan Taiwan. Berdasarkan statistik MOTAC Johor, jumlah kedatangan pelancong ke *homestay* Johor pada tahun 2016, mencatatkan prestasi memberangsangkan dengan peningkatan sebanyak 16.11% iaitu seramai 67,344 orang berbanding 58,000 orang pada tahun 2015.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya kerajaan negeri menerusi Tourism Johor banyak menerima permintaan daripada kampung-kampung yang ingin menyertai program *Homestay* ini. Walau bagaimanapun, kebanyakan kampung tersebut tidak dapat memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh MOTAC di mana salah satu syarat untuk menyertai program *homestay* adalah perlu mempunyai sekurang-kurangnya 10 buah rumah. Justeru itu, kerajaan negeri menerusi Tourism Johor telah memperkenalkan program *DesaStay* pada 30 Julai 2016 yang lalu. Program ini diwujudkan bukan sebagai

pesaing kepada program *Homestay* sedia ada tetapi sebaliknya sebagai pelengkap kepada *Homestay*. Program ini juga bertujuan untuk memberi peluang kepada kampung-kampung berkenaan yang berminat untuk melibatkan diri di dalam industri pelancongan negeri Johor.

Buat masa ini terdapat sebanyak 12 buah *DesaStay* di negeri Johor di mana pengusaha-pengusaha ini tidak cukup syarat untuk menyertai Program *Homestay* oleh MOTAC. Jumlah kedatangan pelancong ke *DesaStay* negeri Johor juga menunjukkan prestasi yang baik di mana bagi tempat tempoh Julai hingga Disember 2016, merekodkan seramai 10,519 orang. Hakikatnya, Program *Homestay* dan *DesaStay* berpotensi besar untuk menjadi penyumbang kepada peningkatan jumlah pelancong ke negeri Johor. Oleh yang demikian, kerajaan negeri melalui pelbagai agensi akan meningkatkan usaha bagi memantapkan kedua-dua program ini dengan melaksanakan pelbagai pendekatan seperti pertama, memberi kursus dan latihan bagi meningkatkan lagi kesediaan dan kualiti perkhidmatan mereka seperti Kursus *We Are The Host,* Bahasa Asing, penyediaan makanan dan sebagainya. Kedua, menyediakan ruang dan pemasaran yang lebih luas kepada mereka untuk mempromosi produk serta perkhidmatan mereka. Ketiga, memperbanyakkan pakej-pakej pelancongan yang inovatif, kreatif serta dinamik. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput, YB Senggarang.

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan YB EXCO. Soalan tambahan saya, mungkin ada pengusaha atau petugas *Homestay*, *DesaStay* tiada ada banyak pengalaman berinteraksi atau berkomunikasi dengan pelancong asing. Justeru itu, apakah usaha agensi kerajaan dalam membantu aspek ini? Terima kasih.
YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih Yang Berhormat Senggarang atas soalan tambahan yang dikemukakan. Sebentar tadi saya ada menyentuh mengenai salah satu usaha kerajaan negeri adalah untuk memberi kursus dan latihan kepada peserta inap desa untuk meningkatkan kesediaan dan kualiti perkhidmatan mereka.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada tahun 2016, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Johor telah menganjurkan Bengkel Pembangunan Pakej *Homestay*, Kursus Tourism Inggeris, Kursus Asas Pelancongan Desa, Kursus Pembangunan Pelancongan Peserta *Homestay* dan Bengkel Pentauliahan Penilaian *ASEAN Homestay Standard* yang memanfaatkan seramai 285 orang. *Tourism* Johor pula telah menganjurkan kursus pendekatan hospitaliti dan layanan cemerlang dan Kursus Bahasa Inggeris yang keseluruhan memanfaatkan sebanyak 300 orang. Pada bulan Mei tahun ini, *Tourism* Johor telah menganjurkan Kursus Bahasa Jepun kepada seramai 70 orang peserta *Homestay* dan *DesaStay*. Selepas ini *Tourism* Johor sedang merancang untuk mengadakan Kursus Bahasa Mandarin dan Kursus Hospitaliti Layanan Cemerlang pada tahun ini yang akan dilaksanakan secara berperingkat. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat Rengit, jemput.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan sayalah, baru-baru ini Parit Tengah, Rengit mendapat pengiktirafan

badan antarabangsa sebagai H*omestay* dan juga *DesaStay* yang memenuhi piawaian di peringkat antarabangsa. *So*, saya nak dapatkan penjelasan daripada YB EXCO kenapa dia terpilih, ni bukan nak angkat bakul, masuk bakul, angkat bakul sendiri, Tuan Pengerusi sebab nak beri contohlah. Terpilih di peringkat negara dan juga negeri..

YB Speaker : Puji, puji yang baik tu terbaiklah.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Jadi, kita nak tahu apa dia punya SOPnya, mencapai tahap itu, sebab EXCO kita tak jawab. Jadi, sejauh manakah usaha yang telah digerakkan oleh kerajaan negeri untuk promosi dan publisiti oleh kerajaan negeri bagi menjadikan *DesaStay* ni seluruh negeri Johor pilihan terbaik destinasi pelancong, itu soalan saya Tan Sri.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih Yang Berhormat Rengit atas soalan tambahan yang dikemukakan. Dan, di sini saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat Rengit kerana atas sokongan Yang Berhormat, lagi satu Yang Berhormat yang rajin, kerja kuat dan bersama-sama dengan kita mem*promote*kan *Homestay* di Parit Tengah di Rengit. Dia memang merupakan *Homesta*y pertama di Johor yang dianugerahkan oleh *ASEAN Homestay Standard* pada 20 Januari tahun ini dengan markah penilaian tertinggi di Malaysia. Dia nilai-nilai mereka termasuklah pengurusan mereka, layanan mereka, persiapan dan kelengkapan dan memberi perkhidmatan yang mesra, baik dengan suasana inap desa, keindahan mereka juga terkandung dan juga memang kita satu produk yang boleh dikatakan *ASEAN Standard* ini dia akan dipamerkan dan lebih berkesan di pasaran *ASEAN* dan mereka akan menambahkan pelancong mereka yang bertinjau di kawasan Parit Tengah ni. Dan, daripada 33 produk, 33 buah produk inap desa di Johor, 21 buah *Homestay* dan 12 *Homestay* merupakan *DesaStay*, kesemuanya mempunyai keunikan yang tersendiri, menarik minat para pelancong. Saya mintalah jasa-jasa baik Ahli-Ahli Yang Berhormat bolehlah macam cara Yang Berhormat Rengit sama-sama menaikkan kampung-kampung mereka sebagai satu tarikan inap desa, *Homestay* yang menarik di negeri Johor. Terima kasih.

YB Speaker : Tahniahlah Yang Berhormat Rengit. Jemput, Stulang.

YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih YB EXCO. Memang seperti yang YB Rengit cakap tentang, mengatakan tentang publisiti ialah memang ada usaha-usaha untuk meningkatkan *Homestay* dan *DesaStay* ini. Tetapi industri pelancong ni mendapat persaingan sangat sengit terutama kita ada Agoda, Trivago, *Air BnB*. Jadi, kalau kita ada banyak usaha tapi publisiti kita tidak mendapat, dicapai oleh orang-orang luar, adakah kerajaan akan cuba ataupun bercadang untuk memasukkan *Homestay*, *DesaStay* ni ke dalam website *Air BnB*, Trivago, Agoda supaya pencapaian dia lebih luas. Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Speaker : Jemput YB.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Stulang. Memang kita sentiasa, *Tourism* Johor sentiasa mengadakan promosinya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor

telah melancarkan laman web *DesaStay* pada tahun lepas. Pelancong kini dapat melayari www.d*esastay*.com untuk menerokai ke semua 33 produk yang tadi, saya sebut tadi inap desa dan *Homestay* Johor mengikut daerah. Laman web ini mempamerkan pemandangan yang diambil dari atas *Homestay* dan *DesaStay* menggunakan *drone,* dengan izin untuk memberikan gambaran sebenar kepada pelancong di samping jenis pakej dan aktiviti yang terdapat di setiap *Homestay* dan *DesaStay*.

Selain promosi *online, Tourism* Johor turut menerbit di siaran *DesaStay* memperbanyakkan pakej pelancongan dan mengadakan *FAM Trip* membawa media dan *blogger* popular untuk membuat liputan. Di samping itu, *Tourism* Johor mengambil inisiatif membawa *Homestay*, *DesaStay* yang berminat melakukan promosi dan publisiti di Astro pelancongan luar dan dalam negara. Sebagai contoh, *DesaStay* Bekok telah menyertai *Tourism* Johor ke *Malaysia Fair* 2017 yang diadakan di Singapura pada bulan April yang lepas. Usaha ini akan diteruskan dari semasa ke semasa. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat Tanjung Puteri, jemput.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Terima kasih Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 5.

Sila beri maklumat dan prestasi kerja syarikat konsesi kerja pembaikan jalan-jalan JKR di negeri Johor dari mula diberi konsesi hingga sekarang?

YB Speaker : Yang Berhormat Bekok, jemput

YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 6.

Nyatakan peruntukan yang dihulurkan oleh kerajaan negeri untuk kempen "lubang jalan raya sifar" dan hasilnya serta ke semua syarikat konsesi yang berkenaan secara terperinci mengikut daerah dalam negeri Johor?

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan daripada Yang Berhormat Tanjung Puteri dan juga Yang Berhormat Bekok bertanyakan tentang maklumat dan juga prestasi serta peruntukan bagi kerja-kerja penyelenggaraan jalan.

Sejak bermula daripada September 2015, kerajaan negeri telah mengambil pendekatan untuk menyelenggara jalan-jalan negeri secara prestasi. Dua syarikat yang telah dilantik adalah Amona Infra Care Sdn. Bhd. bagi menyediakan perkhidmatan ke 5 daerah iaitu Segamat, Muar, Tangkak, Kluang dan Batu Pahat. Syarikat yang kedua yang dilantik oleh kerajaan ialah Teto Engineering Sdn. Bhd. yang menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan bagi 5 daerah yang seterusnya iaitu Johor Bahru, Kulai, Kota Tinggi, Pontian dan Mersing.

Prestasi kerja syarikat konsesi bagi kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan di negeri Johor adalah dalam keadaan baik dan memuaskan. Oleh kerana syarikat konsesi ini masih baru, terdapat sedikit kelemahan yang boleh diperbaiki antaranya kawalan ke atas kontraktor-kontraktor kecil yang telah dilantik.

Untuk makluman Ahli Dewan, sejak penyelenggaraan jalan-jalan negeri dijalankan secara konsesi, pada tahun 2013, 240 kontraktor yang terlibat dalam kerja-kerja penyelenggaraan. Dan pada tahun 2016, telah meningkat sebanyak 791 kontraktor yang terlibat di dalam kerja-kerja penyelenggaraan di kesepuluh daerah yang mana daripada 791 bilangan kontraktor, 10% adalah kontraktor-kontraktor India.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan negeri telah menyalurkan peruntukan yang besar untuk melaksanakan Program Jalan Raya Sifar Lubang. Peruntukan sebanyak RM799,897.00 sebulan merupakan kos bagi kerja-kerja menampal *port hole*, dengan izin. Pada tahun 2015, hasil daripada peruntukan tersebut, syarikat-syarikat konsesi telah berjaya pada tahun 2015 menampal lubang-lubang di jalan-jalan raya dengan keluasan 4,492 meter persegi. Pada tahun 2016, jumlah penampalan, kerja-kerja penampalan lubang-lubang di jalan raya adalah seluas 34,854 meter persegi dan pada tahun ini 2017, kerja-kerja penampalan yang telah dijalankan adalah meliputi kawasan seluas 8,926 meter persegi. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat Tanjung Puteri, jemput.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Terima kasih Tan Sri Speaker dan juga terima kasih kepada YB EXCO yang telah menjawab dengan *detail* akan perkara-perkara yang saya tanyakan. Dalam masa yang sama, saya ingin mengemukakan soalan tambahan yang mana pada masa ini prestasi yang ditunjukkan adalah baik dan memuaskan, Alhamdulillah. Ada kemungkinan ianya di sebaliknya apabila masa-masa akan datang, kerana pada masa ini juga dah ada kontraktor-kontraktor kecil yang di *award* kepada mereka mengatakan yang bayaran kepada mereka ini ada lambat sikit. Jadi, saya nak bertanya adakah pihak kerajaan apabila membuat pilihan kepada kontraktor-kontraktor ini adalah kontraktor yang betul-betul berwibawa dan mempunyai kewangan yang cukup untuk mendahulukan bayaran kepada kontraktor-kontraktor kecil. Sekian.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, antara matlamat tujuan, matlamat kerajaan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan secara prestasi ini, adalah untuk memastikan bahawa kontraktor akan dapat memberi khidmat penyelenggaraan jalan dengan lebih efisien berbanding dengan konsep konvensional.

Yang keduanya, dapat menjalankan kerja-kerja pemantauan yang lebih rapi melalui JKR Ronda yang memantau kemajuan-kemajuan kerja penyelenggaraan serta lain-lain skop kerja. Berdasarkan kepada prestasi perbelanjaan yang merupakan salah satu daripada kayu pengukur kepada pencapaian atau prestasi kontraktor, selain daripada KPI yang telah ditetapkan, perbelanjaan bagi tahun 2016 adalah sebanyak 92% yang telah dibelanjakan dan ini menjadikan di mana matlamat dan tujuan untuk menyelenggara jalan-jalan ini secara prestasi ni telah pun mencapai matlamatnya. Walau bagaimanapun, saya ambil maklum teguran daripada Yang Berhormat Tanjung Puteri untuk menambah baik lagi tindakan yang diambil oleh pihak Jabatan Kerja Raya dan juga pihak kontraktor yang terlibat.

YB Speaker : Jemput.

YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Kempen Lubang Jalan Raya Sifar ini kita memang tahu baik tetapi kita masih nampak banyak lubang lagi. Banyak aduan yang saya menerima daripada rakyat. Apakah sebenar

masalah asalnya? Mengapa lepas tampal masih banyak lubang lagi? Adakah masalah ini adalah kerana pembinaan jalan raya dengan bahan yang kurang berkualiti atau yang tidak mencukupi?

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, antara perkara-perkara yang diberi tumpuan kepada peralihan kaedah penyelenggaraan daripada konvensional kepada kaedah prestasi ini, adalah untuk memastikan supaya kontraktor utama itu dapat melaksanakan intervensi terhadap kerja-kerja yang dibuat oleh kontraktor-kontraktor kecil. Tidak hanya berasaskan kepada siap kerja, maka mereka dibuat bayaran. Tetapi dengan cara penyelenggaraan secara prestasi ini, di mana kontraktor utama bertanggungjawab atas kesempurnaan kerja-kerja yang dijalankan.

Saya ingin merujuk perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bekok ini adalah lebih kepada kawasan-kawasan di mana kita sememangnya menghadapi keadaan jenis tanah yang bermasalah. Maka dengan itu kita terpaksa berbalik semula kepada peruntukan yang disediakan untuk menyelenggara kawasan-kawasan tersebut tapi secara keseluruhannya, seperti mana yang saya katakan tadi, bahawa antara KPI dalam menentukan kesempurnaan kerja termasuklah berdasarkan kepada peratus perbelanjaan yang mana ianya melebihi daripada 90% yang telah dibelanjakan untuk tujuan tersebut. Terima kasih.

YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Tan Sri Speaker...

YB Speaker : Jemput.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih Tan Sri Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO. Soalan tambahan saya ialah kita selalu nampak keadaan di mana di setengah-setengah kawasan atau di sesetengah jalan, kita nampak jalan itu masih baik lagi tetapi di korek juga untuk dibuat apa ni, diselenggarakan. *So*, saya nak tahu apakah sebenarnya kriteria-kriteria yang telah ditetapkan untuk membolehkan jalan khususnya yang berlubang itu diselenggarakan atau jalan yang baik pun dikorek dan diselenggarakan semula. Ini yang pertama.

Yang kedua ialah jalan-jalan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat EXCO tadi ialah termasuk jalan-jalan persekutuan tak atau hanya jalan -jalan negeri sahaja. Ini soalan saya, terima kasih.

YB Speaker : Ok, jemput YB.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Ia hanya melibatkan jalan-jalan negeri sahaja Yang Berhormat, sepanjang lebih kurang 2,300 kilometer bagi negeri Johor. Sementara kerja-kerja pengorekan jalan Yang Berhormat maksudkan, saya ingin kaitkan kepada keadaan ataupun suasana di mana tak dapat dielakkan kadang kala kerja-kerja jalan terpaksa juga disiapkan dan kerja-kerja penanaman utiliti dibuat selepas jalan disiapkan. Sebab itu kadang-kadang Yang Berhormat lihat walaupun jalan diturap kemudian di korek semula oleh kerana kerja-kerja pemasangan utiliti itu yang biasa dilakukan.

Saya mengambil maklum perkara ini Yang Berhormat Tan Sri dan pihak-pihak yang terlibat sentiasa sahaja mengadakan perbincangan sedapat-dapatnya cuba

dielakkan daripada kerja-kerja jalan yang dah siap itu di korek semula oleh kerana kerja-kerja penanaman utiliti. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat Gambir.

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) bagi pihak YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 7.

Pelbagai aduan diterima daripada pemohon-pemohon Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) khususnya berkaitan pinjaman permohonan mereka ditolak. Apakah usaha seperti Skim Sewa Beli dapat diwujudkan bagi membiayai permohonan Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ)?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat pagi, salam sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan negeri menyedari antara keperluan utama rakyat dalam proses pembelian rumah ini adalah pembiayaan pinjaman perumahan. Maka kerajaan negeri telah memperkenalkan beberapa inisiatif untuk membantu rakyat bagi menangani permasalahan pembiayaan perumahan ini.

Pertama, kerajaan negeri telah memperkenalkan dan mempergiat Skim Sewa Beli bagi Rumah Mampu Milik, Skim Sewa Beli yang merupakan salah satu penyelesaian kepada permasalahan pembeli-pembeli rumah bagi mendapatkan pembiayaan dari institusi-institusi kewangan sedia ada.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Skim Sewa Beli ini sebenarnya telah pun dilaksanakan di negeri Johor sejak tahun 1960an lagi. Tetapi pada ketika itu hanya melalui sistem manual. Skim Sewa Beli ini telah diperluaskan pada waktu itu di seluruh daerah negeri Johor yang mana ia melibatkan projek-projek rumah awam kos rendah. Jumlah keseluruhan unit rumah yang telah ditawarkan untuk Skim Sewa Beli sejak tahun 1960an ini adalah sebanyak 6,264 unit rumah yang melibatkan sebanyak 69 buah projek perumahan. Ini yang direkodkan sejak tahun 1960an ini melalui rekod pinjaman mudah kerajaan negeri dengan kerajaan persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan negeri terus memberikan kemudahan Skim Sewa Beli ini kepada rakyat melalui beberapa projek perumahan di bawah kerajaan negeri untuk dijadikan Skim Sewa Beli seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada tahun 2014. Dalam Bajet 2015, sebanyak 5,000 unit rumah dijadikan Skim Sewa Beli secara berperingkat. Antaranya ialah projek-projek perumahan Rumah Pangsa Kangkar Pulai, Rumah Pangsa Taman Cendana, Projek Perumahan EDL dan yang terbaru ialah Rumah Pangsa Bandar Seri Alam.

Kerajaan negeri melalui Pejabat Setiausaha Bahagian Perumahan akan menawarkan skim Sewa Beli ini khusus kepada projek-projek perumahan yang dibiayai oleh kerajaan negeri. Jumlah pembeli terkini yang ditawarkan skim ini melalui Bajet 2015 sehingga 31 April 2017 adalah sebanyak 3,200 orang. Dijangkakan jumlah ini akan terus meningkat bila ada tawaran-tawaran baru kepada bakal-bakal pembeli. Di atas keprihatinan kerajaan negeri Yang Berhormat Tan Sri Speaker, melalui ucapan Bajet 2017, telah diperuntukkan sebanyak RM20 juta bagi disalurkan untuk tujuan membeli rumah dalam skim ini untuk rumah-rumah yang berharga RM42,000.00 iaitu Perumahan Komuniti Johor A dan juga Perumahan Komuniti Johor B yang harganya RM80,000.00. Inisiatif ini akan diperluaskan ke

seluruh negeri Johor bagi memberi peluang kepada bakal-bakal pembeli yang berkelayakan untuk membeli rumah kediaman ini. Kita percaya peruntukan RM20 juta ini juga tak dapat untuk menampung keseluruhan.

Satu lagi Yang Berhormat Tan Sri Speaker, inisiatif kita ialah dengan kerajaan negeri telah mewujudkan Skim Pembiayaan Rumah Mampu Milik dengan usaha sama antara kerajaan negeri Johor dengan AmBank Islamic iaitu dengan dana yang kerajaan negeri peruntukkan sebanyak RM300 juta. Skim ini telah dilancarkan pada September 2016 dan ia merupakan satu pencapaian kerajaan negeri iaitu kita merupakan negeri yang pertama di Malaysia yang melaksanakan pembiayaan seperti ini untuk rakyatnya.

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker...

YB Speaker : Jemput.

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Tentang Skim Sewa Beli ini. Tadi disebut bahawa rumah yang terlibat ialah RM40,000.00 dan juga RM80,000.00. Jadi, golongan yang macam mana sebenarnya yang dapat yang boleh menyertai skim sewa beli ini. Adakah termasuk juga golongan yang mungkin sebenarnya mampu untuk beli rumah mampu milik atau pun ada cadangan ke untuk di lanjutkan kepada mereka yang mungkin membeli rumah RM150,000.00 yang tak dapat pembiayaan daripada bank.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Sewa beli ini memang buat masa ini kita khususnya untuk mereka-mereka yang layak dan menerima tawaran sijil pemilikan untuk rumah-rumah Perumahan Komuniti Johor A, dan B yang harganya RM42,000.00 dengan RM80,000.00 kerana apa nama tu mereka ini syarat-syaratnya antaranya ialah pendapatan yang tak lebih kalau RM42,000.00 pendapatan isi rumah tak lebih RM3,000.00 dan untuk RM80,000.00 pendapatan isi rumah tak lebih daripada RM5,000.00.

Selain daripada itu, skim ini terbuka kepada apa nama warga negara Malaysia yang duduk di Johor sama ada berkahwin ataupun duda ataupun janda dan tidak memiliki apa-apa rumah ataupun tapak rumah untuk dibina apa nama itu rumah. Untuk permohonan, makna satu pasangan suami isteri dia boleh mohon satu aje. Kecuali kalau ada isteri yang kedua ketiga itu dia kena mohon atas isteri yang kedua atau ketiga itu. Walau pun warga negara Malaysia dia mestilah apa nama ni kelahiran negeri Johor.

Untuk yang lahir daripada luar Johor diberikan syarat tambahan maknanya sekurang-kurangnya mereka mesti tinggal di Johor tidak kurang daripada 10 tahun, daripada segi umur pula kelayakan mereka ialah 18 tahun hingga 50 tahun. Lepas 50 tahun kita tak galakkan untuk menyertai Skim Sewa Beli ini.

YB Speaker : Jemput.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih Tan Sri Speaker, soalan tambahan. Yang Berhormat EXCO tadi katakan ada 20 juta dibekalkan untuk Skim Sewa Beli. Saya ingin tahu sama ada merekakah yang pemohon itu yang apa ini ditolak kalau memohon *loan* daripada bank ditolak diberi ada ni *priority* terlebih dahulu dalam skim 20 juta yang ditawarkan itu, sama adakah mereka diberi *priority*

lebih dahulu daripada pemohon-pemohon yang lain. Sebab mereka sebenarnya yang lebih perlukan, saya minta jawapan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita ada 2 pilihan kepada mereka yang permohonan pinjaman ditolak oleh bank. Mana-mana peminjam yang layak atau mana-mana mereka yang telah terima sijil untuk memiliki rumah mampu milik ini, bila dia mohon kepada bank tolak, mereka boleh mohon pembiayaan melalui skim apa nama itu dengan Ambank tadi. Tapi untuk yang Skim Sewa Beli ini dia tak automatik dia kena mohon juga, tapi hanya untuk buat masa ini yang Perumahan Komuniti Johor A dan Perumahan Komuniti Johor B. Yang RMMJ RM150,000.00 tu kita galakkan untuk dia mohon ke apa nama ni skim Ambank, tapi dia kena mohon, dia bukan automatik, dia kena mohon.

YB Speaker : Pasir Raja Yang Berhormat.

YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Berkenaan dengan aduan Tan Sri Speaker ialah berkaitan dengan apabila satu projek perumahan mampu milik diumumkan masalah yang kita nak cari jalan penyelesai ialah portal perumahan ni yang diwujudkan tetapi waktu dia mohon tu portal tak isytihar lagi, portal aduan tu tidak dibuka lagi, maka orang dah mohon. Bila orang mohon setahun tak dapat. Maklumat adakah mereka masih lagi dikira sebagai pembeli atau kena mohon semula. Ini yang banyak berlaku dalam aduan rumah mampu milik. Tanya penjelasan daripada EXCO.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk rumah-rumah mampu milik ni, Setiausaha Bahagian Perumahan akan naik muatkan dalam portal ini selepas pemaju-pemaju perumahan ini mendaftarkan unit-unit yang Rumah Mampu Milik Johor ini. Kemudian bila pemohon apa nama mohon, pemohon sebenarnya amat permohonan melalui *online*. Mereka,Setiausaha Bahagian Perumahan ini akan tengok mengikut zon yang dimohon itu. *So,* bila telah dikumpulkan pemohon-pemohon dalam zon yang ada projek perumahan itu maka SUK Perumahan akan pilih yang layak berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Sebaik sahaja jumlah mereka yang telah layak untuk diberikan sijil pemilikan ini maka SUK Perumahan akan berikan surat tawaran kepada mereka. *So,* surat tawaran ini dalam masa sebulan mereka mesti dapatkan pembiayaan. Kalau lepas sebulan tak dapat pembiayaan, bank tolak dan sebagainya mereka boleh datang SUK Perumahan untuk melanjutkan tempoh apa nama itu sijil layak ni dan sijil layak ini boleh diperbaharui sebanyak 3 kali, bulan pertama, bulan kedua dan bulan ketiga.

Jadi kalau sampai bulan yang ketiga mereka tak dapat juga pembiayaan, sama ada mereka tak dapat pembiayaan ataupun mereka juga tak dapat daripada Ambank dan sebagainya maka rumah itu akan ditawarkan kepada orang lain apa ni untuk dimohon. Dan dari segi apa nama maklumat ni kepada pembeli-pembeli ini Tan Sri Speaker, mereka akan maklumkan secara individu. Dia tak akan keluarkan dalam bentuk senarai dalam portal dan sebagainya.

YB Speaker : Yang Berhormat Machap jemput.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker soalan nombor 8.

Sejauh manakah Program Galakan Usahawan oleh Jabatan Pertanian membantu meningkatkan taraf pendapatan pekebun-pekebun?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Machap bertanyakan sejauh manakah Program Galakan Usahawan oleh Jabatan Pertanian membantu meningkatkan taraf pendapatan pekebun-pekebun. Sebelum saya menjawab soalan saya perlu menerangkan tentang Program Galakan Usahawan yang telah diberikan dalam negeri Johor ini.

Bagi meningkatkan dan menggalakkan aktiviti pertanian, pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh kerajaan negeri untuk meningkatkan taraf pendapatan petani Johor. Ini termasuklah inisiatif yang berterusan daripada Program Galakan usahawan melalui Pertama, Program Pembangunan Pertanian (PPP) dan juga Program Peningkatan Industri Kecil yang dijalankan saban tahun. Peruntukan Program Pembangunan Pertanian ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu Pembangunan Tanah Terbiar (PTT) dan Projek Tanaman Fertigasi (PTF).

Bagi PTT, kerajaan negeri memberi bantuan pada mereka yang layak untuk membangunkan tanah terbiar sama ada milik persendirian ataupun sewaan. Bantuan diberikan termasuk pembersihan kebun, pembinaan jalan ladang, penyediaan tanah, sistem pengairan dan *input* ladang termasuklah benih dan baja.

Bagi PTF, terdapat 7 pakej bantuan diberikan untuk membantu usahawan mengembangkan aktiviti pertanian moden mereka melalui kaedah tanaman secara fertigasi. Bantuan yang diberikan meliputi bahan *input*, sistem perlindungan hujan, perlindungan serangga perosak dan sistem pengairan.

Secara puratanya, bantuan PTT tanah terbiar minima yang kita bagi RM10,000.00 dan juga PTF Fertigasi maksima RM30,000.00 mampu menjimatkan kos untuk satu musim tanaman kontan yang diusahakan. Ini bermaksud petani yang menerima bantuan ini akan dapat keuntungan yang lebih daripada jumlah yang biasa kesan daripada pertambahan bilangan pokok yang ditanam dan juga bilangan ekar yang ditambah.
Selain itu khidmat perundingan dan nasihat daripada Jabatan Pertanian juga dijamin mampu mengurangkan kerosakan tanaman di samping mengurangkan kos penyelenggaraan dan akhirnya membawa kepada penambahan jumlah pendapatan usahawantani Johor. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat Machap jemput.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker soalan tambahan. Kita melihat bagaimana usaha yang dimainkan oleh Jabatan Pertanian dalam Program Galakan Usahawan untuk menambahkan taraf pendapatan penduduk terutama pekebun kecil. Dalam usaha ini kemungkinan ada golongan yang dibantu yang mengalami kegagalan dalam mengusahakan pertanian ataupun sebagainya. Jadi adakah mereka ini dibimbing untuk membolehkan mereka meneruskan program yang dipohon untuk diusahakan dan ada juga kemungkinan peralatan-peralatan yang diberi kepada golongan ini,

adakah ditarik semula untuk diberikan kepada golongan yang lebih memerlukan. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker di bawah Program Galakan Usahawan, kita memang sentiasa memantau penerima-penerima bantuan yang kita berikan. Kalau pekebun-pekebun pemantauannya berbeza dengan pihak yang menerima barangan peningkatan industri kecil. Bagi pekebun-pekebun, kami pihak jabatan akan memantau setiap musim tanaman dan juga tentunya kami akan menilai pengeluaran hasil dan benih yang telah kami berikan kepada mereka. Secara tidak langsung kita akan melihat pencapaian-pencapaian.

Kalau kita lihat Program Fertigasi khususnya program teknologi yang kita telah perkenalkan 2 tahun yang lalu, kita dapat melihat kebaikan-kebaikan ataupun penambahbaikan yang telah kita lakukan. Kalau sebelum ini kita memberikan Program Fertigasi bentuk *polybag* kita telah meningkatkan lagi pemberian bantuan dalam bentuk *nutri pot* yang lebih menjamin penggunaannya untuk melebihi 2 hingga 3 tahun peralatan yang kita bagi.

Begitu juga mesin yang dikatakan tadi oleh YB Machap tentang usahawan kecil yang gagal memanfaatkan peruntukan ataupun mesin yang kita berikan. Kita melihat memang berlaku, setengah-tengahnya sebahagian kecilnya bila kita lihat kegagalan memanfaatkan program ini, kita beri khidmat nasihat dan juga kita menghantar mereka-mereka ke kursus-kursus yang berkenaan dan jika mereka gagal melalui proses-proses yang telah kita lakukan, mesin ini akan kita tarik balik kerana mesin ini telah kita apa ni, telah kita maklumkan kepada pihak penerima adalah milik Jabatan Pertanian, walaupun kita telah serahkan kepada mereka. Ini pihak IKS sedia maklum tentang mesin-mesin yang telah kita berikan ini. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. PGU mendapat sambutan positif daripada peserta-peserta luar bandar khususnya. Jadi soalan saya, adakah pihak kerajaan negeri memikirkan untuk menambahkan peruntukan PGU kepada usahawan-usahawan kecil bagi meningkatkan taraf ekonomi mereka. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Terima kasih Yang Berhormat Buluh Kasap. Terima kasih di atas sokongan terhadap Program Galakan Usahawan, untuk makluman Yang Berhormat Speaker bahawa peruntukan PGU pada tahun ini sebanyak RM3 juta telah habis kita belanjakan. Kita faham semakin ramai yang berminat untuk mendapat manfaat daripada program ini. Jadi saya juga telah menerima banyak permohonan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat khususnya pemohon daripada kawasan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Jadi atas sokongan daripada Ahli Yang Berhormat juga, Jabatan Pertanian, kita sedang mengumpulkan data-data untuk kita mohon peruntukan tambahan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya meningkatkan lagi

peruntukan untuk tahun ini dan juga kita mengharapkan pada tahun hadapan peruntukan yang diberikan RM3 juta dipertingkatkan kepada RM5 juta supaya kita dapat melahirkan lebih ramai lagi. Terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Speaker : Yang Berhormat Parit Yaani, jemput.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan (Parit Yaani) : Tan Sri Speaker, soalan nombor 9.

Berapa banyak peruntukan yang disediakan oleh kerajaan Johor dan berapa ramai pelajar yang mendapat manfaat dari biasiswa Dato' Onn atau seumpamanya?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan : Bismillahirahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh, salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Biasiswa Kenangan Dato' Onnadalah satu inisiatif Kerajaan Negeri Johor di bawah Yayasan Pelajaran Johor. Mula diperkenalkan pada tahun 1984, dengan kadar pemberian adalah sebanyak RM600.00 sehingga RM1,000.00 setahun. Biasiswa ini ditawarkan kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga tingkatan 6 dari seluruh negeri Johor dari kalangan keluarga yang berpendapatan RM2,000.00 ke bawah. Sehingga Disember 2016, seramai 12,800 orang pelajar telah menerima bantuan Biasiswa Kenangan Dato' Onn ini.

Bagi tahun 2017, sebanyak RM300,000.00 telah diperuntukkan dengan anggaran 400 orang penerima baru. Manakala bagi pelajar sedia ada pula, melibatkan peruntukan RM700,000.00 dengan jumlah penerima seramai 951 orang. Untuk 5 tahun kebelakangan ini, iaitu dari tahun 2012 hingga 2016, kerajaan telah pun membelanjakan sejumlah RM4,097,000.00 untuk Biasiswa Kenangan Dato' Onn. Terima kasih.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja soalan-soalan lisan yang dapat kita kemukakan pada pagi ini. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam persidangan yang sama.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Perbahasan itu disambung sekarang selepas saya menangguhkan Persidangan ini buat sementara, Yang Berhormat Kukup akan menyambung Perbahasan ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan persidangan ini 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 10:40 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11:00 pagi.

YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli Yang Berhormat Persidangan disambung semula. Sila, Kukup.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Bismillahirahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam Muafakat Johor. (Selawat).

YB Speaker : Lahir sekolah agama ni.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberipeluang kepada Kukup untuk menyertai Perbahasan dalam Usul Menjunjung Kasih Di Atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dalam pembukaan penggal Persidangan Kelima bagi Dewan Negeri Johor yang ketiga belas pada 4 Mei yang lalu. Umum mengetahui bahawa nun di Selatan Johor ini ada sebiji mutiara yang dipanggil Mutiara Johor, yang saya maksudkan itu adalah sebutir Mutiara Johor itu ialah Tanjung Piai atau lebih khusus DUN Kukup. Kerana apa, Yang Berhormat Dato' Speaker dan juga sidang Dewan sekalian, pasal di sanalah terdapatnya 3 tapak Ramsah daripada 4 tapak Ramsah di dalam Malaysia, 3 di Kukup.

Tidak cukup dengan itu, di Kukup juga kerana lebih separuh daripada sempadannya adalah dikelilingi oleh air, ia juga merupakan satu tempat yang paling strategik untuk ekopelancongan. Di samping itu, umum mengetahui bahawa di Kukup juga adalah tempat pusat pemancing ikan-ikan bersaiz mega yang terdapat di dalam Negeri Johor ini. Tidak cukup dengan itu, kita juga tahu di Kukup itu juga merupakan satu tempat ternakan ikan dalam sangkar antara yang terbesar dalam Malaysia. Malah di Jeti Kukup merupakan antara jeti yang paling sibuk di Johor ini menghubungkan antara Johor dan juga Indonesia. Malah, ianya boleh dikembangkan lagi kalau kita majukan lagi Jeti Kukup itu untuk membawa pelancong-pelancong daripada Singapura dan sekarang ini kita ada daripada Tanjung Balai dan Batam. Kita juga maklum bahawa ikan di Kukup itu adalah ikan yang paling enak dalam Negeri Johor ini pasal terdapatnya plankton yang tidak terdapat daripada mana-mana pantai dalam Negeri Johor. Jadi itu, ikan di Kukup harganya sekitar 30, 40% lebih mahal daripada mana-mana ikan dalam daerah-daerah lain dalam Negeri Johor.

Kita di Kukup ini amat beruntung bila diumumkan jambatan baru bernilai lebih RM600 juta yang akan menghubungkan Nusajaya dan juga Kukup. Secara tidak langsung memendekkan perjalanan daripada Kukup sebelum ini untuk ke Johor Bahru sekitar 1 jam hingga 1 jam setengah kepada kurang daripada 20 minit. Ini akan menjadikan Kukup seolah-olah kembar ataupun adik kecil kepada Nusajaya.

Seterusnya, jajaran benteng-benteng sepanjang Kukup ini mempunyai satu tarikan tersendiri iaitu ianya boleh dijadikan sebagai trek-trek untuk basikal dan juga motosikal lasak dengan menikmati panorama yang sangat cantik. Justeru itu, kalau kita lihat dah banyak pelabur-pelabur nak masuk kat Kukup. Kita dah ada *Tanjung Bin Power Plant,* kita dah ada ATV, kita ada juga Benalec sedang membina loji petroleum bersepadu dan berbagai-bagai lagi pembangunan yang kita dengar ingin masuk ke Kukup. Justeru itu, perkara pertama yang Kukup ingin mencadangkan di sini ialah kita tahu banyak pembangunan di Johor ini adalah *private sector driven,* dengan izin. Maksudnya, dicadangkan, diolah oleh swasta, pihak kerajaan cuma kata orang membetulkan *alignment*nya, membetulkan peraturannya dan memantau perkembangannya. Apa yang Kukup mohonkan di sini ialah kita ada satu tempat yang sangat strategik, tidak jauh daripada Nusajaya ini yang sangat berpotensi untuk dimajukan, Kukup risau kalau kita benarkan *private sector* ataupun pihak swasta ini yang membangunkan tanpa perancangan yang teliti, tanpa koordinasi yang betul akan menyebabkan pembangunan ini tidak tersusun dan tidak cantik.

Justeru itu, zaman sekarang, teknologi sekarang, kerajaan sekarang juga sebenarnya boleh bergerak ke arah satu lagi corak pentadbiran iaitu yang kita panggilkan *government control driven,* untuk projek-projek seperti ini. Di mana saya mencadangkan kalau tidak boleh diwujudkan Lembaga Pembangunan Kukup mungkin sekadar T*ask Force* Pembangunan Kukup haruslah diwujudkan. Jadi, kita lihat Kukup yang begitu banyak potensinya ini kalau kita gunakan agensi-agensi yang sedia ada, yang tidak mengkhusus kepada pembangunan itu sudah barang tentu pembangunan itu akan dilihat sebagai *ad-hoc* sahaja, tidak ada orang yang memberikan fokus dan juga tumpuan sepenuh masa untuk membangun Kukup. Saya ambil contoh, kita tahu kita nak perkenalkan ekopelancongan di Kukup, tetapi siapakah yang kerjanya hari-hari jumpa nelayan, hari-hari bincang dengan *contact* nelayan, hari-hari berbincang dengan agensi-agensi yang berkaitan, supaya ada *target*nya sebulan, 2 bulan semua bot nelayan itu diubahsuai kepada kehendak bot yang selamat untuk membawa pelancongan, siapa, siapakah pula yang lepas ini akan menabur luaskan maklumat mengenai Kukup, memanggil semua pelancong seantero dunia datang ke Kukup untuk menikmati pakej-pakej pelancongan di sana, siapa? Ia tidak boleh dibuat sebagai *ad-hoc* ataupun kita letak antara sebahagian kecil ataupun satu unit dalam satu jabatan tertentu tapi ianya haruslah diletakkan di bawah satu kawalan yang tertumpu, yang khusus untuk membangunkan Kukup ini. Kita lihat tanpa LADA mana mungkin Langkawi begitu hebat, begitu terkenal seantero dunia sekarang ini. Tanpa LADA juga, mana mungkin LIMA akan dibuat di sana. Jadi, kita lihat kesan bila ditumpukan, bila kita apa ni kerajaan mengawal pembangunan itu secara serius kita akan mendapati pulangan yang juga sangat hebat dan sangat serius sementelah lagi Kukup sangat dekat dengan Nusajaya. Jadi, Kukup mencadangkan agar ditubuhkan satu *Task Force* ini ataupun satu badan atau satu Lembaga ini untuk mengawal selia pembangunan Kukup merancang pembangunan industrinya di mana, kilangnya di mana, komersialnya di mana, rumahnya di mana, macam mana nak kaitkan rumah-rumah, kampung-kampung di Kukup ini supaya kembang, biak dan maju setanding dengan pembangunan di sekitar Kukup itu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, yang keduanya, kita biasa melihat jalan-jalan persekutuan ataupun jalan-jalan dalam Majlis Perbandaran dan kita juga selalu lihat dan selalu juga menghadapi masalah jalan-jalan persekutuan yang melintasi kampung-kampung, melintasi sekolah-sekolah bentuknya, d*esign*nya sama saja dengan melalui hutan eh, melalui jalan-jalan biasa ataupun melalui kampung-kampung kecil, saya bagi contoh, sepatutnya jalan yang melibatkan jalan *federal* apabila melalui satu kampung tertentu telah di *design*kan atau direka corak mengikut kesesuaian jalan yang dekat dengan kampung.

Pertamanya, kena ada *side table* atau pinggir jalan yang cukup luas, kemudian diukir ataupun di bentukan pula supaya jalan itu digunakan untuk basikal, digunakan untuk budak-budak sekolah, dilengkapkan dengan papan tanda, dengan pembahagi jalan, dengan pokok bunga dan sebagainya nak membezakan ini adalah jalan sekolah, jalan orang kampung. Pasal apa, sekarang ini masalah yang saya ambil contoh di antara jalan Bandar Pontian ke Kukup melintasi beberapa pekan-pekan kecil dan juga kampung, melintasi banyak sekolah-sekolah agama, sekolah rendah dan sekolah kebangsaan. Budak-budak sekolah ini, pelajar-pelajar sekolah ini, menumpang pakai jalan yang besar itu, menggunakan pakai kalau tidak ada jalan tidak bertar, dia akan gunakan jalan yang tidak bertar di tepi jalan utama. Jalan ini sangat tidak selamat kalau mereka menumpang jalan yang digunakan oleh lori dan kereta banyak kemalangan boleh berlaku.

Jadi, saya mencadangkan agar pihak Jabatan Kerja Raya selepas daripada ini, semua jalan yang melalui kawasan kampung, sekolah dan sebagainya dah ada perabot jalan, yang *standard*, mestilah dah ada keluasan untuk budak sekolah, untuk naik basikal sekitar 1 hingga 2 kilometer sehinggalah ke rumah yang terakhir menghantar anaknya ke sekolah itu. Kalau pelajar itu 2 kilometer daripada sekolah, kita buatkan laluan basikal supaya tidak perlu lagi emak bapak risau nak hantar anak ke sekolah. Sekarang ini, dewasa ini, rumah kita 500 meter daripada sekolah pun kita hantar anak kita sendiri, pasal tak berani kita lepaskan anak kita naik basikal ke sekolah pasal takut dia jalan, melintasi jalan besar, lalu di tepi jalan besar, dihimpit oleh lori dan kereta dan sebagainya. Jadi, kalau kita dapat buat *design* ini, saya rasa, insya-Allah ianya akan dapat mengurangkan kos kepada rakyat dan juga menyeronokkan pelajar-pelajar yang ke sekolah, ibu bapa tak perlu risau ke mana anak mereka pergi selamat atau tidak selamat anak mereka ke sekolah dan balik daripada sekolah.

Yang ketiga, Yang Berhormat Dato' Speaker, kita ada satu Stadium Hoki di Johor ini yang begitu gah di Taman Daya. Ini merupakan *venue* untuk kejohanan-kejohanan hoki bertaraf antarabangsa. Tapi, malangnya dewasa ini kita lihat penyelenggaraan stadium ini semakin lama semakin menurun prestasi ataupun keadaannya, lihatlah bilik air, lihatlah bilik persalinan pemain-pemain eh, najis tidak dapat disalurkan kepada tempat yang sepatutnya, air juga mempunyai masalah di situ, keadaan struktur apa tu lampu dan sebagainya juga sering berlaku kerosakan. Jadi, bila ada kejohanan besar masa itulah kita perbaiki. Saya juga dimaklumkan bahawa ada permohonan daripada Persatuan Hoki untuk mengambil alih stadium hoki ini dengan alasan buat masa ini kita kenakan bayaran RM100.00 untuk satu jam setengah penggunaan waktu siang dan RM500.00 untuk satu jam setengah untuk penggunaan malam. Mana ada sekolah-sekolah yang mampu hantar pelajarnya waktu malam belajar hoki, *practice* hoki dengan kadar RM500.00. Kita nak menghantar pasukan untuk bertanding mana cukup berlatih sekali atau 2 kali. Kalau kita berlatih 10 kali dah RM5,000.00 pula kos untuk berlatih sahaja. Jadi, kita dah ada satu persatuan, persatuan ini juga mempunyai kreativiti menarik penajaan, untuk melakukan, melaksanakan pelbagai program sukan yang melibatkan hoki, kenapa tidak stadium ini diberilah kepada satu persatuan yang juga dinaungi oleh kerajaan supaya persatuan ini boleh memberikan mungkin bayaran yang sangat minima kepada sekolah untuk penggunaan hoki supaya stadium hoki ini dapat digunakan hari-hari. Stadium hoki ni tidak macam stadium lain Yang Berhormat Dato' Speaker. Kurang penggunaan menyebabkan ia cepat rosak pasal kita guna *syntetic grass* ataupun rumput sintetik ini. Ia perlu di pakai digunakan hari-hari supaya rumput ini, padang ini lebih anjal, lebih baik dan mencapai piawaian standard antarabangsa. Jadi, padang itu harus disiram hari-hari, harus digunakan hari-hari. Jadi, justeru itu saya merayu sangat, Dewan ini, kerajaan ini fikirlah, pindahkanlah apa ni, kuasa pengurusan itu kepada pihak persatuan supaya ianya dapat di urus, di jaga dan juga digunakan seoptimum yang mungkin.

Terima kasih Dato' Speaker. Barulah saya nak bawa pula isu-isu yang rakan-rakan pembangkang ramai pula tak ada. Panas juga telinga Kukup ni beberapa hari yang lepas dengar macam-macam cerita. Beginilah, kalau boleh saya simpulkan pada satu perkara. Kalau kita lihat buku saya ini, berapa berat diari yang di beri ini. Ini diari yang diberikan oleh Dewan Negeri. 100 gram? 200 gram? Soalannya, adakah penting 100 atau 200 gram itu? Berat atau tidak sesuatu buku ini, yang saya pegang ini adalah bergantung kepada berapa lama kita pegang buku ini. Kalau saya pegang setengah jam, berpeluh saya. Masuk satu jam, menggigil tangan saya. Masuk 5 jam agaknya macam mana keadaan saya, boleh pengsan

saya. Begitu jugalah dengan isu-isu semasa sebenarnya ini. Banyak isu yang diutarakan oleh pembangkang kita pada hari ini sebenarnya isu yang tak ada benda. Sangat kecil tapi pasal isu ini di simpan hari-hari. Hari pertama dia macam sakit hati, dah di hari-hari siang malam fikir pasal isu itu, fikir tak puas hati, fikir sakit hati, kecewa, geram, nak balas dendam, dengki, hari-hari difikirkan benda yang sama menyebabkan benda yang kecil itu makin hari di rasa makin berat. Bila dah sampai 4 tahun ini, kalau dari kita lihat dahulu PRU12 dia rasakan dia menang, masuk PRU13 tak menang lagi, masuk PRU14 ini dia dah rasakan mesti nak menang, jadi beban tekanan emosi psikologi itu menyebabkan mereka kata orang caca marba. Menyebabkan mereka ini tidak keruan, menyebabkan yang di cakap itu sebenarnya tidak serupa bikin dan tidak ada fakta dalam apa yang mereka utarakan. Saya sentuh satu persatu di sini Yang Berhormat Dato' Speaker.

Pertama, Stulang ni. Stulang ni bersembang sahajalah Yang Berhormat Dato' Speaker. Bagi saya bersembang sahajalah. Saya ambil contoh ceritalah senanglah, pasal dia semua tak ada fakta, dia cerita sembang. Stulang cakap apa? Saya tengok kata dia, dia bawa cerita kisah seorang makcik pergi pasar. Saya tengok makcik toleh itu ikan kembong beberapa kali toleh, tengok-tengok tak jadi beli. Dia cakap mahal, malah inilah yang berlaku kepada masyarakat kita dan jadi langsung tak payah fikir nak menabung jadi lantaran itu ramai yang terpaksa kerja sambilan kalau ada atau mencari jalan keluar yang lain. Nampak tak? Cerita ikan kembung, dikaitkan pula dengan menabung, dikaitkan pula mahal, dikaitkan pula kerja sambilan. Dia pusing kita semua supaya orang masyarakat ini macam, eh pening betul ikan kembung tu makcik tak beli pasal menabunglah, kata tak ada, mahallah, kemudian kita terpaksa bekerja sambilan nak beli ikan kembung. Dia ubah pemikiran minda kita itu ke arah itu. Makcik pergi pasar mana ada makcik tak tawar, mana ada makcik pergi tanya ikan kembung berapa RM5.00 wah, murah, tak ada. Tanyalah seluruh suri rumah satu dunia ni kalau pergi pasar semua akan cakap mahal dulu. Patutnya dia tunggu makcik tu. Mungkin makcik cakap mahal, pusing 5-6 kedai balik semula akan beli kedai mula-mula ditanya tadi tu. Pasal inilah cara orang kita tawar-menawar, inilah cara orang kita pergi pasar.

Kemudian yang keduanya, semenjak saya mengenali dunia ini tak pernah saya dengar orang bercerita, alamak barang kita tahun ini murah. Tak pernah. Barang itu akan meningkat dan terus meningkat. Itulah dinamakan peningkatan dalam kadar inflasi. Peningkatan harga umum. Semua barang dalam dunia ini akan naik cuma kadarnya itu beza. Selagi kadar itu dapat dikawal oleh kerajaan yang boleh diterima oleh rakyat, itu adalah kadar yang berpatutan. Tanpa inflasi, tanpa kenaikan harga barang mana boleh kita menaikkan gaji, sama ada sektor swasta atau sektor awam tak ada naik gaji kalau barang tak naik. Ini satu teori semua orang dalam ekonomi juga dah tahu. Inflasi mesti ada, pasal inflasi ini juga menambahkan apa tu, meningkatkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Pasal bila harga barang laku, terdapat permintaan yang banyak akan berkembanglah sesuatu ekonomi itu. Jadi, bagi saya Stulang ni, macam saya cakap tadi bersembang sajalah Yang Berhormat Dato' Speaker.

Kemudian kita lihat pula, dikaitkan pula dengan bekerjanya seramai 200 orang rakyat Johor hari-hari pergi ke Singapura ini dengan seolah-olah mengatakan bahawa ekonomi Johor sangat teruk. Harga barang naiklah, tak dapat menawarkan gaji yang setimpal menyebabkan orang Johor bekerja di Singapura. 200,000 orang satu hari. Kita semua tahu, kita duduk dalam satu ekonomi yang dipanggilkan *cross border economy*. Kalau kita ambil contoh Mexico dengan Amerika sama, Mexico dengan Amerika dan juga Kanada sama, di Britain juga sama. Jadi kepada negara yang mempunyai apa tu kadar tukaran yang lebih

tinggi, ekonomi yang lebih membangun, upah yang lebih tinggi, sudah barang tentu akan ada penghijrahan. Kalau tidak mana mungkin ada 1.9 juta pekerja asing yang datang ke Malaysia. Daripada Indonesia berapa ramai datang ke Malaysia. Jadi, sekarang saya nak tanya sebenarnya Pembangkang, dia hendak ekonomi kita yang macam mana? Dia hendak kalau ikut cara yang diceritakan oleh Stulang, dia *blame* pula apa tu CIQ kita yang *jammed* sepanjang hari katanya, melambatkan orang nak pergi Singapura, 2-3 jam sangkut di CIQ. Dia kalau boleh nak buat satu sistem, 5 minit orang semua dah pergi kat Singapura. Ha, itu pemikiran dia. Sebelum ini dia cerita jangan kasi orang kita berhijrah ke Singapura, tawarkan peluang pekerjaan sini. Kemudian dia cerita pula biarlah orang ni semua pergi ke Singapura, mudahkanlah.

Saya ambil contoh, seandainya ini adalah sebenarnya kalau dalam kaedah ekonomi kita kerajaan *control* paip, kita nak buka berapa besar air nak keluar, bergantung kepada kita ada strateginya di sini. Kalau katalah kita benarkan siapa sahaja orang Johor, siapa saja rakyat Malaysia nak kerja Singapura, 5 minit saja dah boleh sampai Singapura, mana agaknya sektor-sektor industri apa tu dan juga swasta, kerajaan mahu pun apa-apa sektor di negeri Johor ini hendak kita majukan? Semua orang Johor akan pergi Singapura. Ramai kita lihat orang di Johor ini yang ada setengah tu *Manager* dekat Johor ni, gaji dia RM5,000.00 tapi dapat tawaran apa tu, dia sendiri seorang profesional, *engineer,* dapat tawaran sebenarnya kerja sebagai pengurus KFC saja dekat Singapura, gaji dia SD3,000.00 tukar duit Malaysia, eh dah dekat RM10,000.00. Dia tinggalkan kerja yang RM5-6,000.00 di sini pasal sanggup kerja ke Singapura pasal mengejarkan gaji yang besar. Mana mungkin di Malaysia ini kita menawarkan pengurus KFC gaji RM10,000.00. Jadi, kalau kita buka ini, keringlah apa ni, *talent talent* di Johor ini akan berhijrah ke negara lain. Akan membangunkan Singapura dan kita lihat balik sejarah sebelum Singapura jadi begitu maju, lihat apa berlaku di Singapura. Mana hutan Singapura sekarang? Terpaksa ditebang, terpaksa dibangunkan, dibina bangunan-bangunan, dibina kilang dan sebagainya. Kita baru nak buat RAPID pun di bangkang. Satu sudut dia tak kasi kita maju. Satu sudut dia marah kita pula tak dapat menawarkan gaji yang tinggi. Satu sudut dia benarkan pula kita pergi kerja Singapura. Kalau mereka ini jadi kerajaan, hancur kerajaan negeri ini dan hancur kerajaan dalam negara ini. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Pekan Nenas ni pun satu hal. Saya tak faham ada satu watak yang macam ini. Semua buat, semua yang ada dekat apa ni, dalam kerajaan ni di pandang serong dan salah semata-mata. Saya ambil contohlah, dia cerita pasal jalan. Saya lebih berusia daripada dia. Saya lebih kenal jalan daripada Pengkalan Raja ke Pontian. Saya tahu struktur jalan itu. Jalan itu tanah gambut. Tanyalah EXCO JKR, peruntukan JKR setiap tahun mungkin sekali dua kali membetulkan jalan tersebut. Pasal strukturnya itu. Tambak ini hari tak sampai seminggu memang lekuk. Jadi, JKR Alhamdulillah dah menyediakan peruntukan mengikut kadar yang tertentu. Tapi, janganlah semua ini nak disalahkan kerajaan. Yang lain dah cantik kata dia, jalan yang utama tak cantik. Jalan yang utama ni sentiasa diperbaiki oleh JKR. Terima kasih kepada Jabatan Kerja Raya.

Kedua dia salahkan pula pasar baru. Katanya, menyediakan laluan yang sempit. Pergilah Yang Berhormat Dato' Speaker dan juga Ahli Dewan, pergilah mana-mana pasar dalam negeri Johor ini. Kalau disediakan gerai yang jauh antara satu sama lain di mana laluan pejalan kaki nak singgah pasar itu, katalah sekarang ini sekitar 10 kaki, kalau kita jadikan 30 kaki, apa berlaku kepada orang yang meniaga dalam pasar. Mereka akan alih semua barang dagangan mereka ke depan. Yang akhirnya disediakan apa ni, tapak pasar yang batu dan cantik itu ditinggalkan di

belakang. Pasal apa, matlamat mereka lagi sesak jalan itu, lagi perlahan orang jalan itu, lagilah laku barang ataupun ikan jualan mereka. Pasal, rata-ratanya orang akan menoleh kiri dan kanan, akan singgah. Sengaja disesakkan. Jadi itu kalau kita lihat pasar malam. Mana ada jauh-jauh, semua rapat-rapat. Apa lagi pasar yang berbentuk demikian. Sengaja di *design*kan rapat. Jadi itu Majlis dah kira, dah ambil contoh. Ini ambil iktibar dah buat kajian, kita kena rapatkan sikit supaya kita buat undang-undang jangan tambah lagi. Kalau tidak, kita jarakkan jarak antara satu peniaga dengan satu peniaga itu mereka dengan sendirinya akan rapatkan. Ini benda-benda yang dah buat kajian. Jadi Pekan Nenas, saya tak faham apa masalah dia. Bagi dia, semua yang kerajaan buat ini salah.

Kemudian, yang saya sangat terkejut bila diceritakan oleh Pekan Nenas, rasuah telah menyebabkan peningkatan 20% dalam harga rumah dalam negeri kita ini. Saya berpengalaman 10 tahun dahulu dengan sebuah pemaju perumahan. Sayalah juga yang bertanggungjawab meletakkan harga rumah yang kita nak jual. Saya jugalah buat kajian pasaran sebelum kita tentukan berapa harga kita nak jual sesuatu rumah itu. Jadi, tak ada kena mengena langsung dengan rasuah dan sebagainya. Kita buat jual rumah itu bukan berpandukan pada lokasi. Pertamanya kita lihat kos kita dulu. Kita tender berapa harga 1 unit. Dah dapat harga kos kita campur dengan tanah, kita fikir pula lokasi kita ni berapa harga boleh tekan. Kalau lokasi kita baik, kita fikir rumah ini akan laris, kita akan lancarkan sebahagian kecil sahaja dulu, kita *test* dulu *market*. Uji dulu *market*. Katalah rumah tu kos kita baru RM100,000.00 kita try dulu RM130,000.00. Lancar hari pertama dah habis, kita dah tahu dah, esok jual RM180,000.00 pun orang beli. Jadi, jualan ini berpandukan pada permintaan kerana bila ada permintaan daripada orang ramai, pada ketika itulah pemaju perumahan akan cuba memaksimumkan keuntungan dia. Tidak ada kena mengena langsung dengan rasuah. Tapi dipalitkan ini pasal dia tahu semua rakyat dalam Malaysia ini memerlukan rumah. Jadi bila cakap saja rumah mahal pasal rasuah, kerana kerajaan rasuah, dengan harapan rakyat *blame* kerajaan, rakyat salahkan kerajaan dan tak menyokong kerajaan. Ini semua politik semata-mata. Jadi, saya cukup risau...

YB Timbalan Speaker : Kukup, sila gulung eh.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Baru dua saya dapat usik. Yang Berhormat Dato' Speaker, ada 4-5 orang lagi saya kena sebut.

YB Timbalan Speaker : Persidangan akan datang sambung.

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Tangkak saya terpaksa cerita sedikit. Terpaksa saya ulas sedikit. Pasal, bila dia cerita, dia seolah-olah hero yang menyelamatkan sebuah syarikat yang sangat teruk daripada Taiwan, daripada datang melabur ke Pengerang. Kata dia di syarikat ini orang Taiwan pun *reject*. Kita pula nak bawa masuk. Dia ingat pelaburan RM35 bilion itu macam jual gula-gula. Siapa-siapa datang, siapa-siapa kita boleh terima.

Pertamanya, kena lihat dahulu kilang yang dah 25 tahun beroperasi di Taiwan itu dia menggunakan teknologi 25 tahun dahulu. Bila dia datang ke Malaysia, kita ada Petronas, kita ada banyak jabatan-jabatan kerajaan yang memantau, kita memastikan mereka menggunakan teknologi terkini yang tidak akan berlaku lagi risiko-risiko sebagaimana yang berlaku dekat Taiwan, kita hendak dia bawa masuk teknologi terbaru. Tak mungkin sebagai rakyat apa ni, negara kita yang sangat maju teknologinya, sangat hebat pemimpinnya membenarkan Taiwan membawa satu teknologi yang *sub standard* untuk hadir ke Pengerang ini. Mana mungkin

perkara itu berlaku. Tapi pasal dia nak bantah, apa lagi isu dia nak gunakan. Dia gunakanlah isu yang syarikat itu tidak berkelayakan. Kalau nak bantah itu hari, bantahlah kat dalam Dewan ini sepenuh-penuhnya. Kenapa dia pergi ke Taiwan? Biasa kalau kita tak setuju, kita bantah dalam negara kita. Cadangkan dengan cara baik. Syarikat Taiwan itu sangat teruk, gini, gini. Saya cadangkan satu syarikat lain. Ha, inilah kita nampak Pembangkang yang sangat maju mindanya. Bukan bangkang 100%. Cadangkan apa syarikat alternatif kepada syarikat yang teruk ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Jementah lagilah, saya tak faham apa pemikiran dia. Dia cakap, kerajaan kita tak pandai menguruskan kewangan yang baik pasal *surplus* nya semakin menurun. Pening kepala. Orang kalau dengar, wah, macam *statement* ini satu yang hebat sangat. Dia lupa setiap kali belanjawan kita, *surplus* kita, kita cadangkan RM1 juta lebih aje. Tiba-tiba hujung tahun kita RM153 juta, RM114 juta, RM359 juta, itu kan lebihan. Tapi walau bagaimana pun kita lihat, bermula 2013 RM617 juta *surplus* kita. Tapi 2016 kita dapat kurangkan sehingga RM119 juta, apa maksudnya? Maksudnya kerajaan kita lagi cekap. Kalau dahulu kita rasakan kita akan belanja sebegini banyak sahaja tapi sebenarnya kita belanja terkurang ataupun terlebih, maksudnya tidak cekap berbelanja tapi kerajaan yang kita ada sekarang kalau kita cakap nak belanja RM1.6 juta, RM1.6 juta sedikit lebih pun ataupun kurang daripada RM1.6 jutalah kita belanjakan maksudnya sangat sistematik, sangat teratur dari segi *accounting*nya, adakah itu salah? (Dewan bertepuk).

Jadi pasal dah tak ada modal Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara yang sangat baik ini juga diputarbelitkan, dikaitkan pula dengan apa ni, inflasi dan juga simpanan. Macam, saya orang ekonomi ni, macam saya tiba-tiba rasa kenapa pelajaran ini tidak disalurkan kepada Jementah. Simpanan dalam bank ini dia sangat berlawanan dengan kadar inflasi Yang Berhormat Dato' Speaker. Kalau kita tinggikan kadar simpanan bank ya, maksudnya simpanan tetap atau simpanan orang semua akan menabung atau simpan duit dalam bank. Tidak ada kitaran ekonomi, pada ketika itu ekonomi akan lembap dan sebagainya. Apa berlaku pada negara kita yang kita dalam keadaan sekarang ini, kita hendak meningkatkan apa tu, pertumbuhan ekonomi kita, sudah barang tentu kita hendak rakyat berbelanja. Kita tak hendak rakyat simpan duit sahaja, supaya syarikat-syarikat ini semua hidup. Pembangunan yang kita rancang itu dapat meningkat naik dan juga mencapai hasrat yang kita capai. Ini strategi dari sudut ekonominya. Pengawalan kewangan, apa ni pengawalan apa tu kadar faedah dan sebagainya, ini adalah sistem bagaimana kerajaan mengawal ekonomi sebagaimana yang kita kehendaki.

Dan akhir sekali Yang Berhormat Dato' Speaker, saya setuju ada beberapa perkara kalau kita lihat jadilah pembangkang yang sangat apa ni, memfokuskan kepada kawasan masing-masing. Saya ambil contoh Johor Jaya ni saya lihat bagus. Ya lah dia mengetengahkan beberapa mungkin kepincangan ataupun kekurangan perhatian beberapa...

YB Timbalan Speaker : Puji Johor Jaya je, Senai tak puji?

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) : Senai, saya perlukan satu jam untuk ulas Senai sahaja. Jadi, perkara-perkara ini sangat bagus pasal ia membawa suara hati rakyat, suara hati setempat. Jadi, kalau nak cakap kita tak tahu melibatkan polisi yang besar, melibatkan polisi negara, polisi negeri dan sebagainya, bawalah pada isu-isu setempat ini sahaja. Lampulah atau lampu jalan dan sebagainya. Ini

kadang-kadang isu-isu yang dibawa sebenarnya langsung tidak bertepatan dan tidak apa ni, tidak memenuhi selera kita sebagai orang Johor ini.

Jadi penutup bicara Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyerulah, saya dah memerhatikan walaupun saya wakil rakyat baru, baru 4 tahun di sini, tapi daripada pengamatan saya, pemerhatian saya, daripada cerita saya mula-mula tadi, bila orang yang mengalami tekanan ini, makin lama makin rosak pemikiran dia, makin mengung ni, saya takut pasal bagi saya semua wakil rakyat sama ada di sebelah sini atau sebelah sana adalah kawan-kawan saya. Saya boleh mengeteh sama, minum sama-sama, berborak bersama. Jadi saya cukup risau dengan tahap psikologi mereka ini Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya cadangkan Pejabat Jurutulis sediakanlah sedikit bajet untuk mengupah pakar psikiatri ya. Untuk membimbing barisan pembangkang ini supaya dapat dipulihkan minda dan juga pemikiran mereka. (Dewan bertepuk).Supaya mereka ini menjadi rakyat Johor yang sangat bertanggungjawab dan insya-Allah boleh kita jadikan *Team* Johor di masa akan datang. Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Kukup. Kita teruskan, Machap.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Bismillahirahmannirahim. Assalammualaimualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam muafakat Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pertamanya Machap merakamkan ucapan berbanyak terima kasih kerana diberi peluang berucap dalam perbahasan menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Johor yang telah di titah dibacakan oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor dalam Pembukaan Penggal Kelima Dewan Negeri Johor Yang Ke-13. Machap tertarik dengan ucapan Tuanku Perkara 58 dan 59 yang menyentuh tentang terima kasih baginda kepada semua Ahli Dewan yang telah menabur bakti kepada rakyat dan rakyat akan dapat menilai sendiri prestasi ketokohan wakil-wakil rakyat yang mereka pilih. Maknanya untuk menilai sama ada wakil rakyat itu, wakil rakyat yang buat kerja, wakil rakyat yang hebat prestasinya, kita kena lihat dari segi berapa banyak pembangunan yang dibawa. Sama ada kemudahan jalan raya, kemudahan bekalan api, air dan sebagainya.

Dan kita juga lihat rasa kepedulian yang tinggi yang ditunjukkan oleh wakil rakyat tersebut dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat, berapa banyak masalah yang mampu diselesaikan, dan juga dalam mengatasi isu-isu setempat. Jadi bila keadaan ini, wakil rakyat yang mampu menjalankan tugas dengan sebaik mungkin, kadang kala wakil rakyat ni dah tak mahu, dah tak mahu lagi jadi wakil rakyat tetapi rakyat di tempat itu tetap mahu wakil rakyat tersebut untuk meneruskan khidmat atas dasar wakil rakyat ini diperlukan untuk membantu membela nasib rakyat di kawasan tersebut.

Dan juga kita melihat bagaimana wakil rakyat yang dibebankan dengan isu-isu yang kadang kala kita rasa tertekan sebagaimana sahabat kita yang sekarang ini berada dalam kem pembangkang, dia mengatakan masa berada dalam kerajaan Barisan Nasional dia relaks. Tetapi bila berada dalam kem pembangkang dia rasa terbeban. Sebab kita kakitangan, kita wakil rakyat kerajaan. Bila kita ada isu, kita ada masalah, kita akan cuba buat kerja dan selesaikan masalah ini, ini wakil rakyat Barisan Nasional. Kalau ada 10 isu, kita buat, kita selesaikan dan daripada 10 tinggal 2 atau 3 tentunya bebanan yang ditanggung oleh wakil rakyat kerajaan akan terlepas. Tetapi yang kita lihat, wakil rakyat pembangkang hanya cari isu,

hanya cari masalah dan tidak cuba untuk menyelesaikan masalah dan yang peliknya bila sesuatu isu atau masalah diselesaikan oleh wakil rakyat Barisan Nasional, mereka akan masuk ke kawasan itu menyatakan bahawa isu itu mereka yang desak, mereka yang buat kerja untuk menyelesaikan masalah tersebut, seperti lembu punya susu, sapi dapat nama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, titah Sultan, Perkara 60 dan 61 menyatakan, kejayaan sesebuah negeri bukan diukur dengan pembangunan ekonomi semata-mata malah tahap kesejahteraan dan keharmonian hidup rakyat menjadi aspek penting. Justeru, rakyat di Machap mengharapkan agar kesejahteraan dan kualiti hidup di Simpang Renggam, di Machap tidak terganggu. Maknanya isu yang Machap hadapi, yang rakyat minta supaya isu ini kita bawa di Dewan Undang Negeri iaitu isu berkaitan dengan gangguan bekalan air.

Machap bercakap isu ini mewakili DUN Rengit, DUN Batu Pahat eh, DUN Benut, mewakili DUN Benut, mewakili DUN Layang-Layang, sebab isu ini ada kaitan dengan gangguan bekalan air. Di tapak buang sampah, berada di DUN Layang-Layang, proses rawatan loji air berada di Simpang Renggam, tapi bekalan air daripada Simpang Renggam ini diterima pakai termasuk di DUN Benut. Maknanya Machap bawa isu ini minta supaya penyelesaian ini membantu kepada penyelesaian yang dihadapi oleh ketiga-tiga DUN ini. Isunya ialah...

YB Timbalan Speaker : Hebat juga Machap ni ye.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Ya.

YB Timbalan Speaker : EXCO Benut pun tak dapat menyelesaikan isu ni ye.

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) : Isunya begini, bila hujan lebat, bila hujan lebat, turun di Machap, kita menghadapi gangguan bekalan air. Kalau musim kemarau tak ada masalah. Tapi bila hujan lebat di Simpang Renggam, bekalan air terputus. Bekalan air terputus kerana difahamkan Syarikat Air Johor menutup bekalan, menutup operasi mereka atas dasar berlaku gangguan air tercemar ammonia yang cukup tinggi di loji rawatan air di Simpang Renggam. Maknanya bila berlaku keadaan begitu, yang kita boleh biasa minum, biasa minum air ialah kandungan 1 hingga 2 ppn tetapi pencemaran itu lebih daripada 2 ppn. Dan sampai satu ketika saya difahamkan hampir 580 ppn air ammonia yang keluar daripada tapak buang sampah di CEP Renggam.

Atas dasar memastikan kesihatan penduduk di Simpang Renggam, di Benut, di Layang-Layang maka SAJ ambil peranan tutup operasi bekalan air walaupun mendapat tentangan, mendapat kemarahan daripada rakyat di Simpang Renggam. Jadi kita lihat, bila berlaku keadaan begini alasan yang diberi, alasan diberi, air terpaksa ditutup, bekalan terpaksa diputuskan kerana ammonia. Bila kerap kali diberitahu alasan begini, rakyat sudah bosan, rakyat sudah bosan, kerana bekalan ditutup alasannya ammonia, rakyat tak mahu alasan begitu. Rakyat mahu penjelasan yang konkrit, penjelasan yang muktamad harus dibuat supaya perkara ini tidak berulang kerap kali di Simpang Renggam.

Pada 14 Mac 2017 yang lalu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada turun lawatan ke Parlimen Simpang Renggam dan pihak JPSPN memberitahu, dia kata isu ini akan selesai pada 18 April 2017. Menteri Besar turun ke Simpang Renggam pada 14 Mac, 15, 16, 17, 18 di Simpang Renggam tidak ada bekalan air kerana bekalan tertutup, ditutup ekoran daripada ammonia Bayangkan, Menteri Besar turun 14, 4

hari selepas itu di Simpang Renggam tak ada air. Ini dikaitkan bila mana takungan air, takungan air larut resap, ataupun air *leachate* ini di tapak buang sampah, takungannya pecah bila berlaku runtuhan sampah bertimbun, membawa pergerakan sampah itu telah melanggar ban, dan ban itu pecah menyebabkan air amonia mengalir masuk ke dalam parit dan parit masuk ke dalam sungai hinggalah ke kawasan loji air. Pada 28 Mac, taklimat JPSPN, dia kata kerja-kerja membaiki ban akan selesai. Pada 18 April 2017, taklimat daripada SWM juga kata isu ini akan selesai. Saya tanya dua kali, adakah isu ini akan selesai? Dan tidak ada air *leachate* yang akan mengalir ke dalam parit dan masuk dalam sungai, dia kata tidak akan berlaku lagi. Dua kali saya tanya. 18 April, taklimat diberi, 1 Mei, 1 Mei bekalan air terganggu sekali lagi. Terputus bekalan bila mana pada hari itu dah hari cuti, Hari Pekerja, anak-anak di luar Simpang Renggam, cucu-cucu dari Simpang Renggam balik untuk berkunjung mengunjungi ibu bapa mereka untuk merapatkan hubungan silaturahim antara anak dengan ibu bapa tetapi lain pula jadinya bila bekalan air terputus. Ini menimbulkan kemarahan kepada rakyat di Simpang Renggam. Termasuk 10 Mei, 10 Mei hari Wesak, hari cuti juga gangguan bekalan air berlaku di Simpang Renggam. Semua orang marah, orang marah kepada SAJ, sebab tak diberi notis. Tak beri notis kenapa bekalan air diputuskan. Ini masalah. Jadi kita minta, minta supaya bila berlaku gangguan bekalan air ini lori tangki disediakan, tangki air disediakan untuk membantu mereka-mereka yang tidak mendapat bekalan air, supaya dibantu dengan perkhidmatan lori tangki ini.

Jadi, saya minta dan menyeru kepada EXCO yang berkaitan dengan Syarikat Air Johor ini dari Benut, membantu dan juga Pengerusi SPAN, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dari Simpang Renggam agar mengambil kira keperluan penduduk. Yang saya difahamkan hampir 70,000. 70,000 pengguna air di Simpang Renggam termasuk di Pontian sebahagiannya. Dan juga kita dalam menghadapi masalah ini, kita berdepan dengan permasalahan bila mana dimaklumkan kawasan pembuangan sampah DCEP itu tidak mampu lagi menampung sampah-sampah yang dibuang daripada Majlis Daerah Simpang Renggam, Majlis Perbandaran Batu Pahat, Majlis Perbandaran Kluang. Maka jangka dalam 3-5 tahun lagi kawasan itu sudah tidak mampu menampung keperluan ini, maka kita cadangkan, dicadangkan di Bukit Payung di bina kawasan tempat buang sampah yang baru di Simpang Renggam, pembangkang buat demonstrasi. Kita mahu tapak buang sampah di Simpang Renggam kita tutup, tapi pembangkang juga di Bukit Payung, kita mahu tapak buang sampah di Bukit Payung, jangan di buka. Simpang Renggam suruh tutup, di Bukit Payung jangan di buka. Kita hendak buang sampah dekat mana? Ini masalah yang kita hadapi.

Jadi tuan-tuan, puan-puan. Jadi, Yang Berhormat sekalian (Dewan ketawa).

YB Timbalan Speaker : Beralih ke topik lain. Busuk Dewan ini.

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar (Machap) : Ini cadangan. Cadangan kita bina satu pusat rawatan loji air yang baru, yang saya di fahamkan oleh pihak tertentu bernilai RM30 juta. Maknanya kita bina loji rawatan air yang baru yang tidak akan menerima aliran daripada air *leachate* dari tapak buang sampah ini, ataupun kita bina satu saluran, saluran air dari Empangan Machap di mana saluran itu akan kita buka bila air daripada Sungai Benut ada kandungan ammonia yang tinggi, kita buka supaya permasalahan air, bila tercemar Sungai Benut kita buka saluran daripada Empangan Machap ini untuk membolehkan operasi air berjalan seperti biasa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Machap ingin membawa juga isu kesejahteraan yang perlu ditekankan kepada kehidupan masyarakat di Machap iaitu kesejahteraan hidup dari segi menikmati udara yang bersih, tidak ada gangguan busuk termasuk gangguan lalat. Machap tidak faham mengapa kawasan Machap menjadi pilihan kepada penternak atau pengusaha ladang ayam. Sebab difahamkan ada 20 ladang ternakan ayam di Machap. Satu ternakan ayam baka, dua ladang penelur dan 17 ayam pedaging. Yang saya di fahamkan juga satu hari hampir 1 juta telur yang dikeluarkan daripada ladang ini. 1 juta, dan kapasiti untuk ayam pedaging sebanyak 3.35 juta. Ini di Machap.

Bila begini keadaannya berlaku, ada reban ayam yang mengusahakan secara terbuka. Ada yang mengusahakan secara tertutup dan tentunya akan menimbulkan masalah bau ekoran daripada najis ayam yang dikeluarkan. Penyiasatan daripada Jabatan Veterinar Johor, mengakui mendapati isu bau berpunca daripada pengurusan tinja yang tidak sempurna dan tidak mengikut prosedur pengurusan tinja di bawah garisan, di bawah di dalam Enakmen Penternakan Unggas 1997. Jadi untuk mengatasi masalah ini, memahami permasalahan rakyat, saya masuk kedua tempat ladang ternakan ayam. Apa yang saya lihat di sini, berpunca daripada ladang ternakan ayam yang memproses tahi ayam ini menjadi baja di ladang tersebut. Mereka sudahlah untung, dari segi penjualan telur, mereka untuk dari segi penjualan daging, mereka hendak untuk sekali lagi dari segi memproses tahi ayam ini menjadi baja kompos atau pun baja organik hingga menimbulkan masalah bau lalat, bau najis tahi ayam dan juga masalah lalat. Dan yang peliknya, Dato' Speaker, saya masuk ke situ memang bau yang busuk, tetapi pengusaha, pengusaha ladang ternakan ayam itu boleh ambil najis tahi ayam yang telah di campur, dicium. Dia cium kata tak ada bau, tetapi kita yang dekat situ nak pengsan sebab bau najis tahi ayam. Sebab hidung dia dah lali dengan bau tersebut.

Jadi Machap mencadangkan supaya penyalahgunaan, pelanggaran peraturan oleh ladang ternakan ayam ini, perlu kita kenakan denda yang tinggi, sebab saya difahamkan setakat ini, dendan RM2,000.00 untuk satu kesalahan. Gubal enakmen, supaya proses tahi ayam ini menjadi baja kita jangan benarkan di buat di ladang-ladang tersebut dan kita keluarkan najis tahi ayam tersebut dari ladang untuk di hantar ke satu tempat yang lain. Sebab saya difahamkan di Thailand, banyak ladang ternakan ayam, tetapi tidak ada masalah bau di situ, tidak ada masalah lalat di situ sebab tahi ayam di bakar dan dibuang ke dalam laut sehinggakan katanya ikan di situ lebih gemuk dan lebih berat timbangannya sebab makan najis tahi ayam. (Dewan bertepuk).

Kita juga perlu mengetatkan pengeluaran lesen, pengeluaran lesen kepada ladang ternakan ayam. Sebab saya difahamkan dah puluh tahun ada ladang ternakan ayam yang langsung tidak ada kolam rawatan untuk memastikan najis tahi ayam ini yang airnya masuk ke dalam parit dapat di proses mengikut piawaian ataupun kehendak yang tertentu. Tidak ada. Jadi kita bila buat pemantauan dan juga buat dendaan, baru kilang, baru ladang ternakan ayam tersebut hendak buat kolam bagi rawatan yang dikehendaki.

Dan saya juga mengucapkan terima kasih kepada kaki pancing sebab, mereka ini masuk ke segenap parit, masuk ke segenap sungai, dan mereka viralkan, viralkan dalam parit, bila mana parit itu mengalir air yang hitam, ekoran daripada najis ladang ternakan ayam ini di cuci ataupun mengalir masuk dalam parit, dan parit itu berwarna hitam airnya. Air ini masuk dalam sungai, sungai masuk ke loji rawatan air, itulah air yang diminum oleh penduduk Machap. Dah lah minum air *leachate*, air

ammonia, dah lah minum air tahi ayam. Mungkin juga kita minum air yang bersih tapi tak suci. Ini hukum, EXCO Agama tak ada pula dekat sini. (Dewan ketawa). Itu yang dihadapi oleh penduduk Machap dan kita menyatakan tahap kerisauan yang tinggi, sebab sekarang ini di Simpang Renggam ada empat Pusat Dialisis yang di bina untuk membantu kepada pesakit-pesakit buah pinggang. Dan ini yang kita cukup khuatir bila mana berlaku pencemaran air ini, air ini yang penduduk Machap minum, air ini yang DUN Benut minum, kita khuatir maka ini akan menyebabkan kesejahteraan penduduk akan terjejas.

Saya juga difahamkan, bila mana Veterinar tidak cukup pegawai untuk penguatkuasaan, jadi pemantauan agak kurang di buat dan juga kita mintalah supaya pertambahan pegawai-pegawai penguat kuasa ini di tambah bagi membolehkan pemantauan di buat mengikut skala yang dikehendaki mungkin 6 bulan sekali, supaya isu ini dapat kita tangani dan berkaitan dengan ladang ternakan ayam ini juga, kita cukup risau, bila mana lalat cukup banyak, dah berapa ramai orang yang menjadi Wakil Rakyat, wakil Simpang Renggam, mewakili DUN Machap tetapi isu lalat ini masih tidak selesai hingga ke hari ini. Dan saya tidak mahu menjadi sejarah dalam lipatan sejarah, saya juga antara YB yang gagal dalam memperjuangkan kepentingan masyarakat di Machap terutamanya berkaitan dengan lalat ini.

YB Timbalan Speaker : Ok. Machap sila gulung.

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar (Machap) : Yang seterusnya saya ingin menyentuh sedikit isu berkaitan dengan lampu isyarat di Taman Ria, Seri Lalang. Kita faham bahawa itu termasuk di bawah Jabatan Kerja Raya di bawah Batu Pahat, tetapi sebahagian penduduk yang terlibat dalam penggunaan laluan tersebut ialah penduduk di DUN Machap. Jadi, kerap kali berlaku kemalangan di situ dan pada ari Wesak yang lepas juga berlaku kemalangan yang melibatkan kerosakan kereta, harta benda termasuk hilang nyawa. Jadi, kita minta supaya perkara ini dipertimbangkan sebab satu nyawa yang melayang, satu nyawa yang hilang tidak boleh ditebus dengan jutaan wang ringgit. Maka sewajarnyalah isu ini dipertimbangkan oleh pihak yang bertanggungjawab.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Machap juga ingin menyertai rakan-rakan Barisan Nasional yang lain untuk memberikan penghormatan dan sanjungan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana telah menunjukkan keintaran idea, kesungguhan yang tinggi dalam memajukan ekonomi negeri Johor, dengan Johor berkemajuan yang di hujung tombaknya menjurus kepada kemakmuran dan kesejahteraan rakyat. Machap juga merakamkan jutaan terima kasih di atas keprihatinan Menteri Besar membantu dengan menyalurkan peruntukan-peruntukan yang di beri untuk pembangunan di Machap yang seterusnya memberikan manfaat kepada penduduk Machap. Juga tidak lupa kepada Pejabat Daerah Kluang, jabatan-jabatan kerajaan yang turut sama membantu pembangunan dan menyelesaikan masalah di Machap ini.

Justeru, Machap mengambil kesempatan sekali lagi mengucapkan terima kasih, dan dengan ini Machap menyokong usul yang dibawa oleh Bukit Permai. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk)

YB Timbalan Speaker : Persidangan disambung. Sila, Tiram.

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahamatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker,

pertama saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kerana di beri peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, merasmikan Persidangan Dewan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya ini tahun yang ke-14 saya menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri dan saya yakin, ada kemungkinan juga ada tahun ke-15. Tapi sepanjang 14 tahun saya berada di dalam Dewan ini.

YB Timbalan Speaker : Dari muda sampai ke... nampak masih *handsome* lagilah. (Dewan ketawa).

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) : Terima kasihlah. Tetapi saya tidak panjang ucapan pada kali, Insya-Allah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sepanjang 14 tahun saya dalam Dewan ini, saya rasa persidangan kali ini kalau pada diri sayalah, sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri saya meletakkan kekecewaan saya yang teramat sangat di atas apa perkara yang dibangkitkan oleh rakan-rakan kita di sebelah sana. Mungkin orang lain tidak perasan tapi, saya agak sensitif perkara ini. Kerana pada saya tidak ada kewajaran perkara tersebut dibangkitkan oleh rakan-rakan di sebelah sana.

Pertamanya Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, Tuanku menitahkan bahawa, Tuanku tidak bersetuju untuk mengadakan siaran langsung Persidangan Dewan. Tapi, dalam perbahasan pada kali ini, wakil daripada Tangkak, saya tidak tahu apa matlamatnya, tidak pernah berlaku dalam Dewan sebelum ini. Bahawa titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku di bahas ataupun seolah-olah dianggap keputusan itu tidak tepat, apa yang sarankan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Apabila Tangkak mempertikaikan dan terus menyarankan bahawa perlunya ada siaran langsung persidangan Dewan ini. Jadi apa maksud Tangkak di sini? Adakah Tangkak bermaksud bahawa keputusan yang dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku itu silap ataupun salah. Jadi saya anggap perkara ini terlalu serius. Jadi, kalau begitu saya juga hendak mencadangkanlah sekiranya dibenarkan mungkin juga Tangkak boleh dirujukkan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri.

Perkara kedua, sebenarnya saya cadangan asal memang tidak hendak berucap sangat pada hari ini, tetapi saya rasa isu, dua perkara ini yang saya tengok terlalu serius maka saya hendak bangkitkan semula. Perkara kedua ialah berkaitan dengan rumah murah dan juga kuota bumiputera. Wakil daripada Bentayan. Wakil Bentayan dalam perbahasan, ayatnya jelas pengenalan kuota yang tidak realistik akhirnya telah menyebabkan kegagalan pasaran kerana tidak mengikut prinsip penawaran dan permintaan. Pada saya, ianya mempertikaikan dasar pemberian ataupun dasar kuota bumiputera yang selama ini kita amalkan dalam negeri Johor. Sedangkan perkara tersebut telah pun kita laksanakan semenjak sekian lama dan dipersetujui oleh semua kaum dalam negeri Johor ini. Apa tujuan dan matlamat Bentayan membangkitkan perkara tersebut. Adakah Bentayan mahu kuota Bumiputera dihapuskan sama sekali dalam penjualan rumah? Kalau sebut kuota Bumiputera ini, Yang Berhormat Dato' Speaker sebenarnya ia hanya terpakai kepada rumah-rumah yang harganya mahal. Harganya mahal. Kita tak pernah kenakan kuota Bumiputera kepada rumah mampu milik. Kepada maknanya tiada diskaun, tiada, tiada, bila sebut kuota Bumiputera ia bermaksud bahawa diskaunnya yang 15% tu. Rumah mampu milik tiada. Semua orang dijual pada harga yang sama. Semua rakyat membeli pada harga yang sama. Rumah

murah juga semua rakyat membeli pada harga yang sama. Jadi, saya pun tak tahu apa maksud Bentayan ini. Adakah Bentayan hendak kuota Bumiputera dengan diskaun 15% tu dihapuskan dan itu menjadi sebab kononnya kecelaruan dalam pasaran. Itu dua perkara yang saya rasa cukup penting Yang Berhormat Dato' Speaker.

Dan Alhamdulillah sebenarnya, selepas 14 tahun saya menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri ini, saya tak nampak Johor ini mempunyai sebarang masalah. Malah kalau dalam tempoh 14 tahun ini, dicabut pembangunan yang berlaku dalam negeri Johor ini, kita boleh bayangkan bagaimana negeri Johor pada ketika ini. Dan, Alhamdulillah sepanjang tempoh 14 tahun ini saya dah melalui pelbagai pengalaman sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri. Malah dah berhadapan dengan pihak sebelah sana ini sejak sekian lama. Suatu ketika dahulu, kerajaan dituduh seolah-olah nak bankrap dah. Tahun 2008, saya ingat lagi ada yang membangkitkan seolah-olah kerajaan Johor ini nak bankrap, tapi alhamdulillah pada hari ini kita bukan sahaja mampu mentadbir negeri Johor ini dengan baik tapi hari ini rizab kerajaan pun dah ada 3.56 bilion. Tahun 2016, 3.56 bilion. Kalau tahun 2012 dulu, 1.45 bilion. Jadi, dekat mana yang kata kerajaan ini tidak baik. Walaupun mungkin kita kena akui juga dalam pelaksanaan dasar-dasar yang diputuskan oleh kerajaan ada juga kelemahan-kelemahan yang perlu kita perbaiki.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tengok di sebelah sana dalam Persidangan Dewan, mereka seolah-olah terdesak untuk menang kerana pilihan raya yang semakin hampir. Tapi saya boleh ibaratkan beginilah. Kerana sebab itulah kadang-kadang ia bangkitkan perkara-perkara yang mungkin boleh mempengaruhi sentimen rakyat walaupun perkara tersebut sebenarnya antara langkah yang dibuat oleh kerajaan untuk membantu rakyat untuk meningkatkan kepercayaan rakyat kepada kerajaan. Tapi diambil kesempatan untuk mempengaruhi rakyat misalnya dalam usaha kerajaan untuk memastikan bahawa kepercayaan rakyat kepada kerajaan ini dapat dipertingkatkan dengan soal pembanterasan rasuah dan sebagainya. Tapi itulah yang diambil kesempatan, seolah-olah kerajaan ini mempunyai terlalu banyak masalah. Itu saya rasa memang cara terdesak pihak pembangkang. Jadi, saya boleh ibaratkan beginilah Yang Berhormat Dato' Speaker, dulu ini saya punya, dulu ada roket naik ke bulan. Roket ini dulu bawa penumpang penuh jadi dalam roket itu ada pelbagai penumpang daripada, macam-macam tempat tetapi sekarang ini, sekarang ini bulan dah tak bagi lagi roket itu mendarat di bulan. Jadi, roket dah kehilangan arah. Roket dah kehilangan arah, maka roket pun sekarang tak tahu nak pergi mana kerana penumpangnya dah kurang. Penumpangnya dah kurang, akhirnya roket pun menyambarlah penumpang apa yang ada. Maka, akhirnya roket bawa penumpang baru. Penumpang baru ini saya ibaratkan apa tau, kalau yang satu itu, yang satu itu dia serpihan daripada penumpang yang biasanya pergi ke bulan tapi kerana dia ada masalah maka dia dah tak nak naik lagi ke bulan. Yang satu lagi penumpang ini, dia penumpang baru tapi bak kata Broery Marantika penumpang yang baru ini merupakan penumpang langkah tanpa arah, sesat di jalan yang terang. Jadi, sebab itulah dia terdesak. Saya tengok dia terdesak.

Jadi, dia bangkitkan perkara-perkara yang kadang-kadang rakyat dengar macam betul tapi tak betul sebenarnya. Macam ada yang kerajaan Johor buat pada hari ini. Soal rumah mampu milik. Bila kita sebut sasaran 60,000, kita dah buat 6,000 dia kata kenapa 6,000 sahaja. Kenapa boleh ke tidak dan sebagainya. Sedangkan di negeri yang mereka tadbir, ini kalau tak betul boleh saman ini penulis ini. Di negeri yang mereka tadbir, dia pernah umumkan nak bina 20,887 di Pulau Pinang tapi sehingga setakat ini daripada pengumuman yang dibuat daripada tahun 2011,

Yang Berhormat Dato' Speaker, hanya 2,613 rumah sahaja dibina. Rumah mampu milik di sana. Rumah yang harga antara RM42,000.00 hingga di bawah RM400,000.00 di Johor ini rumah mampu milik RM150,000.00 tetapi di sana rumah mampu milik, kalau di pulau RM400,000.00 kalau di tanah besar RM250,000.00, Di Johor ini, kalau RM400,000.00 bukan rumah mampu milik. Banyak sebenarnya tawaran rumah bawah RM400,000.00 ini di Johor yang boleh dibeli oleh rakyat Johor. Jadi, kadang-kadang bila nak bercakap itu, kerana tak tahu apa nak cakap, maka dia bercakaplah ikut sedap supaya rakyat berpengaruh dengan apa yang dia cakap. Dan, alhamdulillah saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, di Tebrau pun tahun lepas, 2,000 lebih rumah telah pun disiapkan di Tebrau. Dan, Alhamdulillah pada tahun ini saya dikhabarkan ada lagi 1,000 lebih lagi rumah mampu milik dan juga rumah murah disiapkan untuk Parlimen Tebrau.

Satu lagi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya melihat, yalah kita menerima hakikat bahawa wujudnya pembangkang dalam sistem demokrasi tapi biarlah pembangkang yang kata orang itu, mempunyai integriti selalu dia sebut kita soal integriti dan sebagainya. Tapi saya rasa mereka tidak melihat diri mereka sendiri. Kerana apa, kadang-kadang mereka berdiri di atas fitnah yang dibuat. Apatah lagi ni nak dekat pilihan raya. Dulu kita dah dimomokkan dengan fitnah dan akhirnya orang terpengaruh. Ni saya nak bangkitkan dahulu, nak bangkitkan semula. Dulu, bila disebut 40,000 orang Bangladesh pergi mengundi, orang percaya. Saya pun pelik. Orang boleh percaya dan orang yang percaya itu tak mengundi Barisan Nasional hanya sebab kerana dia kata 40,000 orang Bangla pergi mengundi. Sedangkan terbukti bila disemak balik, sepanjang beberapa tahun sebelum pilihan raya itu, hanya 12 orang, hanya 12 orang yang dulunya rakyat Bangladesh diberi kerakyatan dalam negara kita. Jadi, benda-benda gini jangan berulang. Kita kalau boleh menang kerana kelebihan kita bukan semata-mata menang kerana fitnah dan sebagainya.

Yang kedua, kalau rakyat masih ingat selepas sahaja pilihan raya mereka buat perhimpunan *black out. Black out* ini seolah-olah masa, masa pengundian ini satu negara ini *black out* dan undi itu ditipu sedangkan yang lampu padam ialah di satu undi di satu peti undi Kulim, Bandar Baru. Adakah kerana satu peti undi itu lampunya padam maka semua keputusan itu salah. Dan, mereka mengadakan perhimpunan di serata negara dengan baju hitam. Dengan perhimpunan *black out* dia. Jadi, adakah ini bukan fitnah? Adakah ini bukan fitnah? Jadi, sebab itulah kita jangan gunakan fitnah dalam kita nak menang dalam pilihan raya.

Yang satu lagi Yang Berhormat Dato' Speaker, bila kita berkhidmat jangan pura-pura. Jangan pura-pura kepada rakyat. Saya kata demikian Yang Berhormat Dato' Speaker, baru-baru ini tiba-tiba sahaja, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri daripada sebelah sana ini sibuk pergi ke PBT, mesyuarat penuh PBT. Mesyuarat-mesyuarat majlis sibuk. Dulu kenapa tak sibuk? Dulu kenapa tak bangkitkan terus masalah berjumpa dengan YDP dan sebagainya?. Mungkin adalah saya, saya percaya ada dah dapat berjumpa dan sebagainya tapi ada juga yang tak pernah buat *appointment* pun, tak pernah jumpa YDP tiba-tiba datang mesyuarat majlis kemudian bercakap di luar seolah-olah macam mereka selama ini dah bangkitkan banyak perkara kepada PBT tetapi tidak diambil tindakan dan sebagainya. Ini pura-pura. Ini pura-pura Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana apa di Majlis Bandaraya Johor Bahru sendiri, Datuk Bandar sendiri mengesahkan bahawa tidak ada orang yang jumpa dengan dia nak menyelesaikan masalah yang berbangkit Yang Berhormat Dato' Speaker.

Jadi kalau saya nak sebut banyak lagi saya nak ulas satu persatu tapi tak apalah ini pun dah tengah hari. Saya, cuma satu perkara Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum saya akhirkan ucapan saya yang agak ringkaslah kali ini agaknya, apa tu mengenai dengan masalah di kawasan sayalah yang saya minta supaya EXCO ataupun Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya melihat kembali di mana laluan daripada Tiram ke FELDA Ulu Tebrau, di mana saya dah bangkitkan juga perkara ini dalam Mesyuarat Tindakan Daerah dan sebagainya, tapi status jalan tersebut yang menyebabkan kadang-kadang agak sukar untuk kita mendapatkan peruntukan bagi menurap semula jalan tersebut kerana sampai hari ini dah banyak juga aduan yang telah kita terima daripada penduduk, daripada masyarakat di sana tentang kualiti jalan yang tidak diturap semula yang hanya ditampal banyak kali sehingga memang tak selesalah. Saya sendiri kalau lalu ke jalan, di jalan tersebut pun rasa tak selesa walaupun mungkin kereta kita menggunakan kenderaan kereta dan sebagainya tetapi memang tak selesa. Jadi, saya minta cari jalan penyelesaianlah sama ada dapat diturap sebahagian dahulu di mana kawasan yang agak teruk supaya dapat memberi keselesaan kepada rakyat. Saya rasa itu sahaja yang saya nak sampaikan pada hari ini Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih dan saya menyokong usul yang dibawa. Sekian, wabillahitaufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Tiram. Kita teruskan. Sila Semarang.

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker. Salam Muafakat Johor. Salam *Team* Johor Darul Takzim. Yang Berhormat Dato' Speaker, Semarang mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesempatan yang diberi untuk terlibat dalam perbahasan atas rundingan menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Kepada Semarang ini adalah satu titah yang amat besar lingupnya yang telah menyentuh berbagai perkara yang membawa manifestasi tentang bagaimana dekatnya ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, rapatnya dengan kerajaan dan keprihatiannya kepada rakyat negeri Johor Darul Ta'zim ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, telah banyak dinyatakan oleh pihak rakan-rakan di pihak pembangkang, banyak juga telah diulas oleh rakan-rakan daripada kalangan *back benches.* Kesimpulannya adalah

Satu, apa pun yang dikatakan oleh pihak pembangkang, alasan-alasan yang dibawa dan isu yang diketengahkan ia sekali-kali tidak menghalalkan untuk ditukar kerajaan negeri Johor ini kepada mereka Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya hairan janganlah kita ni kebudak-budakan sangat. Kalau kalah main bola kata lawan main pawang, kalau kalah main bola kata rakan dia pakai *boot* kita pakai kaki ayam, semuanya salah. Apatah lagi apa yang perkara-perkara murni yang dibuat oleh pihak kerajaan. Lawatan Yang Amat Berhormat pergi ke kawasan-kawasan Parlimen dalam negeri Johor ini adalah satu gambaran komitmen Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk memperuntukkan 22 hari untuk ke 22 Parlimen.

Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, tak ramai Yang Amat Berhormat dalam dunia ini yang boleh buat waktu gitu, dalam pada cabaran dan juga tentangan yang dihadapi pun masih ada orang kata ini wayang, ini gini, ini lakonan, nak macam mana lagi Yang Berhormat Dato' Speaker. Sebab itulah Yang Berhormat Dato' Speaker, kita harus melihat, kita jangan jadi mata lalat, nampak yang kotor aje, suka duduk tempat yang kotor.

Seharusnya, harus lebih suci hatinya, pandangannya kerana apa yang dilakukan ini adalah memenuhi cita rasa tempatan. Menteri Besar kita bukan macam Menteri Besar tempat lain di bahagian pembangkang yang turun pergi ke longkang untuk bersihkan longkang, itu bapak gimik namanya, kita tak buat begitu. Lawatan ini dibuat dengan aspirasi yang diketengahkan oleh akar umbi dan diselesaikan, secara *hands on* dengan izin. Kalau perkara yang baik ini pun masih tidak diberi kepercayaan, bagaimana lagi kepada saya setuju seperti yang mana Tiram nyatakan tadi bahawa terdesak, ini dia.
Menyatakan bahawa kepimpinan kerajaan pusat dah kritikal, apa yang kritikalnya sangat? Sedangkan realitinya semuanya tambah baik, tak ada masalah apa pun. Eksportnya bertambah daripada bulan ke bulan, prestasinya tambah baik pengiktirafan diterima daripada luar negara yang tidak mengiktiraf hanyalah di kalangan pembangkang dalam nagara kita, itu sahaja, yang lain ok. Ia, memang mereka sedaya upaya untuk membawa isu-isu yang merentasi kehidupan rakyat dalam negara ini.

Yang lelaki, yang perempuan, yang tua yang muda, yang miskin, yang kaya, contohnya sara hidup. Apakah mereka boleh menurunkan sara hidup ini, kos sara hidup ini? Sebab itu kita jangan selektif dalam menghuraikan fakta realiti Jabatan Perangkaan Negara yang menyatakan bahawa pertambahan *medium* ataupun penengah, pendapatan dan upah di Malaysia yang bertambah ini, gaji dan upah bulanan pekerja di Malaysia yang meningkat 6.2% dan 6.3% masing-masing. Kalau dulu gaji dan upah 2015, RM1,600.00 sekarang 2016, RM1,703.00 pertambahan sebanyak 6.2 % kenapa tidak dihuraikan juga sama.

Jangan selektif dalam menghuraikan fakta dan angka untuk tidak lain dan tidak bukan seperti mana yang Tiram nyatakan dan rakan-rakan, untuk mengelirukan dan menghakis kepercayaan rakyat kepada kerajaan negeri Johor. Ia, memang ada pihak yang lebih gemar untuk melihat kerajaan ini semakin mundur, susah, rakyat susah, maka mudahlah jarum untuk masuk, nah inilah masa untuk menukar kerajaan. Inilah realitinya, sebab itu Yang Berhormat Dato' Speaker perkara ini haruslah diubah.

Dan pada masa yang sama, niat baik ikrar bebas rasuah sebagai gimik. Nyatakan saya apakah kerajaan di Pulau Pinang dan Selangor adalah kerajaan-kerajaan malaikat yang tidak ada salah? Mereka juga berselimut dengan pelbagai kontroversi dan isu-isu sepanjang kepimpinan mereka. Tetapi kita tidak berminat nak cerita pasal DAIG, nak cerita pasal SPLASH, nak cerita berkenaan dengan tanah Paya Indah, malas tak payah cerita dah kerana kita *concentrate,* kita fokus kepada kemajuan Johor.

Yang Amat Berhormat memimpin Johor baru 4 tahun. Lihatlah kemajuan daripada 2013 hingga 2017 ini ada siapa berani menafikan bahawa kita bertambah baik dan menghalalkan untuk kerajaan ini ditukar, jauh sekali. Soal membawa isu tentang pekerja-pekerja di Malaysia ke Singapura kita tidak lihat ratusan ribu, jutaan seluruh negara, puluhan ribu pekerja-pekerja luar negara dan luar-luar negeri dalam Malaysia ini yang mencari rezeki di tanah bertuah di Johor ini.

Kenapa kita tidak bersyukur, apakah tanda-tandanya itu? Tidak lain dan tidak bukan kerana kita adalah sebagai wasi yang memberi rezeki kepada rakyat bukan sahaja di Johor tapi di Malaysia keseluruhannya. Saya nak tahu hebat sangat cerita berkenaan dengan pekerja kita di Malaysia yang pergi bekerja di Singapura. Adakah pembangkang berhajat untuk menegah, menutup sempadan daripada

warga Malaysia bekerja ke Singapura? Ini pilihan mereka. Pada masa yang sama saya percaya negara tersebut juga sebenarnya tidak berapa gembira apabila rakyatnya datang ke Johor untuk berbelanja, ini realiti, *border economy*. Sebab itulah dalam hal ini jangan dimainkan sentimen ini.

Dan, saya nak nyatakan juga pada ketua pembangkang menyatakan UMNO dan MCA jangan main sentimen untuk kebencian kaum. Tuan-tuan, Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli-Ahli Dewan Negeri UMNO dan MCA bersama MIC lah yang membawa kemerdekaan kepada Malaysia pada satu ketika dulu. Dan bukan 3 sahaja kita ada 14 parti komponen hidup sama-sama baik, tak ada masalah pun. Bukan macam di sebelah sana, 2, 3 tetapi berlegai sepanjang masa. Sebab itu tuan-tuan, Yang Berhormat Dato' Speaker,

YB Timbalan Speaker : Macam ceramah aje. (Dewan ketawa).

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, ni penting Yang Berhormat Dato' Speaker, ini realiti. Dan saya nak ingatkan selain dari 56 Ahli Dewan Negeri yang ada dalam Dewan ini, ada 156 pasang mata dan telinga yang mendengar ucapan-ucapan kita dalam Dewan ini. Nah, nilaikanlah barisan pembangkang yang berbahagia, tuan-tuan dan puan-puan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya kadang kala melihat macam *desperate* sangat. Memang betullah dengan izin, terdesak sangat. Ni Yong Peng ini, saya nak ingatkan sikit. Terima kasih kerana usahanya untuk Sekolah Tamil, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil, Sekolah Rendah Kebangsaan Cina Yong Peng 2, eh kirim salamlah. Yang Berhormat belum jadi Wakil Rakyat benda tu telah diusahakan. (Dewan bertepuk). Ini betul-betul lembu punya sapi, lembu punya nama, lembu punya susu, sapi punya nama. (Dewan ketawa).

YB Timbalan Speaker : Lembu kurang bijak.

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) : Ialah kalau tak, tak dinamakan lembu. Kalau tak, dah dinamakan dot dot dot. Ini seolah-olah kalau tak ada dia semua tak berlaku dekat Yong Peng. Ei kirim salam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jangan kerana nak *survival* kita dalam parti menyebabkan kita menyebabkan rakyat-rakyat kempunan pembangunan, jangan. Kita telah mengalami dulu satu ketika kerana parti apa yang diberi kerajaan jangan diterima, apa yang diberi kerajaan jangan dipakai dan ini dah tahun 2017, jangan perkara itu berlaku lagi.

Tuan-tuan, Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli-Ahli Dewan Negeri yang saya hormati sekalian, sejak pembangkang tahun 86 dah 9 kali dah tukar pakatan nama ni. 9 kali tukar nama dah, kalau syarikatlah dah 9 kali tukar nama tu syarikat yang macam mana? Hancus. Dan pada masa yang sama kita harus tahu bahawa bukan sekadar faktor menjadi wakil rakyat yang dinamik semata-mata harus di lihat sebagai bagus kepada satu kerajaan itu.

Tetapi yang lebih penting adalah bagaimana hubungan antara parti yang memerintah dalam hal ini saya nak terus teranglah kerajaan pembangkang gagal menunjukkan kerjasama yang baik di kalangan parti-parti yang bersekongkol dengan mereka dengan apa nama sekali pun. Dan mereka memberikan 1,001 alasan untuk meyakinkan rakyat bahawa mereka masih baik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Parit Yaani menyatakan cerita kebal bocor ini. Dah diterangkan dah, dah diterangkan dah, bukan orang politik yang menerangkan tak bocor. Pengarah PTG pun dah menerangkan bahawa tak ada, tiada kebocoran. Saya nyatakan ini perkara kecil ini, perkara-perkara inilah yang dinyanyikan di akar umbi kat bawah tu. Kalau dah dekat Dewan pun masih nak nyanyi lagi benda ini, macam mana. Sebab itulah dalam hal ini, cerita masih lagi pasal GST, ni ia yang nak memerintah ni.

Sedangkan kepimpinan pembangkang sendiri menyatakan bahawa GST relevan dan dia kalau memerintah dia pun akan teruskan GST, dah bertelagah lagi. Ini yang kita nak beri kepercayaan, tak payahlah. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengharapkan bahawa di tahun-tahun yang akan datang, ada perkara-perkara yang baik yang boleh di terima tetapi sekali lagi saya nak menyatakan bahawa ianya tidak membolehkan dan boleh menghalalkan untuk kerajaan ini ditukar daripada yang sedia ada.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga hendak membawa perkara-perkara, tak banyak perkara. Saya hendak maklumkan Yang Berhormat Dato' Speaker, dekat Semarang ini tidak ada perkara-perkara besar, masalah-masalah besar. Alhamdulillah, semuanya terkawal, semuanya ditangani dengan baik oleh pihak kerajaan. Kerana, kita lebih *people sentric*. Kita bukan sahaja mencari isu, sekadar mencari isu merentasi lapisan masyarakat tetapi bersama kerajaan kita menyelesaikan masalah isu yang merentasi lapisan masyarakat yang ada.

Saya sekadar hendak bawa ke Dewan ini berkenaan dengan untuk mohon kebenaran, untuk menggunakan Kuarters Guru di Sekolah Menengah Dato' Menteri yang terbiar buruk kerana tidak dipakai dan tidak digunakan, untuk dijadikan asrama sementara. Untuk anak-anak luar bandar yang jauh daripada sekolah. Untuk memberi peluang kepada mereka menikmati kehidupan dekat dengan sekolah hanya pada waktu musim peperiksaan. Hendak kebenaran sahaja. Modal tidak payah. Orang Ayer Hitam, orang Semarang akan sediakan. Kita harap ianya telah dibawa di peringkat bawah, hari ini dibawa di peringkat sidang Dewan dan saya harap ianya tidak akan bermasalah dari segi birokrasi kerana niatnya adalah untuk memberi kemudahan kepada penuntut-penuntut, pelajar-pelajar kita yang akan menghadapi STPM dan SPM dalam waktu yang terdekat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya merasakan bahawa apa sahaja yang di buat oleh kerajaan akan menghadapi cabaran. Soal isu rumah, soal pengangkutan awam, soal sara hidup, saya cabar semua pihak pergilah semua warung di kawasan masing-masing, mereka akan dapati bahawa harga secawan kopi berbeza antara warung dengan warung dan kedai kopi dengan kedai kopi. Ini bermakna, tidak ada kena mengena dengan kerajaan, soal menentukan harga di peringkat akar umbi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, soal rumah kita bukan sahaja sediakan rumah tetapi kita juga sediakan *end financing* dengan izin, dan ini tidak di buat oleh tempat-tempat yang lain. Yang baik harus dipuji, yang kurang harus diperbaiki.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas peluang ini. Saya menyokong usul yang di bawa oleh Bukit Permai. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Semarang. Saya ingat nak satu jam. Kita teruskan Persidangan. Jemput Serom.

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahamatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Muafakat Johor, salam Serom. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, yang memberi ruang dan peluang kepada Serom untuk turut serta dalam perbahasan ucapan menjunjung kasih atas titah ke Bawah Duli Tuanku Sultan Johor, yang disempurnakan oleh Duli Teramat Mulia Tunku Mahkota Johor pada Persidangan Dewan Undangan Negeri Johor Penggal Kelima Sesi ke-13 yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada pengamatan Serom titah ucapan ke Bawah Duli Tuanku kita wajib perinci dan perhalusi secara bersama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Serom telah mengamati dua Yang Berhormat Tiram dan Yang Berhormat Semarang merupakan, kalau dipanggilkan abang tualah. Abang tua dah bercakap banyak, berkaitan dengan pembangkang, jadi..

YB Timbalan Speaker : Abang lama, bukan abang tua.

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) : Minta maaf Dato' Speaker, abang lama. Jadi, Serom terus menjurus kepada perkara-perkara berkaitan dengan titah ucapan dan titah ucapan itu dilihat kepada tiga perkara yang sangat penting iaitu harus kita teliti secara bersama sebagai *Team Johor* yang sentiasa memikirkan pembangunan Johor dan kemakmuran dan kebajikan dan Bangsa Johor kerana Johor ini rumah kita dan untuk generasi ataupun anak cucu kita. Kitalah yang mencorakkan dan kitalah yang membentuknya.

Pertama, Serom ingin menarik perhatian berkaitan dengan isu pelaburan negeri Johor. Serom ingin mengambil peluang mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, kerana di atas ketokohan dan kerja kuat Yang Amat Berhormat serta seluruh warga yang bekerja pada tahun 2016. Negeri Johor telah mencatatkan pelaburan langsung asing atau dengan izin, *Foreign Direct Investment* bagi sektor pembuatan dengan jumlah yang merekodkan RM11.2 bilion ataupun 40.9% dari jumlah keseluruhan untuk seluruh Malaysia. Ini merupakan satu kejayaan yang wajib kita banggakan untuk seluruh *Team Johor* yang berada di dalam sidang Dewan yang mulia ini ataupun di luar Dewan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan kejayaan ini, Serom pasti kejayaan ini tidak dapat di kecapi tanpa kerja keras oleh semua pihak yang berkaitan. Hal ini kerana dalam rasa terujanya, kita terus mencipta kejayaan demi kejayaan pada setiap hari dan tidak dapat tidak kita sememangnya tidak boleh lari dari cabaran-cabaran yang hadir sama ada di peringkat global mahupun lokal. Malah kita juga menghadapi cabaran dari pihak sebelah sana yang melihat perkara-perkara yang membangkang sahaja. Jadi, yang itu telah dijelaskan begitu panjang dan lebar daripada YB Kukup, ditambah lagi Tiram dan Semarang. Saya rasa cukuplah itu, jadi kalau kita lihat di mana di bawah pentadbiran kerajaan negeri pada hari ini, kita lihat semua masalah, insya-Allah dapat kita harungi dan diselesaikan secara bersama.

Sebagai contohnya, Yang Berhormat Dato' Speaker, projek RAPID di Pengerang yang penuh dengan cabaran pada masa lalu, dan kita sedia maklum terdapat sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab sering mempersoalkan dan kewajaran pelaburan dan kelangsungan projek RAPID di Pengerang itu. Namun, kita tahu bahawa wujudnya projek ini telah banyak membantu masyarakat sekeliling khususnya masyarakat Johor, melalui peluang pekerjaan yang ditawarkan sama ada profesional, separa mahir mahupun pekerja biasa. Selain keuntungan

peniagaan yang dinikmati oleh sesetengah golongan. Apabila berlakunya contohnya pertukaran aliran tunai di antara masyarakat sekitar melalui perkhidmatan mahupun perniagaan yang diusahakan. Mungkin Yang Berhormat Dato' Pengerusi, sesetengah daripada kita melihat keuntungan RM2.00 itu kecil. Akan tetapi, kita percaya ialah dengan duit itu juga, sesetengah pihak mampu menunaikan kehendak yang diperlukan.

Selain itu, Serom berasa berbangga berkat kerjasama erat atau muafakat di antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri, projek RAPID ini jugalah yang menerima pelaburan mencecah RM30 bilion yang disebut sebagai Aramco daripada Arab Saudi. Serom pasti keuntungan dari pelaburan ini akan dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat sama ada jangka masa panjang mahupun pada masa, jangka masa pendek.

Serom ingin menegaskan bukan hanya projek RAPID ini sahaja sebagai contoh kejayaan ekonomi di negeri Johor, akan tetapi untuk seluruh warga Dewan dan untuk seluruh di dalam Dewan yang mulia ini. Negeri Johor juga merupakan empat negeri utama penyumbang KDNK negara seperti yang telah di kecapi pada tahun 2014 dan 2015. Melalui fakta ini, jelas untuk kita katakan bahawa sememangnya negeri Johor mampu untuk menjadi sebagai sebuah kuasa ekonomi selatan pada satu hari nanti, insya-Allah.

Isu yang kedua, berkenaan isu kutipan cukai dan status tanah. Serom tidak berhasrat menyentuh soal-soal teknikal berkaitan isu ini, kerana Serom percaya di bawah mandat Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor dan semua penjawat awam Johor sentiasa bekerja keras dalam memastikan kedudukan kewangan negeri yang kukuh dan juga menyelesaikan segala perkara yang berkaitan dengan isu ini mengikut kewajaran yang diperuntukkan bidang kuasa yang berkaitan. Serom percaya, melalui titah Tuanku tersebut, sememangnya berkehendakkan bahawa satu tadbir urus yang cekap dan matang demi memastikan gagasan Johor berkemajuan dapat dirasai oleh pelbagai lapisan masyarakat di seluruh pelosok negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan isu pendidikan di Johor, kita sedia maklum negeri Johor sememangnya mendepani dalam pelbagai perkara berkaitan pembangunan modal insan contohnya. Melalui bidang pendidikan khususnya pendidikan agama. Hanya Johor terdapat satu sistem pendidikan agama yang sistematik bermula dari Tadika Agama Johor hinggalah Sijil Darjah Khas Agama Johor dan seterusnya Maahad Johor.

Prasarana yang kondusif serta silibus pembelajaran yang berkualiti namun Serom percaya kita sebagai manusia biasa, dan kita lihat ada pembangunan dan penambahbaikan harus dilihat. Dan, Serom memandang berat dan menjunjung kasih di atas penekanan diberikan oleh Tuanku Sultan berkenaan isu ini dan Serom lihat bahawa, marilah kita sama-sama fikirkan bahawa pendidikan Sekolah Agama Negeri Johor ini dapat dipertingkatkan dan dilihat bukan sahaja dapat melihat untuk negeri Johor tetapi boleh diguna pakai untuk seluruh negara.

Serom ingin juga menarik perhatian Dewan yang mulia ini agar kita sama-sama dapat mempertahankan dalam apa jua keadaan supaya sistem Sekolah Agama Negeri Johor ini bukan sahaja terkenal di seluruh Malaysia, dan yang paling penting ia kekal beroperasi sebagai satu lambang dan kemegahan walaupun kita bertukar dari satu generasi ke satu generasi.

Selain itu, Serom percaya sehingga kini pelbagai lapisan masyarakat telah menerima manfaat melalui kewujudan pelbagai program-program bantuan berasas pendidikan seperti Skim Bantuan Pendaftaran ke IPTA, Tabung Permodalan Darul Ta'zim bagi peringkat Sarjana dan juga Program Tuisyen SPM YPJ bagi mata pelajaran Sains dan Matematik. Serom percaya terdapat sesetengah pihak yang mempersoalkan berkenaan kadar bantuan diluluskan oleh kerajaan negeri dalam hal ini akan tetapi Serom percaya bukan kadar bantuan yang harus kita jadikan isu perbalahan akan tetapi keprihatinan kerajaan negeri dan kerjasama erat oleh pelbagai pihak yang bertanggungjawab dalam membantu golongan yang berkeperluan melalui pelbagai akses dalam pelbagai peringkat secara kolektif dan inklusif.

Di kesempatan ini, Serom juga ingin berkongsi kepada semua warga Dewan agar sentiasa memberi dorongan kepada pihak-pihak yang ingin menyambung pelajaran sama ada di dalam bidang profesional, teknikal mahupun sijil kemahiran. Lebih-lebih lagi dalam dunia digital pada hari ini selari dengan gagasan TVET dengan izin, iaitu *Technical Vocasional Education Training,* atau melalui Pelan Transformasi Strategi Lautan Biru Kebangsaan, Serom menyeru sekali lagi agar bidang pendidikan sentiasa dipandang tinggi oleh setiap pihak kerana kita membina bangsa Johor yang berkemahiran tinggi, usaha ini perlu digerakkan segera yang mungkin akan hasilnya dapat dituai bila-bila masa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Serom akhirnya ingin membawa perkara yang berkaitan dengan isu-isu kawasan. Terlebih dahulu Yang Berhormat Dato' Speaker, Serom ingin merakamkan jutaan terima kasih melalui pimpinan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri dan juga Pegawai Daerah Tangkak dan semua agensi-agensi berkaitan sama ada Majlis, JKM dan sebagainya yang tidak dapat Serom sebutkan satu persatu, namun apa yang Serom amati selama 4 tahun sebagai Wakil Rakyat, kata kuncinya adalah muafakat di antara Wakil Rakyat dan muafakat di antara agensi-agensi kerajaan dipimpin oleh Pejabat Daerah, segala urusan dapat kita laksanakan. Dan Serom kadang-kadang dengar hairan juga, mengapa mereka bawa dalam Dewan ini berkaitan dengan parit, longkang dan sebagainya. Serom tak faham kerana *platform* di sini adalah membincangkan soal dasar, bukan *platform* di sini membincangkan soal operasi yang berkaitan dengan keadaan semak dan sebagainya. Serom tidak faham, kerana di daerah Tangkak, kalau Gambir ada mungkin boleh dapat mengesahkan, daerah Tangkak perkara-perkara ini adalah satu tahap yang harus dibincangkan di tahap Pejabat Daerah sahaja. Malah di peringkat GPMM sahaja. Soal-soal lampu dan sebagainya. Ada juga perkara-perkara yang mungkin agak besar, jadi Serom lihat bahawa ada empat perkara yang Serom ingin bawa iaitu Serom cadangkan tanah seluas lebih kurang 5 ekar lebih yang kawasan itu agak terbiar jadi kawasan pekan Serom, Serom cadang agar kita dapat membina untuk kemudahan dewan orang ramai umpamanya sebagai tempat kemudahan masyarakat dan rakyat di Serom.

Kedua, Serom, sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada EXCO Kesihatan yang mengambil berat soal-soal kesihatan di DUN Serom. Klinik 1 Malaysia di Mukim Kesang namun begitu Serom lihat ada satu cadangan agar Klinik Kesihatan Sungai Mati dilengkapkan dengan peralatan x-ray ia ini dapat memudahkan. Namun Serom sedar bahawa ada bantuan ataupun daripada Hospital Sultanah Aminah dan Hospital Tangkak tapi adalah baiknya kalau ada peralatan x-ray berserta dengan pakarnya ditempatkan di Klinik Sungai Mati bagi kemudahan rakyat Serom.

Ketiga, Serom lihat bahawa rupa-rupanya Serom ini berdekatan, sebelahan dengan Bandar Diraja, Bandar Maharani Diraja dan Serom juga bersebelahan

dengan negeri Melaka Bersejarah jadi Serom merayu kepada agensi ataupun EXCO Pelancongan melihat contoh umpamanya dapat membangunkan produk-produk aktiviti pelancongan di Dataran Beca Kesang yang telah lama terbiar dan juga jeti Parit Haji Osman, jeti Parit Karang, jeti Kesang Laut dan jeti Teluk Kemang. Di sinilah boleh kita lihat agensi-agensi yang berkaitan umpamanya agensi-agensi yang berkaitan dengan nelayan dan pertanian dapat melihat bagaimana untuk tambah pembaikan.

Keempat iaitu Serom mengesyorkan agar dapat membina jalan alternatif pesisir Sungai Muar. Hari ini, pada masa akan datang akan dapat membantu mengeluarkan hasil-hasil mahsul dan dapat memudahkan perjalanan rakyat seumpamanya. Dan di tambah satu lagi sebagai merekodkan dalam Dewan ini iaitu, jambatan Serom, Sungai Serom harus diperbesarkan kerana dengan pertambahan aliran kenderaan daripada pembukaan Tol Bukit Gambir yang lalu dan juga dengan pemesatan Bandar Universiti Pagoh ini juga akan melibatkan aliran trafik yang, yang besar dan Serom harap dengan siapnya nanti jambatan, pelebaran jambatan di DUN Gambir maka kita dapat menyiapkan pula di DUN Serom.

Dan akhirnya Serom ada beberapa perkara yang sebelum terlupa selain daripada rakaman terima kasih yang tidak terhingga kepada semua agensi-agensi kerajaan yang terlibat, Serom juga ingin menarik perhatian berkaitan dengan beberapa perkara yang Serom hadapi, sedikit sahaja iaitu berkaitan dengan soal-soal rakyat. Serom percaya bahawa tugas yang dilaksanakan terutama Majlis Daerah untuk menguatkuasa dan melaksanakan peraturan-peraturan. Namun begitu Serom juga mencadangkan agar tindakan penguat kuasa itu dilihat dalam soal pemudah cara kerana rakyat Serom sebagaimana kita ketahui ada peniaga-peniaga yang meniaga di tepi-tepi jalan dan tanah-tanah ini adalah memang tanah milik Jabatan Kerja Raya umpamanya dan bukan milik Majlis Daerah tetapi oleh kerana pertindihan kedudukan tanah ini bukanlah untuk jadikan satu tempat untuk kita menguatkuasakan. Saya rasa, saya cadangkan agar kita menjadi pemudah cara supaya rakyat kita yang berniaga masakan hasil mahsul ini agar terus dijaga. Mereka dapat mencari punca pendapatan. Kerana saban tahun Serom melihat perkara inilah yang menjadi persoalan yang rakyat datang bercerita, mereka nak berniaga tempat tak ada dan sebagainya, tempat itu tempat yang sesuai. Serom faham memang kita menghadapi masalah lalu lintas dan sebagainya tapi marilah kita bersama-sama menjadikan pemudah cara agar mereka dapat meniaga mencari sumber pendapatan dan akhirnya mereka berbangga menjadi rakyat Johor dan menjadi rakyat Serom.

Yang kedua, isu berkaitan dengan muafakat. Muafakat ini kadang-kadang ada sedikit terurai, ada sedikit-sedikit masalahnya. Masalah yang kita lihat iaitu soal-soal pelantikan-pelantikan Jawatankuasa imam dan surau. Ini juga Serom lihat bahawa setelah pelantikan itu dibuat maka ada perkara-perkara yang berkaitan dengan itu. Dan ini dua perkara ini saya percaya kalau kita perhalusi dan kita perbaiki dari segi prosesnya, insya-Allah akan selesai.

Serom merangkumkan bahawa selama empat tahun ini, Serom pasti ada melakukan kesilapan dan kelemahan dengan rasa berlapang dada khususnya kepada agensi-agensi kerajaan, Serom memohon maaf dan kepada rakyat Serom khususnya kelemahan-kelemahan itu adalah kelemahan diri saya sendiri dan insya-Allah saya berikrar untuk berusaha dengan sebaik-baiknya. Dan saya percaya rakyat Serom dapat melihat dan merasakan kesejahteraannya semua skop-skop dan aspek-aspek seperti keselamatan, pendidikan, kesejahteraan dan kebajikan

yang harus di beri kepada rakyat, insya-Allah, Serom merasa kita telah dapat melaksanakan. Insya-Allah.

Dan dengan itu Serom sekali lagi, ingin akhirnya, ingin menyebut bahawa Serom mohon maaf dan kedua Serom ingin menarik kata-kata yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor sewaktu sesi pembentangan Bajet Johor 2017. Ketahuilah bahawa tidak ada sehari pun yang berlalu tanpa kami semua memikirkan bagaimana hidup kalian, hidup keluarga dan anak-anak kalian yang perlu lebih baik dan kesejahteraan. Sekian, Serom menyokong usul, menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat DUN Permai. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Waalaikumusalam, cerah masa depan. Persidangan disambung semula. Sila Tanjung Puteri.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Bacaan Doa).

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kerana memberi juga ruang kepada Tanjung Puteri untuk merundingkan rundingan menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang diwakili oleh perasmiannya oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor pada 4 Mei 2017 yang lalu pada Pembukaan Penggal Persidangan kelima Dewan Negeri Johor. Terlebih dahulu Tanjung Puteri ini pun samalah macam Serom tadi tak naklah usik hati rakan-rakan kita. Ini rakan kita juga. Jadi Tanjung Puteri nak menyampaikan sedikit gurindam, dia panggil gurindam 12 oleh Raja Ali yang ditulis di Pulau Penyengat pada 1847 Masihi yang lalu. Dia ada 12 gurindam tetapi Tanjung Puteri memilih dua sahajalah. Bunyi dia begini, "Apabila terpelihara mata, sedikitlah cita-cita. Apabila terpelihara kuping, khabar yang jahat tidaklah damping".

YB Timbalan Speaker : Kuping, ada orang tak faham itu.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Telinga, telinga.. "Apabila terpelihara lidah, nescaya dapat daripadanya faedah. Bersungguh-sungguh memelihara tangan daripada segala berat dan ringan. Apabila perut terlalu penuh keluarlah fiil yang tidak senonoh. Anggota tengah hendaklah diingat. Di situlah banyak orang yang hilang semangat".

YB Timbalan Speaker : Anggota tengah itu apa?.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Bawah pusat. (Dewan ketawa). "Hendaklah peliharakan kaki daripada berjalan yang membawa rugi. Itu bait-bait fasal yang ketiga. Lagi satu bait, fasal yang ketujuh. "Apabila banyak berkata-kata, di situlah jalan masuk dusta. Apabila banyak berlebihan suka, itulah tanda hampirkan duka. Apabila kita kurang siasat, itulah tanda pekerjaan hendak sesat. Apabila anak tidak dilatih, jika besar bapanya letih. Apabila banyak mencacat orang, itulah tanda dirinya sendiri kurang. Apabila orang yang banyak tidur, sia-sia sahaja umur. Apabila mendengar akan khabar, menerimanya itu hendaklah sabar. Apabila mendengar akan aduan, membicarakannya itu hendaklah cemburuan. Apabila perkataan yang lemah lembut, lekaslah segala orang mengikut. Apabila perkataan yang amat kasar, lekaslah orang sekalian gusar. Apabila pekerjaan yang amat benar, tiada boleh orang membuat onar".

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya bait-bait ini kalau diterjemahkan banyak maknanya. Dan sebenarnya banyak terjemahan yang telah dilakukan oleh pelajar-pelajar kita di tingkatan empat dan lima. Di setiap tahun apabila mereka membicarakan gurindam-gurindam ini kerana gurindam ini adalah pendidikan bahasa di sekolah-sekolah menengah. Jadi apa yang Tanjung Puteri nak kaitkan dengan gurindam ini adalah sekiranya gurindam yang dibaca ini Tanjung Puteri nak sedikitlah gurindam jugalah. Tanjung Puteri mulakan dengan gurindam, "Jika ada kebaikan jangan di padam, jika tak terima bait gurindam, terasa tersindir jangan berdendam". *So,* maka Tanjung Puteri mengatakan begini kerana sekiranya di sekolah, sekiranya dalam pendidikan bahasa bangsa Malaysia ini dapat di terapkan kepada anak-anak kita di sekolah-sekolah bukan hanya di tingkatan empat dan lima malahan kalau boleh diterapkan perkara-perkara kebaikan begini di peringkat sekolah rendahnya.

Jadi, Yang Berhormat Pengerusi, Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya kerajaan dah puas dah, dah cuba mengubah yang mana kita diuar-uarkan ataupun kerajaan melalui Kementerian Pendidikan sudah menukar daripada KBSR iaitu Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah yang mana di dalamnya ada UPSR, Ujian Penilaian Sekolah Rendah kepada KSSR, Kurikulum Standard Sekolah Rendah pada tahun 2011. Kerajaan dah buat ini. Kerajaan cuba buat agar pendidikan di peringkat sekolah rendah kita ini, dah tak ada lagi peperiksaan UPSR apabila diterjemahkan dengan KSSR, maka kita dapat lihat kalau dari awalnya dengan mata pelajaran yang diterapkan dalam KSSR seperti Bahasa Malaysianya, Bahasa Inggerisnya, Matematik, Sains, Pendidikan Islam & Moral, Bahasa Arab, Bahasa Cina dan Tamil, Seni, Muzik, Sejarah, Reka bentuk Teknologi. Ini Darjah 6 ke bawah. Maka apa yang kerajaan harapkan satu hari nanti apabila TN50 ataupun Transformasi Nasional 2050 nanti, maka saya berharap ataupun memuji Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memastikan setiap murid yang dihasilkan nanti pada tahun 2050 bakal mempunyai pengetahuan, kemahiran berfikir aras tinggi. Memelihara kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, beretika dan kerohanian serta beridentiti Malaysia, nasional. Jadi apa yang Tanjung Puteri nak bawa, betullah cakap Serom, ini dasar-dasar ni, kita punya standard ni, betul Serom eh? Standard kita ni tinggi, jangan cerita tentang parit, tapi parit pun perlu juga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada apa yang Tanjung Puteri nak katakan adalah bukan permasalahan tetapi apa yang telah kerajaan lakukan. Di Tanjung Puteri, Tanjung Puteri mencari apa kelemahan lagi. Tak ada kerana kalau di sebuah bandar raya ini tentulah Majlis Bandaraya Johor Bahru ni, dia sudah mencakupi semua perkara-perkara yang mesti rakyat hendakkan. Pertamanya kalau kita tengok pembersihan, kalau kita lihat, apa perkhidmatan lampu dan sebagainya. Saya rasa ini adalah tanggungjawab Ahli Majlis di peringkat Majlis Bandaraya itu sendiri. Jadi di peringkat Tanjung Puteri kalau ada masalah-masalah seperti masalah rakyat bawahan ini, Tanjung Puteri ni panggil ni Ahli Majlis kawasan ini, hah tengok ini masalah awak, pergi buat.

Majlis Bandaraya pula Yang Berhormat Dato' Speaker, kecekapan mereka ini mereka berfikir hinggakan Ahli Majlis mereka pun diberi peruntukan, boleh melaksanakan projek-projek kecil di peringkat zon-zon masing-masing. Jadi di dalam zon Tanjung Puteri ini, ada juga kes, ini memang penyokong pembangkang. Tak nak cakaplah DAP ke mana ke tak ada. Tetapi penyokong pembangkang ini terus berjumpa dengan wakil rakyat iaitu Tanjung Puterilah, sayalah. Jadi apa yang mereka katakan, apa yang beliau katakan adalah kawasan dia ni apabila pihak SWM buat kerja, dia angkat dia bersihkan sisa dalam parit dilonggokkan di sebelah atas. Maka kita dapat lihat longgokan tanah yang diletak di atas parit di tepi jalan

ni sudah menjadi bukit dan akhirnya air daripada jalan raya tidak turun ke dalam air maka beliau mengatakan yang Majlis Bandaraya tidak dapat melaksanakan projek, perkara seperti ini dan ianya menyusahkan orang ramai. Jadi apabila ianya sampai kepada saya, saya cakap saya katakan kepada beliau yang ini adalah tanggungjawab Ahli Majlis kita. Sudahkah beliau berjumpa dengan Ahli Majlis kita di zon tersebut? Beliau kata beliau tak tahu cara macam mana nak *complaint*. Jadi Alhamdulillah, ada wakil rakyat yang peka begini jadi kita salurkan panggil Ahli Majlis-Ahli Majlis, panggil lori panggil JCV buat terus, terus siap. Esok lusa seminggu siap. Satu taman dia bersih. Itu pertama. Kemudian beliau berjumpa saya semula untuk menyampaikan terima kasih beliau kepada saya kerana telah menjalankan tugas atas apa yang telah diadukan tersebut. Tanjung Puteri katakan pada beliau kita kena terima kasih kepada Majlis Bandaraya bukan pada saya. Majlis Bandaraya yang melakukan projek tersebut maka sepatutnya kreditnya di terima oleh bandar raya. Akhirnya beliau berkata, kalau lah wakil rakyat macam inilah, sambung lagi lah YB, saya kali ini bagi YB. (Dewan bertepuk). Ini pembangkang ini, saya bagi YB. Tak pe, undi rahsia, *you* tak nak undi tak apa. Tapi bila orang dah buat baik, *you* balas baik sudah. Cakap macam tu.

Keduanya, apa yang Majlis Bandaraya ini, bukan nak puji Majlis Bandaraya, tetapi Majlis Bandaraya ini dah cukup buat kerja dengan baik. Tinggal lagi penilaian dan juga kerjasama daripada kita ni. Di dalam bandar raya, terutamanya Tanjung Puteri ini dalam bandar raya, apa masalah sebenarnya? Apabila kita selidik kita kaji sebenarnya di dalam bandar raya ini, isu yang paling tinggi *rating*nya adalah keselamatan. Maka bagi Tanjung Puteri, terpaksa jugalah berbincang dengan Ahli Parlimen. Ahli Parlimen pun *very supportive*, dengan izin. Kerjasamalah, kerjasama ini macam nak sambung lagi aje ni. Kita memikirkan satu kaedah yang mana kita panggil, kita panggil semua penduduk wakil-wakil mereka dan berbincang. Waima, Melayu ke Cina ke India ke kita panggil, datang semua. Pembangkang ke tak pembangkang ke datang kita berbincang tentang keselamatan. Kita panggil ni pihak Polis, kita panggil Datuk, DO kita, kita panggil kita berbincang. Apabila berbincang kita memuktamadkan perkara.

Pertamanya dahulu di taman-taman ni ataupun di kampung-kampung ini, apabila kita bina satu projek demi satu projek, kita ada *link road* kita panggil. Jadi Taman A ke Taman B mesti nak ada laluan dan sebagainya untuk kemudahan, kita kata keselamatan dan juga kecemasan. Jadi dalam perkara ini kita berbincang apa yang patut kita lakukan kerana ini dasar-dasar yang lama. Kita sekarang ni dalam bandar, dah abad yang ke-21 ni, takkanlah kita tak boleh fikir kan satu kaedah yang baik untuk masyarakat terima. Akhirnya, Datuk Bandar saya pujilah. Dia terbuka. Kita beri kepada kemudahan kepada mereka ini, di taman-taman ini dengan ada syarat-syarat. Maka kita beritahu kalau kita nak jaga kawasan kita, kita kena tubuhkan satu jawatankuasa penduduk dahulu, berdaftar. Maka kalau kita *register*, kita tahulah siapa yang bertanggungjawab dan sebagainya. Maka mereka membuat satu jawatankuasa penduduk yang mana mereka bertanggungjawab mencari dana dan sebagainya supaya kawasan mereka di jaga kerana taman-taman di dalam bandar ini dia punya pergerakan, apa, untuk menjaga kawasan ini mesti berbayar jadi mereka memohon agar taman mereka ini dapat dibuat *gated* dan *guarded*. Jadi dengan izin...

YB Timbalan Speaker : Tanjung Puteri, sila duduk. Bagi membolehkan Tanjung Puteri menyambung gurindam dia, saya tangguhkan Persidangan Dewan ini ke jam 2:30 petang ini.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 tengah hari.

Persidangan disambung pada jam 2:30 petang.

YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Timbalan Speaker : Assalamualaikum WBT. Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan disambung semula. Sebelum saya menjemput Tanjung Puteri untuk melanjutkan perbahasan, ingin saya, untuk membuat pembetulan semalam Pekan Nenas telah pun membuat ucapan. Dia telah merujuk kepada Senggarang. Jadi dia telah meminta maaf, yang sebenarnya ialah Tanjung Surat ya. Jadi kena ambil ingatan Jurutulis. Persidangan disambung semula. Dijemput Tanjung Puteri.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Tadi saya sampai satu tahap yang mana saya dah kurang ingatlah kat mana.

YB Timbalan Speaker : dah sampai klimaks.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Tapi dalam masa yang sama saya teruskan dengan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pegawai Daerah pula. Tadi dah Majlis Bandaraya sekarang pejabat daerah. Pegawai Daerah ni kita biasa ingat tak ada banyak kerja, tapi Pegawai Daerah ini kalau kita lihat dia kena jaga Penghulu, bawah Penghulu kita ada ketua-ketua kampung dan ketua-ketua kampung kena tengok semua masjid, surau dan sebagainya melalui orang-orang yang telah dipilih untuk menjaga peringkat masjid surau dan sebagainya. Dan juga dalam menangani masalah-masalah seperti kemiskinan dalam bandar dan sebagainya, kita dapat putuskan segala apa juga permasalahan tentang kemiskinan ini bersama-sama dengan JKM dan Yayasan Bandaraya. Jadi Tanjung Puteri ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pegawai Daerah, kepada Jabatan Kebajikan Malaysia dan juga semua sekali yang ada dalam mesyuarat-mesyuarat di tindakan daerah agar permasalahan dengan kemiskinan dapat diselesaikan. Begitu juga dengan masalah-masalah yang kecil seperti masyarakat dan sebagainya, kita bincangkan dan seterusnya di peringkat daerah, pejabat daerah ini kita dapat diselesaikan. Isu-isu seperti isu tanah dan sebagainya. Permohonan tanah dan apa jugalah. Jadi dua agensi yang saya katakan tadi dah boleh dikatakan telah membantu perjalanan Tanjung Puteri untuk mentadbir DUN Tanjung Puteri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada itu, saya ingin sikitlah, sikit, menyambut saranan Pasir Raja yang sebagaimana beliau katakan lebuh raya tu patut naik 4 lorong dan sebagainya, tetapi dalam masa yang sama saya memohon agar Pejabat Polis Diraja ini mengkaji bukan hanya mengenai denda yang difikirkan untuk dikenakan kepada pemandu-pemandu dan juga bukan difikirkan bagaimana untuk mendenda dengan memberi *point* dan sebagainya. Tetapi sepatutnya juga dibuat kajian sekiranya kenderaan, kelajuan kenderaan ini, sepatutnya mengikut kapasiti kenderaan tersebut seperti kenderaan yang mempunyai kelajuan ataupun ukuran 1000cc misalannya dan juga kenderaan yang mempunyai 3000cc. Kalau kita bandingkan, kenderaan yang mempunyai 1000cc ini, kuasa kuda ini, kalau dia laju lebih daripada 110mph, kalau dia memandu lebih laju misalnya 120, mungkin dia kena denda lah. Pasal dia dah lebih had laju, 120. Itu mungkin masih tahap kurang bahaya. Begitu juga dengan kenderaan yang mempunyai 3000 cc. Mungkin kalau 120 batu sejam, mungkin kurang bahaya dia.

YB Timbalan Speaker : 120 batu sejam tu dah laju tu.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Dah laju tapi kalau...

YB Timbalan Speaker : Bukan 120 km satu jam

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : 120 km/jam, silap sebut. Minta maaf Yang Berhormat Datuk Speaker. Kalau kita bandingkan 3000cc kereta kenderaan 3000cc membawa kelajuan 120 batu per jam, mereka tak rasa sangat 120.

YB Timbalan Speaker : YB ni masih lama eh. Batu je, orang tak kira batu sekarang, kilometer (Dewan ketawa). Matriks.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Kilometer, ok.

YB Timbalan Speaker : Kilometer, matriks bukan peril.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Betul Dato'. Ini orang lama ni. Maka kalau kita kaji, kita mintalah pihak Polis kalau boleh dikaji. Kalau cc kenderaan 1,000 cc ini dia bawak lebih daripada 120 kilometer per jam mereka ni kurang bahaya dia, tetapi tetap dikenakan denda. Kalau kita ikut cara mendenda tu, ikut kelajuan mereka, maka kita dapat lihat kenderaan yang kecil ni dia tidak akan lari lebih sebab apa, kalau kita tengok kereta kancil, kereta kancil ni, dia bawa memang 110 km, tetapi apabila dia nak *overtake,* dengan izin, *overtake* lori ke...

YB Timbalan Speaker : Memotong.

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Memotong. Kalau nak memotong kenderaan dia terpaksa kelajuan dia hingga 120 dan sebagainya. Lepas tu dia akan turun, tapi dalam masa yang sama, masa tulah dia kena *speed trap*, jadi dia dah didenda. Tapi kalau kenderaan yang 3,000 cc ke atas ni dia pecut aje, 120, 130, 140 kilometer per jam. Baru betul. Jadi, kalau ikutkan denda ni mengikut kelajuan, mungkin 120 kilometer sekarang ni denda RM300.00 tetapi kalau kenderaan membawa kelajuan lebih daripada 140 dia naikkan lagi berganda RM600.00 dan sebagainya maka bukan cerita pendapatan Polis nanti lebih, tidak. Kelajuan tu, kereta yang 1,000 cc ni dia akan bawa pandu lebih-lebih pun dia berani 120. Sekarang ni kita dapat lihat, kenderaan yang 1,000 cc lari sampai 140, 150 dan tahap, tahap keselamatan ataupun tahap kelajuan itu boleh membunuh, boleh mendapat kecelakaan yang lebih teruk kalau kereta tu bukan kereta yang cc nya besar sampai 3,000 cc. Jadi, orang yang mempunyai kereta 3,000 cc ke atas ni dia memang orang yang ada duit. Jadi, kalau kita kenakan mengikut kelajuan denda ni, kalau dia rasa nak pergi Kuala Lumpur dia nak cepat dia kena bayar Polis lebihlah. Saman dia dan seterusnya.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada tu saya ingin mencadangkan kita ni dah ada PPAJ, apa Perbadanan Pengangkutan Awam Johor, supaya kaji juga jangan aje kita kaji bas percuma untuk rakyat, bas percuma muafakat, Bas Muafakat Johor ni, kita cuba kaji juga bagaimana kita nak peruntukan bas percuma kepada sekolah-sekolah melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru, jadi kalau Persatuan Ibu Bapa dan Guru ni dapat permit untuk mengendalikan bas sekolah-sekolah maka bas sekolah ini, murid-murid mereka lebih mereka ketahui yang mana perlu menggunakan bas dan sebagainya. Jadi, saya berharap pihak PPAJ dapat memainkan peranan untuk rakyat negeri Johor, untuk Bangsa Johor supaya dapat

menyediakan bas perkhidmatan bas sekolah untuk murid-murid di sekolah-sekolah ini.

Akhir sekali saya nak cerita tentang garam, garam. Ni dia orang semua nak tahu cerita garam ni. Orang-orang tua kata, susah nak jadi garam. Tapi jangan jadi langau. Kerana garam ni, lobak busuk, dia boleh dijeruk dengan adanya garam. Begitu juga ikan, ikan yang busuk dengan garam dia boleh jadi ikan masin. Sebab itulah kalau kita lihat kepada orang-orang yang banyak nooo(bunyi langau) jadi macam langau, bising ini, sebenarnya dia lebih membusukkan perkara. Kalau kita lihat daging yang baik, daging lembu ke yang baik, langau datang, langau duduk, dia pun bertelur dekat situ, telur jadi anak langau, akhirnya daging yang elok pun boleh menjadi busuk. Ini pepatah orang tua, jadi, jadilah garam walaupun masin, walaupun bahaya bagi orang darah tinggi, tetapi garam lebih baik daripada langau. Langau tak akan cari garam untuk dia bertelur di garam itu. Jadi, kata-kata yang sambungan sikit ni, Yang Berhormat, akhir kata Tanjung Puteri menyokonglah usul yang dibawa oleh Bukit Permai. Sekian, terima kasih.

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Sila Sedili.

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Bismillahirahmannirahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Muafakat Johor. Alhamdulillahirabilalamin. (Bacaan selawat). Terima kasih Yang Berhormat Dato' Timbalan Pengerusi, minta maaf, mengantuk. Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat saya tak ada niat untuk nak cakap lebih lanjut dan lebih kasar kalau dibandingkan rehat di sebelah nun di sana. Tapi saya nak ucapkan jutaan terima kasih mungkin ini ucapan yang terakhir bagi saya, bagi menghadapi pilihan raya yang baru. Jadi, saya berpendapat...

YB Timbalan Speaker : Ada tanda-tanda.

Saya nak mengucapkan terima kasih kepada jabatan-jabatan yang banyak menyelesaikan masalah dan isu-isu khasnya di kawasan Sedili, seperti mana Pejabat Agama Islam di kawasan Sedili melibatkan ramai, di kawasan Sedili keseluruhannya penduduk dia adalah di kawasan bandar, tak ada yang duduk di bandar dan banyak yang miskin. Jadi, Majlis Agama Islam, alhamdulillah pada tahun ini dalam pembentangan yang lepas ditambahkan kepada RM50 juta kepada mereka-mereka yang berkaitan dengan dialisis. Begitu juga bantuan-bantuan pembinaan 5,000 biji rumah untuk orang miskin dan dibolehkan orang-orang miskin membeli rumah murah yang berharga RM42,000.00, tapi dibiayai oleh Majlis Agama Islam. Jadi, terima kasihlah kepada Majlis Agama Islam, kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi bantuan sara hidup kepada mereka-mereka yang berumur 60 tahun ke atas. Bantuan kepada anak-anak di kalangan ibu-ibu tunggal, ibu-ibu kena tinggal yang suaminya dipenjarakan dan sebagainya. Dengan bantuan-bantuan mengikut keadaan semaksimum RM450.00 sebulan. Begitu juga kepada kementerian-kementerian lain.

Baru-baru ni kementerian apa ni, nelayan, di bawah nelayan buat lagi, membina rumah 30 biji kepada rumah orang miskin. Nak beritahu juga kepada kerajaan Barisan Nasional kena terima kasih dalam Dewan supaya nun di sana mendengar kita khasnya di kawasan Sedili, orang Sedili dia bila jadi nelayan, dia dapat subsidi minyak. Lepas itu dia dapat lagi sara hidup. Pergi laut tak pergi laut, tiap-tiap bulan dia dapat sara hidup. Tiap-tiap bulan. Lepas tu kalau dia miskin kita buatkan rumah, kalau isteri dia ni pandai menjahit atau tak pandai kita hantar kursus. Kalau dia pandai menjahit kita bagi mesin jahit. Kalau kita bantuan-bantuan mereka-

mereka yang miskin kita bagi durian musang king. Kita bagi anak ayam, kita bagi benih cili. Bantuan-bantuan ini nak tanya di sana di Pulau Pinang atau di Selangor tu ada tak kerajaan dia buat seperti mana kerajaan Barisan Nasional buat. Tanya, nak tanya juga selain daripada Barisan Nasional, Selangor ada buat? Di Pulau Pinang ada buat bantu untuk orang miskin macam ni? Sebab tu Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam hal ni dengan bantuan-bantuan yang ada seperti ini, inilah baiknya Barisan Nasional memerintah. Jadi, kalau yang di sana memerintah saya rasa kemudahan-kemudahan ini tak ada. Pasal saya bukan nak mengatakan Barisan Nasional ni bagus tetapi itulah yang terbagus. Jadi alhamdulillah, tengok-tengok bulan yang dah mula kabur tu dah macam nak mirip-mirip jugalah, nak masuk ke Barisanlah. Sahlah sembahyangnya.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak cerita sikit, nak jelaskan pada di sebelah sana khasnya dua perkara saya nak nampak. Berkaitan dengan Forest City yang dibentangkan, bunga yang nak layu datang ke Forest City ambil gambarkan. Bunga dah nak layu, dah layu dah. Ambil gambar pegangan bebas, saya nak beritahu kepada nun di sana Forest City ni daripada laut. Forest City nak ambil laut tu bayar beratus juta kepada kerajaan. Nak tambak laut tu bayar setiap meter tu dibayar ratus juta kepada kerajaan dan dimasukkan lagi saham KPRJ macam Wakil-Wakil Rakyat minta ini. Projek belum untung lagi dah dapat dividen dah. Buat sekolah agama, buat sekolah rendah, sekolah agama di kawasan Sedili, dua yang minta dua-dua dah siap dah. Tahun depan nak digunakan dia. Cuma tinggal peralatan dalam dia. Surau dan masjid pembinaan masjid baru, surau dan sebagainya malahan dengan adanya Forest City sekarang dia akan bekal kepada bayar kepada kerajaan tiap-tiap hampir dekat RM200 juta. Kepada kerajaan. Kalau nak cerita pasal pegangan bebas, tu saya cakap tadi bila bunga yang dah layu dia buat ambil contoh dekat Horizon Hills, tu tangan dia tu, bunga nak layu tu. Bunga yang dah layu itu, Horizon Hills tangan dia. Itu dah terang-terang bumi, bumi yang tanahnya ada, pegangan dia bebas, berapa peratus pemilikan daripada orang Singapura duduk dekat Horizon Hills. Adakah sebenarnya orang Singapura pergi kat Horizon Hills beli rumah kat situ dah jadi warga negara Malaysia sepertimana yang digembar-gemburkan. Orang China beli kat Forest City dia jadi warga negara. Kalau macam tu Dato' Speaker, kalau saya ada duit, saya beli rumah kat Singapura, saya jadi warga negara Singapura. Akhirnya fahaman, pemahaman yang macam seperti langau-langau seperti jiran saya cakap tadi, nilah dia. Yang merosakkan dan mempercepatkan ikan itu busuk. Inilah yang di sebelah sana. Dengan pendapatan dia ada, KPRJ ada, saham dia buat tu, buat ni sekolah agama dan sebagainya begitu juga dekat RAPID. Saya orang Kota Tinggi RAPID tu dalam daerah Kota Tinggi, DUN dia tu bawak nun di sana gambar dugong mati. Dugong mati dia bawak gambar, rugilah, inilah buat nelayanlah apa benda macam ni. Sampaikan kita pun *confuse* nak bagi pampasan kepada nelayan-nelayan. Kadang-kadang nelayan pun satu hal juga. Bila nak cerita bantuan-bantuan yang kerajaan Barisan Nasional beri bantuan, nak cerita beritahu pendapatan dialah yang paling sikit pendapatan dia. Tetapi bila kita nak bagi pampasan gaji dia 7, 8,000 satu bulan nak jadi nelayan. Ini pun satu hal juga ni. Yang di sebelah sana bawa gambar dugong tak bersetuju dan sebagainya. Pergi ke luar negara, pergi luar negara ni, kat Taiwan katanya, katanya. Siap buat bantahan jangan melabur dekat Malaysia, jangan melabur dekat RAPID ni semuanya. Dan, akhirnya orang dekat Taiwan sana pun dia tak nak melabur. Tetapi kena ingat kita jangkakan dalam setahun, dua tahun dengan projek RAPID tu, pendapatan dia akan bayar kepada PBT Pengerang RM200 juta. RM200 juta satu tahun. Yang bawa gambar dugong ni apa semua dia bawak berapa ratus juta? Kepada kat RAPID tak ada bawak, semakin memusnahkan, langau lagi seekor. Ni langau ni. Bayangkanlah RM200 juta bagi setiap tahun bagi kepada PBT

Pengerang dengan projek dekat RAPID hari ini Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, kalau dah pergi ke Pengerang saya dah pergi ke Pengerang, sesat. Yang kebun dia dah berair semua dah, hari ini dah bertingkat dah jalan dia. Orang-orang kampung yang kat Kampung. Lepau, Tanjung Surat kat Kampung. Lepau dia buat rumah, dia buat rumah, dia buat pondok, *dia main* sewa-sewa *aje, last-last* dia buat kafeteria. Pendapatan dia berbelas ribu daripada tanam kelapa sawit 4 ekar tak dapat hasil. Tempat yang rendah. Dia satu lagi pendapatan. Dekat Bandar Penawar permintaan rumah untuk Bandar Penawar seperti mana Yang Amat Berhormat Menteri Besar cakap. Kita jangkakan siap keseluruhannya 12,000 biji buah rumah. Sekarang ni dah siap 8,000 biji buah rumah. Untuk siapa? Untuk mereka-mereka yang bekerja dekat RAPID. Hari Ini dah cerita baru pulak. Peniaga-peniaga dah banyak orang Acheh banyak orang Bangla dah meniaga-meniaga. Satu lagi EXCO punya tanggung jawab untuk nak membasmi supaya warga asing jangan meniaga. Pasal orang tempatan dah banyak duit. Orang tempatan dah banyak duit dah. Rumah satu biji yang sebelum ni nak sewa RM1,500 tak ada. Hari ini sewa seperti Tanjung Surat kata RM7,000.00, RM4,500.00, RM5,000.00. Berebut-rebut buat rumah sewa. Itulah langau sebelum ini dia kata projek ini adalah merosakkan, RM200 juta. Kalau katalah kita dengar cakap dia daripada sebelah sana RM200 juta tiap-tiap bulan kita tak dapat. Kalau kita dengar lagi langau dan dengar lagi pasal dekat Forest City, hampir dekat RM200 juta tiap-tiap tahun kita akan dapat hasil. Forest city balik semula, Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker. Durian sekarang tak payah nak hantar ke luar negara. Pelancong China datang ke Forest City ini difahamkan satu hari dekat 1,000 orang dan malahan Senai Airport dah sediakan kaunter untuk pelancong-pelancong daripada China nak pergi ke Forest City. Semua nak makan durian, durian Musang King, Yang Berhormat Dato' Speaker satu biji dah RM100.00 lebih dah. Dah main cium kulit ajelah kita. Siapa yang tanam pokok durian Musang King.

Dekat Segamat seperti Yang Amat Berhormat Menteri Besar dah lancar, dah umumkan Segamat akan menjadi pengeluar durian Musang King. Dekat Muar, dekat Tangkak, tu berapa orang tu yang dekat Bukit Gambir, Wakil-Wakil Rakyat daripada Bukit Gambir, semua daripada kat Bukit Gambir dapat durian Musang King. Yang dapat ini semua kaum dapat nikmati. Tak ada *racist*, apa semua peluang perniagaan semua kaum dapat merasai. Harga yang baik tapi sebelum ini kalau kita dengar dahlah RM400 juta setiap tahun kita tak dapat, pelancong tak dapat datang. Perbelanjaan bayangkanlah satu hari 1,000 orang, ambillah purata satu bulan kita ambil lebih kurang dalam 20,000 orang, yang daripada China datang ke Johor dia berbelanja, satu orang dia berbelanja, RM2,000.00 je cukuplah. Berapa ratus juta yang kita dapat? Siapa yang dapat nikmat dia? Yang peniaga-peniaga yang dekat Johor ni, siapa ini yang peniaga-peniaga dia?

Jadi Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, sebab itulah ini masalah langau, jiran saya kata langau. Ini bukan langau lagi dah, ini lebih daripada langau. Gigit, dia terus busuk terus. Memang patutlah sebab itu dia tak ada bercita-cita jadi sebuah kerajaan, tak berjaya. Saya tengok Sungai Abong dengan Maharani, minta maaflah, Sungai Abong, rakan saya hisap rokok. Maharani ni berucap minggu lepas satu kereta 9 tahun pergi balik naik kereta, satu kereta. Bila dia berucap, dia bantai Sungai Abong hisap rokok. Bayangkanlah satu kereta, 9 tahun. Kawan dengan kawan bantai jiran dia. Tumpang pula tu. Dah ditumpangkan, dikutuknya lagi dalam ucapan dia, hisap rokok, nauzubillah. Sebab itulah bulan dah kabur. Bulan dah tak nampak lagi bulan dah. Roket dah tak tentu arah. Nak pergi ke taman-taman dah layu dah pokok dia, bunga dia dah layu.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, inilah bila kita dah rasa langau terlampau banyak. Ini macam Jorak. Jorak berapa hari tak datang? Begitu juga masa duduk dengan Barisan kita, kat sebelah saya. Datang awal, pertengahan, akhir. Datang kat Dewan dia cipta buku. Datang, dia cipta buku. Nanti masuk surat khabar lepas Dewan, dia pun lancarkan buku. Dia keluarkan, dia buat kat mana buku tu? Kat Dewan ni, meja ni dia duduk ni. Dia buat buku dia. Bila dia dah jadi pembangkang dia kata, "saya banyak kerja", kata dia. "Saya banyak kerja". Yalah, dulu tu masa kat Barisan dia buat duit. Dia tak buat kerja. Daripada KL naik *flight*, balik ke sini lepas tu cepat nak balik pasal *flight* nak balik ke sana lagi. Tak pergi ke kawasan. Bila dah jadi pembangkang, elaun dah tak ada semua dah. Dewan Bahasa dan Pustaka dah tak ada. Buat buku, jual, tak laku. Baru sibuk ini hari kata, "saya sibuk, saya sibuk", macam dia sibuk dia. Sibuk dia bukan kat kawasan, sibuk dia pun ikut pokok layu juga, ke sana ke sini. Jadi Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker,

YB Timbalan Speaker : Sedili jangan buat dosa banyak sangat.

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Tak ini bukan masalah dosa. Saya tak terangkan kepada dia lagi banyak dosa. Sebelah saya. Depan saya, nasib baik dulu tu dia tahu, dia nak pergi ke bunga yang dah layu tu saya rakam.

YB Timbalan Speaker : Jorak sekarang mengerjakan umrah. Kita doakan moga-moga..

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Alhamdulillah..

YB Timbalan Speaker : Saudara kita..

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Tak dia cakap..

YB Timbalan Speaker : Selamat.

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Insya-Allah, saya doakan dia selamat dan tidak dibalas oleh Allah SWT. Pasal dia banyak bercerita, tak, bercerita, sebelah saya 9 tahun, 8 tahun sebelah saya. Bila kat situ, dia baru-baru tak sampai berapa bulan dia punya cerita. Itu yang saya tak boleh terima, bunga tu, bunga tu yang dah layu dah.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya rasa cukuplah isu yang ni, saya nak sikit isu-isu di kawasan DUN saya walaupun banyak yang dah selesai tapi ada beberapa perkara yang tak selesai lagi yang rasa perlu diambil perhatian.

YB Timbalan Speaker : Serom kata di sini elok dibincangkan dasar. Jadi, nak bawa juga ke?

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Ni dasarlah ni. Saya nak buat dasar, saya tak nak jadi langau. Saya nak buat dasar yakni berkenaan dengan apa janji kerajaan sebelum ini nak jadikan Kampung Tanjong Gemuk. Dulu tu, mula-mula saya jadi Yang Berhormat DUN Sedili, mula-mula saya duduk dalam Dewan ni, kerajaan dah luluskan RM1.2 juta untuk melihat anak bulan. Kampung Tanjong Gemuk tu betul-betul kat puncak dia, saya dapat tengok juga, tengok anak bulan. Rupa tengok anak bulan ni sekejap aja. Jadi dengan teropong, dengan Majlis Agama Islam dah teropong, dah apa semua, sambil tengok anak bulan sebelum nak buka puasa tu, dah diberitahu kita dapat RM1.2 juta, nak buat lihat anak bulan. Lepas itu dalam Dewan dah habis satu penggal, saya tengok tak ada saya bawa

dalam mesyuarat, pun tak dapat jawapan sampai saya dah nak kena penggal, dah nak habis penggal. Saya tengok, untuk tengok anak bulan dekat Tanjong Gemuk, inilah cerita dia. Ini pada saya ini pun salah satu dasar yang kita nak buat, janji yang kita nak buat ini saya kena ingatlah.

Harap Bahagian Majlis Agama Islam kena tengok balik berkenaan dengan RM1.2 juta bagi melihat anak bulan ini, boleh jadikan sebagai industri pelancongan khasnya di kawasan Sedili yang berhampiran dengan laut dan berdekatan dengan pembangunan yang rancak di Bandar Penawar bersebelahan dan dekat dengan RAPID dan pantai yang bersih dan cantik, semua golongan boleh datang. Ini kalau tengok anak bulan ini, kalau kita tengok macam kat Teluk Kemang tu tengok, tengok anak bulan jek, walaupun bulan dah tak dapat tengok dia, tapi sekarang pembangunan dia salah satu tempat kawasan pelancongan. Jadi Sedili tak nak tertinggal jugalah berkenaan perkara tersebut.

Kedua Yang Berhormat Timbalan Dato' Speaker, berkenaan dengan masalah air. Yang Amat Berhormat pada tahun lepas, terima kasih berkenaan isu-isu tanah, Pejabat Tanah Daerah banyak menyelesaikan khasnya di kawasan-kawasan FELDA. Di kawasan saya ada 9 FELDA untuk peringkat pertama, semua dah dapat hak milik tinggal peringkat kedua dan ketiga, kita dah mula bayar dan dijangkakan dalam tahun ini ataupun awal tahun depan semua kita dah dapat hak milik. Begitu juga di kawasan-kawasan kampung tradisional, yang berkenaan dengan hak milik.

Dalam masa disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, saya ada bercakap berkenaan dengan isu air. Yang mana air yang nak hantar ke RAPID jumlah yang projek itu lebih daripada RM1 bilion dah siap pun. 2 empangan pun dah siap pun, ambil air dari Sungai Sedili Besar, kawasan DUN Sedili. Isunya membekalkan air tapi bila *time* air tak ada satu DUN Sedili tak ada air. Bagi kat orang air, kat kawasan sendiri tak ada air. Jadi, saya mengharapkan pada dasarnya pihak EXCO dah buatkan kos harga tu sebelum ini lebih kurang dalam RM15 juta tapi kerana kelewatan untuk pembinaan itu dah naik jadi RM20 juta lebih. Jadi, saya mengharaplah supaya air itu daripada Sungai Sedili Besar untuk membekalkan ke Empangan Seluyut, Seluyut pergi ke Pengerang, dia melalui kawasan DUN saya juga. Air pun dalam kawasan DUN saya juga, saya minta supaya diteliti kepada Loji Air Kampung Gembut. Kampung Gembut ini kalau tak ada air ini pun isu juga sampaikan sejarah, daripada sebelum merdeka sampai merdeka, 2 tahun lepas Sungai Gembut kering, itu yang jumpa bangkai-bangkai motor, 12 biji, masuk TV3. Masuk surat khabar, sampai keringnya air. Saya yakin dan percaya, dalam masa terdekat kita tak ada air lagi. Jadi isunya nanti, langau-langau akan datang ke sana, dia ambil kesempatan mempercepatkan lagi busuk. Jadi saya mengharapkanlah supaya pihak kerajaan maklum.

Yang ketiga, berkenaan dengan isu Sekolah Tahfiz. Isu Sekolah Tahfiz ni Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya beranggapan Tahfiz dah mula banyak, Alhamdulillah, perkembangan yang positif. Cuma dari segi sistem pengambilan-pengambilan mereka-mereka nak masuk ke Kelas Tahfiz. Kerana nak masuk ke Kelas Tahfiz ada, tak dapat nafikan segelintir daripada ibu bapa yang tak boleh *control* anak. Anak ini mungkin dia nakal dan sebagainya dia cari jalan mudah, dia letak anak dia dekat Tahfiz Al Quran, dengan harapan anak dia boleh berubah. Dan akhirnya, Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya pergi ke kawasan saya ada juga Tahfiz dan polis ada beritahu saya yang penghuni-penghuni ni kebanyakannya terlibat dengan ganja, dengan dadah. Jadi, itu yang akhirnya saya mengharapkan supaya sekolah-sekolah tahfiz, nak masuk sekolah tahfiz ni sistem dia macam mana kita nak masuk ke asrama. Kita kena *check* air kencing, kita kena *check* dia ada

penyakit atau tidak dan sebagainya. Contohnya, katalah baru-baru ini walaupun dalam siasatan bila isu dia macam ini, langau ambil kesempatan. Langau akan ambil kesempatan inilah cara dia mencari, mengeruhkan keadaan lagi. Jadi saya mengharapkan supaya perkara-perkara seperti ini takkan berlaku lagi dan tak akan berulang lagi.

Seterusnya, yang keempat Yang Berhormat Timbalan Speaker, izinkan saya lebih sedikit cakap pasal saya tinggal berdua aja dengan Rengit. Jadi bolehlah saya bercakap lebih sikit berkenaan dengan jalan. Ini setiap tahun, Insya-Allah, Alhamdulillah, terima kasihlah kepada EXCO Kerja Raya yang banyak kerja-kerja melebarkan jalan dah berlaku pelebaran jalan. Jalan-jalan dah banyak dah selesai dah. Walaupun ada sedikit, tinggal pelebaran-pelebaran jalan, pun dah buat pun dalam pembinaan. Cuma di kawasan DUN Sedili yang saya buat setiap tahun kebanyakannya jalan-jalan ini, jalan-jalan daripada *Federal*. Contoh, Jalan Tanjung Sedili ke Sedili Kecil terlampau teruk.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, terlampau teruk sangat sedangkan kat Sedili Kecil ini salah satu pengeluar ikan terbesar. Nak ikan, nak ketam, nak apa. Semalam tak silap saya itu Bukit Batu tu makan ketam, dia kata sedapnya kang, kata dia, makan ketam macam ini. Dia saya ingat makan dekat 10 ekor dah. Dia makan ketam itu contohnya, Bukit Batu, pasal, Bukit Permai. Janganlah perasan Bukit Batu, Bukit Permai. Tak Timbalan…

YB Timbalan Speaker : Tak kena gout ke?

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Saya tak makan sebab itu saya sihat. Kalau yang sakit bukan saya, orang lain sakit. Saya cuma sediakan makanan pasal nak beritahu untuk nak mengelakkan daripada jual ke orang tengah, baik kita bawa kawan-kawan datang ke situ dan beli kat situ dengan harga lebih rendah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ikan-ikan pergi kat Sedili yang ada belum jumpa air batu lagi. Segar dia, kalau sampai ke bandar, harga dia dah berlipat ganda. Jadi, itu saya kata tadi sangkut paut bila jalan. Jalan ini daripada yang saya minta Sedili ke Sedili Kecil, Sedili Kecil terus pergi ke Balau. Balau terus pergi ke Bandar Penawar ke RAPID bersebelahan. Dekat Penawar tengah buat hotel 5 bintang, 6 bintang. Dekat Bandar Penawar ada sekolah sukan, ada sekolah agama, ada hotel-hotel yang 3 bintang, 4 bintang. Semua ni tak ada tempat-tempat untuk dia nak beriadah. Yang hampir tak sampai 20 minit dah sampai ke Sedili Kecil. Isunya hari ini, jalan tu teruk. Teramat teruk, yang setiap tahun saya bawa perkara ini supaya dipertimbangkan. Dan, ini ekonomi di kawasan Sedili banyak orang miskin, banyak nelayan-nelayan. Dengan adanya kehadiran pelancong-pelancong boleh meningkatkan pendapatan mereka.

Yang Keduanya, jalan Mawai ke Sungai Emas. Jalan Mawai - Sungai Emas ini ada 9 FELDA sampai ke jiran saya, dekat Sungai Emas dan Bandar Mas. Setiap minggu ada kemalangan. Jalan dia sempit, sempit Yang Berhormat Timbalan Speaker. Lepas tu jalan dia ada rosak sikit, itu *Federal* punya jalan. Setiap masa ada kemalangan. Jadi, ini saya dah tiap-tiap tahun juga saya bawa.

Yang Ketiganya, jalan Kota Tinggi ke Mersing. Jalan Kota Tinggi ke Mersing tak silap saya dalam taklimat Polis, dalam Mesyuarat Tindakan Daerah sehingga pada bulan April yang lepas 100 nyawa tak silap saya, kehilangan. Tiap-tiap hari, hampir tiap-tiap hari kemalangan, meninggal dunia. Jalan daripada Kota Tinggi ke Mersing. Tiap-tiap tahun saya bawa benda ni, saya mengharapkanlah. Sebab itu saya tak

boleh nak menyalahkan EXCO yang ada ini. Pasal itu bukan bidang dia, cuma nak menyampaikan dia. Cara penyampaian saya aje kasar sikit tapi saya sayang dengan EXCO Kerja Raya ni. *Cool* aje orang dia. Ni tak ada bayar apa-apa. Saya tak ada minta apa-apa. Yang Berhormat Timbalan Speaker..

YB Timbalan Speaker : Dapatlah tu nanti.

YB Timbalan Speaker : Dapatlah tu nanti.

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Tak minta Yang Berhormat Timbalan. Dan akhirnya Yang Berhormat Timbalan, isu dia, penempatan anak-anak peneroka miskin. Memang, seperti setengah langau cerita pasal FELDA. Saya anak peneroka FELDA. Isu dia, FELDA ini sekarang dah lari dari konsep FELDA yang sebenar. Sebab itu, pengerusi FELDA dengan izin, *back to basic*. FELDA kena balik semula daripada asas penubuhan FELDA. Dulu FELDA ditubuhkan hanya untuk penempatan untuk peneroka-peneroka yang susah, peneroka-peneroka yang miskin dimasukkan ke FELDA. Itu tugas FELDA. Bagi tanah 10 ekar, bagi tapak rumah. Dia buat sekolah agama, sekolah menengah, sekolah rendah, balai polis, pejabat pos dah buat, apa semua, semua dah buat dah.

Tapi hari ini yang jadi isunya, generasi kedua. Generasi kedua, baru-baru ini contoh kita ambil contoh, pengerusi FELDA nak membina rumah generasi kedua. RM10,000 subsidi Yang Berhormat Timbalan. Subsidi RM20,000 satu biji. Jadi FELDA kena menanggung kalau RM20,000 kali dengan 10, RM200 juta. FELDA menanggung kerana untuk generasi kedua. FELDA semakin lama tanggungjawab dia semakin besar. Sepatutnya semakin lama semakin menguncup. Sebab tu FELDA dah mula parah. Langau ambil kesempatan. FELDA tak ada duit kata dia. Sebab tu saya nak beritahu langau-langau, beritahu langau-langau, FELDA ini sebetul dia, tujuan dia untuk satu generasi kepada peneroka-peneroka bukan generasi kedua, ketiga.

Hari ini yang langau buat cerita pasal generasi kedua. Sebab tu bila duit dah habis banyak buat dari segi pendidikan dan sebagainya untuk membina rumah akhirnya saya amat terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dengan cara idea dia, dia kata, ok kita bagi lot-lot rumah kepada anak-anak peneroka. Bagi lot-lot rumah kepada anak-anak peneroka ini supaya anak-anak peneroka ini boleh pinjam kepada SPNB, boleh minta Rumah Mampu Milik Rakyat. Kalau miskin, susah sangat, dia boleh minta Majlis Agama Islam. Cuma kerajaan negeri membantu dari segi infrastruktur jadi tidak melibatkan kos yang besar. Itu tak cerita lagi yang peneroka dapat nikmat bila mana sepatutnya nikmat ni lagi banyak kerana apa, kerana memikirkan generasi kedua. Ni besok, akan datang esok, sepuluh, dua puluh akan datang dah memikirkan generasi ketiga pula. Langau sentiasa ambil kesempatan. Ni lah kelebihan langau.

Jadi Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya minta tadi di FELDA-FELDA membenarkan Majlis Agama Islam ataupun agensi-agensi lain boleh membina rumah di belakang rumah orang tua dia. Hah, ni rumah peneroka dia ada 3 suku ekar, belakang dia bersih tanah kosong lagi. Peneroka, anak-anak dia ada yang ada ibu tunggal yang susah, ada di kalangan anak-anak peneroka yang miskin dapat bantuan JKM dan Baitulmal. Tapi nak membina rumah tak dibenarkan kerana status tanah tu JSA. Saya minta dalam Dewan yang mulia ini, cari jalan bantu supaya kita boleh ubah dasar khasnya penempatan peneroka-peneroka FELDA di belakang rumah dia boleh diberi bantuan dan dapatkan membina rumah untuk di kalangan anak-anak peneroka yang miskin. Itu saya mengharapkanlah,

setiap tahun saya bawa. Ni kalau selesai ni bermakna kerajaan dapat selesaikan yang tak melibatkan tanah lagi di seluruh Malaysia.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya rasa cukuplah itu sahaja ucapan saya. Sekali lagi saya memohon ampun dan maaf, kalau katalah pilihan raya yang terdekat ni, saya umum ni saya minta maaf zahir batin, yang sebelah sana tu, yang roket tu, dah dah lah jadi manusia yang berguna untuk tanah air kita. Sebab itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Transformasi Nasional 50. Tujuan Transformasi Nasional 50, dia tak kira Cina, India, Melayu, sama-sama membentuk supaya menjaga tanah air kita. Apa dah jadi dekat Syria? Apa dah jadi dekat Iraq? Iraq dulu tu terkenal dengan kekayaan dia. Sampaikan kemudahan dan kaya raya tapi kerana ada langau menyebabkan negara dia kucar-kacir yang sebelum ini kaya-raya, hari ini duduk di rumah pelarian, khemah-khemah pelarian. Apa dah jadi dekat Syria? Adakah dekat Malaysia ni kaum itu hidup sendirinya dia boleh kaya keseluruhannya, negara kita aman ? Tidak. Itu tujuannya Transformasi Nasional 50. Jiwa tu kena lebihkan kepada negara. Ini bila nak bercakap tadi, kalau Pekan Nenas cakap dia, kalau gigit buah keras tu hancur. Dia punya geram dia, macam tak matang, nak bergaduh. Bantai jabatan-jabatan, tengok jabatan ni macam tak betul, macam hantu. Matang sikit. Kita nak bawa anak cucu cicit kita, nak jaga tanah air kita. Jangan nak yang lalai lagi nak cerita-cerita tentang keburukan. Pernah tak Singapura bila ekonomi dia jatuh, ada tak orang Singapura datang ke Malaysia cerita keburukan tanah air tak betul, jangan melabur dan sebagainya. Ada tak kita jumpa orang-orang Jepun pergi ke Malaysia, dia beritahu dengan kerajaan Malaysia, jangan melabur kat Jepun, Jepun tak bagus apa semua. Tak ada. Ni lah langau yang ada dekat depan saya yang pergi keluar negara ceritakan tentang keburukan tanah air kita. Jiwa tak ada, roh tak ada.

Saya kadang-kadang kecewa kenapalah mengundi langau-langau ni, saya pun tak tahulah macam mana boleh sanggup mengundi langau-langau ni. Bersiap-sedia lah langau-langau ni akan kena *spray* nanti. Bila Pilihan raya 14 nanti dah tak ada lagi dah langau-langau ni. Fikir pasal tanah air kita, fikir pasal negeri kita. Nak membinanya bukannya senang, sampai ke tahap hari ini bukannya senang. Dah 71 tahun, kita dah mengharungi untuk negara kita, tanah air kita berjaya macam hari ni. Keadaan tempat kita selesa. Bila sibuk sikit, biasalah. Kat Indonesia lagi sibuk dia. Dekat negara lain pun sibuk juga. Ini biasa. Bukan itu isu dia, isu dia jaga perpaduan. Bagi eja macam mana negara kita khasnya di Johor nak dapat duit berganda-ganda untuk memudahkan.

Terima kasih EXCO Pelajaran. Sebelum ini pada mereka-mereka yang nak menyambung pelajaran ambil *Master*, tahun lepas bagi *one-off* percuma RM10,000.00. Hari ini dikurangkan, tahun ini dikurangkan dengan alasan nak ramai lagi dapat RM5,000.00. Siapa nak belajar ambil *Master*, bayar RM5,000.00, *one-off* dipilih bagi RM5,000.00 untuk nak sambung pelajaran.

Ni nak beritahu lagi sebelum saya akhiri, YPJ, terima kasihlah YPJ buat YPJ di Jalan Mersing untuk projek RAPID nak pakai 60,000 pekerja-pekerja. Carilah dekat negara lain, sesiapa yang keputusan dia tak ada PT3, tak ada SRP dulu, dia cuma ada Darjah 6, tahu membaca menulis, YPJ menyediakan kemudahan untuk satu bulan dia ambil kursus kemahiran dan teori, satu bulan pergi ke RAPID untuk praktikal, kos dia ditanggung RM9,000.00. Dapat aje lulus periksa, terus di bagi kerja gaji awalan RM1800.00 ke atas. Yang boleh membaca menulis aje. Ada kerajaan Selangor, kerajaan Pulau Pinang kelulusan dia SRP, Darjah 6 aje. Carilah ada? Saya tak pernah jumpa. Ni kerajaan Johor.

Terima kasih Yang Berhormat EXCO kerana memikirkan mereka yang tak ada kelulusan untuk mendapatkan peluang pekerjaan. Jadi itu sahaja Yang Berhormat, sekali lagi minta maaf semua pegawai-pegawai, kakitangan kerajaan, kepada Timbalan Dato' Speaker, saya pun banyak salah juga kepada Timbalan Dato' Speaker.

YB Timbalan Speaker : Tahu pun.

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain (Sedili) : Sebab tu saya minta maaf, maafkanlah. Kepada apa ni, Maharani dengan Sungai Abong bincanglah kat kereta nanti. Janganlah bantai kawan hisap rokok tu, tak ada benda pun kan. Kita sekapal. Macam yang roket tu, dah-dahlah. Tengok dah tak boleh pergi jauh lagi, dah baliklah semula. Mendarat balik semula. Yang bunga raya tu, yang bunga-bunga dah layu tu dahlah. Jadi pada saya soalnya akan datang, kita kena memikirkan tentang nak memeliharakan keamanan, ekonomi khasnya di negeri Johor. Sekian, wabilahittaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Sedili. Nak *landing* banyak kali, tak *landing*-landing. Sila Rengit. Jemput.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Negaraku dan salam muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kerana memberikan ruang, kesempatan kepada Rengit untuk turut sama membahaskan ucapan menjunjung kasih, merafak sembah titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar yang disempurnakan oleh Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor, selaku wakil rasmi Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ini merupakan pembahas yang terakhir. Malam ini malam Jumaat, malam ni Malam Nisfu Syaaban. Kita kena berada di masjid sebelum maghriblah. Jadi saya akan pendekkan ucapan saya seberapa yang bolehlah. Saya akan *landing* terus, tak akan *landing*, naik balik *landing*, naik balik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam titah ucapan baginda Tuanku jelas, tegas mahu kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor terus gigih berusaha memakmurkan Permata Selatan ini. Itu harapan baginda Tuanku. Itu juga harapan seluruh rakyat Johor. Saya dah berada dalam Dewan ini seperti Tiram, 14 tahun. Ini tahun ke-14. Saya dapat melihat perbezaan pimpinan di Johor ini. Di mana saya dapat melihat Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita dengan izin, cukup *calculative*, cukup berkira dalam nak membelanjakan kewangan negeri Johor.

Itu yang saya kenal, walaupun saya sebaya, Rengit sebaya dengan Yang Amat Berhormat pernah jadi Ketua Pemuda dulu. Saya Ketua Pemuda Batu Pahat, dia Ketua Pemuda Johor Bahru. Rapat, tapi kalau nak minta projek, nak mohon bantuan untuk projek, dia cukup teliti, dia cukup berhati-hati, cukup cermat dalam nak membelanjakan kewangan negeri dan pada Yang Amat Berhormat, *value for money*. Itu sebab Yang Amat Berhormat, kita tak bercakap retorik, kita tak bercakap kosong, kita dah buktikan, kita dah, kerajaan negeri pimpinan Yang Amat Berhormat, dah buktikan dalam bentuk angka selama 4 tahun, selama 4 tahun bajet kita *surplus*. 2013, RM617 juta; 2014 RM359 juta; 2015 RM153 juta; 2016 RM119 juta. Itu dalam bentuk angka yang telah diperakukan oleh Audit Negara dan semua dapat dokumen tersebut.

Jadi saya tak faham di sebelah sana ni, seolah apa yang kita buat ni macam semua salah, tak betul. Malah pernah disebut bajet kita ni, bajet auta. Tapi semalam Jementah memperakui sendiri bahawa bajet kerajaan BN di Johor ini sentiasa *surplus*. Bukan itu sahaja, saya nak juga kemukakan dalam bentuk angka Yang Berhormat Dato' Speaker, dari segi pelaburan yang masuk ke Johor. Selama dari 2012 hingga 2016, yang tertinggi di Malaysia. Tak ada negara lain. Tak ada negeri lain dalam negara yang boleh mencapai sama angkanya yang dibuat oleh negeri Johor. Ini kecekapan kita dalam mengurus negara. RM116 bilion yang tertinggi termasuk pelaburan domestik RM71.7 bilion dan pelaburan daripada luar RM44.4 bilion. ini angka yang telah ditunjukkan prestasinya oleh kerajaan Barisan Nasional pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.

Yang tak mengiktiraf ni Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan kita ni berjaya ini menguruskan sampai dia suruh kita belajar daripada Pulau Pinang dan Selangor. Saya nak tanya di Dewan yang mulia. Siapa yang sepatutnya belajar? Pulau Pinang, Selangor ke atau Johor yang patut belajar berdasarkan angka ini? Tentunya Pulau Pinang dan Selangor yang patut belajar. Cuma mungkin, mungkin kerana kerajaan BN ini, BN ini kebanyakannya ialah orang-orang Melayu, dan di sebelah sana ini kebanyakannya orang-orang bukan orang Melayu, adalah 3,4 orang, sebab itu nadanya lain. Saya cukup bimbang kalau keadaan ini berterusan berlaku, saya dah mula nampak Yang Berhormat Datuk Speaker, percikan bara-bara api perkauman di negara kita ini makin bahaya. Cukup bahaya kepada negara. Ini dia buktikan dengan perkara-perkara yang berlaku sejak kebelakangan ini Yang Berhormat, saya buktikan, saya sebutkan ini berdasarkan data. Dan, ada perkara-perkara lain saya akan sebutkan nanti Yang Berhormat Dato' Speaker, cuma saya nak bawa satu isu yang saya konsisten bawak daripada dahulu hingga sekarang. Tentang soal perkara yang boleh menjamin masa depan petani Yang Berhormat Dato' Speaker, iaitu tanaman kelapa. Kerana kawasan Rengit ini Yang Berhormat Dato' Speaker, kawasan pantai barat adalah kawasan yang sesuai untuk tanaman kelapa. Perkara dah 3, 4 tahun saya bangkitkan. Saya kemukakan. Kerana pulangan terhadap petani sekarang ini dengan kelapa sawit, dengan komuniti sawit, cukup membimbangkan. Dan, ditambah lagi dengan perangkaan yang telah dibuat menjelang tahun 2020 negara memerlukan sekurang-kurangnya 1.2 bilion kelapa, biji kelapa ya. Dan, kalau dikira dengan industri ni, pada harga yang RM2.00, RM2.4 bilion. Isu yang dihadapi oleh petani sekarang ialah yang, Yang Berhormat Dato' Speaker ialah soal benih. Soal benih yang menjadi isu utama. Saya nak sebutkan bagaimana industri ini boleh membantu petani dengan tanaman kelapa ini, petani-petani di luar bandar boleh menjadi petani yang berpendapatan tinggi. Saya nak sebutkan bagaimana Mataq ini tuan pengerusi, Dato' Pengerusi, minta maaf. Boleh menjana pendapatan dan meningkatkan pendapatan kepada petani luar bandar. Sekarang ini, telah diramalkan dalam tempoh 2 atau tahun, kelapa biji, sebab saya berasal daripada Rengit, dulu kawasan ini popular dengan kelapa. Satu biji sekarang ni di ladang, RM2.00 satu biji. RM2.00 biji dan ada setengah pihak mengatakan kelapa ni boleh sampai harga RM3.00 satu biji. Bayangkan Yang Berhormat Dato' Pengerusi kalau RM3.00 satu biji sekurang-kurang petani dengan satu ekar, dia boleh mendapat pendapatan lebih daripada RM2,000.00 bagi satu ekar, satu bulan. Bukan sikit.

Cuma masalah yang kita hadapi bila pusat pengeluaran benih di Pagoh susah untuk mengeluarkan benih, malah kita keluarkan, beli benih daripada United Plantation, juga menjadi masalah. Pengeluaran Mataq ini dibuat di atas pokok, dia tak jadikan kelapa yang ada ni, kepada kelapa itu untuk dijadikan benih. Jadi, saya nak cadangkan kepada Dewan yang mulia ini, kerana kesukaran kita untuk

mendapatkan kelapa Mataq, saya nak cadangkan di Dewan yang mulia ini, agar kerajaan negeri dapat mempertimbangkan untuk membawa benih kelapa Tanganan daripada Filipina masuk ke Johor. Nak bawak kelapa Tanganan ni, tanganan ni 60% pengeluarannya, hasilnya, kualitinya sama dengan kelapa Mataq. Kalau Mataq boleh dapat 1,000 tanganan akan dapat 600. Jadi, kalau nak tunggu benih Mataq terlalu lama, saya nak cadangkan kita ambil kelapa daripada Filipina kerana Sabah yang merupakan satu rakan senegara kita tak bagi kita ambil kelapa Tanganan mereka di Menumbok. Jadi kalau boleh, saya nak menyeru kepada Dewan yang mulia, EXCO pertanian kalau dapat fikirkan bawa benih kelapa Tanganan ini terus ke Johor. Dan, ini akan membantu petani-petani untuk mendapatkan benih kelapa yang boleh membantu kita mendapatkan hasil.

Yang kedua, tanaman integrasi, tadi saya sebutkan kelapa tanganan, kerana Mataqnya susah, cuba kita bawa pula tanaman integrasi, di Rengit kita dah buat, ramai orang datang ni, daripada Universiti Pertanian, daripada banyak pengusaha-pengusaha luar datang ke Rengit sebab dah ada usaha yang dibuat tanaman integrasi yang boleh menghasilkan pendapatan satu bulan satu ekar, RM4,500.00 hingga RM5,000.00. Bayangkan, satu bulan, 1 ekar, pendapatan RM4,500.00 hingga RM5,000.00. Kalau kita ada RM4,000.00 sahaja Yang Berhormat Dato' Speaker kita da 4 ekar atau 3 ekar, RM12,000.00 lebih gajinya daripada Pegawai Daerah, lebih gajinya daripada ADUN sendiri dan lebih gajinya daripada Ahli Parlimen. Kalau ada 3 ataupun 4 ekar. Jadi, usaha ini kena buat dipandang serius dan kalau boleh dibuat saya mohonlah kerajaan negeri memberikan peruntukan khusus untuk membangunkan tanaman ini. Itu yang kedua Yang Berhormat Dato' Speaker.

YB Timbalan Speaker : Tanaman apa tu?

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Integrasi.

YB Timbalan Speaker : Yalah integrasi, tapi apa yang...

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Tanaman Kelapa Mataq ataupun kelapa tanganan di campur dengan kopi, dicampurkan dengan lebah Kelulut. Di Rengit kita dah buat banyak Yang Berhormat Dato' Speaker, dan menghasilkan pendapatan yang cukup banyak. Itu sebab saya rasa negeri Johor kena rebut peluang kerana tanah di Johor sesuai untuk tanaman integrasi dan juga tanaman pokok kelapa Mataq tadi, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang ketiga, pembangkang ada sebutkan menyalahkan kerajaan soal harga barang naik ni. Dia salahkah GST, dia salahkan usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan. Saya nak tanyalah satu dunia ni kita pergi kita dah banyak melawat, ada tak harga barang yang tak naik. Barang yang tak naik Yang Berhormat Dato' Speaker, barang yang dah lama. Tak naik. Barang biasanya semua...

YB Timbalan Speaker : Mana tahu barang lama tak naik? Ada kajian?

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Memang banyak, kebanyakan kajian dia kata barang lama banyak tak naik. Saya tak tahu, saya cakap lama Yang Berhormat.

YB Timbalan Speaker : Pandai –pandai aje.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Kenapa Dato' Speaker, lain aja. Barang tak boleh sambung, kena marah. Saya selalu pergi pasar Yang Berhormat Dato'

Speaker, kerana saya nak buat kajian. Kalau dengar daripada sebelah sana dia kata, sampai ikan Kembung orang Malaysia susah hati dan sebagainyalah. Saya selalu pergi pasar, semalam kebetulan cuti, saya pergi pasar bawa duit dalam RM150.00. Saya dapat ikan segar, ikan kerapu, ikan pari, ikan selar kuning, dapat lagi udang. Cuma kita nasihatkan kalau nak beli tu kena pandai, itulah bijaknya pengguna ya. Kena pandai pilih waktunya. Dan, kita ada pelanggan ataupun yang tetap bersama kita untuk menunjukkan barang itu berkualiti, RM150.00 aje barang macam-macam dapat. Dahlah seperti yang digambarkan kalau kita masuk restoran penuh. Pergilah restoran segera, orang makan ni sepanjang masa. Ini bukti bahawa taklah seperti yang digambarkan keadaan susah di negara kita. Belum ada orang lagi mati di Malaysia ni kerana tak makan Yang Berhormat Dato' Speaker, yang banyak mati di Malaysia ialah kerana orang terlebih makan Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya balik semula kepada data tadi. Kita bercakap ni kerana kita nak kemukakan apa yang telah kita buat, kerajaan BN dia dah mencecah 60 tahun Yang Berhormat Dato' Speaker. Kita dah ada *track record,* dan negara kita hari ini Yang Berhormat Dato' Speaker, jadi sebuah negara yang makmur walaupun negara ini berbilang kaum, berbilang bangsa tapi kita maju. Kita dapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Saya nak beri contoh, saya nak menafikan apa yang dibangkitkan oleh pembangkang. Di peringkat antarabangsa, yang ini selalu saya jadikan rujukan di bawah indeks kemakmuran seluruh dunia bagi tahun 2016, badan penarafan antarabangsa ni buat, Malaysia berada di tangga 38 indeks kemakmuran dunia kita berada di angka yang 38 daripada 179 negara di seluruh dunia. Maknanya kebanyakan negara-negara ini yang nombor 1, New Zealand, Norway, Finland, Switzerland, Canada, Netherland, Sweden, Denmark, nombor 10, United Kingdom, Germany, Luxemburg, Island, Iceland 15, Astoria, Belgium, United States, France, 19 Singapura, Slovenia, Spain, Japan, Hong Kong, Malta, Portugal, Estonia, Republic Czech, Uruguay, Costa Rica, Mauritius, Chile, Italy, Cyprus, Poland, South Korea, susah nama tu, Slovakia, Latvia, dan 38 Malaysia. Di atas kita Singapura, Hong Kong, Japan, South Korea, maknanya dunia mengiktiraf kita. Yang tak iktiraf ni pembangkang aja.

Satu dunia, malah dipecahkan dari segi kegiatan ekonomi, dia mengkaji berdasarkan angka yang dibuat. Bidang kita berapa dalam segi kualiti ekonomi nombor 23 daripada 179. Itu angka yang paling, nombor yang tertinggi. *Business environment* 16 daripada 179 negara. *Governance*, 40, *Indication*, 31, dengan izin, Yang Berhormat, nombor 31. Kesihatan 37 negara terbaik dunia, *safety dan security* 52, cuma yang ni agak sukar sikit, *personal freedom* kita berada tangga yang cukup bawah, ini *personal freedom* barangkali dengan izin kalau nak buka baju kat tengah jalan, atau berkahwin antara satu jenis, barangkali boleh inilah nama dia personal *freedom* kita berada angka yang 112. *Social capital* 33, dan *natural environment* ke-49. Jadi, kita berada angka yang terbaik di peringkat antarabangsa. Cuma yang menafikan kita ni pembangkang, pembangkang sebut semuanya kita buat salah. Semua yang kita buat tak betul dan semua yang kita buat ini Yang Berhormat Dato' Speaker, salah dan tidak menurut apa yang seperti mereka kehendaki.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jadi saya nak jelaskan sikit, kita dapat pengiktirafan kalau kita dengar angka mereka ni, seolah negara kita ni berada kepada kedudukan yang cukup daif, berada ada pada kedudukan yang cukup lemah tapi badan antarabangsa mengiktiraf kita sebagai sebuah negara yang makmur dan kita berada di tangga ke 38 dalam indeks kemakmuran dunia, pada tahun 2016.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir sekali saya ingin membawa isu-isu *local* secara ringkas. Saya nak mohon kepada Yang Berhormat EXCO kesihatan, orang lama dah 14 tahun dalam Dewan ni dan hari ini memegang portfolio kalau dapat Klinik Kesihatan Rengit. Sejak zaman sebelum perang, Klinik Kesihatan Rengit dah dibangunkan tapi sampai sekarang tak dapat diselesaikan. Mungkin kali ini dengan kebijaksanaan EXCO Kesihatan kita ya, kehebatannya dapat bantu Rengit untuk membina Klinik Kesihatan yang baru.

Kedua, saya mohon jasa baik daripada EXCO Kesihatan secara ringkas, bajetnya tak banyak. Jalan persekutuan daripada Batu Pahat ke Pontian ke kawasan Sungai Tongkang dan juga Sekolah Kebangsaan Rengit tu jalannya dan bergelombang dan membahayakan pengguna. Dan akhir sekali Yang Berhormat Dato' Speaker, di Batu Pahat termasuk di Rengit ni, ada 945 pengusaha IKS yang menjana pendapatan ataupun jualan RM200 juta setahun. Sesuai dengan cadangan Pelan Strategik mengikut daerah yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat dengan hampir 12,000 pekerja, kalau boleh diberikan perhatian dan dibuat pelan komprehensif untuk membangunkan pengusaha IKS di kawasan Batu Pahat ini, Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya kira itu sahaja yang nak saya sampaikan dan saya patuh pada apa yang telah saya sebutkan dan dengan ini saya menyokong usul yang dibawa oleh Bukit Permai. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Rengit. Ahli Yang Berhormat bagi membolehkan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang beragama Islam untuk sama-sama menyambut malam Nisfu Syaaban, saya dengan ini menangguhkan Persidangan Dewan hingga 14 Mei 2017, jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 3:30 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KEENAM	AHAD, 14 MEI 2017	BIL. 14 TAHUN 13

HADIR

YB Speaker,
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Haji Md. Jais bin Haji Sarday, PJN., KMN., PSI.
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga
dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN., PSI.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan
Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM., PSI.
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim, PIS., PSI.
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Usahawan
dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed, PSI.
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan
dan Warisan Negeri, Johor.
Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan
Negeri, Johor.

Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., AMN., PPN., PSI.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba, SSAP., SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Tuan Haji Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

YB Dato' Seri Haji Saipolbahari bin Haji Suib, SSAP., DIMP., AMN., KMN., JMN., PIS.
(Bukit Naning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat, DPSM. KMN.
(Kempas)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Azmi bin Rohani, DMIJ., SMJ., PIS

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Mohd Nasir bin Abdul Salam, SMJ., PIS., PSI.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., AMP., PSI.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., SMIJ., DSPN., PIS.
(Permas)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Datuk Haji Abd. Latif bin Bandi, DPSM., DSM., PSI.
(Endau)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Penolong Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.

YB Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Bacaan selawat). Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum kita meneruskan sesi persidangan kita kali ini, dukacita dimaklumkan bahawa Allahyarham Yang Berhormat Dato' Mohd Noor bin Mohd Dom yang telah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negeri Kawasan Serom mulai 7 April 1982 hingga 4 Oktober 1990 telah meninggal dunia pada 12 Mei 2017 yang lalu.

Oleh yang demikian, Dewan ini merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham dan marilah kita sama-sama mendoakan semoga roh beliau ditempatkan di kalangan orang-orang yang soleh dan bagi orang-orang Islam membacakan Al-Fatihah dan bukan Islam berdiri bertafakur. Al-Fatihah. Terima kasih.

Penolong Jurutulis : SOALAN LISAN

YB Speaker : Yang Berhormat Sungai Balang, jemput.

YB Puan Zaiton Binti Ismail (Sg. Balang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 1.

Kabin Skim Rondaan Sukarela (SRS) memang mendapat sambutan daripada KRT di kampung-kampung. Apakah kriteria yang dipilih untuk mendapatkan kabin tersebut dan berapa kos sebuah kabin tersebut.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berkaitan dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Balang berkenaan dengan kabin. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa pihak jabatan tidak menetapkan apa-apa kriteria untuk KRT untuk mendapatkan kabin. Namun, permohonan bagi KRT yang tiada tempat untuk beroperasi, untuk mendapatkan kabin adalah dipertimbangkan dengan syarat mempunyai lokasi atau tapak yang bersesuaian dan mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Tempatan sekiranya di kawasan PBT, bawah PBT, di kawasan perkampungan menerusi Pejabat Daerah. Dan, perkara yang kedua ialah kawasan yang memohon KRT tersebut mestilah dalam kawasan bersempadan KRT yang diluluskan oleh jabatan. Berkaitan dengan kos untuk sebuah kabin, sebenarnya kos pembinaan sebuah kabin berjumlah sebanyak RM25,000.00 dan spesifikasinya telah pun ditentukan oleh pihak jabatan yang perlu di patuhi. Dan, antara kemudahan-kemudahan ialah seperti mempunyai siling, pintu, elektrikal dan juga bumbung dan sebagainya. Jadi, itulah kos dia sebenarnya, RM25,000.00

YB Speaker : Jemput, Yang Berhormat Sungai Balang.

YB Puan Zaiton Binti Ismail (Sungai Balang) : Terima kasih kepada Yang Berhormat. Soalan tambahan, adakah masih ada lagi senarai menunggu untuk permohonan kabin tersebut? Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebenarnya di peringkat jabatan tidak ada senarai menunggu untuk kabin-kabin. Tetapi, selalunya KRT-KRT yang memohon untuk kabin ialah mereka yang tidak ada tempat ataupun pejabat untuk beroperasi. Dan, di peringkat jabatan juga tidak ada apa-apa peruntukan untuk pembelian kabin-kabin dan sekiranya ada peruntukan seperti peruntukan jabatan persekutuan kali terakhir adalah pada tahun 2012 di bawah NKRA Keselamatan di mana beberapa daerah telah pun diberi, KRT-KRT, kabin-kabin tersebut dan di peringkat negeri juga kerajaan negeri cukup prihatin dengan KRT-KRT yang ada. Dan, pada tahun 2015, kerajaan negeri juga telah memperuntukkan sebanyak RM250,000.00 dan kita telah pun membekalkan 10 kabin kepada KRT-KRT tersebut contohnya 5 KRT di daerah Johor Bahru iaitu KRT Rumah Pangsa Pekaka 3 Taman Perling, KRT Zon Harmoni, Taman Nusa Damai; KRT Fasa 4 Taman Nusantara, Gelang Patah; KRT Beladau, Taman Puteri Wangsa dan KRT Rumah Pangsa Jalan Sagu, Taman Daya. Di daerah Kota Tinggi ialah KRT Zon 8 Taman Saujana; di daerah Kluang, KRT Layang-Layang Utara; KRT Taman Puteri; di daerah Muar, KRT Seri Menanti dan di daerah Batu Pahat ialah KRT Taman Bukit Flora.

Jadi apabila adanya peruntukan-peruntukan untuk pembelian kabin sama ada daripada peringkat persekutuan ataupun negeri, barulah kita akan, jabatan akan lihat kepada senarai tersebut di mana mereka akan membuat pemilihan KRT yang mana perlu di beri bantuan kabin tersebut.

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Buloh Kasap.

YB Puan Hajah Norshidah Binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 2.

Adakah kerajaan bercadang mewajibkan setiap murid beragama Islam di Johor bersekolah agama?

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Tan Sri Speaker dan Yang Berhormat Buloh Kasap. Menjawab soalan yang diberikan oleh Buloh Kasap, cadangan untuk mewajibkan setiap murid beragama Islam di negeri Johor untuk bersekolah agama.

Sejak 1905, pihak kerajaan telah pun memastikan supaya pelajar-pelajar yang beragama Islam yang berumur di antara 7 hingga 12 tahun mendapat Pendidikan Fardu Ain yang sempurna. Dan, senario ini berlaku ketika itu yang mana sekolah agama menjadi tumpuan seluruh masyarakat Islam di negeri Johor untuk anak-anak mereka mempelajari ilmu agama secara formal menerusi satu sistem pendidikan agama yang diurus dengan baik oleh kerajaan negeri sejak hampir 100 tahun yang lalu. Ini bukan sahaja menjadi satu tradisi, malahan seakan menjadi kemestian untuk anak-anak di negeri Johor belajar di sekolah agama. Perkara ini kita dapat melihat perkembangannya sehingga hari ini, di mana jumlah sekolah agama meningkat setiap tahun sehingga tahun 2017 ini, di mana jumlah sekolah agama yang telah pun wujud di negeri Johor sebanyak 574 buah. Di mana 465 adalah mempunyai bangunan sendiri dan yang masih menumpang di sekolah kebangsaan sebanyak 109. Dan, peningkatan pelajar juga saban tahun meningkat. Sebagai contoh pada tahun ini sahaja, pelajar-pelajar yang mengikuti pelajaran agama di sekolah agama daripada darjah 1 hingga darjah 6, di mana pelajarnya seramai 184,339 orang, di mana pelajar Darjah Khas 4, 16, 427 dan tadika agama Johor seramai 5,844 orang. Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Speaker : Yang Berhormat Buloh Kasap, jemput.

YB Puan Hajah Norshidah Binti Ibrahim (Buloh Kasap) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan saya, tahun 1918 adalah satu sejarah yang cukup panjang untuk kita tempuhi. Jadi, apakah perancangan ataupun program-program yang akan kerajaan negeri aturkan bagi menyambut hari sejarah yang ke 100 tahun itu? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Tan Sri Speaker dan soalan tambahan daripada Buloh Kasap. Sejarah yang panjang sekolah agama negeri Johor sejak 1918 iaitu secara formalnya wujudnya bangunan sekolah, guru dan sebagainya. Maka pada tahun hadapan kita akan menyambut 100 tahun pendidikan agama negeri Johor dan sekolah agama negeri Johor. Pihak jabatan kerajaan melalui Bahagian Pendidikan Islam Negeri Johor telah pun mengadakan mesyuarat untuk mengadakan sambutan 100 tahun pendidikan sekolah agama dan 100 tahun pendidikan agama di negeri Johor di mana di antara program yang akan dilaksanakan iaitu yang pertama, menerbitkan buku 100 tahun pendidikan agama negeri Johor dan sekolah agama negeri Johor. Di mana kandungannya terdapat banyak sejarah-sejarah dan juga pameran dan juga yang dapat dipaparkan di dalam penerbitan buku itu nanti selain daripada tokoh-tokoh yang kita akan bicarakan tentang tu, tentang sejarah sumbangan mereka kepada sekolah agama negeri Johor.

Selain daripada itu juga, program yang kedua kita akan mengadakan pertandingan-pertandingan yang tertentu yang berkaitan dengan sekolah agama negeri Johor. Dan seterusnya ketiga, karnival kesenian dan Kebudayaan. Keempat, forum. Kelima, seminar dan juga multaqa yang berkaitan dengan pendidikan dari segi penambahbaikan sistem pendidikan di negeri Johor. Dan seterusnya, kita juga akan mengadakan Jelajah Perasmian Sekolah-Sekolah Agama yang hari ini yang telah siap namun belum dirasmikan.

Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

YB Speaker : Jemput.

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Saya hendak merujuk kepada soalan asal yang mana adakah kerajaan bercadang mewajibkan setiap murid beragama Islam bersekolah agama? Jadi, saya rasa Yang Berhormat EXCO tidak menjawab secara tepat soalan tadi tu. Dan, adakah dalam mana-mana undang-undang peraturan dalam negeri Johor ini yang menyebut bahawa tiap-tiap murid-murid, anak-anak yang beragama Islam diwajibkan? Adakah undang-undang tersebut ada tercatit dalam mana-mana peraturan dan sebagainya? Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Tan Sri Speaker. Apabila kita merujuk kepada Peraturan Kerajaan Negeri Johor 1905, sebagaimana yang dititahkan oleh Almarhum Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim pada ketika itu menetapkan maknanya umat Islam, wajib kepada anak-anak orang Islam pada ketika itu memasuki sekolah agama kerajaan negeri Johor. Di mana, sekiranya ada di kalangan mereka yang mengingkari ataupun tidak menghantar mereka, mereka boleh dikenakan tindakan oleh kerajaan. Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Speaker : Jemput, Bukit Batu.

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Soalan tambahan saya Yang Berhormat EXCO, sebenarnya adalah satu cadangan yang baik untuk kanak-kanak kita untuk masuk sekolah agama, lebih baik daripada dia merayau-rayau. Soalan tambahan saya adalah, adakah kerajaan ada apa-apa skim untuk bantu mana ibu bapa yang mungkin mempunyai masalah kemampuan dari segi kewangan untuk bayar yuran-yuran ke atau bayaran-bayaran lain kerana saya sendiri pernah jumpa dengan seorang penduduk di kawasan saya, seorang bapa yang tidak mampu untuk membayar yuran anaknya untuk sekolah agama. Akhirnya sayalah terpaksa yang tolong dia. Tapi, saya nak minta penjelasan daripada kerajaan sama ada apa skim atau bantuan yang boleh disalurkan kepada mereka yang tidak mempunyai kemampuan. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Tan Sri Speaker. Berkaitan dengan bantuan, bukan setakat bantuan kepada sekolah, pelajar-pelajar yang bersekolah di sekolah kebangsaan ataupun sekolah menengah. Malah, kerajaan juga membantu pelajar-pelajar yang berada di sekolah agama.

Yang pertama sekali iaitu dari segi bantuan pakaian sekolah. Peralatan sekolah. Kita ada sediakan bagi pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor. Yang kedua, kepada pelajar-pelajar yang termasuk dalam kategori asnaf, kita ada satu program yang dinamakan Program Makanan Sihat di mana setiap hari diperuntukkan kepada mereka sebanyak RM2.50. Ketiga, kita juga memberikan kepada ibu bapa sekiranya mereka pergi kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor di daerah-daerah untuk kita bantu menjelaskan apa jua jenis bantuan, jenis juga bayaran yang dikenakan oleh pihak sekolah untuk di bayar dan di bantu oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor. Sehingga kini kita masih mengekalkan dan meneruskan untuk membayar kepada mereka-mereka yang dikategorikan sebagai mereka yang golongan yang susah ataupun asnaf.

Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Speaker : Yang Berhormat Pasir Raja, jemput.

YB Dato' Sri Adham Bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Soalan saya nombor 3.

Adakah rancangan pihak kerajaan Johor untuk mewujudkan lebih banyak konsep kebun nukleus di tempat lain dalam negeri Johor serta apakah tanaman makanan yang paling diperlukan untuk menampung permintaan pada masa hadapan terutama berkaitan *Food Security*?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Pasir Raja menanyakan adakah rancangan pihak kerajaan Johor untuk mewujudkan lebih banyak konsep kebun nukleus di tempat lain dalam negeri Johor serta apakah tanaman makanan yang paling diperlukan untuk menampung permintaan pada masa hadapan terutama berkaitan *Food Security*?

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, konsep kebun nukleus yakni *Agro Mix Farm*, dengan izin, akan dilaksanakan pada tahun ini di daerah Segamat bagi merangsang pembangunan Segamat sebagai daerah pertanian utama. Program Pertanian Bersepadu berskala kecil ini akan menjadi projek perintis dalam menyokong pengeluaran produk berasaskan pertanian, penternakan dan akuakultur. Pada peringkat awal, dengan peruntukan sebanyak RM1.25 juta dan keluasan tanah berjumlah 46 ekar, para peserta akan dilibatkan dalam Projek Tanaman Makanan seperti sayur-sayuran, nanas, kelapa, jagung, belimbing serta projek-projek perikanan tilapia merah dan ternakan rusa serta pusat pengumpulan tanaman dan IKS. Projek akan dijalankan di atas tanah kerajaan negeri dan dirizabkan serta di bawah jagaan Pengarah Pertanian Negeri Johor. Sekiranya projek yang, projek yang tersebut di atas mencapai kejayaan dan dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri mempunyai kawasan yang sesuai dan peruntukan tambahan, konsep kebun nukleus akan dikembangkan lagi di daerah-daerah lain.

Berkaitan dengan *food security*, tanaman yang menjadi keutamaan iaitu sayur-sayuran yakni bayam, bendi, cili, kacang panjang, sawi, terung, timun, jagung dan tomato dan buah-buahan seperti nangka, manggis, durian, belimbing, jambu batu, nenas, betik, pisang, rambutan dan tembikai selain bidang penternakan dan perikanan juga akan kita beri tumpuan.

YB Speaker : Jemput Pasir Raja.

YB Dato' Sri Adham bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Soalan berkenaan *food security*, ini macam pentingnya makanan kitalah. Jadi, perkara yang paling penting sekarang ialah negara yang bertambah penduduk, ia memerlukan banyak makanan. Adakah Malaysia ini ataupun Johor satu masa nanti terlalu bergantung kepada import, jadi kita mahu supaya import makanan-makanan asas kepada masyarakat ini tidak tinggi untuk mengawal kos sara hidup. Justeru itu, saya minta supaya pihak kerajaan Johor mengenal pasti adakah permohonan daripada masyarakat tempatan itu yang boleh memberikan idea terhadap tempat-tempat yang boleh dijadikan kebun nukleus itu diperlebarkan dan adakah kerjasama dengan UPEN di peringkat tempatan itu sangat, dijalankan dengan baik atau tidak?

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pihak Jabatan Pertanian kita telah sebenarnya mengenal pasti beberapa lokasi yang bersesuaian untuk kita jadikan kebun nukleus ataupun *agro mix farm* ini dengan izin, yang mana kita lihat pemilihan tanah ini adalah berdekatan dengan pinggir bandar juga kita rasakan program ini, kita dapat mengembangkan lagi industri pemakanan dalam negeri Johor.

Untuk makluman Tan Sri Speaker, kebun nukleus ini dibangunkan ataupun kita beri keutamaan kepada peserta-peserta yang sedang membangunkan ataupun sedang menjayakan aktiviti pertanian penternakan dan juga perikanan di kawasan masing-masing. Walau bagaimanapun, kita bercadang untuk kumpulkan mereka di satu tempat dan juga kita bantu, tanah yang kita beri kat sini juga kita kenakan sewaan yang berpatutan. Dan juga, kita menjayakan program ini selain daripada mereka mengeluarkan produk, mereka juga menjadikan kawasan tanaman ini sebagai pusat pelancongan. Jadi secara tak langsung, mereka ini akan dapat meningkatkan pendapatan daripada menjual, selain daripada menjualkan,

menjual hasil, mereka juga dapat pendapatan dengan kehadiran pelancong-pelancong ke tempat pengeluaran tanaman ini. Itu sebab konsep ini sangat berkesan, jadi bila mereka mengeluarkan produk makanan, bukan sahaja untuk keperluan, kita mengharapkan untuk keperluan setempat dan juga bila berlaku lebihan, kita mengharapkan produk makanan ini dapat kita ... apa ni, keluarkan atau kita edarkan ke tempat-tempat lain yang memerlukan. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat Pemanis jemput.

YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 4.

Berikan data output sampah yang dikutip, senarai tapak pelupusan dan kapasiti maksima boleh ditampung setiap tapak tersebut mengikut daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan (PBT) / Bukan PBT / Kampung. Adakah penghasilan sampah per kapita itu pada tahap yang boleh diterima?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat pagi, salam sejahtera, salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Pemanis bertanyakan tentang data output sampah yang dikutip, senarai tapak pelupusan dan juga kapasiti maksima yang boleh ditampung setiap tapak tersebut mengikut daerah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk kapasiti maksima yang boleh ditampung setiap tapak iaitu kita tidak ada data yang tepat kerana jumlah yang ditampung itu bergantung kepada jenis sampah dan bagaimana pengurusan itu berlaku. Namun dari segi data output dan juga senarai pelupusan, untuk tahun 2016 Laporan Tarnish, kutipan sisa pepejal di tapak pelupusan yang ada di negeri Johor adalah seperti berikut:

1. Tapak Pelupusan Batu 4 Kota Tinggi, jumlah kutipan sisa pepejal sebanyak 30,766.4 tan;
2. Sungai Rengit, Kota Tinggi - 10,480.13 tan
3. Jemaluang, Mersing - 26,294.44 tan
4. Endau, Mersing - 2,488.95 tan
5. Bukit Bakri, Muar - 133,870.17 tan
6. Bekoh di Tangkak - 37,449.30 tan
7. Ladang Sipi, Simpang Renggam - 175,202.34 tan
8. Buloh Kasap, Segamat - 47,140.27 tan
9. Moakil, Labis - 41,283.28 tan
10. Pekan Nenas, Pontian - 67,434.11 tan; dan
11. Seelong di Kulai - 593,752.24 tan

Berkaitan dengan penghasilan sampah per kapita Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tidak dinafikan bahawa pertambahan penduduk proses perbandaran dan perindustrian yang pesat menyebabkan bertambahnya sisa pepejal yang dijana oleh masyarakat. Pengurusan sisa pepejal merupakan antara masalah utama yang dihadapi oleh masyarakat terutama sekali di bandar. Kos pengurusan sisa pepejal dari peringkat pengutipan, pengumpulan, pengangkutan sampah hingga ke tahap pelupusan adalah agak tinggi. Menurut kajian yang dijalankan oleh pihak Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara iaitu *Survey on Solid Waste Composition Charateristics and Existing Practice of Solid Waste Recycling in Malaysia* dengan izin, kadar purata penghasilan sisa pepejal per kapita bagi penduduk Semenanjung

Malaysia adalah sebanyak 0.08kg per kapita per hari. Maknanya satu orang satu hari buang lebih kurang 800g sampah. Berbanding dengan negara-negara luar yang lain seperti Singapura, China, Indonesia, Jepun dan Negara-Negara Eropah yang lain, kadar penghasilan sisa pepejal per kapita di Malaysia adalah di tahap yang sederhana, sebagai contoh kalau kita bandingkan dengan Singapura, Singapura menghasilkan 1.33kg per kapita per hari, negeri China 0.628kg per kapita per hari, Jepun 0.97kg per kapita per hari dan Indonesia 0.69kg per kapita per hari.

YB Speaker : YB Pemanis jemput.

YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasih di atas jawapan yang komprehensif, merangkumi daerah-daerah dan juga buat perbandingan dengan negara-negara yang lain. Pada pendapat Kerajaan, adakah kapasiti pelupusan sampah sekarang ini pada tahap yang mencukupi untuk menampung keperluan pada keseluruhannya? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sepertimana yang saya katakan tadi, kadar per kapita buat masa ini untuk negeri Johor, kita masih lagi dapat menampung dari segi pembuangan sampah ini. Cuma, dari segi perancangan pembuangan sisa pepejal ini, di Johor kita rancangan jangka panjang, kita akhirnya akan ada 3 pusat pelupusan sampah itu iaitu di... apa nama di... Seelong sepertimana yang dah ada sekarang, kemudian ada cadangan di Bukit Payung, Batu Pahat dan juga di Mersing. Dan, dalam masa yang sama juga, kaedah-kaedah yang baru sedang dikaji khususnya untuk pembuangan sampah dalam bentuk *waste well*, maknanya dengan izin, maknanya daripada segi sampah boleh jadikan bahan-bahan bakar dan sebagainya.

YB Speaker : Jemput.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Soalan tambahan saya, walaupun Yang Berhormat EXCO tadi sudah menjelaskan bahawa ada rancangan jangka masa panjang untuk pelupusan sampah di negeri Johor dan akan ada 3 tapak untuk di 3 lokasi iaitu Mersing, Seelong dan Bukit Payung. Tapi kalau mengikut *research* yang saya sendiri buat, yang mengikut maklumat yang diberi oleh negeri Johor, kerajaan negeri Johor, setakat ini ada 2 tempat yang langsung tak ada, yang tapak pelupusan mereka yang sudah langsung tidak boleh menampung lagi iaitu Pekan Nanas, sepatutnya jangka hayat untuk tapak pelupusan ini sudah tamat pada tahun ini dan juga 1 lokasi lagi itu Bukit Bakri dan tapak pelupusan Bukit Bakri. Sepatutnya tamat pada 2 tahun yang lalu iaitu 2015. Dan, memandangkan semua tahun akhir untuk tapak-tapak pelupusan di negeri Johor, nampaknya bahaya sangat kerana selain daripada Labis, Segamat, Seelong dan Sungai Rengit, banyak tempat lagi tapak pelupusan itu akan akhir pada tahun ini atau tahun depan. Iaitu adakah rancangan untuk jangka masa panjang itu boleh sambung agar dengan semua jangka masa pendek ini?

Dan juga, ada soalan lagi iaitu penting, lokasi 3 lokasi yang dirancangkan untuk membina tapak pelupusan sanitari itu adalah Seelong yang sedia ada, Bukit Payung dan juga Mersing. Macam mana dengan kawasan di utara Johor? Kalau penduduk-penduduk tinggal di Tangkak, Labis, sampah mereka kena dihantar ke Bukit Payung. Berapa jauh? Dan, adakah ini satu *consideration* yang dengan izin,

yang *economic* untuk menghantar semua sisa pepejal ini ke satu tapak yang jauh? Lebih jauh dari tapak yang sekarang. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terima kasih Yang Berhormat Senai. Soalan ini memudahkan saya lagi untuk menerangkan tentang perancangan kita ke masa hadapan.

Ok, kalau kita tengok di Johor Bahru Tan Sri Speaker, dulu banyak tempat-tempat apa nama ni... tapak pelupusan, tapi hari ini bila Seelong dah ada, semua tapak pelupusan di Johor Bahru ni dijadikan apa yang disebut sebagai *transfer station*. Maknanya dia letak situ untuk beberapa ketika dan dia angkat semua ke Seelong, ya. *So* masalah di Johor Bahru selesai. Di masalah di tempat-tempat lain ya, sekarang ini tak ada orang yang nak tempat dia dijadikan tapak pelupusan. Walaupun di Bukit Payung, kita dah dapat peruntukan dah, dah lantik kontraktor. Parit Yaani sampai sekarang dia tak setujukan? Jadi nak letak kat mana? Sebab itu, kalau ikut perancangan kita, akhirnya Johor ada 3 sahaja pusat pelupusan sanitari apa nama ni, *land field* dengan izin:

1. Di Seelong sedia ada sekarang;

2. Di Bukit Payung, yang mana kontraktor dah dilantik dengan peruntukan sebanyak RM58 juta, tengah nak tengok, apa dalam... dalam melantik kontrak ini secara *design and build*. Di Bukit Payung ini akan jadi tempat untuk mengumpulkan sampah daripada Segamat, Muar, Kluang dan juga yang Batu Pahat... di situ. Dan kemudian 1 lagi...

3. Di Mersing untuk Daerah Mersing di situ.

Ok, untuk tapak-tapak yang disebutkan Bakri dan juga Pontian. Sebelum ini ada cadangan-cadangan yang telah dicadangkan tapi dapat bantahan daripada penduduk tempatan jadi untuk masa ini sehingga kita dapat selesaikan tempat yang betul-betul sesuai dan mungkin kalau tidak ada penyelesaian mungkin yang Pontian juga kita akan hantar ke Seelong. Begitu juga di Bakri, di Bakri asalnya ada satu tempat di Pagoh tapi tak setuju jadi kita letak semuanya akan hantar semua di Bukit Payung. *So*,perancangannya. Jadi Johor akhirnya, kita akan ada 3 pusat pelupusan sampah secara sanitari. Tapi dalam masa yang sama kita juga sedang *encourage,* dengan izin mana-mana yang ada boleh menawarkan untuk melaksanakan pusat pelupusan secara *incinerator*. Kita di Malaysia ada 3 *incinerator* yang kita, yang kerajaan telah bina, tetapi semuanya gagal sebab sampah kita ni berbeza. Yang Berhormat Tan Sri Speaker kita ni kalau banding dengan negara lain kita lebih 20% lebih berat daripada sampah-sampah orang lain, sebab kita buang semua dan yang antara…

YB Speaker : Makanan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Kita buang dalam satu, makan, *pampers* dan sebagainya. Jadi, kena ada kajian yang betul-betul tepat supaya pelaburan ini tidak merugikan.

YB Speaker : Parit Yaani, sebut-sebut Parit Yaani tadi, jemputlah.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Terima kasih Tan Sri Speaker, segala bantahan tu ada sebabnya. Pertama sekali, sebagaimana yang kita sedia maklum kedudukan tapak pelupusan tu terlalu hampir dengan kampung tradisi. Kalau jauh sepertimana yang dalam ucapan saya dalam 5 kilometer, kita tak kisah. Cuma, terlalu hampir dengan penduduk kampung yang begitu ramai, itu yang pertamalah. Sebab itu kami, penduduk sendiri bantah dan saya yakin, sahabat saya pun daripada Medan pun ada sama-sama dalam program bantahan dianjurkan oleh penduduk setempat. Soalan saya Tan Sri Speaker, pendidikan pembuangan sampah ini perlu ditanamkan kepada rakyat. Maksud saya, kalau kita lihat di negara-negara maju mereka memang menyediakan, walaupun di tempat pendudukan taman, taman perumahan, rumah-rumah, mereka dididik dengan pengasingan bahan-bahan buangan itu sepertimana yang kita gembar-gemburkan dalam program kita untuk penyelesaian sampah ini. Tetapi bila diangkat, masukkan dalam lori yang dah diasingkan itu, akhirnya bercantum balik, kan? Macam saya, kita faham tapi oleh kerana tong kat rumah tu ada satu, kita masuklah, kaca masuk situ, plastik masuk situ, kertas masuk situ, *baby* punya masuk situ kan, sampah, benda-benda yang basi, yang makanan dah basi itu pun masuk situ kalau dah masuk lori dia gaul balik semula, jadi ini yang menyebabkan kita dapati pembuangan itu tak sistematik. Saya cerita sikitlah Tan Sri ya.

YB Speaker : Tak boleh.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Boleh ya.

YB Speaker : Tak, tak boleh.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Sikit.

YB Speaker : Tak boleh, soalan saja.

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) : Sikit aje sebab ini pengalaman. Di mana kalau saya duduk di Osaka sebulan, kita dapat lihat bagaimana pengasingan dibuat dan lori yang angkat tu berbeza. Lori angkat sampah yang kering dan lori yang angkat sampah basah. Jadi kita minta supaya adakah SWM menyediakan perkara-perkara demikian yang akan menyebabkan kebaikan kepada semua pihak dan saya memang tegas menyatakan tak bersetuju sekiranya di Bukit Payong dijadikan asas tempat pembuangan sampah dan boleh pindah tempat yang agak jauh.

YB Speaker : Sila, Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tiba-tiba pasal sampah ni semua minat nak tanya. Ok, terima kasih kepada Parit Yaani. Untuk pendidikan pembuangan sampah ni memang dalam mesyuarat dengan Yang DiPertua tempoh hari sebaik sahaja saya mengambil alih portfolio ini memang saya dah arahkan kepada semua PBT untuk melaksanakan program pendidikan pembuangan sampah melalui Rakan Taman dan kita akan minta kerjasama daripada Jabatan Pendidikan untuk buat program-program ini di peringkat sekolah dengan kerjasama SW Corp, PBT dan juga pihak Jabatan Pendidikan. Soal Bukit Payong, sebab perkara ni dah dirancang begitu lama Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dan akhirnya kerajaan persekutuan dah bersetuju untuk keluarkan belanja sebanyak RM58 juta. Kalau kita tolak, tak mungkin nak dapat balik peruntukan itu, saya takut ambil masa yang lama ataupun mungkin tak dapat terus. Cuma yang saya boleh nyatakan di sini untuk di Bukit Payong. Pertama, saya

sedang untuk berbincang semula dengan pihak Jabatan Sisa Pepejal, kalau sebab di situ ada perancangan akhirnya nak buat *incinerator* so kalau boleh perancangan *incinerator* itu dibuat lebih awal. Dan, saya nak beritahu Parit Yaani nak sampai ke tempat itu saya sendiri dah masuk tempat itu, dia tidak akan menggunakan laluan mana-mana jalan kampung. Untuk laluan sahaja Jabatan Sisa Pepejal telah *acquire,* dengan izin tanah sebanyak 19 ekar jalan baru, dia tak lalu mana-mana jalan kampung pun. Dan, *sanitary land field* yang dengan izin, yang dibina ini pun akan diurus dengan cara yang terbaik bukan *dumping land field* eh. Jadi, kalau pihak kementerian setuju akhirnya cadangan untuk kita bina lebih awal *incinerator* mungkin itu akan lebih baik.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat kita mengalu-alukan kedatangan pemerhati daripada Ahli Parlimen Belia Malaysia Negeri Johor, Ahli MCA Kawasan Kahang, Ahli-Ahli DUN Kawasan Bukit Permai dan Masyarakat Orang Hulu Asli Kawasan Bekok. Yang Berhormat Paloh, jemput.

YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 5.

Beberapa permainan sukan seperti Futsal, Bola Jaring, Sepak Takraw dan bola keranjang telah dipertandingkan di Sukan Muafakat Johor yang melibatkan semua DUN. Adakah permainan-permainan lain seperti bola tampar juga akan dimasukkan pada tahun depan?

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada yang Berhormat Paloh di atas perkara yang dibangkitkan iaitu berkaitan Sukan Muafakat Johor.

Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker saya boleh ulang semulalah mungkin semua dah maklum ye. Sukan Muafakat ini dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Johor di bawah kelolaan Majlis Sukan Negeri Johor yang bertujuan untuk membudayakan sukan di kalangan rakyat Johor bagi membentuk masyarakat yang cergas dan aktif. Selain itu sukan ini juga bertujuan untuk memupuk perpaduan dan kemuafakatan di kalangan masyarakat melalui aktiviti sukan. Itu adalah antara agenda utama kita mewujudkan Sukan Muafakat Johor.

Semenjak tahun 2015, acara-acara yang dipertandingkan iaitu futsal, bola jaring, sepak takraw, bola keranjang dan kabaddi. Ia dipilih kerana acara sukan ini merupakan sukan-sukan popular yang dimainkan oleh masyarakat di seluruh negeri Johor contohnya, sepak takraw yang merupakan sukan popular di kalangan orang Melayu, bola jaring dan futsal dimainkan oleh masyarakat berbilang kaum, bola keranjang biasanya dimainkan oleh kaum Cina manakala kabaddi di kalangan kaum India.

Namun begitu, sejak akhir-akhir ini, semenjak negeri Johor memperkenalkan sukan kabaddi dan sukan Muafakat Johor sukan tradisi kaum India ini semakin ramai disertai oleh kaum Melayu. Ini menunjukkan sukan merupakan agen perpaduan kaum yang amat berkesan. Sebagai menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Paloh, Sukan Muafakat Johor ini boleh ditambah acara-acaranya, acara-acaranya boleh ditambah dari semasa ke semasa, beberapa acara sukan lain yang boleh dipertandingkan contohnya seperti cadangan Yang Berhormat ADUN Paloh iaitu sukan bola tampar. Sukan lain pingpong dan badminton juga dirasakan sesuai dan kami telah berbincang di peringkat Majlis Sukan Negeri Johor dan kita akan melihat secara serius perkara ini kerana yang lebih penting sekali untuk kita menambah acara-acara sukan dalam Sukan Muafakat Johor. Saya lebih

suka untuk kita menetapkan beberapa kriteria. Yang pertama sekali, sukan tersebut mesti popular di peringkat akar umbi. Yang kedua, dan kita mempunyai kemudahan yang mencukupi untuk sukan-sukan tersebut. Yang ketiga, diterima dan dimainkan oleh sebahagian besar rakyat Negeri Johor dan yang keempat yang pasti bila kita menganjurkan acara sukan mesti mendapat sambutan daripada rakyat di peringkat akar umbi. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat Paloh, jemput.

YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' EXCO atas jawapan yang diberi. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya memandangkan penglibatan Sukan Muafakat Johor meliputi semua DUN iaitu sebanyak 56 DUN di seluruh negeri maka ada berapa ramaikah atlet yang telah mewakili negeri Johor ke Sukan SUKMA yang lepas? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada soalan tambahan daripada Yang Berhormat daripada Paloh. Seperti saya maklumkan tadi, iaitu antara tujuan kita menganjurkan Sukan Muafakat Johor iaitu yang pertama sekali, kita adalah untuk kita membudayakan sukan dalam Negeri Johor yang melibatkan rakyat di peringkat akar umbi. Sebenarnya, kita tidak mensasarkan, kita menganjurkan Sukan Muafakat Johor ini untuk kita memilih atlet-atlet Johor bagi kejohanan SUKMA. Kerana apa yang kita lihat bahawa daripada Sukan Muafakat Johor itu sendiri kita sebenarnya lebih mementingkan penglibatan daripada semua pihak, terutama daripada belia-belia tanpa mengira kaum, tanpa mengira usia. Yang paling penting sekali mesti lebih daripada umur 21 tahun.

Di bawah Majlis Sukan Negeri Johor bagi kita memilih atlet kita pun telah menetapkan bebrapa kejohanan yang telah kita susun dalam kalendar Majlis Sukan Negeri Johor dan daripada Sukan Muafakat ini kita melihat bahawa yang paling penting sekali bagaimana kita nak membudayakan sukan menjadi satu cara hidup rakyat dalam Negeri Johor dan insya-Allah jika mereka berbakat dan jika mereka dapat dikenalpasti dan tidak mustahil melalui Sukan Muafakat Johor juga kita boleh mencungkil bakat mereka dan dipilih ke peringkat yang lebih tinggi, insya-Allah.

YB Speaker : Jemput, YB.

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) : Terima kasih Tan Sri Speaker, kalau kita perhatikan Tan Sri Speaker, sukan futsal, bola jaring, sepak takraw dan bola keranjang ini telah menjadi sukan yang dipermainkan agak lama di 56 DUN. Jadi, soalan saya berkaitan dengan prasarana, kemudahan yang disediakan kerana pemilihan sukan ini juga ada asas sebab sukan ini melibatkan pemain yang ramai terutama sekali futsal, bola jaring dan bola keranjang. Jadi, soalan saya apakah perancangan kerajaan negeri sekurang-kurangnya membina fasiliti 4 jenis sukan ini di 56 DUN. Ada tak perancangan dalam bajet atau sekurang-kurangnya dalam bajet akan datang boleh tak dimasukkan bajet berkenaan? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada soalan tambahan daripada Yang Berhormat Gambir. Pada peringkat sehingga tahun ini ya, sehingga

tahun 2017, acara-acara sukan yang telah kita tetapkan untuk kita pertandingkan di peringkat Sukan Muafakat Johor ini iaitu futsal, bola jaring, sepak takraw, bola keranjang. Sebenarnya, kita telah mempunyai kemudahan sukan yang hampir mencukupi. Kalau kita lihat selain daripada kemudahan-kemudahan di peringkat kampung ya, kita juga mempunyai kemudahan yang telah sedia ada yang telah disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Sebab itu, pihak Majlis Sukan Negeri Johor telah mengambil kira, seperti saya sebut sebelum ini iaitu salah satu kriteria yang kita perlu ada iaitu kita mempunyai kemudahan yang mencukupi dan tidak menjadi halangan kepada pihak Majlis Sukan Negeri Johor dan juga Kerajaan Negeri Johor untuk kita menambah baik dan juga menambah fasiliti sukan yang ada. Sebab itu kalau Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan juga Yang Berhormat Gambir lihat di sini contohnya, gelanggang sepak takraw, gelanggang sepak takraw kita telah kenal pasti mempunyai banyak di setiap kawasan DUN dan saya pun rasa tiada halangan untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat sendiri kalau kos untuk membina gelanggang sepak takraw pun tidak lebih daripada RM15,000.00. Jadi di situ sebenarnya peruntukan yang disalurkan oleh pihak kerajaan kalau dilihat di sini pihak Ahli-Ahli Yang Berhormat sendiri pun boleh mainkan peranan untuk menyediakan fasiliti sukan itu sendiri.

Dan, kalau kita lihat untuk futsal sahaja, kalau untuk kemudahan futsal pihak Kementerian Belia dan Sukan telah menyediakan peruntukan yang besar dan kita lihat pada hari ini di Negeri Johor sendiri pun kita mempunyai gelanggang futsal yang terlalu banyak dan melalui Pihak Berkuasa Tempatan pun di bawah program kerajaan negeri Johor iaitu kita pun telah menetapkan iaitu membina gelanggang futsal dan juga gim rakyat, yang mana gelanggang futsal, gim rakyat ini adalah salah satu daripada inisiatif kerajaan negeri Johor untuk memperbanyakkan lagi fasiliti sukan dalam Negeri Johor.

Dan, untuk acara-acara lain seperti bola keranjang dan juga seperti bola jaring, saya ingat tiada halangan kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat sendiri pun boleh menggunakan kemudahan yang ada di padang awam, di sekolah dan sebagainya. Yang penting, kita perlu mohon izin dan juga kalau ada masalah, boleh rujuk kepada pihak Majlis Sukan Negeri Johor.

Tujuan kita mengadakan dua acara yang kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat lihat iaitu yang pertama, bola keranjang dan kedua, kabaddi.

Dua acara sukan jadi acara tambahan, tambahan dalam Sukan Muafakat Johor. Kalau sukan bola keranjang, kita boleh lihat majoriti pemain yang terlibat adalah di kalangan kaum Cina, dan untuk kabaddi sendiri adalah di kalangan kaum India. Dua sukan utama ini adalah bertujuan kita untuk melihat kemuafakatan dalam kita menganjurkan Sukan Muafakat Johor. Sebab itu untuk bola keranjang dengan kemudahan yang sedia ada di sekolah Jenis Kebangsaan Cina, dan juga untuk kabaddi, saya ingat kemudahan yang diperlukan hanya padang berpermukaan rumput, jadi tak ada masalah kita menganjurkan tiga sukan utama dan dua sukan tambahan ini, insya-Allah. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

YB Speaker : Yang Berhormat Sungai Balang jemput.

Puan Zaiton Binti Ismail (Sungai Balang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 6.

Projek WIFI Johor luar bandar telah pun dilancarkan. Berapa peratus kampung-kampung luar bandar mendapat faedah wifi ini dan nama kampung-kampung yang mendapat WIFI ini.

YB Speaker : Yang Berhormat Maharani jemput.

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 7.

Kemudahan WIFI percuma oleh kerajaan. Berapa banyakkah yang masih berfungsi dan beroperasi di kampung-kampung serta penambahan baru?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, izinkan saya menjawab soalan sekali. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, projek jalur lebar tanpa percuma Johor WIFI, telah diperkenalkan berdasarkan Pelan Suara Hati Rakyat Johor. Johor WIFI fasa pertama telah dilancarkan pada 30 Ogos 2015. Dengan melibatkan pemasangan 134 *hotspot* di kawasan tumpuan awam di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan. Kaunter-kaunter Pihak Berkuasa Tempatan dan projek-projek perumahan rakyat, projek ini telah menelan belanja RM12.477 juta untuk tempoh 3 tahun iaitu dari tahun 2016 hingga tahun 2018. Berdasarkan sambutan yang sangat-sangat menggalakkan ini, kerajaan negeri telah mengambil keputusan untuk memperluaskan projek Johor WIFI ini ke kawasan luar bandar. Projek ini telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 10 April 2017, dan projek ini dijangka siap sepenuhnya pada Januari 2018.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Projek Johor WIFI luar bandar pula telah dibangunkan di 10 pejabat daerah dan 40 kawasan luar bandar yang meliputi kawasan tumpuan yang telah kenal pasti dan diketengahkan oleh pemimpin masyarakat dan pejabat daerah. Pihak teknikal dari ICT negeri Johor telah melaksanakan lawatan kesesuaian tapak bersama-sama Pejabat Daerah, dan daerah bagi memastikan setiap kawasan yang dicadangkan mempunyai infrastruktur asas telekomunikasi, yang menyokong kepada perkhidmatan internet. Selain infrastruktur telekomunikasi, infrastruktur elektrik dan juga isu hak milik tanah, bagi kawasan yang akan dipasang perkhidmatan Johor WIFI juga diambil kira. Pada akhirnya, 50 kawasan *hotspot* yang memenuhi kriteria asas infrastruktur telah dipilih untuk dipasang dengan Johor WIFI luar bandar iaitu fasa dua.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga telah memperuntukkan sebanyak RM4.3 juta, bagi pelaksanaan Johor WIFI luar bandar ini melalui Bajet 2013. Untuk makluman Yang Berhormat Sg. Balang, nama-nama kampung seluruh negeri bolehlah saya serahkan kepada Yang Berhormat selepas ini. Namun untuk daerah Muar, kampung-kampung yang terlibat adalah Kg. Parit Jawa, di jeti Kg. Parit Jawa, di Pusat Kegiatan Belia Prihatin, Parit Haji Zain, di Kompleks Penghulu, Mukim Pagoh, di Kolam Air Panas Sg. Grisek dan juga satu lokasi di Pejabat Daerah Muar.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Projek Johor WIFI ini, ke semua 134 lokasi *hotspot* Johor WIFI masih berfungsi dan beroperasi dengan baik. Pihak pembekal perkhidmatan juga telah menyediakan talian khidmat pelanggan bagi memudahkan rakyat melaporkan sebarang gangguan perkhidmatan WIFI yang disediakan 24 jam sehari sepanjang tahun. Kerajaan senantiasa memantau dan memastikan perkhidmatan yang disediakan ini dapat memberikan manfaat tanpa sebarang gangguan. Pada masa yang sama pihak kerajaan juga menjalankan kajian bagi meningkatkan mutu perkhidmatan WIFI pada rakyat. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berhubung dengan Johor WIFI ini, soalan saya adalah adakah projek ini sama dengan projek dahulu ya, dahulu kita dengar ada kampung tanpa wayar. Adakah pencapaiannya memuaskan dan berapa banyak pengguna telah menggunakannya dan kalau dilihat daripada laporan akhbar bahawa setakat ini hampir 235,000 pengguna berdaftar, adakah mereka perlu mendaftar? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih Yang Berhormat Maharani. Bagi perkhidmatan Johor WIFI, sambutan yang diberikan oleh masyarakat adalah sangat menggalakkan. Pada mula bulan Ogos 2015 ianya dilancarkan, bulan Mei tahun 2017 seramai 258,574 pengguna berdaftar dicatatkan. Jumlah purata, bagi pengguna yang menggunakan perkhidmatan Johor WIFI pada bulan April, sehingga bulan April adalah 550,000 sesi. Setiap pengguna berkunjung ke lokasi WIFI, 550,000 dalam sehingga bulan April sahaja setiap sesi di mana pengguna menggunakan kemudahan untuk selama 30 minit.

Sementara kemudahan-kemudahan lain yang disebutkan oleh Yang Berhormat sama ada tentang Pusat Komuniti 1Malaysia, juga aktif di negeri Johor Yang Berhormat. Terdapat sebanyak 80 buah lokasi Pusat Komuniti 1Malaysia yang juga menyediakan kemudahan jalur lebar ini. Kemudian di Program WIFI Komuniti, juga aktif di negeri Johor ini, dan terdapat sebanyak 140 buah lokasi yang terdapat, yang berfungsi di seluruh negeri Johor. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat Puteri Wangsa jemput.

YB Encik Abdullah Bin Husin (Puteri Wangsa) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 8.

Keruntuhan akhlak dan gejala sosial di kalangan remaja Islam amat membimbangkan di masa ini. Adakah JAIJ telah mengkaji dasar pendidikan agama dan berhasrat menekankan penghayatan/pentarbiahan di kalangan pelajar-pelajar Sekolah Agama Johor/

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Tan Sri Speaker, sejak sistem pendidikan Islam dilaksanakan di negeri Johor, beberapa perubahan telah pun dilakukan dalam kaedah ini dan pelaksanaannya bagi tujuan penambahbaikan dan penyesuaian dengan keperluan semasa namun asasnya tetap sama, iaitu memberikan pendidikan agama di dalam asas fardu ain dan penghayatan Islam kepada murid-murid Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor.

Penekanan pendidikan agama ditumpukan kepada bidang akidah, syariah dan juga akhlak secara bersepadu menerusi teori dan amali penghayatan, sebagai contoh pengenalan pelaksanaan modul-modul '*ihya'* yang menyertakan penglibatan ibu bapa penjaga dalam mengawasi, memerhati serta membimbing anak-anak mereka terhadap penghayatan amalan-amalan lazim, yang dituntut

oleh syarak seperti solat, puasa, membaca al-Quran dan berzikir, bertahlil dan juga melakukan amalan budi pekerti yang baik dan sebagainya. Selain daripada itu, modul amali rutin merentasi kurikulum iaitu ARMK juga telah diperkenalkan dan dilaksanakan rentas kurikulum yang bertujuan mengabung jalin ilmu-ilmu yang dipelajari sebagai pengukuhan dan penghayatan. Di samping itu juga kursus-kursus, bengkel-bengkel, kem ibadah, pembentukan jati diri, turut digiatkan perlaksanaannya pada murid-murid dengan tujuan yang sama.

Program-program kemasyarakatan seperti gotong royong, ziarah pesakit, memakmurkan masjid dan sebagainya telah pun dilaksanakan melalui kegiatan kokurikulum di sekolah. Majlis-majlis keagamaan yang dijalankan di sekolah seperti majlis sambutan maulidur rasul, sambutan Israk dan Mikraj dan sebagainya merupakan satu kaedah yang berkesan bagi menanamkan perasaan cinta murid terhadap agama di samping kegiatan-kegiatan kokurikulum yang lain seperti penganjuran pertandingan tilawah, berzanji, azan, syarahan dan sebagainya yang saban tahun dilaksanakan oleh Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Negeri Johor.

Secara umumnya apa yang telah dan sedang dilaksanakan oleh jabatan khususnya di Bahagian Pendidikan mahupun di Bahagian Dakwah berkaitan dengan pemantapan dan penghayatan ilmu serta pembentukan sahsiah murid akan terus dikaji dan diteliti bagi memastikan ianya dapat memenuhi kehendak syarak dalam menghadapi cabaran dan keperluan semasa dan akan datang. Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Speaker : Yang Berhormat Bukit Permai jemput.

Yb Tuan Haji Ali Mazat Bin Salleh (Bukit Permai) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 9.

Berapa ramai peniaga asing yang telah diambil tindakan mengikut daerah selepas pengumuman kerajaan untuk tidak membenarkan mereka berniaga ?

YB Speaker : Yang Berhormat Sg. Balang jemput.

YB Puan Zaiton Binti Ismail (Sungai Balang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 10.

Terdapat kedai-kedai yang telah dikendalikan oleh peniaga-peniaga asing sama ada di bandar atau kedai-kedai runcit di kampung-kampung secara terbuka. Apakah mereka ini telah diberikan lesen atau kebenaran untuk berniaga.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, semua pihak Berkuasa Tempatan negeri Johor hanya mengeluarkan lesen pada warga asing bagi aktiviti perdagangan ataupun tred, perniagaan dan perindustrian sahaja. Ianya ialah tujuan memberi peluang kepada pelabur-pelabur asing yang datang dari luar negara menjalankan perniagaan di negeri ini. Pelabur atau peniaga itu perlu mengemukakan salinan pasport apabila membuat permohonan lesen di pihak berkuasa tempatan dan syarikat mereka perlu didaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Manakala bagi lesen penjaja pula, Pihak Berkuasa Tempatan telah menetapkan syarat permohonan lesen adalah hanya kepada warga negara Malaysia, dan pemohon juga mesti

menyertakan salinan kad pengenalan sebagai dokumen sokongan ketika membuat permohonan tersebut.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selaras dengan pengumuman larangan penjaja dan peniaga warga asing supaya tidak diberi lesen, Pihak Berkuasa Tempatan telah mengambil langkah menyemak dan membatalkan lesen kepada mana-mana lesen dan menyewakan lesen mereka kepada warga asing bagi memastikan tidak ada penyalahgunaan berlaku. Pihak Berkuasa Tempatan juga dari semasa ke semasa menjalankan pemantauan dan menjalankan tindakan penguatkuasaan melalui operasi penguat kuasa secara bersepadu, bersama-sama dengan Jabatan Imigresen ke atas peniaga dan penjaja tidak berlesen yang melibatkan warga asing.

Sehingga kini melalui operasi bersepadu yang dijalankan oleh beberapa pihak berkuasa tempatan dengan bekerjasama Imigresen sebanyak 77 peniaga dan penjaja warga asing yang telah dikeluarkan notis henti niaga, tindakan kompaun dan sita di bawah Undang-Undang Kecil Perlesenan Tred Perniagaan dan Perindustrian dan Undang-Undang Kecil Penjaja yang diguna pakai di semua pihak berkuasa tempatan negeri Johor. Bagi tujuan tersebut seramai 26 di Majlis Perbandaran Johor Bahru, 12 orang di Majlis Perbandaran Muar, 16 di Majlis Perbandaran Kluang, 18 di Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah dan 5 di Majlis Perbandaran Kulai.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja soalan-soalan lisan yang dapat kita kemukakan dan dijawab. Mana-mana soalan yang disenaraikan belum dapat dijawab akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Penolong Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat perbahasan ini kita sambung sekarang iaitu penggulungan daripada Yang Berhormat Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa-Jawatankuasa Negeri. Dengan ini saya persilakan yang pertama Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan. Dijemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan : Bismillahirahmannirahim. Assalammualaikum waramatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker terlebih dahulu izinkan saya memanjatkan rasa kesyukuran terhadap Ilahi yang memberikan saya sedikit kekuatan dan keupayaan untuk turut sama dalam perbahasan menjunjung kasih di atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor Bagi Penggal Persidangan Kelima Dewan Undangan Negeri Johor Yang Ke-13.

Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Johor mencerminkan ketelusan dan keikhlasan baginda sebagai peneraju utama Negeri Johor serta melontarkan keyakinan tinggi baginda terhadap kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor. Ingin saya ulang bahawa hari ini adalah merupakan genap 4 tahun pentadbiran Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. (Dewan bertepuk). Ulan tepuk? Oh tak dengar (ketawa).

Awal bicara ini, izinkan saya untuk mengimbas sejarah Johor, kerana sebagai generasi yang telah mewarisi kegemilangan sejak negeri ini bernama Johor, sudah tiba masanya kita menyemak semula, di dalam diri setiap bangsa Johor, apakah

yang kita faham mengenai sejarah dan geografi Johor itu sendiri sebelum kita bercakap mengenai Johor mesti menjadi Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

1. Berkaitan tentang asal usul perkataan Johor itu yang diambil daripada perkataan Arab "Jauhar" yang bermaksud "Permata Berharga". Maka sudah jelas Johor yang kita warisi hari ini adalah sesuatu yang amat bernilai dan mesti kita uruskan dengan baik untuk kita wariskan kepada generasi yang akan datang.

   Dari sudut geografinya pula, Negeri Johor disempadani dengan Melaka, Pahang, Negeri Sembilan, Singapore yang selalu dipuji oleh orang sebelah sana, dikelilingi air dari Selat Melaka, Selat Tebrau dan Laut China Selatan.

2. Insan bernama...

YB Speaker : Yang Berhormat**,** Singapore ke Singapura? Ini Yang Berhormat cerita sejarah. Jadi saya nak mencelah di sinilah...

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan : Minta maaf Tan Sri Speaker, kalau dalam tu...

YB Speaker : Nak jawab boleh, tak jawab boleh, dia Singapura ke Singapore?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan : Kalau dalam buku teks Inggeris dulu Singapore. Kalau bahasa Melayunya Singapura. Yang lama dulu nama dia Temasik. (Dewan ketawa).

YB Speaker : Hebat YB.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan :

2. Insan yang bernama Tun Sri Lanang yang dilahirkan pada tahun 1565 yang merupakan Bendahara Paduka Raja Johor antara tahun 1580 hingga 1615, adalah penulis buku Sejarah Melayu Johor. Dan inilah asas pembinaan negara bangsa yang menjadi sebuah ketamadunan.

3. Johor masih satu-satunya negeri yang memiliki tenteranya sendiri, Askar Timbalan Setia Negeri dan pasukan ini dibiayai oleh Kerajaan Negeri.

4. Jalur Gemilang iaitu bendera Malaysia sekarang adalah hasil ilham dari salah seorang rakyat dan arkitek kerajaan Negeri Johor iaitu boleh saya sebutkan namanya Encik Mohamad bin Hamzah.

5. Yang cukup penting sehingga kita membentuk Kerajaan iaitu Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu yang ditubuhkan pada 11 Mei 1946 di Istana Besar, Johor Bahru di bawah kepimpinan Dato' Onn Jaafar. UMNO telah 71 tahun, Tujuh Dekad Memperjuangkan Bangsa, semua pencapaian ini tidak boleh kita dinafikan oleh sesiapa termasuk juga yang berada di sebelah sana. UMNO, parti sahsiah yang sudah pasti tidak pernah sempurna, tidak pernah lekang daripada permasalahan tetapi saban waktu memikirkan yang terbaik untuk agama, bangsa dan negara.

Kalau saya ambil sedikit bait Lagu UMNO Johor, dia sebutkan : "Seia sekata bulat cita-cita, bertekad waja, bersama janji ikrar kami, Allah restui, berpandu syiar agama, kedaulatan junjung setia, membina negara jaya, mempertahan maruah bangsa, inilah sumpah sepenuh rela, darah dan nyawa"

Di atas sumpah inilah, kami menanam iltizam, dahulu, kini dan selamanya untuk memberikan yang terbaik kepada bangsa ini. Malah, suatu ketika dulu ketika orang Johor berada dalam gundah- gulana, resah, akibat daripada pergolakan kemelut dan sebagainya, maka lahir peringatan daripada Allahyarham Dato' Usman Awang, dengan rangkap puitisnya berbunyi begini :

"Kurang ajarnya tetap santun seperti tadi saya jawablah, itu bukan kurang ajar Tan Sri Speaker, Lembutnya cukup jantan, Dajalnya masih selamba,Nakalnya bersulam jenaka, Menikam dengan pantun, Menyanggah dengan senyuman, Marahnya dalam tertawa, Merendah bukan menyembah, Meninggi bukan melonjak".

Dan, ini adalah merupakan budaya Melayu Johor yang sebenarnya tidak sama seperti apa yang diungkapkan oleh (dewan bertepuk) sahabat-sahabat kita yang lain yang penuh dengan... tak ada sindiran tetapi kata-kata tajam, sebenarnya tak menggambarkan suasana budaya Johor itu sendiri.

Dan akhirnya, Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Almarhum Sultan Abu Bakar sendiri menitahkan agar anak-anak Johor diberikan pendidikan agama Islam dan maka Sekolah Agama Islam Kerajaan Johor diwujudkan dan merupakan sekolah pendidikan Islam yang ditadbir terus oleh kerajaan.

Semua ingatan ini sengaja saya bangkitkan supaya menjadi peringatan kepada kita yang berada di Dewan yang mulia ini, untuk memastikan setiap apa yang kita warisi pada hari ini, dari bangsa Johor ini, untuk kita jadikan khazanah sebahagiannya kepada Negara Malaysia. Dan atas rasa penuh yakin dengan kepimpinan Gagasan Johor Berkemajuan yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pada hari ini, untuk kita wariskan pula kepada generasi yang akan datang dengan sesuatu khazanah yang tidak ternilai harganya atas nama ketamadunan Johor ini.

Tan Sri Speaker, saya cukup tertarik dengan apa yang dibangkitkan oleh Jementah 2 tahun dulu di Dewan ini, marah apabila kita berbelanja ada lebihan. Dalam sidang ini, pihak Jementah dia seolah-olah marah kenapa kita belanja terlalu banyak ataupun kenapa surplus berkurangan daripada tahun 2013/14/15/16? Itulah sebabnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya sebutkan masa pembentangan bajet tengok buku bajet betul-betul dan juga masa suruh sokong itu, angkatlah tangan. Tapi buat dek aje... Yang diangkat bila nak diumumkan elaun ADUN itu nak dinaikkan. Semua angkat. Dia angkat-angkat tapi dia tak tahu itu menambahkan pendapatan, menambahkan perbelanjaan. Kalau kita tengok dari segi bajet 2013/14/15, anggarannya Yang Amat Berhormat dah beritahu, lebihan kita RM1.5 juta. Saya tak benarkan...

YB Dr. Boo Chen Hau (Skudai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, peraturan tetap 45(13)(a) dan (b). Satu, Yang Berhormat EXCO Pendidikan kalau tak silapnya...

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan : Penuh, kena sebut penuh... banyak.

YB Dr. Boo Chen Hau (Skudai) : Portfolio Pendidikan, Penerangan apa lagi? Boleh sebut lagi? Dia membuat satu serangan peribadi kepada Yang Berhormat Jementah. Yang kedua, jawapan dia tidak kena-mengena dengan portfolio dia. Itu saya mintak dia sebut apa jawatan dia, apa portfolio dia? Saya pun tak ingat sangat... pendidikan, kesihatan, alam sekitar lagi...

YB Speaker : Ok, Yang Berhormat Skudai...

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dia buka masa dia...

YB Speaker : Yang Berhormat Skudai...

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan : You duduklah saya jawab, you duduk. You duduk, you duduk, you duduk, you duduk... Skudai you duduk Skudai...

YB Speaker : Yang Berhormat Skudai duduk...

YB Dr. Boo Chen Hau (Skudai) : Bukan buat serangan peribadi...

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker...

YB Speaker : Semua duduk...

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan : Kita bagi penerangan dia kata serangan.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, peraturan dewan...

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan : Dia serang orang, dia tak minta maaf.

YB Dr. Boo Chen Hau (Skudai) : Mintak semua EXCO buat kerja rumah sebelum datang membuat penggulungan.

YB Speaker : Yang Berhormat Skudai duduk, yang lain-lain duduk, duduk, duduk.

YB Dr. Boo Chen Hau (Skudai) : Ini membuang masa Dewan dan juga membazir wang rakyat.

YB Speaker : Ini Speaker, dengarlah cakap. Yang Berhormat baca peraturan tak?

YB Dr. Boo Chen Hau (Skudai) : Yang Berhormat EXCO...

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

YB Dr. Boo Chen Hau (Skudai) : Kesihatan dan apa lagi...sebab dia tak pernah buat kerja rumah.

YB Speaker : Skudai, Skudai duduk.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Skudai yang jadi masalah...

YB Speaker : Yang Berhormat Skudai duduk. Yang Berhormat...

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan, dia sedang menggulung dalam portfolio dia. (Dewan bertepuk). Jadi saya tak ada larangan. Jemput teruskan Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan : Dia kadang-kadang dia sendiri pun tak faham, tapi dia sebagai ADUN Skudai tapi dia cakap tentang Pengerang. Dia bukannya ADUN Pengerang pun kan? Saya bercakap ialah berkaitan tentang Jementah, apa yang dia katakan. Bukan saya hentam dia. Kecuali kata dia erk erk erk erk. Tak ada. Berkaitan tentang apa yang dia cakap. Saya beritahu setiap anggaran setiap tahun lebihan anggaran itu RM1.53 juta tetapi hasil yang kita dapat untuk tahun 2016 RM119 juta, ini menunjukkan satu pencapaian yang baik bagi kerajaan negeri. (Dewan bertepuk). Kita sasar hanya RM1.3 juta tetapi kita dapat lebihan RM119 juta. Itu bukan satu kebaikan ke? Ini YB PKN, ingat senang nak dapat duit ke dengan dia? Kemut, dia *check* betul-betul.

YB Speaker : Jangan sentuh YB Kewangan. Jemput, sila sila Yang Berhormat teruskan teruskan...

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan : Dia bagus maknanya kemut tu bagus...

YB Dr. Boo Chen Hau (Skudai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker...

YB Speaker : Skudai duduk duduk duduk. Yang Berhormat Skudai duduk duduk duduk duduk... Teruskan, teruskan, teruskan...

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan : Tan Sri Speaker, itu yang nak saya sebutkan. Sehingga kita dapat berbelanja lebih untuk membantu dan juga membangunkan negara. Dan sebenarnya untuk pembangunan kalau untuk 2016 sahaja, bajet yang diberikan hanya RM676 juta tetapi dia telah pun diberikan peningkatan kepada RM700 juta lebih kerana kita mendapat pendapatan yang lebih. Pendapatan yang lebih ini untuk kita belanjakan kepada rakyat. Dan setiap Persidangan, semua Wakil-Wakil Rakyat bangun, parit tak diselenggarakan, kemudian nak bas muafakat masuk sampai ke tempat-tempat tertentu. Adakah ini semuanya *free*? Dan sebenarnya daripada segi pengurusan, dia melibatkan 70 agensi untuk perbelanjaan dan sebagainya. Bayar sewaan, elektrik dan sebagainya. Tetapi tak taulah macam mana dia fikir untuk apa yang kita lakukan. Yang penting, kita dapat melakukan secara yang terbaik. Yang kedua...

YB Speaker : Yang Berhormat sila duduk. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Persidangan ini 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada jam 10:50 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11:00 pagi.

YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, selamat pagi, salam Muafakat Johor. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Sila Kemelah.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan : Terima kasih Dato' Speaker, tadi dah naik-naik, kena potong dah turun balik. Cuma saya nak beritahulah portfolio saya yang pertama alam sekitar. Alam sekitar pulak, kesihatan, alam sekitar, pendidikan dan penerangan. Kalau penerangan itu, apa jua isu saya boleh jawab sebab itu tanggungjawab, sebahagian untuk kita terangkan kepada orang yang tak berapa faham.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara yang kedua yang ingin saya sebutkan adalah tentang yang dibangkitkan untuk siaran langsung. Dato' Speaker, saya nak maklumkan bahawa sebenarnya Sidang kita ini adalah dibuat secara langsung, secara langsung di TV. Kalau tuan-tuan duduk di bilik ADUN ataupun di tingkat 3, siapa-siapa yang nak tengok secara *live* boleh pergi ke bilik ADUN ataupun di tingkat 3. Itu di buat *live*, di buat *live* untuk maklumat semua.

Titah Duli Yang Maha Mulia mengatakan bahawa tidak sesuai untuk siaran langsung TV dan sebagainya. Dan, pihak kerajaan, kita tidak bercadang untuk mengadakan siaran langsung. Sekarang ni kalau kita tak buat siaran langsung pun, apabila ada kes-kes macam ni mesti berkumpul di hadapan sidang dekat luar daripada Dewan buat sidang akhbar. Ha, semua buat. Itu pun dah siaran langsunglah kepada pemberita. Itu ruang yang telah pun kita berikan dan ketika Ucapan Bajet, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kita buat *live facebook* melalui Jauhar dan juga pada kali ini, sidang kali ini, kita buat diskusi seimbas sempena Persidangan DUN yang akan kita bicarakan beberapa persoalan sebelum ini yang tentang berkaitan Bas Muafakat, yang berkaitan tentang ibu tunggal yang perlu diperkukuhkan dari segi ekonomi dan sebagainya yang melibatkan ADUN-ADUN dan juga jabatan-jabatan yang berkaitan. Buat masa ini kita panggil yang Barisan Nasional lah. Kita tak panggil yang sebelah sana. Tapi kalau nak masuk radio secara *live*, melalui JohorFM kena tukar kerusi sebelah sini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ada terima satu cerita daripada rakyat marhaen yang duduk di atas dan juga melihat tentang apa yang berlaku dalam sidang DUN. Saya bacakan sedikit tentang apa yang telah pun dicurahkan. Dia sebutkan baru-baru ini, "saya berpeluang mendengar beberapa perbahasan wakil rakyat daripada DAP di Dewan Rakyat Negeri Johor. Mereka pandai bercakap dan berbahas. Masalahnya sebagai seorang rakyat marhaen, saya juga berfikir, dari mula mereka berucap hingga habis banyak memperlekehkan usaha kerajaan JDT dan mempersoalkan itu dan ini. Mereka banyak masalah kot. Saya tunggu juga cadangan dan idea bernas, tak jumpa-jumpa. Jika ada masalah, berilah cadangan bagaimana nak memperbaikinya. Jika ada cadangan mungkin terserlah sedikit keterampilan berhujah. Baru rakyat yakin pembangkang mampu memerintah nanti, nauzubillah. Jika nak jual produk, cakap apa baiknya produk kita. Usah selalu diketuk produk yang lain. Saya terkesan dengan dakwaan mereka yang mengatakan ramai rakyat di Johor bekerja di Singapura. Mereka menuduh dan berkata negeri Johor tak dapat menyediakan pekerjaan kepada rakyatnya. Lebih lagi peluang pekerjaan sekarang di beri warga negara dari China". Dia kata dia senyum dan teringatkan satu cerita.

Beberapa bulan yang lepas yang beri sms pada saya ni, dia kata dia pergi ke Tanah Besar atas urusan bisnes. Bila duduk berbual mereka bertanyakan keadaan politik di Malaysia. "Saya duduk berempat. Dua daripada mereka adalah warga Singapura, seorang lagi sahabat saya seorang warga Malaysia yang bekerja di sana. Di sebabkan kami lama kenal, kami bercakap tanpa selindung. Setiap kali saya datang di sana, mereka kutuk saya dan mereka kutuk pemimpin Malaysia. Saya tersenyum dan mendengar apa yang mereka kata. Salah satu hujah mereka adalah nilai mata wang ringgit. Nilai mata wang yang tinggi menyebabkan ramai rakyat Malaysia bekerja di Singapura. Saya biarkan dulu mereka cakap. Di dalam pusingan kedua, mereka bercerita kemajuan dan pencapaian Singapura. Tujuan mereka supaya saya kagum. Saya buat muka kagum. Dari cerita nilai mata wang hinggalah cerita pasal rumah dan pembangunan Singapura yang pesat membangun. Saya bertanya kepada nama orang itu, nama dia Amir, sahabat saya. Kau tinggal kat mana sekarang?. Saya tukar topik sekejap. Saya sengaja kilas cerita lain. Dia berkata, aku buat rumah kat Pontian dekat rumah mak aku. Amir menjawab "Wow!" Yang ni kata. Saya tersenyum. Halim kau beli rumah kat mana di sini? Saya bertanya pada salah seorang sahabat saya yang satu lagi, yang bekerja di Singapura. Dia kata mana nak beli rumah kat sini. Harganya semuanya lebih daripada SD1 juta. Aku sewa sahaja. Aku beli rumah di Johor Jaya. Maka dia pun mula berceramah. *Hello* Lim, kau tengok Amir. Dia kerja di sini 15 tahun, maknanya di Singapura. Paling kurang dia boleh buat rumah kat Pontian. Engkau warga negara dah umur 40 tahun masih lagi menyewa. Kami di Johor, mungkin tak kaya tapi kami masih boleh hidup tanpa mengharapkan orang lain. Boleh ke surau kalau maghrib, boleh ke bandar kalau nak habiskan duit. Kemajuan bukan menjamin kesederhanaan rakyat. Dia pun beli rumah kat Johor Jaya, jadi janganlah kutuk sangat orang Malaysia kerana sebahagian daripada kita, keluarga kita pun ada di Malaysia".

Maksudnya tuan-tuan sekalian, Yang Berhormat Dato' Speaker, dari segi sejarah lampau antara Johor dan Singapura ini seolah-olah tidak boleh dipisahkan. Kerana kita saling memerlukan antara satu sama lain. Adakah gaji di Singapura itu tinggi? Tidak. Adakah Johor gagal menyediakan peluang pekerjaan? Saya yakin tidak. Kalau kita tengok di Nusajaya, di Iskandar Puteri ini, makcik-makcik yang bersihkan, *cleaner, cleaner,* kerja-kerja bersih, potong-potong bunga, orang Bangla, orang Indon. Kenapa kita tak hendak ke sini? Dan, orang Johor yang bekerja di Singapura, saya ingin jelaskan bahawa bukan orang Johor je, orang Selangor ada, orang Penang ada, orang Sarawak ada, orang Sabah ada. Kenapa apabila cakap hanya di Johor saja. Orang Johor saja. Apabila di sana, dia bekerja, gajinya SD1,500.00 sahaja. Bukannya tinggi. Masalahnya kenapa dia anggap tinggi sebab dia duduk di Johor. Cuba dia duduk dekat Singapura. Dia tak mampu juga untuk menguruskan kehidupan. Apabila di Singapura SD1,500.00 kalau kali dengan 3, SD4,500 – 5,000.00. Dia kembali ke Johor. Kembali ke Johor, EXCO Pembangunan Wanita, pening kepala sebab mereka ini diiktiraf sebagai gelandangan. Duduk dekat malam tak boleh, balik ke rumah tidur bersepah-sepah di Johor dan apabila kita tangkap, apabila kita tanya dia bekerja di Singapura. Mereka lebih rela untuk keluar daripada Singapura kerana nak pastikan bahawa esoknya dia dah masuk semula dan gaji yang dia dapat tu dapat ditukar kepada wang Ringgit Malaysia. Maka, kenapa kita pergi ke sana? Hanya kerana tukaran wang, bukan kerana di sana banyak pekerjaan.

Di Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah mewujudkan banyak peluang tetapi oleh kerana mereka mengatakan bahawa untuk kaya cepat, untuk beli rumah, maka mereka lebih rela pergi ke Singapura,

tinggalkan anak bini dan juga menjadikan Johor sebagai transitnya dan akhirnya mereka boleh dapatkan duit. Jadi, ini adalah merupakan senario yang berlaku.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jika kita imbas semula dari sejak tahun 2013, apabila Johor dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, kerajaan ini adalah kerajaan yang sentiasa memikirkan nasib bangsanya, kerajaan yang bukan tahu semua, kerajaan yang tidak melakukan secara semberono dan sebuah kerajaan yang menginsafi dan muhasabah diri atas kegemilangan ketamadunan sejarahnya. Ini Yang Amat Berhormat sebutkan. Sudah pasti jika kita berhenti sejenak dan berfikir, inilah kerajaan yang didasari dengan niat untuk membawa bangsa Johor berjaya bukan untuk 10 tahun, bukan untuk 20 tahun tetapi lebih daripada itu. Kerana saya yakin ia didasari kepada 6 perkara penting iaitu :

1. Kerajaan mahu membina ketahanan ekonomi negeri Johor terutamanya orang Melayu dalam era globalisasi.

2. Kerajaan mahu memastikan bahawa Johor menikmati kesejahteraan hidup yang bermutu dengan citra moden.

3. Kerajaan mahu menjadikan Johor lebih Islamik namun sederhana dan global.

4. Kerajaan mahu memberikan pendidikan berkualiti berteraskan kemahiran yang sesuai dengan abad ke 21 untuk semua.

5. Kerajaan mahu mengurus dengan amanah dan berdasarkan amalan terbaik.

6. Kerajaan mahu menjadikan orang Melayu sebagai masyarakat yang terbaik.

Atas kesedaran inilah maka Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengemukakan satu tawaran baru, *new deal* kepada orang Johor melalui apa yang kita sebutkan Gagasan Johor Berkemajuan. Dan, inilah sebenarnya tawaran kepada bangsa Johor, tawaran baru kepada generasi muda agar mereka dapat melihat, dapat memikirkan tentang apa yang perlu dilakukan.

Saya sekali lagi ingin membentangkan dengan jelas berkaitan tentang tawaran baru yang kerajaan berikan kepada bangsa Johor. Sebagai ucapan terima kasih kepada seluruh bangsa Johor yang telah meletakkan kerajaan Barisan Nasional sebagai sebuah kerajaan yang belum ada penggantinya. Di bawah portfolio saya, kita menawarkan :

1. Dasar kelestarian negeri Johor.

2. Kita menawarkan Pelan Induk Hub Perubatan Negeri Johor.

3. Berkaitan tentang pendidikan kerana kerajaan sedar betapa peri pentingnya pendidikan kepada bangsa yang gemilang dan terbilang. Atas keinsafan ini, kerajaan negeri tidak akan sesekali membiarkan kerajaan persekutuan bertanggungjawab keseorangan untuk menyediakan pelapis kepimpinan pada masa yang akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, inilah yang telah pun dilakukan oleh kerajaan negeri untuk memastikan bahawa setiap anak muda generasi yang ada diberikan peluang untuk bersama-sama dengan Johor Berkemajuan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir bicara, saya akan menjawab setiap apa yang dibangkitkan oleh ADUN-ADUN ini dalam bentuk bertulis. Akhir sekali, saya sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah membimbing dan menasihati saya dalam menyelaraskan semua jabatan di bawah portfolio saya. Terima kasih kepada rakan-rakan EXCO. Ini bukan ucapan pengakhiran, tidak, kerana setiap Dewan kita ucapkan terima kasih kerana ini adalah juga sebahagian daripada budaya orang Johor. Terima kasih juga kepada YB pembangkang yang tidak pernah jemu dan letih mencari salah dan silap kerajaan. Percaya atau tidak, jika tidak berjaya dalam Dewan, mereka akan jaja pula di luar Dewan dan ia tidak akan berkesudahan sehingga bila-bila. Saya berdoa ke hadrat Allah SWT, YB-YB sekalian dibuka pintu hati, dibersihkan jiwa, dilapangkan dada untuk terima teguran kerana tidak pernah pun YB pembangkang puji ataupun ucap terima kasih. Apatah lagi nak menyokong apa semua kerajaan buat. Tak kiralah untuk luluskan sesuatu ataupun tidak.

Sebelum saya menutup bicara ini, izinkan saya mengucapkan beberapa hari :

1. 1 Mei, Hari Pekerja.

2. 12 Mei, Hari Jururawat Sedunia.

3. 14 Mei, hari ni Hari Ibu. Sepatutnya kita melahirkan rasa sayang kita kepada ibu kita yang telah pun membesarkan kita dan juga memberikan segala-galanya sehingga kita berada seperti apa yang ada pada hari ini. Yang telah meninggal dunia sepatutnya kita membacakan Al-Fatihah kepada ibu kita yang telah pun tiada.

4. 15 Mei, Hari Belia.

5. 16 Mei, Hari Guru. Terima kasih kepada guru-guru.

6. 27 haribulan hari apa? Hari puasa. Jadi, 27 haribulan hari puasa. (Ketawa) Jangan lupa hari puasa tersebut.

Dan, saya mengajak semua bangsa Johor atas nama perpaduan, muafakat dan Team Johor atas apa yang telah kita kecapi hari ini dan apa yang akan kita capai pada masa yang akan datang, kita harus lakukan ianya dalam muafakat. Ada yang sebut, yang hanyut dapat dimudikkan; yang tercicir dapat dikutip; yang bocor dapat ditampal bukan yang bocor ditenggelamkan. Yang koyak dapat dijahit; yang lekuk dapat diratakan; yang hilang dapat dicari; yang sesat dapat ke pangkal jalan. Seperti yang saya doa tadilah untuk yang sebelah. Yang kurang dapat dicukupkan; yang lebih dapat dikurangkan. Maka, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan. Persidangan disambung, sila YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan : Bismillahirahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Muafakat Johor.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kerana diberi ruang serta kesempatan untuk sama-sama mengambil bahagian dalam sesi penggulungan perbahasan Persidangan Dewan Negeri Johor di Dewan yang mulia ini pada kali ini. Menjunjung kasih di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Takzim.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah sudi mengemukakan beberapa soalan di bawah portfolio yang saya galas ini, sama ada melalui soalan bertulis, soalan lisan mahupun yang telah dibangkitkan dalam sesi perbahasan.

Untuk itu, pada sesi penggulungan kali ini saya tidak berhajat untuk ucap panjang sebaliknya sekadar menjawab 4 perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sepanjang sesi perbahasan pada sidang DUN pada kali ini. Pertamanya, saya ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat ADUN Tenggaroh iaitu ada menyentuh tentang perlaksanaan Sukan Muafakat Johor. Tadi, dalam sesi soalan lisan saya pun ada menjawab sikit. Terima kasih juga atas penghargaan yang telah YB berikan kepada saya. YB ada tanya tentang persediaan Negeri Johor dan juga dalam menghadapi SUKMA 2020.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Sukan Muafakat Johor ini telah masuk tahun yang ketiga penganjurannya di mana ia dilaksanakan di seluruh 56 kawasan DUN Negeri Johor, yang melibatkan acara futsal, sepak takraw dan juga bola jaring. Kemudian pemenang-pemenang di peringkat DUN ini akan bersaing di peringkat negeri dengan penambahan beberapa lagi acara iaitu larian muafakat, bola keranjang dan juga kabaddi. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada seluruh rakan-rakan di peringkat Ahli Yang Berhormat yang telah berjaya menganjurkan Sukan Muafakat di peringkat DUN.

Namun begitu, Sukan Muafakat Johor ini bukanlah aktiviti atau program yang dilaksanakan hanya berorientasikan kemenangan sebaliknya ia lebih kepada aktiviti untuk merakyatkan atau menyuburkan aktiviti bersukan di kalangan masyarakat di samping mewujudkan gaya hidup sihat. Sebab itu, antara syarat penyertaannya peserta bukanlah terdiri daripada atlet SUKMA atau yang mewakili negeri Johor pada ketika ini. Penyertaan yang dibenarkan, sekiranya individu telah lebih dari 3 tahun mewakili negeri dan juga melepasi umur tertentu, dia layak untuk menyertai Sukan Muafakat Johor. Sungguhpun begitu, Sukan Muafakat Johor yang dilaksanakan ini sebenarnya secara tidak langsung mampu membantu kepada kecemerlangan sukan di Negeri Johor kerana untuk melahirkan lebih ramai atlet yang baik, budaya bersukan perlu disuburkan terlebih dahulu dalam masyarakat. Lebih banyak program sukan dilaksanakan, terima kasih kepada Majlis Sukan Negeri Johor, maka akan lebih ramai rakyat yang akan aktif dalam sukan dan juga makin ramai yang akan berminat untuk bersukan.

Sebagai contoh, yang boleh saya nyatakan di sini iaitu sukan bola sepak, yang mana kita melihat sendiri bagaimana Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor telah mencetuskan fenomena sukan bola sepak daripada suram kepada cukup popular pada hari ini dengan membawa masuk pemain hebat ke Negeri Johor. Hasilnya pasukan Johor menjadi kuat seterusnya telah menyuburkan minat bermain bola sepak di semua lapisan masyarakat terutamanya golongan muda di Johor. Hari ini sudah ramai anak Johor yang bangkit melalui Akademi Bola Sepak, telah

ditubuhkan terutamanya di peringkat daerah untuk menjadi pemain bola sepak profesional.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, begitu juga dengan acara sukan yang lain, yang perlu terus disuburkan dalam masyarakat agar lebih ramai anak muda akan menyertainya. Semakin ramai masyarakat yang menyertai sukan maka kita semakin banyak pilihan atlet yang akan mampu kita ketengahkan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, berkenaan persediaan untuk menghadapi SUKMA 2020, Negeri Johor telah mengorak langkah awal dengan menubuhkan Sekretariat SUKMA 2020 yang telah pun mendapat kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor. Salah satu fokus Sekretariat ini ialah untuk menyediakan atlet yang berdaya saing bagi menjadikan Johor sebagai pencabar utama iaitu dengan sasaran menduduki 3 kelompok teratas kutipan pingat emas keseluruhan pada SUKMA 2020 nanti. Sekretariat SUKMA juga bukan hanya memikirkan tentang pembangunan atlet dan juga Sekretariat SUKMA ini diwujudkan adalah untuk kita membuat persiapan yang secukupnya bagi kita menyediakan kemudahan sukan bagi kita menghadapi SUKMA 2020.

Antara yang kita rancang untuk kita laksanakan iaitu Program Titanium 20 atau T20, yang memberikan penumpuan kepada beberapa acara sukan yang menawarkan pingat yang banyak kepada Negeri Johor. Dalam program ini atlet yang berpotensi akan dikenal pasti lebih awal dan seterusnya akan mengikuti 4 siri latihan yang mempunyai peringkat yang berbeza iaitu yang pertama, fasa 1, ia akan bermula pada bulan Jun 2017 hingga Mei 2018. Fasa 2, daripada bulan Jun 2018 hingga Mei 2019, fasa 3, pada bulan Jun 2019 hingga Disember 2019 dan fasa yang keempat, iaitu pada Januari 2020 hingga berlangsungnya SUKMA 2020.

Untuk peringkat awal, program pencarian atlet berpotensi dilaksanakan di peringkat sekolah lagi dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor. Saya juga ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih di atas kerjasama daripada Jabatan Pendidikan Johor dengan Majlis Sukan Negeri Johor untuk kita melahirkan lebih ramai atlet-atlet daripada peringkat sekolah. Usaha ini sebenarnya telah dimulakan semenjak sekian lama dan kita pun telah maklum dan semenjak 2014, kita secara rasminya, kita telah meletakkan Jabatan Pendidikan sebagai jabatan utama kita untuk kita bekerjasama dan atlet-atlet yang berpotensi di peringkat sekolah juga banyak, ramai yang telah dikenal pasti. Kemudiannya, mereka yang telah dikenal pasti ini akan ditempatkan di sekolah-sekolah yang menyertai program sukan berprestasi tinggi yang ada di setiap daerah. Atlet-atlet ini kemudiannya akan diberi latihan dan pemantauan secara berterusan. Mereka juga perlu menyertai sirkuit olahraga sekolah Negeri Johor sebagai medan menguji prestasi semasa mereka di samping memberi pendedahan bersaing dan meningkatkan mental dan juga fizikal atlet.

Hasilnya, dalam beberapa tahun kebelakangan ini kita telah melihat peningkatan yang mendadak di mana Negeri Johor telah mencapai pencapaian yang terbaik dalam Sukan Majlis Sukan Sekolah Malaysia untuk tahun 2017, dengan menduduki tempat ketiga keseluruhan dengan memperoleh 12 pingat emas iaitu kita hanya ketinggalan 2 pingat emas kepada Sabah yang mendapat 14 dan juga Sarawak dengan mendapat 13.

Ini membuktikan bahawa program kita yang kita laksanakan bersama Jabatan Pendidikan Negeri Johor telah membuahkan hasil. Malah, satu ketika Johor juga menjadi pendahulu keseluruhan sebelum di pintas di saat akhir oleh Negeri Sabah

dan juga Sarawak. Dan kita mengharapkan kecemerlangan ini dengan program yang dirancang oleh pihak Majlis Sukan Negeri Johor bersama Jabatan Pendidikan Negeri Johor akan terus memastikan atlet-atlet muda ini mampu dituai hasilnya pada SUKMA 2020.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, perkara kedua yang ingin saya jelaskan iaitu berkenaan dengan Sukarelawan Darul Takzim iaitu program yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Sepertimana Sukan Muafakat Johor yang dilaksanakan untuk menyuburkan budaya bersukan di kalangan rakyat. Sukarelawan Darul Takzim ini pula ditubuhkan untuk menjadikan aktiviti kesukarelaan sebagai budaya kepada rakyat Johor agar mempunyai sifat saling membantu dalam masyarakat terutamanya yang melibatkan golongan muda. Budaya ini amat penting kerana ia mampu memberi keinsafan, rasa bersyukur, bertanggungjawab dan saling ingin membantu di kalangan masyarakat. Sudah tentu ianya secara tidak langsung mampu meringankan beban golongan yang memerlukan.

Berkenaan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Balang melalui program-program sukarelawan di bawah JKKK di peringkat mukim untuk tahun 2017 ini kerajaan negeri akan meneruskan Program *Johor Future* 2.0 sebagai kesinambungan daripada *Johor Future* tahun yang lalu. Saya sendiri tertarik bila saya melihat di media sosial iaitu di *facebook*, Yang Berhormat Sungai Balang sendiri iaitu mengadakan konsep deko dapur bagi Program *Johor Future* yang memfokuskan bantuan di bahagian dapur dan juga saya melihat *facebook* yang dapat di, *facebook* Yang Berhormat Buluh Kasap ini bergantung kepada kreativiti masing-masing. Sangat jelas ia sangat memberi kesan kepada masyarakat terutama kepada orang-orang tua yang uzur daripada kelihatan dapur mereka usang, ruang tamu mereka agak usang, mereka sendiri tidak mampu untuk membersihkan dan kita dengan melalui Program *Johor Future* 2.0, Sukarelawan Darul Takzim dapat membantu mereka dalam usaha yang murni ini.

Bagi Program *Johor Future* ini, untuk tahun lalu kita mensasarkan 280 buah rumah dengan memperuntukkan RM500.00 setiap rumah. Untuk 2017 ini, sasaran kita tetap sama iaitu 280 buah rumah tetapi peruntukan ini ditambah daripada RM500.00 kepada RM1,000.00 untuk setiap rumah. Namun begitu, terpulang kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat dan juga Pengerusi SRCC Parlimen, yang menyelaras Program *Johor Future* ini untuk mengoptimumkan peruntukan yang kita berikan, sama ada RM1,000.00 itu kita pecahkan lagi untuk beri kepada 10 rumah.

Saya juga amat mengalu-alukan sekiranya dapat dibantu lebih ramai lagi golongan yang kurang upaya seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Paloh yang beliau cadangkan agar 10 rumah dibantu setiap kawasan DUN. Memang kita akui, memang cukup murni hati Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada terutamanya daripada Kerajaan Barisan Nasional. Tetapi Ahli-Ahli Yang Berhormat juga perlu maklum bahawa Program *Johor Future* ini merupakan sebagai salah satu program nilai tambah untuk menyemarakkan lagi program-program sukarelawan yang lain seperti melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat, Baitulmal dan juga Ihsan Johor kita hanya menampung dan mengisi setiap lompang yang ada. Jadinya, libatkanlah sukarelawan di peringkat JKKK dalam Program *Johor Future 2.0* ini yang dikatakan oleh ADUN Sungai Balang. Mereka, saya sentiasa tahu bahawa mereka sentiasa berkobar-kobar untuk membantu masyarakat, yang pasti mereka seramai lebih 18,000 sukarelawan ini sedia digerakkan jika peluang diberikan kepada mereka.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya berharap semoga usaha murni kerajaan negeri yang dilakukan ini akan dihargai dan disambut baik oleh rakyat Johor. Sifat kesukarelaan dalam memberi bantuan ini jika mampu ditanam dalam diri sanubari masyarakat, ia mampu melahirkan generasi yang bertanggungjawab, kurang kebergantungan kepada kerajaan dan lahir sifat kasih sayang serta kemuafakatan dalam masyarakat. Ini semua akan mampu melonjakkan Negeri Johor sebagai negeri yang ke hadapan sebagai sebuah negeri yang maju, terbaik daripada sudut ekonomi dan juga kerohanian.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, perkara ketiga, yang ingin saya ulas, banyak dibangkitkan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat berkenaan aktiviti basikal lajak atau yang menggelarkan sebagai basikal nyamuk, yang dikatakan mula menjadi tarikan baru kepada golongan remaja seperti yang telah dibangkitkan oleh rakan saya, Yang Berhormat Kempas dan juga Yang Berhormat Senai, begitu juga Yang Berhormat Bukit Batu dan juga Parit Yaani dalam soalan lisan yang tak sempat saya jawab semasa sesi perbahasan sebelum ini. Ramai yang tidak perasan bermulanya aktiviti ini termasuklah ibu bapa sendiri hinggalah kita tersentak dengan berlakunya insiden menyayat hati apabila sekumpulan remaja berbasikal dirempuh oleh sebuah kereta di Jalan Lingkaran Dalam di Bandaraya Johor Bahru awal tahun ini.

Aktiviti mereka ini sangat berbahaya yang mana mereka berlumba di jalan raya yang mengabaikan aspek keselamatan. Sebenarnya, ia lebih membimbangkan kerana disertai oleh remaja yang rata-ratanya di bawah usia 17 tahun dan malah kita difahamkan ada yang berusia 10 tahun.

Terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang prihatin terhadap minat dan kecenderungan remaja-remaja ini yang bertanyakan berkenaan penyediaan litar perlumbaan basikal lajak ini. Sememangnya kerajaan Johor juga merupakan kerajaan yang amat prihatin dan kita maklum dengan minat daripada anak-anak kita pada hari ini yang agak luar biasa. Namun begitu, sebagai kerajaan kita perlu ada tanggungjawab terutamanya kepada masa depan rakyat. Kita tidak boleh hanya menuruti kehendak mereka sedangkan ia mungkin memberi lebih banyak kesan negatif pada masa hadapan. Kita harus mengkaji kesan dan akibatnya terlebih dahulu sebelum aktiviti ini di kelas sebagai salah satu aktiviti sukan lasak. Kita tidak mahu aktiviti basikal lajak ini akan menjadi asas kepada penularan lumba haram, motosikal mana remaja-remaja ini apabila mereka meningkat usia mereka. Kita faham sifat remaja yang kreatif cuba, suka mencuba perkara yang baru dan mempunyai keinginan yang tinggi terhadap sesuatu perkara. Namun, kita juga punyai pilihan sama ada mahu memberi galakan atau pun mahu melarang sesuatu aktiviti itu terus menular sekiranya ianya memberi kesan-kesan memberi lebih banyak kesan yang negatif.

Kita juga perlu mengambil kira sama ada aktiviti ini akan kekal lama atau pun hanya menjadi trend sementara waktu yang akhirnya akan menyebabkan pembaziran wang kerajaan. Oleh itu buat masa ini, kerajaan negeri Johor masih belum lagi memutuskan apa-apa tindakan untuk membina litar basikal lajak ini kerana banyak perkara yang perlu diambil perhatian dan pertimbangan termasuklah kesannya terhadap perkembangan remaja pada masa hadapan. Mereka sebenarnya mempunyai banyak pilihan untuk menyertai sukan lasak yang telah kita sediakan hari ini seperti untuk basikal BMX, *skateboard, rock climbing, flying fox* dan lain-lain lagi yang telah disediakan infrastrukturnya seperti di Pasir Gudang, Hutan Bandar, MBJB, Danga Bay, Tasik Merdeka dan Kompleks Belia dan Sukan juga.

Keempat dan yang terakhir yang ingin saya jelaskan iaitu seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kukup iaitu berkenaan Perbadanan Stadium Johor. Dan, beliau meminta untuk kita serahkan pengurusannya kepada Persatuan Hoki Negeri Johor. Perkara ini telah menjadi makluman saya melalui surat permohonan yang diserahkan oleh pihak Persatuan Hoki Johor kepada Perbadanan Stadium Johor pada 27 April 2017. Untuk makluman Stadium Hoki Taman Daya ini telah diletakkan pengurusannya di bawah Perbadanan Stadium Johor mulai tahun 2012 sejajar dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor pada masa itu. Semenjak itu pelbagai projek pembangunan, penyelenggaraan, baik pulih, kebersihan dan landskap telah dibawa oleh Perbadanan Stadium Johor untuk memajukan dan mengembalikan kegemilangan Stadium Hoki Taman Daya. Menjawab mengenai kadar sewa yang tinggi yang dibangkitkan iaitu RM100.00 untuk penggunaan 1 jam setengah di waktu siang dan RM500.00 untuk kegunaan 1 jam setengah di waktu malam, sebenarnya kadar ini amat murah berpatutan dengan stadium yang bertaraf antarabangsa dan mempunyai kepelbagaian kemudahan disediakan.

Perbadanan Stadium Johor juga mempunyai polisi iaitu di mana kadar sewaan sama ada mungkin Yang Berhormat Kukup belum maklum iaitu kadar sewaan untuk penggunaan di Stadium Hoki Taman Daya boleh dikurangkan melalui 3 kelulusan, 3 pihak iaitu yang pertama boleh memohon kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dengan kadar pengurangan 50%. Yang kedua kepada saya sendiri dengan kadar pengurangan 35% dan kepada Pengurus Besar Perbadanan Stadium Johor sendiri dengan kadar pengurangan sebanyak 20%.

Oleh itu, masih ada ruang kepada pengguna terutamanya kepada sekolah yang ingin berlatih sekiranya mereka mahu menyertai pertandingan dengan kadar sewa yang murah. Maksudnya jika pengurangan diberikan kepada 50% sekolah hanya perlu membayar RM50.00 untuk penggunaan 1 setengah jam ataupun RM33.00 sejam untuk menggunakan padang hoki bertaraf antarabangsa dengan kadar sewa minima hanya sub dengan kadar menyewa gelanggang futsal di kampung-kampung. Sudah pasti kadar sewaan yang rendah ini tidak mampu menampung kos yang perlu ditanggung pula oleh pihak pengurusan untuk utiliti, kontraktor keselamatan dan juga aspek kebersihan, emolumen pekerja, penyelenggaraan kecil yang perlu dibaiki dan penyelenggaraan berkala yang perlu di lakukan. Bagaimanapun, penyelenggaraan stadium ini tetap dilaksanakan namun kerja-kerja penyelenggaraan secara major dan juga naik taraf akhirnya dilaksanakan menjelang kejohanan utama ataupun mengikut keperluan semasa.

Di bawah pengurusan Perbadanan Stadium Johor berapa projek pembangunan untuk saya maklumkan pada Ahli-Ahli Yang Berhormat iaitu, yang telah dan akan dibangunkan melalui sumber kewangan disalurkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor melalui projek Rancangan Johor 5 Tahun sebanyak, sebagai contoh pada tahun 2016 sebanyak RM2,318,500.00 telah diluluskan dan dibelanjakan untuk kerja-kerja menaik taraf Stadium Hoki Taman Daya. Selain itu, pihak Perbadanan Stadium Johor juga telah membina satu dewan terbuka di dalam kawasan Stadium Hoki ini menggunakan peruntukan kerajaan negeri Johor dan hasil kutipan penggunaan stadium. Dewan terbuka ini untuk kegunaan sukan selain hoki contohnya sukan tempur, silat, judo, karate dan dalam masa ianya juga adalah salah satu daripada persiapan kita, persiapan Majlis Sukan Negeri Johor dalam menyediakan atlet untuk SUKMA 2020. Pada dasarnya Perbadanan Stadium Johor tiada halangan untuk menyerahkan pengurusan Stadium Hoki Taman Daya kepada Persatuan Hoki Johor namun ia memerlukan perbincangan yang lanjut mengenai status Dewan Terbuka tersebut selain kemampuan Persatuan Hoki Johor untuk

menyelenggara dan menguruskan Stadium Hoki ini dari aspek keselamatan, kebersihan dan juga penyelenggaraan.

Persatuan Hoki Johor juga perlu memikirkan tentang pulangan atau sumbangan kepada kerajaan negeri Johor andainya stadium hoki di bawah pengurusan Persatuan Hoki Johor terutamanya melibatkan kecemerlangan sukan di Johor termasuklah yang seperti yang kita harapkan, bukan saya harapkan seorang tapi rakyat Johor harapkan pulangan untuk pingat bagi SUKMA 2020. Selain itu, Persatuan Hoki Johor juga perlu mengemukakan cadangan pembaikan stadium tersebut contohnya, projek pembangunan yang dirancang untuk menambah baik fasiliti dan kemudahan di Stadium Hoki Taman Daya. Insya-Allah saya pun telah berbincang dengan pihak Majlis Sukan Negeri Johor dan Perbadanan Stadium Johor untuk kita melakukan perbincangan lebih lanjut yang kita harap perbincangan ini akan menjelmakan hasil yang baik bukan untuk diri saya, bukan untuk Perbadanan Stadium tetapi untuk pembangunan hoki secara keseluruhannya.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, saya rasa inilah penggulungan yang paling ringkas dalam sepanjang 4 tahun saya sebagai EXCO. Akhir sekali, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, kerana sentiasa memberi ruang kepada saya untuk menjawab soalan-soalan lisan daripada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat dan juga memberi ruang hari ini untuk saya menggulung perbahasan berkaitan portfolio Belia Sukan dan Warisan Negeri Johor. Sebelum saya menamatkan penggulungan ini sebagai barisan kepimpinan dalam kerajaan negeri Johor, sama-samalah kita renungkan mutiara kata-kata ini. Dia, bukan untuk saya ingatkan rakan-rakan tetapi untuk ingatkan diri saya juga.

"Pemimpin itu amanah tuhan, menentukan dasar membentuk pedoman. Ibarat anak panah sedia dilepaskan melunjur arah menuju sasaran".

"Pemimpin sejati, mulia peribadi. Tidak mendabik, mendada diri, tidak menyalah sana sini, menyelesai masalah menunduk bumi".

"Pemimpin itu menghulurkan tangan, memberi air pada yang kehausan, memberi obor penerang kegelapan. Memberi payung ketika panas dan hujan.

"Jangan pemimpin lalai dan alpa, sentiasa pandang yang di bawah sana. Perjuangan kita untuk mereka, mereka gembira tanah air sejahtera".

"Jika pemimpin tiada peri kehidupan, amanah di pikul menjadi beban. Segala tindakan harus di pertangggungjawabkan, di hadapan hukum dan pengadilan tuhan".

Bersama-sama kita muhasabah diri, insya-Allah demi negeri Johor yang kita cintai dan negeri Johor yang lebih gemilang. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya menyokong.

YB Timbalan Speaker : Perbahasan disambung. Sila Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Bismillahirahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu

saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi ruang kepada saya di dalam sesi ucapan penggulungan sempena dengan perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Kali Kelima Dewan Negeri Johor Yang Ke-13 oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan yang berlangsung pada 4 Mei yang lalu. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan sokongan, pandangan serta teguran khususnya dalam hal yang berkaitan dengan portfolio saya sepanjang sesi perbahasan dijalankan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, ketika ini negeri Johor kekal sebagai antara penyumbang utama pengeluar bahan makanan terbesar negara terutama sektor penternakan, buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman kontan dan sektor perkilangan makanan. Selain itu negeri Johor juga adalah merupakan pengeksport terbesar ikan hiasan dan juga tanaman akuatik. Pencapaian ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan negeri untuk menjadikan negeri Johor sebagai hub kecukupan makanan negara. Usaha membangunkan hub kecukupan makanan ini, akan diteruskan lagi dengan melaksanakan beberapa inisiatif yang telah kita kenal pasti untuk dibangunkan pada tahun 2017. Antaranya ialah:

1. Melaksanakan Program A*gro Mix Farm* di Hub Pertanian Segamat.
2. Membantu membangunkan projek tanaman sayur-sayuran dan tanaman ladang yang berkeluasan 200 hektar.
3. Membantu membangunkan kawasan industri buah-buahan yang berkeluasan 120 hektar.
4. Membantu membangunkan kawasan tanaman kekal pengeluaran makanan iaitu TKPM yang berkeluasan 682 hektar.
5. Meningkatkan bilangan ternakan melalui program ternakan rakyat.
6. Membantu membangunkan kawasan tanaman nenas seluas 200 ekar.
7. Membantu mewujudkan kawasan tukun bersepadu bagi meningkatkan bilangan ikan.
8. Meningkatkan kemudahan asas pendaratan ikan melalui kerja-kerja menaik taraf jeti dan stor nelayan.
9. Membantu menaik taraf rumah sembelihan ruminan bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran daging yang telah di proses.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bermula tahun 2016, kita telah memperkenalkan program agro pelancongan dengan matlamat untuk meningkatkan taraf hidup usahawan tani melalui hasil aktiviti agro pelancongan. Di samping itu, usahawan tani dapat mempromosikan dan memperluaskan produk segar dan produk pemprosesan makanan secara terus kepada pelancong. Untuk tahun 2016, nilai projek pembangunan sebanyak RM1.4 juta telah dibangunkan melalui peruntukan kerajaan negeri untuk membangunkan agro pelancongan. Ini seperti :

1. Tanah pertanian Johor, Kong Kong, Masai.
2. TKPM Pengkalan Batu Mersing.
3. Nelayan Beach Resort, Pengerang.
4. Skim Sawah, Tangkak.
5. Medan Selera Ikan Bakat, Sungai Tekam, Segamat dan Keenam di Manis Agro Kota Tinggi.

Untuk tahun 2017, dengan peruntukan sebanyak RM1.86 juta, kita telah, kita akan melaksanakan beberapa lagi projek agro pelancongan iaitu:

1. Naik taraf Dataran Pulau Penarik, Serom.
2. Membina bengkel pemprosesan produk IA FELDA Semencu.
3. Membina bengkel pemprosesan kraf tangan di FELDA Tenang,Labis.
4. Menaik taraf Pusat Pelancongan Kelapa di Bandar Penawar.
5. Pusat Landak di Labis.
6. Projek Agro Pelancongan di Sungai Melayu, Gelang Patah.
7. Medan Selera Ikan Bakar Kampung Pasir Gudang Baru.
8. Projek Agro Pelancongan di Bukit Kepong.
9. Medan Ikan Selera Kampung Paya Pulai, Segamat.
10. Pelancongan Nelayan di Jeti Nelayan Bandar Muar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, rakyat di kawasan Sungai Balang sungguh bertuah kerana mempunyai seorang pemimpin yang begitu komited dalam memastikan pembangunan sektor agro pelancongan di kawasannya terus berkembang serta memberi peluang kepada masyarakat setempat untuk menjana pendapatan melalui program-program yang telah dana akan dilaksanakan. Usaha sebegini harus diteruskan dan berkenaan cadangan Yang Berhormat dari Sungai Balang, supaya Sungai Balang turut di beri peluang untuk merealisasikan projek pelancongan tadi, ini kita akan melihat semula dari segi peruntukan dan kesesuaian projek berhubung dengan cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat seperti pembinaan *chalet* di atas 2 ekar tanah kosong, milik Persatuan Nelayan Kawasan Muar di Sarang Buaya dan membeli dua bot dan kelengkapan untuk kegunaan di dalam lawatan perlancongan tani tersebut. Walau bagaimanapun, projek ini anjakan dilaksanakan untuk tahun 2018 sekiranya diluluskan. Untuk peringkat awal permohonan boleh dikemukakan. Untuk peringkat awal Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berminat, permohonan boleh dikemukakan kepada jabatan agensi berkaitan di bawah portfolio pertanian seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Veterinar, Jabatan Perikanan ataupun MARDI menggunakan borang permohonan yang boleh diperolehi secara percuma daripada agensi yang saya sebutkan tadi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Rengit di atas beberapa cadangan yang dikemukakan oleh beliau khususnya dalam perkara yang berkaitan dengan usaha untuk membantu menaikkan pendapatan petani melalui aktiviti tanaman kelapa dan juga kebun integrasi. Berkenaan dengan isu benih kelapa seperti yang dibangkitkan, kerajaan negeri memandang serius tentang perkara tersebut dan kita sedang mengenal pasti dan membangunkan teknologi yang bersesuaian termasuklah dalam penghasilan baka ternakan dan juga benih ikan. Buat masa ini kita telah bangunkan pusat pembenihan di beberapa lokasi. Pertama di Taman Pertanian Johor, Kong Kong, Masai. Kedua Pusat Pembenihan Tanaman Bukit Bujang, Segamat oleh Pertubuhan Peladang Negeri Johor. Yang ketiga kerja sama dengan pengusaha-pengusaha swasta yang menghasilkan benih-benih pokok.

Baru-baru ini di dalam Majlis Tindakan Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Johor, kita telah memutuskan untuk melantik pihak MARDI bagi mengetuai jabatan ataupun agensi pertanian yang terlibat untuk membentuk satu jawatankuasa teknikal bagi merealisasikan pembentukan Roadmap Bank Bernih Negeri Johor. Daripada pemerhatian saya, permintaan daripada benih pokok cukup mendapat sambutan. Sebagai contoh, melalui Program Karnival Muafakat Tani, Mini Agro dan juga Agro Johor, gerai-gerai benih menjadi tumpuan dan menghasilkan jualan yang tertinggi. Yang kedua, Program Pertanian Rakyat, melalui Program Pemberian benih khususnya, benih kelapa pandan dan juga durian musang king. Melihat kepada situasi tersebut, penubuhan bank benih sangat diperlukan bagi

menampung keperluan serta permintaan dari masa ke semasa. Sekiranya program ini berjaya kita bukan sahaja dapat memenuhi keperluan dalam negeri bahkan untuk diagihkan kepada seluruh negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker, negeri Johor merupakan gedung makanan negara yang penting dalam menghasilkan ayam dan telur melebihi keperluan sara hidup negeri Johor iaitu 372% SSL untuk ayam pedaging dan 269% SSL untuk telur ayam. Kira-kira 1/3 ayam dan telur ayam negara ini dikeluarkan oleh ladang-ladang ternakan unggas yang beroperasi di negeri Johor. Ladang-ladang ayam pedaging di negeri Johor mempunyai kapasiti pengeluaran mencapai 68 juta ekor setahun. Jumlah ayam daging hidup yang di eksport ke Singapura adalah sebanyak 48 juta. Manakala jumlah telur ayam iaini biji yang di eksport sebanyak 860 juta bagi tahun 2016. Jumlah ayam yang di eksport adalah RM312 juta dan juga jumlah telur yang di eksport sebanyak RM24 juta pertahun. Sehingga kini, jumlah ladang yang beroperasi secara reban tertutup di negeri Johor sebanyak 150 buah ladang, iaini 18% manakala ladang yang beroperasi secara reban terbuka sebanyak 633 buah ladang iaini 78%. Dan ladang yang beroperasi bercampur ladang terbuka dan ladang tertutup sebanyak 33 buah iaitu 4%.

Namun begitu, Yang Berhormat dari Jorak dan juga Machap ada menyarankan kerisauan berhubung dengan isu gangguan lalat akibat daripada aktiviti penternakan ayam tersebut. Dalam hal ini, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor sentiasa memantau perkembangan industri ternakan terutamanya penternakan unggas. Oleh itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor merupakan negeri yang pertama mewujudkan Enakmen Kawalan Dan Pelesenan Ladang Penternakan Unggas Negeri Johor. Enakmen ini diwujudkan pada tahun 1997 dan dikuatkuasakan pada tahun 2000. Jabatan Veterinar telah membentangkan cadangan untuk penyelesaian isu-isu di mesyuarat kerajaan negeri Johor pada bulan April ini. Beberapa penambah baikkan terhadap kertas cadangan itu telah disarankan oleh kerajaan negeri Johor untuk diambil tindakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Oleh kerana pembangunan Johor yang begitu pesat, sistem penternakan unggas juga perlu lebih moden dan lebih mesra awam dengan menjaga kepentingan masyarakat dan alam sekitar. Jabatan mengambil inisiatif dengan menambah baikkan enakmen sedia ada dengan mengadakan bengkel beberapa kali dengan penglibatan pegawai veterinar, facilitator bahagian regulation, pegawai veterinar daerah dan penguatkuasaan negeri. Dengan enakmen baharu jumlah kompaun telah ditingkatkan terutamanya bagi kesalahan pembiakkan lalat. Kadar kompaun dinaikkan bagi memberi kesedaran kepada penternak tentang penjagaan alam sekitar yang lestari.

Selain itu, sistem pembakar ladang, ladang sistem pengurusan kolam kumbahan juga akan ditambah baikkan agar ladang-ladang unggas yang sedia ada lebih mesra awam. Jabatan juga akan mewujudkan satu tabung penternakan bagi tujuan menambah baikkan pembangunan industri ternakan dan alam sekitar. Tabung ternakan ini akan digunakan bagi kos-kos kawalan pembiakan lalat dan juga ladang bermasalah, bencana alam dan kos penutupan ladang.

Pada tahun 2016, 26 buah ladang unggas telah dikompaun di bawah Enakmen Kawalan dan Pelesenan Ladang Penternakan Unggas 1997 dan jumlah kompaun bernilai RM52,000.00 telah dikenakan satu ladang unggas telah dibawa ke Mahkamah Majistret Muar dengan dikenakan saman sebanyak RM5,000.00. Kerajaan negeri bercadang mensyaratkan bayaran deposit atau wang amanah diwujudkan bagi ladang baharu ataupun ladang yang sedia ada dilesenkan di bawah Enakmen Kawalan dan Pelesenan Ladang Penternakan Unggas 1997.

Bayaran yang dikenakan ke atas penternak adalah sebagai wang cagaran sekiranya berlaku pelanggaran syarat lesen, maka deposit ini akan dikenakan untuk kos pemusnahan sekiranya ladang ditutup. Kekurangan kaki tangan terutamanya pegawai dan kaki tangan penguat kuasa persekutuan yang terhad dan kekuatan sebanyak 16 orang iaitu 4 kumpulan pada satu-satu masa dengan beban tugas untuk pelaksanaan penguatkuasaan enakmen negeri iaitu Enakmen Kawalan dan Pelesenan Ladang Penternakan Unggas Negeri Johor 1997, Enakmen Memelihara Babi 1977, Enakmen Kebajikan Haiwan 2015, Akta Binatang 1957, Akta Makanan Ternakan 2009 dan tugas penguatkuasaan lain seperti pergerakan pemindahan dan lain-lain. Jabatan akan mewujudkan bahagian penguatkuasaan negeri bagi memastikan pematuhan kepada enakmen-enakmen tersebut dilaksanakan dengan berkesan bagi memastikan tiada pencemaran dan penyebaran penyakit.

Di samping itu, jabatan akan mengehadkan permohonan ladang baharu sehingga kajian kawasan bagi mewujudkan pusat ladang teknologi di kawasan tertentu dilakukan. Jabatan juga akan mengadakan kerja sama dengan jabatan teknikal seperti Jabatan Pertanian dan Jbiotech. Jawatankuasa teknikal akan diwujudkan bagi menetapkan standard baja organik tinggi dan mewujudkan mekanisme kawalan pusat pengumpulan tinja untuk menghasilkan baja organik selain mewujudkan peluang pasaran baja organik dari najis ayam ke arah penternakan ayam yang mampan.

Kerajaan negeri akan mewujudkan program khas pemberian baja organik, pemberian bantuan baja organik kepada petani-petani di bawah Jabatan Pertanian bagi menggalakkan penggunaan baja organik. Kita akan mulakan pada tahun 2018. Pada tahun 2016, satu ladang telah ditutup melalui kertas kerja Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor kerana menyebabkan kacau ganggu lalat. Ladang tersebut, ladang unggas JMRAD096 yang terletak di Mukim Lenga, Muar berkapasiti 180,000 ekor ayam telah menyebabkan masalah lalat kepada penduduk sekitar. Pemilik ladang gagal mematuhi syarat lesen. Pada tahun 2016 juga ladang ayam telur JKJAT018 berkapasiti 200,000 ekor ayam terletak di Felda Layang-Layang, Kluang telah menyebabkan pencemaran *effluent* ladang ini melonggokkan tinja ke dalam kolam kumbahan dan kejadian pengairan *effluent* ini berlaku disebabkan oleh limpahan air hujan lebat. Tindakan yang telah diambil oleh ladang ini adalah ladang pembinaan pusat pemprosesan tinja kepada baja organik yang dijangka siap pada akhir Jun 2017.

Setiap tahun jabatan akan memberi bantuan kepada penternak-penternak yang kurang berkemampuan. Kapasiti ladang berjumlah 20,000 dan ke bawah akan diberi bantuan. Jenis bantuan yang diberikan adalah Bantuan Bio-sekuriti dan juga Bantuan Bahan Kimia boleh mengawal pembiakan lalat.

Pada tahun 2013, jabatan telah melancarkan Program Imunisasi Lalat dengan bantuan peruntukan diberikan oleh kerajaan negeri sebanyak RM2.9 juta. Walau bagaimanapun, semburan lalat tetap dijalankan secara berkala di kawasan hot spot dan kawasan aduan dengan segera. Pada tahun 2016, Bantuan Biosekuriti sebanyak RM70,000.00 telah diberikan kepada 14 buah ladang di negeri Johor. Bantuan Bahan Kimia juga telah diberikan mengikut agihan daerah bagi ladang yang mendapat gred D.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan isu haiwan berkeliaran seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tenang, Jabatan Perkhidmatan Veterinar memandang serius akan isu tersebut dan dengan wujudnya Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang akan dilaksanakan pada tahun ini. Sebarang

pelanggaran syarat kebajikan ternakan oleh pemilikan akan dikenakan kompaun dan tindakan tegas.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Senggarang berkenaan dengan *exit plan* untuk ladang-ladang ternakan khinzir. Jabatan Perkhidmatan Veterinar mencadangkan agar kerajaan negeri mewujudkan zon penternakan babi bagi memindahkan ladang-ladang babi di dalam negeri Johor. Selain itu, jabatan juga memohon agar kerajaan negeri meluluskan perlaksanaan *modern pig farming* dengan izin, bagi memudahkan pengurusan ladang babi sekali gus dapat mengelakkan pencemaran dan isu-isu sensitif berkaitan berkenaan. Walau bagaimanapun, lokasi yang dicadangkan tidak bersesuaian dan jabatan perlu mengenal pasti lokasi lain yang jauh daripada penempatan dan kawasan tadahan air. Sehingga kini hanya 10 daripada 40 buah ladang babi di negeri Johor memulakan proses transformasi sistem kumbahan tertutup dan tujuh daripadanya memiliki sijil MyGAP selari dengan peningkatan GAHP.
Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat dari Tenggaroh ada menyarankan agar satu pusat penjualan ikan segar yang dikendalikan oleh nelayan disediakan di Mersing agar masyarakat dapat membeli ikan terus kepada nelayan. Untuk makluman Yang Berhormat ketika ini, pihak LKIM, kita telah membina beberapa pasar nelayan di seluruh negeri Johor dengan objektif perwujudannya untuk membantu nelayan menangani masalah manipulasi orang tengah terhadap hasil tangkapan ikan. Di samping itu, Program Pasar Nelayan ini merupakan salah satu inisiatif kerajaan untuk memberi pilihan kepada rakyat mendapat ikan segar dan berkualiti pada harga yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, sejak ia dimulakan hinggalah kini sebenarnya fungsi pasar nelayan ini telah semakin berkembang bukan sahaja seperti objektif asalnya ia turut menjadi pertama Pusat Perkembangan Ekonomi dan Sosial Komuniti Setempat melalui aktiviti perniagaan dan penglibatan keluarga nelayan dalam bidang keusahawanan. Bermula dengan adanya pasar nelayan, wujud keperluan untuk perniagaan kedai runcit, kedai makanan menjadi tempat penemuan penduduk kampung yang mana ia dapat mengeratkan hubungan silaturahim dan wujud masyarakat yang harmoni dan muafakat. Kedua ia juga telah menjadi pencetus kepada wujudnya rantaian bekalan di antara Persatuan-Persatuan Nelayan. Negeri Johor terdapat sembilan persatuan nelayan yang terlibat dalam pemasaran ikan. Bekalan ikan ini dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti musim dan penawaran spesies tertentu. Ada ketikanya bekalan banyak di pantai timur Johor akan dihantar ke pantai barat. Ada juga spesies yang tidak terdapat di sesuatu kawasan akan dibekalkan ke kawasan yang ada permintaan. Selain itu juga, rantaian bekalan antara persatuan-persatuan nelayan ini turut diperluaskan dengan persatuan-persatuan negeri lain.

Di seluruh negara, LKIM telah membina 117 buah pasar nelayan. Bagi keseluruhan negeri Johor pula telah dibina 10 buah pasar nelayan, sebanyak RM1.6 juta telah dibelanjakan pada tahun 2007 hingga 2016 khusus untuk membina pasar nelayan tersebut. Lokasi-lokasi pasar nelayan adalah seperti berikut, daerah Tangkak bilangan dua, lokasi Kesang Laut, Parit Karang; Muar ada dua; Sungai Balang Laut dan Sarang Buaya; Batu Pahat ada satu, Jalan Pantai; Pontian ada satu, Air Baloi; Johor Bahru ada satu, Pasir Gudang Baru; Kota Tinggi ada dua, Sungai Rengit, Pengerang dan juga Tanjung Sedili, di Mersing ada 1, di Teluk Buih. Setiap pasar nelayan mempunyai model perniagaan yang tersendiri bergantung kepada kehendak tempatan masing-masing. Tetapi ia masih mengekalkan objektif utama pasar nelayan yang mengutamakan Persatuan Nelayan dan ahli-ahli sebagai peserta dan juga pembekal ikan. Prestasi pasar nelayan di Tanjung Buih, Mersing adalah sangat menggalakkan, dan mendapat sambutan baik dari pelbagai pihak.

Untuk tahun 2017, LKIM akan melaksanakan 2 buah pasar nelayan lagi iaitu di Kampung Pendas Laut, Gelang Patah dan Kampung Koris, Batu Pahat. Dan merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Senggarang, dijangka kerja-kerja pembina pasar nelayan di Kampung Koris, Batu Pahat akan dimulakan pada Jun 2017.

Manakala berkenaan kerja-kerja untuk membina, untuk membaiki dan menaik taraf jeti Kampung Sungai Ayam, Batu Pahat iaitu dengan pembinaan sebuah jeti baru sepanjang 47 meter, untuk makluman Yang Berhormat daripada Senggarang juga, projek tersebut telah ada di dalam senarai pelaksanaan projek di bawah Jabatan Perikanan dan akan dilaksanakan pembinaannya tahun ini juga.

Yang Berhormat dari Pekan Nenas, ada membangkitkan berkenaan isu jeti baru yang dibina di Pusat Perdagangan Pontian. Pihak LKIM akan mendapatkan pandangan dan nasihat daripada pihak Jabatan Pengairan dan Saliran berhubung dengan kaedah penyelesaian bagi mengatasi masalah kedalaman, *sea vet* tersebut. Manakala mengenai kewujudan spesies perosak laut di jeti Pusat Perdagangan Pontian, pihak LKIM telah meminta bantuan dari Jabatan Veterinar dan sampel ulat tersebut telah diambil bagi mengenal pasti dari mana datangnya spesies dan juga kitaran hidup, diet serta kaedah untuk mengatasi masalah ulat tersebut. Langkah selanjutnya akan akan diambil tindakan susulan yang bersesuaian apabila keputusan kajian dari makmal dari Jabatan Veterinar diperolehi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas kepercayaan untuk menerajui portfolio Pembangunan Usahawan dan juga koperasi. Kalau sebelum ini saya diberi tanggung jawab untuk melahirkan usahawan, kini skop saya juga diperluaskan dengan dipertanggungjawabkan untuk memajukan lagi usahawan tersebut melalui program dan bantuan keusahawanan yang disediakan oleh agensi yang berkenaan.

Menerusi pusat pembangunan usahawan negeri Johor, EDC bagi tahun 2017 terdapat pelbagai peluang untuk usahawan antaranya, video usahawan Johor yang memberi manfaat kepada 250 usahawan untuk membantu memasarkan produk ataupun servis mereka. Antara lain program Inisiatif Jenama Johor yakni IJJ yang membuka peluang kepada usahawan untuk terlibat memberi idea bagi mencipta logo khas produk Johor. Sebanyak 54 penciptaan logo yang telah diterima oleh pihak EDC, dalam masa yang terdekat kita akan membuat penilaian dan diketahui oleh pihak umum.

Selain itu program pembangunan usahawan hiliran minyak dan gas memberi manfaat kepada usahawan berskala sederhana untuk memasuki bidang kerja dalam sektor minyak dan gas di Pengerang. Program Net Wanita memberi manfaat kepada 200 usahawan wanita untuk diberikan kursus strategik pemasaran produk atas talian menggunakan laman sosial dan juga internet. Program usahawan digital diperkenalkan dengan kerjasama MAGICX bagi meningkatkan kapasiti dan juga persaingan dalam kalangan usahawan digital di Johor.

Program kesedaran telah dilaksanakan ke lima lokasi terpilih bagi memberi pendedahan kepada umum. EDC juga merupakan sekretariat bagi Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Johor yang terdiri daripada 63 agensi kerajaan persekutuan dan juga negeri melalui MPUNJ ini, kerajaan negeri telah memperuntukkan RM2 juta untuk melaksanakan pelbagai program keusahawanan.

Sebanyak 20 program berjaya dilaksanakan 2016 dan dapat memperluaskan konsep NBOS antara agensi kerajaan untuk memastikan gandingan bersama dapat dimanfaatkan. EDC juga diberikan peruntukan RM2 juta setahun bagi melaksanakan program-program yang bersesuaian kepada usahawan dan selaras dengan hasrat kerajaan negeri Johor dalam menjayakan pelan pertumbuhan strategik Johor ekonomi Johor menerusi 10 daerah. Di samping itu juga sebanyak RM1.5 juta lebih telah diluluskan sehingga Mei 2017 untuk Program Peningkatan Enterprise Bumiputera kelolaan SME Corp Malaysia. Jumlah ini bagi negeri Johor sahaja. Jelas, EDC akan sentiasa berperanan sebagai pemacu dan pemudah cara kepada pembangunan usahawan di negeri Johor selaras dengan Pelan Pertumbuhan Strategi Johor dan Pelan Strategi Perusahaan Kecil Sederhana yakni PKS negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, demikianlah tadi penjelasan saya ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Dewan Negeri, di Dewan yang mulia di sepanjang segmen perbahasan. Saya juga mohon maaf sekiranya ada perkara-perkara yang terlepas pandang dalam penjelasan saya. Sekian ucapan saya, saya ucapkan terima kasih di atas keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih dan saya sudahi dengan assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya mohon menyokong.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih. Sila Pengerusi Jawatankuasa Agama.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahirrahmannirrahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat di atas izin dan peluang yang diberi. Terutamanya kesempatan ini saya ingin menjunjung kasih dan setinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, di atas ucapan yang telah dibacakan oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor, sempena Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor Yang Ke-13 pada 4 Mei yang lalu. Bersyukur ke hadrat Allah SWT juga saya panjatkan, kerana masih memberi nikmat kesihatan, iman dan Islam untuk saya menyampaikan ucapan penggulungan bagi mesyuarat kali ini.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dalam ucapan pembukaan rasmi yang lalu, sukalah untuk saya berkongsi serba sedikit, berkenaan sejarah bermulanya pendidikan agama Islam di negeri Johor. Sekolah Agama Kerajaan Johor merupakan sekolah-sekolah pendidikan Islam yang ditadbir urus oleh kerajaan negeri Johor melalui Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Sekolah Agama Kerajaan Johor diwujudkan di atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Almarhum Sultan Abu Bakar untuk memberi pendidikan agama kepada kanak-kanak Islam di negeri Johor dengan menggunakan perantaraan Bahasa Melayu secara percuma bagi memastikan, anak-anak Islam di negeri Johor mendapat pendidikan agama yang teratur, sempurna dan dikawal oleh kerajaan negeri.

Secara ringkasnya pada bermula pada tahun 1918, pendidikan bermula dengan nama Sekolah al-Quran, yang hanya kepada pembelajaran al-Quran. Manakala pada tahun 1920, nama Sekolah al-Quran ditukar kepada Sekolah Kitab dan seterusnya pada tahun 1923, Pendidikan Agama diperkembangkan lagi dengan mewujudkan kelas Darjah Khas sebagai salah satunya lanjutan kepada sekolah agama petang. Tidak berhenti di situ sahaja, pada tahun 1960 MAAHAD Johor ditubuhkan sebagai sebuah pusat pengajian 4 senawi di negeri Johor bagi

kesinambungan senawi 1 dan senawi 2 dan senawi 3. Kemudian pada tahun 1986, ditubuhkan juga MAAHAD Tahfiz Al-Quran Negeri Johor sebagai menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Iskandar. Pendidikan agama Islam di negeri Johor diperkukuhkan lagi dengan tertubuhnya sekolah berasrama penuh, iaitu sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor, yang dikenali dengan SMAKJ pada tahun 1988. Oleh yang demikian, melihat kepada perkembangan pendidikan Islam di negeri Johor bermula dari sekolah rendah, menengah juga sekolah tinggi, maka tercetuslah idea penubuhan Institut Pengajian Tinggi Islam dan Bahasa Arab iaitu MARSAH iaitu pada tahun 1997 di mana ianya 100% di bawah pentadbiran kerajaan negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, komitednya kerajaan negeri Johor, kerajaan negeri walaupun wujudnya pendidikan dari peringkat rendah, menengah sehingga peringkat tinggi di lihat masih belum mencukupi, maka kerajaan negeri pada tahun 1999 telah menubuhkan sekolah rendah agama bersepadu di mana ianya berfungsi sebagai gabungan akademik dan agama Islam di dalam satu sistem pendidikan. Pendidikan agama haruslah dipupuk dari akar umbi. Maka pada tahun 2001 tercetusnya idea penubuhan Tadika Agama Johor.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat, di sini dapatlah dilihat bahawa bermula daripada penubuhan sekolah agama sehingga kini pendidikan agama telah melalui fasa evolusi yang mampan. bersesuaian dengan era globalisasi kini, kajian demi kajian dijalankan demi mengislahkan sekolah agama negeri Johor. Bahagian Pendidikan Islam Agama negeri Johor telah mewujudkan satu pelan yang dikenali sebagai pelan transformasi sekolah agama negeri Johor. Dalam satu pelan ini mencakupi semua aspek, memfokuskan tentang kebajikan guru, pembangunan sekolah, prasarana, murid juga kurikulum dan kokurikulum.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, melihat kepada keadaan semasa umat Islam di Malaysia, khususnya di negeri Johor yang semakin menyedari tentang perlunya kekuatan pendidikan ini dibangunkan semula. Melalui keterampilan dan kecekapan modal insan, evolusi idea ini dilihat begitu penting dalam mencapai kecemerlangan yang mempertaruhkan generasi hadapan, sebagai aset yang perlu dibangunkan. Oleh yang demikian kerajaan negeri Johor melalui Bahagian Pendidikan Agama Negeri Johor sangat komited dalam mengukuh dan menambah baik sistem pendidikan seklah agama melalui kurikulum dan kokurikulum pendidikan agama Islam negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, pengkajian tentang silibus pelajaran kurikulum juga kokurikulum, sering dijalankan dari masa ke semasa, bermula dari hanya mata pelajaran al-Quran, kemudian ditambah lagi dengan Tauhid, Ibadah dan Tasawur seterusnya mata pelajaran Mualat, Munakahat, Faraid, jenayat, akhlak, tawarikh, tulisan jawi dan juga bahasa Arab. Sehingga kita kurikulum dan silibus pembelajaran sekolah agama terus dipergiat.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, bermula tahun 2013 kerajaan negeri melalui Bahagian Pendidikan Agama Islam telah membuat pengkajian semula mengenai silibus bermula dari tahun 1 sehingga Darjah Khas yang mana kerajaan negeri akan mengembalikan, akan menggunakan kembali Kitab teras berdasarkan silibus Mutaal Badrin, walmajmaalbahrin dan juga risalatultauhid yang mana proses yang telah dilakukan iaitu semakan semula ayat yang bersesuaian, pengkajian semula ejaan jawi moden juga menambah info grafik serta gambar-gambar bagi menarik minat dan juga memberi pemahaman yang lebih mudah kepada pelajar.

Disasarkan sehingga November 2017, kitab ini akan siap dicetak dan kitab Mutaal Badrin, walmajmaalbahrin dan risalatultauhid akan diguna pakai sepenuhnya mulai tahun 2018, bagi murid-murid Darjah 4, 5, 6 dan Darjah Khas. Perkara ini akan dibawa sembah perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, dan seterusnya ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri secepat mungkin.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Jabatan Agama Islam Negeri Johor dan Majlis Agama Islam negeri Johor, di dalam beberapa jawatankuasanya sentiasa memikirkan keperluan-keperluan yang perlu dilaksanakan bagi memastikan pendidikan agama Islam di sekolah agama sentiasa dipertingkat. Kita memandang serius dan tidak pernah sesekali pun mengabaikan atau mengambil mudah di dalam sistem pendidikan agama, malah sentiasa mencari dan terus mencari apakah penambahbaikan yang boleh dipertingkatkan bagi memartabatkan sistem pendidikan agama kita.

Tambahan lagi Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah pun berunding dengan pihak Universiti Teknologi Malaysia, untuk menjalankan kajian menyeluruh mengenai sistem pendidikan Islam negeri Johor yang sedia ada untuk disemak semula dengan melihat cabaran-cabaran dan keperluan-keperluan di masa akan datang. Inisiatif ini juga, diambil kira sempena sambutan 100 tahun Jabatan Pendidikan Agama Islam Negeri Johor, Sekolah Agama Negeri Johor yang akan diadakan pada tahun 2018. Kerajaan negeri sangat komited untuk melakukan transformasi kepada sistem ini dengan mengambil langkah pemerkasaan secara tersusun dan terancang, setiap fasa teori demi memantapkan pemahaman pelajar, fasa praktikal perlulah dilaksanakan. Konsep amali atau praktikal telah pun dimasukkan dalam jadual pengajaran dan pembelajaran ataupun lebih dikenali P&P di sekolah agama pada masa ini dengan masa yang diperuntukkan sebanyak 30 minit x 5 hari seminggu atau 150 minit seminggu.

Begitu juga dengan cadangan supaya masa yang lebih diperuntukkan kelas amali di sekolah-sekolah agama di mana cadangan tersebut telah pun dilaksanakan seperti amali solat dan hafazan. Bukan sekadar itu sahaja, sistem pelajaran sekolah agama Johor diperkukuhkan lagi dengan mengadakan pembelajaran di luar bilik darjah, seperti contoh mengadakan Kursus Pengurusan Jenazah, Kursus Penyembelihan, Kursus Ibadah Haji dan Umrah, pendedahan teknik menjawab soalan peperiksaan dan lain-lain lagi.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, selaras dengan perkembangan teknologi maklumat, yang semakin pesat mulai tahun 2015, kerajaan negeri telah meluluskan perlaksanaan Program Johor Pendidikan Islam Digital atau dikenali JPID berasaskan teknologi *Apple* di 4 buah sekolah iaitu 2 sekolah menengah iaitu Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor dan Maahad Tahfiz Negeri Johor dan 2 sekolah agama Kerajaan Johor iaitu Sekolah Agama Bandar Johor Bahru dan Sekolah Agama Imtiyaz Johor Bahru. Ini bertujuan bagi melahirkan cendekiawan Islam yang celik IT, luas pengetahuan dan berdaya saing.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, sesuai dengan perkembangan pendidikan dan sekolah agama di negeri Johor, kerajaan negeri melihat pentingnya penambahan dari segi infrastruktur dan pembangunan sekolah agama di negeri ini.

Untuk maklumat Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, sehingga 8 Mei 2017, jumlah sekolah agama di negeri Johor adalah sebanyak 578 buah. Jumlah bangunan sendiri iaitu bangunan yang dibina menggunakan peruntukan

kerajaan adalah sebanyak 479 buah sekolah. Sementara bakinya sebanyak 99 buah sekolah masih menumpang di sekolah kebangsaan dan lain-lain bangunan. Kerajaan negeri bersetuju untuk membina lagi sekolah agama kerajaan Johor dalam Fasa 5 yang akan dilaksanakan oleh Kumpulan Prasarana Rakyat Johor iaitu sebanyak 30 buah lagi yang akan dimulakan pada penghujung Jun 2017. Dalam projek tersebut sebanyak 8 buah sekolah agama yang baru, 17 buah adalah bangunan baru, bina baru, sementara 5 buah lagi adalah bangunan tambahan. Pembinaan sekolah agama Kampung Lubuk akan disenaraikan sebagai salah satu di dalam cadangan 30 sekolah ini.

Kesimpulan dengan terlaksananya projek Fasa 5 ini maka kerajaan negeri Johor mempunyai sebanyak 504 buah bangunan sekolah agama sendiri sementara bakinya sebanyak 82 buah lagi yang masih lagi menumpang di sekolah kebangsaan dan lain-lain bangunan.

Dan seterusnya, demi menjamin keselesaan dan ruang pembelajaran yang kondusif, kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM4 juta daripada Kewangan Negeri Johor dan RM2 juta daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor seterusnya menjadikan nilai peruntukan yang diberikan untuk prasarana sekolah agama kepada RM6 juta setahun. Ini demi memastikan keselesaan dan kebajikan pelajar sentiasa dipelihara dengan semangat keprihatinan yang amat tinggi oleh kerajaan negeri Johor melalui Majlis Agama Islam Negeri Johor demi memajukan pendidikan agama bantuan seperti alat bantuan mengajar (ABM) setiap tahun diperuntukkan hampir RM1 juta bagi memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, demi menjaga kebajikan guru dan murid, berdasarkan istilah guru yang berkualiti dapat melahirkan pelajar yang cemerlang, kerajaan negeri Johor tidak memandang sunyi jasa dan bakti tenaga pengajar yang mendidik serta memberikan ilmu kepada anak jati kita. Oleh yang demikian, bagi menyelesaikan isu kekurangan guru, waran kekosongan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG29 adalah sebanyak 80 waran.

Untuk maklumat Ahli Dewan sekalian, pada bulan Februari 2017, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor telah memanggil seramai 200 orang pemohon untuk ditemu duga bagi gred DG29. Walau bagaimanapun, senarai 80 orang pemohon sahaja yang layak dilantik ke jawatan tersebut. Dan dijangkakan pada bulan Jun 2017, mereka ini akan melapur diri ke Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Manakala baki waran yang belum diisi ialah sebanyak 720.

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor memaklumkan bahawa sesi temu duga untuk jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 juga akan dilaksanakan pada masa yang terdekat pada tahun ini. Di mana sebanyak 12 waran Gred DG41 di Bahagian Pendidikan Islam yang masih belum diisi akan disegerakan untuk diisi. Antara cadangan lain yang mana kerajaan negeri akan mengambil kira dan memberi peluang kepada :

1. Lepasan MARSAH 2015 hingga 2017 yang sedang mengambil Pengajian Guru Agama.

2. Bekerjasama dengan Institusi Pengajian Guru (IPG).

3. Guru Gred DG17 yang sedang melanjutkan pengajian universiti tempatan seperti di UTM, UiTM dan juga Open Universiti dalam jurusan yang berkaitan khususnya Diploma Pengajian Islam.

4. Memberikan peluang kepada guru-guru KAFA yang sudah mencukupi syarat.

5. Terbuka kepada mana-mana pemohon yang boleh dikatakan cukup syarat dan kelayakan.

Setelah gred perjawatan diambil kira, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan negeri menjaga kebajikan guru KAFA dan Tadika Agama Johor yang mana lantikannya bukan di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor. Namun mereka juga menyumbang bakti seiring dengan guru-guru agama yang bertaraf tetap. Jasa bakti mereka ini diiktiraf melalui inisiatif kerajaan negeri yang mendapat sokongan penuh daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dengan persetujuan yang telah diberikan:

1. Kenaikan elaun sebanyak RM100.00 bermula pada tahun 2016.

2. Elaun bersalin diberikan sebanyak RM512.00 iaitu dua bulan yang mana dahulunya tak ada sebarang elaun diberikan.

3. Imbuhan raya sebanyak RM500.00 bermula tahun 2015.

4. Imbuhan tahunan sebanyak RM500.00 bermula daripada tahun 2016.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, melengkapkan lagi sistem pendidikan agama Islam negeri Johor, sejajar dengan objektif pendidikan agama yang membawa kepada pemantapan jasmani dan rohani, madrasah-madrasah tahfiz diwujudkan adalah demikian kerana komitednya kerajaan negeri demi melahirkan ummah yang bukan sahaja tinggi pekertinya, namun insan yang salju rohani dengan mengimplementasikan Al-Quran di dalam diri mereka, dapatlah dilihat melalui banyaknya penubuhan madrasah-madrasah tahfiz bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan. Kerajaan negeri amat menggalakkan penubuhan madrasah ini, namun perlulah berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri Johor di bawah Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam 1991 untuk kelulusan pendaftarannya. Beberapa kriteria akan diambil kira :

1. Keanggotaan lembaga (jemaah pengurusan sekolah).

2. Premis yang digunakan untuk operasi sekolah, asrama dan sebagainya telah mendapat kelulusan pihak bomba dan Jabatan Kesihatan.

3. Premis dan tapak tempat beroperasi adalah premis dan tapak yang sah sama ada secara pewakafan, pemunyaan, sewaan, perjanjian dan sebagainya serta dimaklumi oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Penghulu atau Ketua Kampung.

4. Kurikulum yang digunakan adalah bertepatan dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jemaah, mazhab Al-Shafie dan beberapa kriteria yang lain yang diambil kira.

Sungguhpun demikian, penentuan mata pelajaran yang digunakan, perlaksanaan sistem pembelajaran, peraturan-peraturan yang berkaitan dengan pengurusan sekolah dan asrama adalah di bawah ketentuan pihak pengurusan sekolah ataupun madrasah masing-masing. Jabatan Agama Islam Negeri Johor berperanan mengawasi dan memantau perlaksanaannya selain daripada memberikan latihan kepada guru dan pihak pentadbiran serta menyelaras beberapa bantuan yang disumbangkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor dan pihak kerajaan persekutuan. Bagi madrasah-madrasah yang mewujudkan pembelajaran mata pelajaran akademik, untuk peringkat rendah dan menengah perlu juga berdaftar dengan Kementerian Pendidikan di bawah Akta 550.

Tuntasnya, madrasah-madrasah ini bergerak di bawah pengurusan dan pentadbiran masing-masing dengan pengawasan dan pengawalan daripada Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Syarat ini bertujuan tidak mahu berlakunya sebarang perkara yang tidak diingini.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, pelbagai inisiatif diwujudkan. Cadangan yang diusulkan tidak lain hanyalah demi memartabatkan pendidikan Islam di negeri ini agar dilihat sentiasa berdaya saing, mendapat tempat setaraf dengan pendidikan akademik di negeri ini. Manfaat Sijil Darjah Khas yang digembar-gemburkan hanyalah sekadar hiasan cerminan adalah tidak tepat sama sekali. Ini kerana wujudnya satu inisiatif di mana pelajar yang memiliki Sijil Darjah Khas dengan Pangkat 1 dan memiliki SPM mempunyai kelayakan dan di beri peluang untuk menyambung pelajaran di Kolej Pengajian Tinggi Islam Johor (MARSAH) mengikut kursus-kursus yang ditawarkan sesuai dengan keinginan pelajar.

Bukan sekadar itu sahaja, setelah menjalani pengajian di MARSAH, mereka juga berkelayakan untuk menyambung pelajaran mereka di luar negara sebagai contoh di Timur Tengah. Ini kerana kerajaan negeri Johor melalui Majlis Agama Islam Negeri Johor telah menjalin hubungan negara Timur Tengah iaitu negara Mesir dan Jordan melalui kerjasama pendidikan iaitu penghantaran pelajar ke Jordan melalui Kolej Pengajian Tinggi Islam (MARSAH) di mana lepasan Diploma MARSAH boleh melanjutkan pengajian terus ke Tahun 3, Pengajian Ijazah Sarjana Muda selama 2 tahun sahaja di 4 universiti di Jordan. Manakala di Mesir pula, MARSAH juga dalam usaha mengadakan persefahaman supaya pelajar Diploma Tahfiz mereka diterima untuk menyambung pelajaran pengajian di Universiti Al-Azhar di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Walau bagaimanapun, untuk kemasukan pelajar Pengajian Islam dan Pengajian Perubatan ketika ini adalah melalui Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Syarat kemasukan ke Timur Tengah adalah berbeza mengikut ketetapan universiti di negara berkenaan. Namun, pihak kerajaan boleh menetapkan syarat khas kepada pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah supaya mereka terdiri daripada pelajar-pelajar yang benar-benar cemerlang dan mampu menyumbang bakti kepada kerajaan apabila pulang kelak.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, penerangan di atas secara langsung telah pun menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan pendidikan Islam di negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, kita sedia maklum bahawa di negeri Johor penggunaan tulisan jawi tidak pernah sunyi atau dipandang remeh. Bangsa Johor dikenali dengan bangsa yang celik jawi seperti yang telah dibangkitkan Yang Berhormat Bukit Naning berkenaan tulisan jawi yang perlu diperkasakan di negeri ini.

Untuk makluman Bukit Naning, penggunaan tulisan jawi telah pun dilaksanakan di peringkat jabatan seperti di dalam mesyuarat-mesyuarat pengurusan di Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Islam, ahli mesyuaratnya telah pun memutuskan bahawa Bahagian Pendidikan Islam akan melaksanakan dalam tugas penyeliaan untuk memperkasakan tulisan jawi di peringkat sekolah dan peringkat jabatan. Selain daripada itu, semua majlis-majlis rasmi yang dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Majlis Agama Islam Negeri Johor sentiasa menggunakan tulisan jawi. Contohnya, dengan izin, *brochure, banner, pamphlet, goodies* dan buku-buku edaran yang diberikan secara percuma kepada peserta dan tetamu.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, kita menyambut baik cadangan yang dikemukakan oleh Puteri Wangsa berkenaan cadangan supaya Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Negeri Johor di naik taraf sebagai sebuah jabatan demi pengurusan dan pentadbiran yang lebih cekap dan memberi manfaat kepada umat Islam negeri Johor. Namun, pada tahun 2010, Bahagian Pendidikan Islam telah pun mengajukan permohonan cadangan untuk mewujudkan Bahagian Pendidikan Islam sebagai sebuah jabatan kepada Penasihat Undang-Undang negeri Johor bagi mendapatkan pandangan dan surat maklum balas daripada Penasihat Undang-Undang Negeri Johor bertarikh 9 Jun 2010, memaklumkan bahawa perkara ini perlu di bawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor. Walau bagaimanapun, maklum balas daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, Negeri Johor bertarikh 13 Jun 2011, JPA, Jabatan Perkhidmatan Awam tidak dapat mempertimbangkan permohonan ini berdasarkan beberapa faktor dan adalah tidak wajar sebuah jabatan baru diwujudkan khusus melaksanakan fungsi pendidikan agama di negeri-negeri. Tambahan pula ianya tidak sejajar dengan dasar sedia ada. Makna kerajaan Malaysia untuk mewujudkan perkhidmatan awam bagi mengawal perbelanjaan kerajaan.

Pada awal tahun 2016, Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah juga membuat permohonan dan kertas kerja mengenai penstrukturan semula Bahagian Pendidikan Islam kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia untuk mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Johor dan seterusnya di bawa kepada Mesyuarat Kerajaan Negeri pada tahun 2017.

Bahagian Pendidikan Islam telah pun mengemas kini semula kertas kerja penstrukturan dan untuk dibawa kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia bagi menjawab soalan berkaitan pelantikan guru yang ramai dan menyelesaikan isu kekurangan guru di sekolah-sekolah supaya sekolah boleh menjalankan persekolahan dengan selesa sebagaimana yang diinginkan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, sebelum saya menjawab Yang Berhormat Sungai Balang, saya terlebih dahulu ingin menerangkan serba sedikit tentang objektif pembinaan rumah transit oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor dan bila bermulanya pembinaan ini dilaksanakan. Pembinaan rumah transit ataupun rumah bagi penduduk sementara asnaf, fakir dan miskin, adalah golongan asnaf yang menghadapi masalah tempat tinggal dan mereka juga tidak mempunyai tanah untuk didirikan rumah. Rumah transit menyediakan kemudahan kepada asnaf mendiami rumah tersebut secara percuma dalam tempoh tertentu dan apabila penilainya setelah dinilai mereka telah terkeluar daripada kemiskinan, mereka akan

diganti dengan asnaf yang lain yang memerlukan. Perancangan rumah transit Majlis Agama Islam Negeri Johor bermula pada tahun 2015, dengan pembinaan sejumlah 32 unit pertama di Jalan Pak Wan Tenglu, Mersing dan telah siap sepenuhnya pada tahun 2016. Kemudian pembinaan ditambah 20 unit lagi mengikut keperluan fakir miskin yang ada di Mersing di mana fasa pertama dan kedua ialah sebanyak RM8.8 juta termasuk infrastruktur, jalan, surau dan 6 unit kedai. Seterusnya pada tahun 2017, pembinaan rumah transit ini diteruskan ke lot 9961, Mukim Bukit Kepong, dengan pembinaan 32 unit rumah, sebuah surau dan 6 unit kedai di samping infrastruktur jalan dengan perbelanjaan RM5.5 juta dan kini di peringkat awal pembinaan, dalam masa yang sama juga, rumah transit yang dibangunkan di Kampung Sari Simpang Renggam iaitu pembinaan sebanyak 30 unit rumah dengan kos sebanyak RM4.6 juta. Setakat ini, Majlis Agama Islam berhasrat untuk memastikan 3 pembinaan rumah transit ini berjalan dengan baik dan dapat disiapkan pada waktunya sebelum mengadakan perbincangan ke lokasi yang lain selain melihat bajet yang sedia ada.

Seperti yang dibangkitkan oleh Sungai Balang, yang memohon untuk membina rumah transit asnaf bagi menggantikan rumah PPRT di Sungai Grisek Laut, Majlis Agama Islam Negeri Johor dan Pejabat Tanah Daerah telah berbincang dan kini sedang menunggu keputusan dari Pejabat Daerah Muar untuk kelulusan tapak PPRT berkenaan. Maka, pembinaan rumah Transit di Sungai Grisek Laut ini akan dilaksanakan mengikut kelulusan dan untuk pengetahuan Ahli-Ahli Yang Berhormat ada juga beberapa lokasi yang telah pun membuat permohonan kepada pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor namun perkara ini sedang dalam proses semakan dan proses penilaian.

Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain, dengan ini, saya telah pun berusaha untuk memberikan jawapan yang terbaik berdasarkan soalan yang dibangkitkan dan cuba menerima teguran dan mempertimbangkan segala cadangan yang diberi dan mengucapkan ribuan terima kasih yang setinggi-tinggi penghargaan pada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang sentiasa prihatin ke atas permasalahan rakyat yang ada dan jika ada perkara yang terlepas pandang akan saya beri perhatian dan mengambil tindakan susulan di atas perkara tersebut dari masa ke semasa.

Akhirnya, maaf diucapkan sekiranya ada kekurangan dalam menyampaikan maklumat. Yang baik datangnya dari Allah manakala yang buruk itu adalah di atas kelemahan diri saya sendiri. Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya mohon menyokong.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih. Kita teruskan, sila Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia : Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Salam sejahtera, salam perpaduan dan salam muafakat Johor. Saya mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi penggulungan perbahasan di Mesyuarat Pertama Pembukaan Rasmi Bagi Penggal Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor Yang Ke-13.

Saya ingin merakamkan ucapan merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas keberangkatan Duli yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor wakil rasmi Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor ke Dewan yang mulia ini, dan seterusnya bertitah merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor Yang

Ke-13 ini. Sebagai rakyat negeri Johor sesungguhnya kita berasa amat bertuah kerana Duli Yang Maha Mulia Tuanku sentiasa memikirkan kepentingan dan kebajikan rakyat khususnya. Semoga negeri Johor Darul Ta'zim akan terus makmur, aman di bawah naungan pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Sukacita juga saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada pentadbiran negeri Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah berjaya meletakkan nama Johor bukan saja di persada tanah air tetapi juga sehingga di rantau Asia ini.

Beberapa langkah bijak telah diambil oleh pihak kerajaan bermula dengan Pelan Suara Hati Johor, kemudian melancarkan Pelan Pembangunan Strategik Johor dan membawa satu gagasan baru iaitu Gagasan Johor Berkemajuan. Semoga dengan kepimpinan beliau, akan mengekalkan prestasi cemerlang dalam pentadbiran negeri Johor dan *Team* Johor akan terus bergerak maju. Dewan yang mulia ini, telah menerima pelbagai maklum balas sama ada dalam bentuk soalan, cadangan, sokongan mahupun teguran yang ada kaitannya di pihak saya yang mengetuai Portfolio Perpaduan dan Sumber Manusia. Saya mengambil setiap maklum balas yang diberikan dengan lapang dada dan menilai setiap satunya supaya dapat diberi perhatian demi mencapai matlamat ke arah Johor berkemajuan dan rakyat yang berkesejahteraan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Senai dan juga Yang Berhormat Pekan Nanas telah beberapa kali membangkitkan isu berkenaan dengan pekerja asing warga negara China yang dikatakan diambil bekerja tanpa prosedur yang sah dan perkara ini sebenarnya adalah sesuatu yang cukup serius dan kerana ia melibatkan hubungan kerajaan dengan kerajaan atau G to G dengan izin. Isu berkenaan pekerja China telah pun dijawab beberapa kali dan juga pihak imigresen dan pihak Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi masalah ini. Ianya sebenarnya berpunca daripada pihak agen dan individu yang tidak bertanggungjawab yang bertindak sebagai orang tengah untuk membawa masuk pekerja-pekerja berkenaan. Selain daripada PDRM, Jabatan Imigresen di bawah Kementerian Dalam Negeri adalah signifikan bagi memberi maklumat yang tepat dan fakta yang sahih bagi menjawab persoalan ini.

Sehingga kini, permohonan permit kerja yang telah diterima oleh Jabatan Imigresen daripada syarikat-syarikat pembinaan utama bagi warganegara China hanya melibatkan permohonan pas lawatan kerja sementara, pas pengajian dan pas lawatan ikhtisas. Permohonan bagi pas-pas yang berkaitan hanya akan diproses apabila telah mendapat pertimbangan dan kelulusan kuota oleh pihak kementerian. Jelasnya, pengambilan pekerja asing adalah mengikut prosedur yang sah. Selain itu, Jabatan Imigresen tidak pernah mengeluarkan pas khas, *special pass* dengan izin, bagi tujuan perlepasan bekerja tanpa mengemukakan permohonan terlebih dahulu.

Di samping pas-pas yang dikeluarkan secara sah oleh Jabatan Imigresen, Jabatan Imigresen juga sering melaksanakan pemantauan dan pelaksanaan operasi bagi kesalahan-kesalahan guna pas seperti yang disebutkan dalam isu yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Berikut adalah beberapa statistik tangkapan warga negara China yang sebenarnya menjelaskan maksudnya. Contohnya bagi tahun 2017 sahaja seramai sebelas orang telah pun ditahan kerana memiliki atau pun berada di negara tanpa permit yang sah. Bagi mereka yang telah pun tinggal lebih masa seramai 4 orang telah pun ditangkap, yang melanggar syarat seramai 20 orang, dan yang memiliki dokumen palsu seramai 2

orang dan lain-lain kesalahan seramai 2 orang. Jadi setakat hari ini, tahun 2017 seramai 38 orang warganegara China telah pun ditahan. Kalau kita lihat bagi tahun 2016, seramai 50 orang telah pun ditahan bagi kesalahan-kesalahan yang telah saya sebutkan tadi, 2015 seramai 16 orang, 64 orang bagi 2014 seramai 116 orang. Jadi, setakat hari ini jumlah yang telah pun di tahan dalam tempoh 4 tahun ini ialah 268 orang.

Dan, bagi bilangan pekerja asing sah yang dikeluarkan pas lawatan kerja sementara khususnya kepada 4 syarikat pembinaan besar yang sedang melaksanakan projek di negeri Johor setakat hari ini seramai 2,485 pas lawatan sementara telah pun dikeluarkan iaitu sebanyak 2,485. Dan, bagi pengajian dan pas lawatan ikhtisas sebanyak 1,682 pas telah pun dikeluarkan khususnya kepada 4 syarikat pembinaan yang besar tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Sungai Abong, telah pun membangkitkan bahawa rakyat tempatan juga berminat dalam kerja-kerja 3D sekiranya diberi peluang dan bukan hanya fokus kepada pekerja asing. Sebenarnya kita setuju bahawa peluang pekerjaan khususnya dalam kategori 3D. Memang kita memberi peluang kepada rakyat tempatan tetapi kita juga kena menerima hakikat bahawa sektor pekerjaan 3D didominasi oleh pekerja asing. Bukan sahaja kerana kemampuan fizikal dan ketahanan diri mereka untuk melakukan pekerjaan berkenaan tetapi juga pengalaman dan pengetahuan asas mereka dalam pekerjaan seumpama itu, terutamanya dalam industri pembinaan. Walau bagaimanapun ianya bersifat sementara. Apabila siap kelak, pekerja-pekerja asing ini akan kembali. Namun begitu, kebergantungan terhadap mereka seharusnya dikawal, kerajaan sedar bagi memastikan peluang kerja untuk rakyat tempatan tidak terhad. Sehubungan dengan itu, kita khususnya di negeri Johor telah melaksanakan beberapa usaha untuk memastikan persediaan kita kepada keperluan tenaga kerja tempatan yang mahir. Dan, antaranya ialah perjanjian persefahaman antara pihak industri dengan institusi pengajian dan latihan kemahiran. Perjanjian MOU dengan pihak pemaju, contohnya dengan Forest City dan pihak YPJ dan UTM adalah antara usaha yang telah kita ambil untuk memastikan keperluan pekerja yang ada di projek berkenaan akan dipenuhi oleh warga tempatan khususnya graduan tempatan. Institusi pengajian dan kemahiran ini, akan membantu dan meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran graduan tempatan kita itu.

Pengawalan pengambilan pekerja asing hanya dapat dilakukan di peringkat persekutuan sewaktu syarikat mengemukakan permohonan dan memberikan indikator yang kukuh di mana tiada rakyat tempatan yang dapat mengisi jawatan sebagai pekerja kasar atau buruh am. Di antara kawalan yang telah pun dilakukan ialah dengan membekukan pengambilan pekerja asing bermula pada Februari 2016 namun ia telah pun ditarik balik demi bagi 4 sektor kritikal iaitu pembinaan, perkilangan, perladangan dan pembuatan perabot kerana kekurangan pekerja tempatan untuk mengisi industri-industri tersebut sehingga telah pun sampai ke peringkat yang cukup kritikal. Tetapi kita juga pastikan bahawa mereka masih lagi terikat dengan prosedur yang telah ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri.

Walau bagaimanapun kerajaan negeri Johor amat proaktif dan apabila ucapan Bajet 2017 Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pun menggariskan beberapa strategi untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Tanggungjawab ini diletakkan di bawah portfolio saya di mana dengan penubuhan Unit Suai Daya Insan Negeri Johor. Salah satu penunjuk prestasi telah digariskan ialah pertamanya untuk membuat kajian keperluan pekerja asing bagi mengenal

pasti dan menentukan keperluan sebenar bilangan tenaga kerja yang diperlukan di negeri Johor. Dan, seterusnya pengurusan pekerja asing di negeri Johor akan ditambah baik dan salah satu penekanan yang akan diambil memastikan penguatkuasaan yang tiada ketirisan dan kerja sama erat antara agensi kerajaan negeri dan persekutuan dalam membanteras pekerja asing tanpa izin ini. Jadi, di peringkat kerajaan negeri ini kita telah pun mengadakan beberapa bengkel dengan pihak-pihak yang berkenaan untuk mengkaji secara mendalam di dalam industri apa yang boleh kita menggunakan atau pun mengenalkan sistem baru supaya kebergantungan kepada pekerja asing ini dapat dikurangkan. Dan, kita akan terus melaksanakan beberapa lagi siri bengkel sehingga kita mencapai satu keputusan atau pun satu dasar yang baru dalam usaha kita untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing di negeri Johor ini.

Jadi, kerajaan negeri Johor ini, cukur serius untuk memastikan bahawa bukan semua industri diperlukan pekerja asing malah ada industri yang sebenarnya boleh diisi oleh pekerja tempatan. Justeru, pasukan saya sekarang sedang pun memulakan gerak kerja dengan mengadakan perjumpaan bersama dengan agensi-agensi yang saya katakan tadi termasuk Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Imigresen selain mendapat khidmat nasihat daripada pakar di pertubuhan buruh antarabangsa ataupun *International Labour Organization.* Kita telah pun berhubung dengan pihak ILO sekali untuk mengetahui apakah cara-cara dan juga sistem yang boleh diperkenalkan supaya kita dapat mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing ini. Kita sentiasa berharap dan berikhtiar akan ada penyelesaian terbaik yang dapat diguna pakai sama ada di peringkat negeri mahupun persekutuan supaya rakyat tempatan dapat kepentingan, manakala pelabur mahupun syarikat swasta di negeri Johor ini juga dapat meneruskan projek mereka demi pembangunan dan kemajuan negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu berkaitan dengan ramai warga negara kita khususnya rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura telah pun dibangkitkan. Seperti oleh Yang Berhormat Senai, Yang Berhormat Bekok, Yang Berhormat Pengkalan Rinting konon-kononnya memberi satu gambaran bahawa keadaan ekonomi dalam negeri kita ini tidaklah begitu mantap sehingga menyebabkan rakyat terpaksa ke Singapura untuk mencari pekerjaan dan sebagainya. Ada juga isu yang dibangkitkan contohnya peluang pekerjaan cukup kurang di negeri kita dan sebagainya. Kita sedar bahawa *cross boader employement* bukanlah satu isu yang baru. Ia berlaku sejak bertahun-tahun yang lalu, dan memang menjadi sesuatu yang sinonim di negeri Johor khususnya. Ramai rakyat kita yang sebenarnya bekerja di Singapura. Dan, kita juga sedia maklum, bahawa antara isu yang menjadi tarikan kepada mereka ialah isu pertukaran mata wang asing. Saya rasa setakat semalam, 3.04. Satu jumlah yang cukup menarik, yang menyebabkan ramai yang sebenarnya berhijrah, tetapi bukan berhijrah, tetapi bekerja di Singapura. Walaupun mereka terpaksa bangun awal dan sebagainya. Tetapi, itu tidak sebenarnya menunjukkan satu gambaran bahawa keadaan ekonomi di negeri Johor, begitu lemah dan tidak ada peluang pekerjaan di negeri Johor. Malah, pada hari ini kalau kita lihat di negeri Johor, kita ada banyak peluang pekerjaan. Peluang pekerjaan yang begitu banyak dan juga menawarkan gaji-gaji yang cukup lumayan, cukup *attractive*, dengan izin yang sebenarnya menggalakkan rakyat tempatan bekerja di Johor khususnya. Jadi, isu-isu yang dibangkitkan berkaitan, bahawa kos sara hidup, tidak ada peluang pekerjaan dan sebagainya, adalah isu-isu yang remeh cuba dipolitikkan dan sebenarnya tidak masuk akal.

Saya juga ingin menjelaskan di sini bahawa, setelah memegang portfolio Sumber Manusia selama 4 tahun, antara keunikan bidang kerja ini ialah menjadi orang

tengah, di antara industri dan rakyat. Kerap dibangkitkan seperti saya katakan tadi dalam Dewan yang mulia ini, bahawa tiada pekerjaan untuk rakyat di kawasan Ahli-Ahli Yang Berhormat, tidak ada kerja di negeri Johor, ramai yang menganggur dan sebagainya. Tetapi, apabila kita mengadakan perbincangan dengan pihak industri pula, pelabur dan sebagainya, antara keluhan utama mereka ialah tiada pekerja. Tidak cukup *main power* dengan izin. Pihak industri juga sentiasa mengeluh dengan kualiti graduan dan pencari kerja kita. Ini terjadi kerana terdapat *mis match* dengan izin. Di antara keperluan industri berbanding kelayakan serta kesiapsiagaan pencari kerja, dari segi aspek teknikal atau kemahiran, kebolehan atau kemampuan dan yang paling penting ialah sikap atau insaniah. Yang si pencari kerja, perlu ditingkatkan kualiti, diperkukuhkan jati diri, dilenyapkan sikap meninggi diri, dielakkan dari terlalu memilih kerja dan juga diterapkan pentingnya kerjaya yang dapat meningkatkan ekonomi dari duduk termangu dan menuding jari kerana tidak dapat kerja yang diidamkan. Mereka perlu cari kerja dan bukannya tunggu untuk kerja. Pihak majikan juga perlu diberi galakkan untuk menyediakan kadar gaji yang kompetitif, tidak terlalu bergantung kepada pekerja asing, memberi peluang kepada siswazah dan menyediakan pelan pembangunan kerjaya yang menarik untuk ditawarkan kepada pekerja mereka. Menyedari hakikat ini, kerajaan telah pun mengambil inisiatif untuk mewujudkan koordinator dan juga melihat kepada aspek-aspek yang telah saya bangkitkan tadi, supaya kedua-dua pihak dapat dibantu melalui Unit Swadaya Insan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya juga ingin memaklumkan di sini bahawa, rakyat tempatan khususnya yang mencari kerja boleh sentiasa ke *website* ataupun kepada portal Jobs Malaysia. Portal Jobs Malaysia adalah di bawah Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Tenaga Kerja dan sebenarnya sesiapa saja yang mendaftar dalam portal Jobs Malaysia ini, tidak dikenakan bayaran, bukan seperti agensi pekerja asing atau agensi pekerja swasta, di mana apabila mendapat pekerjaan, mungkin beberapa peratus daripada gaji mereka dipotong dan sebagainya.

Jadi, bagi mereka yang mengatakan tidak ada peluang pekerjaan di Johor, saya ingin jelaskan di sini, satu statistik, sepanjang tahun 2016, sepanjang tahun 2016 jumlah pekerjaan yang telah pun di *advertise* dengan izin, dalam portal Jobs Malaysia, dalam berbagai kategori yang dibawa oleh majikan-majikan, terdapat lebih kurang 78,014 jumlah pekerjaan yang kosong di negeri Johor, 78,000 dan pencari kerja pula yang mendaftar dalam portal Jobs Malaysia hanyalah seramai 26, 865 orang. Iaitu pencari kerja graduan dalam kategori tersebut adalah seramai 18,682 orang, pencari kerja bukan graduan, 8,183. Jadi, jumlah tawaran kerja kosong 78,000. Yang merebut tawaran tersebut hanyalah 26,000. Jadi, ada lebih kurang 50,000 lagi kerja kosong yang ada di negeri Johor, yang tidak diambil oleh mana-mana pihak. Daripada 26,000 yang telah pun mendaftar, yang telah pun dipanggil temu duga seramai 17,572 orang telah pun mendapat pekerjaan dari berbagai kategori termasuk pengurusan, profesional, juruteknik, pekerja sokongan perkeranian, pekerja perkhidmatan jualan, pekerja mahir pertanian, perhutanan, perikanan, pekerja kemahiran dan pertukangan, operator, mesin operator, pemasangan dan juga pekerja am dan asas. Jadi, berbagai kategori pekerjaan sebenarnya ditawarkan dalam portal Jobs Malaysia.

Jadi sekiranya Ahli-Ahli Yang Berhormat rasa di kawasan mereka, ramai yang menganggur, maklumkan kepada mereka supaya melihat kepada portal Jobs Malaysia tentang peluang-peluang pekerjaan yang ada di negeri Johor.

Yang Berhormat Bekok juga membangkitkan isu mengenai peluang pekerjaan di kawasan beliau, tidak ada pekerjaan dan sebagainya. Untuk makluman Yang Berhormat Bekok, sepanjang tahun 2016, terdapat 4,208 kerja kosong di kawasan Yang Berhormat itu sendiri, iaitu di Daerah Segamat. Jadi, ini merupakan peluang-peluang yang harus diambil oleh anak-anak tempatan, untuk mendapat pekerjaan daripada terus menjadikan isu ini sebagai isu politik dalam Dewan yang mulia ini dan mengelirukan rakyat di negeri kita ini.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin membangkitkan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Nusajaya. Menurut Nusajaya mengatakan bahawa di kawasan Bandar Gelang Patah, 24 jam dipenuhi oleh pekerja-pekerja asing yang keluar berehat di kedai-kedai dan juga menimbulkan masalah-masalah sosial dan mencadangkan supaya satu garis panduan diperkenalkan dan juga penempatan tetap di kemukakan, diadakan untuk pekerja-pekerja asing di kawasan beliau itu. Bermula 1 Januari 2016, kerajaan secara dasarnya telah pun mewajibkan majikan menyediakan penginapan mengikut standard minimum kepada semua pekerja asing yang digajikan di semua sektor kecuali perkhidmatan domestik asing.

Garis panduan penempatan standard minimum penginapan pekerja asing yang ditetapkan oleh Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Lembaga Pembangunan Industri dan Pembinaan Malaysia, adalah bertujuan untuk menentukan standard-standard minimum, penginapan untuk pekerja asing, menjaga kebajikan dan keselamatan pekerja asing, mengekalkan ketenteraman dan keharmonian sosial di kalangan masyarakat dan mematuhi standard antarabangsa berhubung pengurusan pekerja asing.

Melalui garis panduan ini, majikan adalah diwajibkan untuk mempastikan bahawa penginapan yang disediakan adalah mengikut standard-standard minimum yang ditetapkan oleh Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984, serta memastikan halaman dan bangunan penginapan yang disediakan sentiasa dalam keadaan selamat dan bersih. Mengenai cadangan mewujudkan *workers camp* seperti yang dibangkitkan Yang Berhormat Nusajaya, sebenarnya kerajaan telah pun melaksanakan perkara ini dengan menamakannya sebagai Penginapan Berpusat. Melalui penginapan berpusat, majikan adalah digalakkan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan seperti dobi, kedai, klinik kesihatan dan lain-lain kepada pekerjanya. Walau bagaimanapun, kaedah penginapan berpusat ini akan dijadikan sebagai pilihan sekiranya majikan melantik pihak yang ketiga untuk menyediakan kemudahan penginapan tersebut. Antara contoh penginapan berpusat di negeri Johor yang telah ada perakuan pematuhan oleh Jabatan Tenaga Kerja adalah seperti berikut; contohnya di kawasan Taman Cendana, Pasir Gudang, oleh Integrity Management Sdn. Bhd, di kawasan PTD 42668, Persiaran Siber, Kawasan Perindustrian Senai juga ada *workers camp*. Di kawasan Tahana, Jalan Tahana, Kawasan Perindustrian Tampoi, juga ada *workers camp* yang dikendalikan oleh pihak ketiga. Jadi, di Gelang Patah saya berharap selepas ini Yang Berhormat Nusajaya boleh mengusulkan kepada pihak ketiga untuk mewujudkan *workers camp* seperti ini, sepertimana contoh yang saya telah sebutkan tadi.

Dato' Speaker, sebelum mengundurkan diri, saya juga ingin menjawab satu lagi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Buloh Kasap iaitu berkaitan dengan cadangan untuk menaik taraf Pondok Polis di Felda Palong Timur. Untuk makluman, Ibu Pejabat mengambil maklum akan penambahan jumlah penduduk di kawasan

Palong Timur. Sehubungan itu, Ibu Pejabat akan menyediakan kertas kerja cadangan menaik taraf Pondok Polis ke Balai Polis untuk dimajukan ke Bukit Aman untuk tindakan selanjutnya. Walau bagaimanapun, ibu pejabat memerlukan masa bagi menyediakan kertas kerja di atas memandangkan beberapa faktor perlu diambil kira sebagai contoh, faktor sosial ekonomi, dilihat dari segi pekerjaan, tahap ekonomi penduduk, sektor lain seperti kadar indeks jenayah di kawasan berkenaan, jumlah penduduk, kepesatan pembangunan, kes-kes jenayah yang telah pun direkodkan, kes-kes trafik yang telah pun dilaporkan dan keperluan bagi kehadiran pihak polis untuk mewujudkan keadaan selamat. Selain daripada itu, kajian ini juga melibatkan pengukuhan perjawatan dengan mengambil kira bebanan kewangan yang akan ditanggung oleh kerajaan dari segi emolumen serta keperluan logistik yang lain. Jadi pihak kerajaan negeri, pihak PDRM akan mengambil kira mengenai keperluan di kawasan Felda Palong Timur tersebut.

Akhir sekali Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang telah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan di bawah portfolio saya dan saya telah cuba untuk memberi jawapan kepada isu-isu yang dibangkitkan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat perkara-perkara yang terlepas pandang, tindakan susulan akan diambil oleh ketua-ketua jabatan saya. Semoga segala yang tersimpul dapat dihuraikan, yang keruh dijernihkan, yang kurang ditambahkan. Sekian, terima kasih. Salam Muafakat Johor.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Perpaduan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ditangguhkan sehingga jam 2:30 petang.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1:05 tengah hari.

Persidangan disambung semula pada jam 2:30 petang.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan disambung semula. Kita masih dalam agenda, jawapan daripada atau penggulungan daripada Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Negeri. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Dijemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, Salam Muafakat Johor. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi rasa syukur di atas limpah izinNya maka persidangan Dewan Negeri pada kali ini bermula dengan Perasmian Pembukaannya oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dengan tegas membuat teguran serta peringatan dan nasihat bukan sahaja kepada penjawat awam kerajaan Johor, tetapi juga kepada semua Ahli Dewan, semoga kita sama-sama berusaha agar Johor kekal maju, aman dan makmur.

Perbahasan Ahli-Ahli Yang Berhormat turut menyentuh perkara-perkara di bawah portfolio saya yang amat membina dan dapat menambah baik peranan kerajaan *Team* Johor dalam memberikan khidmat kepada Bangsa Johor. Terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Kerajaan *Team* Johor dan mungkin Ahli-Ahli Yang Berhormat dari kumpulan tak ada *team* di sebelah sana tu, mungkin boleh

jadikan perbahasan *team* Johor sebagai ikutan dan panduan dalam membela masa depan Bangsa Johor.

Perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat merangkumi pembangunan sumber dan bekalan air. Kedua, penyelenggaraan dan penambah baikkan jalan dan jambatan. Ketiga, penyediaan kemudahan sistem telekomunikasi. Keempat, penglibatan kontraktor-kontraktor tempatan. Kelima, infra pengangkutan awam dan ada juga isu-isu berkaitan perumahan dan infrastruktur di kawasan Rancangan FELDA.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pembangunan sumber dan bekalan air. Air akan menentukan kekayaan sesebuah negara dalam dekad yang mendatang. Negara seperti India, China, Syria, Turki, Afrika, Pakistan, Brazil dan juga California, sering menghadapi krisis air. Sebagai contoh di India, kesemua 91 kawasan tadahannya, hanya mempunyai 29% simpanan takungan air. Negara kita tidak terkecuali daripada perubahan iklim, ancaman banjir, amalan pertanian yang tidak terkawal, termasuklah penggunaan air yang berlebihan.

Kita semua sedia maklum bahawa 90% air yang ada di muka bumi adalah air masin dari laut dan selat. Dan hanya 3% sahaja air yang boleh dirawat untuk tujuan kegunaan manusia. Itu pun 2% adalah dalam bentuk salji dan *iceberg* dengan izin. Dan, hanya 1% adalah air permukaan dan di bawah tanah untuk digunakan oleh 7 bilion manusia yang ada di muka bumi. Kita pun tahu 1.1 bilion penduduk dunia tidak mempunyai sumber air yang bersih. Sumber maklumat daripada *United Nation Human Council.*

Pertanyaan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mengkibol, Skudai, Bukit Batu, Yong Peng dan Machap berkehendakkan Ahli-ahli Yang Berhormat ni Tan Sri memahami bahawa cabaran pengurusan sumber air adalah di bawah tanggungjawab Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ) manakala kebolehan pengurusan bekalan air adalah di bawah tanggungjawab SAJ Ranhill Sdn Bhd.

Kenaikan tarif dan keuntungan syarikat yang dibangkitkan adalah di bawah kawalan SPAN, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air. Izinkan saya terlebih dahulu menghuraikan isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkaitan sumber air.

Kerajaan *Team* Johor telah membuat ketetapan agar BAKAJ diperkasakan. Bermula pada 23 Oktober 2014, Enakmen Air 1921 telah kita pinda bertujuan untuk memberi kuasa dan peranan yang jelas kepada BAKAJ dalam menjaga lima lembangan sungai utama dan tujuh lembangan sungai kecil di negeri Johor. Struktur organisasi BAKAJ akan diperkukuhkan dan diperluaskan dengan melantik kakitangan teknikal khidmat kepakaran selari dengan pindaan enakmen air tersebut.

Kerajaan *Team* Johor amat komited untuk memastikan supaya kualiti dan kuantiti sumber air mematuhi piawaian. Untuk itu, pada tahun 2017, pihak BAKAJ akan membelanjakan sebanyak RM14.7 juta sebagaimana yang dijelaskan di dalam titik sentuhan bajet 2017. Dalam menghadapi catuan bekalan air, kerajaan *Team* Johor telah dan akan membelanjakan sebanyak RM499.6 juta bagi melaksanakan projek pemindahan air agar loji-loji di empangan berkenaan mendapat bekalan air yang mencukupi. Malah, pada tahun ini juga kerajaan *Team* Johor telah bersetuju agar BAKAJ dibekalkan dengan kemudahan 7 bot peronda bagi memantau sungai-sungai utama di seluruh negeri Johor.

Usaha BAKAJ untuk meneroka sumber air alternatif telah pun digerakkan sementara kajian untuk mengenal pasti sumber air bawah tanah yang melibatkan kepakaran dalam dan luar negara telahpun bermula. Selain daripada itu, *desalination plant*, dengan izin, juga dipertimbangkan sebagai kaedah sumber bekalan air bagi pembangunan di Forest City.

Kedua, berkaitan pembangunan bekalan air. Kita amat menyedari bahawa SAJ Ranhill Sdn Bhd sebagai operator kepada semua 44 loji yang mempunyai keupayaan untuk memproses 1986 juta liter sehari, sentiasa berada dalam keadaan yang baik. Maka itu, bermula daripada tahun 2016, sejumlah 718.1 juta akan dibelanjakan untuk membina dan menaik taraf loji-loji rawatan air. Pembangunan sistem agihan dan penggantian tangki, pemulihan dan pengalihan paip, pengurusan residu, program NRW serta kerja-kerja kecemasan. Langkah-langkah ini di ambil adalah bertujuan untuk menangani isu-isu pencemaran seperti kemasukan ammonia, algae, kelodak, penerobosan air masin, konflik guna tanah, termasuklah jumlah hujan yang amat berkurangan.

Isu-isu operasional seperti kualiti air yang rendah adalah bersifat sementara dan dengan kecekapan, efisiensi serta tindakan segera oleh pihak SAJ, ianya akan dapat menyelesaikan masalah ini. Maka Yang Berhormat Machap bolehlah beritahu pengundi di kawasan Yang Berhormat bahawa kerajaan persekutuan melalui JPS dan kerajaan negeri akan melaksanakan projek saliran bandar, *by pass* Pekan Simpang Renggam dari Ulu Sungai Benut melepasi muka sauk loji Rawatan Air Benut. Projek ini dijadualkan akan dilaksanakan pada suku kedua tahun 2017 melalui peruntukan kerajaan persekutuan.

Maka itu Yang Berhormat, masalah ini yang dianggap sebagai jangka pendek akan dilaksanakan bersama bukan hanya oleh BAKAJ dan JPS tetapi juga dengan kerjasama daripada pihak kementerian. Selain daripada itu untuk makluman Yang Berhormat Machap, pihak BAKAJ akan melaksanakan pelepasan air daripada Empangan Machap dengan kebiasaannya dua kali sehari untuk tempoh 4 jam. Dan ini akan merendahkan kadar kandungan ammonia, namun sekiranya hujan lebat, maka kadar pencemaran ammonia ini yang bertambah, maka untuk itu Yang Berhormat, kerajaan negeri telah membelanjakan melalui SAJ banyak perkara. 550,000 untuk nak pasang *online analyzer*, 300,000 untuk naikkan sistem Pendos Klorin, 150,000 untuk *secondary chlorine dosing,* dengan izin, 100,000 lagi untuk menukar bahan kimia, 150,000 lagi untuk S*tream Current Monitoring* SCM dan juga kaedah-kaedah untuk mengubah laluan air supaya loji akan senantiasa berfungsi dan juga unsur ammonia ini dapat dikurangkan.

Jadi Yang Berhormat, walaupun pengundi Yang Berhormat kata dah letih dengar tentang hujah ammonia ini, jadi kita minta pengundi ni bersabar sikit. Kita akan buat perkara yang dah dikenal pasti sebagai langkah untuk mengatasi isu ammonia ini.

Sementara itu, untuk makluman Yang Berhormat Sedili, juga yang membangkitkan soal sumber air bersih yang sering kali terganggu. Kerjasama akan yang melibatkan BAKAJ, Pejabat Tanah Kota Tinggi, JMG dan JPS. Dengan kerjasama tersebut maka tiga telaga tiub di Loji Rawatan Air Gembut akan di bina dengan kos RM300,000.00. Dua telaga tiub di Loji Rawatan Air Lok Heng berjumlah RM200,000.00, kerja-kerja mendalamkan Sungai Gembut sepanjang 110 km dengan kos bernilai RM500,000.00 juga akan dilaksanakan. Ini semua adalah untuk menjamin kadar simpanan air

mentah di musim kemarau di kedua-dua loji itu supaya ianya terus dapat beroperasi untuk masa jangka pendek.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kenaikan tarif air adalah isu yang sensitif kepada kerajaan negeri. Maka itu sebarang kenaikan yang diumumkan oleh kementerian perlulah mendapat reaksi umum melalui sesi perjumpaan dan taklimat yang dianjurkan bersama pemegang taruh. Dalam konteks penyelarasan deposit yang dilakukan baru-baru ini, ianya adalah ke atas pemegang akaun lama dan ada dan ada sejak 20 hingga 30 tahun lalu, tak pernah di semak depositnya. Lagipun deposit sifatnya adalah hak pelanggan yang akan dipulangkan apabila tamat perkhidmatannya dengan SAJ. Bagi meringankan tanggungan deposit baru ini, maka kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta yang disediakan untuk membantu kepada mereka yang layak.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, isu kenaikan tarif dikatakan 25% naik pada bulan Ogos sebenarnya bukan 25% tapi hanyalah 14%. Setelah kerajaan meneliti impak yang berdasarkan kepada indek-indek harga pengguna serta beban kos yang dianggap meningkat. Jadi untuk itu, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin menarik pada persoalan yang dibangkitkan pada sidang Dewan yang memetik pelbagai angka tanpa melihat dalam konteks yang sebenar. Yang Berhormat melihat kepada pembangunan bekalan air di negeri Johor ini hanya dari segi aspek menukar paip yang bocor sahaja dalam menentukan tarif yang dikenakan. Sebenarnya pembangunan bekalan air adalah lebih daripada sekadar menukar paip yang pernah saya katakan sepanjang 21,000 km itu, tetapi ianya melibatkan pembangunan yang juga membabitkan pembinaan loji-loji rawatan air dan menaik taraf loji tersebut, pembangunan sistem agihan dan juga tangki-tangki di ganti, pemulihan dan pengalihan paip, pengurusan untuk NRW dan juga kerja-kerja yang bersampingan. Sejak daripada mula syarikat air di, ataupun *migrate* dengan izin kepada SPAN, sebanyak RM1.8 bilion telah dibelanjakan dalam tempoh operasi pertama hinggalah Januari tahun ini. Jadi sungguhpun kerja-kerja perbelanjaan modal ini dilaksanakan oleh pihak Pengurusan Aset Air Berhad, PAAB namun operator bekalan air seperti SAJ perlu membayar sewa pajak, *lease rental* yang dikenakan ke atas semua aset-aset bekalan air di negeri ini dengan kadar 6% setahun. Ini bermakna komitmen SAJ sememangnya sering, seiring dengan pembangunan bekalan air di negeri ini dan akhirnya memberi faedah kepada rakyat dalam konteks bekalan air yang berterusan dan berkualiti.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya beralih kepada soal penyelenggaraan dan penambahbaikan jalan dan jambatan.

Menentukan jalan-jalan dalam negeri Johor sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat telah mendorong kerajaan negeri melaksanakan kontrak berasaskan prestasi dengan melantik syarikat konsesi Infra Desa Sdn Bhd, Amona Infracare Sdn Bhd dan TETO Engineering Sdn Bhd. Malah dalam Rancangan Malaysia Ke-11, peruntukan sebanyak RM3.06 bilion telah dipohon sebagai cerminan betapa seriusnya kerajaan negeri untuk memiliki infrastruktur jalan yang lengkap. Isu yang berbangkit sama ada turapan jalan yang tidak sempurna, jalan yang memerlukan pelebaran, perabot jalan yang tidak mencukupi, keperluan *traffic light* baru, termasuk jambatan yang sempit, laluan basikan yang perlu diadakan, kesemuanya terangkum di dalam permohonan Rancangan Malaysia Ke-11.

Adalah diharapkan Ahli-Ahli Yang Berhormat Bukit Batu, Puteri Wangsa, Tenggaroh, Pasir Raja, Gambir, Maharani, Yong Peng, Bekok, Semerah, Johor Jaya, Mengkibol, Tanjung Surat, Senggarang, Tangkak, Yang Berhormat Tiram, Serom, Yang

Berhormat Kukup, Yang Berhormat Sedili, Rengit, Sungai Abong, Yang Berhormat Stulang dan Bukit Naning serta Senai, ambil maklum tentang peruntukan bahawa sebanyak RM650 juta akan dibelanjakan untuk menangani isu-isu yang dibangkitkan. Selekoh S di Kulai akan dapat dimulakan lebih awal daripada Oktober dengan kos sebanyak RM8 juta. Jambatan Bandar Mersing dengan kos RM8 juta juga akan di bina dalam tahun 2018 termasuk jambatan Sungai Tebrau, sebaik sahaja proses pengambilan balik tanah selesai diuruskan. Bagi jambatan Sungai Temangan, jambatan Sungai Karas dan jambatan Sungai Lendir di kawasan Bekok ianya adalah termasuk dalam projek membina semula jalan persekutuan FT001 dari Kampung Temu Jodoh ke Kampung Kwong Sai dengan jumlah RM90 juta akan dimulakan pembinaannya pada tahun ini.

Maka itu Yang Berhormat, harap ambil maklum, ini bukan cakap kosong, ini bukan alasan yang tak berguna, ini bukan janji yang tidak dipenuhi, ini adalah komitmen kerajaan *Team* Johor. (Dewan bertepuk). Sementara itu, terdapat juga pelaksanaan projek jambatan yang berada di peringkat reka bentuk dan ada yang di peringkat perolehan untuk dilaksanakan pada tahun ini. Dengan peruntukan sebanyak RM74.62 juta, maka Yang Berhormat Puteri Wangsa, bersabar ya, tak ada pula. Jambatan Sungai Tebrau di Jalan Maju Jaya, Seelong akan mula dilaksanakan pada tahun 2018. Puteri wangsa di depan Yang Berhormat. Sabar Yang Berhormat, kita akan buat, 2018 kita akan mulakan.

Yang berhormat Kukup jumlah kenderaan yang akan melalui jalan tersebut, akan berkurangan apabila fasa 2 jalan Pekan Nenas ke Tanjung Piai yang telah diluluskan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah siap dibina. Begitu juga apabila jambatan merentasi Sungai Pulai dari Tanjung Bin ke Tanjung Pelepas yang telah diluluskan oleh Unit Kerjasama Awam Swasta, UKAS siap dibina. Kertas cadangan pelebaran jalan dan pembinaan laluan basikal akan segera disediakan selari dengan jalan-jalan baru yang akan dibina oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan juga oleh pihak UKAS.

Untuk makluman Yang Berhormat Tiram, jalan utama dari Tiram ke FELDA Ulu Tebrau akan dibaik pulih dengan kos sebanyak RM200,000 pada tahun ini.

Manakala untuk Yang Berhormat Tanjung Surat Lebuh raya Senai – Desaru adalah di bawah Lembaga Lebuhraya Malaysia. Saya turut bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa keadaan jalan tersebut amatlah mendukacitakan dan saya percaya pihak kerajaan persekutuan akan mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk menambah baik keadaan jalan tersebut. Kawasan Pengerang Yang Berhormat, pesat membangun maka banyaklah terdapat kenderaan-kenderaan berat yang melalui jalan-jalan tersebut. Dan, lubang-lubang yang ditampal tidak dapat bertahan lama. Sebab itu banyak papan tanda yang bertulis, pembinaan sedang berjalan, kesulitan amat dikesali.

Yang Berhormat, walau bagaimanapun jajaran selorong 2 hala akan di naik taraf kepada 2 lorong, sehala daripada 2 lorong, satu lorong sehala kepada 2 lorong sehala akan dibuat lebih awal daripada perancangan. Walaupun *average daily traffic,* dengan izin, hanya 12,000 kenderaan sehari berbanding dengan keperluan 30,000 kenderaan sehari tapi akan dibuat lebih awal daripada perancangan.

Yang Berhormat Sungai Abong, merasa dukacita di atas jawapan berkaitan Lebuh raya Utara Selatan daripada Air Hitam ke Johor Bahru. Yang masih 2 lorong kerana jawapan LLM, lebuh raya tersebut masih lagi pada *level of service B*. Yang Berhormat Sungai Abong, *level of service B* bermaksud purata kelajuan kenderaan

pada jalan tersebut adalah antara 91 hingga 95 kilometer. Itu sekarang ini. Untuk menaik taraf, daripada 2 kepada 3 lorong *level of service* perlulah pada tahap D, iaitu kenderaan hanya berkelajuan antara 74 hingga 87 kilometer sejam dalam waktu biasa. Jadi, dengan itu Yang Berhormat Sungai Abong, janganlah bawa kereta laju-laju. Kalau perlahan mungkin akan ditambah satu lorong lagi. Ini dia jawab. Tambahan jawapan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, walaupun Yang Berhormat Johor Jaya membangkitkan lampu-lampu jalan dari susur keluar jambatan Taman Daya hingga ke persimpangan bertingkat Seri Alam sering menghadapi kerosakan lampu jalan, malah bukan itu sahaja, lampu jalan bagi laluan pesisir pantai turut menghadapi masalah yang sama. Saya ingin memaklumkan, masalah tersebut berpunca daripada terdapatnya isu vandalisme dan kecurian kabel yang berulang-ulang menyebabkan lampu tidak menyala. Pihak JKR akan segera membaiki sebaik sahaja peruntukan ini diterima.

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senai, pihak kerajaan negeri mengambil maklum bahawa terdapatnya jalan-jalan yang rosak akibat banjir. Pihak kerajaan negeri sedang menimbangkan satu peruntukan bagi membaik pulih jalan-jalan yang rosak akibat banjir tersebut dan ini termasuklah Jalan Selong Jaya 2 dan jalan di Taman Desa Idaman.

Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan, saya mendapati banyak juga isu-isu jalan yang dibangkitkan adalah jalan persekutuan, yang memerlukan masa untuk JKR Johor mendapatkan kelulusan permohonan peruntukan. Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang meminta jalan kampung di naik taraf kepada jalan negeri ianya kini adalah di peringkat perancangan. Betul lah kata Yang Berhormat Senggarang, trafik di persimpangan Parit Jabar, Parit Permatang dan jalan persekutuan F5 tu, antara Batu Pahat ke Pontian disediakan lampu isyarat dengan kos sebanyak RM500,000 itu sub sub sui kerana Yang Amat Berhormat telah bersetuju untuk meluluskan peruntukan.

YB Speaker : Sub sub sui, YB, sub sub sui tu dengan izin apa makna?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Dato' Tee kata Yang Berhormat perkara kecil lah. Jangan bangkit-bangkitkanlah. Sekali ini dah cukup.

Untuk makluman Yang Berhormat Maharani dan Bukit Naning, aplikasi telefon pintar bagi kerja penyelenggaraan jalan kampung telah pun dibangunkan dan dikenali sebagai aplikasi Jalan Kampung dot Johor. Penggunaan aplikasi ini telah pun bermula sejak November 2016 yang lalu. Tujuan utama aplikasi ini dibangunkan adalah untuk meningkatkan peranan kerajaan *Team* Johor dalam menentukan keberkesanan pelaksanaan penyelenggaraan jalan-jalan kampung. Aplikasi ini menyediakan maklumat tentang kerja-kerja yang akan dilaksanakan dan memberi ruang kepada *Team* Johor untuk membuat cadangan keutamaan jalan-jalan yang perlu dilaksanakan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, beralih kepada penyediaan kemudahan asas telekomunikasi. Pada 10 April 2017, kerajaan negeri telah memperluaskan Program Jalur Lebar Tanpa Wayar Percuma ke luar bandar dengan penambahan sebanyak 74 *hotspot* baru menjadikan keseluruhan 209 *hotspot* di bandar dan luar bandar. Ini adalah bertujuan untuk merapatkan jurang digital antara masyarakat luar bandar dan bandar. Sehingga suku ke 4 tahun 2016, penembusan jalur lebar di negeri

Johor adalah sebanyak 86.4% iaitu lebih tinggi daripada perkembangan jalur lebar peringkat nasional sebanyak 77.9%.

Sukacita dimaklumkan kepada Yang Berhormat Bukit Permai, terdapat menara telekomunikasi yang baru siap dibina pada bulan April, pada bulan Februari dan April tahun 2017 ini, di kampung Murni Jaya dan juga Kampung Seri Muar dan dijangka boleh beroperasi selewat-lewatnya suku ke-4 tahun 2017 ini.

Sementara untuk makluman Yang Berhormat Semerah, Yang Berhormat Bekok dan Tenang, pihak kerajaan negeri melalui SKMM telah merekodkan dan akan memberi keutamaan untuk program inisiatif pembangunan infrastruktur telekomunikasi yang selanjutnya. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa pembangunan Johor Wifi memerlukan adanya infra telco, adanya infra letrik dan adanya juga ruang hak milik tanah. Malangnya Kampung Orang Asli di Bekok tiada infra telco.

Mengenai soal penglibatan kontraktor tempatan yang dibangkitkan melalui isu-isu berkaitan dengan pembangunan sama ada landasan kereta api berkembar daripada Gemas ke Johor Bahru, sama ada pembangunan pengangkutan awam daripada Bukit Chagar ke Singapura, sama ada pembangunan kereta api laju dari Kuala Lumpur ke Singapura. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan kerajaan Team Johor telah menubuhkan satu entiti baru sebagai pusat untuk pembangunan keupayaan kontraktor Johor yang dipanggil *Johor Center For Contractor Development*, JCCD. JCCD berperanan untuk mengenal pasti dan memperjuangkan peluang-peluang kontrak yang boleh dilaksanakan oleh kontraktor tempatan. Sehingga kini sebanyak 150 hingga 200 kontraktor berprestasi tinggi Johor yang layak telah dikenal pasti untuk mengambil bahagian di dalam projek landasan berkembar elektrik Gemas – Johor Bahru. Ini adalah peluang-peluang untuk kontraktor tempatan Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Dan yang akhirnya, bagi infrastruktur pengangkutan awam, untuk makluman Ahli-Ahli Dewan, pihak Kementerian Pengangkutan telah menubuhkan Majlis Pengangkutan Negara, yang mana satu Pelan Induk Pengangkutan Awam Darat Zon Selatan ringkasnya RIPAD Zon Selatan sedang dirangka. Pihak kerajaan negeri akan mencadangkan kepada kementerian agar Pelan Induk Pengangkutan Awam Johor akan menjadi sebahagian daripada RIPAD Zon Selatan.

Dan juga, isu-isu berkaitan perumahan dan kemudahan asas di kawasan rancangan FELDA, sukacita dimaklumkan kepada Ahli Dewan bahawa satu jawatankuasa khas telah dibentuk yang dianggotai oleh saya selaku EXCO Kerja Raya dan Yang Berhormat EXCO Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi membincangkan hal-hal yang berbangkit di kawasan FELDA. Saya telah mengadakan satu siri perbincangan dengan pihak FELDA dan telah mencadangkan supaya jalan-jalan di kawasan FELDA di daftarkan di bawah MARRIS.

Untuk itu Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pada akhirnya saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Dewan yang telah mengutarakan suara hati rakyat serta telah dapat memperlihatkan betapa bersungguh-sungguhnya kerajaan *Team* Johor untuk menyediakan prasarana yang terbaik untuk rakyat. Saya yakin dan percaya bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Mohamed Khaled Nordin akan terus memastikan agar kemudahan infrastruktur negeri Johor lengkap, terkini dan mampu untuk menarik lebih banyak pelaburan di negeri Johor. Dasar dan proses dalam membuat pertimbangan perlulah mengambil kira keperluan infrastruktur

bagi menyokong pertumbuhan ekonomi masa depan dan jangka masa panjang di negeri Johor. Itulah sahaja jawapan yang dapat saya berikan dan berdoa moga-moga kita akan terus berusaha untuk menjadikan Johor sejahtera, harmoni serta terus maju dan membangun. Sekian terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh.

YB Speaker : Waalaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan. Dipersilakan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Selamat petang, salam sejahtera dan salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terlebih dahulu Pulai Sebatang menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang disampaikan oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor pada 4 Mei yang lepas dan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan yang mulia ini, kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk turut serta mengambil bahagian dalam sesi penggulungan perbahasan atas rundingan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor bagi Penggal Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor Yang Ke-13 pada hari yang berbahagia ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan khususnya perkara-perkara mengenai pelancongan, perdagangan dan kepenggunaan. Secara umumnya banyak perkara yang telah ditimbulkan semasa perbahasan dan saya akan memberi perhatian sepenuhnya terhadap semua saranan atau cadangan yang telah dikemukakan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, landskap pelancongan Johor telah berubah dengan ketara hasil daripada usaha promosi secara giat Johor berjaya mencatat peningkatan jumlah kedatangan pelancong seramai 3 juta orang dalam tempoh 3 tahun ini. Kerajaan negeri juga yakin bahawa *trend* peningkatan jumlah kedatangan pelancong ini akan berterusan. Selain peningkatan pelancong, perkembangan sektor pelancongan Johor jelas dilihat daripada beberapa aspek yang mempunyai hubungan langsung dengan sektor ini.

Pertamanya, peningkatan bilangan penerbangan terus ke Lapangan Terbang Antarabangsa Senai. Statistik Senai Airport merekodkan peningkatan laluan penerbangan terus sebanyak 6 laluan atau 66.67% iaitu daripada 9 laluan pada tahun 2012 kepada kini 15 laluan. Antaranya 9 adalah laluan domestik dan 6 laluan antarabangsa merangkumi Ho Chi Min, Bangkok, Surabaya, Jakarta, Huang Zhou, dan Shenzhen. Purata kekerapan penerbangan telah meningkatkan sebanyak 334%. Iaitu daripada 129 penerbangan setiap minggu pada tahun 2012 kepada kini 560 penerbangan setiap minggu.

Keduanya, statistik Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Johor merekodkan bilangan hotel bertaraf bintang di Johor adalah sebanyak 83 unit dengan 8,352 buah bilik pada tahun 2012 telah meningkat kepada 97 unit dengan 10,791 bilik setakat Februari tahun ini. Tambahan pula, 7 unit hotel bertaraf antarabangsa yang menawarkan 2,008 bilik sedang dibina dan dijangka siap menjelang tahun 2019. Bilangan pemandu pelancong juga meningkat daripada 840 orang pada tahun 2012, kepada 1,088 orang setakat Mac 2017. Iaitu, peningkatan sebanyak 248 orang. Bilangan agensi pelancongan di Johor pula menunjukkan peningkatan daripada 321 buah pada 2012 kepada 375 buah pada

tahun lepas. Ini merupakan bukti yang kukuh kesan perkembangan sektor pelancongan dan limpahan ekonomi kepada rakyat setempat. Setiap limpahan ini akan mewujudkan peluang perniagaan dan peluang pekerjaan yang dapat diambil bahagian oleh setiap lapisan rakyat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, peningkatan kedatangan pelancong ke negeri Johor ini, tidak mungkin akan dapat dicapai tanpa kerjasama serta sokongan berterusan daripada semua pihak. Di sini, saya mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan kepada agensi kerajaan, pihak swasta, penggerak-penggerak industri pelancongan dan pihak media yang turut bersama-sama membangunkan industri pelancongan negeri Johor. Tidak dilupakan juga kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, yang begitu prihatin dengan perkembangan industri pelancongan negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Tenggaroh menyentuh berkaitan infrastruktur pelancongan Johor, khususnya mengenai kemudahsampaian pelancong ke destinasi-destinasi pelancongan di Johor. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ECER memang mempunyai cadangan untuk membangunkan sebuah landasan kapal terbang di Mersing. Saya diumum, dimaklumkan ia adalah untuk kegunaan pesawat ringan. Walau bagaimanapun, cadangan ini masih di peringkat kajian. Selain itu, ECER mempunyai beberapa perancangan untuk pelancong yang menggunakan jeti Mersing dapat meluangkan lebih masa dan berbelanja lebih seperti pertama, mewujudkan pusat IKS Mersing di mana lokasinya adalah berhadapan dengan jeti Mersing. Kedua, pembangunan pelancongan Tanjung Penyabung, Mersing dan ketiga, menaik taraf *Homestay* Air Papan, Mersing menjadi Kampung Stay.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, usaha-usaha kerajaan negeri untuk mempromosikan produk pelancongan Johor, tidak hanya terhad dengan penganjuran acara pelancongan, penyertaan ekspo pelancongan, fan trip, penerbitan, risalah dan promosi *online* sahaja. Sebaliknya, kerajaan negeri turut bekerjasama dengan syarikat-syarikat produksi dari dalam dan luar negara. Antaranya, seperti produksi Koh Lanta dari Perancis bagi rancangan siri Survivor dan Guandong TV dari China bagi Rancangan *Milion Dollar Baby*. Oleh itu kerajaan negeri mengalu-alukan dan bersedia membantu sekiranya terdapat syarikat produksi India sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gambir untuk membuat penggambaran di Johor. Walau bagaimanapun, syarikat berkenaan perlulah menyelaras dengan jabatan berkaitan pada masa yang sama mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan, kerana aspek keselamatan negara dan adat resam budaya perlu diutamakan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sepanjang sesi perbahasan Dewan yang mulia ini pada kali ini, ramai Ahli-Ahli Yang Berhormat telah memuji prestasi pelaburan negeri Johor khususnya kepada sektor pembuatan yang menjuarai kedudukan No. 1 di Malaysia selama 4 tahun berturut-turut. Ia merupakan hasil kerjasama yang baik antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri, khususnya di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana mempunyai sebuah kerajaan yang berorientasikan pencapaian berhala tuju jelas serta mendukung Gagasan Johor Berkemajuan dengan semangat *Team* Johor. Saya ingin berterima kasih kepada semua jabatan dan agensi yang berusaha menjayakan kejayaan ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya tertarik dengan apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat Rengit. Kalau kita melihat prestasi pelaburan pada tahun lepas, jurnal Johor adalah 3 kali jurnal Selangor. 6 kali jurnal Pulau Pinang. Merekalah yang

perlu belajar dengan Johor. Jika kita perasan, kita jarang mendengar Selangor dan Pulau Pinang menceritakan tentang pelaburan mereka. Sebenarnya, apa yang kerajaan negeri perolehi dalam pelaburan dan perdagangan pada hari ini, bukanlah suatu yang datang dengan sendirinya. Bak pepatah Melayu, "Yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak dapat melayang". Apa juga yang kita laksanakan, perlu memandang kepada perancangan dan strategi. Sekiranya kita gagal merancang, kita sebenarnya merancang untuk gagal.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Johor fokus dalam kedua-dua pelaburan asing dan domestik. Pada tahun 2016, daripada RM26.4 bilion yang diperolehi, nisbah pelaburan asing kepada domestik adalah 42% kepada 58%. Apa yang kita bangga, Pelaburan Asing Terus atau FDI Johor, menyumbang sebanyak 41% kepada FDI Malaysia. Malaysia telah dinobatkan sebagai negara yang paling sesuai untuk pelaburan pada 2016, dan 45% pelabur yang datang melabur di Malaysia, memilih Johor sebagai destinasi pelaburan mereka. Ini bermaksud pelabur-pelabur mempunyai keyakinan terhadap kerajaan Barisan Nasional yang sedia ada.

Yang Berhormat Pengkalan Rinting seolah-olah kata pelaburan yang Johor terima tidak memanfaatkan rakyat tempatan, namun untuk maklumat Dewan yang mulia ini, berdasarkan statistik MIDA, RM26.4 bilion pelaburan sektor pembuatan Johor yang terdiri daripada 160 buah projek telah mewujudkan sebanyak 8,587 peluang pekerjaan. Kita perlu memahami bahawa setiap ringgit daripada projek pelaburan yang masuk pasti akan memberi limpahan kepada industri hiliran yang menyokong kepada rantaian ekonomi ini. Pihak kerajaan negeri melalui JSIC dan MIDA sentiasa berbincang dalam memastikan pelaburan yang masuk Johor mampu memberi peluang pulangan kepada semua pihak sama ada dari pihak pelabur dan juga rakyat.

Pada tahun lepas, terdapat lebih 20 buah negara telah memilih melabur di Johor dengan 10 pasaran utama iaitu Singapura, Korea, Neitherland, India, UK, Itali, Jepun, Jerman, China dan Taiwan. Sememangnya, kerajaan negeri akan terus mengadakan misi perdagangan ke mana-mana pasaran yang berpotensi untuk menarik masuk pelabur yang berimpak tinggi kepada Johor. Melalui pendekatan kerajaan yang mesra pelabur, semua pelaburan yang masuk akan dilayan dengan baik, tidak kira mana asas negara mereka. Mereka bagai tetamu kita, layanan baik ini membolehkan mereka mempromosikan Johor di peringkat global.

Di samping itu, kerajaan negeri menerusi JSIC, telah menerbitkan video korporat dan buku panduan pelaburan Johor pada tahun lepas. Maklumat dalam bahan-bahan promosi ini telah menjadikan rujukan kepada pelabur yang berminat melabur di Johor antaranya faktor-faktor *why* Johor, dengan izin, untuk menarik minat para pelabur. Pada tahun ini, JSIC akan menaik taraf lawan web supaya lebih mesra pelabur.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Parit Yaani, Yang Berhormat Stulang, Yang Berhormat Jementah dan Yang Berhormat Semarang telah menyentuh tentang kos sara hidup rakyat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan menerusi KPDNKK telah menganjurkan 120 buah program kepenggunaan melibatkan pelbagai peringkat pada tahun lepas. Pengguna seharusnya berbelanja secara berhemah memandangkan kini terdapat banyak pilihan di pasaran. Pengguna perlu bijak memilih barangan yang harganya berpatutan, manakala melaporkan kepada pihak KPDNKK sekiranya terdapat barangan yang dijual dengan harga yang terlampau tinggi.

Di kesempatan ini, suka saya memaklumkan kerajaan negeri dengan kerjasama KPDNKK Johor, akan mengadakan Karnival Jualan Mega Muafakat Johor 2017 pada 19 hingga 21 Mei 2017, selama 3 hari. Jam 10 pagi sehingga 10 malam di Dataran Parkir Stadium Perbandaran Pasir Gudang dan dan akan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada 19 Mei 2017 jam 3.00 petang. Diminta semua yang berada dalam Dewan menguar-uarkan program ini dan jom datang beramai-ramai. Ia merupakan salah satu program inisiatif menangani kos sara hidup rakyat, kerajaan negeri bagi menggalakkan pengguna menggunakan barangan jenama *in house* dengan izin, dan mendapatkan barangan terus daripada pengilang kepada pengguna pada kadar harga yang berpatutan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, menunjuk kepada isu yang dibangkit oleh Yang Berhormat Sungai Abong, berkenaan kenaikan harga barangan. Pihak KPDNKK telah melancarkan Ops Catut di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (Mekanisme untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah). Untuk menjalankan penguatkuasaan pematuhan kepada peraturan mekanisme, margin keuntungan bersih terhadap peniaga. Operasi ini memberi mesej kepada rakyat bahawa pihak kerajaan serius dalam menangani isu kenaikan harga.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sepanjang tahun 2016 sebanyak 27 kes telah dilapor, dan 2 kes telah dikompaun dengan jumlah kompaun sebanyak RM2,500.00.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, demikianlah beberapa perkara yang dapat saya jelaskan pada hari ini, dan saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat, yang telah memberikan pandangan dan cadangan mengenai isu-isu bawah portfolio saya dalam sesi perbahasan mereka di Dewan yang mulia ini. Kalau ada perkara yang terlepas pandang, mohon tindakan susulan daripada jabatan-jabatan di bawah portfolio saya. Sepanjang Persidangan Dewan yang berlangsung sehingga hari ini, saya memohon maaf sekiranya ada salah dan silap serta terlanjur kata. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pengerusi Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Dipersilakan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Bismillahirahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam muafakat Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih di atas peluang yang telah diberikan kepada saya untuk turut serta dalam penggulungan perbahasan atas rundingan menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor bagi Mesyuarat Pertama Pembukaan Rasmi Bagi Penggal Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor Yang Ke-13. Saya juga merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih, di atas keberangkatan Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor, wakil rasmi Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor merasmikan pembukaan bagi Penggal Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor pada 4 Mei 2017 yang lalu.

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan, cadangan serta pandangan tentang perkara-perkara yang berhubung kait

dengan jabatan-jabatan di bawah portfolio pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, hari ini saya ingin menjawab dua persoalan. Dua saja Tan Sri Speaker. Dengan kumpulan sasar portfolio saya iaitu yang pertama OKU, Orang Kurang Upaya. Yang Berhormat ADUN Tenang ada membangkitkan dengan langkah-langkah yang dibuat oleh kerajaan negeri untuk membantu golongan OKU bagi menjana pendapatan terutamanya dari segi peluang pekerjaan untuk membantu golongan seperti ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia, mendefinisikan Orang Kurang Upaya sebagai mereka yang pada suatu masa terhalang oleh keadaan fizikal atau mental dari melakukan aktiviti-aktiviti normal rakan sebaya seperti sosial, rekreasi, pelajaran dan juga vokasional. WHO juga turut menyatakan bahawa 1.3% penduduk sesebuah negara terdiri daripada golongan Orang Kurang Upaya. Dan sehingga April 2017, seramai 51,544 atau 12.2% orang kurang upaya telah pun mendaftar di Jabatan Kebajikan Masyarakat Johor berbanding 422,137 orang di seluruh Malaysia. Ini meliputi kecacatan cacat fizikal, pembelajaran, mental, penglihatan, pendengaran, pelbagai, dan juga pertuturan. Dan kerajaan negeri Johor amat prihatin kepada kebajikan golongan orang kurang upaya, terutama dalam meningkatkan taraf hidup mereka melalui peluang-peluang pekerjaan sama ada di sektor swasta ataupun kerajaan. Pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri Johor melalui dua agensi di bawah Portfolio Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor iaitu Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim dan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam memastikan golongan OKU mendapat peluang pekerjaan. Melalui inisiatif ini, ia menyokong kepada fokus utama Pelan Suara Hati Johor iaitu menangani kos sara hidup dan kesejahteraan rakyat.

Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor melaksanakan Program *Job Coach* kepada golongan sasar jabatan bagi memperkasa dan menghapupaya OKU terutama dalam peluang pekerjaan. Dan melalui program ini, di bawah unit Penempatan Pekerjaan Orang Kurang Upaya, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim, OKU akan di bantu oleh dua orang *job coach* Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim dengan mencari semadankan jawatan yang sesuai mengikut kelayakan dan keupayaan OKU di daerah masing-masing. Namun peluang pekerjaan dan jawatan adalah bergantung kepada tawaran oleh pihak majikan, dan apabila seorang itu diterima bekerja, mereka akan di bimbing oleh *job coach* dan di bantu oleh penyelia semasa proses penempatan pekerjaan. Semasa dalam proses penempatan pekerjaan, padanan kerja adalah amat penting bagi memastikan OKU yang di bantu mendapat pekerjaan yang sesuai dengan pekerjaan yang ditawarkan. Dan proses ini memerlukan penelitian dan perbandingan di antara skop tugas dan kecacatan yang dialami oleh OKU tersebut. Dasar itu bagi memastikan seseorang OKU selesa dengan pekerjaannya. *Job coach* akan melakukan kerja *job coaching* agar OKU yang di bantu benar-benar dapat mengikuti arahan tugas serta peraturan di tempat kerja dan *job coach* turut membantu pemantauan berkala di tempat kerja bagi memastikan OKU tersebut tidak menghadapi masalah di tempat kerja.

Dan selain daripada itu juga, majikan turut dimaklumkan bahawa pembayaran gaji terhadap pekerja OKU adalah sama seperti mana pekerja normal yang lain. Dan potongan elaun seperti KWSP, Socso turut di ambil kira atas kebajikan pekerja OKU. Dengan adanya *job coach*, pihak majikan tidak akan sewenang-wenangnya

melakukan diskriminasi terhadap pekerja OKU. Dan bagi menambah jumlah *job coach* sedia ada di Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim, program sukarelawan *job coach* 2016 telah dilaksanakan dan pada tahun itu, seramai 29 orang peserta mengikuti program kesukarelawan *job coach* ini yang terdiri daripada belia, NGO, orang persendirian dan juga majikan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sukarelawan *job coach* turut melaksanakan proses penjodohan pekerjaan sepertimana *job coach* jabatan bagi memastikan OKU selesa, dan berjaya ditempatkan di tempat pekerja. Dan bagi sukarelawan yang berjaya menempatkan seorang OKU bekerja, sukarelawan *job coach* tersebut akan menerima sagu hati RM500.00 bagi penempatan pekerjaan setiap orang OKU. Dan bagi tempoh pelaksanaan tempoh tersebut, seramai 17 OKU telah pun berjaya ditempatkan bekerja di bawah Program Sukarelawan *Job Coach* ini. Dan semenjak tahun 2010 hingga Disember 2016 seramai 127 orang kurang upaya telah ditempatkan bekerja di sektor swasta dan kerajaan oleh *job coach* Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim.

Pembukaan peluang-peluang kepada OKU ini dapat meningkatkan keyakinan, meningkatkan taraf hidup kerana memperolehi pendapatan sendiri dan seterusnya membuka minda mereka untuk terus maju. Dan ini kerana dengan mendapat peluang pekerjaan, OKU yang berpengalaman dan mulai berfikiran terbuka dan dapat mencari peluang yang lebih baik di tempat lain, selain turut membantu rakan-rakan yang lain dengan memaklumkan inisiatif yang kerajaan telah laksanakan. Dan melalui program *job coach* di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor pula, seorang individu yang berminat mesti bernaung di bawah satu organisasi, contohnya PDK ataupun badan-badan NGO yang lain dengan mengikuti kursus asas anjuran JKM selama lima hari sebelum boleh melatih OKU di tempat kerja yang bersesuaian. Dan *job coach* JKM layak menerima elaun RM15.00 sejam dengan nilai maksimum sebanyak RM900.00 sebulan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan iaitu membuat penilaian OKU yang dilatih, membuat penilaian tempat kerja, *job matching*, sokongan intensif, *natural support* dan *follow up*.

Sejak 2014 sehingga kini, seramai 40 OKU telah ditempatkan bekerja dengan penglibatan 39 orang *job coach*. Dan seterusnya, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor juga telah mengadakan Program *Job Fair* zon selatan yang disertai oleh negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan pada Ogos 2016 di MPC Bandar Baru Uda, Johor Bahru dan sebanyak 15 majikan yang telah pun terlibat yang datang sama iaitu antaranya KFC, McDonalds, kilang-kilang industri, pihak swasta, Jabatan Tenaga Kerja dan juga Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah dengan kehadiran seramai 300 orang peserta OKU. Dari jumlah tersebut, kira-kira 90 orang OKU yang sesuai telah di pilih untuk menyertai pekerjaan. Maknanya 30% telah pun mendapat pekerjaan.

Seterusnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam memastikan OKU turut berkemahiran, seterusnya dapat menyesuaikan diri dalam bidang pekerjaan, kerajaan negeri Johor turut memperuntukkan sebanyak RM1.4 juta yang mana empat bangunan PDK di bina setiap tahun dengan peruntukan RM350 ribu bagi sebuah PDK setiap tahun. Dan kini 73 buah PDK telah dibangunkan dengan keseluruhan pelatih seramai 2480 orang yang mana menempatkan seramai 1908 pelatih di PDK manakala 572 pelatih adalah di rumah. Dan program PDK adalah berteraskan kepada tiga model utama iaitu *home based, centre based* dan *centre-home based*.

Inisiatif kerajaan Johor ini mengangkat Johor sebagai negeri terbanyak PDK di seluruh negara. Dan antara objektif penubuhan PDK adalah untuk memberi kemahiran kepada OKU agar OKU itu sendiri boleh berdikari dan dapat menimba pengalaman sebelum bekerja di sektor yang lebih luas selain menggalakkan sikap prihatin, berdikari dan rasa bertanggungjawab masyarakat tempatan dalam proses pemulihan orang kurang upaya. Kemahiran ini termasuklah menjalankan aktiviti yang menjurus kepada pengeluaran produk-produk sama ada makanan ringan, jahitan, pembuatan kuih muih dan lain-lain dan akhirnya ia akan menjadi usahawan dalam bidang tersebut dan mempunyai pendapatan sendiri apabila keluar daripada PDK.

Dan segi kini untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Johor yang mempunyai 73 PDK dengan jumlah keseluruhan produk PDK yang dihasilkan oleh setiap PDK melebihi 150 produk hasil dari usaha pelatih-pelatih PDK itu sendiri. Sungguhpun pelatih PDK menghasilkan produk mereka di PDK, ia sebenarnya mendapat perkongsian hasil jualan daripada hasil yang terjual.

Seterusnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan negeri Johor juga menaik taraf bengkel sampul surat orang kurang upaya di Batu Pahat dengan peruntukan pada tahun ini sebanyak RM200,000.00 yang mana apabila siap nanti akan membuka peluang pekerjaan kepada 50 orang kurang upaya untuk bekerja dan meningkatkan pendapatan mereka. Dan sehingga kini, terdapat 56 orang kurang upaya yang sedia ada bekerja di bengkel tersebut termasuklah daripada pelatih-pelatih daripada PDK.

Seterusnya kerajaan negeri telah merangka satu program baru dengan membina dan menubuhkan taska dan tadika OKU kategori pekak dan bisu yang akan ditempatkan di *YPJ Youth Centre* Bukit Senyum, Johor Bahru dengan kelulusan peruntukan pada tahun 2017 sebanyak RM300,000.00 bagi tujuan kerja-kerja awalan pembinaan dan di jangka mula beroperasi pada tahun 2018. Apabila tertubuhnya taska dan tadika OKU kategori pekak dan bisu ini, Johor menjadi kerajaan pertama menubuhkan taska dan tadika OKU menggunakan peruntukan sepenuhnya dari kerajaan negeri dan taska ini akan di urus selia oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim dengan kerjasama Persatuan Orang Pekak Johor. Dan penubuhannya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, memberi manfaat kepada golongan kanak-kanak OKU pekak bisu, ibu bapa OKU pekak bisu dan orang dewasa pekak bisu yang mana sebahagian pekerja taska ini juga adalah di kalangan orang pekak bisu. Dan penubuhan taska dan tadika OKU ini adalah bagi memastikan kanak-kanak OKU mendapat pendidikan awal terbaik sebelum melangkah ke pendidikan yang lebih formal di Sekolah Pendidikan Khas.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di sini juga saya memohon kerjasama daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga pemimpin-pemimpin masyarakat agar menguar-uarkan manfaat yang boleh di terima oleh masyarakat orang kurang upaya dan menyeru kepada semua OKU untuk mendaftarkan diri sebagai pemegang kad OKU bagi memperolehi manfaat-manfaat yang diberikan kerajaan negeri ataupun persekutuan. Dan sebenarnya lebih banyak manfaat yang diberikan oleh kerajaan seperti bantuan kewangan yang meliputi elaun pekerja cacat, elaun OKU tak bekerja, pesakit terlantar, elaun kepada pelatih-pelatih PDK dan juga penempatan di institusi-institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, yang kedua kumpulan sasar di bawah portfolio saya adalah kanak-kanak. Terima kasih Yang Berhormat ADUN Kempas yang telah pun membangkitkan mengenai dengan keperluan untuk memberi keberkesanan

kepada remaja-remaja untuk menjalankan aktiviti mereka dan persekitaran selamat pada setiap masa.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan negeri Johor menzahirkan rasa simpati yang amat mendalam terhadap kes kemalangan berbasikal pada 18 Februari 2017 yang melibatkan 16 orang remaja dengan kematian direkodkan lapan orang dan kecederaan juga lapan orang. Sumbangan berbentuk kewangan oleh kerajaan negeri telah pun diserahkan bagi meringankan beban keluarga dan tujuh kaunselor JKM telah terlibat dalam beberapa siri lawatan. Sekurang-kurangnya sekali bagi keluarga mangsa dan sentiasa berhubung dengan ahli keluarga bagi mengemas kini keadaan dan status mangsa yang cedera serta sesi-sesi kaunseling.

Sehubungan itu kerajaan negeri amat komited membendung masalah sosial terutama melibatkan remaja melalui pelbagai program dan inisiatif, antaranya yang berbentuk kaunseling, perlindungan serta pemulihan. Dan kerajaan merancang pelbagai program jangka pendek dan jangka panjang bagi memastikan golongan kanak-kanak dan remaja menggunakan masa terluang kepada aktiviti yang berfaedah. Melalui agensi-agensi di bawah portfolio pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat negeri Johor, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, LPPKN telah memulakan beberapa inisiatif untuk program jangka pendek, lanjutan daripada isu tersebut. Pada 12 April 2017, LPPKN telah turut serta dalam program anjuran Komuniti Berbasikal *Happy Riders Connect* dan PDRM. Dan program ini adalah program berbasikal secara selamat dan pencegahan jenayah dan dijalankan di Sekolah Menengah Tun Syed Nasir Ismail, Kampung Dato' Sulaiman Menteri, Johor Bahru. Dan program ini insya-Allah akan menjelajah di sekitar sekolah di Johor Bahru sepanjang tahun 2017. Dan LPPKN mengadakan sesi ceramah pencegahan supaya memberi penekanan kepada penjagaan mereka untuk mereka mengelak terjebak kepada gejala yang kurang sihat. Dan bagi jangka masa panjang pula Yang Berhormat Tan Sri Speaker, LPPKN sentiasa melaksanakan program untuk remaja melalui Kafe@TEEN iaitu pusat interaktif remaja yang terletak di pusat keluarga LPPKN Nusa Bestari, Skudai dan juga di UTC Galleria, Kotaraya dan juga di Klinik Nur Sejahtera, Batu Pahat. Kafe@TEEN telah diwujudkan sejak tahun 2012. Dan di sini remaja di bimbing melalui sesi *TEEN Chat* dan juga *TEEN Talk* oleh *Teen Educator* tentang isu-isu masa kini remaja seperti kesihatan, seksualiti dan pengurusan diri remaja. Dan pegawai psikologi juga disediakan bagi membantu remaja yang ingin mendapatkan perkhidmatan kaunseling. Dan remaja juga digalakkan untuk hadir di Kafe@TEEN sebagai salah satu aktiviti melepak secara sihat dan mereka boleh bertukar-tukar pandangan dengan remaja yang lain. Dan bagi memastikan pengisian kerohanian remaja Johor, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim melalui modul sakinah yang telah diguna pakai seperti Program Remaja Sakinah, Program Minda Insan dan juga Proseed.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kerajaan negeri Johor amat serius bagi menangani isu ini. Dan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor pada 20 April 2017 yang lalu, telah pun meluluskan Penubuhan Jawatankuasa Bertindak Menangani Isu Remaja Berbasikal Negeri Johor. Dan penubuhan jawatankuasa ini adalah bagi mengenal pasti masalah sebenar remaja dan mengenal pasti setiap fungsi dan peranan setiap agensi dan NGO bagi mencari jalan menangani isu tersebut. Jawatankuasa yang telah dipersetujui ini akan dianggotai oleh Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat bertindak sebagai Pengerusi, dan di bawahnya adalah jabatan-jabatan iaitu Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor selaku urus setia, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Ketua Polis

Negeri Johor, Pengarah Jabatan Agama Islam, Datuk Bandar Bandaraya Johor Bahru, Pengerusi PIBG Negeri Johor, Pengarah Kesihatan Negeri Johor, Jabatan Penerangan Negeri Johor, Pegawai Daerah Johor Bahru, Pengarah RELA Negeri Johor dan Pengarah Belia dan Sukan Negeri Johor. Dan insya-Allah kita akan menambah lagi jabatan-jabatan yang lain yang kita fikirkan perlu untuk mendapatkan pandangan dan juga kerjasama di dalam menangani permasalahan ini.

Bagi menangani masalah di kalangan remaja ini, tanggungjawab bukan sahaja terletak kepada inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan, tetapi semua pihak perlu memainkan peranan penting dan memikul tanggungjawab memastikan kanak-kanak ini di*channel*kan ke aktiviti yang bermanfaat seperti persatuan belia atau badan-badan bukan kerajaan. Masyarakat sekeliling dan yang paling penting adalah peranan yang dimainkan oleh ibu bapa sejak awal di rumah, dan ini sekali gus mencerminkan bahawa pelbagai inisiatif telah dilaksanakan, namun keprihatinan dan kesedaran di pihak keluarga dan masyarakat atas apa yang berlaku di sekeliling perlu ditambah baik agar inisiatif dapat dihayati dalam pelaksanaan, sekali gus memastikan permasalahan ini dapat dibendung dan tidak berulang.

Yang Berhormat Tan Sri,saya akhiri penggulungan saya dengan sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan dan pendapat dan juga persoalan yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang dan tanggungjawab saya. Dan, saya cukup pasti bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, portfolio Pembangunan Wanita dan Masyarakat adalah satu portfolio yang bertanggungjawab kepada kumpulan-kumpulan sasar terdiri daripada kanak-kanak hinggalah kepada warga emas di negeri Johor ini. Dan, saya mengharapkan Ahli-Ahli Yang Berhormat akan terus memberikan sokongan dan pandangan serta teguran yang membina terhadap perjalanan jabatan-jabatan di bawah portfolio dan tanggungjawab saya. Demi kelangsungan Johor Berkemajuan dan pengukuhan Muafakat Team Johor itu sendiri. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wasalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat, akhirnya dipersilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat petang, salam sejahtera, salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kesempatan diberikan untuk saya menyampaikan ucapan penggulungan bagi pihak kerajaan dalam Persidangan Penggal Kelima Bagi Dewan Negeri Johor Ke-13.

Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk menjunjung kasih, menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas titah ucapan Yang Amat Mulia Sultan Ibrahim Ibni Al Marhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Takzim sempena perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor Yang Ke-13. Saya juga merafak sembah, menjunjung kasih di atas keberangkatan Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor mencemar duli untuk mewakili ayahanda baginda bagi merasmikan pembukaan penggal Persidangan kali ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada pentadbiran kerajaan negeri yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang kita kasihi, yang dengan jelas lagi nyata telah berjaya meletakkan nama Johor bukan sahaja di persada tanah air malahan juga di rantau ini. Walaupun dalam keadaan ekonomi global yang semakin mencabar, negeri Johor masih mampu untuk menambah rizab simpanan dan mengekalkan rekod pelaburan yang tertinggi di Malaysia. Di mana titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku tempoh hari, baginda memberikan kepercayaan penuh pada Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk terus menerajui barisan pimpinan negeri Johor.

Saya secara peribadi mengambil berat dan peka terhadap setiap bait-bait yang terdapat dalam titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku tempoh hari lebih-lebih lagi perkara-perkara yang menyentuh portfolio saya iaitu berkaitan soal Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sesungguhnya keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Tuanku terhadap pembangunan negeri amat disanjung tinggi, malah saya yakin dan percaya ia akan memberi impak yang sangat positif terhadap pentadbiran kerajaan negeri apabila ia dijadikan amalan biasa dalam budaya kerja penjawat awam mahupun swasta.

Seharusnya prinsip kedua dalam Rukun Negara iaitu Kesetiaan Kepada Raja Dan Negara perlu didukung oleh semua. Kita semua mengetahui bahawa semua urusan pentadbiran kerajaan negeri sebenarnya sentiasa mendapat perkenan dan dimaklumkan pada Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Dan, perkara ini bukan sekadar di negeri Johor tetapi juga di negeri-negeri yang lain. Raja dan rakyat berpisah tiada. Itu lah ungkapan yang perlu dipegang oleh semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan sentiasa tidak membelakang urusan pentadbiran kerajaan negeri daripada pengetahuan Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang menyentuh perkara-perkara berkaitan portfolio saya khususnya dalam soal-soal Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sememangnya banyak perkara yang telah dikemukakan semasa dalam sesi perbahasan,sama ada dalam bentuk soalan, cadangan, sokongan malah tidak kurang juga yang respons dalam bentuk teguran. Walau apa pun, rupa dan ragam respons yang diberikan, kerajaan negeri akan sentiasa berlapang dada untuk menilai setiap soalan dan memberi perhatian akan segala cadangan yang sesuai demi memastikan perancangan ekonomi yang saksama lagi seimbang bagi mencapai matlamatnya Johor Berkemajuan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi sektor perumahan, Manifesto kerajaan Barisan Nasional dalam pilihan raya umum yang ke-13 tahun lalu telah menjanjikan kepada rakyat untuk membina hanya 6,000 unit Rumah Kos Rendah dan Rumah Mampu Milik yang akan disiapkan sekiranya memenangi pilihan raya 2013. Alhamdulillah, setelah kerajaan Barisan Nasional mendapat mandat sekali lagi pada pilihan raya yang lalu, langkah pertama yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor sejurus beliau dilantik untuk mengetuai kerajaan adalah dengan mewujudkan apa yang disebut Jawatankuasa *Task Force* Perumahan Negeri Johor yang dipengerusikan oleh beliau sendiri.

Antara tujuan Jawatankuasa *Task Force* Perumahan Negeri Johor ini adalah untuk mencari jalan penyelesaian pembinaan Rumah Mampu Milik dan Rumah Kos Rendah bagi golongan pertengahan dan ke bawah. Hasil dapatan tinjauan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan maklum balas yang diperoleh daripada

jawatankuasa ini, sebanyak 180,000 unit Rumah Kos Rendah yang sepatutnya di bina telah gagal untuk dimajukan. Atas sebab itu, melalui Jawatankuasa *Task Force* Perumahan ini, kita telah memanggil pemaju-pemaju terlibat untuk meneruskan aku janji pembangunan Rumah Kos Rendah di mana yang telah diluluskan di dalam Kebenaran Merancang di seluruh Johor. Hasilnya, pada tahun 2013, sejumlah 28,000 unit Rumah Mampu Milik Johor dijangka akan dapat disiapkan menjelang pada tahun 2018. Itu *target* pada tahun 2013. Walau bagaimanapun, jumlah ini telah meningkat kepada 37,000 unit Rumah Mampu Milik Johor dan kemudiannya pada tahun 2016 sasaran kita telah tingkatkan lagi kepada 60,000 unit menjelang tahun 2020.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan, persoalan jumlah Rumah Mampu Milik Johor yang siap dibina yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Batu dan Yang Berhormat Skudai berdasarkan rekod yang berdaftar di SUK Perumahan, daripada tahun 2014 hingga Disember 2016 adalah sebanyak 11,334 unit rumah mampu milik johor yang telah dapat siap dibina. Daripada jumlah ini sebanyak 5,401 adalah Unit Perumahan Komuniti Johor A, 1,661 unit Perumahan Komuniti Johor B, dan 4,272 adalah Rumah Mampu Milik Johor yang telah berjaya disiapkan. Saya ada mendengar pihak di sebelah sana membangkitkan keraguan seolah-olah kerajaan negeri tidak mampu untuk mencapai sasaran pembinaan Rumah Mampu Milik Johor seperti mana yang dijanjikan sebelum ini. Hakikatnya di samping komitmen yang dilafazkan oleh kerajaan negeri, gerak kerja pemantauan dan jaringan kerjasama pelbagai agensi memangkin penyelarasan data ini dilakukan secara berkesan.

Yang Berhormat Speaker, sebagai contoh, semakan pembangunan Rumah Mampu Milik Johor ini dijalankan oleh setiap Pihak Berkuasa Tempatan terhadap kemajuan pelaksanaan oleh pemaju-pemaju secara kerap di mana Mesyuarat *Task Force* Perumahan di peringkat daerah dilaksanakan setiap bulan, setiap sebulan sekali. Laporan-laporan kemajuan pelaksanaan ini seterusnya diserahkan kepada pihak SUK Perumahan untuk pemantauan secara berkala. Melalui pendekatan ini SUK Perumahan dapat merekodkan jumlah sasaran yang relevan berdasarkan peratusan kemajuan pembinaan. Dalam masa yang sama segala butiran, perincian pembangunan dapat diperolehi bagi memastikan setiap pembangunan disiapkan dalam masa 2 hingga 3 tahun pembinaan daripada tarikh kelulusan pelan bangunan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terdapat segelintir pemaju-pemaju projek perumahan khususnya di daerah-daerah kecil yang mengambil peluang untuk tidak membina Rumah Mampu Milik Johor disebabkan pembangunan yang berskala kecil iaitu kurang daripada 3 ekar. Adalah didapati bahawa setengah pemaju memang sengaja membuat pecah tanah pada luas yang lebih kecil kerana ingin dibangunkan tanah itu untuk tidak membina Rumah Mampu Milik Johor di kawasan perumahan yang ingin dibangunkan. Pihak kerajaan negeri juga mendapati ada segelintir pemaju masih lagi keberatan untuk mematuhi Dasar Perumahan Rakyat Johor yang telah diperkenalkan pada tahun 2014. Berdasarkan klausa mekanisme dalam Dasar Perumahan Rakyat Johor, kerajaan negeri mempunyai mekanisme pemantauan projek perumahan seperti berikut :

1. Setiap pembangunan 20% pemajuan perumahan selain daripada rumah, perumahan dasar, selain daripada rumah-rumah dalam Dasar Perumahan Rakyat Johor iaitu PKJ A, PKJ B dan RMMJ perlulah mula dibina, membina komponen Dasar Perumahan Rakyat Johor ini, setiap. Saya ulang balik. Setiap pembangunan 20% pemajuan perumahan, selain daripada rumah dalam

kategori Dasar Perumahan Rakyat Johor perlu mula dibina komponen-komponen yang dalam dasar Perumahan Rakyat Johor.

2. Setiap pembangunan 40%, pemaju perlulah membina sekurang-kurangnya 50% daripada komponen Dasar Perumahan Rakyat Johor.

3. Setiap pembangunan 60% pemajuan perumahan, pemaju perlu lah menyiapkan 50%, pemajuan dan memperolehi sijil siap yang dimajukan kepada SUK Perumahan untuk dijual.

4. Setiap pembangunan 80% pemajuan perumahan, perlu memulakan baki lagi 50% komponen dasar Perumahan Rakyat Johor.

5. Dan 100% pemajuan, yakni setelah mendapat CFO dan CCC perlulah sekurang-kurangnya memperolehi baki 50% komponen dasar perumahan. Komponen yang terdapat dalam Dasar Perumahan Rakyat Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Bentayan ada mempertikaikan mengenai perwujudan kuota menegak kerajaan yang katanya orang-orang yang mempunyai kabel politik sahaja akan dapat Rumah Mampu Milik. Hakikatnya untuk makluman Dewan yang mulia ini, kuota menegak kerajaan diadakan adalah dengan tujuan diagihkan oleh para pemimpin setempat kepada mereka yang betul-betul layak dan memerlukan tetapi tertinggal ataupun terlepas daripada mereka mendapat kelulusan. Hanya pemimpin setempat sahaja yang tahu masalah penduduk di kawasannya yang benar-benar memerlukan rumah mampu milik. Dan, mereka ini juga dikenakan syarat pemilikan rumah yang sama dengan orang awam yang lain. Dari segi pendapatan dan pemilikan rumah.Ini bukan boleh sewenang-wenangnya diagihkan kepada sesiapa sahaja.

Yang Berhormat Bentayan juga membangkit isu kuota bumiputera yang tidak realistik, yang tidak mengikut prinsip penawaran dan permintaan. Untuk makluman Yang Berhormat kerajaan yang ada sekarang ini adalah kerajaan yang bertanggungjawab dan menjaga kepentingan semua kaum supaya semua kaum dapat menikmati kemakmuran dan kekayaan negeri ini secara saksama. Sekiranya pasaran tanah dibuka mengikut kuasa permintaan dan penawaran maka *money power* dengan izin akan berleluasa, hanya yang memiliki wang dan modal yang besar akan memiliki hartanah.
Oleh itu untuk menjaga kepentingan bumiputera dan supaya masyarakat bumiputera sama-sama menikmati kemakmuran dan kekayaan negara. Maka kuota bumiputera telah diperkenalkan dan dikawal oleh kerajaan.

Mengenai segolongan menengah yang menghadapi kesukaran memiliki rumah kerana mereka tidak layak memohon Rumah Mampu Milik Johor tetapi dalam masa yang sama tidak mampu membeli rumah biasa kerana kos rumah yang agak tinggi. Menurut Yang Berhormat Bentayan harga rumah biasa meningkat adalah akibat elemen subsidi Rumah Mampu Milik Johor dan bayaran pelepasan lot bumiputera 7.5% yang dikenakan oleh kerajaan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sekiranya kerajaan tidak memperkenalkan dasar Rumah Mampu Milik Johor maka bukan sahaja golongan pertengahan tidak dapat memiliki rumah, golongan yang berpendapatan rendah juga akan turut gagal memiliki rumah kerana pemaju sudah tentu akan berlumba-lumba membina rumah yang mahal untuk memaksimumkan keuntungan mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat juga golongan pertengahan boleh membeli rumah yang diperkenalkan ataupun dibina melalui program PRIMA, Perumahan Rakyat 1 Malaysia yang mensasarkan 21,540 unit rumah untuk golongan pertengahan ini di negeri Johor sehingga tahun 2020 yang menawarkan harga antara RM200,000.00 hingga RM400,000.00. Mengenai Rumah Mampu Milik Johor yang dijadikan rumah sewa atau satu kaedah mengaut keuntungan dengan jualan semula di pasaran terbuka. Sememangnya kerajaan negeri amat mengambil berat tentang isu ini. Sebab itu kerajaan negeri menetapkan moratorium selama 10 tahun pemilikan barulah Rumah Mampu Milik Johor boleh dijual. Itu pun dengan syarat pemilik sudah ada pengganti rumah yang baru yang ia hendak, dengan syarat pemilik sudah ada pengganti kepada rumah mampu milik yang nak dijual itu. Ada sesetengah pemilik semasa mohon, dia masih menetap di negeri Johor tetapi setelah ditawarkan rumah mampu milik, dia telah pun, dia pula berpindah ke negeri lain sama ada untuk mencari rezeki yang baru ataupun bertukar tempat kerja. Maka sudah tentu rumah tersebut, biasanya dijadikan rumah sewa. Walau bagaimanapun, isu-isu seperti penyewaan ini adalah isu terpencil dan peratusannya tidaklah terlalu tinggi dan kerajaan negeri sedang mengkaji strategi untuk mengatasinya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Gambir. Pihak kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi golongan yang mempunyai masalah pinjaman dengan pihak bank disebabkan ketiadaan *pay slip* dan bekerja kampung menerusi Skim Pembiayaan Pinjaman Rumah Mampu Milik Johor (PRMMJ) yang telah dibuat antara pihak Ambank Islamic Berhad dan Kerajaan Negeri Johor.

Menerusi skim berkenaan, pemohon yang mempunyai masalah untuk memperoleh pinjaman dari bank, daripada pihak bank swasta boleh dilonggarkan syaratnya bagi memperoleh pinjaman dengan pihak Ambank Islamic dengan syarat, pemohon hendaklah, pemohon berkenaan merupakan rakyat negeri Johor, penerima sijil layak milik rumah mampu milik, pernah gagal mendapat pembiayaan daripada mana-mana institut kewangan, harga rumah mampu milik dalam lingkungan RM42,000.00 hingga RM150,000.00 dan tiada rekod negatif dalam CCRIS. Setakat ini sebanyak 46 permohonan telah diterima dan sebanyak 1,000 borang telah dikeluarkan kepada orang awam yang layak. Dan pada hari ini, kita telah meluluskan seramai 8 orang dalam skim ini.

Selain daripada itu, atas keprihatinan pihak kerajaan juga, untuk mereka-mereka yang layak, kerajaan negeri juga menawarkan skim sewa beli untuk rumah-rumah Perumahan Komuniti Johor A dan Perumahan Komuniti Johor B sahaja. Selain daripada itu, atas keprihatinan pihak kerajaan negeri juga telah membantu pemohon yang telah mendapat kunci Rumah Mampu Milik Johor telah diberikan RM1,000.00 dalam bentuk baucar yang telah disediakan dalam membantu meringankan beban mereka dalam proses perpindahan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ini soal penambahbaikan, pengurusan, perumahan lot bumiputera. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan negeri pada 22 Mac 2017 yang lalu, telah menubuhkan jawatankuasa khas bagi mengkaji semula pelaksanaan prosedur perumahan di negeri Johor khususnya untuk pelepasan kuota unit bumiputera.

Antara objektif penubuhan jawatankuasa ini ialah untuk mengenal pasti isu-isu dan kelemahan berkaitan pengurusan perumahan unit bumiputera, mengumpul cadangan yang munasabah untuk dijadikan penambahbaikan dalam prosedur

pengurusan rumah tersebut. Antara cadangan penambahbaikan dari segi pelepasan lot bumiputera yang telah dibentangkan dan diterima oleh kerajaan negeri.

Yang pertama, tempoh permohonan pelepasan pemaju mestilah setelah 12 bulan daripada tarikh duti setem perjanjian tambahan yakni *Supplementary Agreement* antara pemaju dan kerajaan negeri. Dalam dasar yang lama hanya memerlukan 9 bulan dari tarikh permit jualan atau tarikh perjanjian ditandatangani.

Yang kedua, permohonan pelepasan hanya boleh dibuat setelah kemajuan fizikal di tapak mencapai 70% siap. Dasar yang sebelum ini hanya 50% dari kemajuan fizikal di tapak.

Yang ketiga, garis panduan iklan di akhbar adalah seperti berikut:
1. ukuran iklan 5" x 5",
2. jenis tulisan mestilah dengan terang dan nyata menunjukkannya unit bumiputera,
3. Yang ketiga, jumlah unit bumiputera dan harga minimum jualan perlulah jelas.
4. tarikh iklan adalah terkini. Dasar sebelum ini, iklan dibuat mengikut kehendak pemaju.

Yang keempat, mengiklankan di portal hartanah di Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Perumahan dalam tempoh 12 bulan sebelum permohonan pelepasan. Dasar yang sebelum ini tiada syarat. Ini tiada syarat untuk diiklankan di portal SUK Perumahan.

Yang kelima, permohonan pelepasan untuk kali kedua hendaklah dibuat dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh kelulusan pelepasan yang pertama. Dasar sebelum ini hanya memberi tempoh 3 bulan daripada kelulusan yang pertama.

Yang keenam, mengadakan pengkelasan harga sebagai syarat kelulusan untuk pelepasan. Harga RM250,000.00 ke bawah tiada pelepasan. Harga RM251 ribu ke RM500,000.00 hanya 30% daripada seluruh unit bumiputera boleh dilepaskan. Harga daripada RM501,000.00 hingga RM1 juta hanya 50% daripada seluruh unit bumiputera boleh lepaskan. Manakala harga RM1 juta ke atas hanya 70% daripada seluruh unit bumiputera boleh dilepaskan. Dasar sebelum ini tiada pengkelasan harga bagi pelepasan ini.

Yang ketujuh, bukan unit bumiputera yakni lot awam perlulah dijual terlebih dahulu sebelum permohonan pelepasan unit bumiputera dibuat. Dasar sebelum ialah syaratnya tiada.

Yang kelapan, jawatankuasa ini mencadangkan setiap permohonan pelepasan akan dibawa kepada Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk diperakukan. Setiap perakuan akan dimaklumkan ke dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan. Surat pemberitahuan makluman kepada pemaju bagi kelulusan pelepasan akan dikeluarkan setelah keputusan mesyuarat diperolehi. Dasar yang sebelum ini hanya perakuan di peringkat Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan sahaja.

Yang kesembilan, bagi permohonan pelepasan yang tidak cukup syarat, permohonan akan ditolak di peringkat pentadbiran di SUK Perumahan. Dasar sebelum ini tidak ada.

Dan yang kesepuluh, bayaran sumbangan pelepasan lot bumiputera diletakkan pada kadar 70.5% tanpa diskaun. Dasar sebelum ini tidak ada pertimbangan seperti itu.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pejabat SUK Perumahan mengendalikan dua jenis Akaun Amanah yang utama yang berlainan fungsi dan kegunaannya.

Akaun amanah yang pertama, Akaun Amanah Bayaran Sumbangan Kuota Bumiputera, kod 65045. Akaun Amanah ini ditubuhkan dengan tujuan mengumpul sumbangan bayaran pelepasan kuota bumiputera kepada awam dengan bayaran sebanyak 7.5%. Sehingga 21 Mac 2017, jumlah komitmen daripada kelulusan pelepasan lot bumiputera adalah sebanyak RM686.28 juta komitmen. Manakala, sumbangan yang telah diterima oleh kerajaan berjumlah RM546.05 juta dan RM464.08 juta diterima dalam bentuk tunai dan RM81.97 juta dalam bentuk *in kind*.

Antara perbelanjaan besar yang telah digunakan dari akaun amanah ini ialah untuk yang pertama, bayaran untuk menampung faedah pinjaman perumahan kakitangan kerajaan negeri sebanyak RM50 juta. Pinjaman kepada Perbadanan Islam Johor Holdings untuk membina Rumah Mampu Milik Johor, RM60 juta. Pinjaman kepada Johor Corporation untuk membina Rumah Mampu Milik Johor sebanyak RM50 juta. Pengambilan balik tanah oleh Permodalan Darul Takzim sebanyak RM20 juta. Pembangunan Rumah Mampu Milik Johor di Taman Perbadanan Islam di Stulang Baru, RM10 juta. Pendahuluan projek sekolah agama di negeri Johor, RM26.65 juta. Dana kepada Tabung Pembangunan Nelayan Negeri Johor, RM10 juta. Pembinaan kedai bumiputera di Pihak Berkuasa Tempatan terpilih RM5 juta. Pembukaan akaun bank di Ambank Islamic Berhad, RM10 juta. Pembaikan kuarters kerajaan negeri, RM7.41 juta. Pemberian baucar RM1,000 untuk penerima kunci Rumah Mampu Milik Johor, RM1.11 juta. Program-program Pihak Berkuasa Tempatan terpilih, RM5.3 juta. Lain-lain perbelanjaan RM2.0 juta, *so* jumlahnya adalah RM257.06 juta. Manakala RM156.26 juta pula adalah tanggungan yang telah dibuat komitmen daripada Lawatan Yang Berhormat ke Parlimen-Parlimen tapi belum dilaksanakan dan bakinya berjumlah RM50.26 juta.

Yang kedua ialah Akaun Amanah Pembangunan Perumahan Infrastruktur dan Sosial, kod 65092. Akaun Amanah ini adalah untuk mengakaunkan segala terimaan yang berkaitan dengan denda bagi pemaju yang tidak membina rumah kos rendah. Sehingga kini akaun ini berbaki RM19.97 juta.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sejak tahun 2012 akaun ini telah menerima sumbangan yang berjumlah RM36.86 juta, manakala perbelanjaan pula dari tahun 2013 hingga kini adalah berjumlah RM16.89 juta.

Perbelanjaan tersebut adalah meliputi soal penyelenggaraan TP1M, RM2.33 juta. Penyelenggaraan rumah-rumah PPR, RM5.08 juta. Bantuan pembinaan pejabat baru Majlis Perbandaran Muar, RM5 juta. Johor Wifi *Free*, RM3.6 juta. Kajian Perunding Rumah Mampu Milik Johor dan setinggan, RM0.55 juta dan penerima sumbangan kepada penerima baucar RM1,000.00 kepada bukan bumiputera sebanyak RM0.33 juta.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya saya menyentuh portfolio yang berkaitan dengan Kerajaan Tempatan. Yang Berhormat Penggaram telah

membangkitkan mengenai formasi Pihak Berkuasa Tempatan yang melibatkan pelantikan Ahli-Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya ingin menyentuh mengenai penambahbaikan sistem pemilihan ataupun pelantikan Ahli Majlis. Pelantikan Ahli Majlis adalah peruntukan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 77, mengikut Seksyen 10(1) Akta kerajaan Tempatan, sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan adalah terdiri daripada Datuk Bandar atau Yang Dipertua serta Ahli-Ahli Majlis seramai tidak kurang dari 8 dan tidak lebih dari 24 orang yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Amat jelas di sini bahawa pelantikan Ahli Majlis adalah merupakan kuasa mutlak kerajaan negeri. Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor pada 23 Disember 1981 telah menimbangkan Ringkasan Mesyuarat Bilangan 993/81 bersetuju memberi kuasa kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi melantik dan melantik semula ke atas Ahli-Ahli Majlis ini.

Seksyen 10(2) menggariskan syarat-syarat kelayakan bagi pelantikan Ahli Majlis adalah seperti berikut. Yang pertama, bermastautin dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan itu sendiri, kedua berpengalaman luas dalam hal-hal ehwal Kerajaan Tempatan, ketiga memperolehi kejayaan terpuji dalam sesuatu provision, perdagangan atau perindustrian. Yang keempat, mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan kaum-kaum mereka dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

Selain daripada itu, syarat-syarat pelantikan Ahli Majlis juga, yang pertama, tiada calon yang muflis, kedua tidak didapati bersalah dalam mana-mana Mahkamah atas sesuatu kesalahan jenayah yang dijatuhkan hukuman penjara lebih daripada 6 bulan atau didenda lebih daripada RM2,000.00 atau didapati bersalah atas perbuatan rasuah, pecah amanah, penipuan atau sumpah bohong. Tiga, hendaklah mencalonkan juga perwakilan daripada golongan wanita. Keempat, umur maksimum bagi pencalonan Ahli Majlis tidak melebihi 65 tahun. Kelima bukan penjawat awam, ketua kampung untuk Ahli Majlis dan Ahli Jawatankuasa Penasihat. Dan keenam, bukan dikalangan pegawai-pegawai yang dilantik sebagai Jawatankuasa Perwakilan Penduduk.

Secara amnya, daripada 355 Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Johor, seramai 78 Ahli Majlis memiliki Diploma iaitu 22%, manakala 76 Ahli Majlis memiliki Ijazah iaitu merangkumi 21% daripada jumlah keseluruhan Ahli-Ahli Majlis. Maknanya Ahli-Ahli Majlis kita, 43% adalah mereka yang terdiri daripada yang mempunyai diploma dan juga ijazah.

Dan untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat juga daripada keseluruhan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Johor, 8% daripadanya adalah mereka berada di bawah umur 35 tahun ke bawah iaitu seramai 29 orang, manakala Ahli Majlis yang berumur 35 hingga 60 tahun adalah seramai 282 orang iaitu 79% daripada jumlah Ahli Majlis ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Yong Peng dan Tangkak ada ingin maklum balas mengenai Seksyen 23 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) iaitu Mesyuarat Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah terbuka kepada orang ramai tetapi sebahagian Pihak Berkuasa Tempatan tidak melaksanakannya. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin maklumkan bahawa menurut Seksyen 23 Akta Kerajaan Tempatan 1976 yakni Akta 171 semua mesyuarat Pihak Berkuasa

Tempatan hendaklah terbuka kepada orang ramai dan kepada wakil akhbar melainkan jika selainnya diputuskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dengan ketetapan dalam mesyuarat itu. Maknanya, sekiranya Mesyuarat Ahli Majlis memutuskan tidak membenarkan, maka tiadalah kebenaran untuk masuk ke mesyuarat tersebut.

Yang Berhormat Penggaram juga telah membangkitkan peranan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk yang dianggap tidak jelas peranan atau fungsinya kepada masyarakat sebaliknya ia berperanan sebagai agen politik pihak-pihak tertentu. Saya ingin tegaskan dalam Dewan yang mulia ini, penubuhan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk merupakan satu inisiatif yang diambil oleh kerajaan persekutuan bagi melaksanakan transformasi pengurusan bandar memandangkan pada masa ini lebih 70% penduduk negara ini tinggal di bandar. Kepesatan proses perbandaran ini akan menyebabkan isu-isu perbandaran semakin kompleks, desakan penduduk untuk mendapatkan perkhidmatan perbandaran yang berkualiti daripada kerajaan juga semakin meningkat. Masalah dan desakan penduduk bandar ini perlu diuruskan sebaik mungkin, justeru melalui penubuhan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk, kerajaan persekutuan dapat membantu kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk berinteraksi secara langsung dengan penduduk dan membawa sebarang isu untuk ditangani secara bersama. Penubuhan Jawatankuasa Penduduk ini juga adalah untuk memberi penjelasan serta memastikan prestasi perkhidmatan urus tadbir kerajaan persekutuan dapat dimantapkan di kawasan perbandaran bagi meningkatkan hubungan emosi antara komuniti bandar dan kerajaan persekutuan.

Adalah tidak benar Jawatankuasa Perwakilan Penduduk sebagai pencetus masalah seperti yang didakwa. Jawatankuasa Perwakilan Penduduk diwujudkan bukan untuk mengambil alih kuasa dalam Pihak Berkuasa Tempatan atau kerajaan negeri yang diperuntukkan oleh perlembagaan. Pada masa ini, pengurusan dan pentadbiran bandar sedia ada memperuntukkan ianya ditadbir urus oleh Majlis-Majlis Berkuasa Tempatan sama ada Dewan Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah yang terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Walaupun Datuk Bandar atau Yang DiPertua Perbandaran dan Majlis Daerah bertanggungjawab sebagai *urban manager, urban regulator* dan *urban planner* dengan izin, namun peranan kerajaan persekutuan dalam perbandaran khususnya yang menyentuh kesejahteraan penduduk tidak boleh diketepikan. Ini mengambil kira bahawa hampir 2/3 daripada hal-hal kesejahteraan rakyat dalam kawasan bandar adalah melibatkan peranan dan fungsi agensi kerajaan persekutuan. Urusan-urusan berkaitan pendidikan, keselamatan, kesihatan, alam sekitar, pembentungan, perkhidmatan BOMBA serta pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan persekutuan. Secara tidak langsung, penubuhan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk dapat mengurangkan beban dan tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan dalam aspek kesejahteraan bandar serta mengukuhkan lagi mekanisme sedia ada dalam kawasan bandar dengan memberikan peluang kepada penduduk bandar untuk turut serta dalam pembangunan dan pengurusan di kawasan yang mereka diami. Seterusnya penubuhan Jawatankuasa Penduduk akan memberi peluang dan menggalakkan penyertaan penduduk dalam program-program dan pembangunan di kawasan bandar bagi meningkatkan kemapanan kejiranan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang ada menerima pandangan daripada setengah pihak yang mendakwa Jawatankuasa Penduduk akan mengambil alih peranan Ahli Majlis di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan akibat pertindihan peranan.

Sebenarnya pihak kementerian ingin menegaskan bahawa dakwaan pertindihan peranan tersebut adalah tidak benar dan tidak berasas sama sekali. Justeru, dimaklumkan bahawa pelantikan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk dilaksanakan oleh kementerian setelah berunding dengan Pihak Berkuasa Tempatan, Pemimpin Tempatan Persekutuan, Jawatankuasa Perwakilan Penduduk adalah bersifat pentadbiran yang hanya bertujuan membantu orang awam dalam sesuatu komuniti untuk bergiat aktif dalam proses pentadbiran kerajaan tempatan. Memandangkan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk ditubuhkan secara pentadbiran sahaja, apa-apa keputusan, cadangan ataupun syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Perwakilan Penduduk tidak mempunyai implikasi undang-undang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Senai ada membangkitkan persoalan dalam kecekapan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menguatkuasakan cukai pintu dari semua pembeli warga asing. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, berdasarkan daripada Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 171, telah secara khususnya memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengenakan, mengutip dan seterusnya menguatkuasakan tindakan mengutip tunggakan cukai harta sama ada sitaan mahupun melalui Mahkamah. Tindakan ini termasuklah untuk warga tempatan mahupun warga asing. Cuma yang bezanya ialah prosedur untuk serahan notis saman di luar bidang kuasa sekiranya pemilik warga asing tersebut tidak menetap di negeri Johor. Selebihnya tindakan penguatkuasaan adalah sama, sekiranya pemilik warga asing tidak menetap di negeri Johor, tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 148 Akta 171 mungkin sukar dilaksanakan. Walaupun boleh dibuat kerana pegawai Pihak Berkuasa Tempatan perlu memecah masuk membuka premis untuk melaksanakan tindakan penguatkuasaan sitaan tersebut. Manakala penguatkuasaan di bawah Seksyen 151 Akta 171 pula bagi menahan dan menjual pegangan boleh dilaksanakan sekiranya tindakan melalui Seksyen 148 tadi tidak dapat dilaksanakan. Namun begitu, perlu kepada beban pembuktian segala usaha telah dibuat di bawah peruntukan seksyen 148 tersebut.

Oleh yang demikian, tindakan lain yang boleh diambil selain kedua-dua peruntukan di atas ialah menuntut tunggakan sebagai hutang di bawah peruntukan Seksyen 156 Akta 171, yang mana tindakan saman di Mahkamah Sivil akan diambil kepada pemilik. Tindakan saman ini boleh sehingga menyebabkan pegangan dilelong sekiranya tunggakan masih tidak dijelaskan oleh pemilik sama ada warga tempatan ataupun warga asing.

Seterusnya, saya ingin beri maklum balas mengenai isu yang telah dibangkitkan oleh Johor Jaya, Yang Berhormat Johor Jaya mengenai penyelenggaraan pokok oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Menurut Seksyen 35A(2) mengenai Akta Perancang Bandar Dan Desa 197 Akta 172, suatu perintah pemeliharaan pokok boleh secara khusus mengadakan: Pertama, bagi melarang penebangan pokok-pokok kecuali dengan kebenaran bertulis Pihak Perancang Tempatan dan tertakluk kepada syarat -syarat jika ada yang dikenakan olehnya; Dan B bagi memastikan pokok pokok ditanam atau diganti atau ditanam semula bagi cara yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan.

Walau bagaimanapun, Seksyen 2 A tidaklah terpakai bagi penebangan suatu pokok: Pertama, hampir mati atau telah mati; Kedua, bagi mencegah bahaya yang hampir benar berlaku; atau Ketiga, jika dilakukan sebagai mematuhi mana-mana undang-undang bertulis.

Bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Johor Jaya, adalah dimaklumkan bahawa hujan ribut yang kerap berlaku kebelakangan ini menyebabkan banyak berlakunya kes pokok tumbang di jalan-jalan utama perbandaran mahupun kawasan perumahan. Sebahagian besar pokok tumbang ini melibatkan pokok selenggaraan di bawah Majlis Bandaraya Johor Bahru iaitu pokok *imeniti* milik Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Selain daripada berpunca daripada faktor cuaca buruk, terdapat juga faktor lain yang menyebabkan kejadian itu berlaku: Pertama, kerapuhan spesies pokok landskap; Kedua faktor pokok ditanam di ruangan yang sempit; Ketiga pokok tidak mempunyai ruang akar yang cukup bagi menahan bebanan angin; dan Keempat, pokok semakin mereput akibat kecederaan mekanikal semasa pembinaan.

Dalam kejadian buruk, sebuah pokok harus mempunyai sistem akar yang kukuh bagi menampung daya bebanan pokok akibat angin, tiupan angin yang kuat. Sekiranya pokok mempunyai akar yang rapuh atas pelbagai faktor yang akan menyebabkan berlakunya kejadian yang tidak diingini. So, di peringkat Bandaraya memang telah mengenal pasti spesies-spesies yang tidak lagi sesuai untuk dijadikan tanaman landskap.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Pengkalan Rinting dalam perbahasannya telah membangkitkan isu mengenai *strata title*. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin menjelaskan dalam Dewan yang mulia ini bahawa pengeluaran hak milik strata adalah tertakluk di bawah Akta Hak Milik Strata 1985, Akta 138. Ia dikeluarkan oleh pihak Pejabat Tanah Dan Galian. Untuk makluman bagi peringkat permulaan adalah menjadi tanggungjawab pemaju untuk melaksanakan pembukaan Buku Strata di Pejabat Tanah Dan Galian. Selepas itu pemilik petak iaitu pemilik unit strata perlu memastikan hak milik strata dipindah milik kepada nama mereka. Salah satu syarat dalam membuat pendaftaran hak milik strata adalah tiada tunggakan pembayaran cukai tanah. Sekiranya cukai tanah telah disempurnakan, barulah pindah milik hak milik strata dapat disempurnakan.

Isunya di sini, cukai tanah adalah berdasarkan kepada *master title* dengan izin, bagi kawasan pemajuan strata. Dan tidak boleh dibayar secara individu mengikut petak. Oleh sebab itu, terdapat banyak kawasan pemajuan berstrata yang mempunyai tunggakan cukai tanah. Inilah punca menyebabkan hak milik strata tidak dapat dilaksanakan. Bagi menyelesaikan masalah ini, pihak kerajaan telah menjalankan satu inisiatif iaitu pembayaran cukai tanah secara petak dan akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat. Langkah ini sekali gus dapat menyelesaikan isu pengeluaran hak milik strata.

Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757), adalah bagi memastikan keseragaman undang-undang berkenaan pengurusan penyelenggaraan bangunan dan harta bersama bagi kawasan pemajuan berstrata. Bahagian Pesuruhjaya Bangunan ataupun ringkasnya COB di Pihak Berkuasa Tempatan adalah Bahagian yang bertindak dalam memastikan Akta 757 ini dilaksanakan dengan sewajarnya. Pesuruhjaya Bangunan ataupun COB yang dilantik terdiri daripada Datuk Bandar atau Yang DiPertua sebagai Pesuruhjaya Bangunan, Setiausaha sebagai Timbalan Pesuruhjaya Bangunan dan Pengarah ataupun Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan Pihak Berkuasa Tempatan. Pihak Pesuruhjaya Bangunan telah menjalankan pelbagai sesi taklimat dan juga sesi dialog bersama-sama penduduk di kawasan pemajuan strata khususnya di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru. Penerangan berkenaan tanggungjawab menjelaskan pembayaran caj penyelenggaraan juga

telah disampaikan malah pihak kementerian juga telah menyediakan Kempen Kesedaran Pembayaran Caj Penyelenggaraan melalui pengiklanan di media hiburan.

Yang Berhormat Kempas ada mencadangkan kekerapan kutipan sisa pepejal di negeri Johor dijalankan sepertimana di Republik Singapura iaitu kutipan sisa pepejal dikutip setiap hari bagi mengelakkan timbunan sampah, bau busuk dan penyebaran penyakit. Saya ingin mengucapkan terima kasih di atas cadangan tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini. Singapura sememangnya mengamalkan kekerapan kutipan sisa pepejal setiap hari tetapi mengakibatkan kos yang tinggi iaitu sebanyak *sing dolar* dengan izin SD24.81 setiap rumah. Di samping itu, bagi sebuah negeri yang kecil seperti Singapura agak mudah bagi mereka untuk buat kutipan dan mereka memiliki bilangan *incinerator* yang banyak iaitu 4 buah di seluruh negara itu. Bagi situasi di Malaysia, setiap rumah bertanah *landed house* dengan izin, yang bercukai akan dibekalkan dengan tong 120 liter dan kekerapan kutipan adalah sebanyak 2+1 dengan izin, iaitu 2 kali kutipan sisa domestik dan 1 kali kutipan sisa pukal. Berdasarkan kajian dijalankan, kadar penjanaan per kapita seorang individu di Malaysia adalah sebanyak 0.8 kilogram per kapita per hari. Dan ini banyak menyumbang 1/4 daripada kapasiti tong yang dibekalkan. Keadaan ini berbeza dengan Singapura di mana kadar penjanaan mereka sebanyak 1.32 kilogram per kapita per hari iaitu 40% lebih tinggi daripada rakyat Malaysia.

Dan demikian dengan penggunaan tong 120 liter yang dibekalkan kepada penduduk, ianya memadai untuk dikutip selama 3 hari seminggu. Di samping itu, kos untuk pengangkutan dan menghantar sisa pepejal yang dikutip juga akan lebih tinggi kerana tapak pelupusan yang terletak lebih jauh daripada kawasan penduduk. Kos pengangkutan yang tinggilah inilah diimbangkan dengan kekerapan kutipan bagi mengoptimumkan kos keseluruhan pengurusan sisa pepejal di Malaysia.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, akhir sekali saya nak menyentuh soal berkaitan dengan Bas Muafakat. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kad Muafakat Johor telah mula dijual kepada pengguna semasa *road show* dan Pelancaran Bas Muafakat Johor di daerah-daerah selama 14 hari. Setakat ini sebanyak 4,039 kad Bas Muafakat Johor telah dijual sepanjang *soft launch* dengan izin, di 8 daerah. Kaunter-kaunter untuk pembelian kad Muafakat Johor di Wilayah Iskandar pada masa ini terdapat di tempat-tempat berikut :

1. Pejabat Perbadanan Pengangkutan Awam Johor, Tampoi.
2. Terminal Pasir Gudang
3. Terminal JB Central
4. Terminal Larkin Central
5. KSL City Mall
6. Giant Hypermarket
7. Nusa Bestari
8. Mall of Medini
9. Terminal Bas dan Teksi
10. Taman Universiti
11. JB Central CIQ
12. Student Mall UTM
13. MCA Pasir Gudang
14. Terminal Bas

15. Teksi Gelang Patah

Sebanyak 32,194 kad Muafakat Johor telah dijual pada tahun 2016, dan sehingga kini telah mencecah angka 35,564 kad Muafakat Johor. Pengguna boleh menggunakan kad yang sama untuk laluan Bas Muafakat Johor di seluruh negeri Johor. Bagi kawasan luar Iskandar, pihak operator bas tempatan yang menjadi penyelia perkhidmatan Bas Muafakat Johor dan Pihak Berkuasa Tempatan diberi hak untuk menjual kad Muafakat Johor ini, dengan memperoleh bayaran komisen masing-masing. Walau bagaimanapun, pendaftaran kad Muafakat Johor di seluruh daerah melalui vendor yang dilantik, perlu sedang diuruskan dan perlu menggunakan peralatan dan perkakasan teknologi yang berkomputer. Sehubungan dengan itu, pihak Perbadanan Pengangkutan Awam Johor telah menyediakan kelonggaran kepada pengguna yang ingin menggunakan Bas Muafakat Johor hanya menggunakan MyKad atau MyKid sehingga 30 Jun 2017.

Isu yang kedua, berkaitan laluan Bas Muafakat Johor yang tidak dipaparkan. Ingin saya maklumkan bahawa laluan Bas Muafakat Johor di luar dan dalam Wilayah Iskandar Malaysia telah dibentangkan pada umum semasa sesi pelancaran di kios pendaftaran Bas Muafakat. Pengguna semasa pendaftaran kad Muafakat Johor juga telah dibekalkan maklumat mengenai lalui Bas Muafakat, melalui edaran risalah, penggantungan *banner* atau *bunting* dan kain rentang, semasa pelancaran. Selain daripada maklumat laluan yang boleh diperoleh melalui laman sesawang, *Facebook, Instagram* dan *Twitter* Perbadanan Pengangkutan Awam Johor. Pihak Perbadanan Pengangkutan Awam Johor juga dalam proses untuk memasang stiker dan papan tangga yang memaparkan maklumat laluan Bas Muafakat Johor di hentian bas dan *bas pool*, yang terlibat dengan Bas Muafakat Johor. Untuk permulaan dengan bajet yang sedia ada, Perbadanan Pengangkutan Awam Johor merancang memasang 460 unit *bas pool* dengan izin dan membina 10 unit hentian bas di seluruh daerah yang terlibat dengan Bas Muafakat Johor.

Yang ketiga, mengenai jadual masa Bas Muafakat Johor yang tidak dipaparkan. Jadual Bas Muafakat Johor bagi setiap laluan ada dihebahkan pada umum semasa *road show* juga dan majlis pelancaran dan semasa majlis pelancaran. Penggunaan.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Tan Sri Speaker, boleh minta penjelasan?

YB Speaker : Jelaskan apa yang dijawab.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Pengguna juga boleh.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Ini berkenaan dengan...

YB Speaker : Tak apalah, ini bukan soal jawab Yang Berhormat, teruskanlah, Yang Berhormat Pengerusi.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Pengguna juga boleh menyemak laluan yang berkenaan melalui media sosial, *Facebook, Instagram* dan *Twitter* Perbadanan Pengangkutan Awam Johor.

Isu yang keempat ialah mengenai pondok bas dan papan tanda tempat bas berhenti yang tidak disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Mengikut maklumat yang dibekalkan oleh seluruh Pihak Berkuasa Tempatan negeri Johor terdapat 2,244

pondok bas dengan 2,185 berada dalam keadaan yang baik dan 59 dalam keadaan yang kurang memuaskan. Setiap Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai vot peruntukan untuk pembinaan naik taraf dan penyelenggaraan pondok bas dalam bajet tahunan masing-masing. Manakala papan tanda dan *bas pool* dengan izin, boleh dikatakan tidak mencukupi dan tiada pembinaan. Pihak Perbadanan Pengangkutan Awam sebagai agensi peneraju, dalam mengurus dan menyelia pembangunan sistem pengangkutan awam negeri Johor akan menjalinkan kerjasama rapat dengan setiap pihak pengusaha tempat untuk memastikan laluan Bas Muafakat Johor akan mengambil dan menurunkan penumpang di pondok-pondok bas dan *bas pool* dengan izin yang disediakan.

Walau bagaimanapun, pondok-pondok bas di jalan-jalan utama, sama ada jalan perbandaran, jalan negeri atau jalan persekutuan memang telah mempunyai pondok yang sedia ada. Walau bagaimanapun, hentian-hentian baru seperti di kawasan taman perumahan kos rendah, kawasan pelancongan dan lain-lain, memerlukan kos untuk dibina baru. Untuk permulaan, Perbadanan seperti yang saya nyatakan tadi Perbadanan Pengangkutan Awam Johor akan bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan untuk membina 400 unit *bas pool* dan 10 unit pondok bas dengan kos sebanyak RM1.6 juta pada tahun 2017.

Isu yang kelima, yang dibangkitkan mengenai Bas Muafakat Johor adalah perkhidmatannya tidak melalui pejabat kerajaan dan tempat tumpuan. Operasi Bas Muafakat Johor di seluruh negeri Johor yang melibatkan 14 Pihak Berkuasa Tempatan, 46 laluan, 64 buah bas, 565 trip, 1,563.65 kilometer dengan kos sebanyak RM21 juta bagi tahun 2017 telah diluluskan Oleh Pihak Berkuasa Tempatan Johor melalui keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Lalu lintas atau pun yang Dipertua Majlis. Laluan-laluan ini, telah disediakan dan disemak, di bincang sama dengan pemimpin setempat, melalui Ahli-ahli Majlis, oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Walau bagaimanapun, suka saya tekan kan dalam dewan yang mulia ini, bahawa sebagaimana syarat yang dikenakan oleh pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat, laluan yang dipilih mestilah tidak bertindih dengan laluan sedia ada, oleh perkhidmatan bas henti-henti berbayar oleh operator bas sedia ada. Walau bagaimanapun laluan akan terus disemak dan dikaji dan boleh diubah melalui syor oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan juga pemimpin tempatan untuk masa-masa akan datang.

Isu terakhir berkaitan Bas Muafakat ialah laluan bas yang tidak menyambung ke kawasan perumahan dan kampung-kampung. Sebagaimana yang telah saya maklumkan sebelum ini, perkhidmatan Bas Muafakat Johor merupakan perkhidmatan bas percuma yang disediakan oleh kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.
So, ada tiga faktor utama penentuan laluan. Pertama, kemampuan kewangan kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menampung kos operasi bas Muafakat Johor ini. Kedua, laluan bas oleh Bas Muafakat Johor mestilah tidak bertindih dengan laluan berbayar oleh syarikat bas henti-henti sebagaimana syarat Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat. Dan, yang ketiga laluan yang dipilih merupakan kawasan tumpuan utama dan sangat diperlukan oleh penduduk serta kawasan. Pihak Perbadanan Pengangkutan Awam Johor tiada sebarang halangan untuk penambah, untuk tambahan laluan pada masa akan datang, untuk dihubungkan dengan laluan sedia ada dengan syarat, memenuhi tiga kriteria di atas dan kemampuan kewangan kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi menampung kos operasi bas tersebut.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, inilah sahaja yang dapat saya sampaikan untuk penggulungan kali ini, terima kasih saya ucapkan sekali kepada semua Ahli Yang Berhormat, telah menyediakan pandangan dan cadangan yang melibatkan jabatan dan portfolio saya. Walau bagaimanapun, untuk setiap persoalan yang berbangkit, yang tak sempat dijawab pada kali ini, terutama isu-isu berkaitan dengan dan masalah tempatan, pejabat saya ataupun jabatan berkaitan akan memberikan jawapan terus kepada Ahli Yang Berhormat. Sekian, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Demikianlah sahaja penggulungan oleh Yang Berhormat Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa peringkat negeri Johor dan insya-Allah esok, penggulungan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok,15 Mei 2017, jam 9:30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 4:30 petang.

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13

HARI KETUJUH	ISNIN, 15 MEI 2017	BIL. 14 TAHUN 13

HADIR

YB Speaker,
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri, Johor.
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., SMIJ., DSPN., PIS.
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.
Datuk Haji Md. Jais bin Haji Sarday, PJN., KMN., PSI.
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri, Johor.
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN., PSI.
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Johor.
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM., PSI.
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Johor.
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim, PIS., PSI.
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.
Tuan Haji Ismail bin Mohamed, PSI.
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.

Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan Negeri, Johor.
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., AMN., PPN., PSI.
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon
(Pemanis)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba, SSAP., SIMP., DMSM.
(Pasir Raja)

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.
(Machap)

YB Tuan Haji Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar
(Nusajaya)

YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat
(Serom)

YB Dato' Seri Haji Saipolbahari bin Haji Suib, SSAP., DIMP., AMN., KMN., JMN., PIS.
(Bukit Naning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat, DPSM. KMN.
(Kempas)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

YB Encik Tan Hong Pin
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How
(Pengkalan Rinting)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Azmi bin Rohani, DMIJ., SMJ., PIS

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Tuan Haji Mohd Nasir bin Abdul Salam, SMJ., PIS., PSI.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Datuk Haji Abd. Latif bin Bandi, DPSM., DSM., PSI.
(Endau)

YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh, PJN.
(Jorak)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.
(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.

YB Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Bacaan selawat). Ahli-Ahli Yang Berhormat, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, alhamdulillah, kita telah berada pada hari terakhir untuk Mesyuarat Pertama (Pembukaan Rasmi) Bagi Penggal Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor Yang Ke-13.

Pada hari ini insya-Allah, Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan membuat penggulungan bagi menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat semasa perbahasan menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Jurutulis : SOALAN LISAN.

YB Speaker : Yang Berhormat Serom, jemput.

YB Tuan Haji Abd. Razak Bin Minhat (Serom) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 1.

Adakah terdapat sebarang usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri dalam menjadikan Taman Laut Sultan Iskandar sebagai Mercu Tanda Biodiversiti di Negeri Johor?

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan : Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Taman Laut Sultan Iskandar adalah merupakan salah satu kawasan perairan yang menjadi perhatian dari kebanyakan pelancong yang datang ke Taman Negara. Oleh sebab itu, di dalam Dasar Kelestarian Negeri Johor di bawah Teras Pemuliharaan Sumber Warisan Semulajadi, sememangnya Taman Laut Sultan Iskandar salah satu perkara yang menjadi keutamaan. Untuk itu, kerajaan telah melaksanakan usaha-usaha seperti berikut:

1. Menurunkan tukun-tukun di perairan Taman Laut Sultan Iskandar. Tukun-tukun diturunkan sebagai salah satu tindakan jangka panjang untuk mengimbangi kekurangan sumber ikan. Selain itu, ia juga merupakan alternatif bagi menggantikan terumbu karang sebagai tempat pembiakan dan perlindungan hidupan marin. Hasil pemerhatian yang dijalankan pada April 2017, terdapat peningkatan anggaran pertumbuhan terumbu karang dan pembiakan ikan sebanyak 30%.

2. Berkaitan tentang pewartaan kawasan Santuari Dugong. Spesies dugong telah dikategorikan sebagai spesies yang sangat terancang oleh *International Union for Conservation of Nature* (IUCN) sebagai langkah konservasi. Kawasan pengurusan dugong perlu diwartakan sebagai salah satu cara untuk

memelihara habitat dan sumber makanan spesies tersebut. Kawasan Santuari Dugong di Pulau Sibu sedang dalam proses pewartaan dan penandaan sempadan.

Selain daripada itu, sebagai tanda mercu biodiversiti Negeri Johor, kerajaan mencadangkan untuk mewartakan pulau-pulau kecil batuan dan entiti tidak bernama di perairan Mersing sebagai Taman Laut Malaysia di bawah Akta Perikanan 1985.

YB Speaker : Yang Berhormat Serom jemput.

YB Tuan Haji Abd. Razak Bin Minhat (Serom) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasih kepada EXCO yang memberikan jawapan soalan-soalan berkaitan dengan manfaat yang akan di perolehi oleh masyarakat sama ada secara langsung dan tidak langsung untuk negeri Johor. Dan, Serom juga tertarik dengan penerangan berkaitan dengan, berkaitan dengan mercu kejayaan Taman Laut Sultan Iskandar.

Soalan tambahan saya adalah apakah perancangan kerajaan negeri untuk masa hadapan bagi membolehkan Taman Laut Sultan Iskandar menjadi pusat pemeliharaan biodiversiti? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi perancangan masa hadapan, Kerajaan berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan di bawah organisasi *Coral Triangle Initiative* sebagai salah satu organisasi pengurusan kawasan perlindungan marin dan biodiversiti yang terbaik. Malaysia adalah salah satu daripada negara daripada 5 negara yang lain di bawah organisasi ini iaitu yang terdiri daripada Indonesia, Filipina, Timor Leste, Papua New Guinea dan Solomon Island.

Dan juga, kita akan meneruskan kajian saintifik di sekitar pulau-pulau di perairan Taman Laut Sultan Iskandar serta restorasi karang yang melibatkan 2,000 anak karang.

YB Speaker : Yang Berhormat Sungai Abong jemput.

YB Dr. Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 2.

Apakah rasionalnya cadangan penubuhan Suruhanjaya Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT)?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam perancangan untuk menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan yang akan bertanggungjawab dalam segala urusan perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan iaitu dari segi pengambilan, pelantikan, pengesahan jawatan, kenaikan pangkat sehingga ke penamatan termasuklah juga rayuan dan tindakan tatatertib bagi pegawai dan kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan.

Rasional penubuhan Suruhanjaya Pihak Berkuasa Tempatan ini adalah seperti berikut:

1. Meningkatkan peluang kerjaya anggota Pihak Berkuasa Tempatan, yang mana laluan kerjaya untuk kenaikan pangkat akan terbuka luas kepada semua anggota perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan.

2. Meningkatkan integriti anggota Pihak Berkuasa Tempatan. Melalui Suruhanjaya ini, semua anggota Pihak Berkuasa Tempatan boleh bertukar dan boleh bertukar daripada satu PBT ke PBT yang lain dan ia akan dapat mengurangkan masalah integriti dalam perkhidmatan.

3. Meningkatkan pengalaman anggota Pihak Berkuasa Tempatan. Mereka boleh bertukar dan berpindah di semua PBT Negeri Johor dan sekali gus akan memberikan pengalaman dan juga pengetahuan bila mereka berpindah dan bertukar jawatan.

4. Meningkatkan prestasi Pihak Berkuasa Tempatan. Ini kerana pihak PBT akan sentiasa menerima pelbagai pegawai yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang berbeza.

5. Melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan ini, proses pengambilan anggota akan terbuka luas dan akan lebih telus.

YB Speaker : Yang Berhormat Sungai Abong jemput.

YB Dr. Sheikh Ibrahim Bin Salleh (Sungai Abong) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih jawapan yang diberikan oleh EXCO. Saya ingin tahu, baru-baru ini satu kenyataan daripada Pengerusi CUEPACS tentang cadangan Kerajaan Johor untuk menubuhkan SPBT. Yang mana Presiden CUEPACS yang mewakili lebih kurang 5,000 pekerja PBT di Negeri Johor ini telah, dalam satu kenyataan yang saya rasa cukup keras membantah sekeras-kerasnya dan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan mahkamah sekiranya kerajaan Johor melaksanakan cadangan ini dengan beberapa saya petik dia punya kenyataannya bahawa ianya akan mengelirukan lagi pentadbiran dan akan membuka luas katanya penguasaan politik ataupun tangan-tangan politik dalam pertukaran dan sebagainya. Dan, dia petik lagi bahawa cadangan ini adalah bertentangan dengan Akta, Akta di bahagian Pusat. Jadi setelah, saya nak tahu adakah pihak negeri ini mengambil kira pendirian CUEPACS ini dan apakah pendirian kerajaan negeri selepas bantahan daripada CUEPACS. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya kira Presiden CUEPACS ini mungkin dia agak keliru sedikit ya. Kita di peringkat kerajaan negeri telah setuju untuk, setuju dengan cadangan daripada pihak Kementerian pada September 2016. *So*, kenyataan daripada Presiden CUEPACS ini pada 28 Februari 2017. Maknanya kita dah buat persetujuan lebih awal. Kita bersetuju sebab atas dasar-dasar ataupun sebab yang saya nyatakan tadi. Cuma prosesnya ialah pihak Kementerian ada cadangan untuk pinda Akta 171 ini untuk membolehkan pihak negeri menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan PBT. Kementerian tanya semua negeri apa pendirian kerajaan negeri, sama ada setuju ataupun tidak. *So,* kita di peringkat kerajaan negeri, Johor buat masa ini setuju atas 5 perkara tadi. Kemudian bila kerajaan negeri-negeri

yang lain setuju barulah pihak kementerian akan pinda Akta ini di Parlimen, membolehkan Seksyen 16 dan Seksyen 17 dipinda, memberi kuasa kepada Suruhanjaya ini untuk pelantikan apa nama tu, kakitangan.

Pada masa ini, pelantikan kakitangan ini di bawah kuasa PBT itu sendiri. Makna di peringkat PBT dia ada panel tersendiri yang melantik secara dalaman. Bila dipinda Suruhanjaya akan, yang melantik, ok. Lepas kementerian pinda Akta 171 ini Seksyen 16 dan 17, maka pihak negeri boleh untuk buat Enakmen bagi Suruhanjaya PBT peringkat negeri. Jadi prosesnya begitu. Saya percaya dengan Suruhanjaya ini sebenarnya lebih telus sebab dia lebih terbuka. Serupa juga kita di Johor, kita ada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor. Tak ada pun campur tangan politik dalam tu sebab dia Jawatankuasa dia. Terdiri daripada orang-orang yang sangat berpengalaman. Jadi, kita percaya pihak kerajaan negeri bahawa Suruhanjaya ini membolehkan pengambilan dan pelantikan itu dilaksanakan dengan cara yang lebih telus.

YB Speaker : Jemput.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Tan Sri Speaker, mengikut Perlembagaan Persekutuan kita, Jadual Kesembilan kita ada bidang kuasa Persekutuan, bidang kuasa Negeri dan juga bidang kuasa bersama. Dan dalam Jadual Kesembilan, Senarai Bidang Kuasa Negeri, Perkara 4 telah menyatakan bahawa "Perkara-perkara berkenaan dengan Kerajaan Tempatan adalah di bidang kuasa pihak Negeri". Saya nak tahu apakah rasionalnya dari segi perundangan Persekutuan untuk membolehkan Kementerian menubuhkan Suruhanjaya Pihak Berkuasa Tempatan dari segi perundangan Persekutuan untuk mempunyai kuasa seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat EXCO tadi untuk mengubah Akta-Akta 171 itu dari segi perundangan Persekutuan. Ini jawapan saya. Terima kasih.

YB Speaker : Bukan jawapan, soalan.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Soalan saya. Terima kasih.

YB Speaker : (Ketawa). Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Jangan *confused* eh (Ketawa). Dia bagi jawapan pula. Ok. Saya katakan tadi, di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) ini adalah ia berkaitan dengan Pihak Berkuasa Tempatan. Selama ini dari segi, apa nama tu, semua PBT ini terletak di, untuk, Akta Kerajaan Persekutuan adalah di bawah Akta ini. Dari segi pentadbiran, dari peruntukan dan sebagainya. Dari segi pelaksanaan undang-undang eh. Cuma yang Suruhanjaya Perkhidmatan PBT ini ialah cadangan kerajaan pusat oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar ini untuk membolehkan negeri-negeri tubuhkan Suruhanjaya bagi nak melantik kakitangan dalam PBT dalam negeri itu. Faham tak?

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Yang Berhormat Tan Sri, ini tak terus kepada jawapan. Jawapan yang kita ingin tahu ialah dari segi undang-undang? Manakah satu peruntukan undang-undang dalam Perlembagaan Persekutuan yang membolehkan kementerian untuk menubuhkan Suruhanjaya Pihak Berkuasa Tempatan bermaksud Kerajaan Tempatanlah. Sebab Kerajaan Tempatan dia di bidang, di bawah bidang kuasa kerajaan negeri seperti yang termaktub dalam senarai negeri perkara nombor 4. *So*, saya nak tahu apakah rasionalnya dari segi

undang-undang Persekutuan yang membolehkan Kementerian berbuat begitu? Itulah saya minta penjelasan daripada pihak EXCO...

YB Speaker : Ok, ok YB.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Jangan pergi mesyuarat setuju tetapi tidak mengkaji dari segi undang-undang sama adakah dia dibenarkan atau tidak dari segi undang-undang? Ini soalan saya.

YB Speaker : Ok YB. Yang Berhormat...

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Saya dah terangkan. Jadi kerajaan persekutuan dia nak pinda Akta 171 ini untuk membolehkan negeri tubuhkan suruhanjaya. Dia ada cadangan. Jadi, kerajaan persekutuan melalui kementerian dia tanya semua negeri, setuju atau tidak. *So*, kita Johor, kita kata kita setuju sebab ada kebaikan. *So,* bila Johor setuju dan kalau semua negeri yang lain setuju, maka pihak kementerian akan bawa perkara ini ke Parlimen. Yang pinda perlembagaan ini Parlimen, kuasa pinda perlembagaan ini hanya Parlimen bukan kerajaan dan sebagainya, di Parlimen.

So, kalau Parlimen kementerian dan bawa ke Parlimen, Parlimen setuju pinda dan bila dah di pinda Seksyen 16 dan 17 yang berkaitan dengan pengambilan pekerja ini, maka kementerian akan maklum kepada negeri bahawa sekarang ini akta dah di pinda di Parlimen. Akta pinda di Parlimen dan negeri barulah, mana-mana negeri setuju dia akan bawa enakmen ke dalam Dewan ini untuk tubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan PBT. Maknanya Suruhanjaya PBT itu adalah enakmen yang apa, penubuhan suruhanjaya ini adalah di peringkat negeri, setelah Akta 171 di pinda di Parlimen.

YB Speaker : Telah diluluskan oleh Parlimen.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Jadi, negeri akan bawa di Dewan ini, bawa enakmen baru tentang suruhanjaya ini.

YB Speaker : Maknanya perkara ini akan di bawa ke Parlimen. Di Parlimen pihak yang berkaitan dengan Parlimenlah termasuk Ahli-Ahli Parlimen daripada parti pembangkang boleh membahaskan. Kalau usul itu di terima di Parlimen barulah dia menjadi perkara-perkara selanjutnya.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Tan Sri Speaker, ini minta penjelasan...

YB Speaker : Jemput, Maharani.

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Saya di fahamkan program penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan PBT ini telah dipersetujui oleh semua negeri-negeri. Jadi, Maharani ingin tahu adakah negeri lain yang telah pun menubuhkan suruhanjaya ini dan apakah program-program lain yang melibatkan Pelan Transformasi PBT kerana PBT sangat dekat di hati rakyat, ADUNlah sebenarnya, ADUN pun dekatlah dengan PBT. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, buat masa ini di peringkat kementerian memang belum bawa ke Parlimen untuk pinda akta ini. Jadi buat masa ini saya pun tak dapat maklum berapa banyak negeri yang dah setuju. Kemudian tentang Pelan

Transformasi PBT itu dia dah luar tajuk Tan Sri, saya tak ada maklumat di sini. Nanti saya akan maklum kemudian.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Tan Sri Speaker, soalan tambahan.

YB Speaker : Yang Berhormat Semerah jemput.

YB Tuan Haji Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker soalan saya nombor 3.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Tan Sri Speaker, saya nak memohon perhatian ke sebelah sini. Tan Sri Speaker, saya sudah seperti 10 kali pada Sidang Dewan Negeri ini nak bagi soalan tambahan...

YB Speaker : Yang Berhormat Semerah jemput. Yang Berhormat Skudai, duduk.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ini perlu adil, 10 kali, 1 soalan tambahan pun tak bagi saya.

YB Tuan Haji Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker soalan saya nombor 3.

Sejauh manakah pembinaan laluan kereta api berkembar Gemas – Johor Bahru dapat memberi manfaat kepada kontraktor tempatan terutamanya dari segi pemindahan teknologi dan kepakaran daripada projek berkenaan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Semerah bertanyakan tentang manfaat yang boleh diperoleh daripada pembinaan projek kereta api berkembar Gemas – Johor Bahru. Untuk makluman Yang Berhormat Semerah projek landasan berkembar Gemas – Johor Bahru telah di anugerahkan oleh kerajaan pusat melalui Kementerian Pengangkutan (MOT) kepada syarikat daripada China iaitu CRCC, CREC, CCC Konsortium Berhad, konsortium 3C pada bulan November 2016.

Di antara syarat dalam lantikan tersebut adalah 50% dari nilai kontrak di subkontrak kepada kontraktor tempatan dan dari 50% nilai kontrak tersebut, 30% adalah untuk di agihkan kepada kontraktor bumiputera. Bagi menyatakan pendirian Johor berkaitan peluang kepada kontraktor Johor dalam projek tersebut. Kerajaan Team Johor telah menghantar sebuah surat kepada Kementerian Pengangkutan bertarikh 11 April 2017 yang di antaranya menyatakan perkara-perkara berikut: untuk keberkesanan pengagihan pakej kerja untuk sub kontrak bumiputera, Johor mencadangkan supaya perolehan sub kontrak kerja-kerja tersebut di pantau ketat oleh satu jawatankuasa yang diketuai oleh Kementerian Pengangkutan dan dianggotai oleh entiti yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri iaitu *Johor Centre for Contractor Development* dengan izin JCCD.

Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan penyiapan sub pakej berkenaan oleh kontraktor bumiputera di samping mempertahankan bumiputera secara amnya dalam projek ini. Oleh kerana Johor mempunyai program pembangunan kontraktor yang teratur yang di landaskan ke satu pelan induk dan dikelolakan oleh satu entiti yang dinamakan JCCD itu, maka Johor layak mendapat pertimbangan khusus supaya pakej kerja untuk bumiputera tersebut diutamakan pengagihannya kepada kontraktor Johor.

JCCD akan mengesyorkan senarai kontraktor berprestasi Johor, berprestasi tinggi di negeri Johor yang melepasi kriteria yang ditetapkan oleh Kementerian Pengangkutan. Di jangka tidak kurang dari 150 kontraktor Johor berprestasi tinggi berbagai gred akan dapat disenaraikan. Di samping itu Yang Berhormat Tan Speaker, perjanjian ICP, *Industrial Collaboration Programme* yang selari dengan perjanjian kontrak utama yang akan di tandatangani oleh Kementerian Pengangkutan dan konsortium 3C.

ICP tersebut di rumus dan di selidik oleh teknologi oleh Technology Depository Agenscy Berhad, satu agensi di bawah Kementerian Kewangan Malaysia. Sehubungan itu kerajaan Johor telah mengemukakan kepada Kementerian Pengangkutan beberapa elemen penting penglibatan entiti Johor untuk di masukkan ke dalam pelan ICP induk tersebut yang sedang di rumus oleh TDA. ICP tersebut adalah platform penting bagi penglibatan kontraktor Johor dan bumiputera dalam projek ini.

YB Speaker : Yang Berhormat Semerah jemput.

YB Tuan Haji Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker terima kasih kepada YB Datuk EXCO yang menjelaskan soalan saya. Kalau benar inilah, sebagaimana yang dijelaskan kita percaya bahawa kontraktor bumiputera di Johor ini akan mendapat peluang tidaklah seperti dakwaan setengah pihak di sebelah sana bahawa paku pun di bawa dari negara asal mereka. Soalan tambahan saya Tan Sri Speaker, apakah kategori dan keutamaan kontraktor bumiputera yang boleh di pertimbangkan untuk landasan berkembar ini? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan Johor wajar untuk mengambil langkah-langkah yang strategik untuk mendapat peluang dan hanya di dalam landasan berkembar elektrik ini tetapi juga pembangunan rel yang begitu meluas sekali selain daripada projek landasan berkembar, kita bakal mempunyai projek untuk kereta api laju dan juga projek RTS *(Rail Transit System)* dari Bukit Chagar ke Woodland.

Jadi dengan itu, kerajaan negeri melalui JCCD tersebut akan memastikan kita akan dapat melahirkan kontraktor-kontraktor yang mampu melaksanakan projek-projek yang wujud daripada pembangunan tersebut. Maka untuk itu Yang Berhormat Tan Sri Speaker, JCCD telah menetapkan beberapa kriteria dalam menyenaraikan kontraktor Johor yang saya sebut tadi berprestasi tinggi, antaranya seperti berikut:

1. Syarikat Johor yang berdaftar dengan CIDB tidak kurang daripada 5 tahun.
2. Mendapat penarafan skor 3 bintang daripada CIDB.
3. Syarikat bumiputera dan usaha sama dengan bumiputera, satu kategori lagi.
4. Jumlah pegangan ekuiti bumiputera di dalam syarikat perlulah melebihi 51%.
5. Syarikat bukan bumiputera di 1 kategori.
6. Syarikat dengan prestasi kewangan yang baik.
7. Syarikat yang tidak bermasalah menyiapkan kontrak.

Kriteria di atas terdapat lebih daripada 150 kontraktor berprestasi tinggi Johor yang layak diperakukan untuk mengambil bahagian.

YB Speaker : Jemput Senai.

YB Cik Wong Shu Qi (Senai) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Soalan tambahan saya bagi Yang Berhormat EXCO, kerana kita tahu bahawa *double track* projek ini dengan izin, bermula dari Ipoh ke Padang Besar adalah di siapkan oleh kontraktor tempatan iaitu Gamuda MMC. Yang itu memang saya tak fahamlah apa rasional di belakang projek landasan berkembar di Johor ni bermula dari Gemas ke Johor Bahru ini satu kontraktor dari luar negara, 3 CCC CREC dengan CRCE di lantik sebagai *maincon* untuk menjalankan projek ini, kerana setiap orang tahu projek yang akan di jalankan di negeri Johor bukan susah sangat kerana kita tidak mempunyai bukit yang tinggi ataupun masalah geografi yang agak susah seperti kawasan utara Malaysia. Ataupun semua kontraktor ini adalah kontraktor yang memang bernama di negara China kerana mereka memang pandai dan pakar dalam membina, *construction* yang tinggi, *viaduct* tapi dalam projek yang akan di lancarkan ini. Adakah kita akan melaksanakan akan ambil pakar mereka ataupun sebenarnya, apa yang akan berlaku di negeri Johor sama dengan apa yang kita sudah saksi di dalam projek Padang Besar ke Ipoh juga. Kalau seperti itu apa rasional kita melantik satu kontraktor China untuk laksanakan program ini. Terima kasih.

YB Speaker : Soalan ini dah makin besar sebenarnya. Ini soalan asal ini kontraktor bumiputera. Terpulang kepada Yang Berhormatlah nak jawab ke, macam mana.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih Tan Sri Speaker, saya kira kita pun menerima hakikat bahawa kita tidak punyai kepakaran dalam bidang pembangunan rel dan juga kereta api yang bersifat menggunakan kaedah teknologi tinggi, saya percaya kalau Yang Berhormat semak sedikit mendalam kerana itulah biasanya lazimnya suka duduk buat itu buat ini.

Walaupun syarikat tempatan di lantik untuk landasan daripada Ipoh ke Padang Besar ataupun dari Kuala Lumpur ke Seremban melibatkan syarikat-syarikat tempatan tetapi kita masih lagi menggunakan kepakaran luar. Banyak bidang-bidang kerja yang melibatkan teknologi daripada negara-negara yang telah membangunkan sistem rel ini lebih awal daripada kita. Cuma kali ini, kita di Johor, oleh kerana penglibatan beberapa pihak di Johor ini telah memberi peluang yang tidak kurangnya berbanding dengan kontrak-kontrak yang di buat sama ada Ipoh – Padang Besar ataupun daripada Seremban ke Gemas.

Peluang kepada kontraktor tempatan itu, malah di Johor kita yakin kita akan dapat lebih banyak, sekurang-kurang 50% kita dah dapat nilai kontrak tersebut kepada kontraktor tempatan. Jadi kenapa kita beri kepada kontraktor negara luar, kenapa kita libatkan kontraktor tempatan dalam pelantikan, awal saya kira yang lebih penting kita beri keutamaan bahawa kontraktor tempatan mendapat peluang.

Tak guna kita beri kepada kontraktor MMC ke, Gamuda ke, tetapi kontraktor tempatan mendapat hanya sebahagian kecil sahaja daripada itu. Tapi jaminan daripada Kementerian Pengangkutan bahawa 50% tidak kurang dan 30% adalah untuk kontraktor bumiputera. Itu saya kira sudah dianggap sebagai membuka satu peluang dan ruang yang luas kepada kontraktor tempatan. Terima kasih.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan tambahan. Tan Sri Speaker.

YB Speaker : Jemput, Skudai.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Jutaan terima kasih kepada Tan Sri Speaker izinkan saya bertanya soalan pertama dalam Dewan, persidangan Dewan kali ini.

YB Speaker : Soalan apa YB? Ini macam soalan yang berkaitan pagi ini.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya adalah, kerjasama di antara kontraktor tempatan dan juga syarikat dari mana-mana negeri seperti di titah oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku, bahawa kita tidak kira dari negeri China, Jepun, Korea ataupun Rusia ataupun Australia. Yang pentingnya kita mesti ada satu mekanisme untuk menjaminkan khasnya perpindahan modal dan perpindahan teknologi bila kita hendak bagi sesuatu kontrak kepada katanya syarikat negeri China. Sebab kita ada keyakinan kepada kemampuan kita untuk mempertahankan kedaulatan, kalau rakyat kita memang kebolehsayang, kebolehsayang rakyat kita memang tinggi, kita tak perlu risau. Oleh itu, kita mesti ada satu mekanisme untuk memindah teknologi dan juga modal. Adakah kerajaan pernah berunding dengan pihak syarikat negeri China, bahawa pada masa kelak akan datang, kita syarikat-syarikat asal Malaysia boleh bekerjasama dengan syarikat-syarikat negeri China, mengambil, membeli saham dalam syarikat mereka supaya kita boleh menceburi dalam projek-projek di negeri lain seperti di Afrika, seperti di Amerika Selatan di mana Malaysia lebih maju dengan teknologi kalau kita boleh kerjasama dari segi satu mekanisme, bukan sahaja mereka datang Malaysia bina landasan kereta api tetapi pada masa akan datang kita pun hendak jadi sebahagian membawa, meningkatkan modal,

YB Speaker : Ok, YB.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : dan juga teknologi kita..

YB Speaker : Ok. Faham, faham.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : dengan menceburi projek dalam negeri lain.

YB Speaker : Jemput YB.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Yang Berhormat Skudai, sepertimana yang telah saya jelaskan tadi bahawa melalui TDA, *Technology Depository Agency*, satu agensi di bawah Kementerian Kewangan yang akan mengurus tadbir ICP itu tadi, *Industrial Collaboration Programmed*. Program ini akan membolehkan adanya usaha untuk membangunkan *Malaysia Local Content*, *Transfer of Know How* dengan izin, *Human Capital Development,*dengan izin, *Maintenance Repair* dan *Overhaul, Research and Development, Market Acces,* dan juga pelaburan Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Jadi, ketujuh-tujuh aspek ini akan terkandung di dalam *Industrialize Collaboration Programmed* yang ditadbir urus oleh *Technology Depository Agency* (TDA) di bawah Kementerian Kewangan. Dengan itu, apa yang perlu di buat oleh Kerjaan Negeri ialah supaya entiti yang diwujudkan ini, iaitu JCCD *Johor Centre for Contractor Development* ialah untuk memastikan bahawa sebelum kontrak ditandatangani, perjanjian ICP di antara konsortium 3 C itu tadi perlulah bersetuju terlebih dahulu,dengan terma-terma yang terkandung di dalam ICP tersebut. Jadi, inilah yang sedang dilakukan oleh pihak kerajaan negeri, bersama-sama dengan Kementerian Pengangkutan bagi memastikan bahawa aspek dan perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi itu dapat menjaga kepentingan kontraktor tempatan. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat Semerah. Jemput.

YB Encik Mohd Ismail bin Roslan (Semerah) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 4.

Johor akan menjadi Tuan Rumah SUKMA 2020, setakat ni apakah program penyediaan atlet yang dilaksanakan bersama pihak Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan Majlis Sukan Negeri Johor.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada soalan daripada Yang Berhormat Semerah. Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bahawa soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Semerah, sebenarnya ketika penggulungan semalam saya telah menerangkan panjang lebar tentang kerjasama antara Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan juga Majlis Sukan Negeri Johor. Jadi, saya ingat boleh rujuk di verbatim yang ada, di muka surat 31 hingga ke-37. Jadi, kalau ada soalan tambahan saya sedia dengarlah.

YB Encik Mohd Ismail bin Roslan (Semerah) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' EXCO. Dan, semalam kita telah pun mendengar penjelasan berhubungan dengan program SUKMA ini, termasuklah Program Titanium 20 bersama dengan Jabatan Pendidikan dan kalau kita yakin bahawa Johor pastinya dapat mencapai paling tidak pun tiga tangga teratas dalam SUKMA 2020, kalau mengikut program yang dilaksanakan akan dilaksanakan.

Soalan tambahan saya Tan Sri Speaker, dalam program bersama dengan Jabatan Pendidikan Negeri, berapa ramaikah jurulatih ataupun pegawai teknikal yang terlibat dikalangan guru ini? Dan juga, apakah insentif yang diberikan kepada guru ataupun pegawai teknikal ini sebab dia melibatkan mungkin kerja tambahan dan sebagainya. Jadi, itu soalan saya. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kami di pihak kerajaan Negeri Johor di bawah Majlis Sukan Negeri Johor mengucapkan jutaan terima kasihlah di atas kerjasama daripada Jabatan Pendidikan Negeri Johor yang mana, Jabatan Pendidikan Johor sebagai salah satu daripada rakan strategi kita. Bagi kita menghadapi SUKMA 2020. Yang mana yang kita lihat di sini, atlit-atlit yang berbakat yang boleh kita cungkil di peringkat akar umbi adalah bermula daripada peringkat sekolah. Seperti yang saya maklumkan semalam, iaitu melalui program-program yang ditetapkan, iaitu kita terdapat tiga program yang pertama bagi menghadapi SUKMA 2020, yang di bawah kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Johor iaitu:

1. Program Gold.
2. Platinum.
3. Ketiga yang saya sebut semalam iaitu Titanium 2020. Yang mana ringkasnya T20.

Iaitu program ini akan melibatkan kerjasama daripada pihak guru-guru yang mana mereka juga diberi latihan yang mencukupi di bawah Jabatan Pendidikan Negeri

Johor sebagai pengurus, pegawai teknikal dan sebagainya. Buat masa ini, kita menyalurkan peruntukan bagi peringkat awal, iaitu kita menyediakan peruntukan di bawah program-program yang diselia oleh Jabatan Pendidikan Negeri Johor, tetapi setakat sekarang kita masih belum menetapkan kadar yang akan kita beri insentif kepada guru-guru atau pegawai teknikal yang akan menjadi pengurus dalam acara-acara sukan yang ditetapkan dan insya-Allah setelah tertubuhnya sekretariat SUKMA 2020 yang kita jangka bermula selewat-lewatnya pada bulan Julai tahun 2017, kita akan mengadakan perbincangan dengan pihak Jabatan Pendidikan Negeri Johor untuk kita menetapkan kadar insentif yang diperlukan untuk kita beri kepada guru-guru. Kerana kita lihat di sini, daripada segi sasaran kita seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Semerah, terdapat tiga acara utama yang perlu kita, memerlukan bantuan daripada guru-guru yang mempunyai kepakaran iaitu acara olahraga, acara basikal dan juga renang,yang mempunyai kepakaran daripada kalangan guru-guru insya-Allah jika pihak Majlis Sukan Negeri Johor di bawah sekretariat SUKMA 2020, kita akan menetapkanlah kadar insentif yang boleh diberikan kepada mereka, insya-Allah.

YB Speaker : Jemput. Tenang.

YB Encik Mohd Azhar bin Ibrahim (Tenang) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, jadi kita mengucapkan syabas dan tahniahlah atas persediaan rapi yang telah dibuat oleh Majlis Sukan Negeri, dan juga Jabatan Pendidikan Negeri dalam usahawan kita hendak melahirkan mereka yang mempunyai potensi untuk mendapat pingatlah dalam SUKMA 2020 akan datang ini.

Jadi, soalan tambahan saya. Adakah satu pusat akan diwujudkan atau mereka yang berpotensi ini akan dikuarantinkan menjelang 2017, 2018 nanti bagi memastikan mereka ini benar-benar akan mendapat pingat yang kita sasarkan dalam SUKMA 2020 nanti. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan : Terima kasih kepada soalan tambahan Yang Berhormat Tenang. Kalau ikut daripada apa yang kita laksanakan ketika menghadapi SUKMA 2016, dan 2014, perancangan Majlis Sukan Negeri Johor ketika kita mengenal pasti atlit-atlit yang berpotensi untuk mencapai pingat emas, perak atau gangsa, kita telah menempatkan di tempat yang telah kita, tetapkan iaitu untuk kita membuat perkampungan sukan, perkampungan sukan satu, dan bagaimana mereka ini, kita telah kenal pasti untuk diberi latihan insentif, latihan insentif selama enam bulan, untuk kita memastikan pingat itu, benar-benar kita boleh perolehi. Jadi, untuk perancangan kita pada SUKMA 2020, kita seperti saya maklum tadi, bahawa perlunya kita kerjasama, kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan kita seperti yang Ahli-Ahli Yang Berhormat pun maklum bahawa di Negeri Johor itu sendiri kita mempunyai sekolah sukan, Sekolah Sukan Tengku Mahkota Ismail dan juga Sekolah Tun Hussien Onn di Kluang. Yang mana dua tempat ini merupakan tempat yang begitu strategik untuk kita meletak atlit-atlit yang berpotensi.

Sebab itu untuk SUKMA 2020 seperti yang saya maklum tadi, iaitu program Titanium (T20), T20 ini kita mensasarkan untuk kita melihat beberapa acara yang menawarkan pingat yang tinggi. Iaitu kita melihat bahawa 50 atlit yang berupaya untuk kita mencapai pingat emas dan akan kita letakkan di tempat-tempat tersebut. Dan, tidak mungkin dengan sebagai tuan rumah, kita berazam pada tiga tahun yang mendatang ini, kita akan memastikan bahawa Johor bukan hanya

sebagai penganjur yang terbaik, tetapi kita juga mempunyai iltizam, usaha kita untuk memastikan Johor tidak akan ketinggalan daripada segi pencapaian pingat dalam SUKMA 2020, insya-Allah.

YB Speaker : YB Senggarang. Jemput.

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 5.

Industri kelapa khasnya santan dan airnya semakin mendapat permintaan sehingga dieksport. Bagaimanakah penghasilan tanaman kelapa di negeri Johor setakat ini dan sejauh manakah ianya dapat menampung permintaan sedia ada.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Usahawan dan Koperasi : Yang Berhormat Tan Sri Speaker,YB Senggarang ada bertanyakan tentang industri kelapa khasnya santan dan airnya semakin mendapat permintaan sehingga dieksport. Bagaimanakah penghasilan tanaman kelapa di negeri Johor setakat ini dan sejauh manakah ianya dapat menampung permintaan sedia ada?

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kelapa merupakan sejenis tanaman pelbagai kegunaan daripada bahagian buah, daun, batang dan sebagainya. Tanaman kelapa merupakan tanaman yang penting terutamanya bagi pengeluaran santan. Di lihat trend bagi industri kelapa menurun dalam tempoh 10 tahun yang lepas disebabkan persaingan yang tinggi dengan tanaman kelapa sawit. Di Johor, keluasan bertanam bagi tanaman kelapa pada tahun 2016 adalah seluas 11,183 hektar berbanding dengan tanaman kepada sawit seluas 21,643 hektar.

Negeri Johor merupakan negeri ketiga penyumbang pengeluar kelapa negara selepas Sabah dan Sarawak. Ini menunjukkan bahawa Semenanjung Malaysia, negeri Johor merupakan pengeluar utama tanaman kelapa, pengeluaran kelapa pada tahun 2016 bagi negeri Johor adalah sebanyak 79,273 metrik tan. Permintaan tempatan yang tinggi terhadap santan dan air kelapa menyebabkan terdapat desakan terhadap pengimportan kelapa dari negara jiran seperti Indonesia. Dianggarkan bahawa sebanyak 129,000 biji kelapa terpaksa diimport untuk keperluan negara. Oleh yang demikian, dilihat bahawa permintaan tempatan juga belum mencukupi bagi memenuhi permintaan eksport. Kebanyakan produk dieksport adalah dalam bentuk produk hiliran yang telah diproses berasaskan kelapa, santan dan air.

Terdapat beberapa isu dan cabaran yang dihadapi bagi industri kelapa negara. Antaranyalah faktor usia petani atau pekebun kelapa sedia ada. Kebanyakan mereka berusia purata 50 tahun, 55 tahun ke atas atau mereka hanya mewarisi tanaman kelapa dari keluarganya. Kita akan terus menjayakan program untuk memastikan golongan muda yang kurang minat untuk menceburi bidang pertanian yang dianggap kurang menarik melalui program-program kebun integrasi untuk orang muda menceburi bidang ini. Selain itu, rata-rata saiz, rata-rata pemilikan saiz adalah dalam saiz kebun yang kecil di antara 0.2 hingga 2 hektar dan tidak ekonomik, menyebabkan pendapatan daripada tanaman kelapa tidak dapat memberikan pendapatan yang tinggi kepada petani. Kebanyakan petani juga masih menggunakan *variety* lama seperti *malayan tall*. Terdapat juga ancaman perosak dan penyakit di mana perkara ini merupakan salah satu cabar yang tidak boleh dipandang rendah. Serangan kumbang jalur merah merupa, memberikan kesan yang teruk kepada tanaman kelapa. Baru-baru ini tanaman kelapa di negeri

Terengganu telah musnah diserang oleh kumbang ini dengan serius dan menyebabkan pokok terpaksa ditebang dan ditanam baru.

Negeri Johor sedang dalam kesiap siagaan dengan mengadakan kawalan secara menyeluruh bagi menghadapi ancaman kumbang ini. Kebanyakan petani masih menguruskan ladang dalam bentuk konvensional dan tidak sistematik seperti tidak membaja pokok dan hanya mengutip hasil dengan menunggu buah jatuh. Didapati petani kurang menumpukan tumpuan terhadap amalan agronomi yang betul dan tidak, dan ini akan menjejaskan pengeluaran hasil.

Bagi menghadapi isu dan cabar yang dihadapi ini, Jabatan Pertanian menggalakkan petani untuk menanam kelapa jenis rendah, kurang, kerana benih kelapa mudah dihasilkan dan juga lasak dan tidak, dan juga mampu mengeluarkan hasil seawal 3 tahun. Jabatan Pertanian juga sentiasa komited di dalam memberikan khidmat nasihat teknikal kepada petani dari segi amalan agronomi dan juga lepas tuai bagi meningkatkan hasil dan juga kualiti hasil yang dikeluarkan. Penggunaan mesin pengupas kelapa juga telah diperkenalkan kepada petani supaya kerja-kerja tersebut lebih efisien untuk dilaksanakan.

YB Speaker : Ok Yang Berhormat. Yang Berhormat Bukit Naning jemput.

YB Dato' Seri Saipolbahari bin Suib (Bukit Naning) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 6.

Isu viral pihak pendakwah di media sosial yang menafikan kebenaran amalan kalimat pendahuluan bertahlil warga Islam negeri menjadi kerisauan umat Islam di Johor. Apakah tindakan pihak berwajib menangani isu ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Tan Sri Speaker terima kasih. Dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Bukit Naning. Dakwaan dan tuduhan yang dituduhkan sebagaimana yang viral, mana ada pihak-pihak pendakwah di dalam media sosial yang menafikan kebenaran amalan bertahlil di setengah-setengah negeri menimbulkan kerisauan bagi umat Islam khususnya di negeri Johor, yang sedang tular di dalam media sosial, yang mendakwa bahawa amalan bertahlil itu tidak ada di dalam ajaran Islam.

Dakwaan dan tuduhan tersebut merupakan sebahagian daripada tuduhan-tuduhan yang dilemparkan oleh mereka-mereka yang berfahaman wahabi. Mereka mempersoalkan amalan-amalan yang telah dilakukan oleh masyarakat Islam sejak berzaman lagi. Di mana amalan ini adalah amalan yang diwarisi oleh alim ulama silam, di mana amalan-amalan seperti bertalkin, barzanji, solat sunat sebelum solat Jumaat, tahlil arwah, membaca Yasin pada malam Jumaat, membaca lafaz niat sebelum mengangkat takbir, berwirid dan berzikir kuat selepas solat fardu, bersedekah bacaan al-Quran kepada orang-orang yang telah meninggal dunia, membaca doa Qunut di dalam solat Subuh, menziarahi kubur, bersalaman selepas solat dan lain-lainnya adalah merupakan amalan-amalan yang telah diputuskan oleh ulama kita supaya sebagai amalan sunat dan boleh diamalkan kerana ianya berdalilkan daripada kitab-kitab yang muktabar yang ada di dalam Mazhab Shafie.

Tuduhan ini merupakan agenda fahaman ini dan mereka mengatakan amalan-amalan tersebut adalah bidaah dan bidaah itu sesat dan boleh membawa masuk neraka. Fahaman ini perlu dibanteras pada peringkat awal lagi supaya ianya tidak dapat disebarkan di Malaysia khususnya di negeri Johor. Jika tidak dibanteras,

ianya akan mengundang perpecahan, perbalahan dan pertumpahan darah seperti yang berlaku di sesetengah negara Islam yang lain. Di antara tindakan-tindakan yang dilakukan oleh pihak penguatkuasaan Agama Islam Negeri Johor khususnya Jabatan Agama Islam Negeri Johor:

1. Meminda Undang-Undang Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor selaras dalam mentafsirkan pegangan dari sudut akidah iaitu akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berlandaskan Mazhab Al-Asya'irah dan juga Al-Maturidiyah. Pegangan mazhab dari sudut syariah yakni amalan pula adalah mengikut Mazhab As-Syafie dan mazhab yang lain yang 3, yang boleh dilakukan setelah dirujuk kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor dan mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor. Manakala dari segi sudut akhlak pula, hendaklah ia berpegang kepada akhlak Islam.

2. Mengeluarkan fatwa bahawa fahaman wahabi ini menyeleweng dan bercanggah dengan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah. Oleh itu mereka dilarang mengembangkan ajaran mereka.

3. Menyemak semula sukatan pelajaran sekolah agama Negeri Johor untuk memastikan mata pelajaran Ilmu Tauhid adalah berlandaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah, Mazhab Al-Asya'irah dan Al-Maturidiyah.

4. Memastikan setiap penceramah yang ingin berceramah di Negeri Johor mempunyai tauliah berceramah agama daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor dan melalui prosedur yang telah ditetapkan.

5. Menghantar surat pekeliling kepada masjid-masjid, surau-surau dan jabatan-jabatan kerajaan agar hanya yang bertauliah sahaja dibolehkan berceramah di negeri Johor.

6. Menyenaraikan mereka yang mempunyai kecenderungan kepada fahaman wahabi dan tidak dibenarkan memberi ceramah ataupun menyampaikan pengajaran agama di negeri Johor.

7. Menguatkuasakan larangan tersebut dengan mengambil tindakan mahkamah kepada penceramah yang melanggar prosedur tersebut.

8. Mengadakan program penerangan, sebaran, dakwah dan seminar yang menjelaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan bahayanya fahaman wahabi.

9. Majlis Agama Islam Negeri juga telah menjalankan hubungan, menjalinkan hubungan dengan institusi Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti Indonesia, Mesir, Jordan dan Lubnan dan lain-lainnya, untuk berkongsi pengalaman mereka dalam membanteras dan membendung fahaman ini daripada tersebar. Ini kerana fahaman ini boleh membawa kekacauan dan mengganggu-gugat keselamatan negara.

10. Majlis Agama Islam Negeri Johor telah menubuhkan Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan kerjasama Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) Batu Pahat dengan objektif memperkasakan Ahli Sunnah Wal Jamaah di Negeri Johor.

Adalah diharapkan dengan perancangan yang diatur dan tindakan-tindakan yang sedang dan akan diambil, masyarakat Islam akan terus mendalami dan

menghayati ajaran Islam yang murni, berlandaskan akidah Islamiah yang subur sebagai persediaan menghadapi pelbagai cabaran yang merosakkan akidah dan amalan agama mereka. Terima kasih Tan Sri Speaker.

YB Speaker : Tak ada soal tambahan eh? Yang Berhormat Senggarang jemput.

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) : Terima kasih Tan Sri Speaker dan terima kasih kepada Yang Berhormat...

YB Speaker : Minta maaf, minta maaf. Yang Berhormat Pasir Raja jemput.

YB Dato' Sri Adham bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Selamat Hari Guru untuk besok. Soalan saya nombor 7.

Sejauh manakah setakat ini pemahaman daripada pihak guru dan masyarakat tentang keberkesanan pelaksanaan pentafsiran berasas sekolah yang dikaitkan kemenjadian murid?

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pertamanya saya ucapkan terima kasih kepada Pasir Raja kerana mengucapkan Selamat Hari Guru kepada Hari Guru semua dan kita harus mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru-guru kita.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) diperkenalkan di sekolah rendah pada tahun 2011, sementara di peringkat menengah rendah pada tahun 2012. Pada tahun 2014, PBS telah dibuat penambahbaikan bagi memastikan keberkesanan pengendalian pengurusan dan kefahaman pelaksanaan di peringkat sekolah, sejajar dengan perubahan kokurikulum dan format pentaksiran. PBS merupakan dasar yang melibatkan pentaksiran yang bersifat holistik, yang mampu menilai kognitif, intelek melalui komponen pentaksiran sekolah dan pentafsiran pusat. Menilai efektif yakni emosi dan rohani melalui pentaksiran psikometri serta menilai psikomotor, fizikal motor halus dan kasar, melalui pentaksiran aktiviti jasmani, sukan dan kokurikulum.

Selaras dengan falsafah pendidikan kebangsaan, untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis. Selaras dengan hasrat falsafah pendidikan kebangsaan dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, PBS menyediakan ruang dan peluang kepada murid untuk menunjukkan potensi diri dan nilai sebagai individu yang mempunyai kemahiran, berfikir, memimpin, berketerampilan dan mempunyai jati diri. Melalui PBS, ia menyediakan suatu bentuk struktur pelaporan yang dapat memberikan gambaran yang holistik mengenai seseorang murid kerana pengukurannya mengumpul maklumat dari segi pencapaian akademik dan bukan akademik melalui konsep padi iaitu Profil melalui pentaksiran psikometrik, A *(Achievement)*, pencapaian melalui pentadbiran pusat, D *(Development),* perkembangan melalui pentafsiran sekolah dan I (*involvement)* tentang penglibatan melalui PAJSK.

Keberkesanan pelaksanaan PBS yang dikaitkan dengan kemenjadian murid boleh dilihat daripada *outcome* berdasarkan kepada aspek kognitif melalui keputusan UPSR 2016 yang melihat pencapaian murid dalam bidang akademik dari segi penguasaan kemahiran literasi dan numerasi atau 4M (menulis, membaca, mengira

dan menaakul), di mana calon yang menduduki penilaian tersebut seramai 53,692 orang calon dengan pencapaian murid yang mencapai tahap A, menguasai tahap A hingga D semua mata pelajaran adalah 38,331 calon ataupun 71.39% dan pencapaian murid cemerlang, semua A adalah 671 calon atau 1.25%.

Dalam penglibatan murid terhadap pelaksanaan PAJSK, bagi penglibatan kokurikulum yang mewakili 10%, kebanyakan murid-murid berada dalam kelompok markah 5 hingga 7.9%. Dari aspek standard kecergasan fizikal kebangsaan ataupun Segak yang dilaksanakan 2 kali setahun, menunjukkan peningkatan bilangan murid dalam kumpulan kecergasan sangat tinggi, kecergasan tinggi dan cergas.

Bagi menambahkan lagi kefahaman berkaitan PBS ini, Lembaga Peperiksaan telah menyediakan Buku Panduan Pengurusan, Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid, Format Pentaksiran yang mudah dan boleh diakses. Selain itu setiap kali sesi baru persekolahan, semua murid-murid dan ibu bapa tahun satu dan tingkatan satu akan ditaklimatkan berkaitan tentang PBS di sekolah masing-masing. Bagi murid yang menduduki UPSR dan PT3, pihak sekolah akan mengeluarkan 4 pelaporan ke atas mereka seperti arahan surat siaran yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput Pasir Raja.

YB Dato' Sri Adham bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasih Tan Sri Speaker. Saya ucap terima kasih kepada jawapan daripada EXCO, Datuk EXCO. Jawapan itu sangat bagus. Tetapi apa yang berlaku Tan Sri Speaker, tahun lepas keputusan UPSR yang diumumkan memeranjatkan banyak pihak kerana perbezaannya yang begitu ketara. Jadi ini berlaku tahun 2011, 2016 peperiksaan UPSR. Kalau 6 tahun pun dah beri taklimat, dah minta keberkesanan, masih lagi berlaku *chaos* ataupun berlaku lagi dipanggil keputusan yang tak memberangsangkan, ini bermakna kita perlu melihat apa-apa juga kurikulum ataupun dasar yang diutarakan kepada masyarakat, mestilah sampai ke akar umbi. Sebab itulah saya tanyakan soalan ini Tan Sri Speaker, sama ada di Johor, kita nak federal, ok lah di Johor ini, adakah kebersediaan kita ini untuk menghadapi, kalau dia berlaku pada tahun 2017, lagi 6 tahun, dan lagi 3 tahun, adakah kita boleh tidak menganggap perkara yang berlaku tahun lepas, berlaku lagi? Itu Tan Sri.

YB Speaker : Terima kasih. Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan : Saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan dan kebimbangan daripada Pasir Raja berdasarkan daripada apa yang berlaku pada tahun lepas. Sememangnya dari segi konteks kefahaman dan sebagainya menjadi tanggungjawab Jabatan Pendidikan untuk memberikan kefahaman kepada semua pihak. Tetapi yang penting adalah bagaimana anak-anak kita dapat memahami tentang perubahan yang berlaku. Kerana perubahan yang berlaku dalam konteks ini hanya berkaitan tentang, kalau dulu ia dibuat di peringkat Lembaga Peperiksaan, tetapi sekarang memberikan *authority* kepada pihak sekolah berdasarkan kepada pentaksiran sekolah. Dan saya yakin bahawa kefahaman ini perlu diperjelaskan dan sekarang ini adalah dalam proses untuk memperteguh dan juga memperkemaskan kefahaman-kefahaman tersebut. Dan, saya yakin dan percaya melalui apa yang dilakukan oleh Jabatan Pendidikan di Johor khususnya dalam usaha untuk memberikan kefahaman kepada pihak ibu bapa, guru dan juga pihak murid ini sentiasa diadakan berdasarkan kepada PAK 21

dengan melibatkan keseluruhan komuniti pelajar dan juga guru untuk memastikan bahawa pencapaian itu akan tercapai.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekianlah sahaja soalan-soalan yang dapat kita senaraikan jawapan pada pagi ini. Mana-mana soalan yang tidak jawab akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN BERTULIS.

Jawapan kepada soalan-soalan bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ada di bentangkan di atas meja mesyuarat.

SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan itu disambung sekarang. Yang Amat Berhormat jemput.

YAB Menteri Besar : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin mulakan dengan merakamkan penghargaan dan menjunjung setinggi-tinggi kasih atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Sultan Iskandar, Sultan Yang Di Pertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim yang disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim sempena pembukaan sidang Dewan bagi Penggal Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor Ke 13. Titah ucapan pembukaan tersebut telah menjadi asas yang baik kepada satu perbahasan penting yang kesemuanya menjurus kepada kemaslahatan Johor dan sekalian warganya.

Seterusnya saya mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah berbahas dalam sesi Persidangan Dewan Undangan Negeri kali ini iaitu Persidangan yang rata-ratanya dianggap sebagai yang terakhir untuk penggal ini. Sama ada ini adalah persidangan terakhir untuk penggal ini atau tidak, apa yang pasti ramai sekali Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah bersungguh-sungguh memberikan pandangan dan saranan yang konstruktif dan ikhlas dan saya amat menghargainya. Pastinya kerajaan negeri akan berusaha menekuni dan mempertimbangkan segala cadangan dan idea-idea yang baik tersebut.

Tan Sri Speaker, saya juga ingin mengucapkan terima kasih atas pengiktirafan serta sokongan yang di berikan ke atas kecemerlangan pencapaian kerajaan negeri terutamanya oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Bukit Permai, Gambir, Tenggaroh, Pasir Raja, Buloh Kasap, Tenang dan sebagainya. Bulan ini genaplah 4 tahun saya memegang mandat sebagai Menteri Besar bagi mengepalai jentera kerajaan negeri Johor. Maka secara peribadi dan mewakili seluruh kerajaan negeri saya amat berterima kasih kepada semua pihak yang telah bekerjasama dan memberikan komitmen serta sokongan padu kepada saya dan pasukan saya selama ini, sehingga membolehkan kerajaan negeri merekodkan pelbagai pencapaian dan kejayaan yang cemerlang.

Tidak ketinggalan terima kasih saya kepada semua kakitangan serta agensi kerajaan, sama ada di peringkat negeri Johor mahupun di bawah kerajaan persekutuan. Segala kerja keras semua pihak, amat saya hargai. Namun semua ini tidak sekali-kali akan melekakan kita. Komitmen kita ialah untuk terus menjadi lebih

baik, lebih terkehadapan dan berkemajuan. Segala apa yang kita capai hari ini jauh dari mencukupi. Jika kita ingin menjadikan Johor ini suri teladan masyarakat dan negeri terbaik, kita mesti berusaha dengan lebih gigih untuk lebih berjaya.

Yang pasti semua ini hanyalah permulaan, bibit-bibit awal yang seharusnya terus di lonjak dan di gandakan dengan lebih konsisten dan bersungguh-sungguh. Dan ia hanya akan dapat diterjemahkan jika *Team* Johor yang ada sekarang ini kekal mendapat mandat untuk terus memerintah. (Dewan bertepuk). Kerana, andai kata bertukar mandat, kita belum tentu apakah corak dan rancangan mereka di sebelah sana untuk negeri Johor. Sedangkan selama ini, di sebalik segala ruang dan peluang yang ada, tidak pernah pula kita dengar apa agenda dan rancangan khusus mereka untuk Johor.

Jadi, saya ingin tegaskan yang Johor akan menghantar isyarat jelas bahawa kita mahu terus mara tanpa gangguan dan tanpa onar. Ini bukan masa bereksperimen dengan pasukan yang masih tidak tahu hujung pangkalnya, pasukan yang masih bercempera antara siapa pengikut dan siapa ketua.

Tan Sri Speaker, selepas insiden dan tangkapan oleh SPRM di Johor tahun ini, semakin ramai yang bangkit dan mula berbahas tentang isu rasuah dan integriti terutamanya wakil dari parti pembangkang. Justeru, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membuat satu penegasan penting. Sebenarnya, dari hari pertama saya mengambil alih kepimpinan pentadbiran kerajaan negeri, saya telah menyemat azam untuk menjadikan pentadbiran saya di sandarkan kepada amalan tadbir urus terbaik.

Ia mesti bersih, mesti cekap dan mesti amanah. Dan dalam pelbagai acara sama ada rasmi atau tidak, saya telah mengutarakan melalui ucapan dan pesanan saya, pelbagai saranan, idea dan komitmen serta harapan saya, bahawa pentadbiran saya mesti menjadi lebih baik, lebih telus, lebih beramanah. Hari ini saya ingin menegaskan sekali lagi, untuk ke sekian kalinya bahawa pentadbiran saya akan selamanya di pasak pada nilai paling luhur dan paling baik. Komitmen kita untuk menjadi kerajaan beramanah bukan bermusim, bukan retorik politik dan semestinya bukan sebagai respons kepada beberapa insiden, tuduhan kecurangan amanah yang melibatkan penjawat awam di Johor.

Komitmen kita ini adalah kerana kita sedar kepentingan amanah yang kita pikul. Kita sedar bahawa menjadi kerajaan yang bersih, amanah dan mempunyai keutuhan integriti dan pertanggungjawaban adalah tuntutan yang hak dan wajib dalam apa zaman dan era sekalipun. Tidak ada kerajaan dalam apa era sekalipun boleh meminggirkan tuntutan tadbir urus terbaik dan beramanah.

Walau bagaimanapun saya ingin memberi peringatan bahawa usaha menjadikan sistem kita lebih beramanah, lebih telus, lebih berkompaskan moral dan nilai unggul bukan kerja sehari dua, bukan kerja setahun dua. Ia adalah perjuangan yang panjang, ia bukan sekadar proses dan sistem, ia adalah juga tentang anjakan pemikiran dan sikap, ia mengambil masa, ia menuntut pelbagai pendekatan dan ikhtiar. Kerana ikhtiar memerangi rasuah akan gagal jika kita hanya memberikan fokus kepada soal *criminalisation,* dengan izin.

Sebaliknya memerangi rasuah akan lebih berjaya jika ia mengambil pendekatan yang menyeluruh atau *multifacated initiatives* dengan izin. Sesuatu yang saya panggil *smart governance* iaitu pendekatan yang memberi penekanan seimbang terhadap transformasi sistem pendidikan, anjakan pemikiran dan sikap

penguatkuasaan dan yang paling penting penggunaan teknologi. Kerana itulah dalam amanat tahun baru 2017, saya menyatakan dengan jelas bahawa jawapan kepada kerajaan yang lebih beramanah, telus dan cekap adalah melalui transformasi kerajaan menggunakan teknologi dan inovasi.

Johor mesti mula beranjak kepada landasan kerajaan digital secara serius dan radikal. Kerana melalui digitalisasi, ia bukan sahaja menjadikan urusan kerajaan pantas dan cekap tetapi ia akan memastikan ketelusan yang luar biasa. Insya-Allah usaha mendigitalkan kerajaan kita ini akan di laksanakan secara berperingkat tetapi komprehensif, cuma berilah kita waktu dan sedikit ruang.

Dalam hal ini, saya merujuk kepada ulasan Penggaram yang mempersoalkan usaha dan tindakan menandatangani ikrar bebas rasuah ataupun IBR sama ada ia sebagai satu polisi atau sekadar gimik politik menjelang pilihan raya umum tidak lama lagi. Susulan daripada pertikaian itu, langkah terbaik menurut Penggaram yang turut sama di suarakan oleh Yong Peng adalah dengan mengisytiharkan harta serta menubuhkan satu jawatankuasa khas terpilih. Terlebih dahulu saya ingin tegaskan bahawa sama ada ikrar ini adalah satu dasar atau sekadar gimik politik, ia terserah sepenuhnya kepada mereka yang melihatnya.

Kalau yang melihat itu berfikiran terbuka dan positif maka ia pastinya suatu dasar kerajaan yang progresif dan wajar dialu-alukan. Tetapi kalau yang melihatnya itu berfikiran negatif, ia tidak ubah satu gimik politik. Bagi kita ikrar sedemikian adalah usaha untuk mengajak kepada kebaikan. Menanam dalam diri setiap penjawat awam iltizam bahawa menjadi amanah itu sangat terpuji, menyentuh nurani mereka agar mereka ingat bahawa mereka pernah berjanji dengan jujur untuk beramanah dan untuk tidak berlaku curang.

Ia mungkin langkah kecil pada Penggaram, tetapi ia adalah langkah yang membantu melengkapi pelbagai langkah lain dalam usaha kita membasmi rasuah. Tetapi biar apa pun label yang diberikan, saya dan seluruh jentera kerajaan negeri tidak akan mudah terkesan dengan semua itu, kerana di Johor ini kita sudah lali dengan perkara seperti ini. Apa-apa saja yang dilakukan oleh kerajaan negeri pasti akan dipolitikkan sekalipun perkara tersebut berniat baik dan insya-Allah membuahkan hasil yang positif.
Pada pihak pembangkang, tidak ada satu pun usaha kerajaan negeri yang betul, yang baik dan bermanfaat. Pada mereka yang betul, yang baik, yang bermanfaat hanyalah apa yang dilakukan oleh kerajaan negeri Pulau Pinang dan Selangor. Pemikiran sebegini saya sifatkan bukan saja sebagai skeptikal, pesimis dan prejudis tetapi ini adalah contoh pemikiran toksik atau letusan jiwa toksik. Ia tebal dengan rasa prejudis, ia gagal bersifat objektif. (Dewan bertepuk).

Barangkali inilah apa yang diungkapkan oleh tokoh akademik Syed Hussien Al Attas sebagai minda tertawan yakni mereka yang gagal melihat perkara baik atau pemikiran yang menolak keterbukaan dan kemajuan seperti yang di simpulkan dalam peribahasa Melayu yang berbunyi, *'sepuluh jong masuk kuala, anjing tetap bercawat ekor'*. Dan tidak sukar sebenarnya untuk kita mengenali golongan seperti ini. Biar saya tawarkan sedikit panduan sebagai pedoman semua. Mereka yang berpemikiran toksik dan berminda tertawan ini lazimnya mempunyai beberapa ciri atau watak yang kita mesti sedar dan berwaspada dengannya.

Pertama, kalau ada perkara baik dan berjaya, mereka menjadi cacing kepanasan. Mereka akan rendah-rendahkan, kecil-kecilkan dan buruk-burukkan, jiwa toksik mereka akan meletus dan memuntahkan segala kebencian dan iri hati.

Kedua, kalau kita melaksanakan sesuatu yang baru dan baik pula. Tetapi masih mempunyai kelemahan dan kekurangan, jangan harapkan mereka akan tampil dan membantu menambah baik apa yang kurang tersebut. Sebaliknya kelemahan tersebut akan dibesar-besarkan sehingga kelihatan seolah-olah kita berniat jahat dan sengaja mahu memastikan rakyat Johor ini susah, menderita dan sengsara.

Ketiga, dan ini yang paling penting, dalam kesemua rungutan serta pertikaian-pertikaian yang tidak berkesudahan tersebut. Tidak ada satu pun yang disertakan dengan cadangan yang konstruktif atau lebih baik berbanding dengan status quo melainkan gesaan demi gesaan untuk Johor menjadi Pulau Pinang atau Selangor. Telah saya tegaskan berkali-kali bahawa Johor adalah Johor, kita tidak akan jadi Pulau Pinang atau Selangor (Dewan bertepuk).

Tan Sri Speaker, berbalik kepada cadangan pengisytiharan aset oleh Penggaram. Saya tegaskan bahawa ia semangnya menjadi amalan dalam kerajaan. Cuma, ia tidak didedahkan kepada awam. Malah semua penjawat awam sebenarnya harus melalui saringan keutuhan yang ketat sebelum keputusan kenaikan pangkat dipertimbangkan. Sekalipun begitu, ia bukan langkah terbaik untuk mencegah masalah korupsi dan ketirisan. Sebaliknya yang harus diperkemas adalah tata kelola serta prosedur kerajaan. Ini kerana, sekali pun berlakunya pengisytiharan harta, sekiranya wujud lakuna dalam prosedur dan peruntukan undang-undang atau birokrasi kita, maka ketirisan dan rasuah akan tetap berlaku. Lihatlah sahaja di sebuah negeri di utara tanah air. Sekali pun kononnya berlaku pengisytiharan aset ia tidak menafikan boleh berlaku salah guna kuasa dan isu integriti yang melibatkan pemimpin tertinggi di negeri tersebut. (Dewan bertepuk).

Jadi kalau kita fikirkan kembali, bukannya Ikrar Bebas Rasuah itu yang menjadi gimik politik, tetapi gesaan mengisytiharkan harta itulah yang sebenarnya satu gimik politik.

Tan Sri Speaker, seterusnya saya ingin mengulas dan menjawab isu-isu yang dibangkitkan sepanjang perbahasan kali ini.

Pertamanya adalah isu yang dibangkitkan oleh Penggaram yang bertanyakan tentang ukuran kejayaan Pelan Pertumbuhan Strategik Johor dan perkembangan setakat ini selepas memperuntukkan sebanyak RM8 juta bagi pelan ini. Pencapaian, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pencapaian Pelan Pertumbuhan Strategik Johor atau PPSJ, perlulah dilihat secara mikro, dan perlu diamati bagi tempoh yang panjang. Sekali pun pelan ini baru dilancarkan sebenarnya, pelbagai indikator ekonomi telah menunjukkan kesan positif kepada ekonomi Johor. Peruntukan di bawah PPSJ telah dibelanjakan untuk melakukan antara lain, membangunkan Pelan Pertumbuhan Strategik Johor itu sendiri, melantik penasihat pakar, melantik pemudah cara untuk menyusun inisiatif, melaksanakan pelbagai program *Quick Win* dengan izin, serta membiayai projek-projek yang disenaraikan di semua sepuluh daerah Johor. Antaranya seperti projek peningkatan ekonomi Sungai Masoh serta pembinaan nurseri di sepuluh kampung di daerah Kota Tinggi, melaksanakan projek *homestay* Tanjung Piai, membina galeri sejarah serta galeri produk pelancongan Mukim Kesang, daerah Tangkak dan sebagainya.

Selain daripada itu, terdapat tiga inisiatif *Quick Win* yang telah dilaksanakan menerusi pelan ini, antaranya;

1. Johor *Women Netprenuer*
2. Johor Desapreneur
3. Program Bitara STEM ataupun dengan izin, *Science Technology Engineering and Mathematics* bagi tujuan meningkatkan minat pelajar dalam bidang ini.

Tan Sri Speaker, kedua saya ingin menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Parit Yaani yang menyatakan ketidakperluan mempunyai Jawatankuasa Pemandu Ekonomi Masa Depan Johor. Sebaliknya cukuplah sekadar kita memantapkan UPEN ataupun Unit Perancang Ekonomi Negeri. Selain menyamakan Jawatankuasa Pemandu Ekonomi Masa Hadapan Negeri Johor ini dengan PEMANDU di bawah Jabatan Perdana di peringkat kerajaan pusat, Parit Yaani bimbang dengan penglibatan pihak swasta dalam jawatankuasa ini yang kononnya akan menyebabkan kemajuan sosioekonomi negeri Johor beralih kepada pro-pasaran dan kapitalistik. Dan, saya ingin menyangkal perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Parit Yaani ini.

Pertama, jangan kita sesekali keliru dengan istilah pemandu dalam nama jawatankuasa ini. Ia bukanlah bertujuan menjalankan fungsi yang sama seperti PEMANDU di peringkat pusat. Ini adalah jawatankuasa pemandu yang mandatnya adalah untuk mengemukakan pandangan bernas dan nasihat kepada kerajaan negeri dan UPEN tentang bagaimana kita harus meneroka peluang ekonomi masa hadapan. Adalah tidak wajar untuk kita tidak memikirkan secara serius, tentang ekonomi masa hadapan Johor bermula dari sekarang. Sedangkan terdapat banyak kajian serta penyelidikan dari seluruh dunia yang menunjukkan bahawa kedinamikan serta bentuk ekonomi yang akan berlaku pada masa hadapan adalah sangat kompleks, mencabar serta memerlukan persediaan rapi daripada awal.

Kedua, sekali pun saya berterima kasih dan bersetuju dengan Parit Yaani yang memuji UPEN sebagai berkemampuan merancang, mengurus dan mentadbir dengan penuh integriti baik dan beramanah, saya masih ingin tegaskan yang kita tidak boleh hanya mengharapkan segala-galanya kepada UPEN. Adalah penting untuk UPEN turut mendapat *input* serta saranan daripada pelbagai pihak luar dan para pemain industri dalam memastikan dasar serta pacuan aktiviti ekonomi Johor berjalan dengan baik. Janganlah Parit Yaani atau mana-mana wakil pembangkang sekali pun risau peralihan ekonomi kita menjadi kapitalistik dan pro-pasaran. Kerana sudah menjadi ikrar dan dasar kerajaan negeri sedia ada untuk memastikan pembangunan ekonomi Johor berseimbang, berketahanan dan berkesejahteraan. Yang perlu kita risaukan adalah hakikat seperti yang telah saya katakan tadi bahawa sehingga kini, belum pernah kita dengar sekali pun apakah bentuk dan pelan pembangunan ekonomi Johor oleh pihak pembangkang.

Selain itu, Parit Yaani turut meminta penjelasan tentang kebocoran Bilik Kebal Pejabat Tanah yang didakwa boleh mengakibatkan pertindihan hak milik. Untuk makluman semua, segala dokumen yang berkaitan dengan perihal tanah iaitu dokumen Hak Milik Daftar berserta pelan lokasi tanah yang mengandungi maklumat mengenai ketuanpunyaan, keluasan, lokasi dan bebanan yang terdapat di atasnya seperti gadaian, pajakan, kaveat dan sebagainya adalah tersimpan rapi di dalam satu fail yang dinamakan JOPA, dan diletakkan di bilik kebal PTG. Secara fizikalnya, bilik kebal PTG dilengkapi dengan spesifikasi fizikal bilik kebal dan sentiasa ditambah baik. Dari segi kawalan kakitangan, bilik kebal diketuai oleh seorang pegawai dan 14 orang kakitangan. Segala nama dan pemilikan tanah adalah seperti yang didaftarkan pada hak milik terkawal melalui sistem pendaftaran tanah berkomputer. Sebarang pertukaran nama, hanya boleh dilakukan selepas semua

dokumen lengkap dikemukakan kepada Pendaftar. Proses pertukaran ini akan melalui empat siri tapisan yang setiap satunya dikawal oleh kakitangan yang berlainan dengan ID ataupun identiti yang berlainan.

Jadi, saya ingin membuat penegasan yang jelas dan saya amat berharap perkara ini tidak di manipulasi dan dijadikan spekulasi lagi. Bahawa bilik kebal Pejabat Tanah dan Galian Johor tidak mengalami pencerobohan atau pecah masuk oleh mana-mana pihak seperti yang digembar-gemburkan di luar sana. Istilah bilik kebal bocor menzahirkan ketidakfahaman terhadap prosedur dan proses kerja pentadbiran tanah. Khususnya yang berkaitan keselamatan maklumat, rekod dokumen dan bagaimana sesuatu urusan seperti tukar nama pada hak milik boleh dilaksanakan.

Namun sekiranya, sesuatu pendaftaran hak milik dan kepentingan tersebut diperolehi dengan cara penipuan, atau *fraud* dengan izin, atau pemalsuan dokumen, ia tidak ada kena mengena dengan tahap keselamatan bilik kebal PTG. Ini kerana, pemalsuan dokumen dan penipuan boleh berlaku tanpa memecah masuk ke dalam bilik kebal PTG. Perkara ini sama situasinya dengan kes pemalsuan kad pengenalan yang boleh berlaku tanpa menggodam sistem JPN atau pemalsuan pasport yang boleh berlaku tanpa melibatkan pencerobohan atau penggodaman sistem Jabatan Imigresen.

Namun saya juga akui ini adalah perkara serius dan mesti diberikan perhatian. Setakat ini penipuan dan pemalsuan hak milik tanah adalah kesalahan yang dikawal ketat mengikut peruntukan Seksyen 340 (2) Kanun Tanah Negara 1965. Seksyen dan klausa ini secara jelas dan tegas menyatakan bahawa sebarang urus niaga yang melibatkan *fraud*, hak milik dan kepentingan yang didaftarkan boleh disangkal menurut undang-undang.

Sehubungan dengan itu, sebagai penambahbaikan hari ini, saya ingin menyarankan 2 perkara.

Pertama, kita semua mesti berhenti menyerang dan menimbulkan keraguan masyarakat ke atas sistem dan pihak berkuasa khususnya pihak PTG. Ia hanya akan menimbulkan ketidakpercayaan yang sebenarnya tidak pun membantu menyelesaikan masalah penipuan dan pemalsuan hak milik tanah.

Kedua, semua pihak mesti bersama-sama berusaha untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada masyarakat di luar sana tentang prosedur dan kesahihan sesuatu urusan yang berkaitan dengan PTG. Agar kita tidak dengan mudah mempercayai sebarang dokumen yang di dakwa sebagai dokumen PTG.

Tan Sri Speaker, seterusnya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Skudai dan Jementah, berhubung pembatalan Perjanjian Projek Bandar Malaysia dan kesannya kepada Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ). Untuk makluman, pelaburan dalam projek Bandar Malaysia adalah di peringkat IWHCREC Sdn. Bhd. (ICSB) iaitu anak syarikat kepada IWH. Jadi, semua keputusan dan aspek pengurusan adalah di bawah seliaan ICSB dan KPRJ tidak mempunyai kuasa atau hubungan terus dengan ICSB. Sebaliknya sebagai pemegang saham dalam IWH melalui KPRJ, kerajaan negeri akur dengan pendirian TRX City Sdn. Bhd. dan juga menerima sebarang keputusan yang diputuskan oleh Lembaga Pengarah ICSB. Kita percaya ia adalah keputusan yang sepenuhnya bersifat komersial, profesional dan tidak harus dipolitikkan. Lebih penting, segala perbelanjaan termasuk kos pelaburan ditanggung melalui pendahuluan tunai dari IWH dan CREC tanpa

melibatkan sebarang dana daripada KPRJ. Oleh itu, isu tanggungan sejumlah RM1.78 bilion serta pembayaran deposit yang dikaitkan dengan KPRJ adalah tidak tepat dan tidak benar sama sekali. Di peringkat IWH pula, tiada kerugian atau kehangusan pembayaran deposit. Ini kerana berdasarkan perjanjian SPA yang dibatalkan tersebut, semua deposit akan dipulangkan sekiranya pembatalan adalah kerana tidak menepati pra syarat perjanjian. Malah untuk makluman semua, segala bayaran deposit tersebut berjumlah RM785 juta telah pun dikembalikan kepada ICSB pada 9 Mei 2017. Oleh itu, tiada isu kerugian kepada IWH, KPRJ dan malah kerajaan negeri akibat pembatalan ini.

Jadi, kepada Skudai dan Jementah, kita tak ada apa-apa yang hendak kita sorokkan dalam kes ini. Walau bagaimanapun, pastilah kehilangan peluang untuk terlibat dan menjana keuntungan dari projek Bandar Malaysia ini adalah dikesali. Namun kita akan berusaha agar pada masa hadapan kita terus berpeluang untuk bersaing serta terlibat dalam projek atau pelaburan yang besar yang memberi manfaat kepada Johor.

Seterusnya, saya juga ingin membidas dakwaan bahawa prestasi dan kedudukan kewangan KPRJ dikatakan berada dalam keadaan kritikal. Tan Sri Speaker, berdasarkan akaun beraudit tahun 2015, Kumpulan KPRJ mempunyai keuntungan terkumpul berjumlah RM1.6 bilion bagi syarikat dan RM2.6 bilion bagi kumpulan. Ini bermakna secara purata sejak 20 tahun penubuhannya, KPRJ merekodkan keuntungan sebanyak RM80 juta setahun bagi syarikat dan RM130 juta bagi kumpulan. Keuntungan terkumpul ini boleh diagihkan sebagai dividen atau dilabur semula untuk membeli aset atau mengurangkan hutang.

Setakat ini KPRJ telah melabur sebahagian besar keuntungan terkumpulnya di dalam ekuiti pelbagai syarikat. Antaranya dengan memegang ekuiti sebanyak 36.8% dalam IWH, 20% dalam Iskandar Investment Berhad, 6.5% dalam Iskandar Waterfront City Berhad dan 30% dalam Southkey City Sdn. Bhd. Manakala nisbah aset dan liabiliti adalah pada kadar 13:1 bagi syarikat dan 3.2:1 bagi peringkat kumpulan. Nisbah yang rendah ini jelas menunjukkan KPRJ tidak terdedah kepada risiko kewangan yang tinggi kerana tahap liabliti yang rendah. Jadi saya tegaskan kembali bahawa Kumpulan KPRJ ini berada di dalam kedudukan yang baik dan bukannya pada tahap kritikal seperti yang digembar-gemburkan.

Tan Sri Speaker, seterusnya saya ingin menjawab soalan Bentayan tentang kononnya terdapat banyak cakap-cakap di luar sana yang menyatakan pertambahan saiz tanah rizab Melayu di Johor tidak menggambarkan pemilikan individu yang dikatakan menyusut dengan banyak dan berlegar-legar di kalangan orang kaya dan mereka yang rapat dengan kekuasaan sahaja. Inilah masalahnya apabila kita berbahas menggunakan hujah cakap-cakap di luar sana. Kalau kita suka bergosip, maka kita tidak akan mendapat maklumat yang sebenar dan tepat.

Untuk makluman Bentayan, sehingga kini keluasan tanah rizab Melayu di Johor adalah 550,276.015 hektar iaitu 29.3% dari keluasan negeri Johor. Penetapan status rizab Melayu adalah melalui Seksyen 3 dan Seksyen 6 Enakmen Rizab Melayu 1936, iaitu Seksyen 3 Perizaban Melalui Kawasan, manakala Seksyen 6 adalah Perizaban Secara Permohonan ataupun sebagai salah satu syarat kelulusan pemberimilikan. Dakwaan yang menyatakan berlaku penyusutan pemilikan individu sebagai rizab Melayu adalah tidak benar sama sekali.

Pertama, kerana apa-apa bentuk pengubahan status rizab Melayu perlu mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri yang hendaklah memenuhi dua syarat

di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Enakmen Rizab Melayu 1936 iaitu tanah tersebut hendaklah digantikan dengan tanah lain yang sama atau lebih keluasannya dan nilaian tanah hendaklah sama atau lebih dari tanah asal yang hendak dibatalkan statusnya.

Kedua, kerajaan sentiasa mengambil tindakan proaktif, misalnya bagi kelulusan pemberimilikan kepada orang Melayu, tanah-tanah tersebut hendaklah dijadikan sebagai tanah rizab Melayu di bawah Seksyen 6.

Ketiga, perlu turut dijelaskan bahawa mana-mana hak milik yang asalnya adalah melalui pemberimilikan, tetapi masih belum lagi diwartakan menjadi tanah pegangan Melayu, satu kaveat Pendaftar akan di*endors*ekan pada hak milik tersebut bertujuan untuk menghalang sebarang percubaan melalukan transaksi tanah tersebut kepada mana-mana bukan Melayu.

Keempat, rekod kita menunjukkan peningkatan pemilikan rizab Melayu dari setahun ke setahun. Sejak tahun 2008 sehingga kini sebanyak 27,791.878 hektar tanah rizab Melayu diluluskan untuk tujuan kediaman dan pertanian melibatkan 22,824 pemilik yang baru. Pada tahun 2014 sahaja, pertambahan pemilikan rizab Melayu individu adalah sebanyak 617 pemilik; 2015, 1,346 pemilik; manakala tahun 2016, 1,203 pemilik.

Dan kelima sebagai tambahan, saya kongsikan bahawa berdasarkan maklumat dalam Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer, jumlah pemilikan individu dan keluasan bagi tanah rizab Melayu yang diwartakan di bawah Seksyen 6 Enakmen Rizab Melayu di negeri Johor sehingga 2015 adalah sebanyak 128,926 pemilikan, yang secara keseluruhannya berkeluasan 211,187.5 hektar. Maka jumlah keluasan di bawah Seksyen 6 ini adalah sebanyak 38% daripada keseluruhan tanah rizab Melayu dan baki daripada keluasan tersebut yang merangkumi 72% adalah tanah-tanah rizab Melayu yang diwartakan di bawah Seksyen 3 yang wujud sebelum merdeka dan ditambah dengan keluasan tanah rizab Melayu yang baru sehingga kini.

Jadi ringkasnya, dakwaan berhubung susutan pemilikan tanah rizab Melayu individu ini adalah tidak benar sama sekali. Saya tidak pasti apakah motif Bentayan membangkitkan isu ini. Adakah Bentayan mempunyai pelan dan hasrat untuk membantu menambah keluasan rizab Melayu pada masa akan datang? Bersediakah Bentayan untuk meyakinkan rakan-rakan parti Bentayan keperluan dan kepentingan meningkatkan saiz tanah rizab Melayu di Johor? Nasihat ikhlas saya, berhentilah bergosip dan buanglah tabiat suka mendengar cakap-cakap kosong yang tidak berasas. (Dewan bertepuk). Perkara ini bukan sahaja tidak profesional, tidak sahih tetapi boleh dianggap sebagai penghinaan kepada Dewan yang mulia ini. Mana tidaknya kita mengambil masa Dewan semata-mata untuk menghujahkan sesuatu yang kita kutip dari cakap-cakap kosong di luar sana yang tidak pun bersumber dan berasas. Bukankah ini merendahkan *standard* Dewan Undangan Negeri Johor? Tetapi secara jujurnya saya lega, saya lega kerana kini setidak-tidaknya kita mempunyai rekod Dewan yang rasmi dan termaktub yang boleh dirujuk kembali pada masa hadapan, yang menunjukkan secara jelas cara, sikap dan mentaliti pembangkang dalam membawa isu dan berhujah.

Tan Sri Speaker, seterusnya saya merujuk kepada gesaan oleh Bekok agar peserta dan generasi kedua dalam Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Orang Asli Mukim Bekok, Segamat oleh Yayasan Pelajaran Johor diberikan penyerahan tanah pada tarikh yang telah ditetapkan. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat

sekalian, untuk membolehkan pemberian hak milik tanah tersebut dilakukan, kedua-dua rizab atas tanah tersebut iaitu rizab hutan dan rizab mergastua mesti dibatalkan terlebih dahulu. Setakat ini, rizab hutan telah dibatalkan dan hanya rizab mergastua yang belum dibatalkan. Dan pembatalan rizab mergastua ini adalah di luar bidang kuasa kerajaan negeri dan hanya boleh dilakukan oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Sehingga rizab mergastua ini dibatalkan, kerajaan negeri tidak akan dapat memberikan hak milik tersebut, tetapi kita memberi jaminan kita akan merujuk kembali kepada kementerian untuk mendapat kelulusan daripada Yang Berhormat Menteri Sumber Asli.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya saya merujuk kepada ucapan Pengkalan Rinting yang bertanyakan sama ada pelabur asing hartanah terutamanya dari negara China betul-betul membantu merangsang ekonomi Johor seterusnya membawa faedah kepada Bangsa Johor. Untuk menjawab perkara ini, saya ingin merujuk kepada beberapa aspek dan petunjuk.

Pertama, dengan kewujudan Forest City nilai tanah di kawasan sekitarnya meningkat jauh lebih tinggi dari nilai asal.

Kedua, projek mega ini telah membuka peluang perniagaan kepada ramai usahawan dan peniaga tempatan. Bekalan bahan mentah, keperluan pelbagai jenis aset kerja tanah dan pembinaan, perundingan, kepakaran teknikal serta pelbagai lagi.

Ketiga, tenaga kerja berkemahiran dari pelbagai sektor dan negara sekarang berkhidmat dan bermastautin di negeri Johor. Ini menjadikan Johor tumpuan tenaga kerja berpendapatan tinggi yang kehadiran mereka akan membantu merangsang pertumbuhan ekonomi.

Keempat, permintaan dan bekalan di kedai-kedai runcit dan warung di sekitar Forest City meningkat.

Kelima, projek Forest City telah menyumbang kepada peningkatan kadar sewa rumah di kawasan sekitarnya, susulan permintaan yang tinggi. Perkara in pastinya menguntungkan para pemilik rumah sewa dan tuan tanah di sana.

Keenam, projek Forest City turut membantu usaha pengukuhan pendidikan anak-anak tempatan. Setakat tahun 2017, sumbangan mencecah RM695,000.00 telah disalurkan oleh pemaju Forest City untuk pembiayaan kelas tambahan calon UPSR di lima buah sekolah angkat.

Ketujuh, kita tidak seharusnya mengetepikan fakta bahawa projek Forest City telah membuka peluang pekerjaan baru kepada anak-anak tempatan. Setakat ini, perjawatan secara lantikan terus di Forest City adalah seramai 1,182 tenaga kerja. Sehingga 1 Mei 2017, Forest City telah memiliki 70% tenaga kerja yang terdiri dari warga tempatan yang merentasi pelbagai bidang dan pangkat. Misalnya bagi bidang teknikal, bentuk pekerjaan yang dibuka adalah seperti penyelenggaraan, jurutera, jurureka, pegawai kesihatan, keselamatan dan alam sekitar serta eksekutif teknologi maklumat. Bagi bidang pengurusan pula, antara jawatan yang ditawarkan adalah eksekutif, pengurus, ketua jabatan serta pengarah.

Kelapan, sehingga kini 40% kontraktor dan pembekal yang terlibat dalam projek tersebut adalah dari syarikat tempatan termasuk kontraktor dan pembekal Bumiputera.

Kesembilan, Forest City akan mendatangkan manfaat pungutan pelbagai jenis cukai dan bayaran kepada kerajaan. Berdasarkan rekod kelulusan Sijil Formula Unit Syer bagi pembangunan Fasa 1 di Pulau 1 sahaja, terdapat 24,227 petak di atas 9 hak milik induk yang menghasilkan cukai tanah berjumlah RM2,575,370.00. Di samping cukai tanah, kerajaan negeri juga dijangka akan menerima hasil bayaran pendaftaran hak milik yang besar. Untuk fasa 1, pulau satu ini sahaja hasil yang akan diterima kira-kira RM72 juta. Iaitu jumlah keseluruhan bagi bayaran sebanyak RM3,000.00 ke atas setiap satu daripada 24,227 petak dalam fasa 1 ini. Lebih menarik, kalau kita rujuk kepada kritikan oleh Tun Mahathir yang mendakwa secara tidak berasas sebelum ini, bahawa Forest City kononnya mempunyai 700,000 unit, maka bayangkan berapa banyakkah cukai hasil yang akan diperolehi oleh kerajaan negeri? Kalau kita mengambil angka 700,000 tersebut sebagai fakta yang betul, cubalah Yang Berhormat Pengkalan Rinting kira sendiri anggaran hasil kerajaan negeri. 700,000 unit, dikali RM3,000.00 seunit. Jadi, berapa hasilnya? Itu belum lagi kita kira hasil dan pendapatan kerajaan selepas fasa-fasa di pulau-pulau lain siap sepenuhnya kelak. Dan itu juga, tak kira cukai harta yang akan dibayar oleh pemilik-pemilik rumah di sana.

Seterusnya, saya ingin mengulas pula tentang persoalan Pengkalan Rinting dan Senai berhubungan dengan penggunaan buruh dari negara China yang ramai di Forest City. Dalam hal ini, kita mesti jelas bahawa, bukan ke semua buruh yang kita gunakan dalam projek ini adalah dari negara China. Sebaliknya mereka mempunyai demografi dan latar belakang kenegaraan yang pelbagai dan termasuk pekerja tempatan. Sekalipun kita mahu berkeras bahawa majoritinya adalah buruh dari China dan masih lagi pekerja asing, maka perkara ini adalah disebabkan oleh 4 faktor utama.

Pertama, kerja-kerja kemahiran rendah ini tidak mendapat minat rakyat tempatan. Ini kerana pekerjaan berkemahiran rendah di tapak pembinaan memerlukan para buruh bekerja keras di bawah cuaca panas terik dan menerima upah yang tidak begitu tinggi. Perkara ini bukanlah satu yang eksklusif dan terpencil kepada kes Forest city, tetapi ia adalah fenomena yang sama kepada hampir semua projek pembinaan di seluruh Malaysia. Malah di seluruh dunia. Dan, sekalipun kita tidak mengambil buruh dari negara China ini, rata-rata kita masih menggunakan khidmat pekerja asing. Cuma mungkin dari negara lain seperti Nepal, Bangladesh dan Indonesia.

Kedua, buruh dari negara China sudah sememangnya bersedia dengan budaya kerja keras selama 7 hari seminggu. Perkara ini sudah sebati dan menjadi amalan mereka. Jadi, ia memudahkan pihak kontraktor untuk membuat perancangan dan jadual pembinaan penyiapan dengan cepat.

Ketiga, syarikat-syarikat China mempunyai satu sistem bersepadu bagi segala pembiayaan, elemen kejuruteraan bahan sumber dan lain-lain yang membolehkan mereka menyiapkan projek pada kos yang lebih rendah. Ini termasuklah penggunaan buruh berkemahiran China yang akan memudahkan urusan dan menjamin kos pembinaan kekal pada paras lebih rendah.

Keempat, ia adalah disebabkan oleh isu bahasa dan kemudahan komunikasi memandangkan pihak pemaju rata-ratanya berbahasa Mandarin, maka mungkin adalah lebih mudah untuk mereka mendapatkan buruh yang menggunakan bahasa pertuturan yang sama.

Sebagai langkah produktif, saya tidak mahu bersikap *defensive* dengan izin, jadi saya dengan berbesar hati menjemput Pengkalan Rinting nanti untuk kongsikan dengan kita semua apakah pelan dan strategi lengkap beliau akan menarik minat warga tempatan khususnya dari bangsa China untuk menjadi buruh binaan di kesemua projek mega ini. (Dewan bertepuk). Cuma, satu perkara yang harus diingat oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada pembangkang setidak-tidaknya kita di Johor ini, setakat menggunakan khidmat buruh dan pekerja asing, tidaklah sampai macam parti Yang Berhormat, Wakil Rakyat pun diimport dan diambil dari warganegara asing. (Dewan ketawa dan bertepuk).

Tan Sri Speaker, seterusnya saya ingin merujuk kepada pertikaian oleh Bentayan berhubung kajian pelan induk pembangunan Selat Johor 2025 yang dinyatakan kawasan zon antarabangsa seperti Forest City, pembangunan Nusajaya dan JBCC tidak akan diberikan hak milik kekal. Kepada warga asing tetapi perkara sebaliknya berlaku. Suka saya terangkan bahawa zon antarabangsa yang telah diumumkan itu diwujudkan atas dua objektif. Pertama untuk merealisasikan konsep sektor ekonomi digalakkan Iskandar Malaysia yang akan memacu pertumbuhan ekonomi Iskandar Malaysia di peringkat antarabangsa. Kedua, untuk mengenal pasti satu kawasan tumpuan pembangunan khusus pelaburan dan masyarakat warga asing. Ia bertujuan menghad serta mengawal pemilikan hartanah oleh warga asing di kawasan koridor pembangunan Selat Johor. Adalah penting untuk kita mengambil maklum bahawa segala maklumat berhubung pembangunan di kawasan zon antarabangsa seperti Forest City dan sebagainya yang tidak akan diberikan hak milik kekal kepada warga asing yang diperolehi dari web oleh Bentayan tersebut diambil semasa ia masih dalam peringkat draf.

Untuk makluman semua, setelah satu laporan berhubung polisi strategik projek ini disiapkan ia telah dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri pada 12 Julai 2015. Pihak Berkuasa Negeri memutuskan supaya diadakan satu program sesi maklum balas awam untuk memberi peluang kepada orang ramai mengemukakan cadangan dan bantahan terhadap pelan dan polisi tersebut sebelum ia dilaksanakan. Program sesi itu telah diadakan pada 5 Ogos 2015 sehingga 19 Ogos 2015 melibatkan 6 lokasi. Hasil cadangan dan bantahan tersebut telah dikumpulkan dan dinilai serta dianalisis oleh pihak UPEN dan seterusnya dibawa ke Jawatankuasa Hasil Bumi untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor. Sehubungan itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor dalam mesyuaratnya pada 4 November 2015 telah bersetuju dengan polisi-polisi strategik bagi kawasan zon antarabangsa. Di mana, telah dipersetujui bahawa pemilikan hartanah dalam zon adalah mengikut syarat dan status tanah yang termaktub dalam geran asal dan juga perkara-perkara strategik yang lain yang sesuai bagi satu-satu pembangunan.

Maka, oleh kerana itulah terdapatnya projek dalam zon antarabangsa yang mendapat hak milik kekal berbanding dengan hak milik pajakan. Selain daripada itu, saya juga ingin mengajak semua pihak untuk melihat perkara ini dari sudut yang lebih pragmatik dan praktikal. Kebanyakan projek yang dinyatakan itu melibatkan proses penambakan laut yang sebenarnya amat mahal dan sangat teknikal. Jadi, amatlah sukar untuk kita mendapatkan tawaran dan pemaju yang berkemampuan dan sanggup berbelanja sangat besar bagi menjayakan projek ini tetapi hanya diberikan dengan hak milik berstatus pajakan.

Di samping itu, zon pembinaan ini, khususnya Forest City melibatkan kawasan yang kecil iaitu kira-kira hanya 0.1% daripada keluasan sebenar negeri Johor. Jadi, berdasarkan kepada kaedah dan manfaat dan juga saiznya yang begitu kecil,

maka atas sebab itulah, kita pertimbang dan bersetuju memberi hak milik kekal kepada projek ini.

Tan Sri Speaker, seterusnya saya merujuk kepada pertikaian oleh Stulang yang membangkitkan tentang ramainya warga Johor yang memilih bekerja di Singapura yang antara lain adalah akibat desakan kos sara hidup. Terlebih dahulu, saya ingin menegaskan bahawa pergerakan seperti itu, merupakan satu trend global dikenali sebagai *cross border economy* dengan izin atau ekonomi rentas sempadan. Globalisasi serta perkembangan meluas perdagangan dan pelaburan merentasi sempadan telah menyebabkan pergerakan buruh antarabangsa menjadi semakin normal dan rancak berdasarkan global ekonomi prospek yang diterbitkan oleh bank dunia, kejatuhan kos pengangkutan serta kemudahan komunikasi telah mengurangkan jarak antara wilayah.

Dan seterusnya, mendorong pekerja untuk mencari peluang pekerjaan di negara jiran yang menawarkan gaji yang lebih baik. Ini adalah fenomena global dan telah menjadi kelaziman di mana-mana negara bersempadan dengan ekonomi yang dinamik. Pergilah ke Malmo di Sweden. Ambillah kereta api waktu pagi dan petang ke Copenhagen, Denmark. Ramai pekerja berulang alik setiap hari ke Copenhagen untuk mencari rezeki sedangkan Sweden adalah negara maju. Pergi juga ke Shenzhen, ribuan orang penduduk Hong Kong ke Shenzhen setiap hari untuk bekerja kerana Shenzhen adalah kota kewangan utama China. Sedangkan Hong Kong adalah ekonomi paling dinamik di Asia Timur. Atau naiklah feri dari Hong Kong ke Macau dan kita boleh melihat ratusan pekerja berulang alik bekerja di kedua-dua negara. Ini bukan bermakna Macau itu ekonominya gagal tetapi inilah hakikatnya ekonomi rentas sempadan.

Contoh kedua, merujuk kepada laporan P*acific Possible : Labour Mobility* 2016 oleh bank dunia yang menggalakkan mobiliti buruh kerana ia mampu menjana tambahan USD10 bilion untuk ekonomi di Kepulauan Pasifik menjelang 2040. Laporan itu juga menjelaskan bahawa sebahagian besar pendapatan akan dihantar pulang ke negara asal menyebabkan sehingga tambahan 800 juta dalam bentuk kiriman wang untuk negara asal buruh.

Justeru, mobiliti buruh dari Johor ke Singapura ini bukan perkara negatif. Ia adalah perkara positif sebenarnya. Melalui ekonomi rentas sempadan seperti ini mobiliti buruh berpotensi membangunkan ekonomi Johor menuju kepada ekonomi berpengetahuan tinggi meningkatkan daya saing tenaga kerja, memupuk keusahawanan di kalangan diaspora dan mengukuhkan rangkaian ekonomi wilayah. Malah kedua-dua negara mendapat manfaat yang luar biasa. Singapura melalui kepakaran tinggi pekerja Malaysia dan Malaysia melalui kadar upah tinggi yang dibawa pulang dan dilabur serta disimpan di Malaysia, di Johor Bahru.

Kedua, kita juga tidak boleh beranggapan bahawa penghijrahan setiap hari ini akan berkekalan. Hal ini kerana ekonomi Johor sendiri sedang menuju ke arah ekonomi bernilai tambah tinggi terutamanya di Wilayah Iskandar Malaysia. Akibat daripada pelaburan domestik dan pelaburan langsung asing yang pesat, pelbagai peluang pekerjaan kemahiran tinggi dan berteknologi moden sedang dan akan terus dihasilkan di Johor. Contohnya, Iskandar Malaysia memerlukan 73,000 bakat baru dan sebanyak 123,000 pekerja berkemahiran dan pekerja separuh mahir. Dalam sedikit masa lagi semua ini akan dapat membuka ruang dan minat rakyat Malaysia untuk kembali ke tanah air dan menyumbang kepada ekonomi Johor. Dan mungkin, satu ketika nanti rakyat Singapura pula yang akan masuk ke Johor untuk mendapat peluang pekerjaan (Dewan bertepuk) dan sebagainya.

Hal ini dikukuhkan lagi dengan peningkatan bilangan syarikat dari Singapura yang memilih untuk berpindah ke Iskandar Malaysia disebabkan kos tanah dan utiliti yang semakin mahal di Singapura. Singapura mempunyai hampir 8,500 syarikat multinasional yang beroperasi di sana. Untuk semua syarikat berkembang dengan lebih besar dan utuh mereka memerlukan ruang dan Johor pasti adalah pilihan yang terbaik. Kerana itu, kita giat membangunkan pelbagai prasarana penting untuk menarik pelaburan di kawasan Iskandar tetapi apa yang ingin saya tegaskan sama ada pekerja itu bekerja di Malaysia atau Singapura tidak harus menjadi kebimbangan, kerana kedua-dua negara mempunyai potensi ekonomi yang sangat meyakinkan. Singapura dan Johor adalah daerah ekonomi yang saling melengkapi. Dan, berhubung dengan keselesaan serta kelancaran prosedur Imigresen dan kawalan sempadan apa yang boleh saya nyatakan ialah bahawa kedua-dua negara sentiasa berunding untuk mencari jalan dan mengatasi isu-isu dan masalah-masalah yang terdapat dalam soal tersebut. Malah di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Najib Tun Razak hubungan dua hala kita dengan negara jiran Singapura adalah semakin baik. Tidak seperti dahulu. Zaman siapa, kita pun tahu. Jadi, saya tidak, saya sendiri tidak faham apakah sebenarnya yang dikhuatiri oleh pembangkang dalam isu ini. Cuma, sekali lagi kita dapat melihat sikap mereka semua dan bertapa tidak wujudnya kesepakatan di bawah pakatan mereka. Bila kita mahu tubuhkan Jawatankuasa Khas untuk melakukan persediaan ekonomi masa hadapan, pembangkang tak mahu dan kata tak perlu. Bila kita biarkan warga kita bergerak ke Singapura untuk mencari rezeki lebih, pun dikatakan perkara yang buruk. Jadi, apa pelan pembangkang untuk ekonomi masa hadapan kita? Dan, yang lebih penting adakah ini bermakna, jika pembangkang mentadbir Johor, *cross border* ekonomi ini sudah tidak lagi akan berlaku.

Tan Sri Speaker, seterusnya saya merujuk kepada pertikaian oleh Jementah, berhubung kedudukan kewangan kerajaan negeri serta peningkatan jumlah perbelanjaan. Pertama, harus ditekankan bahawa kedudukan surplus atau lebihan, bukan matlamat utama dalam pengurusan kewangan kerajaan negeri. Kewangan kerajaan negeri adalah berbeza dengan syarikat korporat yang berorientasikan keuntungan. Kestabilan fiskal adalah matlamat yang lebih penting bagi kemandirian, kekuatan dan kejayaan pengurusan kewangan kerajaan. Kita lebih cenderung memastikan bahawa hasil yang diperolehi kerajaan dapat dimanfaatkan semula oleh rakyat. Khususnya, menerusi sistem perkhidmatan terbaik, pembangunan negeri yang inklusif dan peningkatan kesejahteraan rakyat. Malah secara teknikalnya, pembentangan bajet yang terlalu terikat dan berkiblatkan sasaran bajet-bajet berimbang, dikhuatiri akan menyebabkan kedudukan kewangan negeri menjadi tidak mapan. Akibat, tiadanya rizab yang mantap untuk menghadapi cabaran masa hadapan.

Kerana itulah, kerajaan negeri Johor tidak menjadikan kedudukan berimbang atau surplus sebagai matlamat utama dalam pengurusan kewangan. Sebaliknya, kita mengambil pendekatan amalan terbaik dalam pengurusan kewangan awam iaitu ke arah bajet berimbang secara struktur atau *structurally balanced budget,* dengan izin. Melalui pendekatan ini, tumpuan kita lebih kepada pengurangan perbelanjaan berulang dan bukannya perbelanjaan keseluruhan.

Kedua, kekukuhan kewangan kerajaan negeri, tidak boleh dilihat menggunakan kaedah bandingan, kerana ia tidak mengambil kira struktur hasil dan perbelanjaan. Hasil tertinggi dalam rekod yang pernah dicatat oleh kerajaan negeri Johor adalah pada tahun 2013 iaitu RM1.73 bilion. Ia adalah disebabkan peningkatan mendadak

daripada punca hasil tidak berulang atau dengan izin *one-off* atau *non-recurring*. Manakala, hasil-hasil kerajaan negeri pada tahun 2014, 2015 dan 2016 adalah pada tahap yang lebih mapan dan bukannya menurun sekalipun secara angkanya adalah lebih rendah berbanding dengan hasil pada tahun 2013.

Jadi, apakah cara terbaik kita menilai kedudukan kewangan kita? Tumpuan perlu diberikan kepada peningkatan surplus terkumpul yang telah meningkat daripada RM485.27 juta pada tahun 2013, kepada RM1.2 bilion pada 31 Disember 2016. Surplus terkumpul inilah yang menyumbang kepada peningkatan berterusan rizab negeri. Rizab negeri ini penting sebagai penampan kepada risiko masa hadapan. Ia merupakan tanda aras utama dalam menentukan pencapaian ke arah memastikan matlamat bajet berimbang secara struktur itu tercapai. Jadi, secara asasnya, peningkatan perbelanjaan ini bukanlah sesuatu yang buruk kerana ia masih dalam paras kemampuan kerajaan. Malah selama 7 tahun berturut-turut perbelanjaan kerajaan negeri Johor, telah dipastikan tidak melebihi hasil yang diperolehi.

Ketiga, peningkatan perbelanjaan kerajaan negeri tidak boleh digambarkan sebagai negatif secara automatik. Ini disebabkan oleh beberapa pertimbangan. Pertama, perbelanjaan kerajaan lebih berfokus kepada penyampaian perkhidmatan terbaik. Merangsang ekonomi, meningkatkan pembangunan dalam negeri dan menjamin kesejahteraan rakyat. Kedua, perbelanjaan keseluruhan meningkat kerana peningkatan caruman atau peruntukan Kumpulan Wang Perbelanjaan Pembangunan. Misalnya pada tahun 2013, daripada peningkatan perbelanjaan sebanyak RM196.62 juta berbanding tahun 2012, RM181.81 juta daripadanya atau bersamaan 96.03% adalah disebabkan peningkatan caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Iaitu, kumpulan wang yang digunakan untuk membiayai projek-projek dan program-program pembangunan negeri.

Dalam tahun 2014, hal yang sama dapat dilihat, di mana 75% daripada jumlah peningkatan perbelanjaan, sebanyak RM73.46 juta adalah disebabkan peningkatan caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Pada tahun 2015, RM109.53 juta atau bersamaan 52% peningkatan perbelanjaan, adalah atas sebab yang sama. Dan bagi tahun 2016, peningkatan caruman Kumpulan Wang Pembangunan adalah sebanyak 67% daripada kenaikan sebanyak RM148 juta atau bersamaan dengan RM99.51 juta. Jadi, secara asasnya, perlu difahami bahawa sekali pun perbelanjaan keseluruhan kerajaan negeri Johor meningkat, tetapi ia disebabkan oleh peningkatan peruntukan atau caruman kepada perbelanjaan pembangunan.

Lebih membanggakan, di sebalik peningkatan caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan ini, kita turut berjaya mengecilkan jumlah perbelanjaan mengurus. Ini secara tidak langsung membuktikan, bahawa pengurusan perbelanjaan kerajaan negeri, bukan sahaja pro rakyat malah amat berhemah. Jadi, kepada Jementah dan semua wakil pembangkang, saya minta maaflah secara terbuka jika hasil dan pendapatan kerajaan negeri yang banyak ini, kita gunakan untuk pembangunan yang memberi manfaat kepada rakyat (Dewan bertepuk). Saya minta maaf jika kerajaan negeri mengambil pendekatan memulangkan kembali hasil kerajaan kepada rakyat yang memerlukan. (Dewan bertepuk). Apa yang pasti, biar apa pun pertikaian Yang Berhormat dari pembangkang, saya berikrar dan nekad, saya tidak akan sesekali teragak-agak untuk membelanjakan hasil kerajaan jika ia akhirnya memberi manfaat kepada rakyat negeri Johor (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berdasarkan sesi perbahasan kali ini, saya akui banyak saranan penting yang boleh dipertimbangkan oleh kerajaan negeri. Namun, seperti selalu, pastinya akan ada juga segelintir dari kita, yang akan tidak jemu dan malu untuk menggunakan kesempatan ini bagi mempamerkan ketidakmatangan serta ketidakmahuan mereka melihat Johor berjaya. Lebih penting, kita masih lagi tidak dapat melihat dan mendengar apakah hala tuju dan pendirian pembangkang dalam pelbagai isu-isu dan dasar penting. Misalnya, apakah pelan dan rancangan mereka untuk membantu memantapkan pendidikan serta sekolah agama. Pemerkasaan bahasa Melayu, galakkan untuk orang Melayu tinggal di bandar, pembinaan projek mega yang memberikan lonjakkan dan citra baru untuk Johor. Kepada kesemua isu ini, tidak menyaksikan wujudnya pendirian yang jelas dari pembangkang. Malah, saya tidak lihat seorang pun wakil pembangkang yang tampil dengan pelan alternatif yang konkrit, bagaimana untuk mereka menerus dan menguruskan projek hartanah mega di Johor seperti Forest City yang mereka kecam selama ini.

Saya mahu tahu, adakah jika mereka memerintah, mereka akan menghalang ratusan ribu rakyat Malaysia untuk bekerja di Singapura? Dan saya juga mahu tahu, apa pelan dan strategi mereka untuk memelihara dan meningkatkan jumlah rizab Melayu di Johor? Semua ini tidak pernah mereka hujahkan, yang pernah kita dengar dalam sidang sebelum ini. Pembangkang memang hanya ada menyimpan hasrat untuk menutup sahaja Pengerang dan projek RAPID yang sedang rancak berjalan di sana. Sebab itulah saya tidak teragak-agak mengatakan sebelum ini bahawa dalam Dewan ini, ada 3 golongan Wakil Rakyat. Pertama, mereka yang sentiasa merancang dan terus berusaha keras untuk memastikan Johor berjaya dan berkemajuan. Mereka inilah yang amat saya hargai dan raikan. (Dewan bertepuk). Kedua, mereka yang tidak mengendahkan segala usaha baik tersebut, dan tidak mahu pun terlibat sama dengan sebarang ikhtiar menjadi Johor berjaya. Saya tidak ada apa-apa komen terhadap golongan ini. Dan yang ketiga, mereka yang bercakap sewenang-wenangnya. Mereka yang berfikiran toksik, mereka yang bukan sahaja tidak mahu bersama-sama menyumbang sebaliknya bersungguh-sungguh pula berusaha memburukkan segala tindakan kita. Sehinggakan ada kalanya mereka kelihatan seolah-olah mahu melihat Johor ini gagal dan terkebelakang. Tetapi kita tidak perlu risau kerana golongan seperti ini adalah sedikit..

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

YB Datuk Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Peraturan Tetap 45, tak boleh disampuk, kecuali menyalahi peraturan.

YB Speaker : Ok

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Walaupun Menteri Besar adalah Ketua Kerajaan

YB Speaker : Sudah…

YB Datuk Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker..

YB Speaker : Duduklah…

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Walaupun Menteri Besar adalah Ketua Kerajaan, harap jangan membuatlah serangan peribadi.

YB Datuk Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Skudai tak ikut peraturan. Tak boleh disampuk. Ikut Peraturan 45, Perkara 2

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : 45 (13).

YB Speaker : Ok semua sekali Yang Berhormat

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Sebenarnya Ketua Kerajaan itu sepatutnya menjadi tauladan..

YB Speaker : Saya fahamlah Yang Berhormat Skudai. Saya lebih faham daripada *you* tentang peraturan. Sila Yang Amat Berhormat, sila.

YAB Menteri Besar : Ok lah Tan Sri Speaker, saya pun dah nak akhir ni. Jadi, sebelum berakhir, saya ingin bercerita tentang burung gagak. Saya tak cakap oranglah, cakap gagak. (Dewan ketawa). Jadi gagak tak ada wakil kat sini. Burung gagak ini warnanya hitam, tetapi itu tidak bermakna ia kotor. Itu sudah fitrah. Walau dimandikan dengan susu seperigi sekalipun, ia akan tetap hitam. Namun, tabiat burung gagak yang suka menyelongkar sampah mencari benda kotor dan memakan bangkai itu, bukan fitrah. Itu adalah kelaziman yang dipupuk oleh gagak itu sendiri. Maklumlah untuk mendapat makanan yang bersih yang segar, ia adalah pekerjaan yang sukar. Ia memenatkan, ia memerlukan usaha. Ia memakan masa dan ia menuntut kesabaran. Jadi, sebagai jalan pintas, gagak memilih untuk makan sahaja sampah dan bangkai di jalanan.

Demikianlah juga dengan kita dalam konteks pembinaan negeri dan pembinaan bangsa ini. Sang pemimpin dan Wakil Rakyat ini fitrah asalnya adalah menyumbang, dan berusaha keras demi membawa kebaikan kepada tanah air dan masyarakat. Namun, ramai yang tidak sanggup bekerja keras, berusaha dan mengerah keringat mencari pembaharuan dan membawa kemajuan. Maka sebagai jalan pintas, mereka memilih jalan mudah dengan sekadar mencari-cari kelemahan, menyelongkar perkara-perkara busuk dan tidak baik tentang negeri dan negara sendiri, lalu di jaja ke sana sini. Sebab itulah, dalam seruan *Team* Johor, saya mengajak semua pihak memandang ke hadapan. Memandang perkara positif, dan seterusnya berusaha bersama-sama memajukan negeri ini walau kita berbeza pendapat dan pendirian. Jangan kita menjadi mereka yang prejudis. Jangan kita menjadi mereka yang sombong, jangan kita menjadi mereka yang hidupnya bersandarkan gosip dan cakap-cakap kosong. Dan yang lebih penting, jangan sampai kita menjadi seperti gagak, menyelongkar sampah dan memakan bangkai. Jadi dengan itu, saya menyokong usul ini. Terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Speaker : Terima kasih Yang Amat Berhormat. Demikianlah ucapan, jawapan dan penggulungan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam rundingan menjunjung kasih atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor suatu ucapan menjunjung kasih sebagaimana berikut; 'Ampun Tuanku, adalah patik Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Negeri yang bersidang pada hari ini mengambil ketetapan menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas keberangkatan Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor, wakil rasmi Duli Yang Mulia Sultan Johor ke Dewan yang mulia ini dan seterusnya bertitah merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Kelima Dewan Negeri Johor yang Ke-13.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

Jurutulis : RUNDINGAN MENGENAI PEMILIHAN AHLI DEWAN NEGARA.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, pemilihan Ahli Dewan Negara ini adalah menurut Perkara 45, Jadual Ketujuh Perlembagaan Persekutuan berikutan kekosongan satu kerusi Ahli Dewan Negara yang dipilih oleh Dewan Negeri Johor. Dengan demikian, cadangan itu hendaklah disokong dan disertakan dengan kenyataan bertulis yang ditandatangani oleh calon berkenaan menyatakan kesanggupannya berkhidmat jika dipilih dan cadangan itu tidaklah perlu dibahas. Yang Amat Berhormat, sila kemukakan cadangan sekarang.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Encik Zahari bin Sarip dipilih oleh Dewan ini menjadi Ahli Dewan Negara bagi tempoh tiga tahun. (Dewan bertepuk).

Encik Zahari bin Sarip, 50 tahun merupakan anak jati kelahiran daerah Segamat, Johor dan kini memegang jawatan sebagai pegawai khas kepada Menteri Kesihatan Malaysia. Sebelum itu, beliau merupakan pegawai khas kepada Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia. Berkelulusan Diploma Perguruan dan kini sedang melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana Eksekutif dalam bidang pengurusan. Beliau pernah menjawat jawatan sebagai guru di Segamat serta menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dari Kementerian Pelajaran bagi tahun 1996, 2004 dan 2013.

Encik Zahari mula berkecimpung secara serius dalam bidang politik sejak 1990 apabila menyandang jawatan Setiausaha UMNO Cawangan Kampung Kenangan, Segamat. Dan kini beliau merupakan Ketua UMNO Bahagian Segamat merangkap Pengerusi Barisan Nasional serta Ahli Jawatankuasa Badan Perhubungan UMNO Johor. Selain jawatan dalam politik, Encik Zahari juga turut memegang jawatan dalam beberapa badan bukan kerajaan. Antaranya sebagai Presiden Persatuan Hoki Daerah Segamat, Pengerusi Alumni 4B Segamat, Penasihat Persatuan Guru-Guru Melayu Parlimen Segamat serta Penaung Persatuan Belia Melayu Baru Taman Yayasan, Segamat. Dalam sektor swasta, beliau menjawat jawatan sebagai Pengerusi RISDA Catering and Event Sdn. Bhd. dan Penasihat Kluster FGV FELDA Pro Data System Sdn. Bhd. Beliau telah berkahwin dan dikurniakan dengan tiga cahaya mata.

Dan dengan ini saya serahkan pengakuan bertulis yang telah pun ditandatangani oleh calon yang saya cadangkan itu.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini telah menerima rundingan tersebut yang telah pun disokong. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

Dengan demikian, saya isytiharkan bahawa Encik Zahari bin Sarip adalah dipilih Dewan ini menjadi Ahli Dewan Negara bagi tempoh selama tiga tahun. (Dewan bertepuk). Saya bagi pihak Dewan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah

kepada Encik Zahari bin Sarip. Semoga beliau dapat menumpukan khidmatnya kepada rakyat dan negeri Johor sebagai Ahli Dewan Negara.

YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Tangkak mohon membawa satu rundingan untuk meminda Peraturan Tetap.

YB Speaker : Jemput.

YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Bagi memudahkan kesemua Ahli-Ahli Dewan Negeri dalam menjalankan tugas dan mendapat maklumat kerajaan negeri yang betul.

YB Speaker : YB, ada sokongan atas rundingan ini?

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon sokong rundingan tersebut.

YB Speaker : Ok, jemput.

YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Bagi memudahkan kesemua Ahli-Ahli Dewan Negeri dalam menjalankan tugas dan mendapatkan maklumat kerajaan negeri dengan betul, Tangkak bercadang supaya jawapan-jawapan daripada Yang Amat Berhormat dan Ahli-Ahli EXCOnya kepada soalan-soalan yang dibangkit dalam setiap Persidangan Dewan Negeri dibekalkan kepada semua Ahli-Ahli Dewan Negeri. Cadangan ini bukan sahaja boleh memudahkan kerja-kerja Ahli-Ahli Dewan Negeri tetapi juga akan mengurangkan beban kerja penjawat awam dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar serta pasukan EXCOnya kerana mereka tidak perlu berulang menjawab soalan-soalan...

YB Speaker : Yang Berhormat Tangkak, Yang Berhormat tak boleh terus kepada isi, Yang Berhormat patutnya mencadangkan supaya Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri, Bilangan 30 dalam Perkara 2 itu dulu dipinda baru perkara yang berikut yang seperti Yang Berhormat nyatakan itu dapat dilaksanakan. Jadi Yang Berhormat kena sebut tu, pinda Perkara 30 (2). Kalau tak, dari mana nak kita ambil sebagai kekuatan kepada usul ini. Sebab tu, nak bawa usul kena hati-hati sikit Yang Berhormat. Jemput.

YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Ok, terima kasih.

YB Speaker : Baik Speaker ni tau bagi peluang (Dewan ketawa). Jemput.

YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Ya betul. Terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Jadi Tangkak memohon meminda Peraturan Tetap Dewan Negeri Johor 30(2) dan juga Bilangan 25(2) (i), maaf, yang menambah satu fasal kecil kepada Bilangan 27 iaitu berbunyi, 'Jawapan-jawapan kepada soal-soal dalam Persidangan Dewan Negeri perlu dibekalkan kepada semua Ahli-Ahli Dewan Negeri Johor'. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

YB Speaker : Itu aje? Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rundingan itu tidak dipersetujukan.

YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker...

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, minta kira undi.

YB Speaker : Jemput Tangkak.

YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Ya. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Tangkak ingin memohon membawa satu lagi rundingan.

YB Speaker : Jemput.

YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Untuk meminda, Tangkak mencadang untuk menyediakan siaran langsung perjalanan mesyuarat pada setiap Persidangan Dewan Negeri Johor. Terima kasih.

YB Speaker : Ok.
YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Tan Sri Speaker...

YB Speaker : Sokong ye.

YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) : Saya Bekok menyokong rundingan ini.

YB Speaker : Yang Berhormat Tangkak, sila kalau ada...

YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) : Ok, memandangkan negeri Johor dan juga Malaysia sebagai satu negeri atau negara yang mengamalkan prinsip demokrasi iaitu kuasa-kuasa kerajaan ataupun kuasa negeri dibahagiankan kepada perundangan, kehakiman dan eksekutif, jadi Persidangan Dewan Negeri yang dianggotai oleh wakil yang dipilih oleh rakyat adalah merupakan sebahagian dari proses tersebut. Oleh itu, rakyat berhak untuk mengambil tahu akan perjalanan Persidangan. Dengan ini, Tangkak memohon Dewan yang mulia ini meluluskan sejumlah perbelanjaan yang munasabah bagi menyediakan sebarang peralatan untuk membuat siaran langsung perjalanan Persidangan Mesyuarat Dewan Negeri Johor. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat Tangkak, cuma saya membuat sikit pembetulan. Demokrasi negara ni tidak disebabkan oleh siaran langsung. Kita punya cara memang demokrasi. Langsung tak langsung tidak ada kaitan dengan cara pemerintahan demokrasi negara ini. Yang sama-sama kita faham. Yang Berhormat faham? Ok. Ahli-Ahli Yang Berhormat, rundingan dikemukakan...

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, boleh tak mohon untuk membahaskan rundingan ini?

YB Speaker : Dah bahaslah ni. Yang Berhormat Mengkibol, ini dah bahaslah maknanya. Dah dibawa oleh Tangkak, telah dibahaskan pun oleh Tangkak, sudah dibahaskan. Sekarang keputusan sayalah.

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

YB Speaker : Yang Berhormat....

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, maksud saya...

YB Speaker : Yang Berhormat, sila duduk...

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Maksud saya adalah...

YB Speaker : Sudah dibahaskan. Saya benarkan hanya seorang, dia telah pun membuat penerangan jadi sekarang saya ambil keputusanlah. Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Rundingan itu jemput angkat tangan. Rundingan itu tidak dipersetujukan. Soal majoriti suara.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebelum lagi macam-macam rundingan, saya nak mohon membawa rundingan supaya Dewan ini ditangguhkan. (Dewan bertepuk).

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya memohon menyokong rundingan ini.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Tan Sri Speaker, sebelum rundingan ini ditangguhkan ..... Speaker, saya minta membawa satu rundingan di bawah peraturan tetap 32(8) supaya satu rundingan dibawa dengan sokongan 10 Ahli Dewan Negeri...

YB Speaker : Rundingan apa Yang Berhormat?

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Saya akan sebut.

YB Speaker : Ya?

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Berasaskan huraian Menteri Besar dan juga semangat Bangsa Johor adalah amat dikesali bahawa projek perjanjian Bandar Malaysia ini kita tidak berjaya khasnya dari pihak kepentingan rakyat Johor...

YB Speaker : Yang Berhormat...

YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Dah tangguh, dah tangguh.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Amat Berhormat Menteri Besar dah jawab tadi *detail*...

YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ini apa ini? Dah jawab.

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Saya nak membentangkan, sebenarnya Menteri Besar bersetuju dengan huraian saya, bersetuju dengan huraian Menteri Besar amat dikesali bahawa....

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Dewan dah ditangguhkan. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun dah jawab *detail.*

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Belum tangguh lagilah, Speaker pun belum cakap tangguhkan mesyuarat, jangan cakap tangguhkan mesyuarat, belum ditangguhkan lagi mengikut Peraturan Mesyuarat. Skudai ada hak untuk mengemukakan rundingan. Mesti faham Peraturan Mesyuarat 32(8) ni. Mesti faham, fahamlah dulu. Baca kandungan mesyuarat terlebih dahulu sebelum berhujah.

YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Duduklah, Peraturan 46...

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Tan Sri Speaker, Yang Amat Berhormat dah jawab pasal Bandar Malaysia, kita tidak mahu Skudai kelirukan lagi.

YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) : Belum lagi, sabarlah Rengit.

YB Speaker : Ahli Yang Berhormat, Ahli-Ahli Yang Berhormat...

YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) : Tan Sri Speaker, saya memohon...

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) : Duduk, semua duduk.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat baca ini tak? Yang Berhormat baca ini tak?

YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ada, ada.

YB Speaker : Apabila Speaker cakap, duduklah Skudai. Yang Berhormat Skudai, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam penggulungan telah pun menyentuh soal yang dibangkit oleh Yang Berhormat Skudai. Saya tak boleh nak memaksa Yang Amat Berhormat Menteri Besar kena jawab satu persatu, cantum-cantumkan perkara. Yang Amat Berhormat dalam fahaman saya telah pun menjawab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Skudai. Sama ada Skudai puas hati, tak puas hati, itu soal lain. Tapi sebagai ketua kerajaan, sentuhan Skudai telah pun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya Speaker, puas hati. Ya, sila.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini ditangguhkan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon menyokong rundingan itu. (Dewan bertepuk).

YB Speaker : Sebelum saya menangguhkan Persidangan ini, dijemput semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan dan semua yang hadir untuk jamuan tengah hari yang disediakan di Dewan Bankuet. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini saya tangguhkan hingga ke satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari.

PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:

Jurutulis
Cik Shubanah binti Yusuf

Penolong Jurutulis
Tuan Haji Mohd Nazid bin Jasiman
Puan Farrah Diana binti Mohammad

Koordinator
Puan Asiah binti Moklis

Ketua Unit Dewan
Puan Norliza binti Md. Aris

Pembantu Penerbitan
Puan Malina binti Mohd Nasir
Puan Noraisah binti Mohd Yusof
Encik Ariff bin Abu Bakar

Pembantu Operasi (Bentara)
Encik Razine bin Sulaiman
Encik Hamdan bin Markom
Encik Mohd Hassan bin Jamian
Encik Norhayadi bin Hussien
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi
Encik Mohd Norazri bin Kasim
Encik Mohd Sapri bin Manan

Setiausaha Pejabat (Pelapor Dewan)
Puan Hajah Zalinah binti Ali
Puan Hajah Azlin binti Bahrin
Puan Junaidah binti Paing
Puan Suriati binti Abd. Hajar
Puan Hajah Haironisha binti Zainal Abidin
Puan Hajah Saniah binti Kassim
Puan Rumiah binti Semirono
Puan Noor Dalilah binti Dahalan
Puan Hajah Rahimah binti Akbar
Puan Norazilawati binti Masri
Puan Norlydialina binti Ithnin
Puan Norhafizah binti Osman
Cik Nor Adeliah binti Abidi
Puan Raihanah binti Ismail

Rakaman
Encik Nor Risam bin Esa
Encik Azizan bin Md. Sidi

Juruaudio Video
Encik Noorazhan bin Mohd Salleh

Juruteknik Komputer
Encik Mohd Faizal bin Jaafar

UNIT DEWAN
PEJABAT JURUTULIS
DEWAN NEGERI JOHOR
15 MEI 2017